



PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

CETAKAN SEMULA

Sebagaimana pada 1 November 2010

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi Federal Constitution. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sah di bawah Perkara 160B Perlembagaan Persekutuan, teks ini bukan perundangan.

DICETAK DENGAN PERSETUJUAN
YANG DI-PERTUAN AGONG
MENURUT PERKARA 160A
PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

- Pertama kali diperkenalkan sebagai Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada Hari Merdeka 31 Ogos 1957
- Kemudiannya diperkenalkan sebagai Perlembagaan Malaysia pada Hari Malaysia 16 September 1963
- Kali terakhir dipinda melalui Akta A1320 yang mula berkuat kuasa pada 27 Disember 2007
- Teks Perlembagaan Persekutuan diterjemahkan pada tahun 1963. Kemudiannya, teks terjemahan Perlembagaan Persekutuan telah diterbitkan pada tahun 1972. Pada 29 September 2003 Majlis Pelancaran Perlembagaan Persekutuan Teks Bahasa Kebangsaan oleh Yang di-Pertuan Agong telah diadakan dan seterusnya teks terjemahan Perlembagaan Persekutuan telah diterbitkan pada tahun 2003.

CETAKAN SEMULA TERDAHULU

Cetakan Semula Pertama 2006

KANDUNGAN

	MUKA SURAT
SUSUNAN PERKARA	5 - 17
PERLEMBAGAAN	19 - 241
SENARAI PINDAAN	242 - 247
SENARAI PERKARA YANG DIPINDA	248 - 264

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

CATATAN:

Catatan yang dicetak dalam cetakan kecil pada halaman tidak bernombor tidak menjadi sebahagian daripada teks sahih. Catatan itu bertujuan untuk membantu pembaca dengan menyatakan kronologi pindaan utama kepada Perlembagaan Persekutuan dan atas sebab editorial, Catatan itu disediakan dalam format ini.

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

SUSUNAN PERKARA

BAHAGIAN I

NEGERI-NEGERI, AGAMA DAN UNDANG-UNDANG BAGI PERSEKUTUAN

Perkara

1. Nama, Negeri-Negeri dan wilayah-wilayah Persekutuan
2. Penerimaan masuk wilayah-wilayah baru ke dalam Persekutuan
3. Agama bagi Persekutuan
4. Undang-undang utama Persekutuan

BAHAGIAN II

KEBEBASAN ASASI

5. Kebebasan diri
6. Keabdian dan kerja paksa dilarang
7. Perlindungan daripada undang-undang jenayah kuat kuasa ke belakang dan perbicaraan berulang
8. Kesamarataan
9. Larangan buang negeri dan kebebasan bergerak
10. Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan
11. Kebebasan beragama
12. Hak berkenaan dengan pendidikan
13. Hak terhadap harta

BAHAGIAN III

KEWARGANEGARAAN

Bab 1—Pemerolehan Kewarganegaraan

14. Kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang

Perkara

15. Kewarganegaraan melalui pendaftaran (isteri dan anak warganegara)
- 15A. Kuasa khas untuk mendaftarkan kanak-kanak
16. Kewarganegaraan melalui pendaftaran (orang yang dilahirkan di Persekutuan sebelum Hari Merdeka)
- 16A. Kewarganegaraan melalui pendaftaran (orang yang bermastautin di Negeri Sabah dan Sarawak pada Hari Malaysia)
17. *(Kewarganegaraan melalui pendaftaran (orang yang bermastautin di Persekutuan pada Hari Merdeka)—Dimansuhkan)*
18. Peruntukan am tentang pendaftaran
19. Kewarganegaraan melalui penaturalisasian
- 19A. *(Pemindahan kewarganegaraan ke Singapura atau dari Singapura—Dimansuhkan)*
20. *(Naturalisasi bagi anggota-anggota angkatan Persekutuan—Dimansuhkan)*
21. *(Peruntukan am tentang naturalisasi—Dimansuhkan)*
22. Kewarganegaraan melalui penggabungan wilayah

Bab 2—Penamatan Kewarganegaraan

23. Pelepasan kewarganegaraan
24. Pelucutan kewarganegaraan kerana memperoleh atau menggunakan kewarganegaraan asing, dsb.
25. Pelucutan kewarganegaraan melalui pendaftaran di bawah Perkara 16A atau 17 atau melalui penaturalisasian
26. Peruntukan lain bagi melucutkan kewarganegaraan melalui pendaftaran atau penaturalisasian
- 26A. Pelucutan kewarganegaraan anak orang yang hilang kewarganegaraannya
- 26B. Peruntukan am tentang kehilangan kewarganegaraan
27. Tatacara bagi pelucutan
28. Pemakaian Bab 2 bagi warganegara tertentu melalui kuat kuasa undang-undang
- 28A. Pelucutan kewarganegaraan orang yang menjadi warganegara pada Hari Malaysia

Bab 3—Tambahan

29. Kewarganegaraan Komanwel
30. Perakuan Kewarganegaraan

Perkara

- 30A. (*Hak mengundi, dsb., bagi warganegara Singapura dan warganegara lain—Dimansuhkan*)
- 30B. (*Perhubungan tentang kewarganegaraan antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan Singapura—Dimansuhkan*)
- 31. Pemakaian Jadual Kedua

BAHAGIAN IV

PERSEKUTUAN

Bab 1—Ketua Utama Negara

- 32. Ketua Utama Negara bagi Persekutuan, dan Isterinya
- 33. Timbalan Ketua Utama Negara bagi Persekutuan
- 33A. Yang di-Pertuan Agong hendaklah terhenti menjalankan fungsi Yang di-Pertuan Agong jika dipertuduh atas suatu kesalahan
- 34. Ketidakbolehan Yang di-Pertuan Agong, dsb.
- 35. Peruntukan Diraja bagi Yang di-Pertuan Agong dan Isterinya dan saraan Timbalan Yang di-Pertuan Agong
- 36. Mohor Besar
- 37. Sumpah jawatan bagi Yang di-Pertuan Agong

Bab 2—Majlis Raja-Raja

- 38. Majlis Raja-Raja

Bab 3—Badan Eksekutif

- 39. Kuasa eksekutif Persekutuan
- 40. Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat
- 41. Pemerintah tertinggi angkatan tentera
- 42. Kuasa pengampunan, dsb.
- 43. Jemaah Menteri
- 43A. Timbalan-Timbalan Menteri
- 43B. Setiausaha-Setiausaha Parlimen
- 43C. Setiausaha-Setiausaha Politik

Bab 4—Badan Perundangan Persekutuan

- 44. Keanggotaan Parlimen

Perkara

45. Keanggotaan Dewan Negara
46. Keanggotaan Dewan Rakyat
47. Kelayakan menjadi ahli Parlimen
48. Kehilangan kelayakan menjadi ahli Parlimen
49. Peruntukan melarang dua keahlian
50. Akibat kehilangan kelayakan, dan larangan mengenai penamaan atau pelantikan tanpa persetujuan
51. Pelepasan keahlian oleh ahli-ahli
52. Ketidakhadiran ahli
53. Keputusan tentang kehilangan kelayakan
54. Kekosongan di dalam Dewan Negara dan kekosongan luar jangka
55. Memanggil, memprorog dan membubarkan Parlimen
56. Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara
57. Yang di-Pertua dan Timbalan-Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat
58. Saraan Yang di-Pertua dan Timbalan-Timbalan Yang di-Pertua
59. Sumpah oleh ahli-ahli
60. Titah oleh Yang di-Pertuan Agong
61. Peruntukan khas tentang Jemaah Menteri dan Peguam Negara
62. Tatacara Parlimen
63. Keistimewaan Parlimen
64. Saraan ahli
65. Setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat

Bab 5—Tatacara perundangan

66. Penjalanan kuasa perundangan
67. Sekatan terhadap pembawaan Rang Undang-Undang dan pencadangan pindaan-pindaan yang melibatkan pencukaian, perbelanjaan, dsb.
68. Perkenan terhadap Rang Undang-Undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat sahaja

Bab 6—Keupayaan berkenaan dengan harta, kontrak dan guaman

69. Keupayaan Persekutuan berkenaan dengan harta, kontrak dan guaman

BAHAGIAN V

NEGERI-NEGERI

Perkara

70. Keutamaan Raja dan Yang di-Pertua Negeri
71. Jaminan Persekutuan terhadap Perlembagaan Negeri
72. Keistimewaan Dewan Undangan

BAHAGIAN VI

PERHUBUNGAN ANTARA PERSEKUTUAN DENGAN NEGERI-NEGERI

Bab 1—Pembahagian kuasa perundangan

73. Takat undang-undang persekutuan dan Negeri
74. Hal perkara undang-undang persekutuan dan Negeri
75. Ketidakselarasan antara undang-undang persekutuan dengan undang-undang Negeri
76. Kuasa Parlimen untuk membuat undang-undang bagi Negeri-Negeri dalam hal-hal tertentu
- 76A. Kuasa Parlimen untuk memperluas kuasa perundangan Negeri
77. Kuasa baki perundangan
78. Perundangan yang menyekat penggunaan sungai
79. Penjalanan kuasa perundangan bersama

Bab 2—Pembahagian kuasa eksekutif

80. Pembahagian kuasa eksekutif
81. Obligasi Negeri kepada Persekutuan

Bab 3—Pembahagian beban kewangan

82. Pembiayaan perbelanjaan yang berhubungan dengan perkara dalam Senarai Bersama

Bab 4—Tanah

83. Pengambilan tanah bagi maksud persekutuan
84. (*Pengembalian kepada Negeri tanah yang dipegang bagi maksud persekutuan—Dimansuhkan*)

Perkara

85. Pemberian kepada Persekutuan tanah yang dirizabkan bagi maksud persekutuan
86. Pelupusan tanah yang terletak hak pada Persekutuan
87. Pemutusan pertikaian tentang nilai tanah
88. Pemakaian Perkara 83 hingga 87 bagi Negeri yang tidak mempunyai Raja
89. Tanah simpanan Melayu
90. Peruntukan khas yang berhubungan dengan tanah adat di Negeri Sembilan dan Melaka, dan tanah pegangan Melayu di Terengganu
91. Majlis Tanah Negara

Bab 5—Pembangunan negara

92. Rancangan pembangunan negara

*Bab 6—Tinjauan Persekutuan, nasihat Persekutuan
kepada Negeri dan pemeriksaan Persekutuan
mengenai kegiatan Negeri*

93. Siasatan, tinjauan dan perangkaan
94. Kuasa Persekutuan berkenaan dengan rakyat Negeri
95. Pemeriksaan aktiviti Negeri

Bab 7—Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan

- 95A. Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan

Bab 8—Pemakaian bagi Negeri Sabah dan Sarawak

- 95B. Ubah suaian bagi Negeri Sabah dan Sarawak mengenai pembahagian kuasa perundangan
- 95c. Kuasa untuk memperluas kuasa perundangan atau eksekutif Negeri melalui perintah
- 95D. Negeri Sabah dan Sarawak terkeluar daripada kuasa Parlimen untuk meluluskan undang-undang seragam mengenai tanah atau kerajaan tempatan
- 95E. Negeri Sabah dan Sarawak terkeluar daripada rancangan negara bagi penggunaan tanah, kerajaan tempatan, pembangunan, dsb.

BAHAGIAN VII

PERUNTUKAN KEWANGAN

Bab 1—Am

Perkara

96. Tiada pencukaian melainkan jika dibenarkan oleh undang-undang
97. Kumpulan Wang Disatukan
98. Perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan
99. Penyata kewangan tahunan
100. Rang Undang-Undang Perbekalan
101. Perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan lebih
102. Kuasa membenarkan perbelanjaan masuk akaun atau bagi maksud yang tidak dinyatakan
103. Kumpulan Wang Luar Jangka
104. Pengambilan keluar daripada Kumpulan Wang Disatukan
105. Ketua Audit Negara
106. Kuasa dan tugas Ketua Audit Negara
107. Laporan Ketua Audit Negara
108. Majlis Kewangan Negara
109. Pemberian kepada Negeri
110. Penyerahhakan cukai dan fi kepada Negeri
111. Sekatan untuk meminjam
112. Sekatan ke atas perubahan dalam perjawatan Negeri

Bab 2—Pemakaian bagi Negeri Sabah dan Sarawak

- 112A. Pengauditan Negeri di Negeri Sabah dan Sarawak
- 112B. Kuasa meminjam bagi Negeri Sabah dan Sarawak
- 112C. Pemberian khas dan penyerahhakan hasil kepada Negeri Sabah dan Sarawak
- 112D. Kajian semula pemberian khas kepada Negeri Sabah dan Sarawak
- 112E. *(Perkiraan kewangan dengan Singapura—Dimansuhkan)*

BAHAGIAN VIII

PILIHAN RAYA

Perkara

113. Penjalanan pilihan raya
114. Keanggotaan Suruhanjaya Pilihan Raya
115. Bantuan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya
116. Bahagian pilihan raya persekutuan
117. Bahagian pilihan raya Negeri
118. Cara mencabar pemilihan
- 118A. Cara mempersoalkan petisyen pilihan raya mengenai tidak adanya pemilihan
119. Kelayakan pemilih
120. Pemilihan terus ke Dewan Negara

BAHAGIAN IX

BADAN KEHAKIMAN

121. Kuasa kehakiman Persekutuan
122. Keanggotaan Mahkamah Persekutuan
- 122A. Keanggotaan Mahkamah Rayuan
- 122AA. Keanggotaan Mahkamah Tinggi
- 122AB. Pelantikan pesuruhjaya kehakiman
- 122B. Pelantikan hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi
- 122C. Pertukaran hakim dari suatu Mahkamah Tinggi ke suatu Mahkamah Tinggi lain
123. Kelayakan hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi
124. Sumpah jawatan hakim-hakim
125. Tempoh jawatan dan saraan hakim Mahkamah Persekutuan
- 125A. Penjalanan kuasa oleh hakim-hakim
126. Kuasa menghukum kerana penghinaan
127. Sekatan mengenai perbincangan di dalam Parlimen tentang kelakuan hakim
128. Bidang kuasa Mahkamah Persekutuan

Perkara

- 129. *(Bidang kuasa khas Mahkamah Agung tentang tafsiran Perlembagaan—Dimansuhkan)*
- 130. Bidang kuasa nasihat Mahkamah Persekutuan
- 131. *(Rayuan daripada Mahkamah Persekutuan—Dimansuhkan)*
- 131A. Peruntukan berkenaan dengan ketidakupayaan, dsb. Ketua Hakim Negara, Presiden atau Hakim Besar

BAHAGIAN X

PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN AWAM

- 132. Perkhidmatan-perkhidmatan awam
- 133. Perkhidmatan bersama, dsb.
- 134. Peminjaman pegawai
- 135. Sekatan mengenai pembuangan kerja dan penurunan pangkat
- 136. Layanan saksama bagi pekerja Persekutuan
- 137. Majlis Angkatan Tentera
- 138. Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan
- 139. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
- 140. Suruhanjaya Pasukan Polis
- 141. *(Suruhanjaya Perkhidmatan Kereta Api—Dimansuhkan)*
- 141A. Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan
- 142. Peruntukan am yang berhubungan dengan Suruhanjaya
- 143. Syarat-syarat perkhidmatan anggota Suruhanjaya
- 144. Fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan
- 145. Peguam Negara
- 146. Laporan Suruhanjaya
- 146A. *(Cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan di Negeri-Negeri Borneo—Dimansuhkan)*
- 146B. *(Cawangan-cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam setiap Negeri Sabah atau Sarawak—Dimansuhkan)*
- 146C. *(Peruntukan tambahan tentang cawangan-cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam—Dimansuhkan)*
- 146D. Bidang kuasa Suruhanjaya Pasukan Polis ke atas anggota yang dipinjamkan daripada perkhidmatan Negeri di Negeri Sabah dan Sarawak
- 147. Perlindungan hak pencen
- 148. Tafsiran Bahagian X

BAHAGIAN XI

KUASA KHAS MENENTANG PERBUATAN
SUBVERSIF, KEGANASAN TERANCANG, DAN
PERBUATAN DAN JENAYAH YANG MEMUDARATKAN
ORANG AWAM DAN KUASA DARURAT

Perkara

- 149. Perundangan menentang perbuatan subversif, tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam, dsb.
- 150. Proklamasi darurat
- 151. Sekatan ke atas tahanan pencegahan

BAHAGIAN XII

AM DAN PELBAGAI

- 152. Bahasa kebangsaan
- 153. Perizaban kuota berkenaan dengan perkhidmatan, permit, dsb. bagi orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak
- 154. Ibu kota persekutuan
- 155. Persalingan Komanwel
- 156. Sumbangan bagi membantu kadar-kadar berkenaan dengan harta persekutuan dan Negeri
- 157. Perwakilan fungsi Negeri kepada suatu Negeri lain
- 158. *(Perkiraan dengan Brunei—Dimansuhkan)*
- 159. Pindaan Perlembagaan
- 159A. Perjalanan kuat kuasa peruntukan peralihan dalam Akta Malaysia
- 160. Tafsiran
- 160A. Cetakan semula Perlembagaan
- 160B. Teks sah

BAHAGIAN XIIA

PERLINDUNGAN TAMBAHAN BAGI
NEGERI SABAH DAN SARAWAK

- 161. Penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa ibunda di Negeri Sabah dan Sarawak
- 161A. Kedudukan istimewa anak negeri Negeri Sabah dan Sarawak

Perkara

- 161B. Sekatan ke atas peluasan kepada bukan pemastautin hak untuk menjalankan amalan di hadapan mahkamah di dalam Negeri Sabah dan Sarawak
- 161C. (*Pendidikan agama Islam di Negeri-Negeri Borneo—Dimansuhkan*)
- 161D. (*Kebebasan beragama—Dimansuhkan*)
- 161E. Perlindungan kedudukan dari segi perlembagaan mengenai Negeri Sabah dan Sarawak
- 161F. (*Penggunaan bahasa tidak rasmi di Dewan Undangan Negeri Singapura—Dimansuhkan*)
- 161G. (*Kedudukan istimewa orang Melayu di Singapura—Dimansuhkan*)
- 161H. (*Pemeliharaan kedudukan Singapura dari segi perlembagaan—Dimansuhkan*)

BAHAGIAN XIII

PERUNTUKAN SEMENTARA DAN PERALIHAN

- 162. Undang-undang yang sedia ada
- 163. (*Penerusan buat sementara Ordinan Peraturan-Peraturan Darurat 1948—Dimansuhkan*)
- 164. (*Fungsi sementara Majlis Perundangan—Dimansuhkan*)
- 165. (*Peruntukan sementara kewangan—Dimansuhkan*)
- 166. Pewarisan harta
- 167. Hak, liabiliti dan obligasi
- 168. (*Prosiding undang-undang—Dimansuhkan*)
- 169. Perjanjian, dsb., antarabangsa yang dibuat sebelum Hari Merdeka
- 170. (*Peruntukan sementara bagi orang yang layak mendaftar sebagai warganegara di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, Fasal 126—Dimansuhkan*)
- 171. (*Bahagian pilihan raya bagi pilihan raya pertama—Dimansuhkan*)
- 172. (*Mahkamah yang sedia ada—Dimansuhkan*)
- 173. (*Sementara menanti rayuan ke Majlis Privy—Dimansuhkan*)
- 174. (*Jawatan kehakiman dan Peguam Negara—Dimansuhkan*)
- 175. Pengarah Audit hendaklah menjadi Ketua Audit Negara yang pertama
- 176. Pertukaran pegawai
- 177. Mengetepikan atau menangguhkan sumpah jawatan jika pelantikan diteruskan di bawah Bahagian ini

Perkara

- 178. Saraan selepas Hari Merdeka
- 179. Sumbangan berkenaan dengan perkhidmatan bersama
- 180. Pemeliharaan pencen, dsb.

BAHAGIAN XIV

KECUALIAN BAGI KEDAULATAN, DSB., RAJA-RAJA

- 181. Kecualian bagi kedaulatan, dsb., Raja-Raja

BAHAGIAN XV

PROSIDING TERHADAP YANG DI-PERTUAN AGONG DAN RAJA-RAJA

- 182. Mahkamah Khas
- 183. Tiada tindakan boleh dimulakan terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja kecuali dengan keizinan Peguam Negara sendiri

JADUAL

Jadual Pertama—Sumpah Pemohon bagi Pendaftaran atau Penaturalisasian

Jadual Kedua—

- Bahagian I — Kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang bagi orang yang lahir sebelum Hari Malaysia
- Bahagian II — Kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang bagi orang yang lahir pada atau selepas Hari Malaysia
- Bahagian III — Peruntukan tambahan berhubung dengan kewarganegaraan

Jadual Ketiga—Pemilihan Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong

- Bahagian I — Pemilihan Yang di-Pertuan Agong
- Bahagian II — Pemilihan Timbalan Yang di-Pertuan Agong
- Bahagian III — Pemecatan Yang di-Pertuan Agong
- Bahagian IV — Am

Jadual Keempat—Sumpah Jawatan bagi Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong

- Bahagian I — Sumpah bagi Yang di-Pertuan Agong
- Bahagian II — Sumpah bagi Timbalan Yang di-Pertuan Agong
- Bahagian III — Terjemahan dalam bahasa Inggeris

Jadual Kelima — Majlis Raja-Raja

Jadual Keenam — Bentuk Sumpah dan Ikrar

Jadual Ketujuh — Pemilihan Ahli-Ahli Dewan Negara

Jadual Kelapan — Peruntukan yang hendaklah dimasukkan ke dalam Perlembagaan Negeri

- Bahagian I — Peruntukan tetap
- Bahagian II — Peruntukan sementara sebagai gantian bagi peruntukan dalam Bahagian I
- Bahagian III — Ubah suaian Bahagian I dan II berhubung dengan Melaka dan Pulau Pinang

Jadual Kesembilan — Senarai Perundangan

Jadual Kesepuluh — Pemberian dan Sumber Hasil yang Diserahkan kepada Negeri

- Bahagian I — Pemberian ikut kepala
- Bahagian II — Pemberian jalan Negeri
- Bahagian III — Sumber hasil yang diserahkan kepada Negeri
- Bahagian IV — Pemberian khas kepada Negeri Sabah dan Sarawak
- Bahagian V — Sumber tambahan hasil yang diserahkan kepada Negeri Sabah dan Sarawak

Jadual Kesebelas — Peruntukan Ordinan Tafsiran dan Fasal-Fasal Am 1948 (Ordinan Malayan Union No. 7 tahun 1948), yang Terpakai bagi Mentafsirkan Perlembagaan

Jadual Kedua Belas — (*Peruntukan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 sebagaimana yang terpakai bagi Majlis Perundangan selepas Hari Merdeka—Dimansuhkan*)

Jadual Ketiga Belas — Peruntukan yang berhubungan dengan Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya

- Bahagian I — Penetapan dan prinsip yang berhubungan dengan persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya
- Bahagian II — Tatacara bagi persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

BAHAGIAN I

NEGERI-NEGERI, AGAMA DAN UNDANG-UNDANG BAGI PERSEKUTUAN

Nama, Negeri-Negeri dan wilayah-wilayah Persekutuan

1. (1) Persekutuan dinamai Malaysia dalam bahasa Melayu dan dalam bahasa Inggeris.

(2) Negeri-Negeri Persekutuan terdiri daripada Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu.

(3) Tertakluk kepada Fasal (4), wilayah-wilayah bagi setiap Negeri yang disebut dalam Fasal (2) ialah wilayah-wilayah yang termasuk di dalam Negeri-Negeri itu sebaik sebelum Hari Malaysia.

(4) Wilayah bagi Negeri Selangor tidaklah termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang ditubuhkan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973 [*Akta A206*] dan Wilayah Persekutuan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan) 2001 [*Akta A1095*] dan wilayah bagi Negeri Sabah tidaklah termasuk Wilayah Persekutuan Labuan yang ditubuhkan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984 [*Akta A585*], dan kesemua Wilayah Persekutuan tersebut hendaklah menjadi wilayah-wilayah Persekutuan.

Penerimaan masuk wilayah-wilayah baru ke dalam Persekutuan

2. Parlimen boleh melalui undang-undang—

(a) menerima masuk Negeri-Negeri lain ke dalam Persekutuan;

(b) mengubah sempadan mana-mana Negeri,

tetapi undang-undang yang mengubah sempadan sesuatu Negeri tidak boleh diluluskan tanpa persetujuan Negeri itu (yang dinyatakan melalui undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri itu) dan Majlis Raja-Raja.

Agama bagi Persekutuan

3. (1) Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

(2) Di dalam tiap-tiap Negeri selain Negeri-Negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua agama Islam di Negerinya mengikut cara dan setakat yang diakui dan ditetapkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan, tertakluk kepada Perlembagaan itu, segala hak, keistimewaan, prerogatif dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua agama Islam, tidaklah tersentuh dan tercacat; tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang berkenaan dengannya Majlis Raja-Raja telah bersetuju bahawa perbuatan, amalan atau upacara itu patut diperluas ke seluruh Persekutuan, setiap Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua agama Islam membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya.

(3) Perlembagaan-Perlembagaan Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak hendaklah masing-masing membuat peruntukan bagi memberi Yang di-Pertuan Agong kedudukan sebagai Ketua agama Islam di Negeri itu.

(4) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini mengurangkan mana-mana peruntukan lain dalam Perlembagaan ini.

(5) Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.

Undang-undang utama Persekutuan

4. (1) Perlembagaan ini ialah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka yang tidak selaras dengan Perlembagaan ini adalah tidak sah setakat ketidakselarasan itu.

(2) Kesahan mana-mana undang-undang tidak boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 1

Perkara yang ada sekarang, tanpa Fasal (4), dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 4, berkuat kuasa dari 16-09-1963 (iaitu apabila Malaysia ditubuhkan). Perkara asal sebagaimana yang terdapat pada Hari Merdeka berbunyi seperti yang berikut:

“1. (1) Persekutuan hendaklah dikenali dengan nama Persekutuan Tanah Melayu (dalam bahasa Inggeris Federation of Malaya).

(2) Negeri-Negeri Persekutuan ialah Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Selangor dan Terengganu (yang dahulunya dikenali sebagai Negeri-Negeri Melayu) dan Melaka dan Pulau Pinang (yang dahulunya dikenali sebagai Negeri-Negeri Selat Melaka dan Pulau Pinang).

(3) Wilayah bagi setiap satu Negeri yang disebut dalam Fasal (2) ialah wilayah yang termasuk di dalam Negeri itu sebaik sebelum Hari Merdeka.”.

Fasal (2)

a. Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965 (iaitu tarikh Singapura meninggalkan Malaysia) meminda Fasal (2) dengan memotong daripadanya perenggan (c) yang berbunyi seperti yang berikut:

“(c) Negeri Singapura.”.

b. Fasal yang ada sekarang digantikan oleh Akta A354, seksyen 2, berkuat kuasa dari 27-08-1976. Fasal ini sebelum digantikan oleh Akta A354 dipinda oleh Akta 26/1963, seksyen 4, berkuat kuasa dari 16-09-1963 (iaitu apabila Malaysia ditubuhkan) berbunyi seperti yang berikut:

“(2) Negeri-Negeri Persekutuan terdiri daripada—

(a) Negeri-Negeri Tanah Melayu, iaitu, Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Selangor dan Terengganu;

(b) Negeri-Negeri Borneo, iaitu, Sabah dan Sarawak; dan

(c) Negeri Singapura.”.

Fasal (3)

Perkataan “Tertakluk kepada Fasal (4),” dimasukkan oleh Akta A206, seksyen 11, berkuat kuasa dari 01-02-1974.

Fasal (4)

a. Fasal asal yang ditambahkan oleh Akta A206, seksyen 11, berkuat kuasa dari 01-02-1974 (iaitu tarikh penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) berbunyi seperti yang berikut:

“(4) Wilayah bagi Negeri Selangor tidaklah termasuk Wilayah Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973.”.

b. Kemudiannya pula, Fasal ini dipinda oleh Akta A566, subseksyen 2(1), berkuat kuasa dari 01-02-1974, dengan memasukkan selepas angka “1973” perkataan “, dan Wilayah Persekutuan hendaklah dikira suatu wilayah di dalam Persekutuan.”.

c. Subseksyen 2(2) Akta A566 juga memperuntukkan mulai 01-02-1974 bahawa—

“Apa-apa sebutan dalam Perlembagaan dan mana-mana undang-undang bertulis lain mengenai Persekutuan, Malaya, Malaysia, Negeri-Negeri Persekutuan, Negeri-Negeri Tanah Melayu, atau Malaysia Barat, bagaimana jua pun digunakan, sama ada atau tidak digunakan berhubung dengan atau sebagai sebahagian daripada suatu ungkapan lain, hendaklah ditafsirkan termasuk suatu sebutan mengenai Wilayah Persekutuan, melainkan jika terdapat peruntukan nyata yang berlawanan atau terdapat sesuatu dalam perkara atau konteksnya yang tidak konsisten atau bertentangan dengan pentafsiran itu.”

d. Fasal ini digantikan oleh Akta A585, seksyen 11, berkuat kuasa dari 16-04-1984.

e. Fasal ini telah digantikan sekali lagi oleh Akta A1095, seksyen 11, berkuat kuasa dari 01-02-2001.

Per. 2

Lihat Per. 22, 113(3) & 159(4)(bb).

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 3

Fasal (2)

Perkataan “Negeri-Negeri yang tidak mempunyai Raja” menggantikan “Melaka dan Pulau Pinang” menurut Akta 26/1963, subseksyen 7(1), berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Fasal (3)

- a. Akta 26/1963, subseksyen 7(2), berkuat kuasa dari 16-09-1963, menggantikan “dan Pulau Pinang” dengan “Pulau Pinang dan Singapura”. Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965, memasukkan semula versi asal “dan Pulau Pinang”.
- b. Perkataan “Negeri-Negeri Melaka dan Pulau Pinang” digantikan dengan “Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak” oleh Akta A354, seksyen 3, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- c. *Lihat* Per. 5 Perlembagaan Negeri Melaka dan Pulau Pinang.

Fasal (5)

- a. Ditambahkan oleh Akta A206, seksyen 11, berkuat kuasa dari 01-02-1974.
- b. Perkataan “Wilayah Persekutuan” digantikan dengan “Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan” oleh Akta A585, seksyen 20, berkuat kuasa dari 16-04-1984.
- c. Perkataan “Kuala Lumpur dan Labuan” digantikan dengan “Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya” oleh Akta A1095, seksyen 12, berkuat kuasa dari 01-02-2001.

Per. 4

Fasal (1): Lihat Per. 159A.

Fasal (3)

Perkataan “dalam prosiding untuk mendapatkan suatu penetapan bahawa undang-undang itu adalah tidak sah atas alasan itu atau” dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 40, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Fasal (4)

- a. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 40, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. Perkataan “Agung” digantikan dengan perkataan “Persekutuan” oleh Akta A885, seksyen 2, berkuat kuasa dari 24-06-1994.

- (a) undang-undang itu mengenakan sekatan-sekatan ke atas hak yang disebut dalam Fasal (2) Perkara 9 tetapi tidak berhubungan dengan perkara-perkara yang disebut dalam Perkara itu; atau
- (b) undang-undang itu mengenakan mana-mana sekatan yang disebut dalam Fasal (2) Perkara 10 tetapi sekatan-sekatan itu tidak disifatkan perlu atau suai manfaat oleh Parlimen bagi maksud-maksud yang disebut dalam Perkara itu.

(3) Kesahan mana-mana undang-undang yang dibuat oleh Parlimen atau Badan Perundangan mana-mana Negeri tidak boleh dipersoalkan atas alasan bahawa undang-undang itu membuat peruntukan berkenaan dengan apa-apa perkara yang berkenaan dengannya Parlimen atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, Badan Perundangan Negeri itu tidak mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang, kecuali dalam prosiding untuk mendapatkan suatu penetapan bahawa undang-undang itu adalah tidak sah atas alasan itu atau—

- (a) jika undang-undang itu telah dibuat oleh Parlimen, dalam prosiding antara Persekutuan dengan satu atau beberapa Negeri;
- (b) jika undang-undang itu telah dibuat oleh Badan Perundangan sesuatu Negeri, dalam prosiding antara Persekutuan dengan Negeri itu.

(4) Prosiding untuk mendapatkan penetapan bahawa sesuatu undang-undang adalah tidak sah atas alasan yang disebut dalam Fasal (3) (iaitu prosiding yang tidak termasuk dalam perenggan (a) atau (b) Fasal itu) tidak boleh dimulakan tanpa kebenaran hakim Mahkamah Persekutuan; dan Persekutuan berhak menjadi satu pihak dalam mana-mana prosiding itu, dan begitulah juga dengan mana-mana Negeri yang akan atau mungkin menjadi satu pihak dalam prosiding yang dibawa bagi maksud yang sama di bawah perenggan (a) atau (b) Fasal itu.

BAHAGIAN II

KEBEBASAN ASASI

Kebebasan diri

5. (1) Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang.

(2) Jika pengaduan dibuat kepada Mahkamah Tinggi atau mana-mana hakim Mahkamah Tinggi menyatakan bahawa seseorang sedang ditahan dengan menyalahi undang-undang, maka mahkamah itu hendaklah menyiasat pengaduan itu dan, melainkan jika mahkamah itu berpuas hati bahawa tahanan itu adalah sah, hendaklah memerintahkan supaya orang itu dibawa ke hadapan mahkamah itu dan melepaskannya.

(3) Jika seseorang ditangkap maka dia hendaklah diberitahu dengan seberapa segera yang boleh alasan-alasan dia ditangkap dan dia hendaklah dibenarkan berunding dengan dan dibela oleh seorang pengamal undang-undang pilihannya.

(4) Jika seseorang ditangkap dan tidak dilepaskan, maka orang itu hendaklah tanpa kelengahan yang tidak munasabah, dan walau bagaimanapun dalam tempoh dua puluh empat jam (tidak termasuk masa apa-apa perjalanan yang perlu) dibawa ke hadapan majistret dan orang itu tidak boleh ditahan dalam jagaan selanjutnya tanpa kebenaran majistret itu:

Dengan syarat bahawa Fasal ini tidaklah terpakai bagi penangkapan atau penahanan mana-mana orang di bawah undang-undang yang sedia ada yang berhubungan dengan kediaman terhad, dan kesemua peruntukan Fasal ini hendaklah disifatkan telah menjadi suatu bahagian integral Perkara ini mulai dari Hari Merdeka:

Dengan syarat selanjutnya bahawa dalam pemakaiannya bagi seseorang, selain seorang warganegara, yang ditangkap atau ditahan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan imigresen, Fasal ini hendaklah dibaca seolah-olah perkataan “tanpa kelengahan yang tidak munasabah, dan walau bagaimanapun dalam tempoh dua puluh empat jam (tidak termasuk masa apa-apa perjalanan yang perlu)” telah digantikan dengan perkataan “dalam tempoh empat belas hari”:

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa dalam hal penangkapan bagi sesuatu kesalahan yang boleh dibicarakan oleh mahkamah Syariah, sebutan dalam Fasal ini mengenai majistret hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk sebutan mengenai hakim mahkamah Syariah.

(5) Fasal (3) dan (4) tidaklah terpakai bagi orang asing musuh.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 5

Fasal (1): Lihat Per. 149(1).

Fasal (2)

Perkataan “Mahkamah Tinggi” menggantikan perkataan “Mahkamah Agung” menurut Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Fasal (4)

- a. Proviso ditambahkan oleh Akta A354, seksyen 4, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- b. Proviso selanjutnya dimasukkan oleh Akta A704, seksyen 2, berkuat kuasa dari 10-06-1988.

Keabdian dan kerja paksa dilarang

6. (1) Tiada seorang pun boleh ditahan sebagai abdi.

(2) Segala bentuk kerja paksa adalah dilarang, tetapi Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan mengenai perkhidmatan wajib bagi maksud-maksud negara.

(3) Kerja atau khidmat yang dikehendaki daripada mana-mana orang sebagai akibat daripada sesuatu sabitan atau dapatan bahawa dia bersalah di mahkamah tidaklah dikira sebagai kerja paksa mengikut pengertian Perkara ini, dengan syarat kerja atau khidmat itu dijalankan di bawah pengawasan dan kawalan suatu pihak berkuasa awam.

(4) Jika menurut mana-mana undang-undang bertulis kesemua atau mana-mana bahagian daripada fungsi mana-mana pihak berkuasa awam dikehendaki dijalankan oleh suatu pihak berkuasa awam yang lain, bagi maksud membolehkan fungsi-fungsi itu dilaksanakan, maka pekerja-pekerja pihak berkuasa awam yang mula-mula disebut adalah terikat untuk berkhidmat dengan pihak berkuasa awam yang kedua disebut, dan perkhidmatan mereka dengan pihak berkuasa awam yang kedua disebut itu tidaklah dikira sebagai kerja paksa mengikut pengertian Perkara ini, dan tiada seorang pun pekerja itu berhak menuntut apa-apa hak sama ada daripada pihak berkuasa awam yang mula-mula disebut atau kedua disebut itu oleh sebab pertukaran pekerjaannya.

Perlindungan daripada undang-undang jenayah kuat kuasa ke belakang dan perbicaraan berulang

7. (1) Tiada seorang pun boleh dihukum kerana sesuatu perbuatan atau peninggalan yang tidak boleh dihukum menurut undang-undang pada masa perbuatan atau peninggalan itu dilakukan atau dibuat, dan tiada seorang pun boleh menanggung hukuman yang lebih berat kerana sesuatu kesalahan daripada yang telah ditetapkan oleh undang-undang pada masa kesalahan itu dilakukan.

(2) Seseorang yang telah dibebaskan daripada sesuatu kesalahan atau disabitkan atas sesuatu kesalahan tidak boleh dibicarakan semula kerana kesalahan yang sama kecuali jika sabitan atau pembebasan itu telah dibatalkan dan perbicaraan semula diperintahkan oleh suatu mahkamah yang lebih atas daripada mahkamah yang telah membebaskan atau mensabitkaninya itu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 6

Fasal (3)

Fasal yang ada sekarang dimasukkan oleh Akta A1130, seksyen 2, berkuat kuasa dari 28-09-2001, dan menggantikan Fasal dahulu yang berbunyi seperti yang berikut:

“(3) Kerja yang bersampingan dengan penjalanan hukuman penjara yang dijatuhkan oleh mahkamah tidaklah dikira sebagai kerja paksa mengikut pengertian Perkara ini.”.

Fasal (4)

Ditambahkan oleh Akta A354, seksyen 5, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Kesamarataan

8. (1) Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.

(2) Kecuali sebagaimana yang dibenarkan dengan nyata oleh Perlembagaan ini, tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina dalam mana-mana undang-undang atau dalam pelantikan kepada apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pemerolehan, pemegangan atau pelupusan harta atau berhubungan dengan penubuhan atau penjalanan apa-apa perdagangan, perniagaan, profesion, kerjaya atau pekerjaan.

(3) Tidak boleh ada diskriminasi yang memihak kepada mana-mana orang atas alasan bahawa dia seorang rakyat Raja bagi mana-mana Negeri.

(4) Tiada pihak berkuasa awam boleh mendiskriminasikan mana-mana orang atas alasan bahawa dia bermastautin atau menjalankan perniagaan di mana-mana bahagian Persekutuan di luar bidang kuasa pihak berkuasa itu.

(5) Perkara ini tidak menidaksahkan atau melarang—

- (a) apa-apa peruntukan yang mengawal selia undang-undang diri;
- (b) apa-apa peruntukan atau amalan yang menghadkan jawatan atau pekerjaan yang berkaitan dengan hal ehwal mana-mana agama, atau sesuatu institusi yang diuruskan oleh sekumpulan orang yang menganuti mana-mana agama, kepada orang yang menganuti agama itu;
- (c) apa-apa peruntukan bagi perlindungan, kesentosaan atau kemajuan orang asli Semenanjung Tanah Melayu (termasuk perizaban tanah) atau perizaban bagi orang asli suatu perkadaran yang munasabah daripada jawatan-jawatan yang sesuai dalam perkhidmatan awam;
- (d) apa-apa peruntukan yang menetapkan kemastautinan di sesuatu Negeri atau di sebahagian sesuatu Negeri sebagai suatu kelayakan bagi pemilihan atau pelantikan kepada mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa hanya di Negeri atau di bahagian itu sahaja, atau bagi pengundian dalam pemilihan itu;

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 8

Lihat Per. 12 & 161A(5).

Fasal (2)

Perkataan “keturunan, tempat lahir atau jantina” menggantikan “keturunan atau tempat lahir” menurut Akta A1130, seksyen 3, berkuat kuasa dari 28-09-2001.

Fasal (5)(c)

Perkataan “Semenanjung Tanah Melayu” menggantikan “Persekutuan” menurut Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Fasal (5)(f)

Lihat seksyen 6, Akta Angkatan Tentera 1972 [*Akta 77*].

- (e) apa-apa peruntukan Perlembagaan sesuatu Negeri, yang adalah atau yang bersamaan dengan suatu peruntukan yang berkuat kuasa sebaik sebelum Hari Merdeka;
- (f) apa-apa peruntukan yang mengehendak pengambiln masuk tentera ke dalam Rejimen Askar Melayu kepada orang Melayu.

Larangan buang negeri dan kebebasan bergerak

9. (1) Tiada seorang pun warganegara boleh dibuang negeri dari atau ditahan masuk ke Persekutuan.

(2) Tertakluk kepada Fasal (3) dan kepada mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, ketenteraman awam, kesihatan awam, atau penghukuman pesalah, tiap-tiap warganegara berhak bergerak dengan bebas di seluruh Persekutuan dan bermastautin di mana-mana bahagiannya.

(3) Selagi mana-mana Negeri lain berada dalam kedudukan istimewa di bawah Perlembagaan ini berbanding dengan Negeri-Negeri Tanah Melayu, Parlimen boleh melalui undang-undang mengenakan sekatan-sekatan, antara Negeri itu dengan Negeri-Negeri yang lain, ke atas hak-hak yang diberikan oleh Fasal (2) berkenaan dengan pergerakan dan kemastautinan.

Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan

10. (1) Tertakluk kepada Fasal (2), (3) dan (4)—

- (a) tiap-tiap warganegara berhak kepada kebebasan bercakap dan bersuara;
- (b) semua warganegara berhak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata;
- (c) semua warganegara berhak untuk membentuk persatuan.

(2) Parlimen boleh melalui undang-undang mengenakan—

- (a) ke atas hak yang diberikan oleh perenggan (a) Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, hubungan baik dengan negara-

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 9

Lihat Per. 149(1).

Fasal (2)

- a. Perkataan “Tertakluk kepada Fasal (3) dan kepada mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya” menggantikan perkataan “Tertakluk kepada apa-apa sekatan yang dikenakan oleh mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan keselamatan Persekutuan” menurut Akta 26/1963, subseksyen 60(1), berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. *Lihat* Per. 4(2)(a).

Fasal (3)

- a. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 60(1), berkuat kuasa dari 16-09-1963. Suatu proviso yang ditambahkan pada masa yang sama dimansuhkan oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 19-09-1966. Sebagaimana yang terdapat pada tarikh pemansuhan, proviso itu berbunyi seperti yang berikut:

“Dengan syarat bahawa tiada sekatan ke atas hak bergerak antara Negeri Singapura dengan Negeri-Negeri Tanah Melayu boleh dikenakan menurut kuasa Fasal ini kecuali melalui suatu undang-undang yang berhubungan dengan buruh atau pendidikan atau dengan apa-apa perkara yang berkenaan dengannya, oleh sebab kedudukan istimewa Negeri Singapura, ternyata kepada Parlimen wajar ditahan penikmatan hak-hak itu di kedua-dua Negeri Singapura dan Negeri-Negeri Tanah Melayu.”.
- b. Terpakai bagi undang-undang yang diluluskan sebelum Hari Malaysia supaya dapat dikenakan sekatan mulai dari Hari Malaysia—*Lihat* subseksyen 60(2), Akta 26/1963.
- c. Proviso dipinda dengan menambahkan “dan apa-apa sekatan seperti itu hendaklah dipakai bersalingan kepada Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Negeri Singapura” di hujungnya oleh Akta 19/1964, seksyen 2, berkuat kuasa dari 30-07-1964.

Per. 10

Lihat Per. 149(1).

Fasal (1)

Perkataan “Tertakluk kepada Fasal (2), (3) dan (4)” menggantikan “Tertakluk kepada Fasal (2) dan (3)” menurut Akta A30, seksyen 2, berkuat kuasa dari 10-03-1971.

negara lain, ketenteraman awam atau prinsip moral dan sekatan-sekatan yang bertujuan untuk melindungi keistimewaan Parlimen atau mana-mana Dewan Undangan atau untuk membuat peruntukan menentang penghinaan mahkamah, fitnah, atau pengapian apa-apa kesalahan;

(b) ke atas hak yang diberikan oleh perenggan (b) Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam;

(c) ke atas hak yang diberikan oleh perenggan (c) Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, ketenteraman awam atau kemoralan.

(3) Sekatan-sekatan ke atas hak untuk membentuk persatuan yang diberikan oleh perenggan (c) Fasal (1) boleh juga dikenakan oleh mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan perburuhan atau pendidikan.

(4) Pada mengenakan sekatan-sekatan demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam di bawah Perenggan (a) Fasal (2), Parlimen boleh meluluskan undang-undang melarang dipersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III, Perkara 152, 153 atau 181 melainkan yang berhubungan dengan pelaksanaannya sebagaimana yang dinyatakan dalam undang-undang itu.

Kebebasan beragama

11. (1) Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya.

(2) Tiada seorang pun boleh dipaksa membayar apa-apa cukai yang hasilnya diuntukkan khas kesemuanya atau sebahagiannya bagi maksud sesuatu agama selain agamanya sendiri.

(3) Tiap-tiap kumpulan agama berhak —

(a) menguruskan hal ehwal agamanya sendiri;

(b) menubuhkan dan menyenggarakan institusi-institusi bagi maksud agama atau khairat; dan

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 10—(samb.)

Fasal (2)

- a. Perkataan “atau mana-mana bahagiannya” yang terdapat dalam perenggan (a), (b) dan (c) dimasukkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 60(3), berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. *Lihat* Per. 4(2)(b).

Fasal (3)

Ditambahkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 60(4), berkuat kuasa dari 16-09-1963, yang juga meminda Fasal (1) dengan menggantikan perkataan “Fasal (2)” dengan “Fasal (2) dan (3)”.

Fasal (4)

Ditambahkan oleh Akta A30, seksyen 2, berkuat kuasa dari 10-03-1971.

Per. 11

Fasal (4)

- a. Perkataan “dan berkenaan dengan Wilayah Persekutuan, undang-undang persekutuan” dimasukkan selepas “Undang-undang Negeri” oleh Akta A206, seksyen 11, berkuat kuasa dari 01-02-1974.
- b. Kemudiannya pula, perkataan “Wilayah Persekutuan” digantikan dengan “Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan” oleh Akta A585, seksyen 20, berkuat kuasa dari 16-04-1984.
- c. Perkataan “Kuala Lumpur dan Labuan” digantikan dengan “Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya” oleh Akta A1095, seksyen 13, berkuat kuasa dari 01-02-2001.

(c) memperoleh dan mempunyai harta dan memegang dan mentadbirkannya mengikut undang-undang.

(4) Undang-undang Negeri, dan berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.

(5) Perkara ini tidaklah membenarkan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang am yang berhubungan dengan ketenteraman awam, kesihatan awam atau kemoralan.

Hak berkenaan dengan pendidikan

12. (1) Tanpa menjejaskan keluasan Perkara 8, tidak boleh ada diskriminasi terhadap mana-mana warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan atau tempat lahir—

(a) dalam pentadbiran mana-mana institusi pendidikan yang disenggarakan oleh suatu pihak berkuasa awam, dan, khususnya, kemasukan murid-murid atau pelajar-pelajar atau pembayaran fi; atau

(b) dalam memberikan bantuan kewangan daripada wang sesuatu pihak berkuasa awam bagi penyenggaraan atau pendidikan murid-murid atau pelajar-pelajar di mana-mana institusi pendidikan (sama ada disenggarakan oleh suatu pihak berkuasa awam atau tidak dan sama ada di dalam atau di luar Persekutuan).

(2) Tiap-tiap kumpulan agama berhak menubuhkan dan menyenggarakan institusi-institusi bagi pendidikan kanak-kanak dalam agama kumpulan itu sendiri, dan tidak boleh ada diskriminasi semata-mata atas alasan agama dalam mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan institusi-institusi itu atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang itu; tetapi adalah sah bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri menubuhkan atau menyenggarakan atau membantu dalam menubuhkan atau menyenggarakan institusi-institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang perlu bagi maksud itu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 12

Fasal (2)

- a. Fasal yang ada sekarang dimasukkan oleh Akta A354, seksyen 6, berkuat kuasa dari 27-08-1976, dan menggantikan Fasal dahulu yang berbunyi seperti yang berikut:

“(2) Tiap-tiap kumpulan agama berhak menubuhkan dan menyenggarakan institusi-institusi untuk pendidikan kanak-kanak serta mengadakan di dalamnya ajaran-ajaran dalam agama kumpulan itu sendiri, dan tidaklah boleh ada diskriminasi semata-mata atas alasan agama dalam mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan institusi-institusi itu atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang itu; tetapi undang-undang persekutuan atau undang-undang Negeri boleh mengadakan bantuan kewangan khas untuk menubuhkan atau menyenggarakan institusi-institusi Islam atau untuk ajaran-ajaran dalam agama Islam bagi orang yang menganuti agama itu.”.

- b. Perkataan “atau undang-undang Negeri” dimasukkan oleh Akta 25/1963, subseksyen 2(1), berkuat kuasa dari 31-08-1957.

(3) Tiada seorang pun boleh dikehendaki menerima ajaran sesuatu agama atau mengambil bahagian dalam apa-apa upacara atau upacara sembahyang sesuatu agama, selain agamanya sendiri.

(4) Bagi maksud Fasal (3), agama seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapanya atau penjaganya.

Hak terhadap harta

13. (1) Tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang.

(2) Tiada undang-undang boleh memperuntukkan pengambilan atau penggunaan harta dengan paksa tanpa pampasan yang mencukupi.

BAHAGIAN III

KEWARGANEGARAAN

Bab 1—Pemerolehan Kewarganegaraan

Kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang

14. (1) Tertakluk kepada peruntukan Bahagian ini, orang yang berikut ialah warganegara melalui kuat kuasa undang-undang, iaitu:

(a) tiap-tiap orang yang lahir sebelum Hari Malaysia yang menjadi warganegara Persekutuan menurut kuasa peruntukan yang terkandung dalam Bahagian I Jadual Kedua; dan

(b) tiap-tiap orang yang lahir pada atau selepas Hari Malaysia dan mempunyai mana-mana kelayakan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Kedua.

(c) *(Dimansuhkan)*.

(2) *(Dimansuhkan)*.

(3) *(Dimansuhkan)*.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 14

1. Perkara yang ada sekarang dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 23, berkuat kuasa dari 16-09-1963, tetapi Fasal (1)(c), (2) dan (3), yang diturunkan di bawah ini, dimansuhkan oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965:

“(1)(c) tiap-tiap warganegara Singapura.

(2) Tertakluk kepada peruntukan Bahagian ini, peruntukan mengenai kewarganegaraan Singapura boleh dibuat oleh Perlembagaan Negeri itu, dan boleh dipinda melalui undang-undang yang diluluskan oleh Badan Perundangan Negeri itu dan diluluskan melalui Akta Parlimen.

(3) Kewarganegaraan Singapura tidaklah boleh dipisahkan daripada kewarganegaraan Persekutuan, tetapi jika seseorang warganegara Singapura kehilangan salah satu kewarganegaraan itu maka hilanglah kewarganegaraannya yang satu lagi (tertakluk kepada peruntukan yang dibuat oleh Bahagian ini untuk pendaftaran seseorang warganegara Singapura sebagai seorang warganegara yang bukan warganegara Singapura).”.

2. Perkara yang dahulu, seperti yang terdapat pada tarikh pemansuhan, berbunyi seperti yang berikut:

“14. (1) Tertakluk kepada peruntukan yang berikut dalam Perkara ini, orang yang berikut ialah warganegara melalui kuat kuasa undang-undang, iaitu:

- (a) tiap-tiap orang yang, sebaik sebelum Hari Merdeka, menjadi warganegara Persekutuan menurut kuasa mana-mana peruntukan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, sama ada melalui kuat kuasa undang-undang atau selainnya;
- (b) tiap-tiap orang yang lahir di dalam Persekutuan pada atau selepas Hari Merdeka;
- (c) tiap-tiap orang yang lahir di luar Persekutuan pada atau selepas Hari Merdeka yang bapanya pada masa kelahiran itu ialah seorang warganegara dan juga telah lahir di dalam Persekutuan atau pada masa kelahiran itu berada dalam perkhidmatan di bawah Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan sesuatu Negeri;
- (d) tiap-tiap orang yang lahir di luar Persekutuan pada atau selepas Hari Merdeka yang bapanya pada masa kelahiran itu ialah seorang warganegara jika kelahiran itu didaftarkan di Konsulat Tanah Melayu atau, dalam hal mana-mana orang yang lahir di dalam mana-mana wilayah ditetapkan, dengan Kerajaan Persekutuan, dalam tempoh satu tahun berlakunya kejadian itu, atau dalam suatu tempoh yang lebih lanjut sebagaimana yang dibenarkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam mana-mana hal tertentu.

Bagi maksud perenggan (d) Fasal ini “wilayah ditetapkan” ertinya Singapura, Sarawak, Brunei atau Borneo Utara, atau mana-mana wilayah lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui perintah bagi maksud itu.

(2) Seseorang bukanlah seorang warganegara menurut kuasa perenggan (b) Fasal (1) jika, pada masa dia lahir—

- (a) bapanya, yang bukan seorang warganegara Persekutuan, mempunyai apa-apa kekebalan daripada guaman dan proses undang-undang sebagaimana yang diberikan kepada utusan sesuatu kuasa berdaulat yang diwatikahkan kepada Yang di-Pertuan Agong; atau
- (b) dalam hal kelahiran yang berlaku di suatu tempat di bawah pendudukan musuh, bapanya ialah seorang orang asing musuh; atau
- (c) kedua-dua ibu bapanya bukan warganegara Persekutuan dan kedua-duanya bukan pemastautin tetap di dalam Persekutuan:

Dengan syarat bahawa perenggan (c) Fasal ini tidak terpakai—

- (i) bagi mana-mana orang yang lahir di dalam Persekutuan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa seksyen 2 Akta Perlembagaan (Pindaan) 1962;
- (ii) bagi mana-mana orang jika, akibat daripada pemakaian perenggan itu, dia tidak akan menjadi warganegara mana-mana negara.

(3) Bagi maksud Perkara ini, seseorang yang lahir di dalam sesuatu kapal atau pesawat udara berdaftar hendaklah disifatkan telah lahir di tempat di mana kapal atau pesawat udara itu telah didaftarkan, dan seseorang yang lahir di dalam sesuatu kapal atau pesawat udara tidak berdaftar kepunyaan Kerajaan mana-mana negara hendaklah disifatkan telah lahir di negara itu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 14—(samb.)

(4) Bagi maksud perenggan (c) Fasal (2), seseorang hendaklah dikira telah bermastautin secara tetap pada bila-bila masa di Persekutuan jika, tetapi hanya jika, dia ketika itu bermastautin di Persekutuan dan sama ada—

- (a) dia ketika itu mendapat kebenaran, yang diberikan tanpa had masa di bawah mana-mana undang-undang persekutuan, untuk bermastautin di Persekutuan; atau
- (b) diperakui oleh Kerajaan Persekutuan bahawa dia akan dikira bagi maksud perenggan (c) tersebut sebagai seorang pemastautin tetap di Persekutuan.

(5) Suatu perakuan Kerajaan Persekutuan yang menyatakan bahawa seseorang itu disingkirkan atau telah disingkirkan daripada pemakaian perenggan (c) Fasal (2) oleh perenggan (ii) dalam proviso kepada Fasal itu hendaklah menjadi keterangan muktamad akan perkara yang diperakukan itu.”.

Per. 15

1. Perkara yang ada sekarang dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 25, berkuat kuasa dari 16-09-1963. Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965, memindanya—

- a. dengan memansuhkan Fasal (6) yang berbunyi seperti yang berikut:

“(6) Dalam Fasal (1) perkataan “di luar Singapura” tidaklah mempunyai kuat kuasa dalam hal seseorang perempuan bersuami yang suaminya ialah seorang warganegara melalui penaturalisasian di bawah Fasal (2) Perkara 19.”;

- b. dengan memotong sebutan mengenai Singapura dan warganegara Singapura dalam Fasal (1) hingga (5).

Fasal (1)

Lihat Per. 24(4), 26(2), 28(1)(b) & 28A(3).

Fasal (3)

Lihat Jadual Kedua, Bahagian III, seksyen 18.

2. Perkara asal seperti yang terdapat pada Hari Merdeka berbunyi seperti yang berikut:

“15. (1) Tertakluk kepada Perkara 18, apabila permohonan dibuat kepada pihak berkuasa pendaftaran oleh mana-mana perempuan bersuami yang suaminya ialah seorang warganegara, maka perempuan itu berhak didaftarkan sebagai seorang warganegara.

(2) Tertakluk kepada Perkara 18, apabila permohonan dibuat kepada pihak berkuasa pendaftaran oleh ibu atau bapa ataupun penjaga seseorang yang di bawah umur dua puluh satu tahun yang bapanya ialah seorang warganegara atau, jika telah mati, ialah seorang warganegara pada masa kematiannya maka orang itu berhak didaftarkan sebagai seorang warganegara jika pihak berkuasa itu berpuas hati bahawa orang itu biasanya bermastautin di Persekutuan dan berkelakuan baik.

(3) Sebutan dalam Perkara ini mengenai perempuan bersuami ialah sebutan mengenai perempuan yang perkahwinannya telah didaftarkan mengikut mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Persekutuan termasuk mana-mana undang-undang sedemikian itu yang berkuat kuasa sebelum Hari Merdeka.”.

3. Fasal (1) dan (2) dipinda oleh Akta 10/1960, seksyen 2, berkuat kuasa dari 01-12-1960, dengan menggantikan “pihak berkuasa pendaftaran” dan “pihak berkuasa itu” masing-masing dengan “Kerajaan Persekutuan”. Kedua-dua Fasal ini sebagaimana yang digantikan oleh Akta 14/1962, seksyen 3, berkuat kuasa dari 01-10-1962, berbunyi seperti yang berikut:

“15. (1) Tertakluk kepada Perkara 18, apabila permohonan dibuat kepada Kerajaan Persekutuan oleh mana-mana perempuan bersuami yang suaminya seorang warganegara maka perempuan itu berhak didaftarkan sebagai seorang warganegara jika dia memuaskan hati Kerajaan Persekutuan—

- (a) bahawa dia telah bermastautin di Persekutuan terus-menerus selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun sebaik sebelum tarikh permohonan itu;
- (b) bahawa dia berniat hendak bermastautin secara tetap di Persekutuan; dan
- (c) bahawa dia berkelakuan baik.

Kewarganegaraan melalui pendaftaran (isteri dan anak warganegara)

15. (1) Tertakluk kepada Perkara 18, apabila permohonan dibuat kepada Kerajaan Persekutuan oleh mana-mana perempuan bersuami yang suaminya seorang warganegara, maka perempuan itu berhak didaftarkan sebagai warganegara jika perkahwinan itu masih wujud dan suaminya itu seorang warganegara pada permulaan bulan Oktober 1962, atau jika dia memuaskan hati Kerajaan Persekutuan—

(a) bahawa dia telah bermastautin di Persekutuan sepanjang tempoh dua tahun sebelum tarikh permohonan itu dan berniat hendak berbuat demikian secara tetap; dan

(b) bahawa dia berkelakuan baik.

(2) Tertakluk kepada Perkara 18, apabila permohonan dibuat kepada Kerajaan Persekutuan oleh ibu atau bapa atau penjaga mana-mana orang yang di bawah umur dua puluh satu tahun, maka Kerajaan Persekutuan boleh menyebabkan orang itu didaftarkan sebagai warganegara jika sekurang-kurangnya salah seorang daripada ibu bapanya adalah sekarang (atau pada masa kematiannya) seorang warganegara.

(3) Tertakluk kepada Perkara 18, apabila permohonan dibuat kepada Kerajaan Persekutuan oleh ibu atau bapa atau penjaga seseorang yang di bawah umur dua puluh satu tahun, maka orang itu berhak didaftarkan sebagai warganegara jika dia dilahirkan sebelum permulaan bulan Oktober 1962 dan bapanya adalah sekarang (atau pada masa kematiannya) seorang warganegara dan juga seorang warganegara pada permulaan bulan itu (jika hidup pada masa itu), dan jika Kerajaan Persekutuan berpuas hati bahawa orang itu biasanya bermastautin di Persekutuan dan berkelakuan baik.

(4) Bagi maksud Fasal (1), kemastautinan sebelum Hari Malaysia di wilayah-wilayah yang termasuk di dalam Negeri Sabah dan Sarawak hendaklah dikira sebagai kemastautinan di Persekutuan.

(5) Sebutan dalam Fasal (1) mengenai perempuan bersuami ialah sebutan mengenai perempuan yang perkahwinannya telah didaftarkan mengikut mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Persekutuan, termasuklah mana-mana undang-

undang sedemikian yang berkuat kuasa sebelum Hari Merdeka, atau mengikut mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa sebelum Hari Malaysia di wilayah-wilayah yang termasuk di dalam Negeri Sabah dan Sarawak:

Dengan syarat bahawa Fasal ini tidaklah terpakai jika perempuan itu memohon supaya didaftarkan sebagai warganegara sebelum permulaan bulan September 1965, atau apa-apa tarikh kemudiannya sebagaimana yang ditetapkan melalui perintah oleh Yang di-Pertuan Agong, dan jika pada tarikh permohonan itu dia biasanya bermastautin di Negeri Sabah dan Sarawak.

(6) (*Dimansuhkan*).

Kuasa khas untuk mendaftarkan kanak-kanak

15A. Tertakluk kepada Perkara 18, Kerajaan Persekutuan boleh, dalam apa-apa hal keadaan khas yang difikirkannya patut, menyebabkan mana-mana orang yang di bawah umur dua puluh satu tahun didaftarkan sebagai warganegara.

Kewarganegaraan melalui pendaftaran (orang yang dilahirkan di Persekutuan sebelum Hari Merdeka)

16. Tertakluk kepada Perkara 18, apabila permohonan dibuat kepada Kerajaan Persekutuan oleh mana-mana orang yang berumur lapan belas tahun atau lebih dan yang dilahirkan di Persekutuan sebelum Hari Merdeka, maka orang itu berhak didaftarkan sebagai warganegara jika dia memuaskan hati Kerajaan Persekutuan—

- (a) bahawa dia telah bermastautin di Persekutuan dalam masa tujuh tahun sebaik sebelum tarikh permohonan itu, selama tempoh yang pada agregatnya berjumlah tidak kurang daripada lima tahun;
- (b) bahawa dia berniat hendak berbuat demikian secara tetap;
- (c) bahawa dia berkelakuan baik; dan
- (d) bahawa dia mempunyai pengetahuan asas bahasa Melayu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 15—(samb.)

(2) Tertakluk kepada Perkara 18, Kerajaan Persekutuan boleh menyebabkan supaya mana-mana orang yang di bawah umur dua puluh satu tahun, yang ialah anak mana-mana warganegara, didaftarkan sebagai warganegara, apabila permohonan dibuat kepada Kerajaan Persekutuan oleh ibu atau bapa ataupun penjaganya.”.

Fasal (4) & (5)

Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A514, seksyen 19, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Per. 15A

Ditambahkan oleh Akta 14/1962, seksyen 4, berkuat kuasa dari 01-10-1962.

Per. 16

1. Akta 10/1960, perenggan 2(a) dan (b), berkuat kuasa dari 01-12-1960, menggantikan perkataan “pihak berkuasa pendaftaran” dan “pihak berkuasa itu” masing-masing dengan “Kerajaan Persekutuan”.

2. Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963, memotong perkataan “kecuali jika permohonan dibuat dalam masa satu tahun selepas Hari Merdeka” yang terdapat di permulaan perenggan (d).

3. Akta 26/1963, subseksyen 29(1), berkuat kuasa dari 16-09-1963—

- a. memasukkan perkataan “di luar Singapura” selepas “Persekutuan” dalam perenggan (a). Perkataan ini dimansuhkan kemudiannya oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965; dan
- b. menggantikan perkataan “hendak bermastautin secara tetap di Persekutuan” dalam perenggan (b) dengan “hendak berbuat demikian secara tetap”.

Kewarganegaraan melalui pendaftaran (orang yang bermastautin di Negeri Sabah dan Sarawak pada Hari Malaysia)

16A. Tertakluk kepada Perkara 18, apabila permohonan dibuat kepada Kerajaan Persekutuan sebelum bulan September 1971 oleh mana-mana orang yang berumur lapan belas tahun atau lebih dan yang biasanya bermastautin di Negeri Sabah atau Sarawak pada Hari Malaysia, maka orang itu berhak didaftarkan sebagai warganegara jika dia memuaskan hati Kerajaan Persekutuan—

- (a) bahawa dia telah bermastautin sebelum Hari Malaysia di wilayah-wilayah yang termasuk di dalam Negeri-Negeri itu dan bermastautin selepas Hari Malaysia di Persekutuan selama tempoh yang pada agregatnya berjumlah tidak kurang daripada tujuh tahun dalam masa sepuluh tahun sebaik sebelum tarikh permohonan itu, dan tempoh itu termasuklah tempoh dua belas bulan sebaik sebelum tarikh itu;
- (b) bahawa dia berniat hendak bermastautin secara tetap di Persekutuan;
- (c) bahawa dia berkelakuan baik; dan
- (d) bahawa dia mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris atau, dalam hal pemohon yang biasanya bermastautin di Sarawak, mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris atau mana-mana bahasa ibunda yang digunakan pada masa ini di Sarawak, kecuali jika permohonan itu dibuat sebelum bulan September 1965 dan pemohon telah mencapai umur empat puluh lima tahun pada tarikh permohonan itu.

17. *(Dimansuhkan).*

Peruntukan am tentang pendaftaran

18. (1) Tiada seorang pun yang berumur lapan belas tahun atau lebih boleh didaftarkan sebagai warganegara di bawah Perlembagaan ini sehinggalah dia telah mengangkat sumpah yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 16A

1. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 26, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965, memotong perkataan “di luar Singapura” yang terdapat dalam perenggan (a) dan (b) selepas “Persekutuan”.
3. Perkataan “Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah atau Sarawak” oleh Akta A514, seksyen 19, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
4. *Lihat* Per. 25(1), (1A), (2) & 28A(4).

Per. 17

1. Perkataan “pihak berkuasa pendaftaran” dan “pihak berkuasa itu” masing-masing digantikan dengan “Kerajaan Persekutuan” oleh Akta 10/1960, perenggan 2(a) dan (b), berkuat kuasa dari 01-12-1960.
2. Perkara ini dimansuhkan oleh Akta 14/1962, seksyen 5, berkuat kuasa dari 01-07-1963, pemansuhan itu hendaklah tanpa menyentuh kuat kuasa Perkara itu mengenai mana-mana permohonan untuk pendaftaran di bawahnya yang dibuat sebelum permulaan kuat kuasa seksyen 5 tersebut. Perkara ini berbunyi seperti yang berikut:

“17. Tertakluk kepada Perkara 18, apabila permohonan dibuat kepada Kerajaan Persekutuan oleh mana-mana orang yang berumur lapan belas tahun atau lebih yang bermastautin di Persekutuan pada Hari Merdeka maka orang itu layak tertakluk kepada peruntukan Jadual Kedua didaftarkan sebagai warganegara jika dia memuaskan hati Kerajaan Persekutuan—

 - (a) bahawa dia telah bermastautin di Persekutuan dalam masa dua belas tahun sebaik sebelum tarikh permohonan itu, selama tempoh yang pada agregatnya berjumlah tidak kurang daripada lapan tahun;
 - (b) bahawa dia berniat hendak bermastautin secara tetap di Persekutuan;
 - (c) bahawa dia berkelakuan baik; dan
 - (d) kecuali jika permohonan dibuat dalam masa satu tahun selepas Hari Merdeka dan pemohon itu telah mencapai umur empat puluh lima tahun pada tarikh permohonan bahawa dia mempunyai pengetahuan asas bahasa Melayu.”.
3. Sebutan mengenai Perkara termansuh ini terdapat dalam Per. 25(1), (1A), (2), 28(1)(a), 28A(4), 43(7) dan dalam Jadual Kelapan subseksyen 2(3) dan 20(3), oleh itu sebutan mengenai Perkara 17 dikekalkan dalam Pelembagaan Persekutuan.

Per. 18

1. Perkataan “Perlembagaan ini” yang terdapat dalam Fasal (1), di hujung Fasal (2) dan dalam Fasal (3) dimasukkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 29(2), berkuat kuasa dari 16-09-1963, dan menggantikan sebutan mengenai Perkara 15 dan 16. Akta itu juga memasukkan perkataan “atau Perlembagaan Negeri Singapura” selepas perkataan “dilucutkan kewarganegaraannya di bawah Perlembagaan ini” dalam Fasal (2) tetapi perkataan ini dipotong oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965.

(2) Kecuali dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan, tiada seorang pun yang telah melepaskan atau yang telah dilucutkan kewarganegaraannya di bawah Perlembagaan ini atau yang telah melepaskan atau yang telah dilucutkan kewarganegaraan persekutuan atau kewarganegaraan bagi Persekutuan sebelum Hari Merdeka di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 boleh didaftarkan sebagai warganegara di bawah Perlembagaan ini.

(3) Seseorang yang didaftarkan sebagai warganegara di bawah Perlembagaan ini menjadi warganegara melalui pendaftaran mulai dari hari dia didaftarkan sedemikian.

(4) (*Dimansuhkan*).

Kewarganegaraan melalui penaturalisasian

19. (1) Tertakluk kepada Fasal (9), apabila permohonan dibuat oleh mana-mana orang yang berumur dua puluh satu tahun atau lebih yang bukan warganegara, maka Kerajaan Persekutuan boleh memberi orang itu suatu perakuan naturalisasi jika Kerajaan Persekutuan berpuas hati—

(a) bahawa—

(i) dia telah bermastautin di Persekutuan selama tempoh yang dikehendaki dan berniat hendak berbuat demikian secara tetap jika diberi perakuan itu;

(ii) (*Dimansuhkan*);

(b) bahawa dia berkelakuan baik; dan

(c) bahawa dia mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam bahasa Melayu.

(2) Tertakluk kepada Fasal (9), apabila permohonan dibuat oleh mana-mana orang yang berumur dua puluh satu tahun atau lebih yang bukan warganegara, maka Kerajaan Persekutuan boleh, dalam apa-apa hal keadaan khas yang difikirkannya patut, memberi orang itu suatu perakuan naturalisasi jika Kerajaan Persekutuan berpuas hati—

(a) bahawa dia telah bermastautin di Persekutuan selama tempoh yang dikehendaki dan berniat hendak berbuat demikian secara tetap jika diberi perakuan itu;

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 18—(samb.)

Fasal (4)

Fasal ini yang berbunyi seperti yang berikut dimansuhkan oleh Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963:

“(4) Bagi maksud mana-mana permohonan untuk pendaftaran di bawah mana-mana Perkara tersebut, seseorang hendaklah disifatkan sebagai berkelakuan baik melainkan jika dalam tempoh tiga tahun sebaik sebelum tarikh permohonan itu—

(a) dia telah disabitkan oleh suatu mahkamah berwibawa di mana-mana negara atas suatu kesalahan jenayah yang kerananya dia telah dihukum mati; atau

(b) dia telah ditahan kerana dihukum penjara selama dua belas bulan atau lebih yang dikenakan ke atasnya apabila dia disabitkan atas kesalahan jenayah (sama ada dalam masa atau sebelum tempoh tersebut) oleh mahkamah yang sedemikian itu,

dan dalam kedua-dua hal itu dia belum mendapat pengampunan bebas berkenaan dengan kesalahan itu.”.

2. Lihat Per. 15(1), (2), (3), 15A, 16 & 16A.

Per. 19

1. Perkara yang ada sekarang dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 27, berkuat kuasa dari 16-09-1963. Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965, membuat pindaan yang berikut kepadanya:

Fasal (1)

a. Perkataan “Tertakluk Fasal (7) dan (9)” digantikan dengan “Tertakluk kepada Fasal (9)”.

b. Perkataan “di luar Singapura” yang terdapat dalam subperenggan (a)(i) selepas “Persekutuan” dipotong;

c. Subperenggan (a)(ii) yang berbunyi seperti yang berikut dimansuhkan:

“(ii) dia telah bermastautin di Singapura selama tempoh yang dikehendaki dan berniat hendak berbuat demikian secara tetap jika diberi perakuan itu;”;

Fasal (4)

a. Perkataan “di luar Singapura” yang terdapat selepas “Persekutuan” di baris empat dipotong dan perkataan “sebelum Hari Malaysia di Singapura” digantikan dengan “di Singapura sebelum Hari Malaysia atau dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan kemastautinan di Singapura selepas Hari Malaysia”.

b. Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

2. Fasal (6), (7) dan (8) yang berbunyi seperti yang berikut dimansuhkan:

“(6) Seseorang yang diberi perakuan naturalisasi menjadi seorang warganegara Singapura jika tetapi hanya jika perakuan itu diberikan menurut kuasa perenggan (a)(ii) Fasal (1).

(7) Sesuatu perakuan naturalisasi sebagai seorang warganegara Singapura tidak boleh diberikan tanpa persetujuan Kerajaan Singapura.

(b) bahawa dia berkelakuan baik; dan

(c) bahawa dia mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam bahasa Melayu.

(3) Tempoh kemastautinan di Persekutuan atau bahagiannya yang berkaitan yang dikehendaki bagi pemberian suatu perakuan naturalisasi ialah tempoh yang pada agregatnya berjumlah tidak kurang daripada sepuluh tahun dalam masa dua belas tahun sebaik sebelum tarikh permohonan bagi perakuan itu, dan tempoh itu termasuklah tempoh dua belas bulan sebaik sebelum tarikh itu.

(4) Bagi maksud Fasal (1) dan (2), kemastautinan sebelum Hari Malaysia di wilayah-wilayah yang termasuk di dalam Negeri Sabah dan Sarawak hendaklah dikira sebagai kemastautinan di Persekutuan; dan bagi maksud Fasal (2), kemastautinan di Singapura sebelum Hari Malaysia atau dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan kemastautinan di Singapura selepas Hari Malaysia hendaklah dikira sebagai kemastautinan di Persekutuan.

(5) Seseorang yang diberi perakuan naturalisasi menjadi warganegara melalui penaturalisasian mulai dari tarikh perakuan itu diberikan.

(6) *(Dimansuhkan)*.

(7) *(Dimansuhkan)*.

(8) *(Dimansuhkan)*.

(9) Tiada perakuan naturalisasi boleh diberikan kepada mana-mana orang sehinggalah dia telah mengangkat sumpah yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

19A. *(Dimansuhkan)*.

20. *(Dimansuhkan)*.

21. *(Dimansuhkan)*.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 19—(samb.)

(8) Mana-mana permohonan untuk penaturalisasian sebagai warganegara Singapura yang telah dibuat tetapi belum dibereskan sebelum Hari Malaysia hendaklah mulai dari hari itu dikira seolah-olah permohonan itu suatu permohonan yang telah dibuat dengan wajar untuk penaturalisasian di bawah Perkara ini, dan seolah-olah apa-apa jua yang dilakukan berkaitan dengannya sebelum hari itu di bawah atau bagi maksud undang-undang Singapura telah dilakukan sewajarnya di bawah atau bagi maksud Perkara ini.”.

3. Perkara yang dahulu berbunyi seperti yang berikut:

“19. Tertakluk kepada Perkara 21, apabila permohonan dibuat oleh mana-mana orang yang berumur dua puluh satu tahun atau lebih, maka Kerajaan Persekutuan boleh memberi orang itu suatu perakuan naturalisasi jika Kerajaan Persekutuan berpuas hati—

- (a) bahawa dia telah bermastautin di Persekutuan dalam masa dua belas tahun sebelum tarikh permohonan itu, selama tempoh yang pada agregatnya berjumlah tidak kurang daripada sepuluh tahun;
- (b) bahawa dia berniat hendak bermastautin secara tetap di Persekutuan jika diberi perakuan itu;
- (c) bahawa dia berkelakuan baik;
- (d) bahawa dia mempunyai pengetahuan yang memadai dalam bahasa Melayu; dan
- (e) bahawa dia telah bermastautin terus-menerus di Persekutuan bagi tempoh yang tidak kurang daripada satu tahun sebaik sebelum tarikh permohonan itu.”.

4. Perkataan “dan” di akhir perenggan (d) dimasukkan oleh Akta 14/1962, seksyen 6, berkuat kuasa dari 01-10-1962.

5. Perenggan (e) dimasukkan oleh Akta 14/1962, seksyen 6, berkuat kuasa dari 01-10-1962.

Per. 19A

1. Perkara ini dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 28, berkuat kuasa dari 16-09-1963, dan dimansuhkan oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965. Ia berbunyi seperti yang berikut:

“19A. (1) Apabila permohonan dibuat oleh mana-mana warganegara Singapura yang berumur dua puluh satu tahun atau lebih, Kerajaan Persekutuan boleh mendaftarkannya sebagai warganegara yang bukan warganegara Singapura, jika Kerajaan Persekutuan berpuas hati bahawa, kalaulah permohonannya adalah untuk diberi suatu perakuan naturalisasi di bawah Perkara 19 sebagai warganegara yang bukan warganegara Singapura, syarat-syarat perenggan (a)(i), (b) dan (c) Fasal (1) Perkara itu bagi pemberian perakuan itu tetap akan ditunaikan.

(2) Berhubung dengan warganegara Singapura, Perkara 15 dan 15A hendaklah terpakai bagi memberikan hak kepada mereka atau membenarkan mereka didaftarkan sebagai warganegara yang bukan warganegara Singapura dengan cara yang sama sebagaimana Perkara-Perkara itu terpakai berhubung dengan orang yang bukan warganegara bagi memberikan hak kepada mereka atau membenarkan mereka didaftarkan sebagai warganegara, kecuali bahawa sebutan mengenai Perkara 18 dan juga Fasal (6) Perkara 15 tidaklah terpakai.

(3) Seseorang warganegara yang didaftarkan sebagai menjadi atau tidak menjadi warganegara Singapura menurut kuasa Perkara ini atau menurut kuasa mana-mana peruntukan yang bersamaan dalam Perlembagaan Negeri Singapura hendaklah menjadi atau tidaklah menjadi warganegara Singapura dengan sewajarnya dari hari dia didaftarkan sedemikian.

(4) Jika seseorang telah didaftarkan di bawah Perkara ini sebagai warganegara yang bukan warganegara Singapura dan Kerajaan Persekutuan berpuas hati bahawa pendaftaran itu—

- (a) telah didapati dengan cara fraud, nyataan palsu atau penyembunyian apa-apa fakta material; atau
- (b) telah dibuat dengan silap;

maka Kerajaan Persekutuan boleh membatalkan pendaftaran itu:

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 19A—(samb.)

Dengan syarat bahawa Perkara 27 hendaklah terpakai berhubung dengan pembatalan itu sebagaimana Perkara itu terpakai berhubung dengan sesuatu perintah di bawah Perkara 24, 25 atau 26 yang melucutkan seseorang akan kewarganegaraannya.

(5) Jika pendaftaran seseorang sebagai warganegara yang bukan warganegara Singapura telah dibatalkan di bawah perenggan (a) Fasal (4), dan disebabkan oleh pendaftaran itu anak orang itu telah juga didaftarkan sebagai warganegara yang sedemikian menurut Fasal (2) Perkara 15 sebagaimana yang terpakai menurut Perkara ini, maka Kerajaan Persekutuan boleh juga membatalkan pendaftaran anak itu melainkan jika anak itu telah mencapai umur dua puluh satu tahun.

(6) Jika di bawah Perkara ini atau di bawah mana-mana peruntukan Perlembagaan Negeri Singapura pendaftaran seseorang sebagai warganegara di bawah mana-mana satu perihalan dibatalkan, hal itu tidaklah melepaskannya daripada liabiliti berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau tidak dilakukan sebelum pembatalan itu, tetapi kecuali berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau tidak dilakukan sedemikian dia hendaklah kembali kepada tarafnya yang dahulu sebagai seorang warganegara.”.

2. Sebutan mengenai Perkara termansuh ini terdapat dalam Jadual Kedua, Bahagian III, subseksyen 4(3) oleh itu, sebutan mengenai Perkara 19A dikekalkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Per. 20

1. Perkara ini dimansuhkan oleh Akta 14/1962, seksyen 7, berkuat kuasa dari 01-02-1964 dan berbunyi seperti yang berikut:

“20. (1) Tertakluk kepada Perkara 21, apabila permohonan dibuat oleh mana-mana orang mengikut Fasal (2), Kerajaan Persekutuan hendaklah memberikan suatu perakuan naturalisasi kepada orang itu jika Kerajaan Persekutuan berpuas hati—

(a) bahawa dia telah berkhidmat dengan memuaskan selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun dalam perkhidmatan sepenuh masa, atau selama tempoh tidak kurang daripada empat tahun dalam perkhidmatan sambilan, dalam mana-mana angkatan tentera Persekutuan sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi maksud Perkara ini; dan

(b) bahawa dia berniat hendak bermastautin secara tetap di Negeri-Negeri Tanah Melayu jika perakuan itu diberikan.

(2) Permohonan di bawah Perkara ini boleh dibuat sama ada semasa pemohon sedang berkhidmat dalam mana-mana perkhidmatan yang disebut terdahulu atau dalam tempoh lima tahun, atau sesuatu tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam apa-apa hal tertentu, selepas pelepasannya.

(3) Sebutan dalam Perkara ini mengenai perkhidmatan dalam angkatan tentera Persekutuan termasuklah sebutan mengenai perkhidmatan sebelum Hari Merdeka; dan pada membuat hitungan bagi maksud Perkara ini akan tempoh perkhidmatan sepenuh masa seseorang dalam angkatan tentera itu yang telah berkhidmat sepenuh masa dan juga sambilan maka mana-mana dua bulan perkhidmatan sambilan hendaklah dikira sebagai satu bulan perkhidmatan sepenuh masa.”.

2. Perkataan “Negeri-Negeri Tanah Melayu” yang terdapat di hujung Fasal (1)(b) dimasukkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 29(3), berkuat kuasa dari 16-09-1963, menggantikan perkataan “Persekutuan”.

3. Berkenaan dengan senarai angkatan tentera yang ditetapkan di bawah Perkara 20(1)(a)—lihat L.N. 261/1958.

Per. 21

Perkara ini dimansuhkan oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963, tetapi terus berkuat kuasa bagi maksud Perkara 20 yang dimansuhkan itu. Ia berbunyi seperti yang berikut:

“21. (1) Perakuan naturalisasi tidaklah boleh diberikan kepada mana-mana orang sehingga dia telah mengangkat sumpah yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Seseorang yang diberi perakuan naturalisasi menjadi seorang warganegara melalui penaturalisasian mulai dari tarikh perakuan itu diberikan.”.

Kewarganegaraan melalui penggabungan wilayah

22. Jika mana-mana wilayah baru diterima masuk ke dalam Persekutuan selepas Hari Malaysia menurut Perkara 2, maka Parlimen boleh melalui undang-undang menentukan siapakah orang yang akan menjadi warganegara berdasarkan hubungan mereka dengan wilayah itu dan tarikh atau tarikh-tarikh mereka itu akan menjadi warganegara.

Bab 2—Penamatan Kewarganegaraan

Pelepasan kewarganegaraan

23. (1) Mana-mana warganegara yang berumur dua puluh satu tahun atau lebih dan yang sempurna akal yang juga seorang warganegara negara lain atau yang hampir menjadi seorang warganegara negara lain boleh melepaskan kewarganegaraannya bagi Persekutuan melalui akuan yang didaftarkan oleh Kerajaan Persekutuan, dan hendaklah sesudah itu terhenti menjadi warganegara.

(2) Akuan yang dibuat di bawah Perkara ini dalam masa apa-apa peperangan yang dalamnya Persekutuan terlibat tidaklah boleh didaftarkan kecuali dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan.

(3) Perkara ini terpakai bagi seseorang perempuan yang di bawah umur dua puluh satu tahun yang telah berkahwin sebagaimana Perkara ini terpakai bagi seseorang yang berumur dua puluh satu tahun atau lebih.

Pelucutan kewarganegaraan kerana memperoleh atau menggunakan kewarganegaraan asing, dsb.

24. (1) Jika Kerajaan Persekutuan berpuas hati bahawa mana-mana warganegara telah memperoleh kewarganegaraan mana-mana negara di luar Persekutuan melalui pendaftaran, penaturalisasian atau perbuatan sukarela dan formal yang lain (selain perkahwinan), maka Kerajaan Persekutuan boleh melalui perintah melucutkan kewarganegaraan orang itu.

(2) Jika Kerajaan Persekutuan berpuas hati bahawa mana-mana warganegara telah menuntut dan menggunakan dengan sukarela di mana-mana negara di luar Persekutuan apa-apa hak yang terdapat

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 22

Perkataan “selepas Hari Malaysia” dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 34, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Per. 23

Fasal (1)

- a. Perkataan “pihak berkuasa pendaftaran” digantikan dengan “Kerajaan Persekutuan” oleh Akta 10/1960, perenggan 2(a), berkuat kuasa dari 01-12-1960.
- b. Perkataan “atau yang hampir menjadi” dimasukkan oleh Akta 14/1962, seksyen 8, berkuat kuasa dari 31-08-1957.

Fasal (2)

Akta 10/1960, perenggan 2(c), berkuat kuasa dari 01-12-1960, memotong perkataan “, tetapi kecuali sebagaimana yang disebut terdahulu pihak berkuasa pendaftaran hendaklah mendaftarkan apa-apa akuan yang dibuat dengan sewajarnya di bawahnya” yang terdapat di hujung Fasal.

Per. 24

Akta 26/1963, subseksyen 33(1), berkuat kuasa dari 16-09-1963, meninggalkan perkataan “pada bila-bila masa selepas Hari Merdeka” yang terdapat selepas “mana-mana warganegara telah” dalam Fasal (1) dan (2).

Fasal (1): Lihat Per. 26A & 28(3).

Fasal (2)

- a. Perkataan “negara asing” digantikan dengan “mana-mana negara di luar Persekutuan” oleh Akta A354, perenggan 7(a), berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- b. *Lihat Per. 27(1), 28(3) & 28A(2).*

Fasal (3)

Perkataan “negara Komanwel” digantikan dengan “bahagian Komanwel itu” dan perkataan “negara itu” digantikan dengan “bahagian Komanwel itu” oleh Akta 14/1962, subseksyen 9(2), berkuat kuasa dari 01-10-1962. Fasal ini dimansuhkan oleh Akta A354, perenggan 7(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976 yang berbunyi seperti yang berikut:

“(3) Jika ada peruntukan yang berkuat kuasa di bawah undang-undang mana-mana bahagian Komanwel yang memberi warganegara di dalam bahagian Komanwel itu hak yang tidak terdapat bagi warganegara Komanwel lain, maka Fasal (2) hendaklah terpakai, berhubung dengan hak itu, seolah-olah bahagian Komanwel itu ialah suatu negara asing.”.

Fasal (3A)

Dimasukkan oleh Akta 14/1962, subseksyen 9(3), berkuat kuasa dari 01-10-1962, dan dipinda oleh Akta A354, perenggan 7(c), berkuat kuasa dari 27-08-1976 dengan memotong perkataan “dan Fasal itu sebagaimana yang terpakai menurut Fasal (3),” dan memotong “dan Fasal itu sebagaimana yang terpakai seperti yang disebut terdahulu” yang terdapat selepas perkataan “maksud Fasal (2),”.

Fasal (4): Lihat Per. 28A(3).

Per. 25

Lihat Per. 26B(2), 27(1), 28(2), 28A(2), (4), (5) & (6).

Fasal (1)

- a. Akta 14/1962, seksyen 32, berkuat kuasa dari 01-10-1962, meninggalkan perkataan “Tertakluk kepada Fasal (3)” yang terdapat di permulaan.
- b. Akta 26/1963, perenggan 33(2)(a), berkuat kuasa dari 16-09-1963, menggantikan perkataan “Perkara 17” dengan “Perkara 16A atau 17”.

untuknya di bawah undang-undang negara itu, iaitu hak-hak yang diberikan secara khusus kepada warganegara negara itu, maka Kerajaan Persekutuan boleh melalui perintah melucutkan kewarganegaraan orang itu.

(3) (*Dimansuhkan*).

(3A) Tanpa menjejaskan keluasan Fasal (2), penggunaan hak undi dalam mana-mana pemilihan politik di sesuatu tempat di luar Persekutuan hendaklah disifatkan sebagai penuntutan dan penggunaan yang sukarela suatu hak yang terdapat di bawah undang-undang tempat itu; dan bagi maksud Fasal (2), seseorang yang, selepas tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui perintah* bagi maksud Fasal ini—

- (a) memohon kepada pihak berkuasa sesuatu tempat di luar Persekutuan supaya pasport dikeluarkan atau dibaharui; atau
- (b) menggunakan pasport yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa itu sebagai dokumen perjalanan,

hendaklah disifatkan dengan sukarela menuntut dan menggunakan suatu hak yang terdapat di bawah undang-undang tempat itu, iaitu suatu hak yang diberikan secara khusus kepada warganegara tempat itu.

(4) Jika Kerajaan Persekutuan berpuas hati bahawa mana-mana perempuan yang menjadi warganegara melalui pendaftaran di bawah Fasal (1) Perkara 15 telah memperoleh kewarganegaraan mana-mana negara di luar Persekutuan oleh sebab perkahwinannya dengan seseorang yang bukan warganegara, maka Kerajaan Persekutuan boleh melalui perintah melucutkan kewarganegaraan perempuan itu.

Pelucutan kewarganegaraan melalui pendaftaran di bawah Perkara 16A atau 17 atau melalui penaturalisasian

25. (1) Kerajaan Persekutuan boleh melalui perintah melucutkan kewarganegaraan mana-mana orang yang menjadi warganegara melalui pendaftaran di bawah Perkara 16A atau 17** atau yang menjadi warganegara melalui penaturalisasian jika berpuas hati—

*10 Oktober 1963—lihat L.N. 268/1963.

**CATATAN—Perkara ini telah dimansuhkan oleh Akta Perlembagaan (Pindaan) 1962 [Akta 14/1962] mula berkuat kuasa pada 1 Julai 1963—lihat L.N. 105/1963. Lihat juga catatan pada Perkara 17.

- (a) bahawa orang itu telah menunjukkan dirinya melalui perbuatan atau percakapan sebagai tidak taat atau tidak setia kepada Persekutuan;
- (b) bahawa orang itu, dalam masa apa-apa peperangan yang dalamnya Persekutuan sedang atau telah terlibat, telah dengan menyalahi undang-undang berdagang dengan atau menghubungi musuh atau melibatkan diri atau menjadi sekutu dalam apa-apa perniagaan yang pada pengetahuannya telah dijalankan mengikut apa-apa cara sehingga dapat membantu musuh dalam peperangan itu; atau
- (c) bahawa orang itu, dalam tempoh lima tahun mulai dari tarikh pendaftaran atau dari tarikh perakuan diberikan, telah dihukum dengan pemenjaraan di mana-mana negara selama tempoh tidak kurang daripada dua belas bulan atau denda tidak kurang daripada lima ribu ringgit atau yang senilai dengannya dalam mata wang negara itu, dan telah tidak mendapat pengampunan bebas berkenaan dengan kesalahan yang kerananya dia telah dihukum sedemikian.

(1A) Kerajaan Persekutuan boleh melalui perintah melucutkan kewarganegaraan mana-mana orang yang menjadi warganegara melalui pendaftaran di bawah Perkara 16A atau 17* atau yang menjadi warganegara melalui penaturalisasian jika berpuas hati bahawa orang itu, tanpa kelulusan Kerajaan Persekutuan, telah menerima, berkhidmat dalam, atau melaksanakan tugas apa-apa jawatan, perjawatan atau pekerjaan di bawah Kerajaan mana-mana negara di luar Persekutuan atau mana-mana subbahagian politiknya, atau di bawah mana-mana agensi Kerajaan itu, dalam apa-apa hal jika suatu sumpah, ikrar atauakuan setia dikehendaki berkenaan dengan jawatan, perjawatan atau pekerjaan itu:

Dengan syarat bahawa seseorang tidaklah boleh dilucutkan kewarganegaraannya di bawah Fasal ini oleh sebab apa-apa jua yang dilakukan olehnya sebelum permulaan bulan Oktober 1962, berhubung dengan suatu negara asing, dan sebelum permulaan bulan Januari 1977, berhubung dengan suatu negara Komanwel, walaupun pada masa itu dia telah menjadi seorang warganegara.

*CATATAN—Perkara ini telah dimansuhkan oleh Akta Perlembagaan (Pindaan) 1962 [Akta 14/1962] mula berkuat kuasa pada 1 Julai 1963—lihat L.N. 105/1963. Lihat juga catatan pada Perkara 17.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 25—(*samb.*)

Fasal (1A)

- a. Ditambahkan oleh Akta 14/1962, subseksyen 10(2), berkuat kuasa dari 01-10-1962.
- b. Akta 26/1963, perenggan 33(2)(a) dan (b), berkuat kuasa dari 16-09-1963, menggantikan perkataan “Perkara 17” dengan “Perkara 16A atau 17”, dan meninggalkan perkataan “selepas pendaftaran atau penaturalisasian atau permulaan kuat kuasa Fasal ini, mengikut mana-mana yang terkemudian, dan” dan menambahkan proviso itu.
- c. Dipinda oleh Akta A354, perenggan 8(a) dan (b), berkuat kuasa dari 27-08-1976, dengan menggantikan perkataan “negeri asing” dengan “negeri luar Persekutuan”, dan dengan memasukkan selepas perkataan “Oktober, 1962,” dalam proviso perkataan “berkaitan dengan suatu negeri asing, dan sebelum permulaan bulan Januari, 1977, berkaitan dengan suatu negeri Komanwel,”.

(2) Kerajaan Persekutuan boleh melalui perintah melucutkan kewarganegaraan mana-mana orang yang menjadi warganegara melalui pendaftaran di bawah Perkara 16A atau 17* atau yang menjadi warganegara melalui penaturalisasian jika berpuas hati bahawa orang itu biasanya bermastautin di negara-negara di luar Persekutuan bagi tempoh terus-menerus selama lima tahun dan dalam tempoh itu orang itu—

- (a) tidak pernah pada bila-bila masa berada dalam perkhidmatan Persekutuan atau dalam perkhidmatan sesuatu organisasi antarabangsa yang dianggotai oleh Kerajaan Persekutuan; dan juga
- (b) tidak mendaftarkan tiap-tiap tahun di konsulat Persekutuan niatnya hendak mengekalkan kewarganegaraannya:

Dengan syarat bahawa Fasal ini tidaklah terpakai bagi apa-apa tempoh kemastautinan di mana-mana negara Komanwel sebelum permulaan bulan Januari 1977.

(3) *(Dimansuhkan)*.

Peruntukan lain bagi melucutkan kewarganegaraan melalui pendaftaran atau penaturalisasian

26. (1) Kerajaan Persekutuan boleh melalui perintah melucutkan kewarganegaraan mana-mana warganegara yang menjadi warganegara melalui pendaftaran atau melalui penaturalisasian jika berpuas hati bahawa pendaftaran atau perakuan naturalisasi itu—

- (a) telah didapati dengan cara fraud, representasi palsu atau penyembunyian apa-apa fakta material; atau
- (b) telah dibuat atau diberikan dengan silap.

(2) Kerajaan Persekutuan boleh melalui perintah melucutkan kewarganegaraan mana-mana perempuan yang menjadi warganegara melalui pendaftaran di bawah Fasal (1) Perkara 15 jika berpuas hati bahawa perkahwinan yang disebabkan olehnya perempuan itu didaftarkan telah dibubarkan, melainkan disebabkan oleh kematian, dalam tempoh dua tahun mulai dari tarikh perkahwinan itu.

(3) *(Dimansuhkan)*.

(4) *(Dimansuhkan)*.

*CATATAN—Perkara ini telah dimansuhkan oleh Akta Perlembagaan (Pindaan) 1962 [Akta 14/1962] mula berkuat kuasa pada 1 Julai 1963—lihat L.N. 105/1963. Lihat juga catatan pada Perkara 17.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 25—(samb.)

Fasal (2)

- a. Akta 14/1962, subseksyen 10(3) dan seksyen 32, berkuat kuasa dari 01-10-1962, dengan menggantikan perkataan “tujuh tahun” dengan “lima tahun (sama ada bermula sebelum, pada atau selepas Hari Merdeka)” dan memotong perkataan “Tertakluk kepada Fasal (3)”, yang terdapat di permulaan.
- b. Akta 26/1963, subseksyen 33(1) dan perenggan 33(2)(a) dan (c), berkuat kuasa dari 16-09-1963, memotong perkataan “(sama ada bermula sebelum, pada atau selepas hari Merdeka)” yang dimasukkan oleh Akta 14/1962, menggantikan perkataan “Perkara 17” dengan “Perkara 16A atau 17”, dan menggantikan perkataan “Konsulat Malaya” dengan “konsulat Persekutuan” di perenggan (b).
- c. Perkataan “negeri-negeri asing” digantikan dengan “negeri-negeri di luar Persekutuan” oleh Akta A354, perenggan 8(c), berkuat kuasa dari 27-08-1976. Suatu proviso baru kepada Fasal (2) ditambahkan oleh Akta A354, perenggan 8(d), berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- d. Perenggan (c): Lihat Jadual Kedua, Bahagian III, subseksyen 4(1).
- e. Lihat Per. 28(3).

Fasal (3)

Fasal ini dimansuhkan oleh Akta 14/1962, seksyen 32, berkuat kuasa dari 01-10-1962 dan berbunyi seperti yang berikut:

“(3) Tiada seorang pun boleh dilucutkan kewarganegaraan di bawah Perkara ini melainkan jika Kerajaan Persekutuan berpuas hati bahawa tidak berfaedah kepada kebaikan awam untuk orang itu terus menjadi warganegara; dan tiada seorang pun boleh dilucutkan kewarganegaraan di bawah Fasal (1) jika, akibat daripada pelucutan itu, dia tidak akan menjadi warganegara mana-mana negara di luar Persekutuan.”.

Per. 26

Fasal (1), (2) & (3)

- a. Akta 14/1962, seksyen 3, berkuat kuasa dari 01-10-1962, memotong Fasal (3) dan meminda Fasal (1) dan (2) dengan memotong perkataan “Tertakluk kepada Fasal (3)” yang terdapat di permulaan Fasal itu, dan mengikut subseksyen 27(3) pula membuat peruntukan yang berikut:

“(3) Jika dalam masa satu bulan selepas permulaan kuat kuasa seksyen ini Menteri menjalankan kuasa perwakilan yang diberikan oleh seksyen 4 Jadual Kedua sebagaimana yang dipinda oleh seksyen ini, mana-mana perintah di bawah Perkara 26 Perlembagaan yang dibuat sebelum penjalanan kuasa itu (sama ada dibuat sebelum atau selepas lulusnya Akta Perlembagaan (Pindaan) 1960) sama sahnyanya seolah-olah seksyen 4 tersebut telah berkuat kuasa pada masa perintah itu dibuat sebagaimana seksyen itu berkuat kuasa selepas permulaan kuat kuasa seksyen ini, dan seolah-olah penjalanan kuasa perwakilan tersebut telahpun berkuat kuasa pada masa itu.”.

- b. Fasal (3) yang dimansuhkan berbunyi seperti yang berikut:

“(3) Tiada seorang pun boleh dilucutkan kewarganegaraan di bawah Perkara ini melainkan jika Kerajaan Persekutuan berpuas hati bahawa tidak berfaedah kepada kebaikan awam untuk orang itu terus menjadi warganegara; dan tiada seorang pun boleh dilucutkan kewarganegaraan di bawah perenggan (b) Fasal (1) melainkan jika notis yang dikehendaki oleh Perkara 27 diberikan dalam masa dua belas bulan bermula dengan tarikh pendaftaran atau pemberian perakuan, mengikut mana-mana yang berkenaan.”.

Fasal (4)

Akta 19/1964, seksyen 3, berkuat kuasa dari 30-07-1964, memansuhkan Fasal (4). Fasal (4) yang dimansuhkan itu berbunyi seperti yang berikut:

“(4) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perkara ini, pendaftaran seseorang sebagai warganegara atau pemberian perakuan naturalisasi kepada mana-mana orang tidaklah boleh dipersoalkan atas alasan kesilapan.”.

Lihat Per. 26B(2), 27(1), 28A(2), Jadual Kedua, Bahagian III, subseksyen 4(1) & (3).

Fasal (1)(a): Lihat Per. 26A.

Pelucutan kewarganegaraan anak orang yang hilang kewarganegaraannya

26A. Jika seseorang telah melepaskan kewarganegaraannya atau telah dilucutkan kewarganegaraannya di bawah Fasal (1) Perkara 24 atau perenggan (a) Fasal (1) Perkara 26, maka Kerajaan Persekutuan boleh melalui perintah melucutkan kewarganegaraan mana-mana anak orang itu yang di bawah umur dua puluh satu tahun yang telah didaftarkan sebagai warganegara menurut Perlembagaan ini dan telah didaftarkan sedemikian sebagai anak orang itu atau anak isteri atau anak suami orang itu.

Peruntukan am tentang kehilangan kewarganegaraan

26B. (1) Pelepasan atau pelucutan kewarganegaraan tidaklah melepaskan seseorang daripada liabiliti berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau tidak dilakukan sebelum dia terhenti menjadi warganegara.

(2) Tiada seorang pun boleh dilucutkan kewarganegaraan di bawah Perkara 25, 26 atau 26A melainkan jika Kerajaan Persekutuan berpuas hati bahawa tidak berfaedah bagi kebaikan awam untuk dia terus menjadi warganegara; dan tiada seorang pun boleh dilucutkan kewarganegaraan di bawah Perkara 25, perenggan (b) Fasal (1) Perkara 26, atau Perkara 26A jika Kerajaan Persekutuan berpuas hati bahawa akibat daripada pelucutan itu dia tidak akan menjadi warganegara mana-mana negara.

Tatacara bagi pelucutan

27. (1) Sebelum membuat sesuatu perintah di bawah Perkara 24, 25 atau 26, Kerajaan Persekutuan hendaklah memberikan notis secara bertulis kepada orang yang terhadapnya perintah itu dicadangkan hendak dibuat memberitahu orang itu tentang alasan perintah itu dicadangkan hendak dibuat dan tentang haknya untuk merujukkan kes itu kepada suatu jawatankuasa siasatan di bawah Perkara ini.

(2) Jika mana-mana orang yang kepadanya notis itu diberikan memohon supaya kes itu dirujukkan seperti yang disebut terdahulu, maka Kerajaan Persekutuan hendaklah, dan dalam apa-apa kes lain Kerajaan Persekutuan boleh, merujukkan kes itu kepada suatu jawatankuasa siasatan yang terdiri daripada seorang pengerusi (iaitu seorang yang mempunyai pengalaman kehakiman) dan dua orang anggota lain yang dilantik oleh Kerajaan itu bagi maksud itu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 26—(samb.)

Fasal (1)(b): Lihat Per. 26B(2).

Fasal (2): Lihat Per. 28A(3).

Fasal (3) & (4): Lihat catatan di atas.

Per. 26A

1. Ditambahkan oleh Akta 14/1962, seksyen 11, berkuat kuasa dari 01-10-1962.

2. Akta 26/1963, subseksyen 29(4), berkuat kuasa dari 16-09-1963, menggantikan perkataan “Fasal (2) Perkara 15” dengan perkataan “Perlembagaan ini atau Perlembagaan Negeri Singapura, dan telah didaftarkan sedemikian sebagai anak orang itu atau anak isteri atau suami orang itu”.

3. Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965, meninggalkan perkataan “atau Perlembagaan Negeri Singapura”.

4. *Lihat Per. 26B(2) & 28A(2).*

Per. 26B

Ditambahkan oleh Akta 14/1962, seksyen 11, berkuat kuasa dari 01-10-1962.

Fasal (2): Lihat Per. 28A(6).

Per. 27

Lihat Per. 28A(6), Jadual Kedua, Bahagian III, subseksyen 4(1) & 9.

(3) Dalam hal mana-mana rujukan sedemikian, jawatankuasa itu hendaklah mengadakan suatu siasatan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Kerajaan Persekutuan, dan mengemukakan laporannya kepada Kerajaan itu; dan Kerajaan Persekutuan hendaklah mengambil kira laporan itu dalam memutuskan sama ada hendak membuat perintah itu atau tidak.

Pemakaian Bab 2 bagi warganegara tertentu melalui kuat kuasa undang-undang

28. (1) Bagi maksud peruntukan yang terdahulu dalam Bab ini—

- (a) mana-mana orang yang sebelum Hari Merdeka menjadi warganegara persekutuan atau warganegara bagi Persekutuan melalui pendaftaran sebagai warganegara atau berikutan dengan pendaftarannya sebagai rakyat seseorang Raja, atau melalui pemberian perakuan kewarganegaraan, di bawah mana-mana peruntukan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, atau mana-mana peruntukan mana-mana undang-undang Negeri hendaklah dikira sebagai warganegara melalui pendaftaran dan, jika dia tidak dilahirkan di dalam Persekutuan, sebagai warganegara melalui pendaftaran di bawah Perkara 17*;
- (b) seseorang perempuan yang sebelum Hari Merdeka menjadi warganegara persekutuan atau warganegara bagi Persekutuan melalui pendaftaran sebagai warganegara, atau berikutan dengan pendaftarannya sebagai rakyat seseorang Raja, di bawah mana-mana peruntukan Perjanjian tersebut atau mana-mana peruntukan mana-mana undang-undang Negeri yang membenarkan pendaftaran perempuan yang berkahwin dengan warganegara bagi Persekutuan atau dengan rakyat Raja hendaklah dikira sebagai warganegara melalui pendaftaran di bawah Fasal (1) Perkara 15;
- (c) mana-mana orang yang sebelum Hari Merdeka telah dinaturalisasikan sebagai warganegara persekutuan atau warganegara bagi Persekutuan di bawah Perjanjian tersebut atau yang menjadi warganegara persekutuan atau warganegara bagi Persekutuan berikutan dengan penaturalisasiannya sebagai rakyat seseorang Raja di bawah mana-mana undang-undang Negeri hendaklah (tertakluk kepada Fasal (2)) dikira sebagai warganegara melalui penaturalisasian,

*CATATAN—Perkara ini telah dimansuhkan oleh Akta Perlembagaan (Pindaan) 1962 [Akta 14/1962] mula berkuat kuasa pada 1 Julai 1963—lihat L.N. 105/1963. Lihat juga catatan pada Perkara 17.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 28

1. *Lihat* Jadual Kedua, Bahagian III, subseksyen 10(2).
2. *Lihat* Enakmen Kerakyatan Negeri 1952 bagi Negeri masing-masing.

Fasal (3)

Ditambahkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 33(1), berkuat kuasa dari 16-09-1963.

dan sebutan dalam peruntukan itu mengenai pendaftaran atau penaturalisasian seseorang warganegara hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

(2) Tiada seorang pun yang dilahirkan di dalam Persekutuan boleh menurut kuasa Perkara ini dilucutkan kewarganegaraan di bawah Perkara 25.

(3) Seseorang yang pada Hari Merdeka menjadi warganegara melalui kuat kuasa undang-undang oleh sebab telah menjadi warganegara bagi Persekutuan sebaik sebelum hari itu tidak boleh dilucutkan kewarganegaraan di bawah Fasal (1) atau (2) Perkara 24 oleh sebab apa-apa jua yang dilakukan pada atau sebelum hari itu; tetapi dalam hal mana-mana orang sedemikian Fasal (2) Perkara 25 hendaklah terpakai juga berhubung dengan tempoh kemastautinan di negara-negara asing yang bermula sebelum Hari Merdeka dan berhubung dengan sesuatu tempoh sedemikian yang bermula pada atau selepas hari itu.

Pelucutan kewarganegaraan orang yang menjadi warganegara pada Hari Malaysia

28A. (1) (*Dimansuhkan*).

(2) Bagi maksud Perkara 24, 25, 26 dan 26A seseorang yang pada Hari Malaysia menjadi warganegara melalui kuat kuasa undang-undang kerana sebaik sebelum hari itu dia mempunyai taraf warganegara United Kingdom dan Tanah-Tanah Jajahan hendaklah dikira—

- (a) sebagai warganegara melalui pendaftaran jika dia memperoleh taraf itu melalui pendaftaran; dan
- (b) sebagai warganegara melalui penaturalisasian jika dia memperoleh taraf itu melalui atau berikutan dengan penaturalisasian,

dan sebutan dalam Perkara itu mengenai pendaftaran atau penaturalisasian seseorang warganegara hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

(3) Jika di bawah Perkara ini seseorang perempuan hendaklah dikira sebagai warganegara melalui pendaftaran, dan taraf yang berikutan dengannya dia hendaklah dikira sedemikian telah diperolehnya oleh sebab perkahwinan, maka bagi maksud Fasal (4) Perkara 24 dan Fasal (2) Perkara 26 dia hendaklah dikira sebagai warganegara melalui pendaftaran di bawah Fasal (1) Perkara 15.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 28A

Perkara ini ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 30, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Fasal (1)

Fasal ini dimansuhkan oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965. Ia berbunyi seperti yang berikut:

“(1) Bagi maksud Perkara 24, 25, 26 dan 26A seseorang yang menjadi warganegara melalui kuat kuasa undang-undang kerana mempunyai taraf warganegara Singapura hendaklah dikira—

- (a) sebagai warganegara melalui pendaftaran jika dia memperoleh taraf itu melalui pendaftaran, atau jika dia memperolehnya melalui pendaftaran apabila dia pernah menjadi (atau bagi maksud itu dikira menjadi) warganegara Persekutuan melalui pendaftaran; dan
- (b) sebagai warganegara melalui penaturalisasian, jika dia memperoleh taraf itu melalui penaturalisasian, atau jika memperolehnya melalui pendaftaran apabila dia pernah menjadi (atau bagi maksud itu dikira menjadi) warganegara Persekutuan melalui penaturalisasian,

dan sebutan dalam Perkara itu mengenai pendaftaran atau penaturalisasian seseorang warganegara hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.”.

(4) Jika di bawah Perkara ini seseorang yang dilahirkan sebelum Hari Malaysia hendaklah dikira sebagai warganegara melalui pendaftaran oleh sebab hubungan dengan Negeri Sabah atau Sarawak dan dia tidak dilahirkan di wilayah-wilayah yang termasuk di dalam Negeri Sabah dan Sarawak, maka Perkara 25 hendaklah terpakai baginya seolah-olah dia ialah seorang warganegara melalui pendaftaran di bawah Perkara 16A atau 17*.

(5) Walaupun di bawah Perkara ini seseorang hendaklah dikira sebagai warganegara melalui penaturalisasian, dia tidaklah boleh dilucutkan kewarganegaraannya di bawah Perkara 25 jika dia dilahirkan sebelum Hari Malaysia di wilayah-wilayah yang termasuk di dalam Negeri Sabah dan Sarawak, dan dia hendaklah dikira sedemikian oleh sebab taraf yang diperoleh melalui atau berikutan dengan penaturalisasian di wilayah-wilayah itu.

(6) Tanpa menjejaskan Fasal-Fasal yang terdahulu, jika pada Hari Malaysia seseorang menjadi warganegara melalui kuat kuasa undang-undang oleh sebab apa-apa taraf yang dimilikinya sebaik sebelum hari itu, tetapi taraf itu boleh dilucutkan daripadanya di bawah undang-undang yang berhubungan dengan pelucutan itu berkenaan dengan perkara-perkara yang dilakukan sebelum hari itu, maka Kerajaan Persekutuan boleh melalui perintah melucutkan kewarganegaraannya, jika prosiding bagi maksud itu dimulakan sebelum bulan September 1965; tetapi Fasal (2) Perkara 26B dan, tertakluk kepada Fasal (7), Perkara 27 hendaklah terpakai bagi perintah di bawah Fasal ini sebagaimana Fasal-Fasal itu terpakai bagi perintah di bawah Perkara 25.

(7) Jika seseorang boleh dilucutkan kewarganegaraannya di bawah Fasal (6) dan prosiding telah dimulakan sebelum Hari Malaysia untuk melucutkan taraf yang disebabkan olehnya dia memperoleh kewarganegaraannya, maka prosiding itu hendaklah dikira sebagai prosiding untuk melucutkan kewarganegaraannya di bawah Fasal itu, dan hendaklah diteruskan sebagai yang demikian; tetapi prosiding itu hendaklah diteruskan mengikut undang-undang yang berhubungan dengan taraf itu sebaik sebelum Hari Malaysia, dan fungsi Kerajaan Persekutuan berhubung dengannya hendaklah diwakilkan kepada mana-mana pihak berkuasa Negeri yang berkenaan sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan.

*CATATAN—Perkara ini telah dimansuhkan oleh Akta Perlembagaan (Pindaan) 1962 [*Akta 14/1962*] mula berkuat kuasa pada 1 Julai 1963—lihat seksyen 5 Akta 14/1962. Lihat juga catatan pada Perkara 17.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 28A—(*samb.*)

Fasal (4)

- a. Perkataan “atau dengan Singapura” yang terdapat selepas “Negeri Borneo” dan perkataan “atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, di dalam Negeri Singapura,” yang terdapat selepas “Negeri-Negeri Borneo” dipotong oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965.
- b. Perkataan “suatu Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah atau Sarawak” oleh Akta A514, seksyen 19, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (4) & (5)

Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (6) & (7): Lihat Jadual Kedua, Bahagian III, subseksyen 4(2).

*Bab 3—Tambahan***Kewarganegaraan Komanwel**

29. (1) Mengikut kedudukan Persekutuan di dalam Komanwel, tiap-tiap orang yang menjadi warganegara Persekutuan menikmati, oleh sebab kewarganegaraannya itu, taraf warganegara Komanwel bersama-sama dengan warganegara negara-negara Komanwel yang lain.

(2) Kecuali setakat yang diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, mana-mana undang-undang yang sedia ada hendaklah terpakai berhubung dengan warganegara Republik Ireland yang bukan juga warganegara Komanwel sebagaimana undang-undang itu terpakai berhubung dengan warganegara Komanwel.

Perakuan kewarganegaraan

30. (1) Apabila permohonan dibuat oleh mana-mana orang yang berkenaan dengan kewarganegaraannya terdapat keraguan, sama ada mengenai fakta atau mengenai undang-undang, Kerajaan Persekutuan boleh memperakui bahawa orang itu ialah seorang warganegara.

(2) Sesuatu perakuan yang dikeluarkan di bawah Fasal (1), melainkan jika dibuktikan bahawa perakuan itu telah didapati dengan cara fraud, representasi palsu atau penyembunyian apa-apa fakta material, hendaklah menjadi keterangan konklusif bahawa orang yang dimaksudkan olehnya ialah seorang warganegara pada tarikh perakuan itu, tetapi tanpa menjejaskan apa-apa keterangan bahawa dia ialah seorang warganegara pada tarikh yang lebih awal.

(3) Bagi maksud menentukan sama ada seseorang dilahirkan sebagai warganegara Persekutuan, apa-apa soal sama ada dia dilahirkan sebagai warganegara suatu negara lain hendaklah diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan dan perakuan Kerajaan Persekutuan mengenai soal itu adalah konklusif (melainkan jika dibuktikan bahawa perakuan itu telah didapati dengan cara fraud, representasi palsu atau penyembunyian sesuatu fakta material).

(4) *(Dimansuhkan).*

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 30

Fasal (1)

- a. Akta 10/1960, perenggan (2)(a), berkuat kuasa dari 01-12-1960, menggantikan perkataan “pihak berkuasa pendaftaran” dengan “Kerajaan Persekutuan”.
 - b. *Lihat* Jadual Kedua, Bahagian III, perenggan 10(1)(c).
1. Akta 26/1963, subseksyen 24(3), berkuat kuasa dari 16-09-1963, menambahkan Fasal (3) dan (4) dan meminda Fasal (2) dengan menggantikan perkataan “Perkara ini” dengan “Fasal (1)”.

2. Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965, memotong perkataan “; dan Fasal ini hendaklah terpakai bagi soalan-soalan yang berbangkit di bawah Perlembagaan Negeri Singapura dan juga bagi soalan-soalan yang berbangkit di bawah Perlembagaan ini” yang terdapat di hujung Fasal (3) dan memansuhkan Fasal (4) yang berbunyi seperti yang berikut:

“(4) Mana-mana perakuan yang dikeluarkan di bawah Fasal (1) boleh menyatakan bahawa orang yang dimaksudkan itu ialah atau bukanlah seorang warganegara Singapura, dan Fasal (2) hendaklah terpakai dengan sewajarnya; dan jika Perlembagaan Negeri Singapura membuat peruntukan bagi kerajaan Negeri mengeluarkan perakuan kewarganegaraan Singapura, Fasal (2) hendaklah terpakai berhubung dengan perakuan yang dikeluarkan di bawah peruntukan itu sebagaimana Fasal itu terpakai bagi perakuan yang dikeluarkan di bawah Fasal (1).”.
 3. *Lihat* Jadual Kedua, Bahagian III, perenggan 16(2)(c).

30A. (*Dimansuhkan*).

30B. (*Dimansuhkan*).

Pemakaian Jadual Kedua

31. Sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, peruntukan tambahan yang terkandung dalam Bahagian III Jadual Kedua hendaklah berkuat kuasa bagi maksud Bahagian ini.

BAHAGIAN IV

PERSEKUTUAN

Bab 1—Ketua Utama Negara

Ketua Utama Negara bagi Persekutuan, dan Isterinya

32. (1) Maka hendaklah ada seorang Ketua Utama Negara bagi Persekutuan, digelar Yang di-Pertuan Agong, yang hendaklah diberi keutamaan daripada segala orang di dalam Persekutuan dan yang tidak boleh dikenakan apa-apa jua pun prosiding di dalam mana-mana mahkamah kecuali di dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV.

(2) Isteri Yang di-Pertuan Agong (digelar Raja Permaisuri Agong) hendaklah diberi keutamaan daripada segala orang lain di dalam Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong.

(3) Yang di-Pertuan Agong hendaklah dipilih oleh Majlis Raja-Raja bagi tempoh lima tahun, tetapi boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui surat yang ditandatangani sendiri olehnya yang ditujukan kepada Majlis Raja-Raja atau boleh dipecat daripada jawatannya oleh Majlis Raja-Raja, dan hendaklah berhenti memegang jawatan apabila terhenti menjadi Raja.

(4) Peruntukan Bahagian I dan III Jadual Ketiga hendaklah terpakai bagi pemilihan dan pemecatan Yang di-Pertuan Agong.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 30A

Perkara ini dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 31, berkuat kuasa dari 16-09-1963, dan dimansuhkan oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965. Ia berbunyi seperti yang berikut:

“30A. (1) Walau apa pun apa-apa jua dalam Perkara 47, seseorang warganegara Singapura tidak layak untuk menjadi ahli dipilih mana-mana satu Majlis Parlimen kecuali sebagai ahli bagi atau dari Singapura; dan seseorang warganegara yang bukan warganegara Singapura tidak layak untuk menjadi ahli mana-mana satu Majlis bagi atau dari Singapura.

(2) Seseorang warganegara Singapura tidaklah layak menjadi ahli dipilih bagi Dewan Undangan mana-mana Negeri selain Singapura, dan seseorang warganegara yang bukan warganegara Singapura tidaklah layak menjadi ahli Dewan Undangan bagi Singapura.

(3) Walau apa pun apa-apa jua dalam Perkara 119, seseorang warganegara tidak berhak untuk mengundi di dalam bahagian pilihan raya dalam mana-mana pilihan raya ke Dewan Rakyat atau Dewan Undangan jika—

(a) bahagian pilihan raya itu tidak terletak di dalam Negeri Singapura dan dia seorang warganegara Singapura pada tarikh kelayakan (sebagaimana ditakrifkan dalam Perkara itu); atau

(b) jika bahagian pilihan raya itu terletak di dalam Negeri Singapura dan dia bukan seorang warganegara Singapura pada tarikh itu.

(4) Mana-mana pemilihan seseorang ke mana-mana satu Majlis Parlimen atau ke Dewan Undangan yang berlawanan dengan Fasal (1) atau (2) adalah tidak sah; dan jika seseorang ahli mana-mana Majlis atau Dewan Undangan (yang bukannya seorang ahli dilantik) menukarkan tarafnya sebagai atau bukan menjadi warganegara Singapura, kerusinya hendaklah menjadi kosong.”.

Per. 30B

Perkara ini dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 32, berkuat kuasa dari 16-09-1963, dan dimansuhkan oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965. Ia berbunyi seperti yang berikut:

“30B. (1) Jika di bawah Perlembagaan ini, seseorang menjadi warganegara Singapura melalui penaturalisasian, atau didaftarkan sebagai warganegara yang bukan warganegara Singapura, atau selaku warganegara Singapura melepaskan atau dilucutkan kewarganegaraannya, atau jika perakuan kewarganegaraan atau perakuan lain dikeluarkan di bawah Perkara 30 berhubung dengan kewarganegaraan Singapura, Kerajaan Persekutuan hendaklah memberitahu Kerajaan Singapura hakikat itu.

(2) Jika di bawah Perlembagaan Negeri Singapura, seseorang menjadi warganegara Singapura melalui pendaftaran atau didaftarkan sebagai warganegara Singapura, atau dilucutkan kewarganegaraannya, atau jika perakuan kewarganegaraan dikeluarkan di bawah Perlembagaan itu, Kerajaan Singapura hendaklah memberitahu Kerajaan Persekutuan hakikat itu.”.

Per. 31

Dipinda oleh Akta 26/1963, perenggan 24(1)(b), berkuat kuasa dari 16-09-1963, dengan memasukkan perkataan “Bahagian III”.

Per. 32

Fasal (1)

Perkataan “kecuali di dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV” dimasukkan oleh Akta A848, seksyen 2, berkuat kuasa dari 30-03-1993.

Timbalan Ketua Utama Negara bagi Persekutuan

33. (1) Maka hendaklah ada seorang Timbalan Ketua Utama Negara bagi Persekutuan (digelar Timbalan Yang di-Pertuan Agong) yang hendaklah menjalankan fungsi dan mempunyai keistimewaan Yang di-Pertuan Agong selama apa-apa kekosongan dalam jawatan Yang di-Pertuan Agong dan selama apa-apa tempoh semasa Yang di-Pertuan Agong tidak dapat menjalankan fungsi jawatannya kerana sakit, tidak ada di dalam Persekutuan atau kerana apa-apa sebab lain, tetapi Timbalan Yang di-Pertuan Agong tidak boleh menjalankan fungsi itu semasa Yang di-Pertuan Agong tidak berdaya atau tidak ada di dalam Persekutuan selama tempoh yang dijangka kurang daripada lima belas hari, melainkan jika Timbalan Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa adalah perlu atau suai manfaat untuk menjalankan fungsi itu.

(2) Timbalan Yang di-Pertuan Agong hendaklah dipilih oleh Majlis Raja-Raja bagi tempoh lima tahun, atau jika dipilih dalam tempoh yang baginya Yang di-Pertuan Agong dipilih, bagi baki tempoh itu, tetapi boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui surat yang ditandatangani sendiri olehnya yang ditujukan kepada Majlis Raja-Raja, dan hendaklah berhenti memegang jawatan apabila terhenti menjadi Raja.

(3) Jika dalam tempoh yang baginya Timbalan Yang di-Pertuan Agong itu dipilih berlaku kekosongan dalam jawatan Yang di-Pertuan Agong, maka tempoh jawatannya hendaklah tamat apabila kekosongan itu diisi.

(4) Peruntukan Bahagian II Jadual Ketiga hendaklah terpakai bagi pemilihan Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

(5) Parlimen boleh melalui undang-undang* membuat peruntukan supaya fungsi Yang di-Pertuan Agong dijalankan oleh seorang Raja dalam hal jika fungsi itu kena menurut Fasal (1) dijalankan oleh Timbalan Yang di-Pertuan Agong tetapi tidak dapat dijalankan sedemikian kerana jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong kosong atau kerana Timbalan Yang di-Pertuan Agong sakit, tidak ada di dalam Persekutuan atau kerana apa-apa sebab lain; tetapi undang-undang sedemikian tidak boleh diluluskan tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja.

*Lihat Akta Yang di-Pertuan Agong (Penjalanan Fungsi) 1957 [Akta 373].

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 33

Fasal (1)

Perkataan “tetapi Timbalan Kepala Utama Negara tidak boleh menjalankan tugas-tugas itu dalam masa Yang di-Pertuan Agong tidak ada dalam Persekutuan selama yang dijangka kurang daripada lima belas hari” digantikan dengan “tetapi Timbalan Yang di-Pertuan Agong tidak boleh menjalankan fungsi itu semasa Yang di-Pertuan Agong tidak berdaya atau tidak ada di dalam Persekutuan selama tempoh yang dijangka kurang daripada lima belas hari, melainkan jika Timbalan Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa adalah perlu atau suai manfaat untuk menjalankan fungsi itu” oleh Akta A354, perenggan 10(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (2)

Perkataan “Timbalan Kepala Utama Negara” digantikan dengan “Timbalan Yang di-Pertuan Agong” oleh Akta A354, seksyen 11, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (3)

Perkataan “Timbalan Kepala Utama Negara bagi Persekutuan” digantikan dengan “Timbalan Yang di-Pertuan Agong” oleh Akta A354, seksyen 11, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (5)

- a. *Lihat* Per. 37(4).
- b. Akta Yang di-Pertuan Agong (Penjalanan Fungsi) 1957 [*Akta 373*].

Yang di-Pertuan Agong hendaklah terhenti menjalankan fungsi Yang di-Pertuan Agong jika dipertuduh atas suatu kesalahan

33A. (1) Jika Yang di-Pertuan Agong dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang di dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV dia hendaklah terhenti menjalankan fungsi Yang di-Pertuan Agong.

(2) Tempoh Yang di-Pertuan Agong terhenti, di bawah Fasal (1), menjalankan fungsi Yang di-Pertuan Agong hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada tempoh jawatan Yang di-Pertuan Agong yang diperuntukkan dalam Fasal (3) Perkara 32.

Ketidakbolehan Yang di-Pertuan Agong, dsb.

34. (1) Yang di-Pertuan Agong tidak boleh menjalankan fungsinya sebagai Raja Negerinya kecuali fungsinya sebagai Ketua agama Islam.

(2) Yang di-Pertuan Agong tidak boleh memegang apa-apa jawatan yang baginya ada apa-apa saraan.

(3) Yang di-Pertuan Agong tidak boleh melibatkan diri secara aktif dalam apa-apa perusahaan komersial.

(4) Yang di-Pertuan Agong tidak boleh menerima apa-apa jua jenis emolumen yang kena dibayar atau terakru kepadanya sebagai Raja Negerinya di bawah peruntukan Perlembagaan Negeri itu atau peruntukan mana-mana undang-undang Negeri.

(5) Yang di-Pertuan Agong tidak boleh, tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja, meninggalkan Persekutuan selama lebih daripada lima belas hari, kecuali semasa lawatan Negara ke suatu negara lain.

(6) Fasal (2) dan (3) hendaklah juga terpakai bagi Raja Permaisuri Agong.

(7) Jika Timbalan Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh undang-undang menjalankan fungsi Yang di-Pertuan Agong selama tempoh melebihi lima belas hari, maka Fasal (1) hingga (5) hendaklah terpakai baginya sepanjang tempoh itu sebagaimana Fasal-Fasal itu terpakai bagi Yang di-Pertuan Agong.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 33A

Perkara ini ditambahkan oleh Akta A848, seksyen 2A, berkuat kuasa dari 30-03-1993.

Per. 34

Fasal (2)

Perkataan “jawatan berpendapatan” digantikan dengan “jawatan yang baginya ada apa-apa saraan” oleh Akta A354, perenggan 12(a), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (6)

Fasal (6) yang ada sekarang dimasukkan oleh Akta A354, perenggan 12(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976, dan menggantikan Fasal yang dahulu yang berbunyi seperti yang berikut:

“(6) Raja Permaisuri Agong tidaklah boleh memegang apa-apa jawatan di bawah Persekutuan atau mana-mana Negeri.”.

Fasal (7)

Perkataan “Timbalan Kepala Utama Negara bagi Persekutuan” digantikan dengan “Timbalan Yang di-Pertuan Agong” oleh Akta A354, seksyen 11, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

(8) Tiada apa-apa jua dalam Fasal (1) boleh menghalang Yang di-Pertuan Agong daripada menjalankan apa-apa kuasa yang terletak hak padanya sebagai Raja Negerinya sama ada berseorangan atau bersama-sama dengan mana-mana pihak berkuasa lain—

- (a) bagi meminda Perlembagaan Negeri itu; atau
- (b) bagi melantik seorang Pemangku Raja atau anggota Majlis Pemangku Raja sebagai ganti mana-mana Pemangku Raja atau anggota Majlis Pemangku Raja, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang telah mati atau yang tidak berupaya kerana apa-apa sebab untuk masing-masing melaksanakan tugas jawatan Pemangku Raja atau anggota Majlis Pemangku Raja.

Peruntukan Diraja bagi Yang di-Pertuan Agong dan Isterinya dan saraan Timbalan Yang di-Pertuan Agong

35. (1) Parlimen hendaklah melalui undang-undang* memperuntukkan suatu Peruntukan Diraja bagi Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah termasuk peruntukan untuk membayar anuiti kepada Raja Permaisuri Agong, dan Peruntukan Diraja itu hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan dan tidak boleh dikurangkan semasa Yang di-Pertuan Agong memegang jawatannya.

(2) Parlimen hendaklah melalui undang-undang** membuat peruntukan bagi saraan Timbalan Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk menjalankan fungsi Yang di-Pertuan Agong selama apa-apa tempoh semasa dia menjalankan fungsi itu, dan saraan yang diperuntukkan menurut Fasal ini hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan.

Mohor Besar

36. Yang di-Pertuan Agong hendaklah menyimpan dan menggunakan Mohor Besar Persekutuan***.

*Lihat Akta Peruntukan Diraja 1982 [Akta 269].

**Lihat Akta Timbalan Yang di-Pertuan Agong (Saraan) 1958 [Akta 374].

***Lihat P.W. P.T.M 3625/1952.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 34—(samb.)

Fasal (8)

Fasal ini dimasukkan oleh Akta 10/1960, subseksyen 3(1), berkuat kuasa dari 31-05-1960. Fasal ini menggantikan Fasal yang dahulu yang ditambahkan oleh Ordinan F.M. 42/1958, berkuat kuasa dari 05-12-1958, yang berbunyi seperti yang berikut:

“(8) Tiada apa-apa jua dalam Fasal (1) boleh menghalang Yang di-Pertuan Agong daripada menjalankan sebagai Raja bagi Negerinya apa-apa kuasa yang terletak hak padanya sama ada berseorangan atau bersama-sama dengan mana-mana pihak berkuasa yang lain—

(a) bagi meminda Perlembagaan Negeri itu bagi maksud—

- (i) memasukkan ke dalamnya semua atau mana-mana peruntukan perlu yang disebut dalam Fasal (4) Perkara 71, atau peruntukan yang sebahagian besar isinya mempunyai maksud yang sama;
- (ii) menghapuskan mana-mana peruntukan yang tidak selaras dengan peruntukan perlu itu daripada Perlembagaan Negeri itu; atau
- (iii) mendapatkan keadaan peralihan yang memuaskan tentang perkiraan di sisi perlembagaan yang dijangkakan disebabkan oleh peruntukan perlu itu; atau

(b) bagi melantik seorang Pemangku Raja atau anggota Majlis Pemangku Raja menggantikan mana-mana Pemangku Raja atau anggota Majlis Pemangku Raja, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang telah mati atau yang tidak berupaya kerana apa-apa sebab untuk masing-masing melaksanakan tugas-tugas jawatan Pemangku Raja atau anggota Majlis Pemangku Raja.”.

Per. 35

Fasal (1)

Perkataan “dan Peruntukan Diraja bagi Raja Permaisuri Agong dan Peruntukan-Peruntukan Diraja itu” digantikan dengan “yang hendaklah termasuk peruntukan untuk membayar anuiti kepada Raja Permaisuri Agong, dan Peruntukan Diraja itu” oleh Akta 14/1962, seksyen 12, berkuat kuasa dari 21-06-1962.

Fasal (2)

- a. Perkataan “dan saraan yang diperuntukkan menurut Fasal ini hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan” ditambahkan oleh Akta 19/1964, subseksyen 4(1), berkuat kuasa dari 01-01-1965.
- b. Perkataan “Timbalan Kepala Utama Negara” dan “Timbalan Kepala Utama Negara bagi Persekutuan” digantikan dengan “Timbalan Yang di-Pertuan Agong” oleh Akta A354, seksyen 11, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Sumpah jawatan bagi Yang di-Pertuan Agong

37. (1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah sebelum menjalankan fungsinya mengangkat dan menandatangani sumpah jawatan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Keempat di hadapan Majlis Raja-Raja dan dengan kehadiran Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan (atau semasa ketiadaannya dengan kehadiran hakim Mahkamah Persekutuan yang kanan selepasnya yang ada); dan sumpah itu hendaklah diakusaksikan oleh dua orang yang dilantik bagi maksud itu oleh Majlis Raja-Raja.

(2) Timbalan Yang di-Pertuan Agong hendaklah sebelum menjalankan fungsinya, selain fungsi yang boleh dijalankan bagi maksud memanggil Majlis Raja-Raja bermesyuarat, mengangkat dan menandatangani sumpah jawatan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Keempat di hadapan Majlis Raja-Raja dan dengan kehadiran Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan (atau semasa ketiadaannya dengan kehadiran hakim Mahkamah Persekutuan yang kanan selepasnya yang ada).

(3) Sumpah-sumpah tersebut, yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, dinyatakan dalam Bahagian III Jadual Keempat.

(4) Apa-apa undang-undang yang dibuat di bawah Fasal (5) Perkara 33 hendaklah membuat peruntukan yang bersamaan dengan Fasal (2) (dengan ubah suaian yang perlu).

*Bab 2—Majlis Raja-Raja***Majlis Raja-Raja**

38. (1) Maka hendaklah ada suatu Majlis Raja-Raja yang hendaklah ditubuhkan mengikut Jadual Kelima.

(2) Majlis Raja-Raja hendaklah menjalankan fungsinya bagi—

- (a) memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong mengikut peruntukan Jadual Ketiga;
- (b) mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama diperluas ke Persekutuan secara menyeluruh;

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 37

1. Perkataan “Hakim Besar bagi Persekutuan” dan “Mahkamah Agung” yang terdapat dalam Fasal (1) dan (2) digantikan dengan “Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan” dan “Mahkamah Persekutuan” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. Subseksyen 18(2) Akta A566, berkuat kuasa dari 01-01-1985, memperuntukkan bahawa sebutan mengenai Mahkamah Persekutuan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Mahkamah Agung.
3. Perkataan “Agung” dan “Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung” digantikan dengan “Persekutuan” dan “Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan” oleh Akta A885, seksyen 3, berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Fasal (2)

Perkataan “Timbalan Kepala Utama Negara bagi Persekutuan” digantikan dengan “Timbalan Yang di-Pertuan Agong” oleh Akta A354, seksyen 11, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Per. 38

Fasal (2)(a)

Perkataan “Timbalan Kepala Utama Negara bagi Persekutuan” digantikan dengan “Timbalan Yang di-Pertuan Agong” oleh Akta A354, seksyen 11, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (2)(d) & (e): Ditambahkan oleh Akta A848, perenggan 3(a), berkuat kuasa dari 30-03-1993.

Fasal (3)

Perkataan “Gabenor-Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A514, seksyen 19, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

- (c) memperkenankan atau tidak memperkenankan apa-apa undang-undang dan membuat atau memberikan nasihat mengenai apa-apa pelantikan yang di bawah Perlembagaan ini dikehendaki diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja atau dikehendaki dibuat oleh atau selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja;
- (d) melantik anggota Mahkamah Khas di bawah Fasal (1) Perkara 182;
- (e) memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum, atau meremitkan, menggantung atau meringankan hukuman, di bawah Fasal (12) Perkara 42,

dan boleh menimbang teliti soal-soal mengenai dasar negara (misalnya perubahan-perubahan tentang dasar imigresen) dan apa-apa perkara lain yang difikirkannya patut.

(3) Apabila Majlis Raja-Raja menimbang teliti perkara-perkara mengenai dasar negara Yang di-Pertuan Agong hendaklah disertai oleh Perdana Menteri, dan Raja-Raja yang lain serta Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri disertai oleh Menteri-Menteri Besar atau Ketua-Ketua Menteri mereka; dan penimbangtelitian itu adalah antara fungsi yang dijalankan oleh Yang di-Pertuan Agong mengikut nasihat Jemaah Menteri, dan oleh Raja-Raja yang lain serta Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri itu mengikut nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan mereka.

(4) Tiada undang-undang yang secara langsung menyentuh keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-Raja boleh diluluskan tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja.

(5) Majlis Raja-Raja hendaklah dirundingi sebelum dibuat apa-apa perubahan tentang dasar yang menyentuh tindakan pentadbiran di bawah Perkara 153.

(6) Anggota-anggota Majlis Raja-Raja boleh bertindak menurut budi bicara mereka dalam apa-apa prosiding yang berhubungan dengan fungsi yang berikut, iaitu:

- (a) memilih Yang di-Pertuan Agong atau memecat Yang di-Pertuan Agong daripada jawatannya, atau memilih Timbalan Yang di-Pertuan Agong;
- (b) memberikan nasihat mengenai apa-apa pelantikan;

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 38—(samb.)

Fasal (6)

Perkataan “Timbalan Kepala Utama Negara bagi Persekutuan” digantikan dengan “Timbalan Yang di-Pertuan Agong” oleh Akta A354, seksyen 11, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (6)(e) & (f): Ditambahkan oleh Akta A848, perenggan 3(b), berkuat kuasa dari 30-03-1993.

Fasal (7)

- a. Fasal ini yang dimasukkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 7(3), berkuat kuasa dari 16-09-1963, dan dimansuhkan oleh Akta A354, seksyen 13, berkuat kuasa dari 27-08-1976, berbunyi seperti yang berikut:

“(7) Fungsi Majlis Raja-Raja mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama diperluas ke Persekutuan secara menyeluruh tidaklah boleh diperluas ke Sabah dan Sarawak, dan dengan demikian Negeri-Negeri tersebut hendaklah dikira terkecuali daripada sebutan dalam Fasal (2) Perkara 3 dan dalam Perkara ini mengenai Persekutuan secara menyeluruh.”.

- b. *Lihat* Per. 159(5).

- (c) memperkenankan atau tidak memperkenankan apa-apa undang-undang yang mengubah sempadan-sempadan sesuatu Negeri atau yang menyentuh keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-Raja;
 - (d) mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama diperluas ke Persekutuan secara menyeluruh;
 - (e) pelantikan anggota Mahkamah Khas di bawah Fasal (1) Perkara 182; atau
 - (f) memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum, atau meremitkan, menggantung atau meringankan hukuman, di bawah Fasal (12) Perkara 42.
- (7) (*Dimansuhkan*).

Bab 3—Badan Eksekutif

Kuasa eksekutif Persekutuan

39. Kuasa eksekutif Persekutuan hendaklah terletak hak pada Yang di-Pertuan Agong dan, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang persekutuan dan peruntukan Jadual Kedua, bolehlah dijalankan olehnya atau oleh Jemaah Menteri atau oleh mana-mana Menteri yang diberi kuasa oleh Jemaah Menteri, tetapi Parlimen boleh, melalui undang-undang, memberikan fungsi eksekutif kepada orang lain.

Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat

40. (1) Pada menjalankan fungsinya di bawah Perlembagaan ini atau undang-undang persekutuan, Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri atau nasihat seseorang Menteri yang bertindak di bawah kuasa am Jemaah Menteri, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Perlembagaan ini; tetapi Yang di-Pertuan Agong berhak, atas permintaannya, untuk mendapat apa-apa maklumat berkenaan dengan pemerintahan Persekutuan yang boleh didapati oleh Jemaah Menteri.

(1A) Pada menjalankan fungsinya di bawah Perlembagaan ini atau undang-undang persekutuan, jika Yang di-Pertuan Agong dikehendaki bertindak mengikut nasihat, atas nasihat, atau selepas menimbangkan nasihat, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menerima dan bertindak mengikut nasihat itu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 39

Perkataan “dan, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang persekutuan dan peruntukan Jadual Kedua, bolehlah dijalankan olehnya atau oleh Jemaah Menteri atau oleh mana-mana Menteri yang diberi kuasa oleh Jemaah Menteri” dimasukkan oleh Akta 14/1962, seksyen 13, berkuat kuasa dari 31-08-1957.

Per. 40

Lihat Per. 153(2).

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh bertindak menurut budi bicaranya pada melaksanakan fungsi yang berikut, iaitu:

- (a) melantik seorang Perdana Menteri;
- (b) tidak memperkenankan permintaan bagi pembubaran Parlimen;
- (c) meminta diadakan mesyuarat Majlis Raja-Raja yang semata-mata berkenaan dengan keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, dan apa-apa tindakan pada mesyuarat itu,

dan dalam apa-apa hal lain yang disebut dalam Perlembagaan ini.

(3) Undang-undang persekutuan boleh membuat peruntukan bagi menghendaki Yang di-Pertuan Agong bertindak selepas berunding dengan atau atas syor mana-mana orang atau kumpulan orang selain Jemaah Menteri pada menjalankan mana-mana fungsinya selain—

- (a) fungsi yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya;
- (b) fungsi yang berkenaan dengan penjalanannya peruntukan ada dibuat dalam mana-mana Perkara lain.

Pemerintah tertinggi angkatan tentera

41. Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Pemerintah Tertinggi angkatan tentera Persekutuan.

Kuasa pengampunan, dsb.

42. (1) Yang di-Pertuan Agong berkuasa memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum berkenaan dengan segala kesalahan yang telah dibicarakan oleh mahkamah tentera dan segala kesalahan yang dilakukan di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan Raja atau Yang di-Pertua Negeri sesuatu Negeri berkuasa memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum berkenaan dengan segala kesalahan lain yang dilakukan di dalam Negerinya.

(2) Tertakluk kepada Fasal (10), dan tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan undang-undang persekutuan yang berhubungan dengan peremitan hukuman kerana kelakuan baik atau khidmat khas, apa-apa kuasa yang diberikan oleh undang-undang persekutuan

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 40—(samb.)

Fasal (1A): Dimasukkan oleh Akta A885, seksyen 4, berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Fasal (3): Lihat Per. 42(4)(a).

Per. 42

Fasal (1), (2) & (10)

- a. Perkataan “Wilayah Persekutuan” digantikan dengan “Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan” oleh Akta A585, perenggan 12(a), berkuat kuasa dari 16-04-1984.
- b. Kemudiannya pula, perkataan “Kuala Lumpur dan Labuan” digantikan dengan “Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya” oleh Akta A1095, perenggan 14(a), berkuat kuasa dari 01-02-2001.

Fasal (1)

- a. Perkataan “dan segala kesalahan yang dilakukan di dalam Wilayah Persekutuan” yang terdapat selepas “mahkamah tentera” dimasukkan oleh Akta A206, seksyen 11, berkuat kuasa dari 01-02-1974.
- b. Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (2)

- a. Perkataan “atau oleh mahkamah sivil yang menjalankan bidang kuasa di dalam Wilayah Persekutuan” yang terdapat selepas “mahkamah tentera” dimasukkan oleh Akta A206, seksyen 11, berkuat kuasa dari 01-02-1974.
- b. Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- c. Perkataan “dan tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan undang-undang persekutuan yang berhubungan dengan peremitan hukuman kerana kelakuan baik atau khidmat khas,” dimasukkan oleh Akta A514, seksyen 2, berkuat kuasa dari 15-05-1981. Akta A514, subseksyen 2(2), berbunyi seperti yang berikut:
“Apa-apa remitan kerana kelakuan baik atau khidmat khas yang dibenarkan oleh undang-undang persekutuan dan yang diberi sebelum mula berkuat kuasanya Akta ini hendaklah disifatkan sebagai telah diberi dengan sahnya”.
- d. *Lihat* nota di bawah Per. 42(10).

atau undang-undang Negeri bagi meremitkan, menggantung atau meringankan hukuman bagi apa-apa kesalahan bolehlah dijalankan oleh Yang di-Pertuan Agong jika hukuman itu telah dijatuhkan oleh mahkamah tentera atau oleh mahkamah sivil yang menjalankan bidang kuasa di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, dan dalam apa-apa hal lain, kuasa itu bolehlah dijalankan oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri tempat kesalahan itu telah dilakukan.

(3) Jika sesuatu kesalahan telah dilakukan keseluruhannya atau sebahagiannya di luar Persekutuan atau di lebih daripada satu Negeri atau dalam hal keadaan yang boleh menimbulkan keraguan di mana kesalahan itu telah dilakukan, maka bagi maksud Perkara ini kesalahan itu hendaklah dikira telah dilakukan di Negeri tempat kesalahan itu telah dibicarakan. Bagi maksud Fasal ini, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah masing-masingnya dikira sebagai suatu Negeri.

(4) Kuasa yang disebut dalam Perkara ini—

(a) adalah, setakat yang kuasa itu boleh dijalankan oleh Yang di-Pertuan Agong, antara fungsi yang peruntukan berkenaan dengannya boleh dibuat oleh undang-undang persekutuan di bawah Fasal (3) Perkara 40;

(b) hendaklah, setakat yang kuasa itu boleh dijalankan oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri sesuatu Negeri, dijalankan mengikut nasihat Lembaga Pengampunan yang ditubuhkan bagi Negeri itu mengikut Fasal (5).

(5) Lembaga Pengampunan yang ditubuhkan bagi setiap Negeri hendaklah terdiri daripada Peguam Negara Persekutuan, Ketua Menteri Negeri itu dan tidak lebih daripada tiga orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri; tetapi Peguam Negara boleh dari semasa ke semasa melalui surat cara secara bertulis mewakilkan fungsinya sebagai anggota Lembaga itu kepada mana-mana orang lain, dan Raja atau Yang di-Pertua Negeri boleh melantik mana-mana orang untuk menjalankan buat sementara fungsi mana-mana anggota Lembaga yang dilantik olehnya yang tidak hadir atau tidak dapat menjalankan fungsinya.

(6) Anggota-anggota Lembaga Pengampunan yang dilantik oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri hendaklah dilantik bagi tempoh selama tiga tahun dan layak dilantik semula, tetapi boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan sebagai anggota Lembaga.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 42—(samb.)

Fasal (3)

- a. Perkataan “Bagi maksud Fasal ini, Wilayah Persekutuan hendaklah disifatkan sebagai suatu Negeri.” ditambahkan oleh Akta A206, seksyen 11, berkuat kuasa dari 01-02-1974.
- b. Perkataan “Wilayah Persekutuan hendaklah disifatkan sebagai suatu Negeri” digantikan dengan perkataan “Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah masing-masingnya dikira sebagai suatu Negeri” oleh Akta A585, perenggan 12(b), berkuat kuasa dari 16-04-1984.
- c. Kemudiannya pula, perkataan “Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan” digantikan dengan “Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya” oleh Akta A1095, perenggan 4(b), berkuat kuasa dari 01-02-2001.

Fasal (4), (5), (6), (7) & (8)

Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

(7) Seseorang ahli Dewan Undangan sesuatu Negeri atau ahli Dewan Rakyat tidak boleh dilantik oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri untuk menjadi anggota Lembaga Pengampunan atau untuk menjalankan buat sementara fungsi anggota Lembaga.

(8) Lembaga Pengampunan hendaklah bermesyuarat dengan kehadiran Raja atau Yang di-Pertua Negeri dan Raja atau Yang di-Pertua Negeri itu hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.

(9) Sebelum memberikan nasihatnya mengenai apa-apa perkara, Lembaga Pengampunan hendaklah menimbangkan apa-apa pendapat bertulis yang mungkin telah dikemukakan oleh Peguam Negara mengenai perkara itu.

(10) Walau apa pun apa-apa jua dalam Perkara ini, kuasa untuk memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum berkenaan dengan, atau untuk meremitkan, menggantung atau meringankan, hukuman yang dikenakan oleh mana-mana mahkamah yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang yang mengawal selia hal ehwal agama Islam di Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah atau Sarawak atau Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya bolehlah dijalankan oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua agama Islam di dalam Negeri itu.

(11) Bagi maksud Perkara ini, maka hendaklah ditubuhkan Lembaga Pengampunan tunggal bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya dan peruntukan Fasal (5), (6), (7), (8) dan (9) hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi Lembaga Pengampunan di bawah Fasal ini kecuali bahawa sebutan mengenai “Raja atau Yang di-Pertua Negeri” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Yang di-Pertuan Agong dan sebutan mengenai “Ketua Menteri Negeri itu” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri yang bertanggungjawab bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

(12) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Perlembagaan ini, jika kuasa yang disebut dalam Perkara ini—

- (a) kena dijalankan oleh Yang di-Pertua Negeri sesuatu Negeri dan dikehendaki dijalankan berkenaan dengan dirinya atau isterinya, anak lelakinya atau anak perempuannya, kuasa itu hendaklah dijalankan oleh Yang di-Pertuan Agong yang bertindak atas nasihat Lembaga Pengampunan yang ditubuhkan bagi Negeri itu di bawah Perkara ini dan yang hendaklah dipengerusikan olehnya;

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 42—(samb.)

Fasal (7)

Perkataan “oleh Raja atau Gabenor” dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Fasal (10)

- a. Ditambahkan oleh Akta 10/1960, seksyen 4, berkuat kuasa dari 31-05-1960, yang juga meminda Fasal (2) dengan memasukkan perkataan “Tertakluk kepada Fasal (10), mana-mana”.
- b. Akta 26/1963, subseksyen 7(2), berkuat kuasa dari 16-09-1963, menggantikan perkataan “atau Pulau Pinang” dengan “Pulau Pinang atau Singapura”.
- c. Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965, memasukkan semula perkataan “atau Pulau Pinang” yang ada pada asalnya.
- d. Perkataan “atau Wilayah Persekutuan” dimasukkan selepas “Melaka atau Pulau Pinang” oleh Akta A206, seksyen 11, berkuat kuasa dari 01-02-1974.

Fasal (11)

- a. Ditambahkan oleh Akta A206, seksyen 11, berkuat kuasa dari 01-02-1974, dipinda oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976, dengan menggantikan “Gabenor” dengan “Yang di-Pertua Negeri”. Fasal ini digantikan dengan Fasal baru oleh Akta A585, perenggan 12(c), berkuat kuasa dari 16-04-1984. Fasal yang dahulu berbunyi seperti yang berikut:

“(11) Bagi maksud Perkara ini, maka hendaklah ditubuhkan hanya satu Jemaah Pengampunan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan dan peruntukan-peruntukan Fasal (5), (6), (7), (8) dan (9) hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi Jemaah Pengampunan di bawah Fasal ini kecuali bahawa sebutan mengenai “Raja atau Yang di-Pertua Negeri” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Yang di-Pertuan Agong dan sebutan mengenai “Ketua Menteri Negeri itu” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri yang bertanggungjawab bagi Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan.”.
- b. Kemudiannya pula, perkataan “Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan” di mana-mana jua terdapat digantikan dengan “Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya” oleh Akta A1095, perenggan 14(c), berkuat kuasa dari 01-02-2001.

- (b) dikehendaki dijalankan berkenaan dengan Yang di-Pertuan Agong, Raja sesuatu Negeri, atau Isterinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, kuasa itu hendaklah dijalankan oleh Majlis Raja-Raja dan peruntukan yang berikut hendaklah terpakai:
- (i) apabila menghadiri mana-mana prosiding di bawah Fasal ini, Yang di-Pertuan Agong tidak boleh disertai oleh Perdana Menteri dan Raja-Raja lain tidak boleh disertai oleh Menteri-Menteri Besar mereka;
 - (ii) sebelum membuat keputusannya tentang apa-apa perkara di bawah Fasal ini, Majlis Raja-Raja hendaklah menimbangkan apa-apa pendapat bertulis yang mungkin telah diberikan oleh Peguam Negara tentang perkara itu;
- (c) dikehendaki dijalankan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesuatu Negeri berkenaan dengan anak lelakinya atau anak perempuannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, kuasa itu hendaklah dijalankan oleh Raja sesuatu Negeri yang dinamakan oleh Majlis Raja-Raja dan Raja itu hendaklah bertindak mengikut nasihat Lembaga Pengampunan yang berkenaan yang ditubuhkan di bawah Perkara ini.

(13) Bagi maksud perenggan (b) dan (c) Fasal (12), Yang di-Pertuan Agong atau Raja Negeri yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri tidak boleh menjadi anggota Majlis Raja-Raja.

Jemaah Menteri

43. (1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik suatu Jemaah Menteri untuk menasihatinya dalam penjalanan fungsinya.

(2) Jemaah Menteri hendaklah dilantik seperti yang berikut, iaitu:

- (a) Yang di-Pertuan Agong hendaklah terlebih dahulu melantik sebagai Perdana Menteri untuk mempengerusikan Jemaah Menteri seorang ahli Dewan Rakyat yang pada hematnya mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat itu; dan

Perlebagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 42—(samb.):

Fasal (12) & (13): Ditambahkan oleh Akta A848, seksyen 4, berkuat kuasa dari 30-03-1993.

- (b) atas nasihat Perdana Menteri, Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik Menteri-Menteri lain daripada kalangan ahli mana-mana satu Majlis Parlimen,

tetapi jika sesuatu pelantikan dibuat semasa Parlimen terbubar, seseorang yang menjadi ahli Dewan Rakyat yang lepas boleh dilantik tetapi tidak boleh terus memegang jawatan selepas permulaan penggal Parlimen yang berikutnya melainkan, jika dia telah dilantik menjadi Perdana Menteri, dia ialah ahli Dewan Rakyat yang baru itu, dan dalam apa-apa hal lain, dia ialah ahli sama ada bagi Dewan Rakyat atau Dewan Negara.

(3) Jemaah Menteri hendaklah bertanggungjawab secara bersama kepada Parlimen.

(4) Jika Perdana Menteri tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat, maka Perdana Menteri hendaklah meletakkan jawatan Jemaah Menteri melainkan jika atas permintaannya Parlimen dibubarkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

(5) Tertakluk kepada Fasal (4), Menteri-Menteri selain Perdana Menteri hendaklah memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong, melainkan jika pelantikan mana-mana Menteri telah dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri, tetapi mana-mana Menteri boleh meletakkan jawatannya.

(6) Sebelum seseorang Menteri menjalankan fungsi jawatannya dia hendaklah mengangkat dan menandatangani di hadapan Yang di-Pertuan Agong sumpah jawatan dan sumpah taat setia dan juga sumpah simpan rahsia yang dinyatakan dalam Jadual Keenam.

(7) Walau apa pun apa-apa jua dalam Perkara ini, seseorang yang menjadi warganegara melalui penaturalisasian atau melalui pendaftaran di bawah Perkara 17* tidak boleh dilantik menjadi Perdana Menteri.

(8) (*Dimansuhkan*).

(9) Parlimen hendaklah melalui undang-undang membuat peruntukan bagi saraan anggota-anggota Jemaah Menteri.

*CATATAN—Perkara ini telah dimansuhkan oleh Akta Perlembagaan (Pindaan) 1962 [Akta 14/1962] mula berkuat kuasa pada 1 Julai 1963—lihat seksyen 5 Akta 14/1962. Lihat juga catatan pada Perkara 17.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per: 43

Lihat Per. 57(1A).

Fasal (5)

- a. Perkataan “melainkan jika pelantikan mana-mana Menteri telah dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri,” dimasukkan oleh Akta 10/1960, seksyen 5, berkuat kuasa dari 31-05-1960.
- b. *Lihat Per. 43A(3).*

Fasal (6) & (8): Lihat Per. 43A(3).

Fasal (8): Dimansuhkan oleh Akta A857, seksyen 2, berkuat kuasa dari 20-08-1993.

Fasal (9): Lihat Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [Akta 237].

Timbalan-Timbalan Menteri

43A. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh atas nasihat Perdana Menteri melantik Timbalan-Timbalan Menteri daripada kalangan ahli mana-mana satu Majlis Parlimen; tetapi jika sesuatu pelantikan dibuat semasa Parlimen terbubar, seseorang yang menjadi ahli Dewan Rakyat yang lepas boleh dilantik tetapi tidaklah boleh memegang jawatan selepas permulaan penggal Parlimen yang berikutnya melainkan jika dia ialah ahli sama ada bagi Dewan Rakyat atau Dewan Negara.

(2) Timbalan-Timbalan Menteri hendaklah membantu Menteri-Menteri pada menunaikan tugas-tugas dan fungsi-fungsi mereka, dan bagi maksud sedemikian hendaklah mempunyai segala kuasa Menteri.

(3) Peruntukan Fasal (5) dan (6) Perkara 43 hendaklah terpakai bagi Timbalan Menteri sebagaimana peruntukan itu terpakai bagi Menteri.

(4) Parlimen hendaklah melalui undang-undang membuat peruntukan bagi saraan Timbalan-Timbalan Menteri.

Setiausaha-Setiausaha Parlimen

43B. (1) Perdana Menteri boleh melantik Setiausaha-Setiausaha Parlimen daripada kalangan ahli mana-mana satu Majlis Parlimen; tetapi jika sesuatu pelantikan dibuat semasa Parlimen terbubar, seseorang yang menjadi ahli Dewan Rakyat yang lepas boleh dilantik tetapi tidaklah boleh memegang jawatan selepas permulaan penggal Parlimen yang berikutnya melainkan jika dia ialah ahli sama ada bagi Dewan Rakyat atau Dewan Negara.

(2) Setiausaha-Setiausaha Parlimen hendaklah membantu Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri pada menunaikan tugas-tugas dan fungsi-fungsi mereka, dan bagi maksud sedemikian hendaklah mempunyai segala kuasa Menteri dan Timbalan Menteri.

(3) Seseorang Setiausaha Parlimen boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya, dan pelantikannya sebagai yang demikian boleh ditamatkan pada bila-bila masa oleh Perdana Menteri.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 43A

1. Ditambahkan oleh Akta 10/1960, seksyen 6, berkuat kuasa dari 31-05-1960.
2. *Lihat* Per. 57(1A).

Fasal (1), (2), (3) & (4)

Perkataan “Menteri-Menteri Muda” digantikan dengan “Timbalan-Timbalan Menteri” oleh Akta A31, seksyen 10, berkuat kuasa dari 24-03-1971.

Fasal (2)

Perkataan “, dan bagi maksud sedemikian hendaklah mempunyai segala kuasa Menteri” dimasukkan oleh Akta A566, seksyen 3, berkuat kuasa dari 16-12-1983.

Fasal (3)

Perkataan “Fasal (5), (6) dan (8)” digantikan dengan perkataan “Fasal (5) dan (6)” oleh Akta A885, seksyen 5, berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Fasal (4): Lihat Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [*Akta 237*].

Per. 43B

1. Ditambahkan oleh Akta 19/1964, subseksyen 5(1), berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. *Lihat* Per. 57(1A).

Fasal (2)

- a. Perkataan “Menteri-Menteri Muda” digantikan dengan “Timbalan-Timbalan Menteri” oleh Akta A31, seksyen 10, berkuat kuasa dari 24-03-1971.
- b. Perkataan “, dan bagi maksud sedemikian hendaklah mempunyai segala kuasa Menteri dan Timbalan Menteri” dimasukkan oleh Akta A566, seksyen 4, berkuat kuasa dari 16-12-1983.

(4) Sebelum seseorang Setiausaha Parlimen menjalankan fungsi jawatannya dia hendaklah mengangkat dan menandatangani di hadapan Perdana Menteri sumpah simpan rahsia yang dinyatakan dalam Jadual Keenam.

(5) Parlimen hendaklah melalui undang-undang membuat peruntukan bagi saraan Setiausaha-Setiausaha Parlimen.

Setiausaha-Setiausaha Politik

43c. (1) Perdana Menteri boleh melantik apa-apa bilangan orang yang difikirkannya patut untuk menjadi Setiausaha-Setiausaha Politik.

(2) Seseorang yang dilantik sebagai Setiausaha Politik menurut kuasa Perkara ini—

- (a) tidak semestinya seorang ahli mana-mana satu Majlis Parlimen;
- (b) boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa;
- (c) tertakluk kepada perenggan (b), hendaklah terus memegang jawatan sehingga masa pelantikannya ditamatkan oleh Perdana Menteri.

(3) Peruntukan Fasal (4) Perkara 43b hendaklah terpakai bagi Setiausaha-Setiausaha Politik sebagaimana peruntukan itu terpakai bagi Setiausaha-Setiausaha Parlimen.

(4) Tugas-tugas dan fungsi-fungsi Setiausaha-Setiausaha Politik, dan saraan mereka, hendaklah ditentukan oleh Jemaah Menteri.

Bab 4—Badan Perundangan Persekutuan

Keanggotaan Parlimen

44. Kuasa perundangan Persekutuan hendaklah terletak hak pada Parlimen yang hendaklah terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong dan dua Majlis Parlimen yang dikenali sebagai Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 43B—(*samb.*)

Fasal (4): Lihat Per. 43c(3).

Fasal (5): Lihat Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [*Akta 237*].

Per. 43c

Dimasukkan oleh Akta 19/1964, subseksyen 5(1), berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Keanggotaan Dewan Negara

45. (1) Tertakluk kepada Fasal (4), Dewan Negara hendaklah terdiri daripada ahli-ahli dipilih dan dilantik seperti yang berikut:

(a) dua orang ahli bagi setiap Negeri hendaklah dipilih mengikut Jadual Ketujuh; dan

(aa) dua orang ahli bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, seorang ahli bagi Wilayah Persekutuan Labuan dan seorang ahli bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong; dan

(b) empat puluh orang ahli hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

(2) Ahli-ahli yang akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong hendaklah orang yang pada pendapatnya telah memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang atau telah mencapai keunggulan dalam profesion, perkara komersial, perindustrian, pertanian, aktiviti kebudayaan atau perkhidmatan sosial atau yang mewakili ras minoriti atau berkebolehan mewakili kepentingan orang asli.

(3) Tempoh jawatan seseorang ahli Dewan Negara ialah tiga tahun dan tempoh itu tidaklah tersentuh dengan pembubaran Parlimen.

(3A) Seseorang ahli Dewan Negara tidak boleh memegang jawatan selama lebih daripada dua penggal sama ada terus-menerus atau selainnya:

Dengan syarat bahawa jika seseorang yang telahpun tamat dua tempoh jawatan atau lebih sebagai ahli Dewan Negara ialah sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Fasal ini seorang ahli Dewan Negara, maka dia boleh terus berkhidmat sebagai ahli sedemikian selama baki tempoh jawatannya.

(4) Parlimen boleh melalui undang-undang—

(a) menambah bilangan ahli yang akan dipilih bagi setiap Negeri menjadi tiga;

(b) memperuntukkan bahawa ahli yang akan dipilih bagi setiap Negeri dipilih sedemikian melalui undi terus oleh pemilih-pemilih Negeri itu;

(c) mengurangkan bilangan ahli dilantik atau menghapuskan ahli dilantik.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 45

Fasal (1)(aa)

- a. Perenggan ini dimasukkan oleh Akta A442, perenggan 2(1)(a), berkuat kuasa dari 31-12-1978.
- b. Kemudiannya pula perenggan itu digantikan oleh Akta A585, seksyen 13, berkuat kuasa dari 16-04-1984 dan sekali lagi oleh Akta A1095, seksyen 15, berkuat kuasa dari 01-02-2001 untuk membolehkan seorang ahli Dewan Negara dilantik untuk mewakili Wilayah Persekutuan Putrajaya. Perenggan (aa) yang asal berbunyi seperti yang berikut:

“(aa) dua orang ahli bagi Wilayah Persekutuan hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong; dan”.

Fasal (1)(b)

Pada asalnya perenggan ini memperuntukkan bahawa enam belas orang ahli hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Akta 26/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 16-09-1963, memindanya kepada dua puluh dua. Akta 19/1964, seksyen 6, berkuat kuasa dari 30-07-1964, selanjutnya memindanya kepada tiga puluh dua; dan seterusnya dipinda dengan menggantikan “tiga puluh dua” dengan “empat puluh” oleh Akta A442, perenggan 2(1)(b), berkuat kuasa dari 31-12-1978.

Fasal (3)

- a. Dipinda oleh Akta A442, perenggan 2(1)(c), berkuat kuasa dari 31-12-1978, dengan menggantikan “enam” dengan “tiga”.
- b. Kemudiannya pula, Fasal ini dipinda oleh Akta A1130, seksyen 4, berkuat kuasa dari 28-09-2001, dengan menggantikan perkataan “Tertakluk kepada peruntukan Jadual Ketujuh, tempoh” dengan perkataan “Tempoh”.

Fasal (3A): Ditambahkan oleh Akta A514, seksyen 3, berkuat kuasa dari 15-05-1981.

Fasal (4): Lihat Per. 120.

Keanggotaan Dewan Rakyat

46. (1) Dewan Rakyat hendaklah terdiri daripada dua ratus dua puluh dua orang ahli dipilih.

(2) Maka hendaklah ada—

(a) dua ratus sembilan orang ahli dari Negeri-Negeri di Malaysia seperti yang berikut:

- (i) dua puluh enam orang ahli dari Johor;
- (ii) lima belas orang ahli dari Kedah;
- (iii) empat belas orang ahli dari Kelantan;
- (iv) enam orang ahli dari Melaka;
- (v) lapan orang ahli dari Negeri Sembilan;
- (vi) empat belas orang ahli dari Pahang;
- (vii) tiga belas orang ahli dari Pulau Pinang;
- (viii) dua puluh empat orang ahli dari Perak;
- (ix) tiga orang ahli dari Perlis;
- (x) dua puluh lima orang ahli dari Sabah;
- (xi) tiga puluh satu orang ahli dari Sarawak;
- (xii) dua puluh dua orang ahli dari Selangor; dan
- (xiii) lapan orang ahli dari Terengganu; dan

(b) tiga belas orang ahli dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya seperti yang berikut:

- (i) sebelas orang ahli dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
- (ii) seorang ahli dari Wilayah Persekutuan Labuan;
- (iii) seorang ahli dari Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Kelayakan menjadi ahli Parlimen

47. Tiap-tiap warganegara yang bermastautin di Persekutuan layak menjadi ahli—

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 46

1. Perkara ini seperti yang terdapat pada Hari Merdeka berbunyi seperti yang berikut:

“46. (1) Dewan Rakyat hendaklah terdiri daripada seratus orang ahli dipilih kecuali bahawa Dewan Rakyat yang pertama hendaklah terdiri daripada seratus empat orang ahli.

(2) Selepas selesainya banci pertama yang dijalankan selepas Hari Merdeka Parlimen boleh melalui undang-undang mengubah bilangan ahli Dewan Rakyat.”.

2. Perkara ini dipinda oleh Akta 14/1962, seksyen 14, berkuat kuasa dari 21-06-1962, dengan menggantikan “seratus orang ahli dipilih kecuali bahawa Dewan Rakyat yang pertama hendaklah terdiri daripada seratus empat orang ahli” dengan “seratus empat orang ahli dipilih” dalam Fasal (1), dan memansuhkan Fasal (2).

3. Perkara ini digantikan oleh Akta 26/1963, seksyen 9, berkuat kuasa dari 16-09-1963, yang berbunyi seperti yang berikut:

“46. (1) Dewan Rakyat hendaklah terdiri daripada seratus lima puluh sembilan orang ahli dipilih.

(2) Maka hendaklah ada—

(a) seratus empat orang ahli dari Negeri-Negeri Tanah Melayu;

(b) enam belas orang ahli dari Sabah;

(c) dua puluh empat orang ahli dari Sarawak;

(d) lima belas orang ahli dari Singapura.”.

4. Perkara ini dipinda oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965, dengan menggantikan “lima puluh sembilan” dalam Fasal (1) dengan “empat puluh empat” dan memotong perenggan (d) Fasal (2).

5. Perkara ini dipinda lagi oleh Akta A206, seksyen 12, berkuat kuasa dari 23-08-1973, dengan menggantikan seluruh Perkara itu yang berbunyi seperti yang berikut:

“46. (1) Dewan Rakyat hendaklah mengandungi seratus lima puluh empat orang ahli yang dipilih.

(2) Daripada bilangan itu—

(a) seratus empat puluh sembilan orang ahli ialah dari Negeri-Negeri dalam Malaysia seperti yang berikut:

(i) enam belas orang ahli dari Johor;

(ii) tiga belas orang ahli dari Kedah;

(iii) dua belas orang ahli dari Kelantan;

(iv) empat orang ahli dari Melaka;

(v) enam orang ahli dari Negeri Sembilan;

(vi) lapan orang ahli dari Pahang;

(vii) sembilan orang ahli dari Pulau Pinang;

(viii) dua puluh satu orang ahli dari Perak;

(ix) dua orang ahli dari Perlis;

(x) enam belas orang ahli dari Sabah;

(xi) dua puluh empat orang ahli dari Sarawak;

(xii) sebelas orang ahli dari Selangor;

(xiii) tujuh orang ahli dari Terengganu; dan

(b) lima orang ahli dari Wilayah Persekutuan.”.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 46—(samb.)

6. Perkara yang ada sekarang digantikan oleh Akta A566, seksyen 5, berkuat kuasa dari 16-12-1983. Walau bagaimanapun, penggantian itu tidaklah menjejaskan keanggotaan Dewan Rakyat atau mana-mana pilihan raya ke Dewan Rakyat itu sehingga pembubaran Parlimen yang berlaku pada atau selepas 31-12-1984—*Lihat* P.U. (A) 475 dan 476/1984.

Fasal (1)

Dipinda oleh Akta A585, perenggan 14(a), berkuat kuasa dari 16-04-1984, dengan menggantikan perkataan “tujuh puluh enam” dengan “tujuh puluh tujuh”.

Fasal (2)

Dipinda oleh Akta A585, perenggan 14(b), berkuat kuasa dari 16-04-1984, dengan menggantikan perenggan (b), dengan perenggan baru (b), yang berikut:

“(b) lapan orang ahli dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan seperti yang berikut—

- (i) tujuh orang ahli dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
- (ii) seorang ahli dari Wilayah Persekutuan Labuan.”.

Fasal (1)

Dipinda oleh Akta A631, seksyen 2, berkuat kuasa dari 24-02-1986, dengan menggantikan perkataan “tujuh puluh tujuh” dengan “lapan puluh”.

Fasal (2)

Dipinda oleh Akta A631, seksyen 2, berkuat kuasa dari 24-02-1986, dengan menggantikan perkataan “enam puluh sembilan” dalam perenggan (a) dengan “tujuh puluh dua” dan perkataan “dua puluh empat” dalam subperenggan (xi) perenggan (a) dengan “dua puluh tujuh”.

Catatan:

Perkara ini, sebagaimana yang dipinda, tidaklah menjejaskan keanggotaan Dewan Rakyat atau mana-mana pilihan raya ke Dewan Rakyat sehingga pembubaran Parlimen.—*Lihat* Per. 57(1A).

Fasal (1)

Dipinda oleh Akta A837, seksyen 2, berkuat kuasa dari 20-11-1992, dengan menggantikan perkataan “lapan puluh” dengan perkataan “sembilan puluh dua”.

Fasal (2)

Dipinda oleh Akta A837, seksyen 2, berkuat kuasa dari 20-11-1992—

- (i) dengan menggantikan perkataan “tujuh puluh dua” dalam perenggan (a) dengan perkataan “lapan puluh satu”;
- (ii) dengan menggantikan perkataan “lapan belas” dalam subperenggan (a)(i) dengan perkataan “dua puluh”;
- (iii) dengan menggantikan perkataan “empat belas” dalam subperenggan (a)(ii) dengan perkataan “lima belas”;
- (iv) dengan menggantikan perkataan “tiga belas” dalam subperenggan (a)(iii) dengan perkataan “empat belas”;
- (v) dengan menggantikan perkataan “sepuluh” dalam subperenggan (a)(vi) dengan perkataan “sebelas”;
- (vi) dengan menggantikan perkataan “dua” dalam subperenggan (a)(ix) dengan perkataan “tiga”;
- (vii) dengan menggantikan perkataan “empat belas” dalam subperenggan (a)(xii) dengan perkataan “tujuh belas”;
- (viii) dengan menggantikan perkataan “lapan” dalam perenggan (b) dengan perkataan “sebelas”; dan
- (ix) dengan menggantikan perkataan “tujuh” dalam subperenggan (b)(i) dengan perkataan “sepuluh”.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 46—(*samb.*)

Catatan:

Pindaan di atas tidaklah menjejaskan keanggotaan Dewan Rakyat atau mana-mana pilihan raya ke Dewan Rakyat itu sehingga pembubaran Parlimen yang berlaku pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah yang dibuat di bawah seksyen 12 Jadual Ketiga Belas—*Lihat* seksyen 4 Akta A837.

Fasal (1)

Fasal ini dipinda lagi oleh Akta A945, perenggan 2(a), berkuat kuasa dari 07-06-1996, untuk menambahkan keanggotaan Dewan Rakyat daripada seratus sembilan puluh dua kepada seratus sembilan puluh tiga, iaitu khususnya menambahkan keanggotaan ahli dari Negeri Sarawak daripada dua puluh tujuh kepada dua puluh lapan.

Fasal (2)

Dipinda oleh akta A945, perenggan 2(b), berkuat kuasa dari 07-06-1996—

- (i) dengan menggantikan perkataan “lapan puluh satu” dalam perenggan (a) dengan “lapan puluh dua”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “dua puluh tujuh” dalam subperenggan (a)(xi) dengan “dua puluh lapan”.

Catatan:

Walau bagaimanapun pindaan ini tidaklah menjejaskan keanggotaan Dewan Rakyat atau mana-mana pilihan raya ke Dewan Rakyat itu sehingga pembubaran Parlimen yang berlaku pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah yang dibuat di bawah seksyen 12 Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan berikutan dengan kajian semula yang dijalankan menurut Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan dan Jadual Ketiga Belas tersebut.

Fasal (1)

Dipinda oleh Akta A1095, perenggan 16(a), berkuat kuasa dari 01-02-2001, dengan menggantikan perkataan “sembilan puluh tiga” dengan perkataan “sembilan puluh empat”.

Fasal (2)

Dipinda oleh Akta A1095, perenggan 16(b), berkuat kuasa dari 01-02-2001, untuk membolehkan seorang ahli Dewan Rakyat dipilih untuk mewakili Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Fasal (1)

Dipinda oleh Akta A1198, perenggan 2(a), berkuat kuasa dari 15-08-2003, dengan menggantikan perkataan “seratus sembilan puluh empat” dengan perkataan “dua ratus sembilan belas”.

Fasal (2)

Dipinda oleh Akta A1198, perenggan 2(b), berkuat kuasa dari 15-08-2003, menambahkan bilangan ahli Dewan Rakyat ekoran persempadanan semula Bahagian Pilihan Raya yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya dari 8 Ogos 2002 hingga 7 September 2002. Tambahan adalah seperti yang berikut:

- (a) enam orang ahli dari Johor;
- (b) seorang ahli dari Melaka;
- (c) seorang ahli dari Negeri Sembilan;
- (d) tiga orang ahli dari Pahang;
- (e) dua orang ahli dari Pulau Pinang;
- (f) seorang ahli dari Perak;
- (g) lima orang ahli dari Sabah;
- (h) lima orang ahli dari Selangor; dan
- (i) seorang ahli dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Fasal (1)

Dipinda oleh Akta A1260, perenggan 2(a), berkuat kuasa dari 19-01-2006, dengan menggantikan perkataan “dua ratus sembilan belas” dengan perkataan “dua ratus dua puluh dua”.

- (a) Dewan Negara, jika dia berumur tidak kurang daripada tiga puluh tahun;
- (b) Dewan Rakyat, jika dia berumur tidak kurang daripada dua puluh satu tahun,

melainkan jika dia hilang kelayakan untuk menjadi ahli mengikut Perlembagaan ini atau mengikut mana-mana undang-undang yang dibuat menurut Perkara 48.

Kehilangan kelayakan menjadi ahli Parlimen

48. (1) Tertakluk kepada peruntukan Perkara ini, seseorang hilang kelayakan untuk menjadi ahli mana-mana satu Majlis Parlimen jika—

- (a) dia adalah dan telah didapati atau diisytiharkan tidak sempurna akal; atau
- (b) dia seorang bankrap belum lepas; atau
- (c) dia memegang sesuatu jawatan berpendapatan; atau
- (d) setelah dinamakan untuk pemilihan ke mana-mana satu Majlis Parlimen atau ke Dewan Undangan sesuatu Negeri, atau setelah bertindak sebagai ejen pilihan raya bagi seseorang yang dinamakan sedemikian, dia tidak menyerahkan apa-apa penyata perbelanjaan pilihan raya yang dikehendaki oleh undang-undang dalam masa dan mengikut cara yang dikehendaki sedemikian; atau
- (e) dia telah disabitkan atas suatu kesalahan oleh sesuatu mahkamah di Persekutuan (atau, sebelum Hari Malaysia, di wilayah-wilayah yang termasuk di dalam Negeri Sabah atau Sarawak atau di Singapura) dan dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan dia tidak mendapat pengampunan bebas; atau
- (f) dia telah dengan sukarela memperoleh kewarganegaraan mana-mana negara di luar Persekutuan, atau telah dengan sukarela menggunakan hak kewarganegaraan di mana-mana negara di luar Persekutuan atau telah membuat suatu akuan setia kepada mana-mana negara di luar Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 46—(samb.)

Fasal (2)

Dipinda oleh Akta A1260, perenggan 2(b), berkuat kuasa dari 19-01-2006, untuk menambahkan keanggotaan Dewan Rakyat daripada dua ratus enam kepada dua ratus sembilan, iaitu khususnya menambahkan keanggotaan ahli dari Negeri Sarawak daripada dua puluh lapan kepada tiga puluh satu.

Per. 48

Lihat Per. 47

Fasal (1)

- a. Akta 10/1960, seksyen 7, berkuat kuasa dari 31-05-1960, memasukkan perkataan “atau ke Dewan Undangan sesuatu Negeri” dalam perenggan (d) dan menggantikan perkataan “dua tahun” dalam perenggan (e) dengan “satu tahun atau denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit”.
- b. Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963, memasukkan perkataan “(atau, sebelum Hari Malaysia, di wilayah-wilayah yang termasuk di dalam sesuatu Negeri Borneo atau di Singapura)” dalam perenggan (e).
- c. Akta A514, perenggan 19(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976, menggantikan perkataan “sesuatu Negeri Borneo” dalam perenggan (e) dengan “Negeri Sabah atau Sarawak”.
- d. Akta A354, seksyen 15, berkuat kuasa dari 27-08-1976, menggantikan perkataan “satu negara asing” dalam perenggan (f) dengan “mana-mana negara di luar Persekutuan”.

(2) Undang-undang persekutuan boleh membuat peruntukan bagi menghilangkan kelayakan untuk menjadi ahli mana-mana satu Majlis Parlimen selama tempoh yang dinyatakan oleh undang-undang itu orang yang melakukan kesalahan berkaitan dengan pilihan raya; dan mana-mana orang yang telah disabitkan atas suatu kesalahan sedemikian atau dibuktikan dalam prosiding yang berhubungan dengan sesuatu pilihan raya sebagai bersalah atas perbuatan yang menjadi kesalahan itu, adalah dengan demikian itu hilang kelayakan selama tempoh yang dinyatakan sedemikian.

(3) Kehilangan kelayakan seseorang di bawah perenggan (*d*) atau perenggan (*e*) Fasal (1) boleh dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong dan, jika tidak dibatalkan sedemikian, hendaklah terhenti pada akhir tempoh lima tahun yang bermula dari tarikh penyata yang disebut dalam perenggan (*d*) tersebut dikehendaki diserahkan atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, dari tarikh orang yang disabitkan sebagaimana yang disebut dalam perenggan (*e*) tersebut dilepaskan daripada jagaan atau dari tarikh denda yang disebut dalam perenggan (*e*) tersebut dikenakan ke atas orang itu dan seseorang tidaklah boleh dihilangkan kelayakannya di bawah perenggan (*f*) Fasal (1) semata-mata oleh sebab apa-apa jua yang dilakukan olehnya sebelum dia menjadi warganegara.

(4) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam peruntukan yang terdahulu dalam Perkara ini, jika seseorang ahli mana-mana satu Majlis Parlimen hilang kelayakan untuk terus menjadi ahli Majlis itu menurut perenggan (*e*) Fasal (1) atau di bawah suatu undang-undang persekutuan yang dibuat menurut Fasal (2)—

(*a*) kehilangan kelayakan itu hendaklah mula berkuat kuasa apabila habis tempoh empat belas hari dari tarikh dia—

(i) disabitkan dan dihukum sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (*e*) yang disebut terdahulu; atau

(ii) disabitkan atas suatu kesalahan atau dibuktikan bersalah atas suatu perbuatan di bawah suatu undang-undang persekutuan yang dibuat menurut Fasal (2); atau

(*b*) jika dalam tempoh empat belas hari yang dinyatakan dalam perenggan (*a*) suatu rayuan atau apa-apa prosiding mahkamah yang lain dibawa berkenaan dengan sabitan atau hukuman itu, atau berkenaan dengan pensabitan atau pembuktian bersalah sedemikian, mengikut mana-mana yang berkenaan, maka kehilangan kelayakan itu

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 48—(samb.)

Fasal (2): Lihat Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5].

Fasal (3)

Perkataan “atau dari tarikh denda yang disebut dalam perenggan (*e*) tersebut dikenakan ke atas orang itu” dimasukkan oleh Akta 10/1960, perenggan 7(*c*), berkuat kuasa dari 31-05-1960.

Fasal (4) & (5)

Ditambahkan oleh Akta A566, seksyen 6, berkuat kuasa dari 16-12-1983.

hendaklah mula berkuat kuasa apabila habis tempoh empat belas hari dari tarikh rayuan itu atau prosiding mahkamah yang lain itu dibereskan oleh mahkamah; atau

- (c) jika dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (a) atau tempoh selepas pembereskan rayuan atau prosiding mahkamah yang lain yang dinyatakan dalam perenggan (b) ada difailkan suatu petisyen bagi pengampunan, maka kehilangan kelayakan itu hendaklah mula berkuat kuasa sebaik sahaja petisyen itu dibereskan.

(5) Fasal (4) tidaklah terpakai bagi maksud penamaan, pemilihan atau pelantikan mana-mana orang ke mana-mana satu Majlis Parlimen, yang bagi maksudnya kehilangan kelayakan itu hendaklah berkuat kuasa sebaik sahaja berlakunya kejadian yang disebut dalam perenggan (e) Fasal (1) atau dalam Fasal (2), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(6) Seseorang yang melepaskan keahliannya di dalam Dewan Rakyat hendaklah, bagi tempoh lima tahun bermula dari tarikh pelepasan keahliannya berkuat kuasa, hilang kelayakan untuk menjadi ahli Dewan Rakyat.

Peruntukan melarang dua keahlian

49. Seseorang tidak boleh pada masa yang sama menjadi ahli kedua-dua Majlis Parlimen, dan juga tidak boleh dipilih ke Dewan Rakyat untuk mewakili lebih daripada satu bahagian pilihan raya atau ke Dewan Negara untuk mewakili lebih daripada satu Negeri, dan juga tidak boleh menjadi ahli dipilih dan dilantik kedua-duanya sekali bagi Dewan Negara.

Akibat kehilangan kelayakan, dan larangan mengenai penamaan atau pelantikan tanpa persetujuan

50. (1) Jika seseorang ahli mana-mana satu Majlis Parlimen hilang kelayakan untuk menjadi ahli Majlis itu maka kerusinya hendaklah menjadi kosong.

(2) Jika seseorang yang hilang kelayakan untuk menjadi ahli Dewan Rakyat dipilih ke Dewan Rakyat atau jika seseorang yang hilang kelayakan untuk menjadi ahli Dewan Negara dipilih atau dilantik ke Dewan Negara atau jika pemilihan atau pelantikan ke mana-mana satu Majlis Parlimen adalah berlawanan dengan Perkara 49, maka pemilihan atau pelantikan itu adalah terbatal.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 48—(samb.)

Fasal 6: Ditambahkan oleh Akta A767, seksyen 2, berkuat kuasa dari 11-05-1990.

Per. 49

Lihat Per. 50(2).

Per. 50

Lihat Per. 57(1A).

Fasal (3)

Fasal ini dimansuhkan oleh Akta 25/1963, subseksyen 3(1), berkuat kuasa dari 29-08-1963. Ia berbunyi seperti yang berikut:

“(3) Jika pemilihan mana-mana orang akan atau mungkin menjadi tidak sah di bawah Fasal (2) penamaannya bagi pemilihan itu adalah tidak sah.”.

(3) (*Dimansuhkan*).

(4) Seseorang tidak boleh dinamakan dengan sah untuk dipilih sebagai ahli ke mana-mana satu Majlis Parlimen atau dilantik dengan sah ke Dewan Negara tanpa persetujuannya.

Pelepasan keahlian oleh ahli-ahli

51. Seseorang ahli mana-mana satu Majlis Parlimen boleh melepaskan keahliannya melalui surat yang ditandatangani sendiri olehnya yang ditujukan, jika dia seorang ahli Dewan Negara, kepada Yang di-Pertua Dewan Negara, dan jika dia seorang ahli Dewan Rakyat, kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Ketidakhadiran ahli

52. (1) Jika seseorang ahli mana-mana satu Majlis Parlimen tidak hadir pada tiap-tiap sidang Majlis Parlimen selama tempoh enam bulan tanpa kebenaran Majlis Parlimen itu, maka Majlis Parlimen itu boleh mengisytiharkan bahawa kerusinya kosong.

(2) Seseorang ahli mana-mana satu Majlis Parlimen yang telah diberi kebenaran bercuti daripada menghadiri sidang Majlis Parlimen yang dia menjadi ahlinya tidaklah boleh, selama tempoh kebenaran bercuti itu, dengan apa-apa cara menyertai hal ehwal dan urusan Majlis Parlimen itu.

Keputusan tentang kehilangan kelayakan

53. (1) Jika berbangkit apa-apa soal sama ada seseorang ahli suatu Majlis Parlimen telah hilang kelayakan untuk menjadi ahli, maka Majlis itu hendaklah mengambil keputusan mengenainya dan keputusan itu adalah muktamad:

Dengan syarat bahawa Perkara ini tidak boleh dikira sebagai menghalang amalan Majlis Parlimen menangguhkan sesuatu keputusan bagi membolehkan diambil atau ditentukan apa-apa prosiding yang mungkin menyentuh keputusannya (termasuklah prosiding bagi membatalkan kehilangan kelayakan itu).

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 51

Lihat Per. 57(1A).

Per. 52

Lihat Per. 57(1A).

Fasal (2): Ditambahkan oleh Akta A514, perenggan 4(b), berkuat kuasa dari 15-05-1981.

Per. 53

Proviso ditambahkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 11(1), berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Fasal (1): Dinomborkan semula oleh Akta A566, perenggan 7(a), berkuat kuasa dari 16-12-1983.

(2) Jika seseorang ahli mana-mana satu Majlis Parlimen hilang kelayakan di bawah perenggan (e) Fasal (1) Perkara 48 atau di bawah suatu undang-undang persekutuan yang dibuat menurut Fasal (2) Perkara 48, maka Fasal (1) tidaklah terpakai dan dia hendaklah terhenti menjadi ahli Majlis Parlimen itu, dan kerusinya hendaklah menjadi kosong, sebaik sahaja kehilangan kelayakannya berkuat kuasa mengikut Fasal (4) Perkara 48.

Kekosongan di dalam Dewan Negara dan kekosongan luar jangka

54. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal (3), apabila terdapat sesuatu kekosongan di kalangan ahli Dewan Negara atau sesuatu kekosongan luar jangka di kalangan ahli Dewan Rakyat, maka kekosongan atau kekosongan luar jangka itu hendaklah diisi dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh dipastikan oleh Yang di-Pertua Dewan Negara bahawa ada kekosongan atau oleh Suruhanjaya Pilihan Raya bahawa ada kekosongan luar jangka, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan suatu pilihan raya hendaklah diadakan atau suatu pelantikan hendaklah dibuat dengan sewajarnya:

Dengan syarat bahawa kegagalan membuat apa-apa pelantikan sedemikian dalam tempoh yang dinyatakan dalam Fasal ini tidaklah menidaksahkan apa-apa pelantikan yang dibuat di luar tempoh itu:

Dengan syarat selanjutnya bahawa, jika kekosongan luar jangka di Dewan Rakyat dipastikan pada suatu tarikh dalam masa dua tahun dari tarikh Parlimen akan terbubar mengikut Fasal (3) Perkara 55, maka kekosongan luar jangka itu tidak boleh diisi melainkan jika Yang di-Pertua Dewan Rakyat memberitahu Suruhanjaya Pilihan Raya secara bertulis bahawa kekuatan dari segi bilangan parti yang membentuk majoriti semua ahli Dewan Rakyat terjejas oleh kekosongan itu, dan dalam keadaan sedemikian kekosongan itu hendaklah diisi dalam masa enam puluh hari dari tarikh pemberitahuan itu diterima.

(2) (*Dimansuhkan*).

(3) Jika sesuatu kekosongan di kalangan ahli Dewan Negara adalah berhubungan dengan suatu kekosongan yang hendaklah diisi oleh seorang ahli yang hendaklah dipilih oleh sesuatu Negeri mengikut Jadual Ketujuh, maka peruntukan Fasal (1) tidaklah terpakai bagi mengisi kekosongan itu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 53—(samb.)

Fasal (2): Dimasukkan oleh Akta A566, perenggan 7(b), berkuat kuasa dari 16-12-1983.

Per. 54

1. Perkara yang ada sekarang dimasukkan oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 19-09-1966. Perkara yang dahulu sebagaimana yang terdapat pada tarikh pemansuhan berbunyi seperti yang berikut:

“54. Kecuali jika terdapat sesuatu kekosongan di kalangan ahli yang dipilih menjadi ahli Dewan Negara oleh sesuatu Negeri dan kekosongan itu hendaklah diisi mengikut peruntukan Jadual Ketujuh, apabila terdapat suatu kekosongan di kalangan ahli Dewan Negara atau suatu kekosongan luar jangka di kalangan ahli Dewan Rakyat maka kekosongan itu hendaklah diisi dalam masa enam puluh hari dari tarikh dipastikan adanya kekosongan, dan suatu pilihan raya hendaklah diadakan atau suatu pelantikan hendaklah dibuat dengan sewajarnya.”.

Fasal (1)

- a. Proviso selanjutnya dimasukkan oleh Akta A1, seksyen 2, berkuat kuasa dari 18-11-1968.
- b. Dipinda oleh Akta A31, seksyen 3, berkuat kuasa dari 24-03-1971, dengan meninggalkan dalam proviso yang pertama selepas perkataan “selepas tempoh itu” yang berikut:

“tetapi dalam apa jua hal yang sedemikian tempoh pelantikan seseorang ahli Dewan Negara yang dilantik sedemikian ialah enam tahun dari akhir tempoh enam puluh hari dari tarikh dipastikan adanya kekosongan yang dia dilantik untuk mengisikan itu dan bukan enam tahun dari tarikh pelantikannya.”.

- c. Dipinda oleh Akta A354, seksyen 16, berkuat kuasa dari 27-08-1976, dengan memasukkan selepas perkataan “tarikh dipastikan” perkataan “oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.”.
- d. Perkataan “Fasal (2) dan (3)” digantikan dengan “Fasal (3)” oleh Akta A585, perenggan 21(a), berkuat kuasa dari 14-04-1984.
- e. Perkataan “oleh Suruhanjaya Pilihan Raya adanya kekosongan” digantikan dengan “oleh Yang di-Pertua Dewan Negara bahawa ada kekosongan atau oleh Suruhanjaya Pilihan Raya bahawa ada kekosongan luar jangka, mengikut mana-mana yang berkenaan” oleh Akta A857, perenggan 3(a), berkuat kuasa dari 20-08-1993.
- f. Proviso kedua digantikan dengan proviso yang ada sekarang oleh Akta A857, perenggan 3(b), berkuat kuasa dari 20-08-1993 berbunyi seperti yang berikut:

“Dengan syarat selanjutnya, jika kekosongan luar jangka dalam Dewan Rakyat dipastikan pada suatu tarikh dalam masa enam bulan dari tarikh Parlimen adalah terdapat mengikut Fasal (3) Perkara 55, maka kekosongan luar jangka itu tidaklah boleh diisi.”.

Fasal (2)

- a. Dipinda oleh Akta A354, seksyen 16, berkuat kuasa dari 27-08-1976, dengan memasukkan perkataan “oleh Suruhanjaya Pilihan Raya” selepas perkataan “tarikh kekosongan itu disahkan berlaku”.
- b. Fasal ini dipotong oleh Akta A585, perenggan 21(b), berkuat kuasa dari 14-04-1984 dan berbunyi seperti yang berikut:

“(2) Jika suatu kekosongan luar jangka dalam Dewan Rakyat adalah berkenaan dengan kekosongan yang akan diisi oleh seorang ahli dari Sabah atau Sarawak, maka kekosongan luar jangka itu hendaklah diisi dalam masa sembilan puluh hari dari tarikh kekosongan itu dipastikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya dan suatu pilihan raya hendaklah diadakan sewajarnya.”.

2. *Lihat* Per. 57(1A) & 118A.

Memanggil, memprorog dan membubarkan Parlimen

55. (1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah memanggil Parlimen dari semasa ke semasa dan tidak boleh membiarkan enam bulan berlalu antara persidangan yang akhir dalam satu penggal dengan tarikh yang ditetapkan untuk mesyuarat pertamanya dalam penggal yang berikutnya.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh memprorog atau membubarkan Parlimen.

(3) Melainkan jika dibubarkan terlebih dahulu, Parlimen hendaklah terus berjalan selama lima tahun dari tarikh mesyuarat pertamanya dan selepas itu adalah terubur.

(4) Apabila Parlimen bubar suatu pilihan raya umum hendaklah diadakan dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh ia bubar dan Parlimen hendaklah dipanggil bermesyuarat pada suatu tarikh yang tidak lewat daripada satu ratus dua puluh hari dari tarikh itu.

(5) Sesuatu Rang Undang-Undang yang belum diputuskan di dalam Parlimen tidaklah terluput disebabkan oleh pemprorogan Parlimen.

(6) *(Dimansuhkan)*.

(7) Sesuatu Rang Undang-Undang yang menantikan perkenan Yang di-Pertuan Agong di bawah Fasal (4) atau Fasal (4A) Perkara 66 tidaklah terluput disebabkan oleh pemprorogan atau pembubaran Parlimen.

Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara

56. (1) Dewan Negara hendaklah dari semasa ke semasa memilih seorang daripada ahlinya untuk menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara dan seorang untuk menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, dan tidak boleh, tertakluk kepada Fasal (3), menjalankan apa-apa urusan semasa jawatan Yang di-Pertua kosong selain pemilihan Yang di-Pertua.

(2) Seseorang ahli yang memegang jawatan sebagai Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua terhenti memegang jawatannya apabila habis tempoh yang baginya dia dipilih atau dilantik menjadi ahli atau apabila selainnya dia terhenti menjadi ahli Dewan Negara, atau apabila telah hilang kelayakan di bawah Fasal (5), dan boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 55

Fasal (4)

- a. *Lihat* Per. 118A.
- b. Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 19-09-1966, memasukkan perkataan “di dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu dan sembilan puluh hari di dalam Negeri-Negeri Borneo” dan menggantikan perkataan “sembilan puluh” dengan perkataan “satu ratus dua puluh”.
- c. Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- d. Perkataan “di dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu dan sembilan puluh hari di dalam Negeri Sabah dan Sarawak” dipotong oleh Akta A585, perenggan 22(a), berkuat kuasa dari 14-04-1984.

Fasal (5), (6) & (7): Ditambahkan oleh Akta A585, perenggan 22(b), berkuat kuasa dari 14-04-1984.

Fasal (6): Dipotong oleh Akta A885, seksyen 6, berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Per. 56

Fasal (1)

Perkataan “, tertakluk kepada Fasal (3),” dimasukkan oleh Akta A514, perenggan 5(a), berkuat kuasa dari 15-05-1981.

(3) Dalam masa apa-apa kekosongan dalam jawatan Yang di-Pertua atau dalam masa Yang di-Pertua tidak hadir dalam mana-mana persidangan, Timbalan Yang di-Pertua atau, jika Timbalan Yang di-Pertua juga tidak hadir atau jika jawatannya juga kosong, seorang ahli lain yang ditentukan oleh kaedah-kaedah tatacara Dewan Negara, hendaklah bertindak sebagai Yang di-Pertua.

(4) Jika ahli Dewan Undangan sesuatu Negeri dipilih menjadi Yang di-Pertua, maka dia hendaklah berhenti menjadi ahli Dewan Undangan Negeri itu sebelum menjalankan fungsi jawatannya.

(5) Seseorang ahli yang dipilih menjadi Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua hilang kelayakan untuk memegang jawatan itu jika selepas tiga bulan dari pemilihannya untuk memegang jawatan itu atau pada bila-bila masa selepas itu dia ialah atau menjadi anggota mana-mana lembaga pengarah atau lembaga pengurusan, atau pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal ehwal atau urusan, mana-mana organisasi atau badan, sama ada diperbadankan atau selainnya, atau mana-mana pengusahaan komersial, perindustrian atau pengusahaan lain, sama ada atau tidak dia menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya:

Dengan syarat bahawa kehilangan kelayakan itu tidaklah terpakai jika organisasi atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagiannya, atau apa-apa kerja atau tujuan lain yang bersifat khairat atau sosial, dan ahli itu tidak menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya.

(6) Jika berbangkit apa-apa soal mengenai kehilangan kelayakan Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua di bawah Fasal (5), maka Dewan Negara hendaklah mengambil keputusan mengenainya dan keputusan itu adalah muktamad.

Yang di-Pertua dan Timbalan-Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat

57. (1) Dewan Rakyat hendaklah dari semasa ke semasa memilih—

(a) sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat, seseorang sama ada yang menjadi ahli Dewan Rakyat atau yang layak dipilih menjadi ahli yang sedemikian; dan

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 56—(samb.)

Fasal (4): Ditambahkan oleh Akta 10/1960, seksyen 8, berkuat kuasa dari 31-05-1960.

Fasal (5) & (6)

- a. Ditambahkan oleh Akta A514, perenggan 5(*d*), berkuat kuasa dari 15-05-1981.
- b. Perkataan “atau Timbalan Yang di-Pertua” dipotong oleh Akta A566, subseksyen 8(1), berkuat kuasa dari 16-12-1983 tetapi dimasukkan semula oleh Akta A1130, seksyen 5, berkuat kuasa dari 28-09-2001.

Catatan:

Pindaan yang dibuat dalam Fasal (5) dan (6) Perkara 56 oleh Akta A566 terpakai hanya bagi seseorang yang dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua pada atau selepas 16-12-1983.

Per. 57

Akta 19/1964, subseksyen 7(1), berkuat kuasa dari 30-07-1964, menggantikan Fasal (1) dan (2) dengan Fasal (1), (1A), (2) dan (2A). Fasal yang dahulu berbunyi seperti yang berikut:

“57. (1) Dewan Rakyat hendaklah dari semasa ke semasa memilih seorang daripada ahlinya menjadi Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Speaker) dan seorang menjadi Timbalan Yang di-Pertua, dan tidaklah boleh menjalankan apa-apa urusan semasa jawatan Yang di-Pertua kosong selain pemilihan Yang di-Pertua.

(2) Seseorang ahli yang memegang jawatan Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua hendaklah mengosongkan jawatannya apabila dia terhenti menjadi ahli Dewan Rakyat dan boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya.”

Fasal (1)

Akta 514, perenggan 6(*a*), berkuat kuasa dari 15-05-1981, memasukkan perkataan “, tertakluk kepada Fasal (3),” selepas perkataan “tidak boleh”.

- (b) dua orang Timbalan Yang di-Pertua daripada kalangan ahli Dewan Rakyat,

dan Dewan Rakyat tidak boleh, tertakluk kepada Fasal (3), menjalankan apa-apa urusan semasa jawatan Yang di-Pertua kosong selain pemilihan Yang di-Pertua.

(1A) Mana-mana orang yang bukan ahli Dewan Rakyat yang dipilih sebagai Yang di-Pertua—

- (a) hendaklah, sebelum menjalankan tugas jawatannya, mengangkat dan menandatangani di hadapan Dewan Rakyat sumpah jawatan dan sumpah taat setia yang dinyatakan dalam Jadual Keenam; dan
- (b) hendaklah, oleh sebab dia memegang jawatannya itu, menjadi ahli Dewan Rakyat sebagai tambahan kepada ahli-ahli yang dipilih menurut Perkara 46:

Dengan syarat bahawa perenggan (b) tidaklah mempunyai kuat kuasa bagi maksud mana-mana peruntukan yang berikut dalam Perlembagaan ini, iaitu, Perkara 43, 43A, 43B, 50 hingga 52, 54 dan 59; dan tiada seorang pun berhak, menurut kuasa perenggan itu, mengundi atas apa-apa perkara di hadapan Dewan Rakyat.

(2) Yang di-Pertua boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui surat yang ditandatangani sendiri olehnya yang ditujukan kepada Setiausaha Dewan Rakyat, dan hendaklah mengosongkan jawatannya—

- (a) apabila Dewan Rakyat bermesyuarat buat pertama kali selepas suatu pilihan raya umum;
- (b) apabila dia terhenti menjadi ahli Dewan Rakyat melainkan oleh sebab pembubarannya atau, jika dia menjadi ahli semata-mata menurut kuasa perenggan (b) Fasal (1A), apabila dia terhenti berkelayakan menjadi ahli;
- (bb) apabila telah hilang kelayakan di bawah Fasal (5);
- (c) jika pada bila-bila masa Dewan Rakyat membuat ketetapan sedemikian.

(2A) Seseorang Timbalan Yang di-Pertua boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui surat yang ditandatangani sendiri olehnya yang ditujukan kepada Setiausaha Dewan Rakyat, dan hendaklah mengosongkan jawatannya—

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 57—(samb.)

Fasal (1)(b)

Fasal yang ada sekarang digantikan oleh Akta A566, perenggan 9(1)(a), berkuat kuasa dari 16-12-1983. Fasal yang dahulu sebagaimana yang terdapat pada tarikh pemansuhan berbunyi seperti yang berikut:

“(b) sebagai Timbalan Yang di-Pertua, seorang ahli Dewan Rakyat itu;”.

Fasal (1A)(b): Lihat Per. 62(3).

Fasal (2)(bb): Ditambahkan oleh Akta A514, perenggan 6(b), berkuat kuasa dari 15-05-1981.

Fasal (2A)

Perkataan “Timbalan Yang di-Pertua” digantikan dengan perkataan “Seseorang Timbalan Yang di-Pertua” oleh Akta A566, perenggan 9(1)(b), berkuat kuasa dari 16-12-1983.

- (a) apabila dia terhenti menjadi ahli Dewan Rakyat;
- (b) jika pada bila-bila masa Dewan Rakyat membuat ketetapan sedemikian.

(3) Dalam masa apa-apa kekosongan dalam jawatan Yang di-Pertua atau dalam masa Yang di-Pertua tidak hadir dalam mana-mana persidangan, melainkan oleh sebab Dewan Rakyat bermesyuarat buat pertama kali selepas suatu pilihan raya umum, maka seorang daripada Timbalan Yang di-Pertua atau, jika kedua-dua Timbalan Yang di-Pertua tidak hadir atau jika kedua-dua jawatan mereka itu kosong, seorang ahli lain sebagaimana yang ditentukan oleh kaedah-kaedah tatacara Dewan Rakyat, hendaklah bertindak sebagai Yang di-Pertua.

(4) Jika ahli Dewan Undangan sesuatu Negeri dipilih menjadi Yang di-Pertua, maka dia hendaklah berhenti menjadi ahli Dewan Undangan Negeri itu sebelum menjalankan fungsi jawatannya.

(5) Seseorang yang dipilih menjadi Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua hilang kelayakan untuk memegang jawatan itu jika selepas tiga bulan dari pemilihannya untuk memegang jawatan itu atau pada bila-bila masa selepas itu dia ialah atau menjadi anggota mana-mana lembaga pengarah atau lembaga pengurusan, atau pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal ehwal atau urusan, mana-mana organisasi atau badan, sama ada diperbadankan atau selainnya, atau mana-mana pengusahaan komersial, perindustrian atau pengusahaan lain, sama ada atau tidak dia menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya:

Dengan syarat bahawa kehilangan kelayakan itu tidaklah terpakai jika organisasi atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagiannya, atau apa-apa kerja atau tujuan lain yang bersifat khairat atau sosial, dan ahli itu tidak menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya.

(6) Jika berbangkit apa-apa soal mengenai kehilangan kelayakan Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua di bawah Fasal (5), maka Dewan Rakyat hendaklah mengambil keputusan mengenainya dan keputusan itu adalah muktamad.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 57—(samb.)

Fasal (3)

- a. Fasal yang ada sekarang digantikan oleh Akta A514, perenggan 6(c), berkuat kuasa dari 15-05-1981, dan menggantikan Fasal yang dahulu yang berbunyi seperti yang berikut:

“(3) Dalam masa Yang di-Pertua tidak hadir dalam sesuatu persidangan Dewan Rakyat Timbalan Yang di-Pertua atau jika Timbalan Yang di-Pertua juga tidak hadir, mana-mana ahli yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh kaedah tatacara Dewan itu, hendaklah bertindak sebagai Yang di-Pertua.”

- b. Perkataan “Timbalan Yang di-Pertua atau jika Timbalan Yang di-Pertua juga tidak hadir atau jika jawatannya juga kosong” digantikan dengan perkataan “seorang daripada Timbalan Yang di-Pertua atau, jika kedua-dua Timbalan Yang di-Pertua tidak hadir atau, jika kedua-dua jawatan mereka itu kosong” oleh Akta A566, perenggan 9(1)(c), berkuat kuasa dari 16-12-1983.

Fasal (4): Ditambahkan oleh Akta 10/1960, seksyen 9, berkuat kuasa dari 31-05-1960.

Fasal (5) & (6)

- a. Ditambahkan oleh Akta A514, perenggan 6(d), berkuat kuasa dari 15-05-1981.
- b. Perkataan “atau Timbalan Yang di-Pertua” dipotong oleh Akta A566, perenggan 9(1)(d), berkuat kuasa dari 16-12-1983, tetapi dimasukkan semula oleh Akta A1130, seksyen 6, berkuat kuasa dari 28-09-2001.
- c. Pada nota bahu, perkataan “Timbalan Yang di-Pertua” digantikan dengan “Timbalan-Timbalan Yang di-Pertua” oleh Akta A566, perenggan 9(1)(e), berkuat kuasa dari 16-12-1983.

Catatan:

Pindaan yang dibuat dalam Fasal (5) dan (6) Perkara 57 oleh Akta A566 terpakai hanya bagi seseorang yang dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada atau selepas 16-12-1983.

Saraan Yang di-Pertua dan Timbalan-Timbalan Yang di-Pertua

58. Parlimen hendaklah melalui undang-undang membuat peruntukan bagi saraan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua dan Timbalan-Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, dan saraan yang diperuntukkan sedemikian bagi Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan.

Sumpah oleh ahli-ahli

59. (1) Tiap-tiap ahli mana-mana satu Majlis Parlimen hendaklah sebelum mengambil kerusinya mengangkat dan menandatangani di hadapan orang yang mempengerusikan Majlis Parlimen itu suatu sumpah mengikut bentuk yang dinyatakan dalam Jadual Keenam, tetapi seseorang ahli boleh sebelum mengangkat sumpah itu mengambil bahagian dalam pemilihan Yang di-Pertua Dewan Negara atau Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

(2) Jika seseorang ahli tidak mengambil kerusinya dalam masa enam bulan dari tarikh Majlis Parlimen itu bersidang bagi pertama kalinya selepas pemilihannya atau dalam masa yang lebih lanjut sebagaimana yang dibenarkan oleh Majlis Parlimen itu, maka kerusinya hendaklah menjadi kosong.

Titah oleh Yang di-Pertuan Agong

60. Yang di-Pertuan Agong boleh bertitah kepada mana-mana satu Majlis Parlimen atau kedua-dua Majlis Parlimen bersesama.

Peruntukan khas tentang Jemaah Menteri dan Peguam Negara

61. (1) Sebagai tambahan kepada haknya sebagai ahli salah satu Majlis Parlimen tiap-tiap anggota Jemaah Menteri berhak mengambil bahagian dalam prosiding Majlis Parlimen yang satu lagi.

(2) Mana-mana satu Majlis Parlimen boleh melantik Peguam Negara atau mana-mana anggota Jemaah Menteri menjadi anggota mana-mana jawatankuasanya walaupun dia bukan ahli Majlis Parlimen itu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 58

1. *Lihat* Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [*Akta* 237].
2. Perkataan “Timbalan Yang di-Pertua” yang terdapat dalam Perkara ini dan dalam nota bahu kepadanya digantikan dengan “Timbalan-Timbalan Yang di-Pertua” oleh Akta A566, seksyen 10, berkuat kuasa dari 16-12-1983.

Per. 59

Lihat Per. 57(1A).

Fasal (2)

Perkataan “tiga” digantikan dengan perkataan “enam” oleh Akta A566, seksyen 11, berkuat kuasa dari 16-12-1983.

(3) Perkara ini tidak membenarkan mana-mana orang yang bukan ahli sesuatu Majlis Parlimen mengundi di dalam Majlis Parlimen itu atau dalam mana-mana jawatankuasanya.

(4) Dalam Perkara ini “anggota Jemaah Menteri” termasuklah Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen.

Tatacara Parlimen

62. (1) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini dan peruntukan undang-undang persekutuan, setiap Majlis Parlimen hendaklah mengawal selia tataranya sendiri.

(2) Setiap Majlis Parlimen boleh bertindak walaupun ada apa-apa kekosongan dalam keahliannya, dan kehadiran atau penyertaan mana-mana orang yang tidak berhak hadir atau turut serta tidaklah menidaksahkan mana-mana prosiding.

(3) Tertakluk kepada Fasal (4) dan kepada Fasal (1) Perkara 89 dan Fasal (3) Perkara 159 dan kepada seksyen 10 dan 11 Jadual Ketiga Belas, setiap Majlis Parlimen hendaklah, jika tidak sebulat suara, membuat keputusannya mengikut majoriti biasa ahli-ahli yang mengundi; dan orang yang mempengerusikan itu, melainkan jika dia menjadi ahli Majlis Parlimen itu semata-mata menurut kuasa perenggan (b) Fasal (1A) Perkara 57, hendaklah membuang undinya apabila perlu bagi mengelakkan undi sama banyak, tetapi tidak boleh mengundi dalam apa-apa hal lain.

(4) Pada mengawal selia tataranya, setiap Majlis Parlimen boleh memperuntukkan bahawa tiada apa-apa keputusan yang berkenaan dengan prosidingnya boleh dibuat kecuali mengikut majoriti yang ditentukan atau mengikut bilangan undi yang ditentukan.

(5) Ahli-ahli yang tidak hadir di dalam sesuatu Majlis Parlimen tidaklah dibenarkan mengundi.

Keistimewaan Parlimen

63. (1) Kesahan apa-apa prosiding di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen atau dalam mana-mana jawatankuasanya tidak boleh dipersoalkan di dalam mana-mana mahkamah.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 61

Fasal (4)

- a. Ditambahkan oleh Akta 10/1960, seksyen 10, berkuat kuasa dari 31-05-1960.
- b. Perkataan “Menteri Muda” digantikan dengan “Timbalan Menteri” oleh Akta A31, subseksyen 10(1), berkuat kuasa dari 24-03-1971.
- c. Perkataan “dan Setiausaha Parlimen” ditambahkan oleh Akta A631, seksyen 4, berkuat kuasa dari 24-02-1986.

Per. 62

Fasal (3)

- a. Akta 14/1962, seksyen 32, berkuat kuasa dari 21-06-1962, memasukkan perkataan “dan kepada seksyen 10 dan 11 Jadual Ketiga Belas”.
- b. Akta 19/1964, subseksyen 7(2), berkuat kuasa dari 30-07-1964, memasukkan perkataan “melainkan jika dia menjadi ahli Majlis Parlimen itu semata-mata menurut kuasa perenggan (b) Fasal (1A) Perkara 57.”.

(2) Tiada seorang pun boleh dikenakan apa-apa prosiding di dalam mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa jua yang dikatakan atau apa-apa undi yang diberikan olehnya semasa mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding mana-mana satu Majlis Parlimen atau mana-mana jawatankuasanya.

(3) Tiada seorang pun boleh dikenakan apa-apa prosiding di dalam mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa jua yang disiarkan oleh atau di bawah kuasa mana-mana satu Majlis Parlimen.

(4) Fasal (2) tidaklah terpakai bagi mana-mana orang yang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen di bawah Fasal (4) Perkara 10 atau atas suatu kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948 [*Akta 15*] sebagaimana yang dipinda oleh Ordinan No. 45 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1970 [*P.U. (A) 282/1970*].

(5) Walau apa pun Fasal (4), tiada seorang pun boleh dikenakan apa-apa prosiding di dalam mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa jua yang dikatakan olehnya tentang Yang di-Pertuan Agong atau seseorang Raja semasa mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding mana-mana satu Majlis Parlimen atau mana-mana jawatankuasanya kecuali jika dia menganjurkan penghapusan kedudukan berperlembagaan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara bagi Persekutuan atau kedudukan berperlembagaan Raja sesuatu Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Saraan ahli

64. Parlimen hendaklah melalui undang-undang membuat peruntukan bagi saraan ahli-ahli setiap Majlis Parlimen.

Setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat

65. (1) Maka hendaklah ada seorang Setiausaha Dewan Negara dan seorang Setiausaha Dewan Rakyat.

(2) Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong daripada kalangan anggota perkhidmatan awam am Persekutuan dan setiap seorang hendaklah memegang jawatan sehingga dia mencapai umur

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 63

Fasal (4): Ditambahkan oleh Akta A30, seksyen 3, berkuat kuasa dari 10-03-1971.

Lihat Ordinan Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa), [*No. 15 tahun 1952*].

Fasal (5): Ditambahkan oleh Akta A848, seksyen 5, berkuat kuasa dari 30-03-1993.

Per. 64

Lihat Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [*Akta 237*].

Per. 65

Fasal (2)

- a. Proviso ditambahkan oleh Akta A354, seksyen 17, berkuat kuasa dari Hari Merdeka.
- b. *Lihat* seksyen 7 Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992 [*Akta A837*] mengenai taraf anggota Perkhidmatan Parlimen setelah Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 [*Akta 394*] dimansuhkan.
- c. Perkataan “umur lima puluh lima tahun” digantikan dengan “umur persaraan paksa bagi anggota perkhidmatan awam am” oleh Akta A1130, seksyen 7, berkuat kuasa dari 28-09-2001.

persaraan paksa bagi anggota perkhidmatan awam am melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau ditukarkan kepada suatu jawatan lain dalam perkhidmatan awam am itu.

(3) Orang yang memegang jawatan Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Fasal ini hendaklah, melainkan jika mana-mana orang itu belum mencapai umur lima puluh lima tahun dan sudah memilih untuk menjadi anggota perkhidmatan awam am Persekutuan, terus memegang jawatan masing-masing atas terma-terma dan syarat-syarat yang tidak kurang baiknya daripada yang terpakai baginya sebaik sebelum permulaan kuat kuasa sedemikian dan tidaklah boleh dipecat daripada jawatan kecuali atas alasan dan mengikut cara yang sama seperti seorang hakim Mahkamah Persekutuan, dan dalam hal ini representasi yang disebut dalam Fasal (3) Perkara 125 hendaklah representasi yang dibuat oleh Yang di-Pertua Dewan Negara atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

(4) *(Dimansuhkan).*

(5) *(Dimansuhkan).*

Bab 5—Tatacara perundangan

Penjalanan kuasa perundangan

66. (1) Kuasa Parlimen untuk membuat undang-undang hendaklah dijalankan melalui Rang Undang-Undang yang diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen (atau, dalam hal yang disebut dalam Perkara 68, oleh Dewan Rakyat) dan, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Perkara ini, diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong.

(2) Tertakluk kepada Perkara 67, sesuatu Rang Undang-Undang boleh bermula di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen.

(3) Apabila sesuatu Rang Undang-Undang telah diluluskan oleh Majlis Parlimen tempat Rang Undang-Undang itu bermula, maka Rang Undang-Undang itu hendaklah dihantar kepada Majlis Parlimen yang satu lagi; dan Rang Undang-Undang itu hendaklah dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan olehnya apabila telah diluluskan oleh Majlis Parlimen yang satu

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 65—(samb.)

Fasal (3)

- a. Perkataan “Mahkamah Agung” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. Subseksyen 18(2) Akta A566, berkuat kuasa dari 01-01-1985, memperuntukkan bahawa sebutan mengenai Mahkamah Persekutuan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Mahkamah Agung.
- c. Perkataan “Agung” digantikan dengan perkataan “Persekutuan” oleh Akta A885, seksyen 7, berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Fasal (2) & (3)

Fasal-fasal yang ada sekarang dimasukkan oleh Akta A837, seksyen 5, berkuat kuasa dari 20-11-1992, dan menggantikan Fasal-fasal yang dahulu yang berbunyi seperti yang berikut:

“(2) Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan, tertakluk kepada Fasal (3), setiap orang hendaklah memegang jawatan sehingga dia mencapai umur enam puluh tahun atau apa-apa umur lain sebagaimana yang diperuntukkan oleh Parlimen melalui undang-undang, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya:

Dengan syarat bahawa Fasal ini tidaklah boleh dikira sebagai menghalang Yang di-Pertuan Agong daripada membuat pelantikan itu daripada kalangan anggota perkhidmatan awam yang baginya Bahagian X terpakai bagi apa-apa tempoh yang lebih pendek sebagaimana yang difikirkannya patut, dan proviso ini hendaklah disifatkan telah menjadi bahagian perlu Perkara ini mulai dari Hari Merdeka.

(3) Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat boleh dipecat daripada jawatan atas alasan dan mengikut cara yang sama sebagaimana seorang hakim Mahkamah Agung, kecuali bahawa representasi yang disebut dalam Fasal (3) Perkara 125 hendaklah representasi yang dibuat oleh Yang di-Pertua Dewan Negara atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat.”.

Fasal (4)

- a. Fasal yang ada sekarang dimasukkan oleh Akta 14/1962, perenggan 15(a), berkuat kuasa dari 21-06-1962, dan menggantikan Fasal yang dahulu yang berbunyi seperti yang berikut:

“(4) Sebelum melantik mana-mana anggota kakitangannya, Setiausaha Dewan Negara hendaklah berunding dengan Yang di-Pertua Dewan Negara, dan Setiausaha Dewan Rakyat pula hendaklah berunding dengan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.”.

- b. Lihat Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 [Akta 12/1963].

- c. Fasal ini yang dinyatakan di bawah seperti yang berikut, dipotong oleh Akta A837, perenggan 5(b), berkuat kuasa dari 20-11-1992:

“(4) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya oleh Perkara ini, kelayakan untuk pelantikan dan syarat-syarat perkhidmatan Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat, dan anggota kakitangan Majlis-Majlis Parlimen, bolehlah dikawal selia oleh undang-undang persekutuan.”.

Fasal (5)

- a. Perkataan “anggota kakitangannya” digantikan dengan “anggota kakitangan Parlimen” oleh Akta 14/1962, perenggan 15(b), berkuat kuasa dari 21-06-1962.
- b. Fasal ini yang dinyatakan di bawah seperti yang berikut, dipotong oleh Akta A837, perenggan 5(b), berkuat kuasa dari 20-11-1992:

“(5) Setiausaha Dewan Negara, Setiausaha Dewan Rakyat dan anggota kakitangan Parlimen adalah hilang kelayakan daripada menjadi ahli mana-mana satu Majlis Parlimen atau Dewan Undangan mana-mana Negeri.”.

Per. 66

Fasal (1)

Perkataan “, kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dalam Perkara ini.” ditambahkan selepas perkataan “dan” oleh Akta A584, perenggan 2(a), berkuat kuasa dari 20-01-1984.

lagi itu dan persetujuan telah dicapai antara kedua-dua Majlis Parlimen itu mengenai apa-apa pindaan yang dibuat dalam Rang Undang-Undang itu atau apabila Rang Undang-Undang itu dikehendaki dikemukakan sedemikian di bawah Perkara 68.

(4) Yang di-Pertuan Agong hendaklah dalam masa tiga puluh hari selepas sesuatu Rang Undang-Undang dikemukakan kepadanya memperkenankan Rang Undang-Undang itu dengan menyebabkan Mohor Besar dicapkan pada Rang Undang-Undang itu.

(4A) Jika sesuatu Rang Undang-Undang tidak diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam masa yang ditentukan dalam Fasal (4), Rang Undang-Undang itu hendaklah menjadi undang-undang apabila habis masa yang ditentukan dalam Fasal itu mengikut cara yang sama seolah-olah dia telah memperkenankannya.

(4B) (*Dimansuhkan*).

(5) Sesuatu Rang Undang-Undang hendaklah menjadi undang-undang apabila diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong atau sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal (4A), tetapi tiada undang-undang boleh berkuat kuasa sehingga undang-undang itu telah disiarkan, tanpa, walau bagaimanapun, menjejaskan kuasa Parlimen untuk menangguhkan kuat kuasa mana-mana undang-undang atau untuk membuat undang-undang yang berkuat kuasa ke belakang.

(6) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini atau dalam Perkara 68 boleh menidaksahkan mana-mana undang-undang yang mengesahkan aku janji yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan yang bermaksud bahawa Rang Undang-Undang yang dimaksudkan oleh aku janji itu tidak akan dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan olehnya kecuali mengikut aku janji itu.

Sekatan terhadap pembawaan Rang Undang-Undang dan pencadangan pindaan-pindaan yang melibatkan pencukaian, perbelanjaan, dsb.

67. (1) Sesuatu Rang Undang-Undang atau pindaan yang membuat peruntukan (sama ada secara langsung atau secara tidak langsung) bagi—

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 66—(samb.)

Fasal (4)

- a. Perkataan “dan selepas memperkenalkan sesuatu Rang Undang-Undang, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menyebabkan Rang Undang-Undang itu disiarkan sebagai undang-undang” dipotong oleh Akta A566, perenggan 12(a), berkuat kuasa dari 16-12-1983.
- b. Fasal ini digantikan oleh Akta A584, perenggan 2(b), berkuat kuasa dari 20-01-1984. Fasal yang asal berbunyi seperti yang berikut:

“(4) Yang di-Pertuan Agong hendaklah menyatakan perkenannya terhadap sesuatu Rang Undang-Undang dengan menyebabkan Rang Undang-Undang itu dicapkan dengan Mohor Besar, dan selepas memperkenalkan Rang Undang-Undang itu, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menyebabkan Rang Undang-Undang itu disiarkan sebagai undang-undang.”.
- c. Kemudiannya Akta A885, perenggan 8(a), berkuat kuasa dari 24-06-1994, menggantikan Fasal (4). Fasal dahulu berbunyi seperti yang berikut:

“(4) Yang di-Pertuan Agong hendaklah dalam tempoh tiga puluh hari selepas sesuatu Rang Undang-Undang dipersembahkan kepadanya—

 - (a) memperkenalkan Rang Undang-Undang itu dengan menyebabkan Rang Undang-Undang itu dicapkan dengan Mohor Besar; atau
 - (b) jika Rang Undang-Undang itu bukan Rang Undang-Undang wang, mengembalikan Rang Undang-Undang itu kepada Majlis Parlimen di mana Rang Undang-Undang itu bermula bersama-sama dengan suatu penyata mengenai sebab-sebab bantahannya terhadap Rang Undang-Undang itu, atau terhadap mana-mana peruntukannya.”.

Fasal (4A)

- a. Ditambahkan oleh Akta A584, perenggan 2(b), berkuat kuasa dari 20-01-1984.
- b. Fasal ini digantikan oleh Akta A885, perenggan 8(a), berkuat kuasa dari 24-06-1994. Fasal dahulu berbunyi seperti yang berikut:

“(4A) Jika Yang di-Pertuan Agong mengembalikan sesuatu Rang Undang-Undang kepada Majlis Parlimen di mana Rang Undang-Undang itu bermula mengikut Fasal (4)(b), Majlis Parlimen itu hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin terus menimbangkan semula Rang Undang-Undang itu. Jika selepas ditimbangkan semula, Rang Undang-Undang itu diluluskan dengan undi tidak kurang daripada dua pertiga jumlah ahli Majlis Parlimen itu dalam hal suatu Rang Undang-Undang bagi membuat apa-apa pindaan kepada Perlembagaan selain pindaan yang dikecualikan menurut Perkara 159, dan mengikut majoriti biasa dalam hal mana-mana Rang Undang-Undang lain, dengan atau tanpa pindaan, Rang Undang-Undang itu hendaklah dihantar bersama-sama dengan bantahan-bantahan itu kepada Majlis Parlimen yang satu lagi itu, yang hendaklah juga menimbangkan semula Rang Undang-Undang itu, dan jika diluluskan dengan cara yang sama oleh ahli-ahli Majlis Parlimen itu, maka Rang Undang-Undang itu hendaklah sekali lagi dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenalkan dan Yang di-Pertuan Agong hendaklah memperkenalkan Rang Undang-Undang itu dalam tempoh tiga puluh hari selepas Rang Undang-Undang itu dipersembahkan kepadanya.”.

Fasal (4B)

- a. Ditambahkan oleh Akta A584, perenggan 2(b), berkuat kuasa dari 20-01-1984.
- b. Fasal ini dimansuhkan oleh Akta A885, perenggan 8(b), berkuat kuasa dari 24-06-1994 dan berbunyi seperti yang berikut:

“(4B) Jika sesuatu Rang Undang-Undang tidak diperkenalkan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam tempoh yang dinyatakan dalam Fasal (4)(a) atau (4A), maka Rang Undang-Undang itu hendaklah menjadi undang-undang selepas habisnya tempoh yang dinyatakan dalam Fasal (4)(a) atau (4A), mengikut mana-mana yang berkenaan, mengikut cara yang sama seolah-olah Baginda telah memperkenankannya.”.

Fasal (5)

- a. Fasal asal digantikan oleh Akta A566, perenggan 12(b) berkuat kuasa dari 16-12-1983 dan berbunyi seperti yang berikut:

“(5) Sesuatu Rang Undang-Undang hendaklah menjadi undang-undang apabila ia diperkenalkan oleh Yang di-Pertuan Agong tetapi tiada satu pun undang-undang boleh berkuat kuasa sehingga ia telah disiarkan, tetapi bagaimanapun tidaklah menjejaskan kuasa Parlimen untuk menanggungkan kuat kuasa mana-mana undang-undang atau untuk membuat undang-undang dengan kuat kuasa ke belakang.”.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 66—(samb.)

- b. Kemudiannya Fasal ini digantikan oleh Akta A584, perenggan 2(c), berkuat kuasa dari 20-01-1984 dan berbunyi seperti yang berikut:

“(5) Sesuatu Rang Undang-Undang hendaklah menjadi undang-undang apabila ia diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong. Jika kerana apa-apa jua sebab Rang Undang-Undang itu tidak diperkenankan oleh Baginda dalam tempoh lima belas hari selepas Rang Undang-Undang itu dipersembahkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang di-Pertuan Agong, maka Baginda hendaklah disifatkan telah memperkenankan Rang Undang-Undang itu dan Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dengan demikian itu menjadi undang-undang.”.

Fasal (5A)

- a. Ditambahkan oleh Akta A566, perenggan 12(b), berkuat kuasa dari 16-12-1983.
- b. Fasal ini telah dimansuhkan oleh Akta A584, perenggan 2(d) berkuat kuasa dari 20-01-1984 dan berbunyi seperti yang berikut:

“(5A) Tiada satu pun undang-undang boleh berkuat kuasa sehingga ia telah disiarkan tetapi, bagaimanapun, tidaklah menjejaskan kuasa Parlimen untuk menangguhkan kuat kuasa mana-mana undang-undang atau untuk membuat undang-undang dengan kuat kuasa ke belakang.”.

- c. Perkataan “Fasal (4B)” digantikan oleh “Fasal (4A)” oleh Akta A885 perenggan 8(c), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Per. 67

1. *Lihat* Per. 66(2).

Fasal (1)

Perkataan “(sama ada secara langsung atau secara tidak langsung)” dan perkataan “iaitu peruntukan yang berkenaan dengannya Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi kewangan menandakan bahawa peruntukan itu adalah lebih daripada apa yang bersampingan sahaja dan lebih daripada apa yang tidak bersifat substansial memandangkan maksud Rang Undang-Undang atau pindaan itu” yang terdapat selepas perenggan (g) dimasukkan dan perkataan “peruntukan berkenaan dengan mana-mana perkara sedemikian” digantikan dengan “apa-apa peruntukan sedemikian” oleh Akta 14/1962, seksyen 16, berkuat kuasa dari 15-07-1962.

2. *Lihat* Per. 68(6).

- (a) mengenakan atau menaikkan apa-apa cukai atau menghapuskan, menurunkan atau meremitkan apa-apa cukai yang ada;
- (b) peminjaman wang, atau pemberian apa-apa jaminan, oleh Persekutuan, atau pemindaan undang-undang yang berhubungan dengan obligasi kewangan Persekutuan;
- (c) penjagaan Kumpulan Wang Disatukan, pemertanggungn apa-apa wang pada Kumpulan Wang Disatukan atau penghapusan atau pengubahan mana-mana pemertanggungn itu;
- (d) pembayaran wang ke dalam Kumpulan Wang Disatukan atau pembayaran, pengeluaran atau pengambilan keluar daripada Kumpulan Wang Disatukan apa-apa wang yang tidak dipertanggungn padanya, atau apa-apa pertambahan amaun yang dibayar, dikeluarkan atau diambil keluar itu;
- (e) pengkompaunan atau peremitan apa-apa hutang yang kena dibayar kepada Persekutuan;
- (f) penyerahhakan cukai atau fi atau pembuatan pemberian kepada mana-mana Negeri;
- (g) penerimaan wang bagi akaun Kumpulan Wang Disatukan atau penjagaan atau pengeluaran wang itu atau pengauditan akaun Persekutuan atau sesuatu Negeri,

iaitu peruntukan yang berkenaan dengannya Menteri yang dipertanggungn dengan tanggungjawab bagi kewangan menandakan bahawa peruntukan itu adalah lebih daripada apa yang bersampingan sahaja dan lebih daripada apa yang tidak bersifat substansial memandangkan maksud Rang Undang-Undang atau pindaan itu tidak boleh dibawa atau dicadangkan kecuali oleh seorang Menteri, dan sesuatu Rang Undang-Undang yang membuat apa-apa peruntukan sedemikian tidak boleh dimulakan di dalam Dewan Negara.

(2) Sesuatu Rang Undang-Undang atau pindaan tidaklah boleh disifatkan membuat peruntukan bagi mana-mana perkara tersebut semata-mata oleh sebab Rang Undang-Undang atau pindaan itu mengadakan peruntukan—

- (a) bagi pengenaaan atau pengubahan apa-apa denda atau penalti wang lain atau bagi pembayaran atau penuntutan

fi lesen atau fi atau caj bagi apa-apa perkhidmatan yang diberikan; atau

- (b) bagi pengenaan, pengubahan atau pengawalseliaan apa-apa cukai atau kadar oleh mana-mana pihak berkuasa tempatan atau badan bagi maksud tempatan.

Perkenan terhadap Rang Undang-Undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat sahaja

68. (1) Jika sesuatu Rang Undang-Undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dan, setelah dihantar kepada Dewan Negara sekurang-kurangnya sebulan sebelum akhir penggal itu, Rang Undang-Undang itu tidak diluluskan oleh Dewan Negara tanpa pindaan dalam tempoh sebulan, maka Rang Undang-Undang itu hendaklah dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan olehnya melainkan jika diarahkan selainnya oleh Dewan Rakyat.

(2) Jika—

- (a) sesuatu Rang Undang-Undang yang bukan suatu Rang Undang-Undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dan, setelah dihantar kepada Dewan Negara sekurang-kurangnya sebulan sebelum akhir penggal itu, Rang Undang-Undang itu tidak diluluskan oleh Dewan Negara atau diluluskan oleh Dewan Negara dengan pindaan yang tidak dipersetujui oleh Dewan Rakyat; dan
- (b) dalam penggal yang berikutnya (sama ada di dalam Parlimen yang sama atau tidak) tetapi tidak lebih awal daripada setahun selepas Rang Undang-Undang itu mula-mula diluluskan oleh Dewan Rakyat, Rang Undang-Undang yang sama, tanpa apa-apa perubahan lain selain yang disebut dalam Fasal (3), diluluskan sekali lagi oleh Dewan Rakyat dan dihantar kepada Dewan Negara sekurang-kurangnya sebulan sebelum akhir penggal itu dan tidak diluluskan oleh Dewan Negara atau diluluskan oleh Dewan Negara dengan pindaan yang tidak dipersetujui oleh Dewan Rakyat,

maka Rang Undang-Undang itu hendaklah, melainkan jika diarahkan selainnya oleh Dewan Rakyat, dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan olehnya dengan apa-apa pindaan, jika ada, sebagaimana yang telah dipersetujui oleh kedua-dua Majlis Parlimen.

Perlebagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 68

Lihat Per. 66(1), (3) & (6).

(3) Perubahan yang disebut dalam Fasal (2) ialah perubahan yang diperakui oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat sebagai perlu oleh sebab masa yang telah luput semenjak Rang Undang-Undang itu diluluskan dalam penggal yang terdahulu atau untuk menggambarkan pindaan yang dibuat dalam penggal itu oleh Dewan Negara.

(4) Apabila sesuatu Rang Undang-Undang dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong menurut Perkara ini, Rang Undang-Undang itu hendaklah mengandungi suatu perakuan daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang menyatakan bahawa peruntukan Perkara ini telah dipatuhi, dan perakuan itu adalah muktamad bagi segala maksud dan tidaklah boleh dipersoalkan di dalam mana-mana mahkamah.

(5) Perkara ini tidaklah terpakai bagi apa-apa Rang Undang-Undang untuk membuat apa-apa pindaan kepada Perlembagaan ini, selain pindaan yang dikecualikan daripada peruntukan Fasal (3) Perkara 159.

(6) Dalam Perkara ini “Rang Undang-Undang wang” ertinya suatu Rang Undang-Undang, yang pada pendapat Yang di-Pertua Dewan Rakyat mengandungi hanya peruntukan yang memperkatakan kesemua atau mana-mana perkara yang berikut sahaja, iaitu:

- (a) perkara yang disebut dalam Fasal (1) Perkara 67 atau pengawalseliaan apa-apa cukai;
- (b) pengurangan mana-mana amaun yang disebut dalam perenggan (d) Fasal (1) Perkara 67; dan
- (c) apa-apa perkara yang bersampingan dengan perkara itu atau mana-mana perkara itu,

yang diperakui oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat sebagai suatu Rang Undang-Undang wang.

*Bab 6—Keupayaan berkenaan dengan harta,
kontrak dan guaman*

Keupayaan Persekutuan berkenaan dengan harta, kontrak dan guaman

69. (1) Persekutuan mempunyai kuasa untuk mengambil, memegang dan melupuskan apa-apa jenis harta dan membuat kontrak.

Perlebagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 69

Fasal (1): Lihat Akta Kontrak Kerajaan 1949 [Akta 120].

(2) Persekutuan boleh mengemukakan tuntutan guaman dan dihadapkan dengan tuntutan guaman.

BAHAGIAN V

NEGERI-NEGERI

Keutamaan Raja dan Yang di-Pertua Negeri

70. (1) Tertakluk kepada keutamaan Yang di-Pertuan Agong dan Isterinya, Raja dan Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri-Negeri hendaklah diberi keutamaan daripada segala orang lain dan setiap Raja atau Yang di-Pertua Negeri hendaklah, di dalam Negerinya sendiri, diberi keutamaan daripada Raja dan Yang di-Pertua Negeri yang lain.

(2) Tertakluk kepada Fasal (1), Raja hendaklah diberi keutamaan daripada Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri dan, antara mereka sendiri, mengikut tarikh mereka menjadi Raja, dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri hendaklah, antara mereka sendiri, diberi keutamaan mengikut tarikh mereka dilantik sebagai Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri; dan jika Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri dilantik pada hari yang sama, maka yang lebih tua hendaklah diberi keutamaan daripada yang lebih muda.

Jaminan Persekutuan terhadap Perlembagaan Negeri

71. (1) Persekutuan hendaklah menjamin hak Raja sesuatu Negeri untuk naik takhta dan memegang, menikmati dan menjalankan hak-hak dan keistimewaan-keistimewaan di sisi perlembagaan bagi Raja Negeri itu mengikut Perlembagaan Negeri itu; tetapi apa-apa pertikaian tentang hak naik takhta mana-mana Negeri hendaklah diputuskan semata-mata oleh mana-mana pihak berkuasa, dan semata-mata mengikut apa-apa cara, yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Negeri itu.

(2) Fasal (1) hendaklah, dengan ubah suaian yang perlu, terpakai berhubung dengan seseorang Pembesar Memerintah bagi Negeri Sembilan sebagaimana Fasal itu terpakai bagi Raja sesuatu Negeri.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 69—(samb.)

Fasal (2): Lihat Akta Prosiding Kerajaan 1956 [Akta 359].

Per. 70

Fasal (1)

Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (1) & (2)

Perkataan “Gabenor-Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(a), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Lihat Per. 159(5).

Per. 71

Fasal (1): Lihat Per. 159(5).

(3) Jika didapati oleh Parlimen bahawa di mana-mana Negeri, mana-mana peruntukan Perlembagaan ini atau mana-mana peruntukan Perlembagaan Negeri itu lazimnya tidak diendahkan maka, walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan bagi memastikan pematuhan peruntukan itu.

(4) Jika pada bila-bila masa Perlembagaan mana-mana Negeri tidak mengandungi peruntukan-peruntukan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Kelapan, sama ada dengan atau tanpa ubah suaian yang dibenarkan di bawah Fasal (5) (kemudian daripada ini disebut “peruntukan-peruntukan perlu”) atau peruntukan-peruntukan yang isinya mempunyai maksud yang sama, atau mengandungi peruntukan-peruntukan yang tidak selaras dengan peruntukan-peruntukan perlu itu maka, walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan bagi menguatkuasakan di dalam Negeri itu peruntukan-peruntukan perlu itu atau bagi menghapuskan peruntukan-peruntukan yang tidak selaras itu.

(5) Peruntukan-peruntukan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Kelapan boleh diubahsuai dengan menggantikan seksyen 2 atau seksyen 4 atau kedua-duanya dengan peruntukan-peruntukan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual itu sebagai gantinya—

(a) dalam hal tiap-tiap Negeri, sehingga terbubarnya Dewan Undangan kedua yang ditubuhkan mengikut peruntukan-peruntukan itu atau peruntukan-peruntukan itu yang diubahsuai sedemikian;

(b) dalam hal Negeri Perlis, sehingga apa-apa masa yang lebih lanjut sebagaimana yang ditetapkan oleh Dewan Undangan Negeri itu dan, berkenaan dengan peruntukan yang dinyatakan dalam seksyen 2 Jadual itu, sehingga masa yang belum lagi ditetapkan.

(6) Sesuatu undang-undang yang dibuat bagi sesuatu Negeri menurut Perkara ini, melainkan jika terlebih dahulu dimansuhkan oleh Parlimen, hendaklah terhenti berkuat kuasa pada hari yang ditetapkan oleh Dewan Undangan baru, yang ditubuhkan di Negeri itu selepas lulusnya undang-undang itu.

(7) Berhubung dengan Negeri Sabah atau Sarawak—

(a) Fasal (5) tidaklah terpakai; tetapi

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 71—(samb.)

Fasal (4)

- a. Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963, memotong perkataan “selepas tiga puluh hari bulan Jun, seribu sembilan ratus lima puluh sembilan” yang terdapat selepas “Jika pada bila-bila masa”.
- b. Perkataan “ternyata kepada Parlimen bahawa” dipotong oleh Akta 26/1963, subseksyen 12(2), berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Fasal (7)

- a. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 12(1), berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. Angka “1957” dalam perenggan (b) digantikan dengan “1975” oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- c. Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- d. Perkataan “sesuatu Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah atau Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

(b) sehingga akhir bulan Ogos 1957, atau sehingga apa-apa tarikh yang lebih awal sebagaimana yang diarahkan melalui perintah oleh Yang di-Pertuan Agong, dengan persetujuan Yang di-Pertua Negeri, Fasal (4) hendaklah terpakai seolah-olah sebutan mengenai ubah suaian yang dibenarkan di bawah Fasal (5) ialah sebutan mengenai ubah suaian yang dibuat oleh Perlembagaan Negeri itu sebagaimana yang berkuat kuasa pada Hari Malaysia.

(8) (*Dimansuhkan*).

Keistimewaan Dewan Undangan

72. (1) Kesahan apa-apa prosiding di dalam Dewan Undangan mana-mana Negeri tidaklah boleh dipersoalkan di dalam mana-mana mahkamah.

(2) Tiada seorang pun boleh dikenakan apa-apa prosiding di dalam mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa jua yang dikatakan atau apa-apa undi yang diberikan olehnya semasa mengambil bahagian dalam prosiding Dewan Undangan mana-mana Negeri atau prosiding mana-mana jawatankuasanya.

(3) Tiada seorang pun boleh dikenakan apa-apa prosiding di dalam mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa jua yang disiarkan oleh atau di bawah kuasa Dewan Undangan mana-mana Negeri.

(4) Fasal (2) tidaklah terpakai bagi mana-mana orang yang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen di bawah Fasal (4) Perkara 10 atau atas suatu kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948 sebagaimana yang dipinda oleh Ordinan No. 45 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970.

(5) Walau apa pun Fasal (4), tiada seorang pun boleh dikenakan apa-apa prosiding di dalam mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa jua yang dikatakan olehnya tentang Raja mana-mana Negeri semasa mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding Dewan Undangan mana-mana Negeri atau mana-mana jawatankuasanya kecuali jika dia menganjurkan penghapusan kedudukan Raja itu sebagai Raja berperlembagaan Negeri itu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 71—(samb.)

Fasal (8)

Fasal ini ditambah oleh Akta 26/1963, subseksyen 12(1), berkuat kuasa dari 16-09-1963, dan dimansuhkan oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 16-09-1963 dan berbunyi seperti yang berikut:

“(8) Berhubung dengan Singapura Fasal (4) hingga (6) tidaklah terpakai, tetapi tiada enakmen Badan Perundangan Singapura yang membuat dalam Perlembagaan Singapura pindaan-pindaan yang berhubung dengan apa-apa perkara yang diperkatakan oleh peruntukan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Kelapan (sebagaimana Bahagian itu terpakai bagi Singapura) boleh berkuat kuasa melainkan jika—

- (a) pindaan-pindaan itu tidak menyentuh secara material penguatkuasaan Perlembagaan berhubung dengan perkara-perkara itu; atau
- (b) kesan pindaan-pindaan itu dikhususkan untuk memasukkan peruntukan yang dinyatakan sedemikian atau peruntukan yang sebahagian besar isinya mempunyai maksud yang sama (sama ada atau tidak sebagai ganti peruntukan lain) atau untuk menghapuskan peruntukan yang tidak selaras dengan peruntukan yang dinyatakan sedemikian; atau
- (c) enakmen itu diluluskan oleh Akta Parlimen.”.

Per. 72

Fasal (4): Ditambahkan oleh Akta A30, seksyen 4, berkuat kuasa dari 10-03-1971.

Fasal (5): Dimasukkan oleh Akta A848, seksyen 6, berkuat kuasa dari 30-03-1993.

BAHAGIAN VI

PERHUBUNGAN ANTARA PERSEKUTUAN
DENGAN NEGERI-NEGERI*Bab 1—Pembahagian kuasa perundangan***Takat undang-undang persekutuan dan Negeri**

73. Pada menjalankan kuasa perundangan yang diberikan kepadanya oleh Perlembagaan ini—

- (a) Parlimen boleh membuat undang-undang bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian Persekutuan dan undang-undang yang berkuat kuasa di luar dan juga di dalam Persekutuan.
- (b) Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian Negeri itu.

Hal perkara undang-undang persekutuan dan Negeri

74. (1) Tanpa menjejaskan apa-apa kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan kepadanya oleh mana-mana Perkara lain, Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Persekutuan atau Senarai Bersama (iaitu Senarai Pertama atau Ketiga yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan).

(2) Tanpa menjejaskan apa-apa kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan kepadanya oleh mana-mana Perkara lain, Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.

(3) Kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan oleh Perkara ini boleh dijalankan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Perlembagaan ini mengenai mana-mana perkara tertentu.

(4) Jika ungkapan am dan juga ungkapan khusus digunakan pada memperihalkan mana-mana perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai-Senarai yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan maka keluasan ungkapan am itu tidak boleh dikira sebagai dihadkan oleh ungkapan khusus itu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Bahagian VI

Lihat Per. 154(2).

Per. 74

Lihat Per. 159(4)(b).

Fasal (2)

Perkataan “Tanpa menjejaskan apa-apa kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan kepadanya oleh mana-mana Perkara lain,” dimasukkan oleh Akta 25/1963, subseksyen 2(2), berkuat kuasa dari 31-08-1957.

Ketidakselarasan antara undang-undang persekutuan dengan undang-undang Negeri

75. Jika mana-mana undang-undang Negeri tidak selaras dengan sesuatu undang-undang persekutuan, maka undang-undang persekutuan itu hendaklah mengatasi undang-undang Negeri dan undang-undang Negeri itu adalah tidak sah setakat yang tidak selaras itu.

Kuasa Parlimen untuk membuat undang-undang bagi Negeri-Negeri dalam hal-hal tertentu

76. (1) Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri, tetapi hanya seperti yang berikut sahaja, iaitu:

- (a) bagi maksud melaksanakan apa-apa triti, perjanjian atau konvensyen antara Persekutuan dengan mana-mana negara lain, atau apa-apa keputusan sesuatu organisasi antarabangsa yang dianggotai oleh Persekutuan; atau
- (b) bagi maksud menggalakkan keseragaman undang-undang antara dua Negeri atau lebih; atau
- (c) jika diminta sedemikian oleh Dewan Undangan mana-mana Negeri.

(2) Tiada undang-undang boleh dibuat menurut perenggan (a) Fasal (1) mengenai apa-apa perkara mengenai hukum Syarak atau adat orang Melayu atau mengenai apa-apa perkara tentang undang-undang atau adat anak negeri di Negeri Sabah dan Sarawak dan tiada Rang Undang-Undang bagi suatu undang-undang di bawah perenggan itu boleh dibawa di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen sehingga Kerajaan mana-mana Negeri yang berkenaan telah dirundingi.

(3) Tertakluk kepada Fasal (4), sesuatu undang-undang yang dibuat menurut perenggan (b) atau perenggan (c) Fasal (1) tidak boleh berkuat kuasa di mana-mana Negeri sehingga undang-undang itu telah diterima pakai melalui suatu undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri itu, dan selepas itu hendaklah disifatkan sebagai suatu undang-undang Negeri dan bukan suatu undang-undang persekutuan, dan boleh dipinda atau dimansuhkan sewajarnya melalui suatu undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan itu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 75

Lihat Per. 76A(2) & 162(2).

Per. 76

Lihat Per. 159(4)(b) & 160(2), takrif “maksud persekutuan”.

Fasal (1): Lihat Per. 169.

Fasal (1)(b): Lihat Per. 95D.

Fasal (2)

- a. Perkataan “atau mengenai apa-apa perkara tentang undang-undang atau adat anak negeri di Negeri-Negeri Borneo” dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (3)

Perkataan “bagi maksud Perkara 75” yang terdapat sebelum “sebagai suatu undang-undang Negeri” dipotong oleh Akta 10/1960, seksyen 11, berkuat kuasa dari 31-05-1960.

(4) Parlimen boleh, hanya bagi maksud memastikan keseragaman undang-undang dan dasar, membuat undang-undang mengenai pemegangan tanah, perhubungan antara tuan tanah dengan penyewa, pendaftaran hakmilik dan surat ikatan yang berhubungan dengan tanah, pindah hakmilik tanah, gadai janji, pajakan dan gadaian berkenaan dengan tanah, isemen dan hak dan kepentingan lain mengenai tanah, pengambilan tanah dengan paksa, perkadaran dan penilaian tanah, dan kerajaan tempatan; dan perenggan (b) Fasal (1) dan Fasal (3) tidaklah terpakai bagi mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan mana-mana perkara itu.

Kuasa Parlimen untuk memperluas kuasa perundangan Negeri

76A. (1) Dengan ini ditegaskan bahawa kuasa Parlimen untuk membuat undang-undang mengenai sesuatu perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Persekutuan termasuklah kuasa untuk membenarkan Badan-Badan Perundangan Negeri-Negeri atau mana-mana daripadanya, tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan (jika ada) yang dikenakan oleh Parlimen, untuk membuat undang-undang mengenai kesemua atau mana-mana bahagian perkara itu.

(2) Walau apa pun Perkara 75, sesuatu undang-undang Negeri yang dibuat di bawah kuasa yang diberikan oleh Akta Parlimen sebagaimana yang disebut dalam Fasal (1) boleh, jika dan setakat yang diperuntukkan sedemikian oleh Akta itu, meminda atau memansuhkan (berkenaan dengan Negeri yang berkenaan) mana-mana undang-undang persekutuan yang telah diluluskan sebelum Akta itu.

(3) Apa-apa perkara yang mengenainya Badan Perundangan sesuatu Negeri dibenarkan pada masa itu oleh Akta Parlimen untuk membuat undang-undang hendaklah, bagi maksud Perkara 79, 80 dan 82, dikira berkenaan dengan Negeri yang berkenaan seolah-olah perkara itu ialah suatu perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Bersama.

Kuasa baki perundangan

77. Badan Perundangan sesuatu Negeri berkuasa membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang tidak disebut satu persatu dalam mana-mana Senarai yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan, iaitu yang bukan suatu perkara yang berkenaan dengannya Parlimen berkuasa membuat undang-undang.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 76—(samb.)

Fasal (4)

- a. Perkataan “selain pajakan perlombongan” yang terdapat selepas “pajakan” dimansuhkan oleh Akta 14/1962, seksyen 17, berkuat kuasa dari 21-06-1962.
- b. *Lihat* Per. 80(3) & 95D.

Per. 76A

1. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 37, berkuat kuasa dari 31-08-1957.
2. *Lihat* Per. 95c(1)(a).
3. *Lihat* Akta Pembedaan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962 [*Akta 380*].

Fasal (3): Lihat Per. 95c(3).

Perundangan yang menyekat penggunaan sungai

78. Setakat yang mana-mana undang-undang yang dibuat oleh Parlimen atau mana-mana peraturan yang dibuat menurut suatu undang-undang yang sedemikian menyekat hak sesuatu Negeri atau pemastautinnya untuk menggunakan untuk pelayaran atau pengairan mana-mana sungai yang terletak keseluruhannya di dalam Negeri itu, undang-undang atau peraturan itu tidak boleh berkuat kuasa di dalam Negeri itu melainkan jika undang-undang atau peraturan itu telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri itu melalui suatu ketetapan yang disokong oleh majoriti jumlah bilangan ahlinya.

Penjalanan kuasa perundangan bersama

79. (1) Jika didapati oleh pegawai pengerusi mana-mana satu Majlis Parlimen atau pegawai pengerusi Dewan Undangan mana-mana Negeri bahawa sesuatu Rang Undang-Undang atau sesuatu pindaan kepada Rang Undang-Undang mencadangkan suatu perubahan dalam undang-undang yang berhubungan dengan mana-mana perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Bersama, atau dengan mana-mana perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri yang mengenainya Persekutuan sedang menjalankan fungsi mengikut Perkara 94, maka dia hendaklah memperakui Rang Undang-Undang atau pindaan itu bagi maksud Perkara ini.

(2) Sesuatu Rang Undang-Undang atau pindaan yang diperakui di bawah Perkara ini tidak boleh diteruskan sehingga empat minggu telah berlalu selepas penyiarannya, melainkan jika pegawai pengerusi itu membenarkan Rang Undang-Undang atau pindaan itu diteruskan atas alasan keterdesakan, setelah berpuas hati bahawa Kerajaan Negeri atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, Kerajaan Persekutuan, telah dirundingi.

*Bab 2—Pembahagian kuasa eksekutif***Pembahagian kuasa eksekutif**

80. (1) Tertakluk kepada peruntukan yang berikut dalam Perkara ini kuasa eksekutif Persekutuan meliputi segala perkara yang mengenainya Parlimen boleh membuat undang-undang, dan kuasa eksekutif sesuatu Negeri meliputi segala perkara yang mengenainya Badan Perundangan Negeri itu boleh membuat undang-undang.

Perlebagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 79

Lihat Per. 76A(3), 92(2), 149(1) & 150(5).

Per. 80

1. *Lihat Per. 76A(3).*

(2) Kuasa eksekutif Persekutuan tidak meliputi apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri, kecuali setakat yang diperuntukkan dalam Perkara 93 hingga 95, dan juga tidak meliputi apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Bersama, kecuali setakat yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan atau undang-undang Negeri; dan setakat yang undang-undang persekutuan atau undang-undang Negeri memberikan kuasa eksekutif kepada Persekutuan mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Bersama, undang-undang itu boleh berbuat demikian dengan menyingkirkan kuasa eksekutif Negeri itu.

(3) Setakat yang sesuatu undang-undang yang dibuat di bawah Fasal (4) Perkara 76 membuat peruntukan bagi memberikan kuasa eksekutif kepada Persekutuan, undang-undang itu tidak boleh berkuat kuasa di mana-mana Negeri melainkan jika diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri itu melalui suatu ketetapan.

(4) Undang-undang persekutuan boleh membuat peruntukan supaya kuasa eksekutif sesuatu Negeri hendaklah meliputi pentadbiran mana-mana peruntukan tertentu dalam undang-undang persekutuan dan boleh bagi maksud itu memberikan kuasa kepada dan mengenakan kewajipan pada mana-mana pihak berkuasa Negeri itu.

(5) Tertakluk kepada mana-mana peruntukan undang-undang persekutuan atau undang-undang Negeri, perkiraan boleh dibuat antara Persekutuan dengan sesuatu Negeri bagi pelaksanaan apa-apa fungsi oleh pihak berkuasa pada satu pihak bagi pihak berkuasa pada pihak yang satu lagi dan perkiraan sedemikian boleh membuat peruntukan bagi pembayaran berkenaan dengan apa-apa kos yang dilakukan di bawah perkiraan itu.

(6) Jika, menurut Fasal (4), apa-apa fungsi diberikan oleh undang-undang persekutuan kepada mana-mana pihak berkuasa sesuatu Negeri maka Persekutuan hendaklah membuat apa-apa pembayaran kepada Negeri sebagaimana yang dipersetujui antara Persekutuan dengan Negeri itu atau sebagaimana yang diputuskan oleh suatu tribunal yang dilantik oleh Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan jika tidak ada persetujuan.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 80—(samb.)

Fasal (4): Lihat Per. 95c(1)(b).

Fasal (6)

- a. Perkataan “Hakim Besar” digantikan dengan “Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
 - b. Kemudiannya pula, subseksyen 18(2), Akta A566, berkuat kuasa dari 01-01-1985, memperuntukkan bahawa sebutan mengenai Mahkamah Persekutuan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Mahkamah Agung.
2. *Lihat Per. 95c(3).*
3. Perkataan “Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung” digantikan dengan perkataan “Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan” oleh Akta A885, seksyen 9, berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Obligasi Negeri kepada Persekutuan

- 81.** Kuasa eksekutif tiap-tiap Negeri hendaklah dijalankan supaya—
- (a) dapat dipastikan bahawa apa-apa undang-undang persekutuan yang dipakai bagi Negeri itu dipatuhi; dan
 - (b) tidak menghalang atau menjejaskan perjalanan kuasa eksekutif Persekutuan.

*Bab 3—Pembahagian beban kewangan***Pembiayaan perbelanjaan yang berhubungan dengan perkara dalam Senarai Bersama**

82. Jika mana-mana undang-undang atau tindakan eksekutif yang berhubungan dengan apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Bersama melibatkan perbelanjaan, maka hendaklah diambil tindakan di bawah Perlembagaan ini yang akan memastikan bahawa, melainkan jika dipersetujui selainnya, beban perbelanjaan itu ditanggung—

- (a) oleh Persekutuan, jika perbelanjaan itu berbangkit sama ada daripada komitmen persekutuan atau daripada komitmen Negeri yang diakujujikan mengikut dasar persekutuan dan dengan kelulusan khusus Kerajaan Persekutuan;
- (b) oleh Negeri atau Negeri-Negeri yang berkenaan, jika perbelanjaan itu berbangkit daripada komitmen Negeri yang diakujujikan oleh Negeri atau Negeri-Negeri itu atau kuasa Negeri atau Negeri-Negeri itu sendiri.

*Bab 4—Tanah***Pengambilan tanah bagi maksud persekutuan**

83. (1) Jika Kerajaan Persekutuan berpuas hati bahawa tanah di sesuatu Negeri, yang bukan tanah beri hakmilik, dikehendaki bagi maksud persekutuan, maka Kerajaan Persekutuan boleh, selepas berunding dengan Kerajaan Negeri itu, menghendaki Kerajaan Negeri itu, dan kemudiannya adalah menjadi kewajipan Kerajaan Negeri itu, untuk menyebabkan mana-mana tanah sebagaimana yang diarahkan oleh Kerajaan Persekutuan diberikan kepada Persekutuan atau kepada mana-mana pihak berkuasa awam sebagaimana yang diarahkan oleh Kerajaan Persekutuan:

Perlebagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 82

Lihat Per. 76A(3).

Per. 83

Lihat Per. 88.

Dengan syarat bahawa Kerajaan Persekutuan tidaklah boleh menghendaki supaya diberikan mana-mana tanah yang dirizabkan bagi sesuatu maksud Negeri melainkan jika Kerajaan Persekutuan berpuas hati bahawa adalah bagi kepentingan negara untuk berbuat demikian.

(2) Jika mengikut Fasal (1) Kerajaan Persekutuan menghendaki supaya Kerajaan Negeri itu menyebabkan tanah diberikan untuk selama-lamanya, maka pemberian itu hendaklah dibuat tanpa sekatan tentang kegunaan tanah itu tetapi hendaklah tertakluk kepada pembayaran cukai tanah yang berkenaan pada tiap-tiap tahun dan Persekutuan hendaklah membayar kepada Negeri itu suatu premium yang sama banyak dengan nilai pasaran bagi pemberian itu; dan jika Kerajaan Persekutuan menghendaki supaya Kerajaan Negeri itu menyebabkan apa-apa kepentingan lain mengenai tanah diberikan, maka Persekutuan hendaklah membayar kepada Negeri itu cukai tahunan yang adil bagi kepentingan itu dan apa-apa premium, jika ada yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri itu, sebagaimana yang adil:

Dengan syarat bahawa jika nilai tanah itu telah dinaikkan oleh sebab apa-apa pemajuan yang dibuat (selain atas perbelanjaan Negeri itu) semasa tanah itu dirizabkan bagi maksud persekutuan, maka kenaikan itu tidak boleh diambil kira pada menentukan nilai pasaran, cukai atau premium bagi maksud Fasal ini.

(3) Jika sesuatu kehendak dibuat di bawah Fasal (1) berkenaan dengan mana-mana tanah yang, pada tarikh kehendak itu, telah dicadangkan bagi apa-apa maksud Negeri, maka jika—

- (a) tanah lain diambil oleh Negeri itu bagi maksud itu sebagai ganti tanah yang mula-mula disebut itu; dan
- (b) kos tanah yang diambil sedemikian melebihi amaun yang dibayar oleh Persekutuan (selain bayaran sebagai cukai) mengikut Fasal (2) berkenaan dengan kepentingan yang diberikan kepada Persekutuan itu,

Persekutuan hendaklah membayar kepada Negeri itu apa-apa jumlah wang yang adil berkenaan dengan lebihan itu.

(4) Jika pemberian selanjutnya dibuat menurut Perkara ini berkenaan dengan tanah yang mengenainya suatu kepentingan terletak hak pada Persekutuan atau mana-mana pihak berkuasa awam, maka apa-apa jumlah wang yang kena dibayar sebagai premium di bawah Fasal (2) berkenaan dengan pemberian selanjutnya itu hendaklah dikurangkan sebanyak amaun yang sama

dengan nilai pasaran bagi apa-apa pemajuan yang dibuat (selain atas perbelanjaan Negeri itu) semenjak kepentingan itu menjadi terletak hak seperti yang disebut terdahulu.

(5) Peruntukan yang tersebut di atas dalam Perkara ini (kecuali Fasal (3)) hendaklah terpakai berhubung dengan tanah beri hakmilik sebagaimana peruntukan itu terpakai berhubung dengan tanah yang bukan tanah beri hakmilik, tetapi tertakluk kepada ubah suaian yang berikut:

- (a) dalam Fasal (1), perkataan “, selepas berunding dengan Kerajaan Negeri itu,” hendaklah ditinggalkan;
- (b) jika suatu kehendak dibuat di bawah Fasal itu, maka menjadi kewajipan Kerajaan Negeri itu untuk menyebabkan diambil melalui perjanjian atau dengan paksa apa-apa kepentingan mengenai tanah itu sebagaimana yang perlu untuk mematuhi kehendak itu;
- (c) apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh Negeri itu dalam atau berkaitan dengan pengambilan tanah mengikut perenggan (b) hendaklah dibayar balik oleh Persekutuan, kecuali bahawa jika pengambilan itu dilakukan melalui perjanjian, maka Persekutuan tidaklah bertanggungjawab, melainkan jika Persekutuan merupakan satu pihak kepada perjanjian itu, untuk membayar lebihdaripada apa yang akan dibayar olehnya jika tanah itu diambil dengan paksa;
- (d) apa-apa jumlah wang yang dibayar oleh Persekutuan kepada Negeri itu mengikut perenggan (c) hendaklah, bagi maksud Fasal (2), diambil kira pada menentukan nilai pasaran, cukai tanah yang berkenaan atau cukai tahunan yang adil, dan hendaklah dipotong daripada apa-apa premium yang kena dibayar oleh Persekutuan di bawah Fasal itu.

(6) Jika pemberian dibuat kepada Persekutuan menurut Fasal (1) berkenaan dengan tanah, atau suatu kepentingan mengenainya, yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri itu atas perbelanjaan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sebelum Hari Merdeka, maka perenggan (d) Fasal (5) hendaklah terpakai bagi jumlah-jumlah wang yang dibayar berkenaan dengan pengambilan itu oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu seolah-olah jumlah-jumlah wang itu dibayar oleh Persekutuan mengikut perenggan (c) Fasal (5); dan Fasal (3) tidaklah terpakai bagi mana-mana tanah yang sedemikian.

(7) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menghalang perizaban tanah di sesuatu Negeri bagi maksud persekutuan atas apa-apa terma dan syarat yang dipersetujui antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri itu, atau boleh menyentuh kuasa pihak berkuasa yang berkenaan di sesuatu Negeri untuk mengambil, mengikut mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa, mana-mana tanah beri hakmilik bagi maksud persekutuan tanpa suatu kehendak oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Perkara ini.

(8) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menghalang pemberian tanah di sesuatu Negeri kepada Persekutuan, atas apa-apa terma dan syarat yang dipersetujui antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri, tanpa suatu kehendak oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Perkara ini.

84. (*Dimansuhkan*).

Pemberian kepada Persekutuan tanah yang dirizabkan bagi maksud persekutuan

85. (1) Jika mana-mana tanah di sesuatu Negeri dirizabkan bagi apa-apa maksud persekutuan, maka Kerajaan Persekutuan boleh menghendaki Kerajaan Negeri, dan kemudiannya menjadi kewajipan Kerajaan itu, untuk menyebabkan tanah itu diberikan kepada Persekutuan untuk selama-lamanya tanpa sekatan tentang kegunaan tanah itu, tetapi tertakluk kepada pembayaran premium yang hendaklah ditentukan mengikut Fasal (2) dan kepada pembayaran cukai tanah yang berkenaan pada tiap-tiap tahun.

(2) Premium yang disebut dalam Fasal (1) hendaklah sama banyak dengan nilai pasaran tanah itu ditolak—

- (a) nilai pasaran bagi apa-apa pemajuan yang dibuat (selain atas perbelanjaan Negeri) semasa tanah itu digunakan bagi maksud persekutuan; dan
- (b) amaun, jika ada, yang telah dibayar oleh Persekutuan, atau yang telah dibayar sebelum Hari Merdeka oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, berkenaan dengan kos pengambilan apa-apa kepentingan mengenai tanah itu oleh Kerajaan Negeri.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 83—(samb.)

Fasal (5): Lihat Per. 84(1)(a).

Fasal 5(a): Lihat Per. 88(b).

Fasal (8): Dimasukkan oleh Akta A704, seksyen 3, berkuat kuasa dari 10-06-1988.

Per. 84

1. Perkara ini dipotong oleh Akta A704, seksyen 4, berkuat kuasa dari 10-06-1988 dan berbunyi seperti yang berikut:

“84. (1) Jika apa-apa kepentingan mengenai tanah di sesuatu Negeri yang terletak hak pada Persekutuan atau sesuatu pihak berkuasa awam bagi maksud persekutuan tidak lagi dikehendaki bagi maksud persekutuan, maka kepentingan itu hendaklah kembali kepada Negeri itu jika Kerajaan Negeri bersetuju membayar kepada Persekutuan—

(a) dalam hal jika tanah itu, atau suatu kepentingan mengenainya, telah diambil oleh Kerajaan Negeri menurut Fasal (5) Perkara 83, atau telah diambil oleh Kerajaan Negeri itu atas perbelanjaan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sebelum Hari Merdeka, suatu amaun yang sama banyak dengan nilai pasaran bagi kepentingan yang terletak hak pada Persekutuan atau pihak berkuasa awam itu;

(b) dalam apa-apa hal lain, atas pilihan Kerajaan Negeri itu, sama ada—

(i) suatu amaun yang sama banyak dengan nilai pasaran bagi kepentingan itu; atau

(ii) suatu amaun yang sama banyak dengan jumlah wang yang telah dibayar (selain bayaran sebagai cukai) oleh Persekutuan, atau oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sebelum Hari Merdeka, berkenaan dengan pemberian kepentingan itu, berserta nilai pasaran apa-apa pemajuan yang dilakukan (selain atas perbelanjaan Negeri itu) terhadap tanah itu selepas pemberian itu.

(2) Jika apa-apa kepentingan mengenai tanah yang Fasal (1) terpakai baginya tidak kembali kepada Negeri itu mengikut Fasal itu, maka Kerajaan Persekutuan atau pihak berkuasa awam itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh menjual kepentingan itu mengikut apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Kerajaan atau pihak berkuasa itu.”.

2. *Lihat Per. 86(1), (2), (4), (5) & 88.*

Per. 85

1. Perkara ini yang berbunyi seperti yang berikut digantikan oleh Akta A704, seksyen 5, berkuat kuasa dari 10-06-1988:

“85. (1) Jika mana-mana tanah di sesuatu Negeri yang dirizabkan bagi apa-apa maksud persekutuan tidak lagi dikehendaki bagi maksud itu, maka Kerajaan Persekutuan hendaklah menawarkan untuk melepaskan tanah itu kepada Negeri itu dengan syarat bahawa Negeri itu membayar kepada Persekutuan—

(a) nilai pasaran bagi apa-apa pemajuan yang dilakukan (selain atas perbelanjaan Negeri itu) semasa tanah itu digunakan bagi maksud persekutuan; dan

(b) amaun, jika ada, yang dibayar oleh Persekutuan, atau yang dibayar sebelum Hari Merdeka oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, berkenaan dengan kos pengambilan apa-apa kepentingan mengenai tanah itu oleh Kerajaan Negeri itu,

dan jika Kerajaan Negeri itu menyetujui terima tawaran itu, maka perizaban itu hendaklah terhenti.

(3) Tanpa menjejaskan Fasal (1), jika mana-mana tanah di sesuatu Negeri dirizabkan bagi apa-apa maksud persekutuan, maka Kerajaan Persekutuan boleh menawarkan untuk melepaskan tanah itu kepada Negeri dengan syarat bahawa Negeri itu membayar kepada Persekutuan nilai pasaran dan amaun yang disebut dalam perenggan (a) dan (b) Fasal (2); dan jika Kerajaan Negeri itu menyetujui terima tawaran itu, maka perizaban itu hendaklah terhenti.

(4) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perkara ini, tanah di sesuatu Negeri yang dirizabkan bagi maksud persekutuan tidaklah terhenti daripada dirizabkan sedemikian, dan segala tanah yang dirizabkan sedemikian hendaklah dikawal dan diuruskan oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan, dan Kerajaan Persekutuan boleh memberikan apa-apa hak menduduki, mengawal atau menguruskan, atau suatu penyewaan atau pajakan, keseluruhan atau mana-mana bahagian tanah itu, kepada mana-mana orang—

(a) bagi orang itu menggunakan tanah itu untuk apa-apa jangka masa bagi maksud persekutuan yang baginya tanah itu dirizabkan, atau bagi apa-apa maksud yang berdampingan atau bersampingan dengannya; atau

(b) jika Kerajaan Persekutuan tidak dapat kerana apa-apa sebab menggunakan tanah buat sementara bagi maksud persekutuan yang baginya tanah itu dirizabkan, bagi orang itu menggunakan tanah itu bagi apa-apa maksud selain maksud persekutuan, untuk apa-apa jangka masa dan atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan.

(5) Dalam Perkara ini sebutan mengenai tanah di sesuatu Negeri yang dirizabkan bagi maksud persekutuan termasuklah—

(a) mana-mana tanah yang telah dirizabkan sebelum Hari Merdeka mengikut peruntukan mana-mana undang-undang yang ketika itu berkuat kuasa di dalam Negeri itu bagi apa-apa maksud yang telah menjadi suatu maksud persekutuan selepas Hari Merdeka;

(b) mana-mana tanah yang dirizabkan bagi apa-apa maksud persekutuan selepas Hari Merdeka mengikut peruntukan mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa di dalam sesuatu Negeri;

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 85—(*samb.*)

(2) Jika Kerajaan Negeri tidak menyetujui terima tawaran yang dibuat mengikut Fasal (1), maka, melainkan jika melalui persetujuan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri itu tanah itu dirizabkan bagi suatu maksud persekutuan yang lain, Kerajaan Persekutuan boleh menghendaki Kerajaan Negeri itu, dan kemudiannya menjadi kewajipan Kerajaan Negeri itu, menyebabkan tanah itu diberikan kepada Persekutuan untuk selama-lamanya tanpa sekatan tentang kegunaan tanah itu, tetapi tertakluk kepada pembayaran suatu premium yang sama banyak dengan nilai pasaran tanah itu tetapi dikurangkan sebanyak amaun yang sepatutnya kena dibayar kepada Persekutuan di bawah Fasal (1) jika tawaran tersebut disetujui terima, dan juga tertakluk kepada pembayaran cukai tanah yang berkenaan pada tiap-tiap tahun; dan jika pemberian sedemikian dibuat kepada Persekutuan, maka Kerajaan Persekutuan boleh menjual dan memindahmilikkan atau memajakkan tanah itu mengikut apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(3) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perkara ini, tanah di sesuatu Negeri yang dirizabkan bagi maksud persekutuan tidaklah terhenti daripada dirizabkan sedemikian, dan segala tanah yang dirizabkan sedemikian hendaklah dikawal dan diuruskan oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan.”.

2. *Lihat* Per. 86(2), (5) & 88.

- (c) mana-mana tanah Negeri yang disebut dalam Fasal (4) Perkara 166 yang telah dimansuhkan; dan
- (d) mana-mana tanah di sesuatu Negeri yang dirizabkan bagi maksud persekutuan menurut kuasa Fasal (7) Perkara 83.

Pelupusan tanah yang terletak hak pada Persekutuan

86. (1) Jika apa-apa kepentingan mengenai tanah terletak hak pada Persekutuan, atau pada sesuatu pihak berkuasa awam, bagi apa-apa maksud, maka Persekutuan atau pihak berkuasa awam itu boleh melupuskan kepentingan itu atau apa-apa kepentingan yang lebih kecil mengenai tanah itu kepada mana-mana orang yang didapatinya layak.

(2) Jika apa-apa kepentingan mengenai tanah di sesuatu Negeri dilupuskan oleh atau kepada Persekutuan atau mana-mana pihak berkuasa awam menurut Perkara ini atau Perkara 85, maka menjadi kewajipan Kerajaan Negeri itu untuk mendaftarkan pelupusan itu dengan sewajarnya.

Pemutusan pertikaian tentang nilai tanah

87. (1) Jika berbangkit apa-apa pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dengan sesuatu Kerajaan Negeri tentang apa-apa pembayaran yang dibuat oleh atau kepada Persekutuan di bawah Perkara-Perkara yang disebut terdahulu dalam Bab ini, atau tentang amaun apa-apa pembayaran itu, maka, sama ada atas permintaan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri itu, pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Tribunal Tanah yang dilantik mengikut Perkara ini.

(2) Tribunal Tanah hendaklah terdiri daripada—

- (a) seorang pengerusi yang hendaklah dilantik oleh Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan dan yang adalah, atau pernah menjadi, atau layak menjadi, seorang hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi, atau yang pernah menjadi seorang hakim Mahkamah Besar sebelum Hari Malaysia;
- (b) seorang anggota yang hendaklah dilantik oleh Kerajaan Persekutuan; dan

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 86

Fasal (6)

Fasal ini ditambahkan oleh Akta A585, seksyen 23, berkuat kuasa dari 14-04-1984 dan berbunyi seperti yang berikut:

“(6) Peruntukan-peruntukan yang tersebut di atas dalam Perkara ini tidaklah terpakai bagi apa-apa tanah atau kepentingan mengenai tanah dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan Labuan bagaimana caranya sekalipun diletak hak pada Persekutuan, dan Persekutuan boleh melupuskan tanah atau kepentingan itu.”

1. Perkara ini digantikan oleh Akta A704, seksyen 6, berkuat kuasa dari 10-06-1988. Perkara yang dahulu berbunyi seperti yang berikut:

“86. (1) Jika apa-apa kepentingan mengenai tanah adalah terletak hak pada Persekutuan, maka, tertakluk kepada Perkara 84 dan kepada Fasal (2) Perkara ini, Persekutuan boleh melupuskan kepentingan itu atau apa-apa kepentingan yang lebih kecil mengenai tanah itu.

(2) Tiap-tiap pelupusan kepentingan mengenai tanah yang sedemikian hendaklah dengan syarat bahawa tanah itu digunakan bagi suatu maksud persekutuan yang dinyatakan dalamnya, dan tiada pelupusan yang sedemikian boleh dibuat kepada seseorang selain suatu pihak berkuasa awam kecuali—

(a) di bawah dan mengikut peruntukan undang-undang persekutuan; atau

(b) melalui suatu perintah Yang di-Pertuan Agong yang dibentangkan dan diluluskan mengikut Fasal (3):

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam Fasal ini boleh terpakai bagi sesuatu pelupusan yang dibenarkan oleh Perkara 84 atau Perkara 85, atau bagi sesuatu pelupusan oleh Persekutuan kepada mana-mana orang bagi maksud melaksanakan apa-apa triti, perjanjian atau konvensyen dengan mana-mana negara lain, atau kepada mana-mana orang atas sifatnya sebagai wakil konsular atau wakil diplomatik mana-mana negara lain.

(3) Suatu perintah Yang di-Pertuan Agong di bawah perenggan (b) Fasal (2) hendaklah dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen dan tidaklah boleh berkuat kuasa sehingga diluluskan melalui ketetapan setiap Majlis Parlimen.

(4) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perkara 84, tiada kepentingan mengenai tanah yang terletak hak pada sesuatu pihak berkuasa awam bagi maksud persekutuan, atau yang terletak hak pada mana-mana orang lain menurut sesuatu pelupusan di bawah Perkara ini, boleh dilupuskan oleh pihak berkuasa atau orang itu melainkan kepada Persekutuan.

(5) Jika apa-apa kepentingan mengenai tanah di sesuatu Negeri dilupuskan oleh atau kepada Persekutuan atau mana-mana pihak berkuasa awam menurut Perkara ini atau Perkara 84 atau 85, maka menjadi kewajipan Kerajaan Negeri itu untuk mendaftarkan pelupusan itu dengan sewajarnya.

(6) Peruntukan yang terdahulu dalam Perkara ini tidaklah terpakai bagi mana-mana tanah atau kepentingan mengenai tanah di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan Labuan tidak kira bagaimana jua pun tanah atau kepentingan itu terletak hak pada Persekutuan, dan Persekutuan boleh melupuskan tanah atau kepentingan yang sedemikian.”

2. *Lihat* Per. 88.

Per. 87

Lihat Per. 88 & 156.

(c) seorang anggota yang hendaklah dilantik oleh Kerajaan Negeri itu.

(3) Amalan dan tatacara Tribunal Tanah hendaklah dikawal selia oleh kaedah-kaedah mahkamah yang dirangka oleh Jawatankuasa Kaedah-Kaedah atau pihak berkuasa lain yang berkuasa di bawah undang-undang bertulis untuk membuat kaedah-kaedah atau aturan-aturan yang mengawal selia amalan dan tatacara Mahkamah Persekutuan.

(4) Sesuatu rayuan terhadap keputusan Tribunal Tanah mengenai apa-apa soal undang-undang boleh dibuat kepada Mahkamah Persekutuan.

Pemakaian Perkara 83 hingga 87 bagi Negeri yang tidak mempunyai Raja

88. Dalam pemakaiannya bagi mana-mana Negeri yang tidak mempunyai Raja, Perkara 83 hingga 87 hendaklah berkuat kuasa—

(a) tertakluk kepada apa-apa penyesuaian (jika ada) sebagaimana yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen, iaitu penyesuaian yang dikehendaki untuk memastikan bahawa Perkara-Perkara itu terpakai (dengan seberapa hampir yang dapat dilaksanakan memandangkan perbezaan-perbezaan dalam sistem pemegangan tanah) mengikut cara yang sama sebagaimana Perkara-Perkara itu terpakai bagi Negeri-Negeri lain; dan

(b) dalam hal Negeri Sabah dan Sarawak, dengan meninggalkan perenggan (a) Fasal (5) dalam Perkara 83.

Tanah simpanan Melayu

89. (1) Mana-mana tanah di sesuatu Negeri yang merupakan tanah simpanan Melayu sebaik sebelum Hari Merdeka mengikut undang-undang yang sedia ada boleh terus menjadi tanah simpanan Melayu mengikut undang-undang itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh suatu Enakmen Badan Perundangan Negeri itu, iaitu suatu Enakmen—

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 87—(samb.)

Fasal (2)(a)

- a. Perenggan ini digantikan oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963, dan menggantikan perenggan asal yang berbunyi seperti yang berikut:

“(a) seorang pengerusi, yang hendaklah seorang yang menjadi atau telah menjadi atau layak menjadi seorang hakim Mahkamah Agung dan yang hendaklah dilantik oleh Hakim Besar;”.
- b. Subseksyen 18(2) Akta A566, berkuat kuasa mulai 01-01-1985, memperuntukkan bahawa sebutan mengenai Mahkamah Persekutuan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Mahkamah Agung.
- c. Perkataan “Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung” digantikan dengan “Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan” dan perkataan “Mahkamah Agung atau Mahkamah Tinggi” digantikan dengan perkataan “Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi” oleh Akta A885, perenggan 10(a), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Fasal (3)

Perkataan “atau pihak berkuasa lain yang berkuasa di bawah undang-undang bertulis untuk membuat kaedah-kaedah atau aturan-aturan yang mengawal selia amalan dan tatacara Mahkamah Persekutuan” ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Fasal (4)

Perkataan “Mahkamah Besar” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Fasal (3) & (4)

Perkataan “Agung” digantikan dengan perkataan “Persekutuan” oleh Akta A885, perenggan 10(b), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Per. 88

1. Perkara yang ada sekarang dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 44, berkuat kuasa dari 16-09-1963. Perkara yang asal berbunyi seperti yang berikut:

“88. Parlimen hendaklah melalui undang-undang membuat peruntukan bagi mengubahsuaikan Perkara 83 hingga 87 dalam pemakaiannya bagi Melaka dan Pulau Pinang mengikut apa-cara yang difikirkannya perlu.”.

2. *Perenggan (b)*

- a. Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965, memotong perkataan “dan Singapura” yang terdapat selepas “Negeri-Negeri Borneo”.
- b. Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Per. 89

Lihat Per. 90(3) & 161A(5).

Fasal (1): Lihat Per. 62(3) & 90(2).

- (a) yang diluluskan oleh majoriti jumlah bilangan ahli Dewan Undangan dan dengan undi tidak kurang daripada dua pertiga daripada ahli-ahli yang hadir dan mengundi; dan
- (b) yang dipersetujui melalui ketetapan setiap Majlis Parlimen yang diluluskan oleh majoriti jumlah bilangan ahli Majlis Parlimen itu dan dengan undi tidak kurang daripada dua pertiga daripada ahli-ahli yang mengundi.

(1A) Apa-apa undang-undang yang dibuat di bawah Fasal (1) yang membuat peruntukan bagi pelucuthakan atau pengembalian kepada Pihak Berkuasa Negeri, atau bagi pelucutan, pemunyaan mana-mana tanah simpanan Melayu, atau apa-apa hak atau kepentingan mengenainya, disebabkan mana-mana orang, atau mana-mana perbadanan, syarikat atau badan lain (sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan) yang memegangnya tidak lagi layak atau berwibawa di bawah undang-undang yang berkaitan yang berhubungan dengan tanah simpanan Melayu untuk memegangnya, tidaklah menjadi tidak sah atas alasan ketidakselarasan dengan Perkara 13.

(2) Mana-mana tanah di sesuatu Negeri yang pada masa ini bukan tanah simpanan Melayu mengikut undang-undang yang sedia ada dan yang belum dibangunkan atau dicucuk tanam boleh diisytiharkan sebagai tanah simpanan Melayu mengikut undang-undang itu:

Dengan syarat bahawa—

- (a) jika mana-mana tanah di sesuatu Negeri diisytiharkan sebagai tanah simpanan Melayu di bawah Fasal ini, suatu keluasan tanah yang sama dengan luas tanah itu di dalam Negeri itu yang belum dibangunkan atau dicucuk tanam hendaklah diadakan bagi pemberian hakmilik umum; dan
- (b) jumlah keluasan tanah di sesuatu Negeri yang pada masa ini diisytiharkan sebagai tanah simpanan Melayu di bawah Fasal ini tidak boleh pada bila-bila masa melebihi jumlah keluasan tanah di Negeri itu yang telah diadakan bagi pemberian hakmilik umum menurut perenggan (a).

(3) Tertakluk kepada Fasal (4), Kerajaan mana-mana Negeri boleh, mengikut undang-undang yang sedia ada, mengisytiharkan sebagai tanah simpanan Melayu—

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 89—(samb.)

Fasal (1A): Ditambahkan oleh Akta A514, perenggan 7(a), berkuat kuasa dari 15-05-1981.

Fasal (3)

a. Perkataan “dan hendaklah, mengikut undang-undang yang sedia ada, dengan serta-merta mengisytiharkan sebagai tanah simpanan Melayu, dalam hal jika mana-mana tanah terhenti menjadi tanah simpanan Melayu, mana-mana tanah lain yang sama jenisnya dengan tanah itu dan yang luasnya tidak melebihi keluasan tanah itu” ditambahkan selepas perenggan (b) oleh Akta A514, perenggan 7(b), berkuat kuasa dari 15-05-1981.

b. Perenggan (c) dimansuhkan oleh Akta A514, perenggan 7(b), berkuat kuasa dari 15-05-1981 yang berbunyi seperti yang berikut:

“(c) dalam hal jika mana-mana tanah terhenti menjadi tanah simpanan Melayu, mana-mana tanah yang sama jenisnya dengan tanah itu dan yang luasnya tidak melebihi keluasan tanah itu.”.

- (a) mana-mana tanah yang diambil oleh Kerajaan itu melalui perjanjian bagi maksud itu;
- (b) mana-mana tanah lain, apabila permohonan dibuat oleh tuan punya tanah itu, dan dengan persetujuan tiap-tiap orang yang mempunyai hak atau kepentingan mengenainya,

dan hendaklah, mengikut undang-undang yang sedia ada, dengan serta-merta mengisytiharkan sebagai tanah simpanan Melayu, dalam hal jika mana-mana tanah terhenti menjadi tanah simpanan Melayu, mana-mana tanah lain yang sama jenisnya dengan tanah itu dan yang luasnya tidak melebihi keluasan tanah itu.

(4) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh membenarkan diisytiharkan sebagai tanah simpanan Melayu mana-mana tanah yang pada masa perisytiharan itu dipunyai atau diduduki oleh seseorang yang bukan seorang Melayu atau yang mengenainya atau ke atasnya orang itu ketika itu mempunyai apa-apa hak atau kepentingan.

(5) Tanpa menjejaskan Fasal (3), Kerajaan mana-mana Negeri boleh, mengikut undang-undang, mengambil tanah untuk menempatkan orang Melayu atau kaum lain, dan mewujudkan amanah bagi maksud itu.

(6) Dalam Perkara ini “tanah simpanan Melayu” ertinya tanah yang disimpan untuk diberi hakmilik kepada orang Melayu atau kepada anak negeri bagi Negeri tempat terletakanya tanah itu; dan “orang Melayu” termasuklah mana-mana orang yang, di bawah undang-undang Negeri tempat dia bermastautin, dikira sebagai orang Melayu bagi maksud perizaban tanah.

(7) Tertakluk kepada Perkara 161A, Perkara ini hendaklah berkuat kuasa walau apa pun apa-apa peruntukan lain dalam Perlembagaan ini; tetapi (tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan lain yang sedemikian) tiada tanah boleh dikekalkan atau diisytiharkan sebagai tanah simpanan Melayu kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perkara ini dan Perkara 90.

(8) Peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya mengikut cara yang sama sebagaimana peruntukan Perkara ini terpakai bagi sesuatu Negeri, kecuali bahawa Fasal (1) dalam pemakaiannya bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya hendaklah diubahsuai supaya dibaca bahawa mana-mana tanah di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 89—(samb.)

Fasal (7)

Perkataan “Tertakluk kepada Perkara 161A” di permulaan Fasal dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Fasal (8)

Ditambahkan oleh Akta A585, subseksyen 24(1), berkuat kuasa dari 01-02-1974, dan kemudiannya pula dipinda oleh Akta A1095, seksyen 17, berkuat kuasa dari 01-02-2001 supaya termasuk Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Catatan:

Perkara 89 Perlembagaan tidaklah terpakai bagi Wilayah Persekutuan Labuan dan Perkara 8 Perlembagaan tidaklah menjadikan tidak sah atau melarang mana-mana peruntukan undang-undang persekutuan berkenaan dengan perizaban tanah untuk anak negeri di dalam Wilayah Persekutuan Labuan atau berkenaan dengan pemberian hakmilik kepada mereka, atau berkenaan dengan hal memberikan layanan keutamaan kepada mereka berkenaan dengan pemberian hakmilik tanah di dalam Wilayah Persekutuan Labuan oleh Persekutuan—*Lihat* subseksyen 18(2) Akta A585.

Persekutuan Putrajaya yang sebaik sebelum Hari Merdeka ialah tanah simpanan Melayu mengikut undang-undang yang sedia ada boleh terus menjadi tanah simpanan Melayu mengikut undang-undang itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh Akta Parlimen yang diluluskan oleh majoriti jumlah bilangan ahli setiap Majlis Parlimen dan dengan undi tidak kurang daripada dua pertiga daripada ahli-ahli yang hadir dan mengundi di dalam setiap Majlis Parlimen.

Peruntukan khas yang berhubungan dengan tanah adat di Negeri Sembilan dan Melaka, dan tanah pegangan Melayu di Terengganu

90. (1) Tiada apa-apa jua dalam Perlembagaan ini boleh menyentuh kesahan apa-apa sekatan yang dikenakan oleh undang-undang ke atas pemindahan hakmilik atau pemajakan tanah adat di Negeri Sembilan atau Negeri Melaka, atau pemindahan hakmilik atau pemajakan apa-apa kepentingan mengenai tanah itu.

(1A) Bagi maksud Fasal (1)—

- (a) “pemindahan hakmilik” termasuklah apa-apa penggadaian, perpindahan atau peletakhakan, atau pewujudan apa-apa lien atau amanah, atau pemasukan apa-apa kaveat, atau apa-apa bentuk urusan atau pelupusan lain daripada apa-apa jua perihalan atau jenis; dan
- (b) “pemajakan” termasuklah apa-apa penyewaan dalam apa-apa jua bentuk atau jangka masa.

(2) Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, undang-undang yang sedia ada di Negeri Terengganu mengenai tanah pegangan Melayu hendaklah terus berkuat kuasa sehingga diperuntukkan selainnya oleh suatu Enakmen Badan Perundangan Negeri itu yang diluluskan dan dipersetujui sebagaimana yang diperihalkan dalam Fasal (1) Perkara 89.

(3) Apa-apa Enakmen Badan Perundangan Negeri Terengganu yang sedemikian boleh membuat peruntukan bagi tanah simpanan Melayu yang bersamaan dengan undang-undang yang sedia ada yang berkuat kuasa di mana-mana Negeri lain yang ber-Raja; dan dalam keadaan sedemikian Perkara 89 tersebut hendaklah berkuat kuasa berhubung dengan Terengganu tertakluk kepada ubah suaian yang berikut, iaitu:

Perlebagaan Persekutuan

Per. 90

Lihat Per. 89(7).

Fasal (1A): Dimasukkan oleh Akta A566, seksyen 13, berkuat kuasa dari 16-12-1983.

- (a) dalam Fasal (1), sebutan mengenai tanah yang merupakan tanah simpanan Melayu sebaik sebelum Hari Merdeka mengikut undang-undang yang sedia ada hendaklah digantikan dengan sebutan mengenai tanah yang sebaik sebelum lulusnya Enakmen tersebut itu merupakan tanah pegangan Melayu; dan
- (b) tertakluk seperti yang disebut terdahulu, apa-apa sebutan mengenai undang-undang yang sedia ada hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Enakmen tersebut.

Majlis Tanah Negara

91. (1) Maka hendaklah ada suatu Majlis Tanah Negara yang terdiri daripada seorang Menteri sebagai pengerusi, seorang wakil dari setiap Negeri yang hendaklah dilantik oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri, dan apa-apa bilangan wakil Kerajaan Persekutuan yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan tetapi, tertakluk kepada Fasal (5) Perkara 95E, bilangan wakil Kerajaan Persekutuan tidak boleh melebihi sepuluh.

(2) Pengerusi boleh mengundi atas apa-apa soal di hadapan Majlis Tanah Negara tetapi tidaklah mempunyai undi pemutus.

(3) Majlis Tanah Negara hendaklah dipanggil bermesyuarat oleh pengerusi seberapa kerap yang difikirkannya perlu tetapi sekurang-kurangnya satu mesyuarat hendaklah diadakan pada tiap-tiap tahun.

(4) Jika pengerusi atau seseorang wakil sesuatu Negeri atau Kerajaan Persekutuan tidak dapat hadir dalam sesuatu mesyuarat, maka pihak berkuasa yang melantiknya itu boleh melantik seorang lain untuk mengambil tempatnya dalam mesyuarat itu.

(5) Menjadi kewajipan Majlis Tanah Negara untuk membentuk, dari semasa ke semasa, dengan berunding dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Majlis Kewangan Negara suatu dasar negara untuk memajukan dan mengawal penggunaan tanah di seluruh Persekutuan bagi perlombongan, pertanian, perhutanan atau apa-apa maksud lain, dan untuk mentadbirkan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengannya; dan Kerajaan-Kerajaan Persekutuan dan Negeri hendaklah mengikut dasar yang dibentuk sedemikian.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 91

Lihat Per. 95E(1), (2) & (5)(a).

Fasal (1)

- a. Perkataan “tidaklah boleh melebihi sepuluh” yang terdapat selepas “dan apa-apa bilangan” dipotong dan perkataan “tetapi, tertakluk kepada Fasal (5) Perkara 95E, bilangan wakil Kerajaan Persekutuan tidaklah boleh melebihi sepuluh” ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

(6) Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri boleh merundingi Majlis Tanah Negara berkenaan dengan apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan penggunaan tanah atau berkenaan dengan apa-apa perundangan yang dicadangkan mengenai tanah atau pentadbiran mana-mana undang-undang yang sedemikian, dan menjadi kewajipan Majlis Tanah Negara untuk menasihati Kerajaan itu mengenai mana-mana perkara yang sedemikian.

Bab 5—Pembangunan negara

Rancangan pembangunan negara

92. (1) Jika, selepas sesuatu syor diterima daripada suatu jawatankuasa pakar dan selepas berunding dengan Majlis Kewangan Negara, Majlis Tanah Negara dan Kerajaan mana-mana Negeri yang berkenaan, Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa adalah berfaedah bagi kepentingan negara dijalankan sesuatu rancangan pembangunan di mana-mana kawasan atau kawasan-kawasan di dalam satu atau beberapa Negeri, maka Yang di-Pertuan Agong boleh, selepas menyiarkan rancangan itu, mengisytiharkan kawasan atau kawasan-kawasan itu sebagai kawasan pembangunan; dan sesudah itu Parlimen berkuasa melaksanakan rancangan pembangunan itu atau mana-mana bahagiannya, walaupun mana-mana perkara yang dimaksudkan oleh rancangan itu merupakan perkara-perkara yang, jika tidak kerana Perkara ini, hanya Negeri-Negeri sahaja berkuasa membuat undang-undang mengenainya.

(2) Apa-apa Akta yang diluluskan menurut Perkara ini hendaklah menyebut bahawa Akta itu telah diluluskan sedemikian dan bahawa peruntukan Fasal (1) telah dipatuhi; dan Perkara 79 tidaklah terpakai bagi apa-apa Rang Undang-Undang untuk mengadakan suatu Akta yang sedemikian atau apa-apa pindaan kepada suatu Rang Undang-Undang yang sedemikian.

(3) Dalam Perkara ini, “rancangan pembangunan” ertinya suatu rancangan untuk membangunkan, memajukan, atau memelihara sumber-sumber alam di dalam sesuatu kawasan pembangunan, mengeksploitasikan sumber-sumber yang sedemikian, atau menambah peluang-peluang pekerjaan di dalam kawasan itu.

(4) Tanpa menjejaskan kuasanya di bawah mana-mana Perkara lain untuk menghendaki apa-apa kepentingan mengenai tanah diambil atau diberikan bagi maksud persekutuan, Kerajaan Persekutuan boleh dari semasa ke semasa menghendaki dirizabkan bagi

Perlebagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 92

Lihat Per. 95E(1), (3) & 108(4)(e).

maksud sesuatu rancangan pembangunan, setakat yang dinyatakan, mana-mana tanah di dalam sesuatu kawasan pembangunan yang tidak diduduki oleh orang persendirian; tetapi apa-apa kekurangan hasil tahunan yang diterima oleh sesuatu Negeri disebabkan oleh perizaban itu hendaklah diganti kepada Negeri itu oleh Persekutuan.

(5) Segala pendapatan yang diterima oleh Persekutuan daripada pengendalian sesuatu rancangan pembangunan hendaklah, tertakluk kepada Fasal (6), digunakan—

- (a) pertamanya, bagi mengadakan peruntukan modal dan membayar belanja kerja bagi rancangan pembangunan itu;
- (b) keduanya, bagi membayar balik kepada Persekutuan apa-apa perbelanjaan, termasuk perbelanjaan di bawah Fasal (4), yang dilakukan oleh Persekutuan dalam mengendalikan rancangan itu; dan
- (c) tentang bakinya, bagi membayar kepada Negeri tempat kawasan pembangunan itu terletak atau, jika kawasan pembangunan itu terletak di dalam dua Negeri atau lebih, kepada Negeri-Negeri itu mengikut perkadaran yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan.

(6) Jika dipersetujui antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan mana-mana Negeri yang di dalamnya termasuk keseluruhan atau mana-mana bahagian kawasan pembangunan itu bahawa apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dalam mengendalikan rancangan pembangunan itu hendaklah dibayar oleh Negeri itu, maka apa-apa perbelanjaan yang dibayar sedemikian hendaklah dibayar balik kepada Negeri itu dan pembayaran balik itu hendaklah berperingkat *pari passu* dengan pembayaran balik kepada Persekutuan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh Persekutuan.

(7) Parlimen boleh memansuhkan atau meminda mana-mana Akta yang diluluskan menurut Perkara ini, dan bagi maksud itu boleh membuat apa-apa peruntukan yang bersampingan dan berbangkit sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(8) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menyentuh kuasa Parlimen atau Badan Perundangan mana-mana Negeri—

- (a) untuk mengenakan apa-apa cukai atau kadar yang dibenarkan untuk dikenakan olehnya di bawah mana-mana peruntukan lain dalam Perlembagaan ini; atau
- (b) untuk membuat daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan atau Kumpulan Wang Disatukan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, pemberian-pemberian yang tidak kena dibayar balik di bawah Fasal (5) atau (6),

kecuali bahawa jika, menurut Fasal (1), suatu kadar dikenakan ke atas apa-apa harta oleh undang-undang persekutuan yang, jika tidak kerana Perkara ini, mungkin dikenakan oleh undang-undang Negeri, maka kadar yang sama jenisnya tidak boleh dikenakan oleh undang-undang Negeri selama apa-apa tempoh kadar yang dikenakan oleh undang-undang persekutuan kena dibayar.

*Bab 6—Tinjauan Persekutuan, nasihat Persekutuan
kepada Negeri dan pemeriksaan Persekutuan
mengenai kegiatan Negeri*

Siasatan, tinjauan dan perangkaan

93. (1) Kerajaan Persekutuan boleh menjalankan apa-apa siasatan (sama ada oleh Suruhanjaya atau selainnya), membenarkan apa-apa tinjauan dan mengumpulkan dan menyiarkan apa-apa perangkaan yang difikirkannya patut, walaupun siasatan, tinjauan dan pengumpulan dan penyiaran perangkaan sedemikian adalah berhubungan dengan sesuatu perkara yang berkenaan dengannya Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang.

(2) Menjadi kewajipan Kerajaan sesuatu Negeri, dan kewajipan semua pegawai dan pihak berkuasa Negeri itu, untuk membantu Kerajaan Persekutuan pada melaksanakan kuasanya di bawah Perkara ini; dan bagi maksud ini Kerajaan Persekutuan boleh memberikan apa-apa arahan yang difikirkannya perlu.

Kuasa Persekutuan berkenaan dengan rakyat Negeri

94. (1) Kuasa eksekutif Persekutuan meliputi kuasa menjalankan penyelidikan, mengadakan dan menyenggarakan stesen percubaan dan stesen tunjuk cara, memberikan nasihat dan bantuan teknikal kepada Kerajaan mana-mana Negeri, dan mengadakan pendidikan, publisiti dan tunjuk cara bagi penduduk mana-mana Negeri, berkenaan dengan mana-mana perkara yang mengenainya Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang; dan pegawai-pegawai pertanian dan pegawai-pegawai perhutanan mana-mana Negeri hendaklah menerima apa-apa nasihat profesional yang diberikan kepada Kerajaan Negeri itu di bawah Fasal ini.

(2) Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Jabatan Pertanian, Jabatan Pesuruhjaya Tanah, Jabatan Hutan dan Jabatan

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 93

Lihat Per. 80(2) & 94(3).

Per. 94

Lihat Per. 79(1), 80(2) & 95E(1).

Fasal (1): Lihat Per. 95E(4).

Per. 95

Lihat Per. 80(2).

Per. 95A

1. Ditambahkan oleh Akta 10/1960, seksyen 12, berkuat kuasa dari 31-05-1960.

2. *Lihat Per. 95E(1), (2) & (5)(b).*

Fasal (1)

- a. Perkataan “tidaklah boleh melebihi sepuluh” yang terdapat selepas “dan apa-apa bilangan” dipotong dan perkataan “tetapi, tertakluk kepada Fasal (5) Perkara 95E, bilangan wakil Kerajaan Persekutuan tidaklah boleh melebihi sepuluh” ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Kebajikan Masyarakat yang sedia ada boleh terus menjalankan fungsi yang dijalankan olehnya sebaik sebelum Hari Merdeka.

(3) Tiada apa-apa jua dalam Perlembagaan ini boleh menghalang Kerajaan Persekutuan daripada menubuhkan Kementerian-Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan untuk menjalankan fungsi Kerajaan Persekutuan di bawah Perkara 93 dan Perkara ini berhubung dengan perkara-perkara yang termasuk dalam kuasa perundangan sesuatu Negeri, dan perkara-perkara yang sedemikian bolehlah termasuk pemuliharaan tanah, kerajaan tempatan dan perancangan bandar dan desa.

Pemeriksaan aktiviti Negeri

95. (1) Tertakluk kepada Fasal (3), pada menjalankan kuasa eksekutif Persekutuan mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Kerajaan Persekutuan boleh memeriksa mana-mana jabatan atau apa-apa kerja Kerajaan Negeri dengan tujuan untuk membuat suatu laporan mengenainya kepada Kerajaan Persekutuan.

(2) Sesuatu laporan yang dibuat di bawah Perkara ini, jika diarahkan sedemikian oleh Kerajaan Persekutuan, hendaklah disampaikan kepada Kerajaan Negeri dan dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri.

(3) Perkara ini tidak memberi kuasa pemeriksaan mana-mana jabatan atau apa-apa kerja yang menguruskan hanya atau yang dijalankan hanya mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam kuasa perundangan khusus sesuatu Negeri.

Bab 7—Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan

Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan

95A. (1) Maka hendaklah ada suatu Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan yang terdiri daripada seorang Menteri sebagai Pengerusi, seorang wakil dari setiap Negeri yang hendaklah dilantik oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri, dan apa-apa bilangan wakil Kerajaan Persekutuan yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan tetapi, tertakluk kepada Fasal (5) Perkara 95E, bilangan wakil Kerajaan Persekutuan tidak boleh melebihi sepuluh.

(2) Pengerusi boleh mengundi atas apa-apa soal di hadapan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan dan mempunyai undi pemutus.

(3) Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan hendaklah dipanggil bermesyuarat oleh Pengerusi seberapa kerap yang difikirkannya perlu tetapi sekurang-kurangnya satu mesyuarat hendaklah diadakan pada tiap-tiap tahun.

(4) Jika Pengerusi atau seseorang wakil sesuatu Negeri atau seseorang wakil Kerajaan Persekutuan tidak dapat hadir dalam sesuatu mesyuarat, maka pihak berkuasa yang melantiknya itu boleh melantik seorang lain untuk mengambil tempatnya dalam mesyuarat itu.

(5) Menjadi kewajipan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan untuk membentuk, dari semasa ke semasa, dengan berunding dengan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri, suatu dasar negara untuk memajukan, membangunkan dan mengawal kerajaan tempatan di seluruh Persekutuan dan untuk mentadbirkan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengannya; dan Kerajaan-Kerajaan Persekutuan dan Negeri hendaklah mengikuti dasar yang dibentuk sedemikian.

(6) Menjadi kewajipan juga bagi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan mana-mana Negeri untuk berunding dengan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan berkenaan dengan apa-apa perundangan yang dicadangkan mengenai kerajaan tempatan dan menjadi kewajipan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan untuk menasihati Kerajaan-Kerajaan itu mengenai mana-mana perkara yang sedemikian.

(7) Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri boleh merundingi Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan berkenaan dengan apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan kerajaan tempatan, dan menjadi kewajipan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan untuk menasihati Kerajaan itu mengenai mana-mana perkara yang sedemikian.

*Bab 8—Pemakaian bagi Negeri
Sabah dan Sarawak*

Ubah suaian bagi Negeri Sabah dan Sarawak mengenai pembahagian kuasa perundangan

95B. (1) Dalam hal Negeri Sabah dan Sarawak—

(a) tambahan kepada Senarai II yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan hendaklah disifatkan menjadi sebahagian

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Bahagian VI

Tajuk Bab 8 “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Per. 95b

1. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 35, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Fasal (1)

- a. Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965, memotong perkataan “dan Singapura” yang terdapat dalam nota bahu dan di hujung baris pertama dan perkataan “yang berkenaan” yang terdapat selepas perkataan “tambahan” di permulaan perenggan (a) dan (b).
- b. Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

daripada Senarai Negeri, dan perkara-perkara yang disebut satu persatu dalamnya hendaklah disifatkan tidak termasuk dalam Senarai Persekutuan atau Senarai Bersama; dan

- (b) tambahan kepada Senarai III yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan, tertakluk kepada Senarai Negeri, hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada Senarai Bersama, dan perkara-perkara yang disebut satu persatu dalamnya hendaklah disifatkan tidak termasuk dalam Senarai Persekutuan (tetapi tidaklah sehingga menyentuh pentafsiran Senarai Negeri, jika ia merujuk kepada Senarai Persekutuan).

(2) Jika menurut kuasa Fasal (1) sesuatu butiran dimasukkan ke dalam Senarai Bersama bagi sesuatu Negeri selama sesuatu tempoh sahaja, maka habisnya atau tamatnya tempoh itu tidaklah menyentuh kuat kuasa seterusnya mana-mana undang-undang Negeri yang diluluskan menurut kuasa butiran itu, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan atau Negeri.

(3) Badan Perundangan Negeri Sabah atau Sarawak boleh juga membuat undang-undang bagi mengenakan cukai jualan, dan apa-apa cukai jualan yang dikenakan oleh undang-undang Negeri di Negeri Sabah atau Sarawak hendaklah disifatkan termasuk dalam perkara-perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri dan tidak dalam Senarai Persekutuan; tetapi—

- (a) pada mengenakan atau mentadbirkan sesuatu cukai jualan Negeri, tidaklah boleh ada apa-apa diskriminasi antara barang yang sama perihalnya mengikut tempat asal barang itu; dan
- (b) caj bagi apa-apa cukai jualan persekutuan hendaklah dibayar daripada jumlah wang yang dipungut daripada orang yang bertanggung membayar cukai itu terlebih dahulu sebelum caj bagi sesuatu cukai jualan Negeri.

Kuasa untuk memperluas kuasa perundangan atau eksekutif Negeri melalui perintah

95c. (1) Tertakluk kepada peruntukan mana-mana Akta Parlimen yang diluluskan selepas Hari Malaysia, Yang di-Pertuan Agong boleh, melalui perintah, membuat berkenaan dengan mana-mana Negeri, apa-apa peruntukan yang boleh dibuat melalui Akta Parlimen—

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 95b—(*samb.*)

Fasal (3)

Perkataan “sesuatu Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah atau Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

2. Dalam nota bahu, perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Per. 95c

Ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 38, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Fasal (1)

- a. Perkataan “sesuatu Negeri Borneo” digantikan dengan “mana-mana Negeri” oleh Akta 31/1965, subseksyen 2(1), berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. *Lihat—*
 - i. Perintah Negeri-Negeri Borneo (Kuasa Perundangan) 1963—P.U. 17/1964;
 - ii. Perintah Negeri-Negeri Borneo (Kuasa Pemerintah) (Senapang Patah) 1963—P.U. 38/1964;
 - iii. Perintah Sarawak (Kuasa Perundangan) 1965—P.U. 22/1965; dan
 - iv. Perintah Sarawak (Kuasa Perundangan (No. 2) 1965—P.U. 106/1965.

- (a) bagi memberi kuasa Badan Perundangan Negeri itu membuat undang-undang sebagaimana yang disebut dalam Perkara 76A; atau
- (b) bagi memperluas kuasa eksekutif Negeri itu, dan kuasa atau kewajipan mana-mana pihak berkuasa Negeri itu sebagaimana yang disebut dalam Fasal (4) Perkara 80.

(2) Sesuatu perintah yang dibuat menurut kuasa perenggan (a) Fasal (1) tidaklah boleh memberi kuasa Badan Perundangan sesuatu Negeri meminda atau memansuhkan sesuatu Akta Parlimen yang diluluskan selepas Hari Malaysia, melainkan jika Akta itu memperuntukkan sedemikian.

(3) Fasal (3) Perkara 76A dan Fasal (6) Perkara 80 hendaklah terpakai berhubung dengan sesuatu perintah masing-masing di bawah perenggan (a) dan perenggan (b) Fasal (1) Perkara ini sebagaimana Fasal-Fasal itu terpakai berhubung dengan sesuatu Akta Parlimen.

(4) Jika sesuatu perintah di bawah Perkara ini dibatalkan oleh suatu perintah yang kemudian, maka perintah yang kemudian itu boleh mengandungi peruntukan bagi meneruskan kuat kuasa (pada amnya atau setakat atau bagi apa-apa maksud yang dinyatakan dalam perintah itu) mana-mana undang-undang Negeri yang diluluskan menurut kuasa perintah yang dahulu itu atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat atau perkara yang dilakukan di bawah mana-mana undang-undang Negeri itu, dan mana-mana undang-undang Negeri yang diteruskan kuat kuasanya dengan demikian itu hendaklah berkuat kuasa sebagai undang-undang persekutuan mulai dari permulaan kuat kuasa perintah yang kemudian itu:

Dengan syarat bahawa tiada peruntukan boleh diteruskan kuat kuasanya menurut kuasa Fasal ini jika atau setakat yang peruntukan itu tidak boleh dibuat melalui Akta Parlimen.

(5) Apa-apa perintah Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara ini hendaklah dibentangkan di hadapan setiap Majlis Parlimen.

Negeri Sabah dan Sarawak terkeluar daripada kuasa Parlimen untuk meluluskan undang-undang seragam mengenai tanah atau kerajaan tempatan

95d. Berhubung dengan Negeri Sabah atau Sarawak, Fasal (4) Perkara 76 tidaklah terpakai, dan juga perenggan (b) Fasal (1) Perkara itu

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 95b

1. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 42, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. Perkataan “dan berhubung dengan Singapura” yang terdapat selepas “sesuatu Negeri Borneo” dipotong oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965.
3. Perkataan “sesuatu Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah atau Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

tidak membolehkan Parlimen membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebut dalam Fasal (4) Perkara itu.

Negeri Sabah dan Sarawak terkeluar daripada rancangan negara bagi penggunaan tanah, kerajaan tempatan, pembangunan, dsb.

95E. (1) Berhubung dengan Negeri Sabah atau Sarawak, Perkara 91, 92, 94 dan 95^A hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada Fasal-Fasal yang berikut.

(2) Tertakluk kepada Fasal (5), Kerajaan Negeri tidaklah dikehendaki di bawah Perkara 91 dan di bawah Perkara 95^A supaya mengikut dasar yang dibentuk oleh Majlis Tanah Negara atau oleh Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan, mengikut mana-mana yang berkenaan, tetapi wakil Negeri tidaklah berhak mengundi atas soal di hadapan Majlis itu.

(3) Di bawah Perkara 92 tiada kawasan di dalam Negeri itu boleh diisytiharkan sebagai suatu kawasan pembangunan bagi maksud apa-apa rancangan pembangunan tanpa persetujuan Yang di-Pertua Negeri.

(4) Di bawah Fasal (1) Perkara 94 (yang di bawahnya Persekutuan boleh menjalankan penyelidikan, memberikan nasihat dan bantuan teknikal, dsb., berkenaan dengan perkara-perkara dalam Senarai Negeri) pegawai-pegawai pertanian dan pegawai-pegawai perhutanan Negeri Sabah atau Sarawak hendaklah menimbang, tetapi tidaklah dikehendaki menerima, nasihat profesional yang diberikan kepada Kerajaan Negeri itu.

(5) Fasal (2) hendaklah terhenti terpakai bagi sesuatu Negeri—

(a) berkenaan dengan Perkara 91, jika Parlimen memperuntukkan sedemikian dengan persetujuan Yang di-Pertua Negeri; dan

(b) berkenaan dengan perkara 95^A, jika Parlimen memperuntukkan sedemikian dengan persetujuan Dewan Undangan,

tetapi bagi setiap wakil Negeri Sabah atau Sarawak yang menjadi berhak, menurut kuasa Fasal ini, untuk mengundi atas soal di hadapan Majlis Tanah Negara atau Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan, maka seorang wakil hendaklah ditambahkan kepada bilangan maksimum wakil Kerajaan Persekutuan dalam Majlis itu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 95E

Ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 43, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Fasal (1)

- a. Perkataan “dan berhubung dengan Singapura” yang terdapat selepas “sesuatu Negeri Borneo” dan perkataan “dan Singapura” dalam nota bahu dipotong oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965.
- b. Perkataan “sesuatu Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah atau Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (3)

Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (4)

Perkataan “sesuatu Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah atau Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (5)

- a. Perkataan “atau bagi Singapura” yang terdapat selepas “Negeri Borneo” dipotong oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965.
- b. *Lihat* Per. 91(1) & 95A(1).
- c. Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- d. Perkataan “sesuatu Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah atau Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

BAHAGIAN VII

PERUNTUKAN KEWANGAN

*Bab 1—Am***Tiada pencukaaian melainkan jika dibenarkan oleh undang-undang**

96. Tiada cukai atau kadar boleh dilevikan oleh atau bagi maksud Persekutuan kecuali melalui atau di bawah kuasa undang-undang persekutuan.

Kumpulan Wang Disatukan

97. (1) Segala hasil dan wang tidak kira bagaimana jua pun diperdapatkan atau diterima oleh Persekutuan, tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini dan undang-undang persekutuan, hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi satu kumpulan wang, yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

(2) Segala hasil dan wang tidak kira bagaimana jua pun diperdapatkan atau diterima oleh sesuatu Negeri, tertakluk kepada Fasal (3) dan kepada mana-mana undang-undang, hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi satu kumpulan wang, yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Disatukan bagi Negeri itu.

(3) Jika mengikut undang-undang Negeri atau, berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, mengikut undang-undang persekutuan apa-apa Zakat, Fitrah, Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya diperdapatkan, maka hasil itu hendaklah dibayar ke dalam suatu kumpulan wang yang berasingan dan tidaklah boleh dibayar daripadanya kecuali di bawah kuasa undang-undang Negeri atau undang-undang persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, apa-apa sebutan dalam Perlembagaan ini mengenai Kumpulan Wang Disatukan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 97

Fasal (3)

- a. Perkataan “atau, berkenaan dengan Wilayah Persekutuan mengikut undang-undang persekutuan” dimasukkan selepas perkataan “mengikut undang-undang Negeri” di baris satu, dan perkataan “atau undang-undang persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan” dimasukkan selepas perkataan “undang-undang Negeri” di hujung Fasal itu oleh Akta A206, seksyen 11, berkuat kuasa dari 01-02-1974.
- b. Perkataan “Wilayah Persekutuan” digantikan dengan perkataan “Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan” oleh Akta A585, seksyen 20, berkuat kuasa dari 16-04-1984.
- c. *Lihat* Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*].
- d. Perkataan “Kuala Lumpur dan Labuan” digantikan dengan “Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya” oleh Akta A1095, seksyen 18, berkuat kuasa dari 01-02-2001.

Perbelanjaan yang dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan

98. (1) Maka hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan sebagai tambahan kepada apa-apa pemberian, saraan atau wang lain yang dipertanggungkan sedemikian melalui mana-mana Perkara lain atau undang-undang persekutuan—

- (a) segala pencen, pampasan kerana kehilangan jawatan dan ganjaran yang Persekutuan bertanggunggan membayarnya;
- (b) segala caj hutang yang Persekutuan bertanggunggan membayarnya; dan
- (c) apa-apa wang yang dikehendaki untuk menunaikan apa-apa penghakiman, keputusan atau award terhadap Persekutuan oleh mana-mana mahkamah atau tribunal.

(2) Apabila membayar apa-apa pemberian kepada sesuatu Negeri mengikut peruntukan Bahagian ini, Persekutuan boleh memotong amaun apa-apa caj hutang yang kena dibayar oleh Negeri itu kepada Persekutuan dan yang dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan bagi Negeri itu.

(3) Bagi maksud Perkara ini caj hutang termasuklah bunga, caj kumpulan wang penjelas hutang, pembayaran balik atau pelunasan hutang, dan segala perbelanjaan berkaitan dengan pemerdapatan pinjaman atas jaminan Kumpulan Wang Disatukan dan pembayaran bunga atas hutang dan penebusan hutang yang diwujudkan dengan jalan sedemikian.

Penyata kewangan tahunan

99. (1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah, berkenaan dengan tiap-tiap tahun kewangan, menyebabkan dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat suatu penyata terimaan dan perbelanjaan yang dianggarkan bagi Persekutuan untuk tahun itu, dan, melainkan jika diperuntukkan selainnya oleh Parlimen berkenaan dengan mana-mana tahun, penyata itu hendaklah dibentangkan sedemikian sebelum permulaan tahun itu:

Dengan syarat bahawa bolehlah ada penyata-penyata yang berasingan bagi terimaan yang dianggarkan dan perbelanjaan yang dianggarkan, dan dalam hal sedemikian tidaklah perlu penyata terimaan itu dibentangkan sedemikian sebelum permulaan tahun yang dimaksudkan oleh penyata itu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 99

Lihat Per. 102(b).

Fasal (1)

Proviso ditambahkan oleh Akta 14/1962, subseksyen 18(1), berkuat kuasa dari 21-06-1962.

- (2) Anggaran perbelanjaan itu hendaklah menunjukkan—
- (a) jumlah wang yang dikehendaki untuk membayar perbelanjaan yang dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan; dan
 - (b) tertakluk kepada Fasal (3), jumlah wang yang dikehendaki untuk membayar perbelanjaan bagi maksud lain yang dicadangkan dibayar daripada Kumpulan Wang Disatukan.
- (3) Jumlah wang yang hendaklah ditunjukkan di bawah perenggan (b) Fasal (2) tidak termasuk—
- (a) jumlah wang yang merupakan hasil daripada apa-apa pinjaman yang diperdapatkan oleh Persekutuan bagi maksud tertentu dan yang diuntukkan bagi maksud itu oleh Akta yang membenarkan pinjaman itu diperdapatkan;
 - (b) jumlah wang yang merupakan apa-apa wang atau bunga atas wang yang diterima oleh Persekutuan yang tertakluk kepada suatu amanah dan yang hendaklah digunakan mengikut terma-terma amanah itu;
 - (c) jumlah wang yang merupakan apa-apa wang yang dipegang oleh Persekutuan yang telah diterima atau diuntukkan bagi maksud apa-apa kumpulan wang amanah yang ditubuhkan oleh atau mengikut undang-undang persekutuan.
- (4) Penyata tersebut hendaklah juga menunjukkan, setakat yang dapat dilaksanakan, aset dan liabiliti Persekutuan pada akhir tahun kewangan yang baru genap, cara aset itu dilaburkan atau dipegang, dan maksud am yang berkenaan dengannya liabiliti itu masih belum selesai.

Rang Undang-Undang Perbekalan

100. Perbelanjaan yang hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang Disatukan tetapi tidak dipertanggungkan padanya, selain perbelanjaan yang hendaklah dibayar dengan jumlah wang yang disebut dalam Fasal (3) Perkara 99, hendaklah dimasukkan ke dalam suatu Rang Undang-Undang, yang hendaklah dikenali sebagai Rang Undang-Undang Perbekalan, yang membuat peruntukan bagi pengeluaran jumlah wang yang perlu daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membayar perbelanjaan itu dan penguntukan jumlah wang itu bagi maksud yang dinyatakan dalamnya.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 99—(samb.)

Fasal (2)

- a. Fasal yang asal berbunyi seperti yang berikut:

“(2) Anggaran perbelanjaan itu hendaklah menunjukkan secara berasingan—

(a) jumlah wang yang dikehendaki untuk membayar perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan; dan

(b) tertakluk kepada Fasal (3), jumlah wang yang masing-masing dikehendaki untuk membayar kepala-kepala perbelanjaan bagi perbelanjaan lain yang dicadangkan dibayar daripada Kumpulan Wang Disatukan.”.

- b. Perkataan “secara berasingan” yang terdapat selepas perkataan “hendaklah menunjukkan” dipotong dan perenggan (b) digantikan oleh Akta A354, seksyen 18, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (3)

- a. Perenggan (c) ditambahkan oleh Akta 14/1962, subseksyen 18(2), berkuat kuasa dari 21-06-1962.

- b. *Lihat* Per. 100 & 104(2).

Fasal (4)

Perkataan “kepala-kepala” digantikan dengan “maksud” oleh Akta A354, perenggan 18(c), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Per. 100

1. *Lihat* Per. 102(b).

2. Perkataan “Kepala-kepala bagi” sebelum “perbelanjaan” dalam baris satu dipotong oleh Akta A354, seksyen 19, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan lebih

101. Jika berkenaan dengan mana-mana tahun kewangan didapati—

- (a) bahawa amaun yang diuntukkan melalui Akta Perbekalan bagi apa-apa maksud tidak mencukupi, atau bahawa telah timbul keperluan perbelanjaan bagi suatu maksud yang baginya tiada amaun diuntukkan melalui Akta Perbekalan; atau
- (b) bahawa apa-apa wang telah dibelanjakan bagi apa-apa maksud melebihi amaun yang diuntukkan (jika ada) bagi maksud itu melalui Akta Perbekalan,

maka suatu anggaran tambahan yang menunjukkan jumlah wang yang dikehendaki atau dibelanjakan itu hendaklah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat dan maksud apa-apa perbelanjaan itu hendaklah dimasukkan ke dalam suatu Rang Undang-Undang Perbekalan.

Kuasa membenarkan perbelanjaan masuk akaun atau bagi maksud yang tidak dinyatakan

102. Parlimen mempunyai kuasa berkenaan dengan mana-mana tahun kewangan—

- (a) sebelum lulus Rang Undang-Undang Perbekalan, untuk membenarkan melalui undang-undang perbelanjaan bagi sebahagian tahun itu;
- (b) untuk membenarkan melalui undang-undang perbelanjaan bagi seluruh atau sebahagian tahun itu selain mengikut Perkara 99 hingga 101, jika ternyata kepada Parlimen wajar berbuat demikian oleh sebab pentingnya atau umumnya apa-apa perkhidmatan atau oleh sebab hal keadaan yang luar biasa keterdesakannya.

Kumpulan Wang Luar Jangka

103. (1) Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan bagi mewujudkan suatu Kumpulan Wang Luar Jangka dan memberi kuasa Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan, jika berpuas hati bahawa telah timbul keperluan perbelanjaan yang mendesak dan di luar jangkaan yang baginya tiada peruntukan lain wujud, untuk membuat pendahuluan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka itu untuk memenuhi keperluan itu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 101

1. *Lihat* Per. 102(b).
2. Perkataan “kepala-kepala” digantikan dengan “maksud” oleh Akta A354, seksyen 20, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Per. 102

Lihat Per. 104(1)(c).

Per. 103

Lihat—

- a. Per. 109(5);
- b. Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*], seksyen 11.

(2) Jika apa-apa pendahuluan dibuat mengikut Fasal (1), suatu anggaran tambahan hendaklah dikemukakan dan suatu Rang Undang-Undang Perbekalan dibawa dengan seberapa segera yang mungkin bagi maksud menggantikan amaun yang didahulukan itu.

Pengambilan keluar daripada Kumpulan Wang Disatukan

104. (1) Tertakluk kepada Fasal (2), tiada wang boleh diambil keluar daripada Kumpulan Wang Disatukan melainkan jika wang itu—

- (a) dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan;
- (b) dibenarkan untuk dikeluarkan melalui Akta Perbekalan; atau
- (c) dibenarkan untuk dikeluarkan di bawah Perkara 102.

(2) Fasal (1) tidak terpakai bagi apa-apa jumlah wang yang disebut dalam Fasal (3) Perkara 99.

(3) Tiada wang boleh diambil keluar daripada Kumpulan Wang Disatukan kecuali mengikut cara yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan.

Ketua Audit Negara

105. (1) Maka hendaklah ada seorang Ketua Audit Negara, yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.

(2) Seseorang yang telah memegang jawatan Ketua Audit Negara layak dilantik semula tetapi tidaklah layak dilantik bagi apa-apa pelantikan lain dalam perkhidmatan Persekutuan atau bagi apa-apa pelantikan dalam perkhidmatan sesuatu Negeri.

(3) Ketua Audit Negara boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya tetapi tidaklah boleh dipecat daripada jawatan kecuali atas alasan dan mengikut cara yang sama seperti seorang hakim Mahkamah Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 105

Fasal (3)

- a. Perkataan “Mahkamah Besar” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. Kemudiannya pula, subseksyen 18(2), Akta A566, berkuat kuasa dari 01-01-1985, memperuntukkan bahawa sebutan mengenai Mahkamah Persekutuan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Mahkamah Agung.
- c. Akta A885, seksyen 11, berkuat kuasa dari 24-06-1994, menggantikan perkataan “Agung” dengan perkataan “Persekutuan”.

(4) Parlimen hendaklah melalui undang-undang membuat peruntukan bagi saraan Ketua Audit Negara, dan saraan yang diperuntukkan sedemikian hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan.

(5) Saraan dan terma-terma lain jawatan (termasuk hak pencen) bagi Ketua Audit Negara tidaklah boleh, selepas pelantikannya, diubah menjadi kurang baik baginya.

(6) Tertakluk kepada peruntukan Perkara ini, terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan Ketua Audit Negara hendaklah ditentukan melalui undang-undang persekutuan dan, tertakluk kepada peruntukan undang-undang persekutuan, oleh Yang di-Pertuan Agong.

Kuasa dan tugas Ketua Audit Negara

106. (1) Akaun-akaun bagi Persekutuan dan bagi Negeri-Negeri hendaklah diaudit dan dibuat laporan mengenainya oleh Ketua Audit Negara.

(2) Ketua Audit Negara hendaklah melaksanakan apa-apa tugas lain dan menjalankan apa-apa kuasa sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan berhubung dengan akaun-akaun bagi Persekutuan dan akaun-akaun bagi Negeri-Negeri dan berhubung dengan akaun-akaun bagi pihak-pihak berkuasa awam lain dan akaun-akaun bagi badan-badan yang dinyatakan melalui perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong.

Laporan Ketua Audit Negara

107. (1) Ketua Audit Negara hendaklah mengemukakan laporan-laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan-laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat.

(2) Satu naskhah mana-mana laporan itu yang berhubungan dengan akaun-akaun bagi sesuatu Negeri, atau berhubungan dengan akaun-akaun bagi mana-mana pihak berkuasa awam yang menjalankan kuasa yang diberikan oleh undang-undang Negeri, hendaklah dikemukakan kepada Raja atau Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri itu yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Undangan.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 105—(*samb.*)

Fasal (4) & (6): Lihat Akta Audit 1957 [Akta 62].

Per. 106

Fasal (2)

- a. *Lihat Akta Audit 1957 [Akta 62].*
- b. Perkataan “badan-badan yang mentadbirkan wang awam” digantikan dengan “akaun-akaun bagi badan-badan yang dinyatakan melalui perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong” oleh Akta A354, seksyen 21, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- c. *Lihat Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240].*

Per. 107

Fasal (2)

- a. *Lihat Per. 112A(1).*
- b. Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Majlis Kewangan Negara

108. (1) Maka hendaklah ada suatu Majlis Kewangan Negara yang terdiri daripada Perdana Menteri, mana-mana Menteri lain yang ditetapkan oleh Perdana Menteri, dan seorang wakil dari setiap Negeri yang dilantik oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri.

(2) Majlis Kewangan Negara hendaklah dipanggil bermesyuarat oleh Perdana Menteri seberapa kerap yang difikirkannya perlu dan apabila wakil-wakil dari tiga Negeri atau lebih menghendaki diadakan mesyuarat, tetapi sekurang-kurangnya satu mesyuarat hendaklah diadakan pada tiap-tiap dua belas bulan.

(3) Dalam mana-mana mesyuarat Majlis Kewangan Negara, Perdana Menteri boleh diwakili oleh seorang Menteri Persekutuan yang lain, dan Perdana Menteri atau, jika Perdana Menteri tidak hadir, Menteri yang mewakilinya itu, hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.

(4) Menjadi kewajipan Kerajaan Persekutuan untuk berunding dengan Majlis Kewangan Negara berkenaan dengan—

- (a) pemberian yang dibuat oleh Persekutuan kepada Negeri-Negeri;
- (b) penyerahhakan kepada Negeri-Negeri keseluruhan atau apa-apa bahagian hasil daripada apa-apa cukai atau fi persekutuan;
- (c) keperluan pinjaman tahunan Persekutuan dan Negeri-Negeri dan penjalanan kuasa meminjam Persekutuan dan Negeri-Negeri itu;
- (d) pembuatan pinjaman kepada mana-mana Negeri;
- (e) pembuatan rancangan pembangunan mengikut Perkara 92;
- (f) perkara-perkara yang disebut dalam Butiran 7(f) dan (g) Senarai Persekutuan;
- (g) apa-apa cadangan untuk membawa Rang Undang-Undang bagi suatu undang-undang yang disebut dalam Fasal (2) Perkara 109 atau Fasal (3) atau (3A) Perkara 110;
- (h) apa-apa perkara lain yang berkenaan dengannya Perlembagaan ini atau undang-undang persekutuan membuat peruntukan bagi mengadakan rundingan dengan Majlis Kewangan Negara.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 108

Fasal (1)

- a. Perkataan “seorang Menteri lain” digantikan dengan “Menteri-Menteri lain sebagaimana” oleh Akta A354, seksyen 22, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- b. Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (4)

Perkataan “atau (3A)” di hujung perenggan (g) dimasukkan oleh Akta 14/1962, seksyen 32, berkuat kuasa dari 21-06-1962.

Lihat Per. 112D(7).

(5) Kerajaan Persekutuan boleh merundingi Majlis Kewangan Negara berkenaan dengan apa-apa perkara lain, sama ada atau tidak perkara itu melibatkan soal kewangan, dan kerajaan sesuatu Negeri boleh merundingi Majlis tersebut berkenaan dengan apa-apa perkara yang menyentuh kedudukan kewangan Negeri itu.

Pemberian kepada Negeri

109. (1) Persekutuan hendaklah membuat kepada setiap Negeri berkenaan dengan setiap tahun kewangan—

- (a) pemberian, yang dikenali sebagai pemberian ikut kepala, yang hendaklah dihitung mengikut peruntukan Bahagian I Jadual Kesepuluh;
- (b) pemberian bagi penyenggaraan jalan Negeri, yang dikenali sebagai pemberian jalan Negeri, yang hendaklah dihitung mengikut peruntukan Bahagian II Jadual Kesepuluh.

(2) Parlimen boleh dari semasa ke semasa melalui undang-undang mengubah kadar pemberian ikut kepala; tetapi jika kesan mana-mana undang-undang itu akan mengurangkan pemberian itu, peruntukan hendaklah dibuat dalam undang-undang itu bagi memastikan bahawa amaun pemberian yang diterima oleh mana-mana Negeri berkenaan dengan mana-mana tahun kewangan tidak kurang daripada sembilan puluh peratus daripada amaun yang diterima oleh Negeri itu dalam tahun kewangan sebelumnya.

(3) Parlimen boleh melalui undang-undang membuat pemberian bagi maksud tertentu kepada mana-mana Negeri atas apa-apa terma dan syarat yang diperuntukkan oleh mana-mana undang-undang itu.

(4) Amaun yang dikehendaki untuk membuat pemberian yang disebut dalam peruntukan yang terdahulu dalam Perkara ini hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan.

(5) Jika, mengikut Perkara 103, suatu Kumpulan Wang Luar Jangka diwujudkan, maka kuasa untuk membuat pendahuluan daripada Kumpulan Wang itu bagi memenuhi keperluan perbelanjaan yang mendesak dan di luar jangkaan termasuklah kuasa untuk membuat pendahuluan itu kepada sesuatu Negeri bagi memenuhi keperluan yang sedemikian.

Perlebagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 109

Fasal (2): Lihat Per. 108(4)(g).

(6) Persekutuan hendaklah membayar ke dalam suatu kumpulan wang, yang hendaklah dikenali sebagai Kumpulan Wang Rizab Negeri—

(a) *(Dimansuhkan)*;

(b) berkenaan dengan tiap-tiap tahun kewangan apa-apa jumlah wang yang ditentukan sebagai perlu oleh Kerajaan Persekutuan selepas berunding dengan Majlis Kewangan Negara,

dan Persekutuan boleh dari semasa ke semasa, selepas berunding dengan Majlis Kewangan Negara, membuat pemberian daripada Kumpulan Wang Rizab Negeri kepada mana-mana Negeri bagi maksud pembangunan atau pada amnya untuk menambah hasil Negeri itu.

Penyerahhakan cukai dan fi kepada Negeri

110. (1) Tertakluk kepada Fasal (2), setiap Negeri hendaklah menerima segala hasil daripada cukai, fi dan sumber hasil lain yang dinyatakan dalam Bahagian III Jadual Kesepuluh setakat yang dipungut, dilevikan atau diperdapatkan di dalam Negeri itu.

(2) Parlimen boleh dari semasa ke semasa melalui undang-undang menggantikan mana-mana sumber hasil yang dinyatakan dalam seksyen 1, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 12 atau 14 Bahagian III Jadual Kesepuluh atau mana-mana sumber hasil yang digantikan sedemikian dengan suatu sumber hasil lain yang pada hakikatnya sama nilainya.

(3) Setiap Negeri hendaklah menerima, atas apa-apa terma dan syarat yang diperuntukkan melalui atau di bawah undang-undang persekutuan, sepuluh peratus atau apa-apa amaun yang lebih besar yang diperuntukkan sedemikian daripada duti eksport atas timah yang dikeluarkan di dalam Negeri itu.

(3A) Parlimen boleh melalui undang-undang memperuntukkan bahawa setiap Negeri hendaklah menerima, atas apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan melalui atau di bawah undang-undang persekutuan, apa-apa perkadaran yang ditetapkan sedemikian daripada duti eksport atas mineral (selain timah) yang dikeluarkan di dalam Negeri itu.

Dalam Perkara ini “mineral” ertinya bijih mineral, logam dan minyak mineral.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 109—(*samb.*)

Fasal (6)

Perkataan “yang berikut” yang terdapat selepas “tahun kewangan” dalam perenggan (*b*) dipotong dan perenggan (*a*) dimansuhkan oleh Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963 dan berbunyi seperti yang berikut:

“(a) berkenaan dengan tahun kewangan yang pertama yang dalamnya Bahagian VII berkuat kuasa, jumlah wang sebanyak empat juta ringgit; dan”.

Per. 110

Lihat Per. 161c(3).

Fasal (3)

- a. Perkataan “Parlimen boleh melalui undang-undang memperuntukkan” digantikan dengan “yang diperuntukkan melalui atau di bawah undang-undang persekutuan” dan “yang diperuntukkan sedemikian” oleh Akta 14/1962, seksyen 32, berkuat kuasa dari 21-06-1962.
- b. *Lihat* Per. 108(4)(g).

Fasal (3A)

- a. Ditambahkan oleh Akta 14/1962, seksyen 19, berkuat kuasa dari 21-06-1962.
- b. *Lihat* Per. 108(4)(g) & 112c(3).
- c. *Lihat*—
 - i. Akta Penyerahhakan Hasil (Duti Eksport atas Bijih Timah) 1962 [*Akta 395*];
 - ii. Akta Penyerahhakan Duti Eksport (Bijih Mineral) 1964 [*Akta 396*].

(3B) Tanpa menjejaskan kuasa untuk mengenakan syarat yang diberikan oleh Fasal (3) atau (3A), Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan bagi melarang atau menyekat dalam apa-apa hal, atau kecuali dalam apa-apa hal, sebagaimana yang diperuntukkan melalui atau di bawah undang-undang itu, pelevian royalti ke atas mineral atau caj-caj yang seumpamanya berkenaan dengan mineral (sama ada di bawah suatu pajakan atau surat cara lain atau di bawah mana-mana enakmen Negeri, dan sama ada surat cara itu telah dibuat atau enakmen itu diluluskan sebelum atau selepas permulaan kuat kuasa Fasal ini).

(4) Tanpa menjejaskan peruntukan Fasal (1) hingga (3A), Parlimen boleh melalui undang-undang—

- (a) menyerahkan kepada Negeri-Negeri keseluruhan atau apa-apa bahagian daripada hasil apa-apa cukai atau fi yang diperdapatkan atau dilevikan oleh Persekutuan; dan
- (b) menyerahkan kepada Negeri-Negeri tanggungjawab bagi memungut, bagi maksud Negeri, apa-apa cukai atau fi yang dibenarkan oleh undang-undang persekutuan.

(5) Amaun yang boleh diterima oleh Negeri di bawah Fasal (1), (2) atau (4) tidaklah boleh dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan; dan amaun yang boleh diterima oleh Negeri di bawah Fasal (3) dan (3A) hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan.

Sekatan untuk meminjam

111. (1) Persekutuan tidak boleh meminjam kecuali di bawah kuasa undang-undang persekutuan.

(2) Sesuatu Negeri tidak boleh meminjam kecuali di bawah kuasa undang-undang Negeri, dan undang-undang Negeri tidak boleh memberi kuasa sesuatu Negeri untuk meminjam kecuali daripada Persekutuan atau, bagi suatu tempoh yang tidak melebihi lima tahun, daripada suatu bank atau sumber kewangan lain yang diluluskan bagi maksud itu oleh Kerajaan Persekutuan, dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan.

(3) Sesuatu Negeri tidak boleh memberikan apa-apa jaminan kecuali di bawah kuasa undang-undang Negeri, dan jaminan itu tidak boleh diberikan kecuali dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditentukan olehnya.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 110—(*samb.*)

Fasal (3B)

- a. Ditambahkan oleh Akta 14/1962, seksyen 19, berkuat kuasa dari 21-06-1962.
- b. *Lihat* Per. 112c(4).

Fasal (4)

- a. Perkataan “hingga (3)” digantikan dengan “hingga (3A)” oleh Akta 14/1962, seksyen 32, berkuat kuasa dari 21-06-1962.
- b. *Lihat* Per. 112c(3).

Fasal (5)

Perkataan “Fasal (3)” digantikan dengan “Fasal (3) dan (3A)” oleh Akta 14/1962, seksyen 32, berkuat kuasa dari 21-06-1962.

Per. 111

Fasal (2)

Fasal yang ada sekarang dimasukkan oleh Akta A354, seksyen 23, berkuat kuasa dari 27-08-1976, dan menggantikan Fasal dahulu yang berbunyi seperti yang berikut:

“(2) Sesuatu Negeri tidaklah boleh meminjam kecuali di bawah kuasa undang-undang Negeri, dan undang-undang Negeri tidaklah boleh memberi kuasa sesuatu Negeri untuk meminjam kecuali daripada Persekutuan atau, bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dua belas bulan, daripada suatu bank yang diluluskan bagi maksud itu oleh Kerajaan Persekutuan.”.

Lihat Per. 112b.

Fasal (3): Digantikan oleh Akta A354, seksyen 23, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Sekatan ke atas perubahan dalam perjawatan Negeri

112. (1) Tertakluk kepada Fasal (2), tiada Negeri boleh, tanpa kelulusan Persekutuan, membuat apa-apa tambahan kepada perjawatannya atau perjawatan bagi mana-mana jabatannya, atau mengubah kadar bagi gaji dan emolumen yang sudah tetap, jika kesan daripada perbuatan sedemikian akan menambah liabiliti Persekutuan berkenaan dengan pencen, ganjaran atau elaun lain yang seumpamanya.

(2) Perkara ini tidak terpakai bagi—

- (a) pelantikan tidak berpencen yang gaji maksimumnya tidak melebihi empat ratus ringgit sebulan atau apa-apa amaun lain yang ditetapkan melalui perintah oleh Yang di-Pertuan Agong; atau
- (b) pelantikan berpencen yang gaji maksimumnya tidak melebihi seratus ringgit sebulan atau apa-apa amaun lain yang ditetapkan melalui perintah oleh Yang di-Pertuan Agong.

*Bab 2—Pemakaian bagi Negeri Sabah dan Sarawak***Pengauditan Negeri di Negeri Sabah dan Sarawak**

112A. (1) Ketua Audit Negara hendaklah mengemukakan laporannya yang berhubungan dengan akaun bagi tiap-tiap satu daripada Negeri Sabah dan Sarawak, atau yang berhubungan dengan akaun mana-mana pihak berkuasa awam yang menjalankan kuasa yang terletak hak padanya oleh undang-undang Negeri di dalam salah satu Negeri itu, kepada Yang di-Pertuan Agong (yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat) dan kepada Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri itu; dan dengan demikian Fasal (2) Perkara 107 tidaklah terpakai bagi laporan itu.

(2) Yang di-Pertua Negeri hendaklah menyebabkan supaya mana-mana laporan yang dikemukakan kepadanya dibentangkan di hadapan Dewan Undangan.

(3) Kuasa dan tugas Ketua Audit Negara berhubung dengan akaun yang disebut dalam Fasal (1) bagi mana-mana tempoh yang berakhir sebelum tahun 1969 hendaklah, di Negeri Sabah atau Sarawak, dijalankan dan ditunaikan bagi pihaknya oleh pegawai kanan jabatannya yang pada masa itu ditempatkan di Negeri yang berkenaan:

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 112

Fasal (2)(a) & (b)

Perkataan “atau apa-apa amaun lain ditetapkan melalui perintah oleh Yang di-Pertuan Agong” dimasukkan selepas perkataan “sebulan” oleh Akta A354, seksyen 24, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Bahagian VII

Tajuk Bab 2 “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan perkataan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Per. 112A

Ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 50, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Fasal (1)

- a. Perkataan “sesuatu Negeri Borneo atau Singapura” digantikan dengan “setiap Negeri Borneo” dan perkataan “mana-mana Negeri itu” digantikan dengan “salah satu Negeri itu” oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965.
- b. Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- c. Perkataan “Gabenor” digantikan dengan perkataan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (2)

Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (3)

Perkataan “sesuatu Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah atau Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Dengan syarat bahawa semasa pegawai kanan itu tidak ada atau tidak berupaya, atau semasa jawatannya kosong, kuasa dan tugas itu hendaklah dijalankan dan ditunaikan oleh Ketua Audit Negara atau mana-mana pegawai jabatannya yang ditetapkan olehnya.

Kuasa meminjam bagi Negeri Sabah dan Sarawak

112B. Fasal (2) Perkara 111 tidak boleh menyekat kuasa Negeri Sabah atau Sarawak untuk meminjam di bawah kuasa undang-undang Negeri di dalam Negeri itu, jika peminjaman itu telah mendapat kelulusan Bank Negara yang ada pada masa itu bagi Persekutuan.

Pemberian khas dan penyerahhkan hasil kepada Negeri Sabah dan Sarawak

112c. (1) Tertakluk kepada peruntukan Perkara 112D dan kepada apa-apa batasan yang dinyatakan dalam seksyen yang berkenaan dalam Jadual Kesepuluh—

- (a) Persekutuan hendaklah membuat kepada Negeri Sabah dan Sarawak berkenaan dengan setiap tahun kewangan pemberian yang dinyatakan dalam Bahagian IV Jadual itu; dan
- (b) setiap Negeri itu hendaklah menerima segala hasil daripada cukai, fi dan dius yang dinyatakan dalam Bahagian V Jadual itu, setakat yang dipungut, dilevikan atau diperdapatkan di dalam Negeri itu, atau apa-apa bahagian daripada hasil itu sebagaimana yang dinyatakan sedemikian.

(2) Amaun yang dikehendaki untuk membuat pemberian yang dinyatakan dalam Bahagian IV tersebut, dan amaun yang boleh diterima oleh Negeri Sabah atau Sarawak di bawah seksyen 3 atau 4 Bahagian V tersebut, hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan; dan amaun yang selainnya boleh diterima oleh Negeri Sabah atau Sarawak di bawah Bahagian V tersebut tidaklah boleh dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

(3) Dalam Perkara 110, Fasal (3A) dan (4) tidaklah terpakai bagi Negeri Sabah atau Sarawak.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 112b

1. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 49, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. Perkataan “atau Singapura” yang terdapat selepas perkataan “Negeri Borneo” dan perkataan “dan juga kuasa Singapura untuk meminjam di bawah kuasa undang-undang Negeri melainkan di dalam Negeri itu, jika peminjaman itu telah mendapat kelulusan Kerajaan Persekutuan” yang terdapat di hujungnya itu dipotong oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965.
3. Perkataan “sesuatu Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah atau Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Per. 112c

Ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 46, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Fasal (1)(a)

Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (2): Lihat Per. 112d(1).

Fasal (2), (3) & (4)

Perkataan “sesuatu Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah atau Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

(4) Tertakluk kepada Fasal (5) Perkara 112D, berhubung dengan Negeri Sabah atau Sarawak, Fasal (3B) Perkara 110—

- (a) hendaklah terpakai berhubung dengan segala mineral, termasuk minyak mineral; tetapi
- (b) tidaklah memberi kuasa Parlimen untuk melarang Negeri itu daripada melewikan royalti ke atas apa-apa mineral atau untuk menyekat royalti yang dilewikan dalam apa-apa hal jika dengan yang demikian Negeri itu tidak berhak menerima royalti berjumlah sepuluh peratus *ad valorem* (yang dihitung sebagaimana bagi duti eksport).

Kajian semula pemberian khas kepada Negeri Sabah dan Sarawak

112D. (1) Pemberian yang dinyatakan dalam seksyen 1 dan subseksyen (1) seksyen 2 Bahagian IV Jadual Kesepuluh, dan apa-apa pemberian gantian atau tambahan yang dibuat menurut kuasa Fasal ini, hendaklah dikaji semula oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri-Negeri atau Negeri yang berkenaan itu mengikut lat tempoh yang disebut dalam Fasal (4), dan jika Kerajaan-Kerajaan itu bersetuju mana-mana pemberian itu diubah atau dihapuskan, atau suatu pemberian yang lain dibuat sebagai menggantikan atau bersekali dengan pemberian itu atau mana-mana daripadanya, maka Bahagian IV dan Fasal (2) Perkara 112C tersebut hendaklah diubahsuakan melalui perintah Yang di-Pertuan Agong sebagaimana yang perlu untuk melaksanakan persetujuan itu:

Dengan syarat bahawa dalam kajian semula kali pertama pemberian yang dinyatakan dalam subseksyen (2) seksyen 1 Bahagian IV tersebut tidaklah boleh dipersoalkan kecuali bagi maksud menetapkan amaun bagi lima tahun yang berikutnya.

(2) Apa-apa kajian semula di bawah Perkara ini hendaklah mengambil kira kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan, serta juga keperluan bagi Negeri-Negeri atau Negeri yang berkenaan itu, tetapi (tertakluk kepada itu) hendaklah berusaha memastikan bahawa hasil Negeri cukup untuk membayar kos perkhidmatan Negeri yang ada pada masa kajian semula itu, dengan apa-apa peruntukan yang ternyata munasabah bagi pembesaran perkhidmatan itu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 112c—(samb.)

Fasal (4): Lihat Per. 112D(5).

Per. 112A, 112B, 112c & 112D

Dalam nota bahu, perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan perkataan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Per. 112D

1. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 47, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. *Lihat* Per. 112c & Jadual Kesepuluh, Bahagian IV, subseksyen 1(2).

(3) Tempoh yang baginya peruntukan dikehendaki dibuat dalam sesuatu kajian semula ialah suatu tempoh lima tahun atau (kecuali dalam hal kajian semula kali pertama) suatu tempoh yang lebih lama yang dipersetujui antara Persekutuan dengan Negeri-Negeri atau Negeri yang berkenaan itu; tetapi apa-apa perintah di bawah Fasal (1) yang melaksanakan keputusan sesuatu kajian semula hendaklah terus berkuat kuasa selepas berakhirnya tempoh itu, kecuali setakat yang perintah itu digantikan dengan suatu perintah selanjutnya di bawah Fasal itu.

(4) Suatu kajian semula di bawah Perkara ini tidaklah boleh dijalankan lebih awal daripada yang semunasabahnya perlu untuk memastikan bahawa keputusan kajian semula itu dapat dilaksanakan mulai dari akhir tahun 1968 atau, dalam hal kajian semula kali kedua atau kali kemudiannya, mulai dari akhir tempoh yang diperuntukkan oleh kajian semula yang sebelum itu; tetapi, tertakluk kepada itu, kajian semula hendaklah diadakan berkenaan dengan Negeri Sabah dan Sarawak kedua-duanya bagi tempoh yang bermula dengan tahun 1969 dan dengan tahun 1974, dan selepas itu berkenaan dengan mana-mana satu Negeri itu pada bila-bila masa (dalam masa atau selepas tempoh yang diperuntukkan dalam kajian semula yang sebelum itu) sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri itu.

(5) Jika dalam apa-apa kajian semula di bawah Perkara ini Kerajaan Persekutuan memberikan notis kepada Negeri-Negeri atau Negeri yang berkenaan mengenai niatnya hendak mengubah mana-mana penyerahhakan hasil di bawah Bahagian V Jadual Kesepuluh (termasuk apa-apa penyerahhakan gantian atau tambahan yang dibuat menurut kuasa Fasal ini), atau hendak mengubah Fasal (4) Perkara 112C, maka kajian semula itu hendaklah mengambil kira perubahan itu, dan peruntukan hendaklah dibuat melalui perintah Yang di-Pertuan Agong supaya perubahan itu dilaksanakan mulai dari permulaan tempoh yang diperuntukkan dalam kajian semula itu:

Dengan syarat bahawa Fasal ini tidaklah terpakai bagi penyerahhakan di bawah seksyen 4, 7 dan 8, dan tidaklah terpakai bagi penyerahhakan di bawah seksyen 5 atau 6 sehingga kajian semula kali kedua.

(6) Jika dalam apa-apa kajian semula Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan sesuatu Negeri tidak dapat mencapai persetujuan atas apa-apa perkara, maka perkara itu hendaklah dirujuk kepada

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 112b—(*samb.*)

Fasal (4)

Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (5): Lihat Per. 112c(4).

penaksir bebas, dan syor penaksir bebas mengenai perkara itu hendaklah mengikat kerajaan-kerajaan yang berkenaan itu dan hendaklah dilaksanakan seolah-olah syor itu ialah persetujuan antara kerajaan-kerajaan itu.

(7) Fasal (4) Perkara 108 tidaklah terpakai bagi menghendaki Kerajaan Persekutuan berunding dengan Majlis Kewangan Negara berkenaan dengan perkara yang berbangkit di bawah Perkara ini.

(8) Apa-apa perintah Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara ini hendaklah dibentangkan di hadapan setiap Majlis Parlimen.

112E. (*Dimansuhkan*).

BAHAGIAN VIII

PILIHAN RAYA

Penjalanan pilihan raya

113. (1) Maka hendaklah ada suatu Suruhanjaya Pilihan Raya yang hendaklah ditubuhkan mengikut Perkara 114, yang, tertakluk kepada peruntukan undang-undang persekutuan, hendaklah menjalankan pilihan raya ke Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Undangan Negeri dan menyediakan dan menyemak daftar-daftar pemilih bagi pilihan raya itu.

(2) (i) Tertakluk kepada perenggan (ii), Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah, dari semasa ke semasa, sebagaimana yang difikirkannya perlu, mengkaji semula pembahagian Persekutuan dan Negeri-Negeri kepada bahagian-bahagian pilihan raya dan mengesyorkan apa-apa perubahan mengenainya yang difikirkannya perlu supaya dipatuhi peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas; dan kajian-kajian semula bahagian-bahagian pilihan raya bagi maksud pilihan raya ke Dewan-Dewan Undangan hendaklah dijalankan pada masa yang sama dengan kajian-kajian semula bahagian-bahagian pilihan raya bagi maksud pilihan raya ke Dewan Rakyat.

(ii) Maka hendaklah ada lat tempoh tidak kurang daripada lapan tahun antara tarikh siapnya satu-satu kajian semula, dengan tarikh bermulanya kajian semula yang kemudiannya, di bawah Fasal ini.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 112E

Perkara ini dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 48, berkuat kuasa dari 16-09-1963 dan dimansuhkan oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965. Perkara ini berbunyi seperti yang berikut:

“112E. (1) Kerajaan Persekutuan dan kerajaan Singapura boleh dari semasa ke semasa membuat perjanjian yang memperuntukkan kesemua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) cara bagaimana hasil yang diperoleh oleh Persekutuan dari Singapura atau mana-mana bahagian hasil itu akan dipungut dan diperakaunkan, dan pembagiannya antara Persekutuan dengan Negeri itu;
- (b) penjalanan kuasa oleh kerajaan Negeri atau pihak berkuasa lain bagi Negeri berhubung dengan apa-apa hasil sedemikian yang diberikan oleh undang-undang yang berhubung dengannya, atau persetujuan kerajaan itu atau mana-mana pihak berkuasa itu pada menjalankan mana-mana kuasa itu;
- (c) kemasukan Singapura dalam pasaran bersama sekali dengan negeri-negeri lain di dalam Persekutuan, penubuhan suatu Lembaga Penasihat Tarif dan penetapan syarat-syarat bagi melewikan duti import dan eskport berhubung dengan barangan yang diimport ke Singapura atau dieksport dari Singapura;
- (d) meninggalkan atau mengubahsuaikan berhubung dengan Negeri itu semua atau mana-mana peruntukan Perkara 109 dan 110 dan Jadual Kesepuluh;
- (e) membuat bayaran (dengan cara pinjaman atau selainnya) oleh Persekutuan kepada Negeri atau oleh Negeri kepada Persekutuan;
- (f) menetapkan hasil yang hendak dikira bagi maksud mana-mana perjanjian itu sebagai diperoleh dari Singapura, mengkaji semula pelaksanaan mana-mana perjanjian itu dan merujuk kepada seorang penaksir bebas untuk mendapatkan keputusan atas perkara-perkara yang berbangkit daripada kajian semula itu dan yang tidak diselesaikan dengan cara persetujuan, dan juga perkara-perkara lain yang berbangkit daripada atau bersampingan dengan mana-mana perjanjian itu.

(2) Yang di-Pertuan Agong hendaklah melalui perintah membuat apa-apa peruntukan yang perlu bagi melaksanakan mana-mana perjanjian yang disebut dalam Fasal (1) termasuk peruntukan yang mengubahsuaikan berhubung dengan Singapura mana-mana undang-undang yang berhubung dengan mana-mana hasil persekutuan; dan apa-apa perintah itu hendaklah dibentangkan di hadapan setiap Majlis Parlimen.

(3) Suatu perintah di bawah Fasal (2) boleh memperuntukkan bahawa kuasa eksekutif Negeri hendaklah meliputi pentadbiran mana-mana peruntukan undang-undang tertentu yang berhubung dengan mana-mana hasil persekutuan, dan boleh bagi maksud itu memberikan kuasa dan mempertanggungkan kewajipan pada mana-mana pihak berkuasa Negeri.

(4) Berhubung dengan Singapura, Bahagian III Jadual Kesepuluh hendaklah berkuat kuasa seolah-olah sumber hasil yang ditetapkan dalam seksyen 7 termasuk cukai harta yang dilewikan bagi maksud tempatan oleh Negeri.

(5) Keputusan seorang penaksir bebas atas apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya mengenai kajian semula sesuatu perjanjian di bawah Perkara ini hendaklah mengikat kedua-dua kerajaan itu dan hendaklah dikira bagi maksud Perkara ini sebagai perjanjian kerajaan-kerajaan itu.

(6) Fasal (4) Perkara 108 tidaklah terpakai untuk menghendaki Kerajaan Persekutuan berunding dengan Majlis Kewangan Negara berkenaan dengan apa-apa perjanjian di bawah Perkara ini.

(7) Sesuatu perjanjian yang dibuat sebelum Hari Malaysia hendaklah berkuat kuasa bagi maksud Perkara ini.

(8) Perkara ini hendaklah terhenti berkuat kuasa berkenaan dengan pembuatan apa-apa perjanjian lanjut di bawahnya—

- (a) jika pada bila-bila masa tidak ada berkuat kuasa perjanjian di bawah Perkara ini; dan

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 112E—(samb.)

- (b) dalam apa-apa hal keadaan lain yang diperuntukkan oleh mana-mana perjanjian di bawahnya:

Dengan syarat bahawa Perkara ini tidaklah boleh di bawah perenggan (a) terhenti berkuat kuasa sedemikian sementara menanti selesainya kajian semula pelaksanaan perjanjian itu (termasuk apa-apa sebutan mengenai seorang penaksir bebas).”.

Per. 113

Fasal (1)

- a. Perkataan “dan menyempadankan bahagian pilihan raya” yang terdapat selepas “Dewan-Dewan Undangan Negeri” dipotong oleh Akta 14/1962, perenggan 20(a), berkuat kuasa dari 21-06-1962.
- b. *Lihat—*
 - i. Per. 115(2);
 - ii. Akta Pilihan Raya 1958 [Akta 19].

Fasal (2)

- a. Fasal ini sebagaimana yang berkuat kuasa pada asalnya bermula seperti yang berikut:

“Selepas menyempadankan bahagian-bahagian pilihan raya yang pertama mengikut Perkara 116 dan 117 Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah pada lat tempoh yang tidak melebihi sepuluh tahun dan juga, tertakluk kepada Fasal (3), tidak kurang daripada lapan tahun, mengkaji semula pembahagian Persekutuan dan Negeri-Negeri kepada bahagian-bahagian dan membuat apa-apa perubahan mengenainya sebagaimana yang difikirkannya perlu supaya dipatuhi peruntukan perkara itu; dan kajian semula bahagian-bahagian pilihan raya bagi maksud pilihan raya ke Dewan-Dewan Undangan hendaklah dijalankan pada yang sama dengan kajian semula bahagian-bahagian pilihan raya bagi maksud pilihan raya ke Dewan Rakyat”.
- b. Akta 14/1962, perenggan 20(b), berkuat kuasa dari 21-06-1962, menggantikan perkataan “Perkara 116 dan 117” dengan perkataan “Perkara 171” dan perenggan 20(c) menggantikan perkataan “dan membuat apa-apa perubahan mengenainya sebagaimana yang difikirkannya perlu supaya dipatuhi peruntukan Perkara itu” dengan perkataan “dan mengesyorkan apa-apa perubahan mengenainya sebagaimana yang difikirkannya perlu supaya dipatuhi peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas”.
- c. Akta 26/1963, subseksyen 10(2), berkuat kuasa dari 16-09-1963, meninggalkan perkataan “Selepas menyempadankan bahagian-bahagian pilihan raya yang pertama mengikut Perkara 171” yang ketika itu terdapat di permulaan Fasal.
- d. Fasal yang ada sekarang digantikan oleh Akta A585, perenggan 25(a), berkuat kuasa dari 14-04-1984, dan menggantikan Fasal yang dahulu yang berbunyi seperti yang berikut:

“(2) Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah, pada lat tempoh yang tidak melebihi sepuluh tahun dan juga, tertakluk kepada Fasal (3), tidak kurang daripada lapan tahun, mengkaji semula pembahagian Persekutuan dan Negeri-Negeri kepada bahagian-bahagian pilihan raya dan mengesyorkan apa-apa perubahan mengenainya yang difikirkannya perlu supaya dipatuhi peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas: dan kajian semula bahagian-bahagian pilihan raya bagi maksud pilihan raya ke Dewan-Dewan Undangan hendaklah dijalankan pada masa yang sama dengan kajian semula bahagian-bahagian pilihan raya bagi maksud pilihan raya ke Dewan Rakyat.”.
- e. *Lihat* Jadual Ketiga Belas, seksyen 4.

Fasal (3)

Perkataan “atau 46” yang terdapat selepas “Perkara 2” dipotong oleh Akta 14/1962, seksyen 32, berkuat kuasa dari 21-06-1962.

Fasal (3A)

- a. Ditambahkan oleh Akta A585, perenggan 25(b), berkuat kuasa dari 14-04-1984.
- b. Perkataan “, tertakluk kepada Fasal (3B),” dimasukkan dalam perenggan (3A)(i), oleh Akta A849, perenggan 2(a), berkuat kuasa dari 20-11-1992.

(iii) Kajian semula di bawah perenggan (i) hendaklah disiapkan dalam tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh bermulanya kajian semula itu.

(3) Jika Suruhanjaya Pilihan Raya berpendapat bahawa berikutan dengan suatu undang-undang yang dibuat di bawah Perkara 2 kajian-kajian semula yang disebut dalam Fasal (2) perlu dijalankan, maka Suruhanjaya itu hendaklah berbuat sedemikian sama ada atau tidak lapan tahun telah berlalu semenjak kajian semula yang terakhir dijalankan di bawah Fasal itu.

(3A) (i) Jika bilangan ahli dipilih bagi Dewan Rakyat diubah berikutan dengan apa-apa pindaan kepada Perkara 46, atau bilangan ahli dipilih bagi Dewan Undangan sesuatu Negeri diubah berikutan dengan suatu undang-undang yang diperbuat oleh Badan Perundangan sesuatu Negeri, Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah, tertakluk kepada Fasal (3B), menjalankan kajian semula pembahagian kawasan yang tersentuh dengan perubahan itu kepada bahagian-bahagian pilihan raya persekutuan atau Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan kajian semula itu hendaklah disiapkan dalam tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh permulaan kuat kuasa undang-undang yang membuat perubahan itu.

(ii) Kajian semula di bawah perenggan (i) tidaklah menyentuh lat tempoh yang diperuntukkan di bawah perenggan (ii) Fasal (2) berkenaan dengan kajian semula di bawah perenggan (i) Fasal itu.

(iii) Peruntukan Jadual Ketiga Belas hendaklah terpakai bagi kajian semula di bawah Fasal ini, tetapi tertakluk kepada apa-apa ubah suaian yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.

(3B) Jika sesuatu pindaan kepada Perkara 46 atau suatu undang-undang yang diperbuat oleh Dewan Undangan sesuatu Negeri yang disebut dalam perenggan (i) Fasal (3A) mula berkuat kuasa selepas lapan tahun berlalu dari tarikh siapnya kajian semula yang terakhir di bawah Fasal (2) dan Suruhanjaya Pilihan Raya berpendapat bahawa perlu dijalankan suatu kajian semula di bawah Fasal (2), maka Suruhanjaya Pilihan Raya tidak boleh menjalankan kajian semula di bawah perenggan (i) Fasal (3A) tetapi sebaliknya hendaklah menjalankan kajian semula di bawah Fasal (2) dan dalam mengendalikan kajian semula sedemikian hendaklah mengambil kira mana-mana kawasan yang tersentuh berikutan dengan pindaan atau undang-undang yang disebut dalam perenggan (i) Fasal (3A).

(4) Undang-undang persekutuan atau Negeri boleh memberi kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya untuk menjalankan pilihan raya selain pilihan raya yang disebut dalam Fasal (1).

(5) Setakat yang perlu bagi maksud fungsinya di bawah Perkara ini, Suruhanjaya Pilihan Raya boleh membuat kaedah-kaedah, tetapi mana-mana kaedah yang sedemikian hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada peruntukan undang-undang persekutuan.

(6) Kajian semula yang berasingan di bawah Fasal (2) hendaklah dijalankan bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan bagi tiap-tiap satu daripada Negeri Sabah dan Sarawak, dan bagi maksud Bahagian ini ungkapan “unit kajian semula” ertinya, bagi bahagian-bahagian pilihan raya persekutuan, kawasan yang sedang dikaji semula dan, bagi bahagian-bahagian pilihan raya Negeri, ertinya Negeri itu, dan ungkapan “Negeri-Negeri Tanah Melayu” termasuklah Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

(7) Tertakluk kepada Fasal (3), tempoh bagi kajian-kajian semula kali pertama di bawah Fasal (2) bagi mana-mana unit kajian semula hendaklah dihitung mulai dari penyempadanan kali pertama bahagian-bahagian pilihan raya bagi unit itu di bawah Perlembagaan ini atau di bawah Akta Malaysia [*Akta 26 tahun 1963*].

(8) Walau apa pun Fasal (7) Perkara ini tempoh bagi kajian-kajian semula di bawah Fasal (2) bagi unit kajian semula bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu yang dijalankan selepas lulusnya Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973 hendaklah dihitung mulai dari penyempadanan kali pertama bahagian-bahagian pilihan raya bagi unit itu sebaik selepas lulusnya Akta itu.

(9) Tarikh bermulanya sesuatu kajian semula di bawah Fasal (2) atau Fasal (3A), mengikut mana-mana yang berkenaan, ialah tarikh tersiarnya notis yang disebut dalam seksyen 4 Jadual Ketiga Belas dalam *Warta*.

(10) Tarikh siapnya sesuatu kajian semula di bawah Fasal (2) atau Fasal (3A), mengikut mana-mana yang berkenaan, ialah tarikh laporan dikemukakan kepada Perdana Menteri di bawah seksyen 8 Jadual Ketiga Belas, dan notis mengenai tarikh itu hendaklah disiarkan dalam *Warta* oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 113—(samb.)

Fasal (3B): Ditambahkan oleh Akta A849, perenggan 2(b), berkuat kuasa dari 20-11-1992.

Fasal (4)

- a. Fasal yang ada sekarang dimasukkan oleh Akta 14/1962, seksyen 32, berkuat kuasa dari 21-06-1962 dan menggantikan Fasal asal yang berbunyi seperti yang berikut:

“(4) Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah juga menjalankan pemilihan bagi majlis perbandaran ibu kota persekutuan, dan undang-undang Negeri boleh memberi kuasa Suruhanjaya untuk menjalankan apa-apa pilihan raya yang lain.”.
- b. *Lihat* Akta Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1960 [*Akta 473*].

Fasal (5)

Lihat Kaedah-Kaedah Perlembagaan (Suruhanjaya Pilihan Raya) 1960—P.U. 110/1960.

Fasal (6)

- a. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 10(2), berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. Perkataan “dan” yang terdapat selepas “Negeri-Negeri Tanah Melayu” dimasukkan dan perkataan “dan bagi Negeri Singapura” yang terdapat selepas “Negeri-Negeri Borneo” dipotong oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965.
- c. Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- d. Perkataan “, dan ungkapan “Negeri-Negeri Tanah Melayu” hendaklah termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan” dimasukkan oleh Akta A585, subseksyen 15(1), berkuat kuasa dari 16-04-1984.
- e. Kemudiannya pula, perkataan “Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan” digantikan dengan “Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya” oleh Akta A1095, subseksyen 19(1), berkuat kuasa dari 01-02-2001.

Catatan:

1. Apabila Akta A1095 mula berkuat kuasa, kawasan yang menjadi Wilayah Persekutuan Putrajaya tidak lagi menjadi sebahagian daripada bahagian pilihan raya Negeri, tetapi sehingga pembubaran Dewan Undangan Negeri Selangor yang berikutnya selepas permulaan kuat kuasa Akta ini, ahli Dewan Undangan itu yang dilantik dari bahagian pilihan raya itu hendaklah, walaupun kawasan itu telah dikeluarkan dari bahagian pilihan raya itu, terus menjadi ahli Dewan Undangan itu.
2. Sehingga pembubaran Parlimen yang berikutnya selepas permulaan kuat kuasa Akta A1095, bahagian pilihan raya persekutuan yang di dalamnya termasuk kawasan yang menjadi Wilayah Persekutuan Putrajaya hendaklah terus wujud dan ahli yang dipilih dari bahagian pilihan raya itu hendaklah terus menjadi ahli Parlimen.

Fasal (7): Ditambahkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 10(2), berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Fasal (8): Dimasukkan oleh Akta A206, seksyen 13, berkuat kuasa dari 23-08-1973.

Fasal (9) & (10): Dimasukkan oleh Akta A585, perenggan 25(c), berkuat kuasa dari 14-04-1984.

Catatan:

1. Sebaik sahaja mula berkuat kuasanya Akta A585 iaitu berkuat kuasa dari 16-04-1984 kawasan yang menjadi Wilayah Persekutuan Labuan hendaklah terhenti menjadi sebahagian daripada suatu bahagian pilihan raya Negeri.
2. Sehingga terbubaranya Dewan Undangan Negeri Sabah yang berikutnya selepas permulaan kuat kuasanya Akta A585, ahli Dewan tersebut yang dipilih dari bahagian pilihan raya itu hendaklah, walaupun kawasan tersebut tidak termasuk di dalam bahagian pilihan raya tersebut, terus menjadi ahli Dewan tersebut.

Keanggotaan Suruhanjaya Pilihan Raya

114. (1) Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja, dan hendaklah terdiri daripada seorang pengerusi, seorang timbalan pengerusi dan lima orang anggota lain.

(2) Pada melantik anggota-anggota Suruhanjaya Pilihan Raya, Yang di-Pertuan Agong hendaklah mengambil perhatian tentang peri mustahaknya diadakan suatu Suruhanjaya Pilihan Raya yang mendapat kepercayaan awam.

(3) Seseorang anggota Suruhanjaya Pilihan Raya terhenti daripada memegang jawatan apabila mencapai umur enam puluh enam tahun atau apabila hilang kelayakan di bawah Fasal (4) dan boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui surat yang ditandatangani sendiri olehnya yang ditujukan kepada Yang di-Pertuan Agong, tetapi tidaklah boleh dipecat daripada jawatan kecuali atas alasan dan mengikut cara yang sama seperti seorang hakim Mahkamah Persekutuan.

(4) Walau apa pun apa-apa jua dalam Fasal (3), Yang di-Pertuan Agong hendaklah melalui perintah memecat daripada jawatan mana-mana anggota Suruhanjaya Pilihan Raya jika anggota itu—

- (a) seorang bankrap belum lepas; atau
- (b) melibatkan diri dalam apa-apa jawatan atau pekerjaan berbayar di luar tugas jawatannya; atau
- (c) ahli mana-mana satu Majlis Parlimen atau Dewan Undangan sesuatu Negeri.

(4A) Sebagai tambahan kepada apa-apa kehilangan kelayakan yang diperuntukkan di bawah Fasal (4), pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya hilang kelayakan untuk memegang jawatan itu jika selepas tiga bulan dari pelantikannya ke jawatan itu atau pada bila-bila masa selepas itu dia ialah atau menjadi anggota mana-mana lembaga pengarah atau lembaga pengurusan, atau pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal ehwal atau urusan, mana-mana organisasi atau badan, sama ada diperbadankan atau selainnya, atau mana-mana pengusahaan komersial, perindustrian atau pengusahaan lain, sama ada atau tidak dia menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya:

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 113—(samb.)

Berkenaan dengan pembubaran Dewan Undangan Negeri Sabah—Lihat P.W. Sabah No. 141/1985.

3. Sehingga terbubarnya Parlimen yang berikutnya selepas permulaan kuat kuasa Akta itu, bahagian pilihan raya persekutuan yang termasuk kawasan yang menjadi Wilayah Persekutuan Labuan itu hendaklah terus wujud dan ahli yang dipilih dari bahagian pilihan raya tersebut hendaklah terus menjadi ahli Parlimen.

Per. 114

Fasal (1)

- a. Perkataan “tiga orang anggota lain” menggantikan “dua orang anggota lain” oleh Akta 26/1963, subseksyen 10(1), berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. Kemudiannya pula, perkataan “lima” menggantikan “tiga” oleh Akta A1130, seksyen 8, berkuat kuasa dari 28-09-2001.
- c. Perkataan “, seorang timbalan pengerusi” dimasukkan selepas perkataan “pengerusi” oleh Akta A514, perenggan 8(a), berkuat kuasa dari 15-05-1981.

Fasal (3)

- a. Perkataan “Mahkamah Persekutuan” menggantikan “Mahkamah Besar” oleh Akta 26/1963, subseksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. Kemudiannya pula, subseksyen 18(2), Akta A566, berkuat kuasa dari 01-01-1985, memperuntukkan bahawa sebutan mengenai Mahkamah Persekutuan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Mahkamah Agung.
- c. Akta A885, seksyen 12, berkuat kuasa dari 24-06-1994, menggantikan perkataan “Agung” dengan perkataan “Persekutuan”.

Fasal (4)

- a. Fasal yang ada sekarang dimasukkan oleh Akta 10/1960, seksyen 13, berkuat kuasa dari 31-08-1957, dan menggantikan Fasal asal yang berbunyi seperti yang berikut:

“(4) Seseorang ahli hilang kelayakan untuk dilantik sebagai seorang anggota Suruhanjaya Pilihan Raya jika dia memegang apa-apa jawatan berpendapatan yang lain atau ialah seorang ahli mana-mana Majlis Parlimen atau Dewan Undangan mana-mana Negeri.”.
- b. Pindaan kepada Perkara 114 oleh Akta 10/1960 berkuat kuasa walau apa pun apa-apa jua dalam Fasal (6) Perkara itu—*Lihat* Akta 14/1962, subseksyen 21(2).
- c. Perkataan “boleh” digantikan dengan “hendaklah” oleh Akta A514, perenggan 8(b), berkuat kuasa dari 15-05-1981.

Fasal (4)(b)

- a. Akta A514, perenggan 8(c), berkuat kuasa dari 15-05-1981, menggantikan perenggan yang dahulu yang berbunyi seperti yang berikut:

“(b) terlibat dalam apa-apa jawatan atau pekerjaan bergaji di luar jawatannya; atau”

dengan yang berikut:

“(b) adalah atau menjadi seorang ahli mana-mana lembaga pengarah atau lembaga pengurusan, atau seorang pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal ehwal atau urusan, sesuatu pertubuhan atau badan, sama ada diperbadankan atau sebaliknya, atau sesuatu pengusahaan perdagangan, perindustrian atau lain-lain pengusahaan, sama ada ia menerima atau mendapat atau tidak apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya; atau”.
- b. Perenggan ini digantikan sekali lagi dengan perenggan yang ada sekarang menurut kuasa Akta A566, perenggan 14(1)(a), berkuat kuasa dari 16-12-1983.

Dengan syarat bahawa kehilangan kelayakan itu tidaklah terpakai jika organisasi atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagiannya, atau apa-apa kerja atau tujuan lain yang bersifat khairat atau sosial, dan anggota itu tidak menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya.

(5) Parlimen hendaklah melalui undang-undang membuat peruntukan bagi saraan anggota-anggota Suruhanjaya Pilihan Raya, dan saraan yang diperuntukkan sedemikian hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan.

(5A) Tertakluk kepada peruntukan Perkara ini, Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan bagi terma-terma jawatan anggota-anggota Suruhanjaya Pilihan Raya selain saraan mereka.

(6) Saraan dan terma-terma lain jawatan bagi seseorang anggota Suruhanjaya Pilihan Raya tidaklah boleh, selepas pelantikannya, diubah menjadi kurang baik baginya.

(7) Jika, dalam apa-apa tempoh, pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya telah diberi kebenaran bercuti oleh Yang di-Pertuan Agong atau tidak dapat menunaikan fungsinya kerana dia tidak ada di dalam Persekutuan, sakit atau apa-apa sebab lain, maka timbalan pengerusi hendaklah menunaikan fungsi pengerusi selama tempoh itu, dan jika timbalan pengerusi juga tidak ada atau tidak dapat menunaikan fungsi itu, maka seorang anggota Suruhanjaya Pilihan Raya boleh dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk menunaikan fungsi pengerusi selama tempoh itu.

Bantuan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya

115. (1) Suruhanjaya Pilihan Raya boleh mengambil kerja apa-apa bilangan orang, mengikut apa-apa terma dan tertakluk kepada apa-apa syarat, yang ditentukan olehnya dengan persetujuan Yang di-Pertuan Agong.

(2) Apabila diminta oleh Suruhanjaya, semua pihak berkuasa awam hendaklah memberikan apa-apa bantuan sebagaimana yang dapat dilaksanakan kepada Suruhanjaya dalam menunaikan tugas-tugasnya; dan pada menjalankan fungsinya bagi membuat syor-syor bagi menyempadankan bahagian-bahagian pilihan raya bagi pilihan raya yang disebut dalam Fasal (1) Perkara 113,

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 114—(*samb.*)

Fasal (4A)

- a. Fasal yang ada sekarang digantikan oleh Akta A566, perenggan 14(1)(b), berkuat kuasa dari 16-02-1983. Fasal yang dahulu dimasukkan oleh Akta A514, perenggan 8(d), berkuat kuasa dari 15-05-1981 dan berbunyi seperti yang berikut:

“(4A) Hilang kelayakan dalam perenggan (b) Fasal (4) tidak boleh dipakai jika pertubuhan atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagiannya, atau apa-apa kerja atau tujuan lain yang berupa khairat atau sosial, dan ahli itu tidak menerima atau mendapat apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah.”

- b. *Lihat* Akta Suruhanjaya Pilihan Raya 1957 [Akta 31].

Fasal (5): Lihat Akta Suruhanjaya Pilihan Raya 1957 [Akta 31].

Fasal (5A)

- a. Ditambahkan oleh Akta 14/1962, subseksyen 21(1), berkuat kuasa dari 21-06-1962.
- b. *Lihat* Akta Suruhanjaya Pilihan Raya 1957 [Akta 31].

Fasal (7)

- a. Ditambahkan oleh Akta A354, seksyen 25, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- b. Perkataan “maka timbalan pengerusi hendaklah menunaikan fungsi pengerusi selama tempoh itu, dan jika timbalan pengerusi juga tidak ada atau tidak dapat menunaikan fungsi itu” dimasukkan oleh Akta A514, perenggan 8(e), berkuat kuasa dari 15-05-1981.

Catatan:

Pindaan yang dibuat kepada perkara 114 oleh Akta A566 terpakai hanya bagi seseorang yang dilantik menjadi anggota Suruhanjaya Pilihan Raya pada atau selepas 16-12-1983.

Per. 115

Fasal (2)

- a. Perkataan “menyempadankan bahagian-bahagian pilihan raya” digantikan dengan “membuat syor untuk menyempadankan bahagian-bahagian pilihan raya” oleh Akta 14/1962, seksyen 32, berkuat kuasa dari 21-06-1962.
- b. Perkataan “Persekutuan yang” digantikan dengan “unit kajian semula bagi pilihan raya persekutuan, dan pegawai-pegawai itu” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Suruhanjaya hendaklah meminta nasihat daripada dua orang pegawai Kerajaan Persekutuan yang mempunyai pengetahuan khas mengenai topografi dan taburan penduduk dalam unit kajian semula bagi pilihan raya persekutuan, dan pegawai-pegawai itu hendaklah dipilih bagi maksud itu oleh Yang di-Pertuan Agong.

Bahagian pilihan raya persekutuan

116. (1) Bagi pemilihan ahli-ahli ke Dewan Rakyat, sesuatu unit kajian semula hendaklah dibahagikan kepada bahagian-bahagian pilihan raya mengikut peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas.

(2) Jumlah bilangan bahagian pilihan raya hendaklah sama dengan bilangan ahli supaya seorang ahli dipilih bagi setiap bahagian pilihan raya, dan daripada jumlah bilangan bahagian pilihan raya di dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu itu suatu bilangan yang ditentukan mengikut peruntukan yang terkandung dalam Perkara 46 dan Jadual Ketiga Belas hendaklah diuntukkan bagi setiap Negeri.

(3) *(Dimansuhkan).*

(4) *(Dimansuhkan).*

(5) *(Dimansuhkan).*

Bahagian pilihan raya Negeri

117. Bagi pemilihan ahli-ahli ke Dewan Undangan sesuatu Negeri, Negeri itu hendaklah dibahagikan kepada seberapa banyak bahagian pilihan raya mengikut bilangan ahli yang dipilih supaya seorang ahli dipilih bagi setiap bahagian pilihan raya; dan pembahagian itu hendaklah dibuat mengikut peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas.

Cara mencabar pemilihan

118. Tiada pemilihan ke Dewan Rakyat atau ke Dewan Undangan sesuatu Negeri boleh dipersoalkan kecuali melalui petisyen pilihan raya yang dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi yang mempunyai bidang kuasa di tempat pilihan raya itu diadakan.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 116

Lihat Jadual Kelapan subseksyen 4(2) & Jadual Ketiga Belas, seksyen 2.

Fasal (1)

- a. Perkataan “peruntukan yang berikut dalam Perkara ini” digantikan dengan “peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas” oleh Akta 14/1962, perenggan 22(a), berkuat kuasa dari 21-06-1962.
- b. Perkataan “Persekutuan” digantikan dengan “sesuatu unit kajian semula” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Fasal (2)

- a. Perkataan “Fasal (3)” digantikan dengan “peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas” oleh Akta 14/1962, perenggan 22(b), berkuat kuasa dari 21-06-1962.
- b. Perkataan “di dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu” dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- c. Perkataan “Jadual Ketiga Belas” digantikan dengan “Perkara 46 dan Jadual Ketiga Belas” oleh Akta A206, seksyen 14, berkuat kuasa dari 23-08-1973.

Fasal (3), (4) & (5)

Fasal ini dimansuhkan oleh Akta 14/1962, perenggan 22(c), berkuat kuasa dari 21-06-1962 dan berbunyi seperti yang berikut:

“(3) Bahagian-bahagian pilihan raya hendaklah diuntukkan kepada beberapa Negeri mengikut apa-apa cara supaya kuota pemilih bagi setiap Negeri adalah dengan seboleh-bolehnya hampir sama dengan kuota pemilih bagi Persekutuan tanpa menyebabkan berlakunya ketidaksamaan yang tidak wajar antara kuota penduduk Negeri itu dengan kuota penduduk Persekutuan.

(4) Setiap Negeri hendaklah dibahagikan kepada bahagian-bahagian pilihan raya mengikut apa-apa cara supaya setiap bahagian pilihan raya itu mengandungi sebilangan pemilih yang hampir sama dengan kuota pemilih Negeri dengan membuat perhitungan yang wajar tentang pembahagian kaum yang berlainan dan perbezaan kepadatan penduduk dan cara perhubungan; tetapi perhitungan yang dibuat sedemikian tidak boleh menambah atau mengurangkan bilangan pemilih di dalam mana-mana bahagian pilihan raya kepada bilangan yang berbeza daripada kuota pemilih sebanyak lebih daripada lima belas peratus.

(5) Dalam Perkara ini—

- (a) “kuota pemilih” ertinya bilangan yang didapati dengan membahagikan bilangan pemilih di dalam Persekutuan atau sesuatu Negeri dengan jumlah bilangan bahagian pilihan raya atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, bilangan pilihan raya Negeri itu;
- (b) “kuota penduduk” ertinya bilangan yang didapati dengan membahagikan bilangan penduduk Persekutuan atau sesuatu Negeri dengan jumlah bilangan bahagian pilihan raya atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, bilangan bahagian pilihan raya Negeri itu;

dan bagi maksud Perkara ini bilangan pemilih hendaklah dianggapkan sebagaimana yang ditunjukkan dalam daftar pemilih semasa dan bilangan penduduk sebagaimana yang dikira dalam bancian penduduk yang terbaru sekali.”.

Per. 117

1. Perkataan “mengikut peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas” menggantikan perkataan “mengikut cara yang diperuntukan oleh Fasal (4) Perkara 116” oleh Akta 14/1962, seksyen 32, berkuat kuasa dari 21-06-1962.

2. Lihat Jadual Ketiga Belas, seksyen 2.

Per. 118

1. Perkataan “mana-mana Majlis Parlimen” digantikan dengan “Dewan Rakyat” oleh Akta 25/1963, subseksyen 3(2), berkuat kuasa dari 29-08-1963.

2. Perkataan “seorang hakim Mahkamah Besar” digantikan dengan “Mahkamah Tinggi yang mempunyai bidang kuasa di tempat pilihan raya itu diadakan” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

3. Lihat Per. 120(c).

Cara mempersoalkan petisyen pilihan raya mengenai tidak adanya pemilihan

118A. Sesuatu petisyen yang mengadukan hal bahawa tiada apa-apa pemilihan telah dibuat ke Dewan Rakyat atau Dewan Undangan hendaklah disifatkan sebagai suatu petisyen pilihan raya dan Mahkamah Tinggi boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut mengenainya untuk memaksa suatu pemilihan dibuat tetapi kegagalan membuat pemilihan dalam mana-mana tempoh yang dinyatakan oleh Perkara 54 atau 55 atau oleh peruntukan yang bersamaan dalam Perlembagaan mana-mana Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidaklah menjadi suatu alasan bagi mengisytiharkan bahawa seseorang ahli telah tidak dipilih dengan sewajarnya.

Kelayakan pemilih

119. (1) Tiap-tiap warganegara yang—

- (a) telah mencapai umur dua puluh satu tahun pada tarikh kelayakan;
- (b) bermastautin di dalam sesuatu bahagian pilihan raya pada tarikh kelayakan yang sedemikian atau, jika tidak bermastautin sedemikian, ialah seorang pengundi tidak hadir; dan
- (c) didaftarkan, di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pilihan raya, dalam daftar pemilih sebagai pemilih dalam bahagian pilihan raya tempat dia bermastautin pada tarikh kelayakan,

berhak mengundi di dalam bahagian pilihan raya itu dalam mana-mana pilihan raya ke Dewan Rakyat atau Dewan Undangan melainkan jika dia hilang kelayakan di bawah Fasal (3) atau di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan kesalahan yang dilakukan berkaitan dengan pilihan raya; tetapi tiada seorang pun boleh mengundi dalam pilihan raya yang sama di dalam lebih daripada satu bahagian pilihan raya.

(2) Jika seseorang berada di dalam sesuatu bahagian pilihan raya semata-mata oleh sebab dia ialah seorang pesakit di suatu institusi yang disenggarakan keseluruhannya atau terutamanya untuk menerima dan merawat orang yang mengidap penyakit mental atau kecacatan mental atau semata-mata oleh sebab dia ditahan dalam jagaan, maka dia hendaklah bagi maksud Fasal (1) disifatkan tidak bermastautin di dalam bahagian pilihan raya itu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 118A

1. Ditambahkan oleh Akta 31/1965, subseksyen 2(2), berkuat kuasa dari 01-07-1965.
2. *Lihat* Per. 120(c).
3. Perkataan “atau Dewan Undangan” dimasukkan oleh Akta A704, perenggan 7(a), berkuat kuasa dari 10-06-1988.
4. Perkataan “atau oleh peruntukan yang bersamaan dalam Perlembagaan mana-mana Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan,” dimasukkan oleh Akta A704, perenggan 7(b), berkuat kuasa dari 10-06-1988.

Per. 119

Fasal (1)

- a. Fasal ini digantikan oleh Akta 10/1960, perenggan 14(a), berkuat kuasa dari 31-05-1960, dan menggantikan Fasal asal yang berbunyi seperti yang berikut:

“(1) Tiap-tiap warganegara yang telah mencapai umur dua puluh satu tahun pada tarikh kelayakan dan telah bermastautin di dalam sesuatu bahagian pilihan raya selama sekurang-kurangnya enam bulan sebaik sebelum tarikh kelayakan berhak untuk mengundi di dalam bahagian pilihan raya itu dalam mana-mana pilihan raya ke Dewan Rakyat atau Dewan Undangan melainkan jika dia hilang kelayakan di bawah Fasal (3) atau di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan berkaitan dengan pilihan raya, tetapi tiada seorang pun boleh mengundi dalam pilihan raya yang sama di dalam lebih daripada satu bahagian pilihan raya.”
- b. Fasal ini dipinda oleh Akta A1130, seksyen 9, berkuat kuasa dari 28-09-2001, seperti yang berikut:
 - (a) dalam perenggan (a), perkataan “dan” di akhir perenggan itu dipotong;
 - (b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan koma di akhir perenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan
 - (c) perenggan baru (c) dimasukkan, seperti yang berikut:

“(c) didaftarkan, di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pilihan raya, dalam daftar pemilih sebagai pemilih dalam bahagian pilihan raya tempat dia bermastautin pada tarikh kelayakan.”
- c. *Lihat* Per. 120(c).

(3) Seseorang hilang kelayakan untuk menjadi pemilih dalam mana-mana pilihan raya ke Dewan Rakyat atau Dewan Undangan jika—

- (a) pada tarikh kelayakan dia ditahan sebagai orang yang tidak sempurna akal atau sedang menjalani hukuman pemenjaraan; atau
- (b) sebelum tarikh kelayakan dia telah disabitkan atas suatu kesalahan di dalam mana-mana bahagian Komanwel dan dihukum dengan hukuman mati atau pemenjaraan selama tempoh melebihi dua belas bulan dan pada tarikh kelayakan itu dia masih kena menjalani apa-apa hukuman bagi kesalahan itu.

(4) Dalam perkara ini—

- (a) “pengundi tidak hadir” ertinya, berhubung dengan mana-mana bahagian pilihan raya, mana-mana warganegara yang berdaftar sebagai pengundi tidak hadir berkenaan dengan bahagian pilihan raya itu;
- (b) “tarikh kelayakan” ertinya tarikh seseorang memohon supaya didaftarkan sebagai pemilih dalam sesuatu bahagian pilihan raya, atau tarikh dia memohon untuk menukar pendaftarannya sebagai pemilih dalam suatu bahagian pilihan raya yang lain,

mengikut peruntukan mana-mana undang-undang yang berhubung dengan pilihan raya.

Pemilihan terus ke Dewan Negara

120. Jika mengikut Fasal (4) Perkara 45 peruntukan dibuat oleh Parlimen bagi pemilihan ahli-ahli Dewan Negara dengan cara undi terus oleh pemilih-pemilih, maka—

- (a) keseluruhan sesuatu Negeri hendaklah menjadi satu bahagian pilihan raya dan dalam mana-mana pilihan raya ke Dewan Negara setiap pemilih hendaklah mempunyai undi sebanyak bilangan kerusi yang hendak diisi dalam pilihan raya itu; dan
- (b) daftar-daftar pemilih bagi pilihan raya ke Dewan Rakyat hendaklah juga menjadi daftar-daftar pemilih bagi pilihan raya ke Dewan Negara; dan

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 119—(*samb.*)

Fasal (4)

- a. Perkataan ‘, dan “pengundi tidak hadir” berhubung dengan mana-mana bahagian pilihan raya ertinya mana-mana warganegara yang didaftarkan sebagai seorang pengundi tidak hadir berkenaan dengan bahagian pilihan raya itu di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berhubung dengan pilihan raya’ ditambahkan oleh Akta 10/1960, perenggan 14(*b*), berkuat kuasa dari 31-05-1960.
- b. Kemudiannya pula, Fasal ini digantikan oleh Akta A1130, perenggan 9(*b*), berkuat kuasa dari 28-09-2001. Fasal yang dahulu berbunyi seperti yang berikut:

“(4) Dalam Perkara ini “tarikh kelayakan” ertinya tarikh yang menurutnya daftar-daftar pemilih disediakan atau disemak, dan “pengundi tidak hadir”, berhubung dengan mana-mana bahagian pilihan raya, ertinya mana-mana warganegara yang didaftarkan sebagai pengundi tidak hadir berkenaan dengan bahagian pilihan raya itu di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berhubung dengan pilihan raya.”.

Per. 120(c)

Perkataan “Perkara 118 dan 119” digantikan dengan “Perkara 118, 118A dan 119” oleh Akta 31/1965, subseksyen 2(2), berkuat kuasa dari 01-07-1965.

- (c) Perkara 118, 118A dan 119 hendaklah terpakai berhubung dengan pilihan raya ke Dewan Negara sebagaimana Perkara-Perkara itu terpakai berhubung dengan pilihan raya ke Dewan Rakyat.

BAHAGIAN IX

BADAN KEHAKIMAN

Kuasa kehakiman Persekutuan

121. (1) Maka hendaklah ada dua Mahkamah Tinggi yang setara bidang kuasa dan tarafnya, iaitu—

- (a) satu di Negeri-Negeri Tanah Melayu, yang dikenali sebagai Mahkamah Tinggi di Malaya dan yang mempunyai pejabat pendaftarannya yang utama di mana-mana tempat di Negeri-Negeri Tanah Melayu yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong; dan
- (b) satu di Negeri Sabah dan Sarawak, yang dikenali sebagai Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak dan yang mempunyai pejabat pendaftarannya yang utama di mana-mana tempat di Negeri Sabah dan Sarawak yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong;
- (c) (*Dimansuhkan*),

dan mana-mana mahkamah bawahan yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan; dan Mahkamah-Mahkamah Tinggi dan mahkamah-mahkamah bawahan itu hendaklah mempunyai apa-apa bidang kuasa dan kuasa yang diberikan oleh atau di bawah undang-undang persekutuan.

(1A) Mahkamah-mahkamah yang disebut dalam Fasal (1) tidaklah mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa mahkamah Syariah.

(1B) Maka hendaklah ada suatu mahkamah yang dikenali sebagai Mahkamah Rayuan dan yang mempunyai pejabat pendaftarannya yang utama di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong, dan Mahkamah Rayuan hendaklah mempunyai bidang kuasa yang berikut, iaitu—

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 121

Perkara yang ada sekarang dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 13, berkuat kuasa dari 16-09-1963 dan menggantikan Perkara asal yang berbunyi seperti yang berikut:

“121. Kuasa kehakiman bagi Persekutuan hendaklah terletak hak pada Mahkamah Besar dan mana-mana Mahkamah bawahan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan.”.

Fasal (1)

a. Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965, menggantikan perkataan “tiga Mahkamah Tinggi” dengan “dua Mahkamah Tinggi” dan memansuhkan perenggan (c) Fasal (1) yang berbunyi seperti yang berikut:

“(c) satu di Negeri Singapura, yang dikenali sebagai Mahkamah Tinggi di Singapura;”.

b. Perkataan “Tertakluk kepada Fasal (2) kuasa kehakiman bagi Persekutuan adalah terletak pada” digantikan dengan perkataan “Maka hendaklah ada” oleh Akta A704, perenggan 8(a), berkuat kuasa dari 10-06-1988.

c. Perkataan “dan juga pada mana-mana mahkamah bawahan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan” digantikan dengan “dan mana-mana mahkamah bawahan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan; dan Mahkamah-Mahkamah Tinggi dan mahkamah-mahkamah bawahan hendaklah mempunyai apa-apa bidang kuasa dan kuasa sebagaimana yang diberikan oleh atau di bawah undang-undang persekutuan” oleh Akta A704, perenggan 8(b), berkuat kuasa dari 10-06-1988.

d. Perkataan “Borneo” digantikan dengan “Sabah dan Sarawak” oleh Akta A885, perenggan 13(a), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Fasal (1)(a)

Perkataan “Kuala Lumpur” digantikan dengan perkataan “mana-mana tempat di Negeri-Negeri Tanah Melayu yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong” oleh Akta A1260, perenggan 3(a), berkuat kuasa dari 19-01-2006.

Fasal (1)(b)

Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (1A): Ditambahkan oleh Akta A704, perenggan 8(c), berkuat kuasa dari 10-06-1988.

Fasal (1B)

a. Ditambahkan oleh Akta A885, perenggan 13(b), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

b. Perkataan “Kuala Lumpur” digantikan dengan “mana-mana tempat yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong” oleh Akta A1260, perenggan 3(b), berkuat kuasa dari 10-10-2003.

- (a) bidang kuasa untuk memutuskan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi atau seseorang hakimnya (kecuali keputusan Mahkamah Tinggi yang diberikan oleh pendaftar atau pegawai lain Mahkamah itu dan yang boleh dirayukan kepada seorang hakim Mahkamah itu di bawah undang-undang persekutuan); dan
- (b) apa-apa bidang kuasa lain yang diberikan oleh atau di bawah undang-undang persekutuan.

(2) Maka hendaklah ada suatu mahkamah yang dikenali sebagai Mahkamah Persekutuan dan yang mempunyai pejabat pendaftarannya yang utama di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong, dan Mahkamah Persekutuan hendaklah mempunyai bidang kuasa yang berikut, iaitu—

- (a) bidang kuasa untuk memutuskan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi atau seseorang hakimnya;
- (b) apa-apa bidang kuasa asal atau runding yang dinyatakan dalam Perkara 128 dan 130; dan
- (c) apa-apa bidang kuasa lain yang diberikan oleh atau di bawah undang-undang persekutuan.

(3) Tertakluk kepada apa-apa batasan yang dikenakan oleh atau di bawah undang-undang persekutuan, apa-apa perintah, dekri, penghakiman atau proses mahkamah-mahkamah yang disebut dalam Fasal (1) atau mana-mana hakimnya hendaklah (setakat yang dibenarkan oleh keadaannya) berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya mengikut maksudnya di seluruh Persekutuan, dan boleh dilaksanakan atau dikuatkuasakan di mana-mana bahagian Persekutuan dengan sewajarnya; dan undang-undang persekutuan boleh membuat peruntukan supaya mahkamah-mahkamah di satu bahagian Persekutuan atau pegawai-pegawainya bertindak membantu mahkamah-mahkamah di suatu bahagian lain.

(4) Pada menentukan tempat pejabat pendaftaran utama bagi Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak atas nasihat Perdana Menteri yang hendaklah berunding dengan Ketua-Ketua Menteri bagi Negeri Sabah dan Sarawak dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi itu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 121—(*samb.*)

Fasal (2)

- a. Perkataan “Mahkamah Persekutuan” digantikan dengan “Mahkamah Agung (Supreme Court)” oleh Akta A566, perenggan 15(a), berkuat kuasa dari 01-01-1985.
- b. Perenggan (c) dimasukkan oleh Akta A566, perenggan 15(b), berkuat kuasa dari 01-01-1985.
- c. Perkataan “Bidang kuasa yang berikut adalah terletak hak pada” digantikan dengan perkataan “Maka hendaklah ada” oleh Akta A704, perenggan 8(d), berkuat kuasa dari 10-06-1988.
- d. Perkataan “dan Mahkamah Agung hendaklah mempunyai bidang kuasa yang berikut” dimasukkan selepas perkataan “Kuala Lumpur” oleh Akta A704, perenggan 8(e), berkuat kuasa dari 10-06-1988.
- e. Perkataan “Kuala Lumpur” digantikan dengan “mana-mana tempat yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong” oleh Akta A1260, perenggan 3(b), berkuat kuasa dari 10-10-2003.
- f. Perkataan “Mahkamah Agung” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan” oleh Akta A885, subperenggan 13(c)(i), berkuat kuasa dari 24-06-1994.
- g. Perenggan (a) digantikan oleh Akta A885, subperenggan 13(c)(ii), berkuat kuasa dari 24-06-1994. Perenggan (a) yang asal berbunyi seperti yang berikut:

“(a) bidang kuasa eksklusif untuk memutuskan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi atau seseorang hakimnya (kecuali keputusan Mahkamah Tinggi yang diberikan oleh pendaftar atau pegawai lain mahkamah itu dan yang boleh dirayukan di bawah undang-undang persekutuan kepada seorang hakim Mahkamah itu);”.

Catatan:

1. Sebaik sahaja seksyen 15, 16 dan 17 Akta A566 mula berkuat kuasa pada 01-01-1985, semua sebutan dalam atau di bawah Perlembagaan atau dalam atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain mengenai Mahkamah Persekutuan dan hakim serta pegawai Mahkamah Persekutuan itu hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Mahkamah Agung dan hakim serta pegawainya masing-masing.
2. Mahkamah Tinggi di Borneo yang ditubuhkan di bawah Fasal (1)(b) Perkara 121 Perlembagaan hendaklah, sehingga suatu masa yang diperuntukkan oleh Yang di-Pertuan Agong selainnya melalui perintah, mempunyai bidang kuasa di Wilayah Persekutuan Labuan—*Lihat* seksyen 16 Akta A585.

Fasal (4)

- a. Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- b. Perkataan “Borneo” digantikan dengan perkataan “Sabah dan Sarawak” oleh Akta A885, perenggan 13(d), berkuat kuasa dari 24-06-1994.
- c. *Lihat*—
 - i. Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91];
 - ii. Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92].

Keanggotaan Mahkamah Persekutuan

122. (1) Mahkamah Persekutuan hendaklah terdiri daripada seorang yang dipertua Mahkamah (yang digelar “Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan”), Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim-Hakim Besar Mahkamah Tinggi dan, sehingga diperuntukkan selainnya melalui perintah oleh Yang di-Pertuan Agong, empat* orang hakim lain dan apa-apa bilangan hakim tambahan yang dilantik menurut Fasal (1A).

(1A) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong yang bertindak atas nasihat Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, boleh melantik mana-mana orang yang telah memegang jawatan kehakiman yang tinggi di Malaysia untuk menjadi hakim tambahan bagi Mahkamah Persekutuan bagi apa-apa maksud atau bagi apa-apa tempoh masa yang ditentukan olehnya:

Dengan syarat bahawa tiada hakim tambahan yang sedemikian menjadi tidak layak untuk memegang jawatan oleh sebab dia telah mencapai umur enam puluh enam tahun.

(2) Seseorang hakim Mahkamah Rayuan selain Presiden Mahkamah Rayuan boleh bersidang sebagai hakim Mahkamah Persekutuan jika Ketua Hakim Negara berpendapat bahawa kepentingan keadilan menghendaki yang sedemikian, dan hakim itu hendaklah dinamakan bagi maksud itu (mengikut kehendak keadaan) oleh Ketua Hakim Negara.

Keanggotaan Mahkamah Rayuan

122A. (1) Mahkamah Rayuan hendaklah terdiri daripada seorang pengerusi (yang digelar “Presiden Mahkamah Rayuan”) dan, sehingga diperuntukkan selainnya melalui perintah oleh Yang di-Pertuan Agong, sepuluh** orang hakim lain.

(2) Seseorang hakim Mahkamah Tinggi boleh bersidang sebagai hakim Mahkamah Rayuan jika Presiden Mahkamah Rayuan berpendapat bahawa kepentingan keadilan menghendaki yang sedemikian, dan hakim itu hendaklah dinamakan bagi maksud itu (mengikut kehendak keadaan) oleh Presiden Mahkamah Rayuan selepas berunding dengan Hakim Besar Mahkamah Tinggi itu.

*Sekarang “tidak melebihi sebelas”—lihat P.U. (A) 163/2009.

**Sekarang “tidak melebihi tiga puluh dua”—lihat P.U. (A) 164/2009.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 122

1. Perkara ini dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 15, berkuat kuasa dari 16-09-1963. Perkara yang dahulu seperti yang terdapat pada tarikh pemansuhan berbunyi seperti yang berikut:

“122. (1) Mahkamah Agung hendaklah terdiri daripada seorang Hakim Besar dan hakim-hakim lain; tetapi bilangan hakim yang lain itu tidak boleh melebihi lima belas sehingga Parlimen memperuntukkan selainnya.

(2) Hakim Besar dan hakim-hakim lain Mahkamah Agung hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

(3) Pada melantik Hakim Besar Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat Perdana Menteri, selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja; dan pada melantik hakim-hakim lain Mahkamah Agung dia hendaklah, bertindak mengikut nasihat Perdana Menteri, selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja dan menimbang nasihat Hakim Besar.”.

2. Perkataan “Persekutuan” digantikan dengan “Agung” oleh Akta A566, subseksyen 16(1), berkuat kuasa dari 01-01-1985.

3. Dalam nota bahu Fasal (1), (1A) dan (2) perkataan “Agung” digantikan dengan “Persekutuan” oleh Akta A885, perenggan 14(a), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Fasal (1)

a. Perkataan “empat orang hakim lain dan apa-apa bilangan hakim tambahan yang dilantik menurut Fasal (2)” menggantikan perkataan “dua orang hakim lain” di hujung Fasal oleh Akta 31/1965, subseksyen 2(2), berkuat kuasa dari 01-07-1965.

b. Perkataan “Parlimen memperuntukkan selainnya” digantikan dengan “diperuntukkan selainnya melalui perintah oleh Yang di-Pertuan Agong” oleh Akta A354, seksyen 26, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

c. Perkataan “Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung””, digantikan dengan perkataan “Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan”), Presiden Mahkamah Rayuan,” oleh Akta A885, subperenggan 14(b)(ii), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Fasal (1A)

a. Fasal ini ditambahkan oleh Akta 31/1965, subseksyen 2(2), berkuat kuasa dari 01-07-1965.

b. Perkataan “Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung” digantikan dengan “Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan” oleh Akta A885, subperenggan 14(c)(i), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

c. Perkataan “enam puluh lima tahun” digantikan dengan “enam puluh enam tahun” oleh Akta A1239, seksyen 2, berkuat kuasa dari 21-03-2005.

Fasal (2)

Perkataan “Mahkamah Tinggi selain Hakim Besar” digantikan dengan perkataan “Mahkamah Rayuan selain Presiden Mahkamah Rayuan” oleh Akta A885, subperenggan 14(d)(i), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Per. 122A

1. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 16, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Fasal (1)

a. Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965, memansuhkan perenggan (c) yang berbunyi seperti yang berikut:

“(c) lapan di Mahkamah Tinggi di Singapura”.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 122A—(samb.)

- b. Perkataan “ditetapkan selainnya oleh Parlimen” digantikan dengan “diperuntukkan selainnya melalui perintah oleh Yang di-Pertuan Agong” oleh Akta A354, perenggan 27(a), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (3)

Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertuan Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (5): Ditambahkan oleh Akta A354, perenggan 27(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (3) & (5)

Perkataan “Persekutuan” digantikan dengan “Agung” oleh Akta A566, subseksyen 16(1), berkuat kuasa dari 01-01-1985.

2. Perkara ini digantikan oleh Akta A885, seksyen 15, berkuat kuasa dari 24-06-1994 dan berbunyi seperti yang berikut:

“122A. (1) Setiap Mahkamah Tinggi hendaklah terdiri daripada seorang Hakim Besar dan tidak kurang daripada empat orang hakim yang lain; tetapi bilangan hakim yang lain itu tidaklah boleh, sehingga diperuntukkan selainnya melalui perintah oleh Yang di-Pertuan Agong, melebihi—

- (a) dua belas di Mahkamah Tinggi di Malaya; dan
- (b) lapan di Mahkamah Tinggi di Borneo;
- (c) (Dimansuhkan).

(2) Mana-mana orang yang layak untuk dilantik sebagai hakim Mahkamah Tinggi boleh bersidang sebagai hakim mahkamah itu, jika ditetapkan bagi maksud itu (mengikut kehendak keadaan) mengikut Perkara 122b.

(3) Supaya segera diselesaikan urusan Mahkamah Tinggi di Borneo di sesuatu kawasan di mana seorang hakim Mahkamah itu tidak ada pada masa itu untuk menjalankan urusan mahkamah itu, Yang di-Pertuan Agong yang bertindak atas nasihat Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung, atau bagi sesuatu kawasan di mana-mana satu Negeri itu, Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri itu yang bertindak atas nasihat Hakim Besar Mahkamah itu, boleh melalui perintah melantik seorang peguam bela atau seorang yang layak dari segi profesion diterima sebagai seorang peguam bela mahkamah itu untuk menjadi pesuruhjaya kehakiman di kawasan itu bagi apa-apa tempoh atau bagi apa-apa maksud sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(4) Tertakluk kepada apa-apa batasan atau syarat yang dikenakan melalui perintah yang melantiknya, seseorang pesuruhjaya kehakiman hendaklah mempunyai kuasa, di kawasan yang baginya dia dilantik, untuk melaksanakan apa-apa fungsi hakim Mahkamah Tinggi di Borneo yang ternyata kepadanya dikehendaki supaya dilaksanakan dengan tidak berlengah-lengah; dan apa-apa jua yang dilakukan oleh seseorang pesuruhjaya kehakiman apabila bertindak mengikut pelantikannya hendaklah mempunyai kesahan dan kesan yang sama seolah-olah dilakukan oleh seorang hakim mahkamah itu, dan berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan itu dia mempunyai kuasa yang sama dan menikmati kekebalan yang sama seolah-olah dia seorang hakim mahkamah itu.

(5) Supaya segera diselesaikan urusan Mahkamah Tinggi di Malaya, Yang di-Pertuan Agong yang bertindak atas nasihat Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung boleh melalui perintah melantik mana-mana orang yang layak dilantik sebagai hakim Mahkamah Tinggi untuk menjadi pesuruhjaya kehakiman bagi apa-apa tempoh atau apa-apa maksud yang dinyatakan dalam perintah itu; dan orang yang dilantik sedemikian hendaklah mempunyai kuasa untuk melaksanakan apa-apa fungsi hakim Mahkamah Tinggi di Malaya yang ternyata kepadanya dikehendaki supaya dilaksanakan; dan apa-apa jua yang dilakukan olehnya apabila bertindak mengikut pelantikannya hendaklah mempunyai kesahan dan kesan yang sama seolah-olah dilakukan oleh seorang hakim mahkamah itu, dan berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan itu dia mempunyai kuasa yang sama dan menikmati kekebalan yang sama seolah-olah dia seorang hakim mahkamah itu.”.

Keanggotaan Mahkamah Tinggi

122AA. (1) Setiap Mahkamah Tinggi hendaklah terdiri daripada seorang Hakim Besar dan tidak kurang daripada empat orang hakim yang lain; tetapi bilangan hakim yang lain itu tidaklah boleh, sehingga diperuntukkan selainnya melalui perintah oleh Yang di-Pertuan Agong, melebihi—

(a) empat puluh tujuh*, di Mahkamah Tinggi di Malaya; dan

(b) sepuluh**, di Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak.

(2) Mana-mana orang yang layak untuk dilantik sebagai hakim Mahkamah Tinggi boleh bersidang sebagai hakim Mahkamah itu jika ditetapkan bagi maksud itu (mengikut kehendak keadaan) mengikut Perkara 122B.

Pelantikan pesuruhjaya kehakiman

122AB. (1) Supaya segera diselesaikan urusan Mahkamah Tinggi di Malaya dan Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, Yang di-Pertuan Agong yang bertindak atas nasihat Perdana Menteri, selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, boleh melalui perintah melantik mana-mana orang yang layak dilantik sebagai hakim Mahkamah Tinggi untuk menjadi pesuruhjaya kehakiman bagi apa-apa tempoh atau apa-apa maksud yang dinyatakan dalam perintah itu; dan orang yang dilantik sedemikian hendaklah mempunyai kuasa untuk melaksanakan apa-apa fungsi hakim Mahkamah Tinggi yang ternyata kepadanya dikehendaki dilaksanakan; dan apa-apa jua yang dilakukan olehnya apabila bertindak mengikut pelantikannya hendaklah mempunyai kesahan dan kesan yang sama seolah-olah dilakukan oleh seorang hakim Mahkamah itu, dan berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan itu dia mempunyai kuasa yang sama dan menikmati kekebalan yang sama seolah-olah dia seorang hakim Mahkamah itu.

(2) Peruntukan Fasal (2) dan (5) Perkara 124 hendaklah terpakai bagi seseorang pesuruhjaya kehakiman sebagaimana peruntukan itu terpakai bagi hakim Mahkamah Tinggi.

*Sekarang “tidak melebihi enam puluh”—lihat P.U. (A) 384/2006.

**Sekarang “tidak melebihi tiga belas”—lihat P.U. (A) 385/2006.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 122AA & 122AB

Ditambahkan oleh Akta A885, seksyen 16, berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Per. 122B

1. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 17, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. Dalam nota bahu, perkataan “Mahkamah Agung dan” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan” oleh Akta A885, perenggan 17(a), berkuat kuasa dari 24-06-1994.
3. Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965, meminda—
 - a. *Fasal (3)*, dengan memotong perkataan “atau di Singapura” yang terdapat selepas “Mahkamah Tinggi di Borneo” dan perkataan “atau Singapura mengikut mana-mana yang berkenaan” yang terdapat di hujung Fasal.
 - b. *Fasal (4)*, dengan menggantikan perkataan “Hakim Besar semua Mahkamah Tinggi” dengan “Hakim Besar setiap Mahkamah Tinggi”.

Fasal (2)

Perkataan “Agung” digantikan dengan perkataan “Persekutuan” oleh Akta A885, perenggan 17(c), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Fasal (3)

- a. Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
 - b. Perkataan “Borneo” digantikan dengan perkataan “Sabah dan Sarawak” oleh Akta A885, perenggan 17(d), berkuat kuasa dari 24-06-1994.
4. *Lihat* Perkara 122A(2), 122C & 123.
5. Perkataan “Persekutuan” digantikan dengan “Agung” oleh Akta A566, subseksyen 16(1), berkuat kuasa dari 01-01-1985.

Fasal (1) & (4)

Digantikan oleh Akta A885, perenggan 17(b) dan (e), berkuat kuasa dari 24-06-1994. Fasal asal berbunyi seperti yang berikut:

“(1) Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung, Hakim-Hakim Besar Mahkamah Tinggi dan (tertakluk kepada Perkara 122c) hakim-hakim yang lain Mahkamah Agung dan Mahkamah Tinggi hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, yang bertindak atas nasihat Perdana Menteri, selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.

(4) Sebelum memberikan nasihatnya di bawah Fasal (1) tentang pelantikan seseorang hakim, selain Ketua Hakim Negara atau Hakim Besar, maka jika pelantikan itu ialah pelantikan ke Mahkamah Agung, Perdana Menteri hendaklah berunding dengan Hakim Besar setiap Mahkamah Tinggi dan, jika pelantikan itu ialah pelantikan ke mana-mana satu Mahkamah Tinggi, dengan Hakim Besar mahkamah itu.”.

Fasal (5)

Perkataan “Perkara 122A(2)” digantikan dengan “Perkara 122AA(2)” oleh Akta A885, perenggan 17(f), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Fasal (6)

- a. Dimasukkan oleh Akta A566, subseksyen 16(2), berkuat kuasa dari 01-01-1985.
- b. Perkataan “Mahkamah Agung” digantikan dengan perkataan “Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan” oleh Akta A885, perenggan 17(g), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Pelantikan hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi

122B. (1) Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim-Hakim Besar Mahkamah Tinggi dan (tertakluk kepada Perkara 122C) hakim-hakim yang lain Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah-Mahkamah Tinggi hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, yang bertindak atas nasihat Perdana Menteri, selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.

(2) Sebelum memberikan nasihatnya di bawah Fasal (1) tentang pelantikan seseorang hakim, selain Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, Perdana Menteri hendaklah berunding dengan Ketua Hakim Negara.

(3) Sebelum memberikan nasihatnya di bawah Fasal (1) tentang pelantikan Hakim Besar Mahkamah Tinggi, Perdana Menteri hendaklah berunding dengan Hakim Besar setiap Mahkamah Tinggi dan, jika pelantikan itu ialah pelantikan ke Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, Perdana Menteri hendaklah berunding dengan Ketua Menteri bagi setiap Negeri Sabah dan Sarawak.

(4) Sebelum memberikan nasihatnya di bawah Fasal (1) tentang pelantikan seseorang hakim selain Ketua Hakim Negara, Presiden atau seseorang Hakim Besar, Perdana Menteri hendaklah berunding dengan Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, jika pelantikan itu ialah pelantikan ke Mahkamah Persekutuan, dengan Presiden Mahkamah Rayuan, jika pelantikan itu ialah pelantikan ke Mahkamah Rayuan dan, jika pelantikan itu ialah pelantikan ke mana-mana satu Mahkamah Tinggi, dengan Hakim Besar Mahkamah itu.

(5) Perkara ini hendaklah terpakai bagi penetapan seseorang untuk bersidang sebagai hakim Mahkamah Tinggi di bawah Fasal (2) Perkara 122AA sebagaimana Perkara ini terpakai bagi pelantikan seseorang hakim mahkamah itu, selain Hakim Besar.

(6) Walau apa pun tarikh pelantikan mereka masing-masing sebagai hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi, Yang di-Pertuan Agong, yang bertindak atas nasihat Perdana Menteri yang diberikan selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara, boleh menentukan susunan keutamaan hakim-hakim sesama mereka sendiri.

Pertukaran hakim dari suatu Mahkamah Tinggi ke suatu Mahkamah Tinggi lain

122c. Perkara 122B tidaklah terpakai bagi pertukaran seseorang hakim dari suatu Mahkamah Tinggi ke suatu Mahkamah Tinggi yang lain, melainkan jika pertukaran itu adalah sebagai Hakim Besar atau pertukaran Hakim Besar; dan pertukaran yang sedemikian boleh dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong, atas syor Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, selepas berunding dengan Hakim-Hakim Besar bagi kedua-dua Mahkamah Tinggi itu.

Kelayakan hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi

123. Seseorang layak dilantik di bawah Perkara 122B sebagai hakim Mahkamah Persekutuan, sebagai hakim Mahkamah Rayuan atau sebagai hakim mana-mana Mahkamah Tinggi jika—

- (a) dia seorang warganegara; dan
- (b) bagi tempoh sepuluh tahun sebelum pelantikannya dia telah menjadi peguam bela bagi mahkamah-mahkamah itu atau mana-mana satu daripada mahkamah itu atau menjadi anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan Persekutuan atau perkhidmatan perundangan sesuatu Negeri, atau pada suatu masa menjadi peguam bela dan pada suatu masa lain berkhidmat sebagai anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan Persekutuan atau perkhidmatan perundangan sesuatu Negeri.

Sumpah jawatan hakim-hakim

124. (1) Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, sebelum menjalankan fungsi jawatannya, hendaklah mengangkat dan menandatangani sumpah jawatan dan sumpah taat setia yang dinyatakan dalam Jadual Keenam, dan hendaklah berbuat demikian di hadapan Yang di-Pertuan Agong.

(2) Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi, selain Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, sebelum menjalankan fungsi seorang hakim hendaklah mengangkat dan menandatangani sumpah jawatan dan sumpah taat setia yang dinyatakan dalam Jadual Keenam berhubung dengan kewajipan kehakimannya dalam apa-apa jua jawatan.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 122c

1. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 18, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. Perkataan “Persekutuan” digantikan dengan “Agung” oleh Akta A566, subseksyen 16(1), berkuat kuasa dari 01-01-1985.
3. Perkataan “Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung” digantikan dengan “Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan” oleh Akta A885, seksyen 18, berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Per. 123

1. Perkara yang ada sekarang dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 19, berkuat kuasa dari 16-09-1963, dan menggantikan Perkara yang dahulu yang berbunyi seperti yang berikut:

“123. Seseorang layak dilantik sebagai hakim Mahkamah Besar jika—

 - (a) dia seorang warganegara; dan
 - (b) dia telah menjadi peguam bela Mahkamah Besar atau menjadi seorang anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan Persekutuan selama tempoh tidak kurang daripada sepuluh tahun, atau menjadi peguam bela bagi sebahagian tempoh itu dan anggota berkenaan bagi baki tempoh itu atau menjadi anggota berkenaan bagi sebahagian tempoh itu dan peguam bela bagi baki tempoh itu.”
2. Perkataan “Persekutuan” digantikan dengan “Agung” oleh Akta A566, subseksyen 16(1), berkuat kuasa dari 01-01-1985.
3. Perkataan “Mahkamah Agung dan” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan” dan perkataan “Mahkamah Agung” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan, sebagai hakim Mahkamah Rayuan” oleh Akta A885, seksyen 19, berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Per. 124

1. Perkara yang ada sekarang dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 20, berkuat kuasa dari 16-09-1963, dan menggantikan Perkara yang dahulu yang berbunyi seperti yang berikut:

“124. Hakim Besar dan mana-mana hakim yang lain Mahkamah Besar hendaklah, sebelum menjalankan fungsi jawatannya, mengangkat dan menandatangani sumpah jawatan dan sumpah setia yang dinyatakan dalam Jadual Keenam—

 - (a) Hakim Besar di hadapan Yang di-Pertuan Agong; dan
 - (b) mana-mana hakim yang lain di hadapan Hakim Besar atau, jika Hakim Besar tidak ada, di hadapan hakim yang kanan selepasnya yang ada lagi Mahkamah Besar itu.”
2. Perkataan “Persekutuan” digantikan dengan “Agung” oleh Akta A566, subseksyen 16(1), berkuat kuasa 01-01-1985.

Fasal (1)

Perkataan “Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung” digantikan dengan “Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan” oleh Akta A885, perenggan 20(a), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Fasal (2)

Digantikan oleh Akta A885, perenggan 20(b), berkuat kuasa dari 24-06-1994. Fasal asal berbunyi seperti yang berikut:

“(2) Hakim Mahkamah Agung atau hakim Mahkamah Tinggi, selain Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung, sebelum menjalankan fungsi seorang hakim, hendaklah mengangkat dan menandatangani sumpah itu berhubung dengan kewajipan kehakimannya dalam apa-apa jua jawatan, dan setelah berbuat demikian, dia tidaklah dikehendaki mengangkat sumpah itu lagi apabila dilantik atau bertukar ke suatu jawatan kehakiman yang lain yang bukan jawatan Ketua Hakim Negara.”

(2A) Seseorang yang mengangkat sumpah apabila menjadi Presiden Mahkamah Rayuan hendaklah berbuat demikian di hadapan hakim kanan yang ada bagi Mahkamah Rayuan.

(3) Seseorang yang mengangkat sumpah apabila menjadi Hakim Besar Mahkamah Tinggi hendaklah berbuat demikian di hadapan hakim kanan yang ada bagi Mahkamah Tinggi itu.

(4) Seseorang yang mengangkat sumpah apabila menjadi hakim Mahkamah Persekutuan hendaklah berbuat demikian di hadapan Ketua Hakim Negara atau, jika Ketua Hakim Negara tidak ada, di hadapan hakim yang kanan selepasnya yang ada bagi Mahkamah Persekutuan.

(4A) Seseorang yang mengangkat sumpah apabila menjadi hakim Mahkamah Rayuan hendaklah berbuat demikian di hadapan Presiden Mahkamah Rayuan atau, jika Presiden Mahkamah Rayuan tidak ada, di hadapan hakim yang kanan selepasnya yang ada bagi Mahkamah Rayuan.

(5) Seseorang yang mengangkat sumpah apabila menjadi hakim Mahkamah Tinggi (tetapi bukan Hakim Besar) hendaklah berbuat demikian di hadapan Hakim Besar Mahkamah itu atau, jika Hakim Besar tidak ada, di hadapan hakim yang kanan selepasnya yang ada bagi Mahkamah itu.

Tempoh jawatan dan saraan hakim Mahkamah Persekutuan

125. (1) Tertakluk kepada peruntukan Fasal (2) hingga (5), seseorang hakim Mahkamah Persekutuan hendaklah memegang jawatan sehingga dia mencapai umur enam puluh enam tahun atau sehingga suatu masa kemudiannya yang diluluskan oleh Yang di-Pertuan Agong, tetapi masa itu tidak boleh kemudian daripada enam bulan selepas dia mencapai umur enam puluh enam tahun.

(2) Seseorang hakim Mahkamah Persekutuan boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui surat yang ditandatangani sendiri olehnya yang ditujukan kepada Yang di-Pertuan Agong tetapi tidak boleh dipecat daripada jawatan kecuali mengikut peruntukan yang berikut dalam Perkara ini.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 124—(samb.)

Fasal (2A): Dimasukkan oleh Akta A1260, perenggan 4(a), berkuat kuasa dari 19-01-2006.

Fasal (3)

Perkataan “, melainkan jika orang itu mengangkat sumpah itu mengikut Fasal (4) sebagai hakim Mahkamah Agung” dipotong oleh Akta A885, perenggan 20(c), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Fasal (4)

- a. Perkataan “Agung” digantikan dengan “Persekutuan” oleh Akta A885, perenggan 20(d), berkuat kuasa dari 24-06-1994.
- b. Perkataan “Tertakluk kepada Fasal (3), seseorang” digantikan dengan “Seseorang” oleh Akta A1260, perenggan 4(b), berkuat kuasa dari 19-01-2006.

Fasal (4A): Dimasukkan oleh Akta A1260, perenggan 4(c), berkuat kuasa dari 19-01-2006.

Fasal (5)

- a. Perkataan “Mahkamah Rayuan atau” dimasukkan selepas perkataan “hakim” oleh Akta A885, perenggan 20(e), berkuat kuasa dari 24-06-1994.
- b. Kemudiannya, perkataan “Mahkamah Rayuan atau” dipotong oleh Akta A1260, perenggan 4(d), berkuat kuasa dari 19-01-2006.

Per. 125

Fasal (1)

- a. Akta 14/1962, seksyen 32, berkuat kuasa dari 21-06-1962, menggantikan perkataan “peruntukan yang berikut dalam Perkara ini” dengan “peruntukan Fasal (2) hingga (5)”.
- b. Akta 26/1963, perenggan 22(2)(a), berkuat kuasa dari 16-09-1963, menggantikan perkataan “Mahkamah Besar” dengan “Mahkamah Persekutuan”.
- c. Kemudiannya pula, subseksyen 16(1), Akta A566, berkuat kuasa dari 01-01-1985, menggantikan perkataan “Persekutuan” dengan “Agung”.
- d. Perkataan “Persekutuan” menggantikan perkataan “Agung” oleh Akta A885, perenggan 21(a), berkuat kuasa dari 24-06-1994.
- e. Perkataan “enam puluh lima tahun” digantikan dengan “enam puluh enam tahun” oleh Akta A1239, seksyen 3, berkuat kuasa dari 21-03-2005.

Fasal (2)

- a. Perkataan “Mahkamah Besar” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan” oleh Akta 26/1963, perenggan 22(2)(a), berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. Kemudiannya pula, subseksyen 16(1), Akta A566, berkuat kuasa dari 01-01-1985, menggantikan perkataan “Persekutuan” dengan “Agung”.
- c. Perkataan “Agung” digantikan dengan “Persekutuan” oleh Akta A885, perenggan 21(a), mula berkuat kuasa dari 24-06-1994.

(3) Jika Perdana Menteri, atau Ketua Hakim Negara selepas berunding dengan Perdana Menteri, membuat representasi kepada Yang di-Pertuan Agong dengan menyatakan bahawa seseorang hakim Mahkamah Persekutuan patut dipecat atas alasan apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan kod etika yang ditetapkan di bawah Fasal (3B) atau atas alasan tidak berdaya, oleh sebab kelemahan tubuh atau akal atau apa-apa sebab lain, untuk menunaikan fungsi jawatannya dengan sepatutnya, maka Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik suatu tribunal mengikut Fasal (4) dan merujuk representasi itu kepadanya; dan boleh atas syor tribunal itu memecat hakim itu daripada jawatan.

(3A) Jika seseorang hakim telah melakukan pelanggaran mana-mana peruntukan kod etika yang ditetapkan di bawah Fasal (3B) tetapi Ketua Hakim Negara berpendapat bahawa pelanggaran itu tidak mewajarkan hakim itu dirujuk kepada tribunal yang dilantik di bawah Fasal (4), Ketua Hakim Negara boleh merujuk hakim itu kepada suatu badan yang ditubuhkan di bawah undang-undang persekutuan untuk mengendalikan pelanggaran itu.

(3B) Yang di-Pertuan Agong atas syor Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim-Hakim Besar Mahkamah Tinggi boleh, selepas berunding dengan Perdana Menteri, menetapkan secara bertulis suatu kod etika yang hendaklah juga mengandungi peruntukan tentang tatacara yang hendaklah diikuti dan sanksi yang boleh dikenakan selain pemecatan seseorang hakim daripada jawatannya di bawah Fasal (3), berhubung dengan pelanggaran mana-mana peruntukan kod etika itu.

(3C) Kod etika yang ditetapkan di bawah Fasal (3B) hendaklah dipatuhi oleh tiap-tiap hakim Mahkamah Persekutuan dan tiap-tiap pesuruhjaya kehakiman.

(4) Tribunal yang dilantik di bawah Fasal (3) hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada lima orang yang memegang atau pernah memegang jawatan sebagai hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi, atau, jika ternyata kepada Yang di-Pertuan Agong suai manfaat pelantikan sedemikian dibuat, orang yang memegang atau pernah memegang jawatan yang setaraf dengannya di mana-mana bahagian lain di dalam Komanwel, dan tribunal itu hendaklah diketuai oleh anggota yang terkanan mengikut susunan yang berikut, iaitu, Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, Presiden dan Hakim-Hakim Besar

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 125—(*samb.*)

Fasal (3)

- a. Perkataan “Hakim Besar” dan “Mahkamah Besar” masing-masing digantikan dengan “Ketua Hakim Negara” dan “Mahkamah Persekutuan” oleh Akta 26/1963, perenggan 22(2)(a), berkuat kuasa dari 16-09-1963. Kemudiannya pula, subseksyen 16(1), Akta A566, berkuat kuasa dari 01-01-1985, menggantikan perkataan “Persekutuan” dengan “Agung”.
- b. *Lihat* Per. 65(3).
- c. Perkataan “Agung” digantikan dengan “Persekutuan” oleh Akta A885, subperenggan 21(b)(i), mula berkuat kuasa dari 24-06-1994.
- d. Perkataan “berperangai buruk atau” digantikan dengan “apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan kod etika yang ditetapkan di bawah Fasal (3A) atau atas alasan” oleh Akta A885, subperenggan 21(b)(ii), berkuat kuasa dari 24-06-1994.
- e. Perkataan “Fasal (3A)” digantikan dengan “Fasal (3B)” oleh Akta A1260, perenggan 5(a), berkuat kuasa dari 19-01-2006.

Fasal (3A)

- a. Dimasukkan oleh Akta A885, perenggan 21(c), berkuat kuasa dari 24-06-1994.
- b. Digantikan oleh Akta A1260, perenggan 5(b), berkuat kuasa dari 19-01-2006. Fasal asal berbunyi seperti yang berikut:

“(3A) Yang di-Pertuan Agong atas syor Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi, boleh, selepas berunding dengan Perdana Menteri, menetapkan secara bertulis suatu kod etika yang hendaklah dipatuhi oleh tiap-tiap hakim Mahkamah Persekutuan.”

Fasal (3B) & (3C): Dimasukkan oleh Akta A1260, perenggan 5(c), berkuat kuasa dari 19-01-2006.

Fasal (4)

- a. Perkataan “yang dilantik mengikut syor Suruhanjaya Kehakiman dan Perundangan iaitu orang” yang terdapat selepas “tidak kurang daripada lima orang” dipotong dan perkataan “Suruhanjaya mustahak mengesyorkan sedemikian” digantikan dengan “Yang di-Pertuan Agong suai manfaat membuat pelantikan sedemikian” oleh Akta 10/1960, perenggan 16(a) dan (b), berkuat kuasa dari 31-05-1960.
- b. Perkataan “dan hendaklah diketuai oleh Hakim Besar, jika dia seorang anggota dan dalam apa-apa hal lain, oleh orang yang pertama dilantik memegang jawatan tersebut” di hujung Fasal digantikan dengan “dan tribunal itu hendaklah diketuai oleh anggota yang terkanan mengikut susunan yang berikut, iaitu, Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, Hakim-Hakim Besar mengikut kekananan mereka antara mereka sendiri, dan anggota-anggota lain mengikut tarikh pelantikan mereka ke jawatan yang melayakkan mereka menjadi anggota (antara dua anggota, dengan yang tua mendahului yang muda jika tarikh pelantikan mereka itu sama)” oleh Akta 26/1963, perenggan 22(2)(b), berkuat kuasa dari 16-09-1963, yang juga memasukkan perkataan “Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi, atau sebelum Hari Malaysia, telah memegang jawatan sebagai hakim” yang terdapat selepas perkataan “atau telah memegang jawatan sebagai hakim”.
- c. Perkataan “, atau sebelum Hari Malaysia, telah memegang jawatan sebagai Hakim Mahkamah Besar” dipotong oleh Akta A566, subseksyen 16(3), berkuat kuasa dari 01-01-1985.
- d. Perkataan “Mahkamah Agung” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan” oleh Akta A885, subperenggan 22(d)(i), berkuat kuasa dari 24-06-1994.
- e. Perkataan “Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung” digantikan dengan perkataan “Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, Presiden” oleh Akta A885, subperenggan 21(d)(ii), berkuat kuasa dari 24-06-1994.
- f. Perkataan “Tribunal tersebut” digantikan dengan “Tribunal yang dilantik di bawah Fasal (3)” oleh Akta A1260, perenggan 5(d), berkuat kuasa dari 19-01-2006.

mengikut keutamaan mereka sesama mereka sendiri, dan anggota-anggota lain mengikut tarikh pelantikan mereka memegang jawatan yang melayakkan mereka menjadi anggota (antara dua orang anggota, dengan yang lebih tua mendahului yang lebih muda jika tarikh pelantikan mereka itu sama).

(5) Sementara menanti apa-apa rujukan dan laporan di bawah Fasal (3) Yang di-Pertuan Agong boleh atas syor Perdana Menteri dan, dalam hal mana-mana hakim lain selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara, menggantung seseorang hakim Mahkamah Persekutuan daripada menjalankan fungsinya.

(6) Parlimen hendaklah melalui undang-undang membuat peruntukan bagi saraan hakim Mahkamah Persekutuan, dan saraan yang diperuntukkan sedemikian hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan.

(6A) Tertakluk kepada peruntukan Perkara ini, Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan bagi terma-terma jawatan hakim Mahkamah Persekutuan selain saraan mereka.

(7) Saraan dan terma-terma lain jawatan (termasuk hak pencen) bagi seseorang hakim Mahkamah Persekutuan tidak boleh, selepas pelantikannya, diubah menjadi kurang baik baginya.

(8) Walau apa pun Fasal (1), kesahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seseorang hakim Mahkamah Persekutuan tidak boleh dipersoalkan atas alasan bahawa dia telah mencapai umur yang dia dikehendaki bersara.

(9) Perkara ini hendaklah terpakai bagi seseorang hakim Mahkamah Rayuan dan bagi seseorang hakim Mahkamah Tinggi sebagaimana Perkara ini terpakai bagi seseorang hakim Mahkamah Persekutuan, kecuali bahawa sebelum menggantung seseorang hakim Mahkamah Rayuan atau hakim Mahkamah Tinggi selain Presiden Mahkamah Rayuan atau Hakim Besar Mahkamah Tinggi di bawah Fasal (5), Yang di-Pertuan Agong hendaklah berunding dengan Presiden Mahkamah Rayuan atau Hakim Besar Mahkamah Tinggi itu dan bukan Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan.

(10) Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim-Hakim Besar Mahkamah Tinggi bertanggungjawab kepada Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 125—(samb.)

Fasal (5)

- a. Perkataan “Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan” digantikan dengan “Perdana Menteri, atau Perdana Menteri selepas berunding dengan Hakim Besar” oleh Akta 10/1960, perenggan 16(c), berkuat kuasa dari 31-05-1960.
- b. Akta 26/1963, perenggan 22(2)(a), berkuat kuasa dari 16-09-1963, menggantikan perkataan “Hakim Besar” dan “Mahkamah Besar” masing-masing dengan “Ketua Hakim Negara” dan “Mahkamah Persekutuan”, dan perenggan 22(2)(c) pula menggantikan perkataan “, atau Perdana Menteri” dengan perkataan “dan, dalam hal mana-mana hakim lain”.
- c. Perkataan “Persekutuan” digantikan dengan “Agung” oleh Akta A566, subseksyen 16(1), berkuat kuasa dari 01-01-1985.

Fasal (6)

- a. Perkataan “Mahkamah Besar” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan” oleh Akta 26/1963, perenggan 22(2)(a), berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. Perkataan “Persekutuan” digantikan dengan “Agung” oleh Akta A566, subseksyen 16(1), berkuat kuasa dari 01-01-1985.
- c. *Lihat* Akta Saraan Hakim 1971 [*Akta 45*].

Fasal (6A)

- a. Ditambahkan oleh Akta 14/1962, seksyen 23, berkuat kuasa dari 21-06-1962.
- b. Perkataan “Mahkamah Besar” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan” oleh Akta 26/1963, perenggan 22(2)(a), berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- c. Perkataan “Persekutuan” digantikan dengan “Agung” oleh Akta A566, subseksyen 16(1), berkuat kuasa dari 01-01-1985.

Fasal (7) & (8)

- a. Perkataan “Mahkamah Besar” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan” oleh Akta 26/1963, perenggan 22(2)(a), berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. Perkataan “Persekutuan” digantikan dengan “Agung” oleh Akta A566, subseksyen 16(1), berkuat kuasa dari 01-01-1985.

Fasal (9)

- a. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 22(3), berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. Digantikan oleh Akta A885, perenggan 21(g), berkuat kuasa dari 24-06-1994. Fasal asal berbunyi seperti yang berikut:

“(9) Perkara ini hendaklah terpakai bagi seorang hakim Mahkamah Tinggi sebagaimana Perkara ini terpakai bagi seorang hakim Mahkamah Agung, kecuali bahawa sebelum menggantung seorang hakim Mahkamah Tinggi selain Hakim Besar di bawah Fasal (5), Yang di-Pertuan Agong hendaklah berunding dengan Hakim Besar Mahkamah itu dan bukan Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung.”.

Fasal (10)

- a. Ditambahkan oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 19-09-1966, dan dipotong oleh Akta A31, seksyen 4, berkuat kuasa dari 19-09-1966. Fasal ini berbunyi seperti yang berikut:

“(10) Seseorang hakim Mahkamah Tinggi yang dilantik menjadi hakim Mahkamah Persekutuan hendaklah terhenti menjadi hakim Mahkamah Tinggi tersebut:

Dengan syarat bahawa mana-mana hakim sesuatu Mahkamah Tinggi yang dilantik sedemikian hendaklah terus menjadi hakim Mahkamah Tinggi tersebut bagi maksud hanya untuk memberikan penghakiman dalam apa-apa kes yang dibicarakan olehnya sebelum pelantikannya sebagai hakim Mahkamah Persekutuan.”.

- b. Dimasukkan oleh Akta A885, perenggan 21(h), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Penjalanan kuasa oleh hakim-hakim

125A. (1) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Perlembagaan ini, dengan ini ditegaskan bahawa—

- (a) Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan dan seseorang hakim Mahkamah Persekutuan boleh menjalankan semua atau mana-mana kuasa hakim Mahkamah Rayuan dan hakim Mahkamah Tinggi;
- (aa) Presiden Mahkamah Rayuan dan seseorang hakim Mahkamah Rayuan boleh menjalankan semua atau mana-mana kuasa hakim Mahkamah Tinggi; dan
- (b) seseorang hakim Mahkamah Tinggi di Malaya boleh menjalankan semua atau mana-mana kuasa hakim Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, dan sebaliknya.

(2) Peruntukan Perkara ini hendaklah disifatkan telah menjadi suatu bahagian perlu Perlembagaan ini mulai dari Hari Malaysia.

Kuasa menghukum kerana penghinaan

126. Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi berkuasa menghukum apa-apa penghinaan terhadapnya.

Sekatan mengenai perbincangan di dalam Parlimen tentang kelakuan hakim

127. Kelakuan seseorang hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi tidaklah boleh dibincangkan di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen kecuali atas suatu usul khusus yang notis mengenainya telah diberikan oleh tidak kurang daripada satu perempat daripada jumlah bilangan ahli Majlis Parlimen itu, dan tidaklah boleh dibincangkan di dalam Dewan Undangan mana-mana Negeri.

Bidang kuasa Mahkamah Persekutuan

128. (1) Hanya Mahkamah Persekutuan sahaja, dan tidak mana-mana mahkamah lain, mempunyai bidang kuasa bagi

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 125—(samb.)

Fasal (1), (2), (3), (4), (5), (6), (6A), (7) & (8):

Perkataan “Agung” digantikan dengan perkataan “Persekutuan” oleh Akta A885, seksyen 21, berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Per. 125A

1. Perkara yang ada sekarang dimasukkan oleh Akta A354, seksyen 28, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

2. Perkataan “Persekutuan” digantikan dengan “Agung” oleh Akta A566, subseksyen 16(1), berkuat kuasa dari 01-01-1985.

3. Perkataan dalam nota bahu digantikan dengan perkataan “Perjalanan kuasa oleh hakim-hakim” oleh Akta A885, perenggan 22(a), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

4. Perenggan (a), Fasal (1) digantikan oleh Akta A885, subperenggan 22(b)(i), berkuat kuasa dari 24-06-1994. Perenggan (a) yang asal berbunyi seperti yang berikut:

“(a) Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung dan seseorang hakim Mahkamah Agung boleh menjalankan semua atau mana-mana kuasa hakim Mahkamah Tinggi; dan”.

5. Perenggan (aa), Fasal (1) ditambahkan oleh Akta A885, subperenggan 22(b)(ii), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

6. Dalam perenggan (b), Fasal (1), perkataan “Borneo” digantikan dengan perkataan “Sabah dan Sarawak” oleh Akta A885, subperenggan 22(b)(iii), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Per. 126

1. Perkataan “Mahkamah Besar” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi” oleh Akta 26/1963, subseksyen 22(4), berkuat kuasa dari 16-09-1963.

2. Perkataan “Persekutuan” digantikan dengan “Agung” oleh Akta A566, subseksyen 16(1), berkuat kuasa dari 01-01-1985.

3. Perkataan dalam nota bahu digantikan dengan perkataan “Kuasa menghukum kerana penghinaan” dan perkataan “Mahkamah Agung” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan” oleh Akta A885, seksyen 23, berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Per. 127

1. Perkataan “Mahkamah Besar” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi” oleh Akta 26/1963, subseksyen 22(4), berkuat kuasa dari 16-09-1963.

2. Perkataan “Persekutuan” digantikan dengan “Agung” oleh Akta A566, subseksyen 16(1), berkuat kuasa dari 01-01-1985.

3. Perkataan “Mahkamah Agung” digantikan dengan perkataan “Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan” oleh Akta A855, seksyen 24, berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Per. 128

1. Perkara yang ada sekarang digantikan oleh Akta 26/1963, seksyen 14, berkuat kuasa dari 16-09-1963 dan menggantikan Perkara yang dahulu yang berbunyi seperti yang berikut:

“128. (1) Mahkamah Besar hendaklah mempunyai bidang kuasa asal, bidang kuasa rayuan dan bidang kuasa penyemakan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan.

memutuskan mengikut mana-mana kaedah mahkamah yang mengawal selia penjalanan bidang kuasa sedemikian—

- (a) apa-apa soal sama ada sesuatu undang-undang yang dibuat oleh Parlimen atau Badan Perundangan sesuatu Negeri adalah tidak sah atas alasan bahawa undang-undang itu membuat peruntukan mengenai sesuatu perkara yang mengenainya Parlimen atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, Badan Perundangan Negeri itu tidak mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang; dan
- (b) pertikaian atas apa-apa soal lain antara Negeri dengan Negeri atau antara Persekutuan dengan mana-mana Negeri.

(2) Tanpa menjejaskan apa-apa bidang kuasa rayuan Mahkamah Persekutuan, jika dalam mana-mana prosiding di hadapan suatu mahkamah lain suatu soal berbangkit tentang kesan mana-mana peruntukan Perlembagaan ini, Mahkamah Persekutuan mempunyai bidang kuasa (tertakluk kepada mana-mana kaedah mahkamah yang mengawal selia penjalanan bidang kuasa itu) untuk memutuskan soal itu dan menghantar balik kes itu kepada mahkamah yang satu lagi untuk dibereskan mengikut keputusan itu.

(3) Bidang kuasa Mahkamah Persekutuan untuk memutuskan rayuan dari Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi atau seseorang hakim Mahkamah itu hendaklah sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan.

129. *(Dimansuhkan).*

Bidang kuasa nasihat Mahkamah Persekutuan

130. Yang di-Pertuan Agong boleh merujukkan kepada Mahkamah Persekutuan untuk pendapatnya apa-apa soal tentang kesan mana-mana peruntukan Perlembagaan ini yang telah berbangkit atau yang tampak padanya mungkin berbangkit, dan Mahkamah Persekutuan hendaklah mengumumkan pendapatnya tentang apa-apa soal yang dirujukkan sedemikian kepadanya itu di dalam mahkamah terbuka.

131. *(Dimansuhkan).*

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 128—(samb.)

(2) Hanya Mahkamah Besar sahaja, dan tidak mana-mana mahkamah lain, mempunyai bidang kuasa mengenai apa-apa pertikaian antara Negeri dengan Negeri atau antara Persekutuan dengan mana-mana Negeri.”.

2. *Lihat* Per. 121(2)(b).

Fasal (1)

Perkataan “mengikut mana-mana kaedah mahkamah yang mengawal selia perjalanan bidang kuasa sedemikian” dimasukkan selepas “memutuskan” oleh Akta A354, seksyen 29, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (2): Lihat Per. 161(4) & 161B(2).

3. Perkataan “Persekutuan” digantikan dengan “Agung” oleh Akta A566, subseksyen 16(1), berkuat kuasa dari 01-01-1985.

Fasal (1) & (2)

Perkataan “Agung” digantikan dengan perkataan “Persekutuan” oleh Akta A885, perenggan 25(a), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Fasal (3)

Digantikan oleh Akta A885, perenggan 25(b), berkuat kuasa dari 24-06-1994. Fasal (3) yang asal berbunyi seperti yang berikut:

“(3) Bidang kuasa Mahkamah Agung untuk memutuskan rayuan dari Mahkamah Tinggi atau seseorang hakim Mahkamah Tinggi hendaklah sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan.”.

Per. 129

Perkara ini dimansuhkan oleh Akta 26/1963, seksyen 14, berkuat kuasa dari 16-09-1963. Ia berbunyi seperti yang berikut:

“129. Tanpa menjejaskan apa-apa bidang kuasa rayuan atau penyemakan Mahkamah Besar, jika dalam mana-mana prosiding di hadapan suatu mahkamah lain suatu soal berbangkit tentang kesan mana-mana peruntukan Perlembagaan ini, Mahkamah Besar boleh, atas permohonan salah satu pihak dalam prosiding itu, memutuskan soal itu dan sama ada membereskan kes itu atau menghantar balik kes itu kepada mahkamah yang satu lagi untuk dibereskan mengikut keputusan itu.”.

Per. 130

1. Perkataan “Mahkamah Besar” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan” oleh Akta 26/1963, subseksyen 22(5), berkuat kuasa dari 16-09-1963.

2. Kemudiannya pula, perkataan “Persekutuan” digantikan dengan “Agung” oleh Akta A566, subseksyen 16(1), berkuat kuasa dari 01-01-1985.

3. *Lihat* Per. 121(2)(b).

4. Perkataan “Agung” digantikan dengan “Persekutuan” oleh Akta A885, seksyen 26, berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Per. 131

Fasal (1)

- a. Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963 memotong perkataan “atau oleh Fasal (2)” yang terdapat selepas perkataan “dibenarkan oleh undang-undang persekutuan”.
- b. Perkataan “Mahkamah Besar” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan” oleh Akta 26/1963, subseksyen 22(6), berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 131—(samb.)

Fasal (2)

Fasal ini dimansuhkan oleh Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963 dan berbunyi seperti yang berikut:

“(2) Sehingga Parlimen memperuntukkan selainnya, sesuatu rayuan dibenarkan di bawah Perkara ini dalam hal-hal yang berikut, iaitu:

- (a) dalam hal apa-apa keputusan terhadap rayuan daripada Mahkamah Agung Persekutuan yang akan dilayani oleh Baginda Ratu dalam Majlis (dengan atau tanpa kebenaran istimewa) sebaik sebelum Hari Merdeka; dan
- (b) dalam hal apa-apa keputusan tentang kuat kuasa mana-mana peruntukan Perlembagaan ini, termasuk apa-apa pendapat yang diumumkan setelah rujukan dibuat di bawah Perkara 130.”.

Fasal (1), (3) & (4)

Kemudiannya pula, Fasal (1), (3) dan (4) dimansuhkan oleh Akta A566, seksyen 17, berkuat kuasa dari 01-01-1985. Fasal ini berbunyi seperti yang berikut:

“(1) Yang di-Pertuan Agong boleh membuat perkiraan dengan Baginda Ratu untuk merujuk rayuan-rayuan daripada Mahkamah Persekutuan kepada Jawatankuasa Kehakiman Majlis *Privy* Baginda Ratu; dan, tertakluk kepada peruntukan Perkara ini, sesuatu rayuan daripada Mahkamah itu hendaklah dibuat kepada Yang di-Pertuan Agong jika rayuan itu dibenarkan oleh undang-undang persekutuan, dan yang berkenaan dengannya peruntukan bagi merujukkannya kepada Jawatankuasa tersebut dibuat oleh atau di bawah enakmen yang mengawal selia prosiding Jawatankuasa itu.

(3) Apa-apa rayuan di bawah Perkara ini hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat tentang kebenaran atau selainnya sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang persekutuan atau oleh atau di bawah enakmen yang mengawal selia prosiding Jawatankuasa Kehakiman Majlis *Privy* Baginda Ratu.

(4) Apabila diterima laporan atau syor Jawatankuasa tersebut berkenaan dengan sesuatu rayuan di bawah Perkara ini daripada Kerajaan Baginda Ratu di United Kingdom, Yang di-Pertuan Agong hendaklah membuat apa-apa perintah sebagaimana yang perlu untuk melaksanakan laporan atau syor itu.”.

Lihat—

- i. P.W. 1254/1958;
- ii. P.U. 30/1964; dan
- iii. Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91], seksyen 74 hingga 79.

Per. 131A

1. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 21, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. Perkataan “Persekutuan” digantikan dengan “Agung” oleh Akta A566, subseksyen 16(1), berkuat kuasa dari 01-01-1985.
3. Dalam nota bahu, perkataan “Presiden” dimasukkan selepas perkataan “Ketua Hakim Negara,” oleh Akta A885, perenggan 27(a), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Fasal (1)

Perkataan “Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung” digantikan dengan “Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan atau Presiden Mahkamah Rayuan atau Hakim Besar Mahkamah Tinggi”, dan perkataan “lain” dan “Agung” masing-masingnya digantikan dengan perkataan “seorang” dan “Persekutuan” oleh Akta A885, perenggan 27(b), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Fasal (2)

Perkataan “Presiden Mahkamah Rayuan atau” dimasukkan selepas perkataan “fungsi” pada kali pertama perkataan itu terdapat, dan perkataan “mahkamah itu” digantikan dengan “Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi, mengikut mana-mana yang berkenaan” dan perkataan “Agung” digantikan dengan “Persekutuan” oleh Akta A885, perenggan 27(c), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Peruntukan berkenaan dengan ketidakupayaan, dsb., Ketua Hakim Negara, Presiden atau Hakim Besar

131A. (1) Apa-apa peruntukan yang dibuat oleh undang-undang persekutuan supaya fungsi Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan atau Presiden Mahkamah Rayuan atau Hakim Besar Mahkamah Tinggi dilaksanakan oleh seorang hakim lain Mahkamah Persekutuan sekiranya berlaku kekosongan dalam jawatan itu atau sekiranya Ketua Hakim Negara, Presiden atau Hakim Besar itu tidak berdaya menjalankan fungsinya, bolehlah meliputi fungsinya di bawah Perlembagaan ini.

(2) Apa-apa peruntukan yang dibuat oleh undang-undang persekutuan supaya fungsi Presiden Mahkamah Rayuan atau Hakim Besar Mahkamah Tinggi dilaksanakan oleh seorang hakim lain Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi, mengikut mana-mana yang berkenaan, sekiranya berlaku kekosongan dalam jawatan itu atau sekiranya Presiden atau Hakim Besar itu tidak berdaya menjalankan fungsinya, bolehlah meliputi fungsi Presiden atau Hakim Besar di bawah Perlembagaan ini selain fungsi sebagai hakim Mahkamah Persekutuan.

BAHAGIAN X**PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN AWAM****Perkhidmatan-perkhidmatan awam**

132. (1) Bagi maksud Perlembagaan ini, perkhidmatan-perkhidmatan awam ialah—

- (a) angkatan tentera;
- (b) perkhidmatan kehakiman dan perundangan;
- (c) perkhidmatan awam am Persekutuan;
- (d) pasukan polis;
- (e) (*Dimansuhkan*);
- (f) perkhidmatan awam bersama yang disebut dalam Perkara 133;
- (g) perkhidmatan awam setiap Negeri; dan
- (h) perkhidmatan pendidikan.

(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya oleh Perlembagaan ini, kelayakan bagi pelantikan dan syarat-syarat perkhidmatan orang dalam perkhidmatan-perkhidmatan awam, selain orang dalam perkhidmatan yang disebut dalam perenggan (g) Fasal (1), boleh dikawal selia melalui undang-undang persekutuan dan, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang sedemikian, oleh Yang di-Pertuan Agong; dan kelayakan bagi pelantikan dan syarat-syarat perkhidmatan orang dalam perkhidmatan awam mana-mana Negeri boleh dikawal selia melalui undang-undang Negeri dan, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang sedemikian, oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri itu.

(2A) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata oleh Perlembagaan ini, tiap-tiap orang yang menjadi anggota mana-mana perkhidmatan yang disebut dalam perenggan (a), (b), (c), (d), (f) dan (h) Fasal (1) memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong, dan, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata oleh Perlembagaan Negeri itu, tiap-tiap orang yang menjadi anggota perkhidmatan awam sesuatu Negeri memegang jawatan selama diperkenankan oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri.

(3) Perkhidmatan awam tidaklah dikira sebagai termasuk—

- (a) jawatan mana-mana anggota pentadbiran di dalam Persekutuan atau sesuatu Negeri; atau
- (b) jawatan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri atau ahli mana-mana satu Majlis Parlimen atau ahli Dewan Undangan sesuatu Negeri; atau
- (c) jawatan hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi; atau
- (d) jawatan anggota mana-mana Suruhanjaya atau Majlis yang ditubuhkan oleh Perlembagaan ini atau mana-mana Suruhanjaya atau Majlis yang bersamaan yang ditubuhkan oleh Perlembagaan sesuatu Negeri; atau
- (e) apa-apa jawatan diplomatik yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui perintah, iaitu jawatan yang, jika tidak kerana perintah itu, akan menjadi jawatan dalam perkhidmatan awam Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Bahagian X

Lihat Per. 153(3) & 160(2) takrif “Jawatan berpendapatan”.

Per. 132

Fasal (1)

- a. Perkataan “perkhidmatan polis” dalam perenggan (d) digantikan dengan “pasukan polis” oleh Akta 10/1960, perenggan 17(a), berkuat kuasa dari 31-05-1960.
- b. Lihat Per. 134(1), 135(1), (3) & 139(1).
- c. Perkataan “dan” di hujung perenggan (f) dipotong dan perenggan baru (h) dimasukkan oleh Akta A193, seksyen 2, berkuat kuasa dari 01-01-1974.
- d. Perenggan (e) dipotong oleh Akta A855, perenggan 28(a), berkuat kuasa dari 24-06-1994. Perenggan (e) yang asal berbunyi seperti yang berikut:
“(e) perkhidmatan keretapi;”.

Fasal (2)

- a. Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- b. Lihat Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993].

Fasal (2A)

- a. Ditambahkan oleh Akta 10/1960, perenggan 17(b), berkuat kuasa dari 31-05-1960.
- b. Perkataan “(e) dan (f)” digantikan dengan “(e), (f) dan (h)” oleh Akta A193, seksyen 2, berkuat kuasa dari 01-01-1974.
- c. Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- d. Huruf dan tanda baca “(e),” dipotong oleh Akta A885, perenggan 28(b), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Fasal (3)

- a. Fasal yang ada sekarang digantikan oleh Akta 26/1963, seksyen 58, berkuat kuasa dari 16-09-1963 dan menggantikan Fasal yang dahulu yang peruntukannya adalah seperti yang berikut pada tarikh pemansuhan:
“(3) Tertakluk kepada Fasal (4), sebutan mengenai orang dalam perkhidmatan awam atau anggota mana-mana perkhidmatan awam itu tidaklah termasuk sebutan mengenai yang berikut, iaitu:
 - (a) mana-mana Menteri atau Menteri Muda bagi Persekutuan dan Ketua Menteri atau mana-mana anggota lain Majlis Mesyuarat Kerajaan sesuatu Negeri;
 - (b) ahli mana-mana satu Majlis Parlimen atau Dewan Undangan sesuatu Negeri;
 - (c) Setiausaha mana-mana Majlis Parlimen dan mana-mana anggota kakitangan Parlimen;
 - (d) melainkan jika dia dilantik daripada kalangan anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan atau perkhidmatan awam Negerinya itu, penasihat undang-undang mana-mana Negeri;
 - (e) seseorang anggota kakitangan peribadi Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Gabenor;
 - (f) orang yang memegang jawatan diplomatik dalam perkhidmatan awam am Persekutuan sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui perintah;

mahupun anggota mana-mana Suruhanjaya atau Majlis yang ditubuhkan oleh Perlembagaan ini, kecuali jika dia ialah anggota mana-mana perkhidmatan awam atas sesuatu sifat yang lain, sebutan termasuklah sebutan mengenai dirinya atas sifat itu.”.

- b. Perkataan “Mahkamah Agung” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan” oleh Akta A885, perenggan 28(c), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

(4) Sebutan dalam Bahagian ini, kecuali dalam Perkara 136 dan 147, mengenai orang dalam perkhidmatan awam atau anggota mana-mana perkhidmatan awam tidaklah terpakai bagi—

- (a) (*Dimansuhkan*);
- (b) Peguam Negara atau, jika peruntukan bagi cara pelantikan dan pemecatannya daripada jawatan dimasukkan dengan khususnya dalam Perlembagaan Negeri itu, atau jika dia dilantik bukan daripada kalangan anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan atau perkhidmatan awam Negeri, penasihat undang-undang mana-mana Negeri; atau
- (c) seseorang anggota kakitangan peribadi Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri; atau
- (d) dalam hal Melaka dan Pulau Pinang, jika peruntukan dibuat melalui undang-undang Negeri bagi pelantikan mereka—
 - (i) Yang di-Pertua Jabatan Hal Ehwal Agama;
 - (ii) Setiausaha Jabatan Hal Ehwal Agama;
 - (iii) Mufti;
 - (iv) Kadi Besar; atau
 - (v) Kadi.

Perkhidmatan bersama, dsb.

133. (1) Perkhidmatan bersama, untuk kegunaan bersama Persekutuan dan satu Negeri atau lebih atau, atas permintaan Negeri-Negeri yang berkenaan, untuk dua Negeri atau lebih, boleh ditubuhkan melalui undang-undang persekutuan.

(2) Jika seseorang anggota mana-mana perkhidmatan awam diambil kerja—

- (a) sebahagiannya bagi maksud persekutuan dan sebahagiannya bagi maksud Negeri; atau
- (b) bagi maksud dua Negeri atau lebih,

maka perkadaran saraannya, jika ada, yang kena dibayar oleh Persekutuan dan Negeri atau Negeri-Negeri yang berkenaan atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh setiap Negeri yang berkenaan, hendaklah, tertakluk kepada undang-undang persekutuan, ditentukan dengan persetujuan atau, jika tidak ada persetujuan, oleh Suruhanjaya yang bidang kuasanya meliputi anggota itu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 132—(*samb.*)

Fasal (4)

- a. Fasal yang ada sekarang digantikan oleh Akta 26/1963, seksyen 58, berkuat kuasa dari 16-09-1963. Fasal asal sebagaimana yang terdapat pada Hari Merdeka yang berbunyi seperti yang berikut:
“(4) Fasal (3) tidak menyekat pemakaian Perkara 136 dan 147.”
- b. Perenggan (*d*) ditambahkan oleh Akta 31/1965, seksyen 2, berkuat kuasa setakat yang Fasal itu berhubung dengan Melaka dari 01-05-1960 dan setakat yang Fasal itu berhubung dengan Pulau Pinang dari 01-11-1959.
- c. Dalam perenggan (*c*), perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- d. Perenggan (*a*) dimansuhkan oleh Akta A837, seksyen 6, berkuat kuasa dari 20-11-1992.

Per. 133

Lihat Per. 132(1)(f).

Fasal (2): Lihat Per. 179.

Peminjaman pegawai

134. (1) Persekutuan boleh, atas permintaan sesuatu Negeri, pihak berkuasa tempatan, atau pihak berkuasa berkanun atau mana-mana organisasi, di dalam atau di luar Malaysia, meminjamkan mana-mana anggota perkhidmatan awamnya kepada perkhidmatan Negeri, pihak berkuasa atau organisasi itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan sesuatu Negeri boleh, atas permintaan Persekutuan, suatu Negeri lain, suatu pihak berkuasa tempatan atau suatu pihak berkuasa berkanun atau mana-mana organisasi, di dalam atau di luar Malaysia, meminjamkan mana-mana anggota perkhidmatan awamnya sendiri kepada perkhidmatan Persekutuan, Negeri lain, pihak berkuasa atau organisasi itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Seseorang yang dipinjamkan di bawah Perkara ini hendaklah tetap menjadi anggota perkhidmatan yang dianggotainya, tetapi saraannya hendaklah dibayar oleh Persekutuan, Negeri, pihak berkuasa atau organisasi, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang kepada perkhidmatannya dia dipinjamkan.

Sekatan mengenai pembuangan kerja dan penurunan pangkat

135. (1) Tiada seorang pun anggota mana-mana perkhidmatan yang disebut dalam perenggan (b) hingga (h) Fasal (1) Perkara 132 boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat oleh sesuatu pihak berkuasa yang rendah daripada pihak berkuasa yang, pada masa pembuangan kerja atau penurunan pangkat itu, mempunyai kuasa untuk melantik seseorang anggota perkhidmatan itu yang sama pangkatnya:

Dengan syarat bahawa dalam pemakaiannya bagi anggota-anggota perkhidmatan-perkhidmatan yang disebut dalam perenggan (g) Fasal (1) Perkara 132, Fasal ini tidaklah terpakai bagi apa-apa undang-undang yang mungkin dibuat oleh badan perundangan mana-mana Negeri, selain Pulau Pinang dan Melaka, yang memperuntukkan bahawa segala kuasa dan fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri itu, selain kuasa untuk membuat pelantikan pertama ke perjawatan tetap atau perjawatan berpencen hendaklah dijalankan oleh suatu Lembaga yang dilantik oleh Raja Negeri itu:

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 134

Fasal yang ada sekarang digantikan oleh Akta A885, seksyen 29, berkuat kuasa dari 24-06-1994, dan menggantikan Fasal asal sebagaimana yang terdapat pada Hari Merdeka yang berbunyi seperti yang berikut:

“134. (1) Persekutuan boleh, atas permintaan sesuatu Negeri, meminjamkan mana-mana anggota mana-mana perkhidmatan yang disebut dalam perenggan (a), (b), (c), (d) atau (f) Fasal (1) Perkara 132 kepada perkhidmatan Negeri itu; dan sesuatu Negeri boleh, atas permintaan Persekutuan atau permintaan suatu Negeri lain, meminjamkan mana-mana anggota perkhidmatan awamnya sendiri kepada perkhidmatan Persekutuan atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada perkhidmatan Negeri yang lain itu.

(2) Seseorang yang dipinjamkan di bawah Perkara ini tetap menjadi anggota perkhidmatan yang dianggotainya, tetapi saraannya hendaklah dibayar oleh Negeri yang berkenaan itu jika dia dipinjamkan kepada perkhidmatan Negeri itu, atau dibayar oleh Persekutuan jika dia dipinjamkan kepada perkhidmatan Persekutuan.”.

Fasal (2): Lihat Per. 146D(1).

Per. 135

Fasal (1)

- a. *Lihat Per. 144(5A) & (5B).*
- b. Perkataan “(g)” digantikan dengan “(h)” oleh Akta A193, seksyen 3, berkuat kuasa dari 01-01-1974.
- c. Proviso dimasukkan oleh Akta 27/1968, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-09-1968 oleh Akta A31, perenggan 5(b), berkuat kuasa dari 24-03-1971.
- d. Proviso selanjutnya dimasukkan oleh Akta A354, perenggan 30(a), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa Fasal ini tidaklah terpakai bagi hal jika seseorang anggota mana-mana perkhidmatan yang disebut dalam Fasal ini dibuang kerja atau diturunkan pangkat oleh sesuatu pihak berkuasa menurut sesuatu kuasa yang diwakilkan kepadanya oleh suatu Suruhanjaya yang baginya Bahagian ini terpakai, dan proviso ini hendaklah disifatkan telah menjadi suatu bahagian integral Fasal ini mulai dari Hari Merdeka.

(2) Tiada seorang pun anggota sesuatu perkhidmatan yang disebut terdahulu boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat tanpa diberi peluang yang munasabah untuk didengar:

Dengan syarat bahawa Fasal ini tidaklah terpakai bagi hal yang berikut:

- (a) jika seseorang anggota sesuatu perkhidmatan itu dibuang kerja atau diturunkan pangkat atas alasan kelakuan yang berkenaan dengannya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terhadap anggota itu; atau
- (b) jika pihak berkuasa yang diberi kuasa untuk membuang kerja atau menurunkan pangkat seseorang anggota sesuatu perkhidmatan itu berpuas hati bahawa kerana sesuatu sebab, yang hendaklah direkodkan oleh pihak berkuasa itu secara bertulis, kehendak Fasal ini tidaklah semunasabahnya dapat dilaksanakan; atau
- (c) jika Yang di-Pertuan Agong, atau, dalam hal seseorang anggota perkhidmatan awam sesuatu Negeri, Raja atau Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri itu, berpuas hati bahawa demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya tidaklah suai manfaat kehendak Fasal ini dijalankan; atau
- (d) jika apa-apa perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau pengusiran telah dibuat terhadap seseorang anggota sesuatu perkhidmatan itu, atau jika apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainnya telah dikenakan ke atas seseorang anggota yang sedemikian, di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen, atau perlindungan wanita dan gadis:

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 135—(*samb.*)

Fasal (2)

- a. Proviso dimasukkan oleh Akta A354, perenggan 30(*b*), berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- b. Proviso selanjutnya dimasukkan oleh Akta A442, seksyen 3, berkuat kuasa dari 31-12-1978.
- c. *Lihat* Per. 160(5)(*b*).

Dengan syarat selanjutnya bahawa bagi maksud Perkara ini, jika perkhidmatan seseorang anggota sesuatu perkhidmatan itu ditamatkan demi kepentingan awam di bawah mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa atau di bawah mana-mana peraturan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Fasal (2) Perkara 132, penamatan perkhidmatan itu tidaklah merupakan pembuangan kerja sama ada atau tidak keputusan untuk menamatkan perkhidmatan itu dikaitkan dengan salah laku atau pelaksanaan kewajipan dengan tidak memuaskan oleh anggota itu berhubung dengan jawatannya, atau akibat penamatan itu melibatkan unsur hukuman; dan proviso ini hendaklah disifatkan telah menjadi suatu bahagian integral Perkara ini mulai dari Hari Merdeka.

(3) Tanpa persetujuan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, tiada seorang pun anggota mana-mana perkhidmatan yang disebut dalam perenggan (c), (f) atau (g) Fasal (1) Perkara 132 boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat atau menanggung apa-apa langkah tatatertib yang lain kerana apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya pada menjalankan sesuatu fungsi kehakiman yang diberikan kepadanya oleh undang-undang.

Layanan saksama bagi pekerja persekutuan

136. Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan mereka, semua orang, walau apa pun rasnya, dalam gred yang sama dalam perkhidmatan Persekutuan hendaklah diberi layanan yang saksama.

Majlis Angkatan Tentera

137. (1) Maka hendaklah ada suatu Majlis Angkatan Tentera yang hendaklah bertanggungjawab di bawah kuasa am Yang di-Pertuan Agong bagi pemerintahan, tatatertib dan pentadbiran angkatan tentera, dan segala perkara lain yang berhubungan dengannya selain perkara yang berhubungan dengan penggunaan angkatan tentera bagi maksud operasi.

(2) Fasal (1) berkuat kuasa tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang persekutuan, dan mana-mana undang-undang itu boleh membuat peruntukan bagi peletakhakan apa-apa fungsi mengenai angkatan tentera pada Majlis Angkatan Tentera.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 135—(*samb.*)

Fasal (3)

- a. Fasal yang ada sekarang dimasukkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 53(1), berkuat kuasa dari 16-09-1963. Fasal yang dahulu yang dimansuhkan oleh Akta 10/1960, seksyen 18, berkuat kuasa dari 31-05-1960, berbunyi seperti yang berikut:

“(3) Tiada seorang pun anggota mana-mana perkhidmatan yang disebut dalam perenggan (c), (f), atau (g) Fasal (1) Perkara 132 boleh, tanpa persetujuan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, diberhentikan atau diturunkan pangkat atau menanggung apa-apa langkah tatatertib yang lain kerana apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan olehnya pada menjalankan fungsi kehakiman yang diberikan kepadanya oleh undang-undang.”.

- b. Perkataan “perenggan (e)” digantikan dengan “perenggan (c)” oleh Akta A31, perenggan 5(c), berkuat kuasa dari 24-03-1971.

Per. 136

Lihat Per. 132(4) & 153(5).

(3) Majlis Angkatan Tentera hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut, iaitu:

- (a) Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pertahanan, yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) seorang anggota yang mewakili Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, yang hendaklah dilantik oleh Majlis Raja-Raja;
- (c) Panglima Angkatan Tentera yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong;
- (d) seorang anggota preman, iaitu orang yang melaksanakan tugas jawatan Ketua Setiausaha Pertahanan, yang hendaklah bertindak sebagai Setiausaha Majlis Angkatan Tentera;
- (e) dua orang pegawai turus kanan Angkatan Tentera Persekutuan yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong;
- (f) seorang pegawai kanan Tentera Laut Persekutuan yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong;
- (g) seorang pegawai kanan Tentera Udara Persekutuan yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong;
- (h) dua orang anggota tambahan, jika ada, sama ada anggota tentera atau preman, yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

(4) Majlis Angkatan Tentera boleh bertindak walaupun ada kekosongan dalam keanggotaannya dan, tertakluk kepada Perlembagaan ini dan kepada undang-undang persekutuan, boleh membuat peruntukan bagi semua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) penyusunan kerjanya dan cara bagaimana fungsinya akan dilaksanakan, dan penyimpanan rekod dan minit;
- (b) tugas dan tanggungjawab anggota Majlis itu masing-masing, termasuk perwakilan mana-mana kuasa atau tugasnya kepada mana-mana anggota Majlis itu;
- (c) rundingan yang diadakan oleh Majlis itu dengan orang selain anggotanya;
- (d) tatacara yang akan diikuti oleh Majlis itu pada menjalankan urusannya (termasuk menetapkan kuorum), melantik, mengikut pilihannya, seorang naib pengerusi daripada kalangan anggotanya, dan fungsi naib pengerusi;

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 137

Fasal (3)

- a. Fasal yang ada sekarang digantikan oleh Akta 10/1960, seksyen 19, berkuat kuasa dari 31-05-1960. Fasal yang dahulu berbunyi seperti yang berikut:

“(3) Majlis Angkatan Tentera hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut, iaitu—

 - (a) Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pertahanan, yang hendaklah menjadi pengerusi;
 - (b) seorang anggota mewakili Duli-Duli Yang Maha Mulia, yang hendaklah dilantik oleh Majlis Raja-Raja;
 - (c) Pegawai Pemerintah Agung Angkatan Tentera Persekutuan, yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan hendaklah menjadi Ketua Turus Angkatan Tentera Persekutuan;
 - (d) pegawai turus kanan Tentera Persekutuan yang bertanggungjawab bagi kakitangan dan pegawai turus kanan Tentera Persekutuan yang bertanggungjawab bagi barang stor, kelengkapan dan rumah Kerajaan;
 - (e) mana-mana pegawai yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk memerintah Tentera Laut Persekutuan atau Tentera Udara Persekutuan;
 - (f) seorang anggota preman, iaitu orang yang melaksanakan tugas-tugas jawatan Setiausaha Pertahanan, yang hendaklah bertindak sebagai setiausaha kepada Majlis;
 - (g) seorang anggota tambahan, jika ada, sama ada anggota tentera atau preman, yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.”.
- b. Perkataan “Tentera Laut Diraja Malaya” dalam perenggan (f) dan “Tentera Udara Diraja Malaya” dalam perenggan (g) masing-masing digantikan dengan “Tentera Laut Persekutuan” dan “Tentera Udara Persekutuan” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- c. Perkataan “Duli-Duli Yang Maha Mulia” dalam perenggan (b) digantikan dengan “Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja” oleh Akta A31, seksyen 2, berkuat kuasa dari 24-03-1971.
- d. *Lihat* Akta Angkatan Tentera 1972 [Akta 77].
- e. Perkataan “Ketua Turus Angkatan Tentera” digantikan dengan perkataan “Panglima Angkatan Tentera” oleh Akta A1130, subseksyen 10(1), berkuat kuasa dari 28-09-2001.

Catatan:

1. Apabila Akta A1130 mula berkuat kuasa, tiap-tiap sebutan tentang “Ketua Turus Angkatan Tentera” dalam semua undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan tentang “Panglima Angkatan Tentera”.
2. Apa-apa tindakan yang diambil oleh, atas nama atau terhadap “Panglima Angkatan Tentera” sebelum Akta A1130 mula berkuat kuasa hendaklah disifatkan telah diambil dengan sah dan menurut undang-undang jika tindakan itu boleh diambil dengan sah dan menurut undang-undang oleh, atas nama atau terhadap Ketua Turus Angkatan Tentera.

- (e) apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh Majlis itu perlu atau suai manfaat dibuat peruntukan mengenainya untuk melaksanakan fungsinya dengan lebih baik.

Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan

138. (1) Maka hendaklah ada suatu Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan yang bidang kuasanya hendaklah meliputi semua anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan.

(2) Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan hendaklah terdiri daripada—

- (a) Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) Peguam Negara atau, jika Peguam Negara ialah seorang ahli Parlimen atau dilantik tidak daripada kalangan anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Peguam Cara Negara; dan
- (c) seorang anggota lain atau lebih yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, daripada kalangan orang yang menjadi atau pernah menjadi, atau yang layak menjadi, hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi atau yang pernah menjadi hakim Mahkamah Besar sebelum Hari Malaysia.

(3) Orang yang menjadi setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah juga menjadi setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

139. (1) Maka hendaklah ada suatu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang bidang kuasanya hendaklah, tertakluk kepada Perkara 144, meliputi semua orang yang menjadi anggota perkhidmatan-perkhidmatan yang disebut dalam perenggan (c) dan (f) Fasal (1) Perkara 132, selain Ketua Audit Negara, meliputi anggota perkhidmatan-perkhidmatan awam Negeri Melaka dan Negeri Pulau Pinang, dan, setakat yang diperuntukkan oleh Fasal (2), meliputi anggota perkhidmatan awam mana-mana Negeri lain.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 138

1. Perkara ini dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 52, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Fasal (2)

Perkataan “Tertakluk kepada Perkara 146A” di permulaan Fasal dipotong oleh Akta A354, perenggan 31(a), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal 2(b)

Perkataan “atau, jika Peguam Negara ialah seorang ahli Parlimen atau dilantik bukan daripada kalangan anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Peguam Cara Negara” dimasukkan oleh Akta A354, perenggan 31(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal 2(c)

- a. Perkataan “atau yang layak menjadi,” dimasukkan oleh Akta A354, perenggan 31(c), berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- b. Subseksyen 18(2) Akta A566, berkuat kuasa dari 01-01-1985, memperuntukkan bahawa sebutan mengenai Mahkamah Persekutuan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Mahkamah Agung.
- c. *Lihat* juga Catatan mengenai Perkara ini pada halaman sebelumnya.
- d. Perkataan “Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung” dan “Mahkamah Agung” masing-masing digantikan dengan “Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan” dan “Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan” oleh Akta A885, seksyen 30, berkuat kuasa dari 24-06-1994.

2. Perkara yang dahulu yang dimansuhkan oleh Akta 10/1960, seksyen 20, berkuat kuasa dari 31-05-1960, berbunyi seperti yang berikut:

“138. (1) Maka hendaklah ada suatu Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

(2) Tanpa menjejaskan fungsi-fungsi yang boleh dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan di bawah mana-mana Perkara lain, bidang kuasa Suruhanjaya hendaklah meliputi semua anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan selain Hakim Besar dan hakim-hakim lain Mahkamah Besar dan Peguam Negara.

(3) Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan hendaklah terdiri daripada—

- (a) Hakim Besar, yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) Peguam Negara;
- (c) hakim *puisne* yang kanan;
- (d) timbalan pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam; dan
- (e) seorang atau beberapa orang anggota lain yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Hakim Besar, daripada kalangan hakim atau bekas hakim Mahkamah Besar.”.

Lihat Per. 148(1).

Per. 139

Lihat Per. 144(5B) & 148(1).

Fasal (1)

- a. Perkataan “perenggan (c) dan (f)” dalam naskhah asal dipinda oleh Akta 10/1960, perenggan 21(a), berkuat kuasa dari 31-05-1960 supaya dibaca “perenggan (b), (c) dan (f)”. Akta 26/1963, subseksyen 53(2), berkuat kuasa dari 16-09-1963, mengekalkan versi asal “perenggan (c) dan (f)”.

(1A) Bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah meliputi—

- (a) anggota perkhidmatan awam am Persekutuan yang diambil kerja dalam sesuatu jabatan persekutuan di Negeri Sabah atau Sarawak;
- (b) anggota perkhidmatan awam Negeri Sabah atau Sarawak yang dipinjamkan kepada perkhidmatan awam am Persekutuan; dan
- (c) anggota perkhidmatan awam Negeri Sabah atau Sarawak yang berkhidmat dalam jawatan persekutuan atau dalam mana-mana jawatan yang dijadikan jawatan persekutuan di Negeri itu dan yang telah membuat pilihan untuk menjadi anggota perkhidmatan awam am Persekutuan.

(2) Badan Perundangan mana-mana Negeri, selain Melaka dan Pulau Pinang, boleh melalui undang-undang memperluas bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam supaya meliputi semua atau mana-mana orang dalam perkhidmatan awam Negeri itu, tetapi tiada undang-undang yang sedemikian boleh berkuat kuasa lebih awal daripada dua belas bulan dari tarikh undang-undang itu diluluskan; dan jika suatu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri tidak ada ditubuhkan dan menjalankan fungsinya pada bila-bila masa di mana-mana Negeri yang di dalamnya tiada undang-undang sedemikian berkuat kuasa, maka bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam itu hendaklah, jika undang-undang persekutuan memperuntukkan sedemikian, meliputi semua anggota perkhidmatan awam Negeri itu.

(3) Apa-apa peluasan bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang dibuat oleh Badan Perundangan mana-mana Negeri menurut Fasal (2) boleh dibatalkan atau diubahsuaikan melalui suatu undang-undang yang diluluskan oleh Badan Perundangan Negeri itu.

(4) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong menurut budi bicaranya tetapi selepas menimbang nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja, iaitu, seorang pengerusi, seorang timbalan pengerusi dan tidak kurang daripada empat orang anggota lain; tetapi bilangan anggota lain itu tidak boleh, sehingga diperuntukkan selainnya melalui perintah oleh Yang di-Pertuan Agong, melebihi tiga puluh.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 139—(samb.)

- b. Perkataan “anggota-anggota perkhidmatan awam bagi Negeri Melaka atau Negeri Pulau Pinang” digantikan dengan “anggota-anggota perkhidmatan-perkhidmatan awam bagi Negeri Melaka dan Negeri Pulau Pinang” oleh Akta 10/1960, perenggan 21(b), berkuat kuasa dari 31-05-1960.
- c. Huruf “, (e)” dimasukkan selepas huruf “(c)” oleh Akta A514, perenggan 9(1)(a), berkuat kuasa dari 15-05-1981.
- d. Perkataan “perenggan (c), (e) dan (f)” digantikan dengan “perenggan (c) dan (f)” oleh Akta A885, seksyen 31, berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Fasal (1A)

Ditambahkan oleh Akta A514, perenggan 9(1)(b), berkuat kuasa dari 15-05-1981.

Fasal (2)

- a. Perkataan “selepas tarikh yang berkaitan” yang terdapat selepas perkataan “dan jika” dipotong oleh Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963.
- b. Perkataan “Suruhanjaya yang bersamaan taraf dan bidang kuasa dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam” digantikan dengan “Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- c. *Lihat* Per. 146b(3).

Fasal (3)

- a. Fasal ini dimansuhkan oleh Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963 dan berbunyi seperti yang berikut:

“(3) Tarikh yang berkaitan yang disebut dalam Fasal (2) ialah mana-mana satu daripada tarikh berikut yang terdahulu—

 - (a) tiga puluh satu hari bulan Disember, seribu sembilan ratus enam puluh dua; atau
 - (b) tarikh yang mula-mula sekali berkuat kuasanya sebagai sebahagian daripada Perlembagaan Negeri semua peruntukan yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Kelapan atau peruntukan yang pada keseluruhannya sama kuat kuasanya.”
- b. Fasal baru ini dimasukkan oleh Akta 27/1968, seksyen 3, berkuat kuasa dari 09-09-1968.

Fasal (4)

- a. Perkataan “Tertakluk kepada Perkara 146b” yang terdapat di permulaan Fasal dimasukkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 59(1), berkuat kuasa dari 16-09-1963. Akta itu juga menggantikan perkataan “lapan orang anggota lain” yang terdapat di hujung Fasal dengan “sepuluh orang anggota lain”.
- b. Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 19-09-1966, menggantikan perkataan “sepuluh” dengan “dua belas”.
- c. Perkataan “Tertakluk kepada Perkara 146b” di permulaan Fasal dipotong dan perkataan “dua belas” digantikan dengan “tiga puluh” oleh Akta A514, perenggan 9(1)(c), berkuat kuasa dari 15-05-1981.

Catatan:

Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan atau Perlembagaan Negeri Sabah atau Sarawak, mana-mana anggota perkhidmatan awam Negeri Sabah atau Sarawak yang berkhidmat dalam mana-mana jawatan persekutuan atau dalam mana-mana jawatan yang dijadikan jawatan persekutuan di Negeri itu dan yang telah membuat mengikut apa jua cara atau dalam apa jua bentuk, apa-apa pilihan yang ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk menjadi anggota perkhidmatan awam am Persekutuan hendaklah disifatkan telah membuat pilihan dan dengan demikian itu ditukarkan ke, atau dilantik menjadi anggota, perkhidmatan awam Persekutuan.”.—*Lihat* subseksyen 9(2) Akta A514, berkuat kuasa dari 15-05-1981.

(5) Sama ada pengerusi atau timbalan pengerusi hendaklah, dan kedua-duanya boleh, dilantik daripada kalangan orang yang menjadi anggota mana-mana perkhidmatan awam, atau yang pernah menjadi anggota mana-mana perkhidmatan awam pada bila-bila masa dalam tempoh lima tahun sebaik sebelum tarikh pelantikan pertama mereka.

(6) Seseorang anggota mana-mana perkhidmatan awam yang dilantik menjadi pengerusi atau timbalan pengerusi tidaklah layak memegang apa-apa jawatan selanjutnya dalam perkhidmatan Persekutuan selain sebagai anggota sesuatu Suruhanjaya yang baginya Bahagian ini terpakai.

Suruhanjaya Pasukan Polis

140. (1) Maka hendaklah ada suatu Suruhanjaya Pasukan Polis yang bidang kuasanya hendaklah meliputi semua orang yang menjadi anggota pasukan polis dan yang, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang sedia ada, hendaklah bertanggungjawab bagi pelantikan, pengesahan, kemasukan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, kenaikan pangkat, pertukaran dan penjalanan kawalan tatatertib ke atas anggota pasukan polis:

Dengan syarat bahawa Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan bagi penjalanan apa-apa kawalan tatatertib ke atas semua atau mana-mana anggota pasukan polis mengikut apa-apa cara dan oleh mana-mana pihak berkuasa yang diperuntukkan dalam undang-undang itu, dan dalam keadaan yang sedemikian, jika pihak berkuasa itu bukan Suruhanjaya itu, kawalan tatatertib yang boleh dijalankan oleh pihak berkuasa itu tidak boleh dijalankan oleh Suruhanjaya itu; dan tiada peruntukan undang-undang itu boleh menjadi tidak sah atas alasan ketidakselarasan dengan mana-mana peruntukan Bahagian ini.

(2) Undang-undang persekutuan boleh membuat peruntukan bagi Suruhanjaya Pasukan Polis menjalankan fungsi lain.

(3) Suruhanjaya Pasukan Polis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut, iaitu:

(a) Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi polis, yang hendaklah menjadi Pengerusi;

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 139—(samb.)

- d. Perkataan “tetapi tidak lebih daripada tiga puluh orang anggota lain” digantikan dengan perkataan “anggota lain; tetapi bilangan anggota lain itu tidaklah boleh, sehingga diperuntukkan selainnya melalui perintah oleh Yang di-Pertuan Agong, melebihi tiga puluh orang” oleh Akta A767, seksyen 3, berkuat kuasa dari 11-05-1990.
- e. *Lihat* P.U. (A) 149/1990.

Per. 140

1. Perkara yang ada sekarang digantikan oleh Akta 10/1960, seksyen 22, berkuat kuasa dari 01-04-1961. Perkara asal sebagaimana yang terdapat pada Hari Merdeka berbunyi seperti yang berikut:

“140. (1) Maka hendaklah ada suatu Suruhanjaya Perkhidmatan Polis yang bidang kuasanya hendaklah, tertakluk kepada Perkara 144, meliputi semua orang yang menjadi anggota perkhidmatan polis.

(2) Suruhanjaya Perkhidmatan Polis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut, iaitu—

- (a) seorang pengerusi yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, iaitu seseorang yang merupakan sama ada pengerusi atau timbalan pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
- (b) seorang anggota yang mempunyai kelayakan undang-undang yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Hakim Besar;
- (c) tidak kurang daripada dua orang tetapi tidak lebih daripada empat orang anggota lain yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong menurut budi bicaranya tetapi selepas menimbang nasihat Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi polis.”

Fasal (1): Proviso dimasukkan oleh Akta A354, perenggan 32(a), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (3)

- a. Perkataan “Pesuruhjaya Polis” dalam perenggan (b) digantikan dengan “pegawai polis yang memerintah secara menyeluruh pasukan polis” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. Perkataan “dua” di permulaan perenggan (e) digantikan dengan “tidak kurang daripada dua orang tetapi lebih daripada empat” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- c. *Fasal (3)(a)*: *Lihat* Per. 142(1).
- d. Akta A354, perenggan 32(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976, meminda *Fasal (3)(e)* dengan menggantikan perkataan “empat” dengan “enam”.

- (b) pegawai polis yang memerintah secara menyeluruh pasukan polis;
- (c) orang yang melaksanakan tugas jawatan Ketua Setiausaha Kementerian di bawah Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi polis;
- (d) seorang anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong;
- (e) tidak kurang daripada dua tetapi tidak lebih daripada enam orang anggota lain, yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

(4) Yang di-Pertuan Agong boleh menetapkan sebagai jawatan khas jawatan Ketua Polis Negara, Timbalan Ketua Polis Negara dan apa-apa jawatan lain dalam pasukan polis yang pada pendapatnya adalah serupa atau lebih tinggi tarafnya; dan pelantikan bagi menyandang mana-mana jawatan yang ditetapkan sedemikian tidaklah boleh dibuat mengikut Fasal (1) tetapi hendaklah dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor Suruhanjaya Pasukan Polis.

(5) Sebelum bertindak mengikut Fasal (4) atas syor Suruhanjaya Pasukan Polis, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menimbangkan nasihat Perdana Menteri, dan boleh merujuk syor itu balik satu kali kepada Suruhanjaya itu untuk ditimbangkan semula.

(6) Suruhanjaya Pasukan Polis boleh membuat peruntukan bagi semua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) penyusunan kerjanya dan cara bagaimana fungsinya akan dilaksanakan, dan penyimpanan rekod dan minit;
- (b) tugas dan tanggungjawab anggota Suruhanjaya itu masing-masing, termasuk perwakilan kuasa atau tugasnya kepada mana-mana anggota Suruhanjaya itu atau pasukan polis atau lembaga pegawai pasukan polis atau suatu jawatankuasa yang terdiri daripada anggota Suruhanjaya dan juga pasukan itu;
- (c) rundingan yang diadakan oleh Suruhanjaya itu dengan orang selain anggotanya;
- (d) tatacara yang akan diikuti oleh Suruhanjaya itu pada menjalankan urusannya (termasuk menetapkan kuorum), melantik, mengikut pilihannya, seorang naib pengerusi daripada kalangan anggotanya, dan fungsi naib pengerusi;

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 140—(*samb.*)

Fasal (4)

- a. Perkataan “atau lebih tinggi” dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. Bagi pelantikan Ketua Polis Negara dan Timbalan Ketua Polis Negara lihat seksyen 5 Akta Polis 1967 [*Akta 344*].

Fasal (6)(b)

Perkataan “atau suatu jawatankuasa yang terdiri daripada anggota Suruhanjaya dan juga pasukan itu” dimasukkan oleh Akta A585, seksyen 26, berkuat kuasa dari 14-04-1984.

2. *Lihat* Per. 148(1).
3. *Lihat* Akta Polis 1967.

(e) apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh Suruhanjaya itu perlu atau suai manfaat dibuat peruntukan mengenainya untuk melaksanakan fungsinya dengan lebih baik.

(7) Dalam Perkara ini “pertukaran” tidak termasuk pertukaran tanpa perubahan pangkat dalam pasukan polis.

141. (*Dimansuhkan*).

Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan

141A. (1) Maka hendaklah ada suatu Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan yang bidang kuasanya hendaklah, tertakluk kepada Perkara 144, meliputi semua orang yang menjadi anggota perkhidmatan yang disebut dalam perenggan (*h*) Fasal (1) Perkara 132.

(2) Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong menurut budi bicaranya tetapi selepas menimbang nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja, iaitu, seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak kurang daripada empat orang anggota lain; tetapi bilangan anggota lain itu tidak boleh, sehingga diperuntukkan selainnya melalui perintah oleh Yang di-Pertuan Agong, melebihi lapan* orang.

(3) Seseorang anggota mana-mana perkhidmatan awam yang dilantik menjadi Pengerusi atau Timbalan Pengerusi tidaklah layak memegang apa-apa jawatan selanjutnya dalam perkhidmatan Persekutuan selain sebagai anggota sesuatu Suruhanjaya yang baginya Bahagian ini terpakai.

Peruntukan am yang berhubungan dengan Suruhanjaya

142. (1) Tertakluk kepada perenggan (*a*) Fasal (3) Perkara 140, seseorang ahli mana-mana satu Majlis Parlimen atau Dewan Undangan sesuatu Negeri tidak boleh menjadi atau dilantik menjadi anggota sesuatu Suruhanjaya yang baginya Bahagian ini terpakai.

*Kemudiannya “dua belas”—lihat P.U. (A) 150/1990.

*Sekarang “enam belas”—lihat P.U. (A) 169/2001.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 141

1. *Lihat* Per. 148(1).

Fasal (2)

Perkataan “menurut budi bicaranya tetapi selepas menimbangkan nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja” yang ditunjukkan dalam huruf condong di bawah, dimasukkan oleh Akta 10/1960, seksyen 23, berkuat kuasa dari 31-05-1960.

2. Perkara ini yang berbunyi seperti yang berikut dimansuhkan oleh Akta A514, subseksyen 10(1), berkuat kuasa dari 15-05-1981:

“141. (1) Tertakluk kepada Fasal (4), maka hendaklah ada suatu Suruhanjaya Perkhidmatan Kereta Api yang bidang kuasanya hendaklah tertakluk kepada Perkara 144, meliputi semua orang yang menjadi anggota perkhidmatan kereta api.

(2) Suruhanjaya Perkhidmatan Kereta Api hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong *menurut budi bicaranya tetapi selepas menimbangkan nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja*, iaitu, seorang pengerusi, seorang timbalan pengerusi dan tidak kurang daripada dua tetapi tidak lebih daripada enam orang anggota lain; dan sama ada pengerusi atau timbalan pengerusi hendaklah, dan kedua-duanya boleh, dilantik daripada kalangan orang yang menjadi atau pernah pada bila-bila masa dalam tempoh lima tahun sebaik sebelum tarikh pelantikan pertama mereka menjadi anggota mana-mana perkhidmatan awam.

(3) Salah seorang daripada anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Kereta Api hendaklah dilantik daripada kalangan anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan dua orang anggota lain hendaklah jika orang yang sesuai yang mempunyai pengalaman dalam perkhidmatan kereta api atau pentadbiran kereta api boleh didapati, dilantik daripada kalangan orang yang sedemikian.

(4) Seseorang anggota mana-mana perkhidmatan awam yang dilantik menjadi pengerusi atau timbalan pengerusi tidaklah layak memegang apa-apa jawatan seterusnya dalam perkhidmatan Persekutuan selain sebagai anggota sesuatu Suruhanjaya yang baginya Bahagian ini terpakai.

(5) Jika perkhidmatan kereta api terhenti menjadi perkhidmatan awam Persekutuan, maka Parlimen boleh melalui undang-undang menghapuskan Suruhanjaya Perkhidmatan Kereta Api.”.

Catatan:

Akta A514, seksyen 10, berkuat kuasa dari 15-05-1981, yang memansuhkan Perkara 141 membuat peruntukan dalam subseksyen (2) seperti yang berikut:

“(2) Sebaik sahaja berkuat kuasanya Akta ini—

- (a) apa-apa perkara atau prosiding berkenaan dengan seseorang anggota perkhidmatan kereta api yang menanti keputusan Suruhanjaya Perkhidmatan Api hendaklah diteruskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
- (b) apa-apa perwakilan yang dibuat kepada mana-mana orang atau Lembaga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Kereta Api di bawah Fasal (6) Perkara 144 hendaklah terus mempunyai kuat kuasa dan kesan sepenuhnya melainkan jika dibatalkan selainnya;
- (c) pelantikan mana-mana orang sebagai anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Kereta Api hendaklah terhenti berkuat kuasa; dan
- (d) apa-apa sebutan mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Kereta Api dalam mana-mana undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.”.

Per. 141A

1. *Lihat* Per. 148(1).

2. Perkara ini dimasukkan oleh Akta A193, seksyen 4, berkuat kuasa dari 01-01-1974.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 141A—(samb.)

Fasal (2)

- a. Perkataan “empat orang anggota” digantikan dengan “tidak kurang daripada empat orang tetapi tidak lebih daripada lapan orang anggota lain” oleh Akta A354, seksyen 33, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- b. Perkataan “, seorang Timbalan Pengerusi” dimasukkan oleh Akta A442, perenggan 4(a), berkuat kuasa dari 31-12-1978.
- c. Perkataan “tetapi tidak lebih daripada lapan orang anggota lain” digantikan dengan “anggota lain; tetapi bilangan anggota lain itu tidaklah boleh, sehingga diperuntukkan selainnya melalui perintah oleh Yang di-Pertuan Agong, melebihi lapan orang” oleh Akta A767, seksyen 4, berkuat kuasa dari 11-05-1990.

Fasal (3)

Perkataan “atau Timbalan Pengerusi” dimasukkan oleh Akta A442, perenggan 4(b), berkuat kuasa dari 31-12-1978.

Per. 142

Fasal (1)

- a. Perkataan “Seorang anggota” digantikan dengan “Tertakluk kepada perenggan (a) Fasal (3) Perkara 140, seorang anggota” oleh Akta 10/1960, seksyen 24, berkuat kuasa dari 01-04-1961.
- b. Perkataan “tidaklah boleh dilantik menjadi” digantikan dengan “tidaklah boleh menjadi atau dilantik menjadi” oleh Akta A885, perenggan 32(a), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Fasal (2)

Perkataan “dan tidak boleh terus menjadi seorang anggota” digantikan dengan “dan hendaklah dipecat melalui perintah Yang di-Pertuan Agong” oleh Akta A514, perenggan 11(a), berkuat kuasa dari 15-05-1981. Perenggan (b) digantikan oleh Akta A514, perenggan 11(a), berkuat kuasa dari 15-05-1981 dan berbunyi seperti yang berikut:

“(b) seseorang pegawai atau pekerja mana-mana pihak berkuasa tempatan atau pertubuhan perbadanan atau pihak berkuasa yang ditubuhkan oleh undang-undang bagi maksud awam;”.

Fasal (2)(b)

Perenggan yang ada sekarang digantikan oleh Akta A566, perenggan 19(1)(a), berkuat kuasa dari 16-12-1983 dan menggantikan perenggan yang dahulu yang berbunyi seperti yang berikut:

“(b) seorang anggota mana-mana lembaga pengarah atau lembaga pengurusan, atau seorang pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal ehwal atau perniagaan, mana-mana organisasi atau badan, sama ada diperbadankan atau selainnya, atau mana-mana pengusahaan komersial, perindustrian atau pengusahaan lain, sama ada atau tidak dia menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya;”.

Fasal (2A)

- a. Fasal yang ada sekarang digantikan oleh Akta A566, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 16-12-1983. Fasal yang dahulu yang dimasukkan oleh Akta A514, perenggan 11(b), berkuat kuasa dari 15-05-1981, berbunyi seperti yang berikut:

“(2A) Kehilangan kelayakan dalam perenggan (b) Fasal (2) tidaklah terpakai jika organisasi atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagiannya, atau apa-apa kerja atau tujuan lain yang bersifat khairat atau sosial, dan anggota itu tidak menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya.”.
- b. Perkataan “atau timbalan pengerusi” dimasukkan sebaik selepas perkataan “Pengerusi” oleh Akta A704, seksyen 9, berkuat kuasa dari 10-06-1988.

(2) Tertakluk kepada Fasal (3), seseorang tidaklah boleh dilantik menjadi anggota mana-mana Suruhanjaya yang baginya Bahagian ini terpakai jika dia ialah, dan hendaklah dipecat melalui perintah Yang di-Pertuan Agong jika dia menjadi—

- (a) anggota mana-mana perkhidmatan awam;
- (b) pegawai atau pekerja mana-mana pihak berkuasa tempatan, atau mana-mana badan, sama ada diperbadankan atau selainnya, atau mana-mana badan atau pihak berkuasa yang ditubuhkan oleh undang-undang bagi maksud awam;
- (c) anggota sesuatu kesatuan sekerja atau sesuatu badan atau persatuan yang bergabung dengan sesuatu kesatuan sekerja.

(2A) Sebagai tambahan kepada apa-apa kehilangan kelayakan yang diperuntukkan di bawah Fasal (2), Pengerusi atau Timbalan Pengerusi mana-mana Suruhanjaya yang baginya Bahagian ini terpakai hilang kelayakan untuk memegang jawatan itu jika selepas tiga bulan dari pelantikannya ke jawatan itu atau pada bila-bila masa selepas itu dia ialah atau menjadi anggota mana-mana lembaga pengarah atau lembaga pengurusan, atau pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal ehwal atau urusan, mana-mana organisasi atau badan, sama ada diperbadankan atau selainnya, atau mana-mana pengusahaan komersial, perindustrian atau pengusahaan lain, sama ada atau tidak dia menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya:

Dengan syarat bahawa kehilangan kelayakan itu tidaklah terpakai jika organisasi atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagiannya, atau apa-apa kerja atau tujuan lain yang bersifat khairat atau sosial, dan anggota itu tidak menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya.

(3) Fasal (2) tidak terpakai bagi anggota *ex officio*; dan seorang anggota mana-mana perkhidmatan awam boleh dilantik untuk menjadi dan boleh terus menjadi Pengerusi atau Timbalan Pengerusi bagi mana-mana Suruhanjaya tersebut dan jika dia bercuti sebelum bersara, dia boleh dilantik menjadi anggota lain bagi mana-mana Suruhanjaya tersebut.

(3A) Jika, dalam apa-apa tempoh, Pengerusi mana-mana Suruhanjaya tersebut telah diberi kebenaran bercuti oleh Yang di-Pertuan Agong atau tidak dapat menunaikan fungsinya kerana dia tidak ada di dalam Persekutuan, sakit atau apa-apa sebab lain, maka Timbalan Pengerusi Suruhanjaya itu hendaklah menunaikan fungsi Pengerusi selama tempoh itu, dan jika Timbalan Pengerusi juga tidak ada atau tidak dapat menunaikan fungsi itu, maka seorang anggota Suruhanjaya itu boleh dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk menunaikan fungsi Pengerusi selama tempoh itu.

(4) Jika, dalam apa-apa tempoh, seseorang anggota mana-mana Suruhanjaya tersebut telah diberi kebenaran bercuti oleh Yang di-Pertuan Agong atau tidak dapat menunaikan fungsinya sebagai seorang anggota kerana dia tidak ada di dalam Persekutuan, sakit atau apa-apa sebab lain, maka—

- (a) sekiranya dia seorang anggota dilantik, Yang di-Pertuan Agong boleh melantik mana-mana orang yang layak dilantik untuk mengambil tempatnya bagi menjalankan fungsinya selama tempoh itu, dan pelantikan orang itu hendaklah dibuat mengikut cara yang sama sebagaimana pelantikan anggota yang fungsinya hendaklah dijalankan olehnya itu;
- (b) sekiranya dia seorang anggota *ex officio*, mana-mana orang yang diberi kuasa di bawah undang-undang persekutuan untuk melaksanakan fungsi jawatannya boleh selama tempoh itu melaksanakan juga fungsinya sebagai seorang anggota Suruhanjaya itu.

(5) Sesuatu Suruhanjaya yang baginya Bahagian ini terpakai boleh bertindak walaupun ada sesuatu kekosongan dalam keanggotaannya, dan tiada prosiding sesuatu Suruhanjaya itu boleh menjadi tidak sah semata-mata oleh sebab seseorang yang tidak berhak hadir telah mengambil bahagian dalam prosiding itu.

(6) Sebelum menjalankan fungsinya sebagai seorang anggota mana-mana Suruhanjaya tersebut atau di bawah Fasal (4) mana-mana orang selain seorang anggota *ex officio* hendaklah mengangkat dan menandatangani sumpah jawatan dan sumpah taat setia yang dinyatakan dalam Jadual Keenam di hadapan seorang hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 142—(samb.)

Fasal (3A): Ditambahkan oleh Akta A514, perenggan 11(c), berkuat kuasa dari 15-05-1981.

Catatan:

Pindaan yang dibuat dalam Perkara 142(2)(b) dan (2A) oleh Akta A566 hendaklah terpakai hanya bagi orang yang dilantik menjadi anggota mana-mana Suruhanjaya pada atau selepas 16-12-1983.

Fasal (4)(b): Lihat Per. 146c(2).

Fasal (6)

- a. Perkataan “hakim Mahkamah Besar” digantikan dengan “hakim Mahkamah Persekutuan atau hakim Mahkamah Tinggi” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. Subseksyen 18(2) Akta A566, berkuat kuasa dari 01-01-1985, memperuntukkan bahawa sebutan mengenai Mahkamah Persekutuan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Mahkamah Agung.
- c. Perkataan “Mahkamah Agung” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan” oleh Akta A885, perenggan 32(b), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Syarat-syarat perkhidmatan anggota Suruhanjaya

143. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal (2) Perkara 142, seseorang anggota sesuatu Suruhanjaya yang baginya Bahagian ini terpakai, selain anggota *ex officio*—

- (a) hendaklah dilantik bagi tempoh lima tahun atau, jika Yang di-Pertuan Agong yang bertindak menurut budi bicaranya tetapi selepas menimbangkan nasihat Perdana Menteri dalam sesuatu hal tertentu menentukan sedemikian, bagi apa-apa tempoh yang lebih singkat yang ditentukan sedemikian olehnya;
- (b) boleh, melainkan jika hilang kelayakan, dilantik semula dari semasa ke semasa; dan
- (c) boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya tetapi tidak boleh dipecat daripada jawatan kecuali atas alasan dan mengikut cara yang sama seperti seorang hakim Mahkamah Persekutuan.

(2) Parlimen hendaklah melalui undang-undang membuat peruntukan bagi saraan mana-mana anggota Suruhanjaya tersebut selain seseorang anggota yang peruntukan bagi saraannya sebagai pemegang apa-apa jawatan lain ada dibuat melalui undang-undang persekutuan; dan saraan yang diperuntukkan sedemikian hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan.

(3) Saraan dan terma-terma lain jawatan bagi seseorang anggota sesuatu Suruhanjaya yang baginya Bahagian ini terpakai tidak boleh, selepas pelantikannya, diubah menjadi kurang baik baginya.

Fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan

144. (1) Tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang sedia ada dan kepada peruntukan Perlembagaan ini, menjadi tugas sesuatu Suruhanjaya yang baginya Bahagian ini terpakai untuk melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpenyen, menaikkan pangkat, menukarkan dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota perkhidmatan atau perkhidmatan-perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya.

(2) Undang-undang persekutuan boleh membuat peruntukan bagi mana-mana Suruhanjaya itu menjalankan fungsi lain.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 143

Fasal (1)

Perkataan “Seseorang” digantikan dengan “Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal (2) Perkara 142, seseorang” oleh Akta A514, seksyen 12, berkuat kuasa dari 15-05-1981.

Fasal (1)(c)

- a. Perkataan “Mahkamah Besar” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. Subseksyen 18(2) Akta A566, berkuat kuasa dari 01-01-1985, memperuntukkan bahawa sebutan mengenai Mahkamah Persekutuan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Mahkamah Agung.
- c. Perkataan “Agung” digantikan dengan perkataan “Persekutuan” oleh Akta A885, seksyen 33, berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Fasal (2)

- a. *Lihat* Per. 146c(2).
- b. *Lihat* Akta Suruhanjaya Perkhidmatan 1957 [*Akta 393*].

Per. 144

1. *Lihat* Per. 139(1) & 144(1).

(3) Yang di-Pertuan Agong boleh menetapkan sebagai jawatan khas apa-apa jawatan yang dipegang oleh ketua atau timbalan ketua sesuatu jabatan atau oleh seseorang pegawai yang pada pendapatnya adalah serupa tarafnya; dan pelantikan bagi menyandang mana-mana jawatan yang ditetapkan sedemikian tidak boleh dibuat mengikut Fasal (1) tetapi hendaklah dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor Suruhanjaya yang bidang kuasanya meliputi perkhidmatan yang dalamnya jawatan itu dipegang.

(4) Raja atau Yang di-Pertua Negeri sesuatu Negeri boleh menetapkan sebagai jawatan khas apa-apa jawatan dalam perkhidmatan awam Negerinya yang dipegang oleh ketua atau timbalan ketua sesuatu jabatan atau oleh seseorang pegawai yang pada pendapatnya adalah serupa tarafnya; dan pelantikan bagi menyandang mana-mana jawatan yang ditetapkan sedemikian tidak boleh dibuat mengikut Fasal (1) tetapi hendaklah dibuat oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri atas syor Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (atau, jika di dalam Negeri itu ada suatu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri, atas syor Suruhanjaya itu).

(5) Sebelum bertindak, mengikut Fasal (3) atau (4), atas syor Suruhanjaya yang disebut dalam Fasal itu—

- (a) Yang di-Pertuan Agong hendaklah menimbangkan nasihat Perdana Menteri; dan
- (b) Raja atau Yang di-Pertua Negeri hendaklah menimbangkan nasihat Ketua Menteri Negerinya,

dan boleh merujukkan syor itu balik satu kali kepada Suruhanjaya itu untuk ditimbangkan semula.

(5A) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal (5B), undang-undang persekutuan dan, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang itu, peraturan-peraturan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong boleh, walau apa pun peruntukan Fasal (1) Perkara 135, membuat peruntukan bagi mana-mana pegawai dalam sesuatu perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasa Suruhanjaya yang baginya Bahagian ini terpakai, atau bagi mana-mana lembaga pegawai itu, menjalankan mana-mana fungsi Suruhanjaya itu di bawah Fasal (1):

Dengan syarat bahawa—

- (a) tiada undang-undang atau peraturan sedemikian boleh membuat peruntukan bagi mana-mana pegawai atau lembaga pegawai itu menjalankan apa-apa kuasa membuat

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 144—(samb.)

Fasal (3)

- a. Perkataan “selain jawatan-jawatan dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan” yang terdapat selepas “serupa tarafnya” dipotong oleh Akta 10/1960, perenggan 25(a), berkuat kuasa dari 31-05-1960, tetapi dimasukkan semula oleh Akta 26/1963, subseksyen 53(3), berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. Perkataan “selain jawatan-jawatan dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan” itu dipotong oleh Akta A354, seksyen 34, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- c. Berkenaan dengan senarai jawatan-jawatan ditetapkan—*Lihat* P.U. (S.B.) 119/1957 & 397/1958.

Fasal (4)

- a. Perkataan “mana-mana Raja suatu Suruhanjaya yang bersamaan taraf dan bidang kuasa” digantikan dengan “suatu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (5)(b)

Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (5A)

- a. Ditambahkan oleh Akta 10/1960, perenggan 25(b), berkuat kuasa dari 31-05-1960.
- b. Perkataan “Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal (5B),” dimasukkan oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 19-09-1966.
- c. Dalam proviso kepada perenggan (a), perkataan “atau untuk apa-apa kuasa menaikkan pangkat” digantikan dengan “atau apa-apa kuasa menaikkan pangkat” oleh Akta A31, seksyen 6, berkuat kuasa dari 24-03-1971.

2. Lihat—

- i. Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1967, dalam P.U. 291/1967, seperti yang dipinda oleh P.U. 180/1968, 249/1968, P.U. (A) 285/1969.
- ii. Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1967, dalam P.U. 292/1967, seperti yang dipinda oleh P.U. 181/1968, 249/1968, P.U. (A) 284/1969.
- iii. Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Kenaikan Pangkat) (Lembaga Rayuan) 1968, dalam P.U. 386/1968.

pelantikan pertama kepada perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, atau apa-apa kuasa kenaikan pangkat (selain kenaikan pangkat bagi menyandang jawatan memangku); dan

- (b) mana-mana orang yang terkilan dengan perjalanan mana-mana kuasa kawalan tata tertib oleh mana-mana pegawai atau lembaga pegawai itu boleh merayu kepada Suruhanjaya dalam masa dan mengikut cara yang ditetapkan oleh mana-mana undang-undang atau peraturan-peraturan, dan Suruhanjaya boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkannya adil mengenainya.

(5B) (i) Walau apa pun peruntukan Fasal (1) Perkara 135 dan Perkara 139 dan Perkara 141A, semua kuasa dan fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan yang ditubuhkan di bawah Perkara 139 dan Perkara 141A, selain kuasa membuat pelantikan pertama kepada perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, boleh dijalankan oleh suatu lembaga yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

(ii) Mana-mana orang yang terkilan dengan perjalanan mana-mana kuasa atau fungsi yang disebut terdahulu itu oleh lembaga itu boleh merayu kepada suatu Lembaga Rayuan yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

(iii) Yang di-Pertuan Agong boleh melalui peraturan-peraturan membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan pelantikan anggota-anggota lembaga atau Lembaga Rayuan itu, dan tatacara yang hendaklah diikuti olehnya di bawah Fasal ini.

(iv) Jika Yang di-Pertuan Agong telah melantik lembaga di bawah perenggan (i) Fasal ini bagi maksud menjalankan mana-mana kuasa atau fungsi yang disebut di bawah perenggan itu, maka kuasa atau fungsi itu hendaklah terhenti daripada dijalankan oleh Suruhanjaya tersebut selagi kuasa atau fungsi itu masih menjadi kuasa atau fungsi yang hendaklah dijalankan oleh lembaga itu.

(6) Sesuatu Suruhanjaya yang baginya Bahagian ini terpakai boleh mewakilkan mana-mana fungsinya di bawah Fasal (1) berkenaan dengan apa-apa gred perkhidmatan kepada mana-mana pegawai dalam sesuatu perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya, atau kepada mana-mana lembaga pegawai itu yang dilantik olehnya, dan pegawai atau lembaga itu hendaklah menjalankan fungsi itu di bawah arahan dan kawalan Suruhanjaya itu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 144—(*samb.*)

Fasal (5B)

- a. Ditambahkan oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 19-09-1966.
- b. Subperenggan (i) digantikan oleh Akta A193, seksyen 5, berkuat kuasa dari 01-01-1974. Subperenggan yang dahulu berbunyi seperti yang berikut:
 - “(i) Walau apa pun peruntukan Fasal (1) Perkara 135 dan Perkara 139, segala kuasa dan fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang ditubuhkan di bawah Perkara 139, selain kuasa membuat pelantikan pertama kepada perjawatan tetap atau berpencen, boleh dijalankan oleh suatu lembaga yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.”.

(6A) Berkenaan dengan anggota-anggota perkhidmatan awam Persekutuan yang diambil kerja dalam jawatan-jawatan tambahan kepada angkatan tentera atau mana-mana daripadanya atau jawatan tambahan kepada pasukan polis, atau berkenaan dengan mana-mana gred anggota-anggota perkhidmatan itu yang diambil kerja sedemikian, fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam boleh, di bawah Fasal (5A) atau (6), dijadikan boleh dijalankan oleh seorang pegawai atau suatu lembaga pegawai daripada angkatan tentera atau pasukan polis, mengikut mana-mana yang berkenaan, seolah-olah pegawai atau lembaga pegawai itu ialah anggota perkhidmatan awam Persekutuan.

(7) Dalam Perkara ini “pertukaran” tidak termasuk pertukaran tanpa perubahan pangkat dalam sesuatu jabatan Kerajaan.

(8) Sesuatu Suruhanjaya yang baginya Bahagian ini terpakai boleh, tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini dan undang-undang persekutuan, membuat kaedah-kaedah mengawal selia tatacaranya dan menentukan bilangan anggotanya untuk membentuk kuorum.

Peguam Negara

145. (1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah, atas nasihat Perdana Menteri, melantik seorang yang layak menjadi hakim Mahkamah Persekutuan sebagai Peguam Negara bagi Persekutuan.

(2) Menjadi kewajipan Peguam Negara menasihati Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah Menteri atau mana-mana Menteri mengenai apa-apa perkara undang-undang, dan melaksanakan apa-apa tugas lain yang bersifat undang-undang, yang dari semasa ke semasa dirujuk atau ditugaskan kepadanya oleh Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah Menteri, dan menunaikan fungsi yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah Perlembagaan ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

(3) Peguam Negara hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya, untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan, selain prosiding di hadapan mahkamah Syariah, mahkamah anak negeri atau mahkamah tentera.

(3A) Undang-undang persekutuan boleh memberi Peguam Negara kuasa untuk menentukan mahkamah yang di dalamnya atau tempat apa-apa prosiding yang dia mempunyai kuasa untuk memulakannya di bawah Fasal (3) itu hendaklah dimulakan atau mahkamah yang kepadanya prosiding itu hendaklah dipindahkan.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 144—(samb.)

Fasal (6A): Ditambahkan oleh Akta 25/1963, seksyen 4, berkuat kuasa dari 29-08-1963.

Fasal (8): Lihat Per. 146c(3).

Per. 145

Perkara yang ada sekarang digantikan oleh Akta 10/1960, seksyen 26, berkuat kuasa dari 16-09-1963. Perkara yang dahulu berbunyi seperti yang berikut:

“145. (1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah, selepas berunding dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, melantik daripada kalangan anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan seorang Peguam Negara, yang hendaklah seorang yang berkelayakan menjadi hakim Mahkamah Persekutuan.

(2) Peguam Negara hendaklah memberi nasihat mengenai perkara undang-undang yang dirujuk kepada Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah Menteri, dan hendaklah mempunyai kuasa, yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya, untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan, selain prosiding di hadapan mahkamah Syariah, mahkamah anak negeri atau mahkamah tentera.

(3) Peguam Negara berhak untuk didengar di dalam mana-mana mahkamah atau tribunal dan hendaklah diberi keutamaan daripada mana-mana orang lain yang hadir di hadapan mana-mana mahkamah atau tribunal itu.

(4) Tertakluk kepada Fasal (5), Peguam Negara hendaklah memegang jawatan sehingga dia mencapai umur enam puluh lima tahun atau lebih, tidak lewat daripada enam bulan selepas dia mencapai umur itu, sebagaimana yang diluluskan oleh Yang di-Pertuan Agong.

(5) Peguam Negara boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya tetapi tidaklah boleh dipecat daripada jawatan kecuali atas alasan-alasan dan mengikut cara yang sama seperti seorang hakim Mahkamah Persekutuan.”

Fasal (1) & (6)

- a. Perkataan “Mahkamah Besar” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. Subseksyen 18(2), Akta A566, berkuat kuasa dari 01-01-1985, memperuntukkan bahawa sebutan mengenai Mahkamah Persekutuan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Mahkamah Agung.
- c. Perkataan “Agung” digantikan dengan “Persekutuan” oleh Akta A885, seksyen 34, berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Fasal (3)

Perkataan “mahkamah anak negeri” dimasukkan selepas “mahkamah Syariah” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Fasal (3A): Ditambahkan oleh Akta A704, seksyen 10, berkuat kuasa dari 10-06-1988.

(4) Pada melaksanakan tugasnya Peguam Negara berhak untuk didengar di dalam mana-mana mahkamah atau tribunal di Persekutuan dan hendaklah diberi keutamaan daripada mana-mana orang lain yang hadir di hadapan mahkamah atau tribunal itu.

(5) Tertakluk kepada Fasal (6), Peguam Negara hendaklah memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dan boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dan, melainkan jika dia ialah anggota Jemaah Menteri, hendaklah menerima apa-apa saraan yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong.

(6) Orang yang memegang jawatan Peguam Negara sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Perkara ini hendaklah terus memegang jawatan itu atas terma-terma dan syarat-syarat yang tidak kurang baiknya daripada terma-terma dan syarat-syarat yang terpakai baginya sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Perkara ini dan tidaklah boleh dipecat daripada jawatan kecuali atas alasan dan mengikut cara yang sama seperti seorang hakim Mahkamah Persekutuan.

Laporan Suruhanjaya

146. (1) Setiap Suruhanjaya yang baginya Bahagian ini terpakai hendaklah membuat suatu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada Yang di-Pertuan Agong dan salinan-salinan laporan itu hendaklah dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen.

(2) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah menghantar satu salinan tiap-tiap laporan yang dibuat di bawah Perkara ini kepada Raja atau Yang di-Pertua Negeri setiap Negeri yang anggota-anggota perkhidmatan awamnya diliputi oleh bidang kuasa Suruhanjaya itu, dan Raja atau Yang di-Pertua Negeri itu hendaklah membentangkan laporan itu di hadapan Dewan Undangan.

146A. (*Dimansuhkan*).

146B. (*Dimansuhkan*).

146C. (*Dimansuhkan*).

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 146

Fasal (2)

- a. Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- b. *Lihat* Per. 146c(3).

Per. 146A

1. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 54, berkuat kuasa dari 16-09-1963. Perkara ini dimansuhkan oleh Akta A354, seksyen 35, berkuat kuasa dari 27-08-1976 dan berbunyi seperti yang berikut:

“146A. (1) Berkenaan dengan anggota-anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan yang diambil kerja di Negeri-Negeri Borneo, fungsi-fungsi yang akan dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan hendaklah, selagi Perkara ini berkuat kuasa, dijalankan oleh cawangan Suruhanjaya itu yang ditubuhkan bagi Negeri-Negeri Borneo.

(2) Cawangan Suruhanjaya Kehakiman dan Perundangan bagi Negeri-Negeri Borneo hendaklah terdiri daripada—

- (a) Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Borneo, yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) penasihat-penasihat undang-undang Negeri-Negeri Borneo;
- (c) Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri (jika ada) di setiap Negeri Borneo; dan
- (d) dua orang yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan daripada kalangan anggota badan induk Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan atau Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

(3) *(Dimansuhkan)*.

(4) *(Dimansuhkan)*.

(5) Walau apa pun Fasal (2) Perkara 134, selagi terdapat cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan bagi Negeri-Negeri Borneo di bawah Perkara ini, bidang kuasa Suruhanjaya itu hendaklah meliputi semua anggota perkhidmatan awam bagi sesuatu Negeri Borneo yang dipinjamkan kepada perkhidmatan kehakiman dan perundangan, dan bagi maksud Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan mereka hendaklah disifatkan sebagai anggota-anggota perkhidmatan itu.

(6) Perkara ini hendaklah berkuat kuasa sehingga akhir bulan Ogos 1968, dan selepas itu berhubung dengan Negeri-Negeri Borneo, sehingga ditetapkan sebaliknya oleh Kerajaan Persekutuan.”.

2. *Lihat* Per. 138(2), 146c(1), (2) & (3).

3. Dalam nota bahu, perkataan “cawangan-cawangan” digantikan dengan “cawangan” oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 19-09-1966.

Fasal (1)

Perkataan “atau di Singapura” dan “atau bagi Singapura, mengikut mana-mana yang berkenaan” yang terdapat selepas “Negeri-Negeri Borneo” dipotong oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 19-09-1966.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 146A—(samb.)

Fasal (3)

Fasal ini dimansuhkan oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 19-09-1966 dan berbunyi seperti yang berikut:

“(3) Cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan bagi Singapura hendaklah terdiri daripada—

- (a) Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Singapura, yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) penasihat undang-undang Negeri itu;
- (c) pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri di Singapura;
- (d) hakim Mahkamah Tinggi di Singapura yang ditetapkan oleh Hakim Besar;
- (e) tidak lebih daripada dua orang anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, yang menjadi anggota atau anggota-anggota badan induk yang berkhidmat di bawah Fasal (3) Perkara 146B yang menganggotai cawangan bagi Suruhanjaya Singapura atau, jika Fasal itu tidak berkuat kuasa, anggota atau anggota-anggota yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.”.

Fasal (4)

Fasal ini dimansuhkan oleh Akta 31/1965, subseksyen 2(2), berkuat kuasa dari 01-07-1965 dan berbunyi seperti yang berikut:

“(4) Pada bila-bila masa apabila cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan bagi Negeri-Negeri Borneo memasukkan antara anggotanya lebih daripada seorang pengerusi sesuatu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri, maka peruntukan yang berikut hendaklah terpakai:

- (a) tidak lebih daripada seorang pengerusi itu boleh menghadiri mana-mana mesyuarat cawangan itu, dan pengerusi yang berhak untuk hadir dan dipanggil ke mana-mana mesyuarat hendaklah ditentukan oleh atau mengikut kaedah-kaedah cawangan itu dan (tertakluk kepada kaedah-kaedah itu) apa-apa arahan am atau khas pengerusi cawangan itu; dan
- (b) cawangan itu tidak boleh membuat pelantikan ke jawatan di dalam Negeri akan mana-mana pengerusi itu pada mesyuarat yang dia tidak hadir dan tidak dipanggil, melainkan jika dia mengizinkan mereka berbuat sedemikian.”.

Fasal (5)

Perkataan “atau bagi Singapura” yang terdapat selepas “bagi Negeri-Negeri Borneo” dan perkataan “atau bagi Singapura, mengikut mana-mana yang berkenaan,” yang terdapat selepas “bagi sesuatu Negeri Borneo” dipotong oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 19-09-1966.

Fasal (6)

Fasal ini digantikan oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 19-09-1966 dan menggantikan Fasal yang dahulu yang berbunyi seperti yang berikut:

“(6) Perkara ini hendaklah berkuat kuasa sehingga akhir bulan Ogos 1968, dan selepas itu—

- (a) berhubung dengan Negeri-Negeri Borneo, sehingga ditetapkan sebaliknya oleh Kerajaan Persekutuan; dan
- (b) berhubung dengan Singapura, sehingga Parlimen memperuntukkan selainnya melalui suatu Akta yang diluluskan dengan persetujuan Gabenor.”.

Per. 146B

1. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 55, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Fasal (1)

- a. Perkataan “atau di Singapura” yang terdapat selepas “sesuatu Negeri Borneo” dipotong oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965.
- b. Perkataan “sesuatu Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah atau Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 146B—(samb.)

Fasal (2)

Fasal ini digantikan oleh Akta A354, perenggan 36(a), berkuat kuasa dari 27-08-1976. Fasal yang dahulu berbunyi seperti yang berikut:

“(2) Tertakluk kepada Fasal (3), cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang ditubuhkan bagi sesuatu Negeri di bawah Fasal (1) hendaklah terdiri daripada mana-mana anggota daripada badan induk Suruhanjaya itu yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan dan mana-mana anggota khas yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong; dan pada membuat mana-mana pelantikan di bawah Fasal ini Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak menurut budi bicaranya, selepas menimbangkan nasihat Perdana Menteri dan berunding dengan Gabenor Negeri itu.”.

Fasal (3)

Fasal ini dipotong oleh Akta A354, perenggan 36(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976 dan berbunyi seperti yang berikut:

“(3) Selagi Fasal ini berkuat kuasa, maka di mana-mana Negeri yang pada masa ini terdapat suatu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri, anggota-anggota Suruhanjaya itu hendaklah secara *ex officio* menjadi anggota cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri itu, dan cawangan itu hendaklah terdiri daripada anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri itu dan tidak lebih daripada dua orang anggota daripada badan induk Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.”.

Fasal (6)

Perkataan “sesuatu Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah atau Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (7)

- a. Perkataan “atau Singapura” yang terdapat selepas perkataan “Negeri Borneo” dipotong oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965.
- b. Perkataan “sesuatu Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah atau Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- c. Perkataan “dan cawangan itu ditubuhkan mengikut Fasal (3)” selepas perkataan Suruhanjaya “Perkhidmatan Awam di bawah Perkara ini” dipotong oleh Akta A354, perenggan 36(c), berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- d. Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (8)

- a. Fasal ini digantikan oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965. Fasal yang dahulu berbunyi seperti yang berikut:

“(8) Fasal (1) dan (3) hendaklah berkuat kuasa sehingga akhir bulan Ogos 1968, dan selepas itu mana-mana satu daripada Fasal itu hendaklah terus berkuat kuasa—

 - (a) berhubung dengan sesuatu Negeri Borneo, sehingga ditetapkan sebaliknya oleh Kerajaan Persekutuan; dan
 - (b) berhubung dengan Singapura, sehingga Parlimen memperuntukkan selainnya melalui suatu Akta yang diluluskan dengan persetujuan Gabenor.”.
- b. Perkataan “Fasal (1) dan (3) hendaklah berkuat kuasa sehingga akhir bulan Ogos 1968, dan selepas itu mana-mana satu daripada Fasal itu” digantikan dengan “Perkara ini hendaklah berkuat kuasa sehingga akhir bulan Ogos 1968, dan selepas itu” oleh Akta A354, perenggan 36(d), berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- c. Perkataan “Sesuatu Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah atau Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- d. Lihat Per. 139(4), 146c(1), (2) & (3).

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 146B—(samb.)

2. Perkara ini dimansuhkan oleh Akta A514, seksyen 13, berkuat kuasa dari 15-05-1981 dan berbunyi seperti yang berikut:

“146B. (1) Berkenaan dengan anggota-anggota perkhidmatan awam am Persekutuan yang diambil kerja dalam jabatan persekutuan di Negeri Sabah atau Sarawak, fungsi-fungsi yang akan dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah, selagi Fasal ini berkuat kuasa, dijalankan oleh cawangan Suruhanjaya itu yang ditubuhkan bagi Negeri itu.

(2) Cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang ditubuhkan bagi sesuatu Negeri di bawah Fasal (1) hendaklah terdiri daripada enam orang anggota (dua orang daripadanya hendaklah daripada kalangan anggota badan induk Suruhanjaya Perkhidmatan Awam) yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong yang bertindak menurut budi bicaranya tetapi selepas menimbangkan nasihat Perdana Menteri dan berunding dengan Majlis Raja-Raja.

(3) *(Dimansuhkan).*

(4) Mana-mana anggota cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang ditubuhkan di bawah Fasal (1) sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengerusi Suruhanjaya hendaklah menjadi pengerusi cawangan itu.

(5) Bilangan anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang dikehendaki oleh Fasal (4) Perkara 139 adalah sama seperti bilangan anggota badan induknya, tidak termasuk mereka yang menjadi anggota sesuatu cawangan tetapi bukan anggota badan induk.

(6) Jika sesuatu jawatan dalam jabatan persekutuan di Negeri Sabah atau Sarawak memerlukan kewajipan dijalankan di dalam atau berkenaan dengan Negeri yang satu lagi itu, maka cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang bidang kuasanya meliputi jawatan itu ialah cawangan bagi Negeri di mana ketua jabatan itu biasanya ditempatkan atau, jika terdapat apa-apa keraguan atau kesulitan, mana-mana jua cawangan yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

(7) Walau apa pun Fasal (2) Perkara 134, selagi terdapat cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi Negeri Sabah atau Sarawak di bawah Perkara ini, bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah meliputi (kecuali mengenai penjalanan kawalan tatatertib ke atas mereka) anggota perkhidmatan awam Negeri itu yang dipinjamkan kepada perkhidmatan awam am Persekutuan, selain anggota-anggota dalam atau di bawah apa-apa gred yang diarahkan oleh Yang di-Pertuan Agong dengan persetujuan Yang di-Pertua Negeri; dan bagi maksud Suruhanjaya Perkhidmatan Awam anggota-anggota itu hendaklah disifatkan (kecuali mengenai penjalanan kawalan tatatertib ke atas mereka) sebagai anggota-anggota perkhidmatan awam am Persekutuan.

(8) Perkara ini hendaklah berkuat kuasa sehingga akhir bulan Ogos 1968, dan selepas itu hendaklah terus berkuat kuasa berhubung dengan Negeri Sabah atau Sarawak sehingga ditetapkan sebaliknya oleh Kerajaan Persekutuan.”.

Per. 146C

1. Perkara ini ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 56, berkuat kuasa dari 16-09-1963 dan berbunyi seperti yang berikut:

“146C. (1) Jika peruntukan dibuat oleh undang-undang persekutuan bagi menubuhkan suatu perkhidmatan bersama yang am bagi Persekutuan dan bagi sesuatu Negeri Borneo atau Singapura, atau bagi dua atau lebih daripada Negeri tersebut sama ada berserta Persekutuan atau tidak berserta Persekutuan, dan bagi memberi bidang kuasa berkenaan dengan perkhidmatan itu kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan atau Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, maka undang-undang persekutuan boleh membuat peruntukan bagi fungsi-fungsi Suruhanjaya yang berhubungan dengan perkhidmatan itu dijalankan oleh mana-mana cawangan yang pada masa ini ditubuhkan di bawah Perkara 146A atau 146B bagi Negeri itu atau mana-mana Negeri yang berkenaan itu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 146c—(samb.)

(2) Dalam Perkara 142, perenggan (b) Fasal (4) dan, dalam Perkara 143, Fasal (2) hendaklah berkuat kuasa berhubung dengan anggota-anggota sesuatu cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan atau Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang ditubuhkan di bawah Perkara 146A atau 146B seolah-olah sebutan mengenai undang-undang persekutuan termasuk sebutan mengenai undang-undang Negeri.

(3) Fasal (8) Perkara 144 hendaklah terpakai bagi sesuatu cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan atau Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang ditubuhkan di bawah Perkara 146A atau 146B seolah-olah cawangan itu ialah suatu Suruhanjaya yang berasingan yang Bahagian ini terpakai baginya; tetapi tiada apa-apa jua dalam Perkara itu boleh dikira sebagai menghendaki cawangan itu membuat suatu laporan tahunan yang berasingan di bawah Perkara 146.”.

Fasal (1)

- a. Perkataan “atau Singapura” dipotong dan perkataan “dua atau lebih daripada Negeri tersebut” digantikan dengan “Negeri-Negeri Borneo” oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965.
- b. Perkataan “Suruhanjaya” dalam nota bahu digantikan dengan “Suruhanjaya Perkhidmatan Awam”, perkataan “Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan atau” selepas perkataan “bidang kuasa mengenai perkhidmatan itu kepada” dipotong dan perkataan “146A atau” selepas perkataan “Perkara” dipotong, oleh Akta A354, seksyen 37, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- c. Perkataan “sesuatu Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- d. Perkataan “negeri-negeri Borneo” digantikan dengan perkataan “Negeri-negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (2)

Perkataan “Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan atau” selepas perkataan “anggota-anggota sesuatu cawangan” dipotong dan perkataan “146A atau” selepas perkataan “Perkara “ dipotong oleh Akta A354, perenggan 37(c), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (3)

Perkataan “Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan atau” selepas perkataan “bagi sesuatu cawangan” dipotong dan perkataan “146A atau” selepas perkataan “yang ditubuhkan di bawah Perkara” dipotong oleh Akta A354, perenggan 37(c), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

2. Perkara ini dimansuhkan oleh Akta A514, seksyen 13, berkuat kuasa dari 15-05-1981.

Bidang kuasa Suruhanjaya Pasukan Polis ke atas anggota yang dipinjamkan daripada perkhidmatan Negeri di Negeri Sabah dan Sarawak

146d. Walau apa pun Fasal (2) Perkara 134, bidang kuasa Suruhanjaya Pasukan Polis hendaklah meliputi anggota-anggota perkhidmatan awam Negeri Sabah atau Sarawak yang dipinjamkan kepada pasukan polis; dan bagi maksud Suruhanjaya Pasukan Polis mereka adalah disifatkan sebagai anggota pasukan polis.

(2) *(Dimansuhkan).*

(3) *(Dimansuhkan).*

Perlindungan hak pencen

147. (1) Undang-undang yang terpakai bagi apa-apa pencen, ganjaran atau elaun lain yang sepatutnya (dalam Perkara ini disebut “imbuhan”) yang diberikan kepada seseorang anggota mana-mana perkhidmatan awam, atau kepada balunya, anaknya, orang tanggungannya atau wakil dirinya, hendaklah undang-undang yang berkuat kuasa pada hari yang berkaitan atau apa-apa undang-undang kemudiannya yang tidak kurang baiknya kepada orang yang diberi imbuhan itu.

(2) Bagi maksud Perkara ini hari yang berkaitan—

- (a) berhubung dengan sesuatu imbuhan yang diberikan sebelum Hari Merdeka, ialah tarikh imbuhan itu diberikan;
- (b) berhubung dengan sesuatu imbuhan yang diberikan selepas Hari Merdeka kepada atau berkenaan dengan mana-mana orang yang menjadi anggota mana-mana perkhidmatan awam sebelum Hari Merdeka, ialah tiga puluh hari bulan Ogos tahun seribu sembilan ratus lima puluh tujuh;
- (c) berhubung dengan sesuatu imbuhan yang diberikan kepada atau berkenaan dengan mana-mana orang yang menjadi anggota mana-mana perkhidmatan awam bagi pertama kali pada atau selepas Hari Merdeka, ialah tarikh dia pertama kali menjadi anggota sedemikian.

(3) Bagi maksud Perkara ini, jika undang-undang yang terpakai bagi sesuatu imbuhan bergantung pada pilihan orang yang diberi imbuhan itu, undang-undang yang dipilih olehnya itu hendaklah dikira lebih baik bagi dirinya daripada mana-mana undang-undang lain yang mungkin dipilih olehnya.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 146b

Perkara ini ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 57, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Fasal (1)

- a. Perkataan “(1)” di permulaan Fasal dipotong dan perkataan “(kecuali mengenai penjalanan kawalan tatatertib ke atas mereka)” selepas perkataan “Suruhanjaya Pasukan Polis hendaklah meliputi” dipotong dan perkataan “(kecuali mengenai penjalanan kawalan tatatertib ke atas mereka)” selepas “Suruhanjaya Pasukan Polis anggota itu hendaklah disifatkan” dipotong oleh Akta A354, perenggan 38(a) dan (b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- b. Perkataan “sesuatu Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah atau Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (2) & (3)

Fasal-fasal ini yang dimansuhkan oleh Akta A354, perenggan 38(c), berkuat kuasa dari 27-08-1976, berbunyi seperti yang berikut:

“(2) Jika di sesuatu Negeri Borneo tidak terdapat suatu lembaga yang menjalankan kawalan tatatertib ke atas orang tersebut dan yang mempunyai keanggotaan yang terdiri daripada yang berikut, iaitu:

- (a) Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri di Negeri itu; dan
- (b) penasihat undang-undang Negeri itu; dan
- (c) pegawai kanan polis Negeri itu; dan
- (d) seorang wakil pegawai polis yang memerintah seluruh pasukan polis;

maka Fasal (1) hendaklah terpakai seolah-olah Fasal itu tidak membuat apa-apa kecualian bagi penjalanan kawalan tatatertib.

(3) Beberapa peruntukan yang diperuntukkan dalam Fasal (2) Perkara 139 bagi memperluas bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam supaya meliputi anggota-anggota perkhidmatan awam sesuatu Negeri dalam hal-hal keadaan yang tertentu tidaklah terpakai bagi anggota-anggota perkhidmatan awam sesuatu Negeri Borneo yang dipinjamkan kepada pasukan polis.”.

Per. 147

Lihat Per. 132(4) & 180(2).

Fasal (2): Lihat Per. 180(3).

Tafsiran Bahagian X

148. (1) Sebutan dalam Perlembagaan ini mengenai sesuatu Suruhanjaya yang baginya Bahagian ini terpakai ialah sebutan mengenai mana-mana Suruhanjaya yang ditubuhkan di bawah Perkara 138 hingga 141A, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain.

(2) Dalam Bahagian ini “anggota *ex officio*” termasuklah Menteri dan hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi dan “Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri”, berhubung dengan mana-mana Negeri, ertinya sesuatu Suruhanjaya yang menjalankan fungsi berkenaan dengan anggota-anggota perkhidmatan awam Negeri itu dan yang bersamaan taraf dan bidang kuasanya dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

BAHAGIAN XI**KUASA KHAS MENENTANG PERBUATAN
SUBVERSIF, KEGANASAN TERANCANG, DAN
PERBUATAN DAN JENAYAH YANG
MEMUDARATKAN ORANG AWAM DAN
KUASA DARURAT****Perundangan menentang perbuatan subversif, tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam, dsb.**

149. (1) Jika sesuatu Akta Parlimen menyebut bahawa tindakan telah diambil atau diancam oleh mana-mana kumpulan besar orang, sama ada di dalam atau di luar Persekutuan—

- (a) untuk menyebabkan keganasan terancang terhadap orang atau harta, atau untuk menyebabkan sebilangan besar warganegara takut akan keganasan itu; atau
- (b) untuk membangkitkan perasaan tidak setia terhadap Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana Kerajaan di dalam Persekutuan; atau
- (c) untuk menggalakkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum yang berlainan atau golongan penduduk yang berlainan yang mungkin menyebabkan keganasan; atau

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 148

Fasal (1)

- a. Perkataan “, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain,” dimasukkan oleh Akta 10/1960, perenggan 27(a), berkuat kuasa dari 01-04-1961. Perenggan 27(b) Akta yang sama, berkuat kuasa dari 31-05-1960, menggantikan angka “138” dengan “139”. Fasal yang dahulu berbunyi seperti yang berikut:

“(2) Dalam Bahagian ini “anggota *ex-officio*” termasuklah seorang Menteri, Hakim Besar dan hakim-hakim lain Mahkamah Besar dan Peguam Negara.”.
- b. Akta 26/1963, subseksyen 53(5), berkuat kuasa dari 16-09-1963, mengekalkan angka asal “138”.
- c. Angka “141” digantikan dengan “141A” oleh Akta A354, seksyen 39, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (2)

- a. Fasal yang ada sekarang dimasukkan oleh Akta 14/1962, seksyen 32, berkuat kuasa dari 21-06-1962. Fasal yang dahulu berbunyi seperti yang berikut:

“(2) Dalam Bahagian ini “anggota *ex officio*” termasuklah seorang Menteri, Hakim Besar dan hakim-hakim lain Mahkamah Besar dan Peguam Negara.”.
- b. Akta 26/1963, subseksyen 59(2), seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963, menggantikan perkataan “Mahkamah Besar” dengan “Mahkamah Persekutuan atau hakim Mahkamah Tinggi” dan menambahkan selepas itu perkataan “dan ‘Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri’, berhubung dengan mana-mana Negeri, ertinya sesuatu Suruhanjaya yang menjalankan fungsi-fungsi berkenaan dengan anggota-anggota perkhidmatan awam Negeri itu dan yang bersamaan taraf dan bidang kuasa dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam”.
- c. Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 19-09-1966, membetulkan kesilapan yang terdapat dalam Cetakan Semula tahun 1964 dengan menggantikan perkataan “dan” dengan “atau”.
- d. Kemudiannya pula, subseksyen 18(2), Akta A566, berkuat kuasa dari 01-01-1985, memperuntukkan bahawa sebutan mengenai Mahkamah Persekutuan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Mahkamah Agung.
- e. Perkataan “Mahkamah Agung” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan” oleh Akta A885, seksyen 35, berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Bahagian XI

Tajuk “KUASA-KUASA KHAS MENENTANG PERBUATAN SUBVERSIF, DAN KUASA-KUASA DARURAT” digantikan dengan “KUASA KHAS MENENTANG PERBUATAN SUBVERSIF, KEGANASAN TERANCANG, DAN PERBUATAN DAN JENAYAH YANG MEMUDARATKAN ORANG AWAM, DAN KUASA DARURAT” oleh Akta A442, perenggan 5(a), berkuat kuasa dari 31-12-1978.

Per. 149

1. Perkara yang ada sekarang digantikan oleh Akta 10/1960, perenggan 28(a) dan (b), berkuat kuasa dari 31-05-1960, dan menggantikan Perkara asal yang berbunyi seperti yang berikut:

“149. (1) Jika sesuatu Akta Parlimen menyebut bahawa tindakan telah diambil atau diancam oleh mana-mana kumpulan besar orang, sama ada di dalam atau di luar Persekutuan, untuk menyebabkan keganasan terancang terhadap orang atau harta, atau untuk menyebabkan sebilangan besar warganegara takut akan keganasan itu, maka apa-apa peruntukan undang-undang itu yang bermaksud untuk memberhentikan atau mencegah tindakan itu adalah sah walaupun peruntukan itu tidak selaras dengan mana-mana peruntukan Perkara 5,9, atau 10, atau walaupun, jika tidak kerana Perkara ini, peruntukan itu akan terkeluar daripada kuasa perundangan Parlimen; dan Perkara 79 tidaklah terpakai bagi Rang Undang-Undang untuk sesuatu Akta yang sedemikian atau bagi apa-apa pindaan kepada sesuatu Rang Undang-Undang yang sedemikian.

- (d) untuk mendapatkan perubahan, selain dengan cara yang sah, apa-apa jua yang ditetapkan melalui undang-undang; atau
- (e) yang memudaratkan penyenggaraan atau perjalanan apa-apa bekalan atau perkhidmatan kepada orang awam atau mana-mana golongan orang awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya; atau
- (f) yang memudaratkan ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, atau yang memudaratkan keselamatannya,

maka apa-apa peruntukan undang-undang itu yang bermaksud untuk memberhentikan atau mencegah tindakan itu adalah sah walaupun peruntukan itu tidak selaras dengan mana-mana peruntukan Perkara 5, 9, 10 atau 13, atau walaupun, jika tidak kerana Perkara ini, peruntukan itu akan terkeluar daripada kuasa perundangan Parlimen; dan Perkara 79 tidaklah terpakai bagi Rang Undang-Undang untuk sesuatu Akta yang sedemikian atau bagi apa-apa pindaan kepada sesuatu Rang Undang-Undang yang sedemikian.

(2) Sesuatu undang-undang yang mengandungi sebutan seperti yang disebut dalam Fasal (1), jika tidak terlebih dahulu dimansuhkan, hendaklah terhenti berkuat kuasa jika ketetapan diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen yang mengumumkan undang-undang itu, tetapi tanpa menjejaskan apa-apa jua yang dilakukan sebelum itu menurut kuasa undang-undang itu atau tanpa menjejaskan kuasa Parlimen untuk membuat suatu undang-undang baru di bawah Perkara ini.

Proklamasi darurat

150. (1) Jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa suatu darurat besar sedang berlaku yang menyebabkan keselamatan, atau kehidupan ekonomi, atau ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya terancam, maka Yang di-Pertuan Agong boleh mengeluarkan suatu Proklamasi Darurat dengan membuat dalamnya suatu perisytiharan yang bermaksud sedemikian.

(2) Proklamasi Darurat di bawah Fasal (1) boleh dikeluarkan sebelum sebenarnya berlaku kejadian yang mengancam keselamatan, atau kehidupan ekonomi, atau ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa kejadian sedemikian hampir benar berlaku.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 149—(samb.)

(2) Sesuatu undang-undang yang mengandungi sebutan seperti yang disebut dalam Fasal (1), jika tidak terlebih dahulu dimansuhkan, hendaklah terhenti berkuat kuasa setelah habis tempoh satu tahun dari tarikh undang-undang itu mula berkuat kuasa, tanpa menjejaskan kuasa Parlimen untuk membuat suatu undang-undang baru di bawah Perkara ini.”.

2. Lihat Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 [Akta 82].

3. Perkataan “, tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam, dsb.” dimasukkan selepas perkataan “subversif” dalam nota bahu oleh Akta A442, perenggan 5(b), berkuat kuasa dari 31-12-1978.

Fasal (1)

a. Perenggan (e) digantikan oleh Akta A442, perenggan 5(c), berkuat kuasa dari 31-12-1978. Perenggan asal berbunyi seperti yang berikut:

“(e) yang memudaratkan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya;”.

b. Perkataan “atau 10” digantikan dengan “, 10 atau 13” oleh Akta A514, seksyen 14, berkuat kuasa dari 15-05-1981.

4. Perenggan (f) ditambahkan oleh Akta A442, perenggan 5(c), berkuat kuasa dari 31-12-1978.

Per. 150

Fasal (1)

a. Perkataan “sama ada disebabkan oleh peperangan atau pencerobohan dari luar negeri atau kekacauan di dalam negeri” yang terdapat selepas perkataan “adalah terancam oleh kerananya,” dipotong oleh Akta 26/1963, subseksyen 39(1), berkuat kuasa dari 16-09-1963.

b. Digantikan oleh Akta A514, perenggan 15(a), berkuat kuasa dari 15-05-1981. Fasal (1) yang dahulu berbunyi seperti yang berikut:

“(1) Jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa suatu darurat besar sedang berlaku dan keselamatan atau kehidupan ekonomi Persekutuan atau mana-mana bahagiannya terancam kerananya, maka Yang di-Pertuan Agong boleh mengeluarkan suatu Proklamasi Darurat.”.

c. Perkataan “Yang di-Pertuan Agong” digantikan dengan perkataan “Perdana Menteri” dan perkataan “boleh” digantikan dengan “dia hendaklah menasihati Yang di-Pertuan Agong dengan sewajarnya dan Yang di-Pertuan Agong hendaklah kemudiannya” kedua-duanya oleh Akta A566, perenggan 20(a) dan (b), berkuat kuasa dari 16-12-1983.

Fasal (2)

a. Digantikan oleh Akta A514, perenggan 15(a), berkuat kuasa dari 15-05-1981. Fasal (2) yang dahulu berbunyi seperti yang berikut:

“(2) Jika Proklamasi Darurat dikeluarkan dalam masa Parlimen tidak bersidang, maka Yang di-Pertuan Agong hendaklah memanggil Parlimen dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan, dan sehingga kedua-dua Majlis Parlimen bersidang, Yang di-Pertuan Agong boleh memasyhurkan ordinan-ordinan yang mempunyai kuat kuasa undang-undang jika berpuas hati bahawa tindakan serta-merta dikehendaki.”.

b. Perkataan “Yang di-Pertuan Agong” digantikan dengan perkataan “Perdana Menteri” dan perkataan “dan menasihatkan Yang di-Pertuan Agong dengan sewajarnya” dimasukkan selepas perkataan “yang mengancamkan itu” oleh Akta A566, perenggan 20(c) dan (d), berkuat kuasa dari 16-12-1983.

Lihat Proklamasi dalam P.U. 271/1964, P.U. 339A/1966, P.U. (A) 145/1969.

(2A) Kuasa yang diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong oleh Perkara ini termasuklah kuasa untuk mengeluarkan Proklamasi-Proklamasi yang berlainan atas alasan-alasan yang berlainan atau dalam hal-hal keadaan yang berlainan, sama ada suatu Proklamasi atau Proklamasi-Proklamasi telah dikeluarkan atau tidak oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Fasal (1) dan Proklamasi atau Proklamasi-Proklamasi itu sedang berkuat kuasa.

(2B) Jika pada bila-bila masa semasa suatu Proklamasi Darurat sedang berkuat kuasa, kecuali apabila kedua-dua Majlis Parlimen sedang bersidang serentak, Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa ada hal-hal keadaan tertentu yang menyebabkan perlu baginya mengambil tindakan serta-merta, maka Yang di-Pertuan Agong boleh memasyhurkan apa-apa ordinan sebagaimana yang didapatinya perlu mengikut hal keadaan.

(2C) Sesuatu ordinan yang dimasyhurkan di bawah Fasal (2B) hendaklah mempunyai kuat kuasa dan kesan yang sama sebagaimana Akta Parlimen, dan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya seolah-olah ordinan itu ialah Akta Parlimen sehingga ordinan itu dibatalkan atau diungkapkan di bawah Fasal (3) atau sehingga ordinan itu luput di bawah Fasal (7); dan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk memasyhurkan ordinan di bawah Fasal (2B) boleh dijalankan berhubung dengan apa-apa perkara mengenai Parlimen berkuasa membuat undang-undang, tanpa menghiraukan tatacara perundangan atau tatacara lain yang dikehendaki diikuti, atau perkadaran jumlah undi yang dikehendaki diperoleh di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen.

(3) Proklamasi Darurat dan apa-apa ordinan yang dimasyhurkan di bawah Fasal (2B) hendaklah dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen dan, jika tidak terlebih dahulu dibatalkan, hendaklah terhenti berkuat kuasa jika ketetapan diluluskan oleh kedua-dua Majlis yang mengungkaikan Proklamasi atau ordinan itu, tetapi tanpa menjejaskan apa-apa jua yang dilakukan sebelumnya menurut kuasa Proklamasi atau ordinan itu atau tanpa menjejaskan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk mengeluarkan suatu Proklamasi baru di bawah Fasal (1) atau memasyhurkan apa-apa ordinan di bawah Fasal (2B).

(4) Semasa Proklamasi Darurat berkuat kuasa, kuasa eksekutif Persekutuan hendaklah, walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, meliputi apa-apa perkara dalam kuasa perundangan sesuatu Negeri dan pemberian arahan kepada Kerajaan sesuatu Negeri atau kepada mana-mana pegawai atau pihak berkuasa Negeri itu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 150—(*samb.*)

Fasal (2A)

- a. Ditambahkan oleh Akta A514, perenggan 15(*b*), berkuat kuasa dari 15-05-1981.
- b. Perkataan “untuk mengeluarkan suatu Proklamasi Darurat” dimasukkan selepas perkataan “oleh Perkara ini”, perkataan “sebagaimana dinasihatkan oleh Perdana Menteri,” dimasukkan selepas perkataan “hal-hal keadaan yang berlainan”. Perkataan “oleh Yang di-Pertuan Agong” dipotong. Pindaan-pindaan ini dibuat oleh Akta A566, perenggan 20(*e*), (*f*) dan (*g*), berkuat kuasa dari 16-12-1983.

Fasal (2B)

- a. Ditambahkan oleh Akta A514, perenggan 15(*b*), berkuat kuasa dari 15-05-1981.
- b. Perkataan “Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa ada hal-hal keadaan tertentu yang menyebabkan perlu baginya mengambil tindakan serta-merta, maka Yang di-Pertuan Agong boleh memasyhurkan apa-apa ordinar sebagaimana yang didapatinya dikehendaki mengikut hal-hal keadaan” digantikan dengan “Perdana Menteri berpuas hati bahawa ada hal-hal keadaan tertentu yang menyebabkan perlu diambil tindakan serta-merta, maka dia hendaklah menasihati Yang di-Pertuan Agong supaya memasyhurkan apa-apa ordinar sebagaimana yang didapati perlu oleh Perdana Menteri, dan Yang di-Pertuan Agong hendaklah kemudiannya memasyhurkan ordinar-ordinar itu dengan sewajarnya” oleh Akta A566, perenggan 20(*h*), berkuat kuasa dari 16-12-1983.

Fasal (2c)

- a. Ditambahkan oleh Akta A514, perenggan 15(*c*), berkuat kuasa dari 15-05-1981.
- b. Perkataan “Yang di-Pertuan Agong” dipotong oleh Akta A566, perenggan 20(*i*), berkuat kuasa dari 16-12-1983.

Fasal (3)

- a. Fasal yang ada sekarang digantikan oleh Akta 10/1960, seksyen 29, berkuat kuasa dari 31-05-1960, dan menggantikan Fasal asal yang berbunyi seperti yang berikut:

“(3) Proklamasi Darurat dan apa-apa ordinar yang dimasyhurkan di bawah Fasal (2) hendaklah dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen dan, jika tidak terlebih dahulu dibatalkan, hendaklah terhenti berkuat kuasa—

 - (a) sesuatu Proklamasi, apabila habis tempoh dua bulan mulai tarikh Proklamasi itu dikeluarkan; dan
 - (b) sesuatu ordinar, apabila habis tempoh lima belas hari mulai tarikh kedua-dua Majlis bersidang pertama kali,

melainkan jika, sebelum habis tempoh itu, Proklamasi atau ordinar itu telah diluluskan melalui suatu ketetapan setiap Majlis Parlimen.”
- b. Perkataan “Fasal (2)” digantikan dengan “Fasal (2B)” oleh Akta A514, perenggan 15(*c*), berkuat kuasa dari 15-05-1981.
- c. Perkataan “Yang di-Pertuan Agong” dipotong oleh Akta A566, perenggan 20(*j*), berkuat kuasa dari 16-12-1983.

(5) Tertakluk kepada Fasal (6A), semasa Proklamasi Darurat berkuat kuasa, Parlimen boleh, walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara, jika didapati oleh Parlimen bahawa undang-undang itu dikehendaki oleh sebab darurat itu; dan Perkara 79 tidaklah terpakai bagi suatu Rang Undang-Undang untuk sesuatu undang-undang yang sedemikian atau bagi sesuatu pindaan kepada sesuatu Rang Undang-Undang yang sedemikian, dan juga tidaklah terpakai mana-mana peruntukan Perlembagaan ini atau peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang menghendaki apa-apa keizinan atau persetujuan bagi meluluskan sesuatu undang-undang atau apa-apa rundingan mengenainya atau yang menyekat permulaan kuat kuasa sesuatu undang-undang selepas undang-undang itu diluluskan atau yang menyekat Rang Undang-Undang daripada dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan olehnya.

(6) Tertakluk kepada Fasal (6A), tiada peruntukan mana-mana ordinan yang dimasyhurkan di bawah Perkara ini, dan tiada peruntukan mana-mana Akta Parlimen yang diluluskan semasa Proklamasi Darurat berkuat kuasa dan yang mengisytiharkan bahawa didapati oleh Parlimen undang-undang itu dikehendaki oleh sebab darurat, boleh menjadi tidak sah atas alasan ketidakselarasan dengan mana-mana peruntukan Perlembagaan ini.

(6A) Fasal (5) tidak boleh memperluas kuasa Parlimen mengenai apa-apa perkara hukum Syarak atau adat Melayu atau mengenai apa-apa perkara undang-undang atau adat anak negeri di Negeri Sabah atau Sarawak; dan juga Fasal (6) tidak boleh menjadikan sah mana-mana peruntukan yang tidak selaras dengan peruntukan Perlembagaan ini yang berhubungan dengan apa-apa perkara sedemikian atau berhubungan dengan agama, kewarganegaraan, atau bahasa.

(7) Apabila habis tempoh enam bulan yang bermula dengan tarikh sesuatu Proklamasi Darurat terhenti berkuat kuasa, apa-apa ordinan yang dimasyhurkan menurut Proklamasi itu dan, setakat yang undang-undang itu tidak dapat dibuat dengan sahnya jika tidak kerana Perkara ini, apa-apa undang-undang yang dibuat semasa Proklamasi itu berkuat kuasa, hendaklah terhenti berkuat kuasa, kecuali tentang perkara-perkara yang telah dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan sebelum habis tempoh itu.

(8) Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini—

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 150—(samb.)

Fasal (8)(a)

Perkataan “Yang di-Pertuan Agong disebut dalam Fasal (1) dan Fasal (2B)” digantikan dengan perkataan “Perdana Menteri yang disebut dalam Fasal (1), (2) dan (2B)” oleh Akta A566, perenggan 20(k), berkuat kuasa dari 16-12-1983.

Fasal (8)(b)(i)

Perkataan “sama ada atau tidak berbangkit di bawah Fasal (2)” dimasukkan selepas perkataan “dinyatakan dalam Fasal (1)” oleh Akta A566, perenggan 20(l), berkuat kuasa dari 16-12-1983.

Catatan:

Perkara 150 dipinda lagi oleh Akta A584, seksyen 3, berkuat kuasa dari 20-01-1984 yang mengekalkan peruntukan asal seperti yang terdapat sebelum pindaan yang dibuat oleh Akta A566 seperti yang terdapat kini.

Fasal (5)

- a. Fasal yang ada sekarang digantikan oleh Akta 26/1963, subseksyen 39(2), berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. Perkataan “atau dalam Perlembagaan Negeri Sarawak” dimasukkan oleh Akta 68/1966, perenggan 3(1)(a), selepas perkataan “Perlembagaan ini” yang terdapat mula-mula itu, berkuat kuasa dari 20-09-1966, dan akan berhenti berkuat kuasa enam bulan selepas tarikh terhentinya kuat kuasa Proklamasi Darurat yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 14-09-1966 dalam P.U. 339A/1966. Fasal yang asal berbunyi seperti yang berikut:

“(5) Semasa Proklamasi Darurat berkuat kuasa, Parlimen boleh, walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disenaraikan dalam Senarai Negeri (selain apa-apa perkara mengenai hukum Syarak atau adat orang Melayu), melanjutkan tempoh Parlimen atau Badan Perundangan Negeri, menggantung mana-mana pilihan raya, dan membuat apa-apa peruntukan yang berbangkit atau bersampingan dengan mana-mana peruntukan yang dibuat menurut Fasal ini.”

Fasal (6)

- a. Fasal yang ada sekarang dimasukkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 39(2), berkuat kuasa dari 16-09-1963. Fasal yang asal berbunyi seperti yang berikut:

“(6) Tiada peruntukan mana-mana undang-undang atau ordinan yang dibuat atau yang dimasyhurkan menurut Perkara ini boleh menjadi tidak sah atas alasan apa-apa ketidakselarasan dengan peruntukan-peruntukan Bahagian II, dan Perkara 79 tidaklah terpakai bagi mana-mana Rang Undang-Undang untuk sesuatu undang-undang yang sedemikian atau bagi apa-apa pindaan kepada sesuatu Rang Undang-Undang yang sedemikian.”
- b. Perkataan “atau bagi Perlembagaan Negeri Sarawak” dimasukkan oleh Akta 68/1966, perenggan 3(1)(b), selepas perkataan “Perlembagaan ini” di hujungnya, berkuat kuasa dari 20-09-1966, dan akan berhenti berkuat kuasa enam bulan selepas tarikh terhentinya kuat kuasa Proklamasi Darurat yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 14-09-1966 dalam P.U. 339A/1966.

Fasal (6A)

- a. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 39(2), berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. Perkataan “sesuatu Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah atau Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (8) & (9)

Ditambahkan oleh Akta A514, perenggan 15(d), berkuat kuasa dari 15-05-1981.

- (a) hal puas hati Yang di-Pertuan Agong yang disebut dalam Fasal (1) dan Fasal (2B) adalah muktamad dan konklusif dan tidaklah boleh dicabar atau dipersoalkan di dalam mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan; dan
- (b) tiada mahkamah boleh mempunyai bidang kuasa untuk melayan atau memutuskan apa-apa permohonan, soal atau prosiding, dalam apa-apa jua bentuk, atas apa-apa alasan, mengenai kesahan—
 - (i) sesuatu Proklamasi di bawah Fasal (1) atau sesuatu perisytiharan yang dibuat dalam Proklamasi itu yang bermaksud seperti yang dinyatakan dalam Fasal (1);
 - (ii) kuat kuasa berterusan Proklamasi itu;
 - (iii) mana-mana ordinan yang dimasyhurkan di bawah Fasal (2B); atau
 - (iv) penerusan kuat kuasa mana-mana ordinan itu.

(9) Bagi maksud Perkara ini Majlis-Majlis Parlimen hendaklah dikira sebagai bersidang hanya jika ahli setiap Majlis itu masing-masingnya berhimpun bersama dan menjalankan urusan Majlis itu.

Sekatan ke atas tahanan pencegahan

151. (1) Jika mana-mana undang-undang atau ordinan yang dibuat atau dimasyhurkan menurut Bahagian ini membuat peruntukan bagi tahanan pencegahan—

- (a) pihak berkuasa yang atas perintahnya mana-mana orang ditahan di bawah undang-undang atau ordinan itu hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, memberitahu orang itu alasan dia ditahan dan, tertakluk kepada Fasal (3), pengataan fakta yang berasaskannya perintah itu dibuat, dan hendaklah memberikan peluang kepadanya untuk membuat representasi terhadap perintah itu dengan seberapa segera yang boleh;
- (b) tiada warganegara boleh ditahan seterusnya di bawah undang-undang atau ordinan itu melainkan jika suatu lembaga penasihat yang ditubuhkan sebagaimana yang disebut dalam Fasal (2) telah menimbangkan apa-apa

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 151

Fasal (1)(b)

- a. Perenggan yang asal digantikan oleh Akta 10/1960, seksyen 30, berkuat kuasa dari 31-05-1960 dan berbunyi seperti yang berikut:
 - “(b) tiada warganegara boleh ditahan di bawah undang-undang atau ordinar itu selama tempoh melebihi tiga bulan melainkan jika suatu lembaga penasihat yang ditubuhkan sebagaimana yang disebut dalam Fasal (2) telah menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh warganegara itu di bawah perenggan (a) dan membuat laporan, sebelum habisnya tempoh itu, bahawa pada pendapatnya ada sebab-sebab yang mencukupi mengenai penahanan itu.”
- b. Akta 10/1960, seksyen 30, berkuat kuasa dari 31-05-1960, menggantikan perenggan (b) yang asal dengan yang berikut:
 - “(b) tiada warganegara boleh ditahan di bawah undang-undang atau ordinar itu selama tempoh melebihi tiga bulan melainkan jika suatu lembaga penasihat yang ditubuhkan sebagaimana yang disebut dalam Fasal (2) telah menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh warganegara itu di bawah perenggan (a) dan telah membuat syor-syor mengenainya kepada Yang di-Pertuan Agong.”
- c. Perenggan yang ada sekarang sebagaimana yang terdapat kini digantikan oleh Akta A354, seksyen 40, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

representasi yang dibuat oleh warganegara itu di bawah perenggan (a) dan membuat syor mengenainya kepada Yang di-Pertuan Agong dalam masa tiga bulan setelah menerima representasi itu, atau dalam tempoh yang lebih lama yang dibenarkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

(2) Sesuatu lembaga penasihat yang ditubuhkan bagi maksud Perkara ini hendaklah terdiri daripada seorang pengerusi, yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan yang menjadi atau pernah menjadi atau yang layak menjadi, hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi, atau yang pernah menjadi seorang hakim Mahkamah Besar sebelum Hari Malaysia, dan dua orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

(3) Perkara ini tidak menghendaki mana-mana pihak berkuasa mendedahkan fakta yang pendedahannya pada pendapat pihak berkuasa itu akan bertentangan dengan kepentingan negara.

BAHAGIAN XII

AM DAN PELBAGAI

Bahasa kebangsaan

152. (1) Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen:

Dengan syarat bahawa—

- (a) tiada seorang pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan (selain bagi maksud rasmi), atau daripada mengajarkan atau belajar, apa-apa bahasa lain; dan
- (b) tiada apa-apa jua dalam Fasal ini boleh menjejaskan hak Kerajaan Persekutuan atau hak mana-mana Kerajaan Negeri untuk memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain di dalam Persekutuan.

(2) Walau apa pun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka, dan selepas itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, bahasa Inggeris boleh digunakan di dalam kedua-dua Majlis Parlimen, di dalam Dewan Undangan tiap-tiap Negeri, dan bagi segala maksud rasmi yang lain.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 151—(*samb.*)

Fasal (2)

- a. Perkataan “daripada kalangan orang yang menjadi atau pernah menjadi hakim Mahkamah Agung atau yang layak menjadi hakim Mahkamah Agung, dan” digantikan dengan “dan yang menjadi atau pernah menjadi, atau yang layak menjadi, hakim Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi, atau yang pernah menjadi hakim Mahkamah Besar sebelum Hari Malaysia, dan” dan perkataan “Hakim Besar atau, jika pada masa itu hakim Mahkamah Agung yang lain memangku jawatan Hakim Besar, selepas berunding dengan hakim itu” digantikan dengan “Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. Kemudiannya pula, subseksyen 18(2), Akta A566 berkuat kuasa dari 16-12-1983 memperuntukkan bahawa sebutan mengenai Mahkamah Persekutuan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Mahkamah Agung.
- c. Fasal ini digantikan oleh Akta A767, seksyen 5, berkuat kuasa dari 11-05-1990 dan berbunyi seperti yang berikut:

“(2) Sesuatu lembaga penasihat yang ditubuhkan bagi maksud-maksud Perkara ini hendaklah terdiri daripada seorang pengerusi, yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan yang menjadi atau pernah menjadi, atau yang layak menjadi, hakim Mahkamah Agung atau Mahkamah Tinggi, atau yang pernah menjadi seorang hakim Mahkamah Besar sebelum Hari Malaysia, dan dua orang anggota lain, yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung.”.
- d. Perkataan “Mahkamah Agung” pada kali pertama ia terdapat digantikan dengan perkataan “Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan” oleh Akta A885, seksyen 36, berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Per. 152

1. *Lihat* Per. 161(5).
2. *Lihat* Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 [*Akta 32*].

Fasal (2) & (3): Lihat Per. 161(1).

(3) Walau apa pun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka, dan selepas itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, teks sah—

(a) segala Rang Undang-Undang yang hendak dibawa atau pindaan kepadanya yang hendak dicadangkan di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen; dan

(b) segala Akta Parlimen dan segala perundangan subsidiari yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan,

hendaklah dalam bahasa Inggeris.

(4) Walau apa pun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka, dan selepas itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, segala prosiding di dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi hendaklah dalam bahasa Inggeris:

Dengan syarat bahawa, jika Mahkamah dan peguam bagi kedua-dua pihak bersetuju, keterangan yang diambil dalam bahasa yang digunakan oleh saksi tidak perlu diterjemahkan ke dalam atau direkodkan dalam bahasa Inggeris.

(5) Walau apa pun peruntukan Fasal (1), sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, segala prosiding di dalam mahkamah rendah, selain pengambilan keterangan, hendaklah dalam bahasa Inggeris.

(6) Dalam Perkara ini, “maksud rasmi” ertinya apa-apa maksud Kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, dan termasuklah apa-apa maksud sesuatu pihak berkuasa awam.

Perizaban kuota berkenaan dengan perkhidmatan, permit, dsb., bagi orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak

153. (1) Menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak dan kepentingan sah kaum-kaum lain mengikut peruntukan Perkara ini.

(2) Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, tetapi tertakluk kepada peruntukan Perkara 40 dan peruntukan Perkara ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjalankan fungsinya

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 152—(samb.)

Fasal (4)

- a. Perkataan “Mahkamah Besar” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. Kemudiannya pula, subseksyen 18(2), Akta A566, berkuat kuasa dari 16-12-1983, memperuntukkan bahawa sebutan mengenai Mahkamah Persekutuan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Mahkamah Agung.

3. *Lihat* Per. 161(1).

4. Perkataan “Mahkamah Agung” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan” oleh Akta A885, seksyen 37, berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Fasal (5): Lihat Per. 161(1).

Fasal (6): Dimasukkan oleh Akta A30, seksyen 5, berkuat kuasa dari 10-03-1971.

Per.153

Lihat Per. 38(5), 159(5), 161A(2), (3) & (4).

Fasal (2): Lihat Per 161A(1) & (2).

Fasal (3), (4) & (5): Lihat Per. 161A(1).

Fasal (1), (2), (3), (6) & (8)

- a. Perkataan “dan anak negeri mana-mana Negeri Borneo” dimasukkan selepas “orang Melayu” oleh Akta A30, perenggan 6(a), berkuat kuasa dari 10-03-1971.
- b. Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

di bawah Perlembagaan ini dan undang-undang persekutuan mengikut apa-apa cara yang perlu untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak dan untuk memastikan perizaban bagi orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak apa-apa perkadaran yang difikirkan munasabah oleh Yang di-Pertuan Agong daripada jawatan dalam perkhidmatan awam (selain perkhidmatan awam sesuatu Negeri) dan daripada biasiswa, danasiswa dan keistimewaan pendidikan atau latihan yang seumpamanya atau kemudahan khas lain yang diberikan atau diadakan oleh Kerajaan Persekutuan dan, apabila apa-apa permit atau lesen dikehendaki oleh undang-undang persekutuan bagi mengendalikan apa-apa perdagangan atau perniagaan, maka, tertakluk kepada peruntukan undang-undang itu dan Perkara ini, daripada permit dan lesen itu.

(3) Yang di-Pertuan Agong boleh, bagi memastikan, mengikut Fasal (2), perizaban bagi orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam dan biasiswa, danasiswa dan keistimewaan pendidikan atau latihan atau kemudahan khas lain, memberikan apa-apa arahan am yang dikehendaki bagi maksud itu kepada mana-mana Suruhanjaya yang baginya Bahagian X terpakai atau kepada mana-mana pihak berkuasa yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi pemberian biasiswa, danasiswa atau keistimewaan pendidikan atau latihan atau kemudahan khas lain itu; dan Suruhanjaya atau pihak berkuasa itu hendaklah mematuhi arahan itu dengan sewajarnya.

(4) Pada menjalankan fungsinya di bawah Perlembagaan ini dan undang-undang persekutuan mengikut Fasal (1) hingga (3) Yang di-Pertuan Agong tidak boleh melucutkan mana-mana orang daripada apa-apa jawatan awam yang dipegang olehnya atau daripada terus mendapat biasiswa, danasiswa atau keistimewaan pendidikan atau latihan atau kemudahan khas lain yang dinikmati olehnya.

(5) Perkara ini tidaklah mengurangkan peruntukan Perkara 136.

(6) Jika menurut undang-undang persekutuan yang sedia ada suatu permit atau lesen dikehendaki bagi mengendalikan apa-apa perdagangan atau perniagaan, maka Yang di-Pertuan Agong boleh menjalankan fungsinya di bawah undang-undang itu mengikut apa-apa cara, atau memberikan apa-apa arahan am kepada mana-mana pihak berkuasa yang dipertanggungjawab

di bawah undang-undang itu dengan pemberian permit atau lesen itu, sebagaimana yang dikehendaki untuk memastikan perizaban apa-apa perkadaran daripada permit atau lesen itu bagi orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Yang di-Pertuan Agong; dan pihak berkuasa itu hendaklah mematuhi arahan itu dengan sewajarnya.

(7) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh berkuat kuasa untuk melucutkan atau memberi kuasa supaya dilucutkan apa-apa hak, keistimewaan, permit atau lesen mana-mana orang, yang terakru kepada orang itu atau yang dinikmati atau dipegang oleh orang itu atau untuk memberi kuasa untuk menolak pembaharuan mana-mana permit atau lesen mana-mana orang atau untuk menolak pemberian apa-apa permit atau lesen kepada waris, pengganti atau penerima serah hak seseorang jika pembaharuan atau pemberian itu mungkin semunasabahnya dijangkakan mengikut perjalanan biasa keadaan.

(8) Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, jika menurut mana-mana undang-undang persekutuan apa-apa permit atau lesen dikehendaki bagi mengendalikan apa-apa perdagangan atau perniagaan, maka undang-undang itu boleh membuat peruntukan bagi perizaban apa-apa perkadaran daripada permit atau lesen itu bagi orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak; tetapi tiada undang-undang sedemikian boleh, bagi maksud memastikan perizaban itu—

- (a) melucutkan atau memberi kuasa supaya dilucutkan apa-apa hak, keistimewaan, permit atau lesen mana-mana orang, yang terakru kepada orang itu atau yang dinikmati atau dipegang oleh orang itu; atau
- (b) memberi kuasa untuk menolak pembaharuan mana-mana permit atau lesen mana-mana orang atau untuk menolak pemberian apa-apa permit atau lesen kepada waris, pengganti atau penerima serah hak mana-mana orang jika pembaharuan atau pemberian itu mengikut peruntukan yang lain dalam undang-undang itu mungkin semunasabahnya dijangkakan mengikut perjalanan biasa keadaan, atau menghalang mana-mana orang daripada memindahkan hakmilik bersama dengan perniagaannya apa-apa lesen yang boleh dipindahkan hakmiliknya untuk mengendalikan perniagaan itu; atau

(c) jika tiada permit atau lesen dahulunya dikehendaki bagi mengendalikan perdagangan atau perniagaan itu, memberi kuasa untuk menolak pemberian permit atau lesen kepada mana-mana orang bagi mengendalikan apa-apa perdagangan atau perniagaan yang telah dijalankan olehnya secara *bona fide* sebaik sebelum undang-undang itu mula berkuat kuasa, atau memberi kuasa untuk menolak pembaharuan kemudiannya mana-mana permit atau lesen mana-mana orang, atau untuk menolak pemberian mana-mana permit atau lesen sedemikian kepada waris, pengganti atau penerima serah hak mana-mana orang itu jika, mengikut peruntukan yang lain dalam undang-undang itu, pembaharuan atau pemberian itu mungkin semunasabahnya dijangkakan mengikut perjalanan biasa keadaan.

(8A) Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, jika di dalam mana-mana Universiti, Kolej dan institusi pendidikan lain yang memberikan pendidikan selepas *Malaysian Certificate of Education* atau yang setaraf dengannya, bilangan tempat yang ditawarkan oleh pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi pengurusan Universiti, Kolej atau institusi pendidikan itu kepada calon-calon bagi apa-apa kursus pengajian adalah kurang daripada bilangan calon yang layak mendapat tempat-tempat itu, maka adalah sah bagi Yang di-Pertuan Agong menurut kuasa Perkara ini memberikan apa-apa arahan yang perlu kepada pihak berkuasa itu untuk memastikan perizaban apa-apa perkadaran daripada tempat-tempat itu bagi orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Yang di-Pertuan Agong; dan pihak berkuasa itu hendaklah mematuhi arahan itu dengan sewajarnya.

(9) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh memberi Parlimen kuasa untuk menyekat perniagaan atau perdagangan semata-mata bagi maksud perizaban bagi orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak.

(9A) Dalam Perkara ini ungkapan “anak negeri” berhubung dengan Negeri Sabah atau Sarawak hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Perkara 161A.

(10) Perlembagaan Negeri yang ber-Raja boleh membuat peruntukan yang bersamaan (dengan ubah suaian yang perlu) dengan peruntukan Perkara ini.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 153—(*samb.*)

Fasal (8A)

- a. Dimasukkan oleh Akta A30, perenggan 6(b), berkuat kuasa dari 10-03-1971.
- b. Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (9)

- a. Perkataan “dan anak negeri mana-mana Negeri Borneo” dimasukkan selepas perkataan “orang Melayu” oleh Akta A30, perenggan 6(a), berkuat kuasa dari 10-03-1971.
- b. Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (9A)

- a. Dimasukkan oleh Akta A30, perenggan 6(c), berkuat kuasa dari 10-03-1971.
- b. Perkataan “sesuatu Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah atau Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Ibu kota persekutuan

154. (1) Sehingga diputuskan selainnya oleh Parlimen, perbandaran Kuala Lumpur ialah ibu kota persekutuan.

(2) Walau apa pun apa-apa jua dalam Bahagian VI, Parlimen mempunyai kuasa khusus untuk membuat undang-undang mengenai sempadan ibu kota persekutuan.

(3) *(Dimansuhkan)*.

Persalingan Komanwel

155. (1) Jika undang-undang yang berkuat kuasa di mana-mana bahagian lain Komanwel memberikan apa-apa hak atau keistimewaan kepada warganegara Persekutuan maka adalah sah bagi Parlimen memberikan hak atau keistimewaan yang seumpamanya kepada warganegara dari bahagian Komanwel itu yang bukan warganegara Persekutuan, walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini.

(2) Sebutan dalam Fasal (1) mengenai warganegara sesuatu bahagian Komanwel, berhubung dengan United Kingdom atau mana-mana bahagian Komanwel yang lain yang bukan suatu negara Komanwel atau bukan suatu wilayah yang ditadbirkan oleh Kerajaan sesuatu negara Komanwel selain United Kingdom, hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai warganegara United Kingdom dan Tanah-Tanah Jajahan.

(3) Perkara ini terpakai berhubung dengan Republik Ireland sebagaimana Perkara ini terpakai berhubung dengan sesuatu negara Komanwel.

Sumbangan bagi membantu kadar-kadar berkenaan dengan harta persekutuan dan Negeri

156. Jika tanah, bangunan, atau hereditamen diduduki bagi maksud awam oleh atau bagi pihak Persekutuan, sesuatu Negeri atau sesuatu pihak berkuasa awam, maka Persekutuan, Negeri atau pihak berkuasa awam itu tidaklah bertanggungjawab membayar kadar-kadar tempatan berkenaan dengannya tetapi bagi membantu pembayaran kadar-kadar itu hendaklah memberikan apa-apa sumbangan berkenaan dengannya sebagaimana yang dipersetujui

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 154

Lihat Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [*Akta 190*].

Fasal (3)

Dimansuhkan oleh Akta 10/1960, seksyen 31, berkuat kuasa dari 08-08-1960, yang juga memotong perkataan “tetapi tertakluk kepada Fasal (3)” selepas perkataan “Bahagian VI” dalam Fasal (2). Fasal (3) yang asal berbunyi seperti yang berikut:

“(3) Berhubung dengan perbandaran Kuala Lumpur, Fasal (2) tidaklah terpakai sehingga suatu tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong dengan persetujuan Raja Negeri Selangor menurut perkiraan yang dibuat antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri itu bagi penubuhan ibu kota Negeri di suatu tempat lain; dan sehingga tarikh itu ditetapkan, Senarai Persekutuan hendaklah terpakai seolah-olah butiran (*c*) seksyen 6, dan perkataan “kadar di ibu kota persekutuan” dalam butiran (*h*) seksyen 7 ditinggalkan.”.

Per. 155

Fasal (2):

Fasal yang ada sekarang digantikan oleh Akta 14/1962, seksyen 32, berkuat kuasa dari 01-10-1962, dan menggantikan Fasal yang asal yang berbunyi seperti yang berikut:

“(2) Dalam Perkara ini “bahagian Komanwel” ertinya mana-mana negara Komanwel, mana-mana tanah jajahan, tanah protektorat atau negara naungan dan mana-mana wilayah lain yang ditadbirkan oleh Kerajaan mana-mana negara Komanwel; dan berhubung dengan United Kingdom dan mana-mana bahagian Komanwel yang lain (yang bukan negara Komanwel atau wilayah yang ditadbirkan oleh Kerajaan sesuatu negara Komanwel selain United Kingdom) sebutan mengenai warganegara bahagian Komanwel itu hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai warganegara United Kingdom dan Tanah-Tanah Jajahan.”.

antara Persekutuan, Negeri atau pihak berkuasa awam itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan pihak berkuasa yang melewikan kadar-kadar itu atau, jika tidak ada persetujuan, sebagaimana yang diputuskan oleh suatu tribunal yang terdiri daripada pengerusi Tribunal Tanah yang ditubuhkan di bawah Perkara 87, yang hendaklah mempengerusikannya, dan dua orang anggota lain dengan setiap satu pihak yang berkenaan itu melantik seorang anggota.

Pewakilan fungsi Negeri kepada suatu Negeri lain

157. Tertakluk kepada apa-apa peruntukan undang-undang Negeri, perkiraan boleh dibuat antara mana-mana dua Negeri supaya pihak-pihak berkuasa satu Negeri melaksanakan apa-apa fungsi bagi pihak-pihak berkuasa Negeri yang satu lagi, dan perkiraan itu boleh mengadakan peruntukan bagi membuat pembayaran berkenaan dengan apa-apa kos yang dilakukan di bawah perkiraan itu.

158. *(Dimansuhkan).*

Pindaan Perlembagaan

159. (1) Tertakluk kepada peruntukan yang berikut dalam Perkara ini dan kepada Perkara 161E, peruntukan Perlembagaan ini boleh dipinda melalui undang-undang persekutuan.

(2) *(Dimansuhkan).*

(3) Sesuatu Rang Undang-Undang bagi membuat apa-apa pindaan kepada Perlembagaan (selain pindaan yang dikecualikan daripada peruntukan Fasal ini) dan sesuatu Rang Undang-Undang bagi membuat apa-apa pindaan kepada sesuatu undang-undang yang diluluskan di bawah Fasal (4) Perkara 10 tidaklah boleh diluluskan di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen melainkan jika Rang Undang-Undang itu telah disokong pada Bacaan Kali Kedua dan Kali Ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli Majlis Parlimen itu.

(4) Pindaan-pindaan yang berikut dikecualikan daripada peruntukan Fasal (3), iaitu:

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 158

1. Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963, menggantikan perkataan “mana-mana wilayah yang Perkara ini terpakai baginya” yang terdapat di hujung perenggan (a), (b) dan (c) Fasal (1) dengan “Brunei” dan memansuhkan Fasal (2) yang berbunyi seperti yang berikut:

“(2) Perkara ini terpakai bagi Singapura, Sarawak, Brunei dan Borneo Utara.”.

2. Perkara ini dipotong oleh Akta A704, seksyen 11, berkuat kuasa dari 10-06-1988 dan berbunyi seperti yang berikut:

“158. (1) Tiada apa-apa jua dalam Perlembagaan ini boleh dikira sebagai melarang daripada dibuat atau diteruskan perkiraan yang menurutnya—

- (a) jabatan-jabatan, pihak-pihak berkuasa atau perkhidmatan-perkhidmatan disenggarakan oleh Kerajaan Persekutuan bersama-sama dengan Kerajaan Brunei; atau
- (b) Kerajaan Persekutuan atau mana-mana pegawainya atau pihak berkuasanya bertindak sebagai ejen bagi Kerajaan Brunei; atau
- (c) apa-apa bahagian kuasa eksekutif Persekutuan dijalankan, dengan persetujuan Kerajaan Persekutuan, oleh mana-mana pegawai atau pihak berkuasa Kerajaan Brunei.

(2) *(Dimansuhkan)*.”.

Per. 159

Lihat Per. 159A.

Fasal (1)

- a. Perkataan “dan kepada Perkara 161E dan 161H” dimasukkan selepas “Perkara ini” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- b. Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965, menggantikan “dan kepada Perkara 161E dan 161H” dengan perkataan “dan kepada Perkara 161E”.

Fasal (2)

Fasal ini dimansuhkan oleh Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963 dan berbunyi seperti yang berikut:

“(2) Tiada pindaan kepada Perlembagaan ini boleh dibuat sebelum Parlimen ditubuhkan mengikut Bahagian IV, kecuali apa-apa yang difikirkan perlu oleh Majlis Perundangan untuk menghapuskan apa-apa kesulitan dalam masa peralihan daripada perkiraan perlembagaan yang berkuat kuasa sebaik sebelum Hari Merdeka dengan apa yang diperuntukkan oleh Perlembagaan ini; tetapi apa-apa undang-undang yang dibuat menurut Fasal ini hendaklah, melainkan jika dimansuhkan terlebih dahulu, terhenti berkuat kuasa apabila habis tempoh dua belas bulan yang bermula pada hari Parlimen pertama kali bersidang.”.

Fasal (3)

- a. *Lihat Per. 62(3), 68(5) & 161E(1).*
- b. Perkataan “dan sesuatu Rang Undang-Undang bagi membuat apa-apa pindaan kepada sesuatu undang-undang yang diluluskan di bawah Fasal (4) Perkara 10” dimasukkan oleh Akta A30, subseksyen 7(1), berkuat kuasa dari 10-03-1971.

- (a) apa-apa pindaan kepada Bahagian III Jadual Kedua atau kepada Jadual Keenam atau Jadual Ketujuh;
- (b) apa-apa pindaan yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada perjalanan apa-apa kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan kepada Parlimen oleh mana-mana peruntukan Perlembagaan ini selain Perkara 74 dan 76;
- (bb) tertakluk kepada Perkara 161E apa-apa pindaan yang dibuat bagi atau berkaitan dengan penerimaan masuk mana-mana Negeri ke dalam Persekutuan atau pergabungannya dengan Negeri-Negeri Persekutuan, atau apa-apa ubah suaian yang dibuat tentang pemakaian Perlembagaan ini bagi sesuatu Negeri yang diterima masuk atau bergabung sedemikian sebelum itu;
- (c) apa-apa pindaan yang berbangkit daripada sesuatu pindaan yang dibuat di bawah perenggan (a).

(5) Sesuatu undang-undang yang membuat sesuatu pindaan kepada Fasal (4) Perkara 10, apa-apa undang-undang yang diluluskan di bawahnya, peruntukan Bahagian III, Perkara 38, Fasal (4) Perkara 63, Perkara 70, Fasal (1) Perkara 71, Fasal (4) Perkara 72, Perkara 152, atau 153 atau kepada Fasal ini tidaklah boleh diluluskan tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja.

(6) Dalam Perkara ini “pindaan” termasuklah tambahan dan pemansuhan; dan dalam Perkara ini dan dalam perenggan (a) Perkara 2 “Negeri” termasuklah mana-mana wilayah.

Perjalanan kuat kuasa peruntukan peralihan dalam Akta Malaysia

159A. Peruntukan Bahagian IV Akta Malaysia (yang mengandungi peruntukan sementara dan peralihan berkaitan dengan perjalanan kuat kuasa Akta itu) hendaklah berkuat kuasa seolah-olah peruntukan itu termaktub dalam Perlembagaan ini, dan hendaklah berkuat kuasa walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini sebagaimana yang dipinda oleh Akta itu; dan peruntukan Perlembagaan ini, dan khususnya Fasal (1) Perkara 4 dan Perkara 159 dan 161E hendaklah berkuat kuasa berhubung dengan peruntukan Bahagian IV Akta Malaysia dengan sewajarnya.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 159—(*samb.*)

Fasal (4)(a)

Perkataan “Jadual Kedua,” digantikan dengan “Bahagian III Jadual Kedua atau kepada” oleh Akta 26/1963, perenggan 24(1)(b), berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Fasal (4)(bb)

- a. Ditambahkan oleh Akta 14/1962, seksyen 24, berkuat kuasa dari 31-08-1957.
- b. Perkataan “tertakluk kepada Perkara 161E” dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- c. *Lihat* Per. 161E(1).

Fasal (4)(c)

Perkataan “yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada pemansuhan sesuatu undang-undang yang dibuat di bawah Fasal (2) atau” selepas perkataan “apa-apa pindaan” dipotong oleh Akta A31, perenggan 7(a), berkuat kuasa dari 24-03-1971.

Fasal (5)

Perkataan “Fasal (4) Perkara 10, apa-apa undang-undang yang diluluskan di bawahnya, peruntukan Bahagian III,” angka “63(4)”, angka “72(4), 152,” dan perkataan “atau kepada Fasal ini” dimasukkan oleh Akta A30, subseksyen 7(2), berkuat kuasa dari 10-03-1971.

Fasal (6)

- a. Perkataan “dan ‘Negeri’ termasuklah mana-mana wilayah” ditambahkan oleh Akta 14/1962, seksyen 24, berkuat kuasa dari 31-08-1957.
- b. Perkataan “pemansuhan dan ‘Negeri’ termasuklah mana-mana wilayah” digantikan dengan “pemansuhan; dan dalam Perkara ini dan dalam Perkara 2(a) ‘Negeri’ termasuklah mana-mana wilayah” oleh Akta A31, perenggan 7(b), berkuat kuasa dari 24-03-1971.

Per. 159A

1. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 71, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. Perkataan “Perkara 159, 161E dan 161H” digantikan dengan “Perkara 159 dan 161E” oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 19-09-1966.

Tafsiran

160. (1) Ordinan Tafsiran dan Fasal-Fasal Am 1948 [*M.U. 7 tahun 1948*], sebagaimana yang berkuat kuasa sebaik sebelum Hari Merdeka, setakat yang dinyatakan dalam Jadual Kesebelas, hendaklah terpakai bagi pentafsiran Perlembagaan ini sebagaimana Ordinan itu terpakai bagi mentafsirkan mana-mana undang-undang bertulis mengikut pengertian Ordinan itu, tetapi dengan menggantikan sebutan mengenai Pesuruhjaya Tinggi dengan sebutan mengenai Yang di-Pertuan Agong.

(2) Dalam Perlembagaan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, ungkapan-ungkapan yang berikut mempunyai erti sebagaimana yang diberikan dengan ini kepadanya masing-masing, iaitu—

“Akta Parlimen” ertinya undang-undang yang dibuat oleh Parlimen;

“anggota pentadbiran”, berhubung dengan Persekutuan, ertinya seseorang yang memegang jawatan sebagai Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen atau Setiausaha Politik dan, berhubung dengan sesuatu Negeri, ertinya seseorang yang memegang sesuatu jawatan yang bersamaan di dalam Negeri itu atau yang memegang jawatan sebagai anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan (selain anggota kerana jawatan);

“Badan Perundangan”, berhubung dengan sesuatu Negeri, ertinya pihak berkuasa yang mempunyai kuasa di bawah Perlembagaan Negeri itu untuk membuat undang-undang bagi Negeri itu;

“cukai” termasuklah impos atau duti tetapi tidak termasuk kadar yang dilevikan bagi maksud tempatan atau fi bagi perkhidmatan yang diberikan;

“Dewan Undangan” ertinya dewan perwakilan, tidak kira bagaimana jua disebut, dalam Badan Perundangan sesuatu Negeri (dan khususnya termasuklah Majlis Negeri di Sarawak), tetapi kecuali dalam Jadual Kelapan termasuklah juga sesuatu Majlis Undangan, tidak kira bagaimana jua disebut;

“Enakmen”, jika ungkapan itu terdapat dalam Jadual Kelapan, ertinya undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan sesuatu Negeri;

“Gabenor” (*Dimansuhkan*);

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 160

Lihat Per. 162(2).

Fasal (2)

a. *Takrif “anggota pentadbiran”:*

- i. Dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 5, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- ii. Dipinda oleh Akta 19/1964, subseksyen 5(2), berkuat kuasa dari 16-09-1963, dengan menggantikan perkataan “atau Menteri Muda” dengan “Menteri Muda, Setiausaha Parlimen atau Setiausaha Politik” dan dengan memotong perkataan “dan termasuklah di Singapura setiausaha-setiausaha politik dan juga setiausaha-setiausaha Parlimen” yang terdapat di hujung Fasal.
- iii. Perkataan “Menteri Muda” digantikan dengan “Timbalan Menteri” oleh Akta A31, subseksyen 10(1), berkuat kuasa dari 24-03-1971.

b. *Takrif “Dewan Undangan”:*

Takrif yang ada sekarang dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 5, berkuat kuasa dari 16-09-1963; dan menggantikan takrif yang asal yang berbunyi seperti yang berikut:

‘ “Dewan Undangan”, kecuali dalam Jadual Ketujuh dan Kelapan, termasuklah Majlis Mesyuarat Negeri;’.

“hak pencen” termasuklah hak persaraan dan hak kumpulan wang simpanan;

“Hari Merdeka” ertinya tiga puluh satu hari bulan Ogos, tahun seribu sembilan ratus lima puluh tujuh;

“hutang” termasuklah apa-apa liabiliti berkenaan dengan apa-apa obligasi untuk membayar balik wang modal dengan cara anuiti dan apa-apa liabiliti di bawah apa-apa jaminan dan “caj hutang” hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

“jawatan berpendapatan” ertinya apa-apa jawatan sepenuh masa dalam mana-mana perkhidmatan awam, dan termasuklah—

- (a) jawatan mana-mana hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi; dan
- (b) jawatan Ketua Audit Negara; dan
- (c) jawatan seseorang anggota Suruhanjaya Pilihan Raya, jawatan seseorang anggota (selain anggota *ex officio*) sesuatu Suruhanjaya yang baginya Bahagian X terpakai, atau jawatan seseorang anggota (selain anggota *ex officio*) mana-mana Suruhanjaya yang bersamaan yang ditubuhkan oleh Perlembagaan sesuatu Negeri; dan
- (d) apa-apa jawatan lain yang tidak dinyatakan dalam Fasal (3) Perkara 132 yang boleh ditetapkan sebagai jawatan berpendapatan melalui Akta Parlimen;

“Jawatankuasa kaedah” (*Dimansuhkan*);

“kadar tempatan” (*Dimansuhkan*);

“kekosongan luar jangka” ertinya kekosongan yang berlaku di dalam Dewan Rakyat atau di dalam sesuatu Dewan Undangan selain oleh sebab pembubaran Parlimen atau pembubaran Dewan Undangan itu;

“Ketua Menteri” dan “Menteri Besar” kedua-duanya bererti yang dipertua, tidak kira dengan gelaran apa jua dia dikenali, Majlis Mesyuarat Kerajaan di dalam sesuatu Negeri;

“Majlis Mesyuarat Kerajaan” ertinya Jemaah Menteri atau badan lain, tidak kira bagaimana jua disebut, yang di dalam Kerajaan sesuatu Negeri adalah bersamaan, sama ada anggota-anggotanya ialah Menteri atau bukan, dengan Jemaah Menteri di dalam Kerajaan Persekutuan (dan khususnya termasuklah Majlis Tertinggi di Sarawak);

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 160—(*samb.*)

c. *Takrif “Gabenor”*:

- i. Dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 5, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- ii. Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965, memotong perkataan “dan Yang di-Pertuan Negara Singapura” yang terdapat di hujung takrif dan membetulkan kesilapan dalam Cetakan Semula tahun 1964 dengan menggantikan perkataan “Yang di-Pertuan Negara Sabah” dengan “Yang di-Pertua Negara Sabah”.
- iii. Dipotong oleh Akta A354, seksyen 41, berkuat kuasa dari 27-08-1976. Takrif yang dahulu berbunyi seperti yang berikut:
‘ “Gabenor” ertinya Ketua Negeri, tidak kira dengan apa jua gelaran dia dikenali, di sesuatu Negeri yang tidak mempunyai Raja (dan khususnya termasuklah Yang di-Pertua Negara Sabah);’.

d. *Takrif “Jawatan berpendapatan”*:

- i. Takrif yang ada sekarang dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 5, berkuat kuasa dari 16-09-1963. Takrif yang dahulu, sebagaimana yang terdapat pada tarikh pemansuhan, berbunyi seperti yang berikut:
‘ “Jawatan berpendapatan” ertinya apa-apa jawatan sepenuh masa dalam mana-mana perkhidmatan awam, dan termasuklah jawatan Hakim Besar atau hakim lain Mahkamah Agung, Ketua Audit Negara, anggota Suruhanjaya Pilihan Raya atau mana-mana Suruhanjaya yang Bahagian X terpakai baginya, dan apa-apa jawatan lain yang ditetapkan sebagai jawatan berpendapatan melalui Akta Parlimen;’.
- ii. Subseksyen 18(2) Akta A566, berkuat kuasa dari 01-01-1985 memperuntukkan bahawa sebutan mengenai Mahkamah Persekutuan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Mahkamah Agung.
- iii. Perkataan “Mahkamah Agung” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan” oleh Akta A885, perenggan 38(a), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

e. *Takrif “Jawatankuasa Kaedah”*:

Takrif ini dimansuhkan oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963 dan berbunyi seperti yang berikut:

‘ “Jawatankuasa Kaedah” ertinya Jawatankuasa Kaedah atau pihak berkuasa lain yang mempunyai kuasa di bawah undang-undang bertulis untuk membuat kaedah-kaedah atau perintah-perintah yang mengawal selia amalan dan tatacara Mahkamah Agung;’.

f. *Takrif “Kadar tempatan”*:

Takrif ini dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963, dan dimansuhkan oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965 dan berbunyi seperti yang berikut:

‘ “kadar tempatan”, berhubung dengan Singapura, termasuklah cukai harta yang dilevikan bagi maksud-maksud tempatan oleh Negeri;’.

g. *Takrif “kekosongan luar jangka”*:

Perkataan “yang berlaku dalam Dewan Negara dengan apa-apa sebab selain habis tempoh jawatan seseorang ahli, atau sesuatu kekosongan” yang terdapat selepas perkataan “ertinya kekosongan” dipotong oleh Akta 31/1965, subseksyen 2(2), berkuat kuasa dari 01-07-1965.

h. *Takrif “Ketua Menteri” dan “Menteri Besar”*:

- i. Takrif yang ada sekarang dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 5, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- ii. Takrif itu dipinda oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965, dengan memotong perkataan “(dan khususnya “Ketua Menteri” termasuklah Perdana Menteri di Singapura)” yang terdapat di hujung Fasal. Takrif yang asal berbunyi seperti yang berikut:
‘ “Ketua Menteri” termasuklah Menteri Besar;’.

i. *Takrif “Majlis Mesyuarat Kerajaan”*:

Dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 5, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

“Majlis Undangan” (*Dimansuhkan*);

“maksud negeri”, berhubung dengan mana-mana Negeri, termasuklah maksud Negeri itu berkaitan dengan perkara-perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Bersama dan dengan apa-apa perkara lain yang mengenainya Badan Perundangan Negeri itu mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang;

“maksud persekutuan” termasuklah maksud Persekutuan berkaitan dengan perkara-perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Bersama dan dengan apa-apa perkara lain yang mengenainya Parlimen mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang, selain menurut kuasa Perkara 76;

“meminjam” termasuklah memperdapatkan wang dengan pemberian anuiti atau dengan membuat apa-apa perkiraan yang menghendaki apa-apa cukai, kadar, royalti, fi atau apa-apa bayaran lain dibayar sebelum tarikh genap masanya atau dengan membuat apa-apa perjanjian yang menurutnya Kerajaan kena membayar balik atau memulangkan apa-apa faedah yang telah dinikmatinya di bawah perjanjian itu, dan “pinjaman” hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

“Negara asing” tidak termasuk mana-mana bahagian Komanwel atau Republik Ireland;

“Negara Komanwel” ertinya mana-mana negara yang diiktiraf oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai negara Komanwel; dan “bahagian Komanwel” ertinya mana-mana negara Komanwel, mana-mana tanah jajahan, protektorat atau negara naungan atau mana-mana wilayah lain yang ditadbirkan oleh Kerajaan mana-mana negara Komanwel;

“Negeri” ertinya suatu Negeri di dalam Persekutuan;

“Orang asli” ertinya orang asli Semenanjung Tanah Melayu;

“Orang Melayu” ertinya seseorang yang menganuti agama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu, menurut adat Melayu dan—

(a) yang lahir sebelum Hari Merdeka di Persekutuan atau Singapura atau yang lahir sebelum Hari Merdeka dan ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura, atau yang pada Hari Merdeka berdomisil di Persekutuan atau di Singapura; atau

(b) ialah zuriat seseorang yang sedemikian;

“Peguam Negara” ertinya Peguam Negara bagi Persekutuan;

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 160(2)—(samb.)

j. *Takrif “Majlis Undangan”*:

Takrif ini dimansuhkan oleh Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963 dan berbunyi seperti yang berikut:

‘ “Majlis Undangan” ertinya Majlis Undangan yang diteruskan di bawah Perkara 164;’.

k. *Takrif “maksud negeri”*:

Dimasukkan oleh Akta 25/1963, subseksyen 5(1) dan (3), berkuat kuasa dari 31-08-1957.

l. *Takrif “Maksud persekutuan”*:

i. Takrif ini dimasukkan oleh Akta 25/1963, subseksyen 5(1) dan (3), berkuat kuasa 31-08-1957, dan menggantikan takrif yang asal yang berbunyi seperti yang berikut:

‘ “maksud persekutuan” termasuklah segala maksud berkaitan dengan perkara-perkara yang mengenainya Parlimen berkuasa membuat undang-undang selain menurut kuasa Perkara 76;’.

ii. Perkataan “Perlembagaan” selepas “Perkara 76” dipotong oleh Akta A31, perenggan 8(b), berkuat kuasa dari 24-03-1971.

m. *Takrif “meminjam”*:

Perkataan “atau dengan membuat apa-apa perkiraan yang menghendaki apa-apa cukai, kadar, royalti, fi atau apa-apa bayaran lain dibayar sebelum tarikh genap masanya atau dengan membuat apa-apa perjanjian yang menurutnya Kerajaan kenalah membayar balik atau memulangkan balik apa-apa faedah yang telah dinikmatinya di bawah perjanjian itu” dimasukkan selepas “pemberian anuiti” oleh Akta A31, perenggan 8(a), berkuat kuasa dari 24-03-1971.

n. *Takrif “Negara Komanwel”*:

Takrif yang ada sekarang digantikan oleh Akta 31/1965, subseksyen 2(2), berkuat kuasa dari 01-07-1965. Takrif yang dahulu, sebagaimana yang terdapat pada tarikh pemansuhan, berbunyi seperti yang berikut:

‘ “Negara Komanwel” ertinya United Kingdom, Kanada, Australia, New Zealand, India, Pakistan, Ceylon, Ghana, Nigeria, Cyprus, Seirra Leone, Tanganyika dan mana-mana negara lain yang ditetapkan melalui Akta Parlimen sebagai negara Komanwel dan “bahagian Komanwel” ertinya mana-mana negeri Komanwel, mana-mana tanah jajahan, tanah protektorat atau negara naungan atau mana-mana wilayah lain yang ditadbirkan oleh Kerajaan mana-mana negara Komanwel;’.

o. *Takrif “Orang asli”*:

Dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

p. *Takrif “Orang Melayu”*:

Perkataan “atau di Singapura” yang terdapat selepas “Persekutuan” (di tiga tempat) dalam perenggan (a) dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

q. *Takrif “Peguam Negara”*:

Dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 5, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

“pemilih” ertinya seseorang yang berhak mengundi dalam pilihan raya ke Dewan Rakyat atau Dewan Undangan sesuatu Negeri;

“Persekutuan” ertinya Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957;

“Peruntukan Diraja” ertinya peruntukan yang dibuat daripada wang awam bagi penyaraan Yang di-Pertuan Agong, Isterinya, seseorang Raja atau Yang di-Pertua Negeri;

“Pihak berkuasa awam” ertinya Yang di-Pertuan Agong, Raja atau Yang di-Pertua Negeri sesuatu Negeri, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan sesuatu Negeri, pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa berkanun yang menjalankan kuasa yang diletakhakkan padanya oleh undang-undang persekutuan atau Negeri, mana-mana mahkamah atau tribunal selain Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi, atau mana-mana pegawai atau pihak berkuasa yang dilantik oleh atau yang bertindak bagi pihak mana-mana orang, mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa itu;

“Raja” —

- (a) berhubung dengan Negeri Sembilan, ertinya Yang di-Pertuan Besar yang bertindak bagi pihak dirinya sendiri dan Pembesar-Pembesar Memerintah mengikut Perlembagaan Negeri itu; dan
- (b) dalam hal mana-mana Negeri, kecuali dalam Fasal (2) Perkara 181 dan Jadual Ketiga dan Kelima, termasuklah mana-mana orang yang mengikut Perlembagaan Negeri itu menjalankan fungsi Raja Negeri itu;

“saraan” termasuklah gaji atau upah, elaun, hak pencen, perumahan percuma atau bersubsidi, pengangkutan percuma atau bersubsidi, dan keistimewaan lain yang dapat dinilai dengan wang;

“Senarai Bersama” ertinya Senarai Ketiga yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan;

“Senarai Negeri” ertinya Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan;

“Senarai Persekutuan” ertinya Senarai Pertama yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan;

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 160(2)—(*samb.*)

r. *Takrif “Peruntukan Diraja”*:

Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

s. *Takrif “Pihak berkuasa awam”*:

- i. Perkataan “Mahkamah Besar” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- ii. Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- iii. Kemudian pula, subseksyen 18(2), Akta A566 berkuat kuasa dari 01-01-1985, memperuntukkan bahawa sebutan mengenai Mahkamah Persekutuan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Mahkamah Agung.
- iv. Perkataan “Mahkamah Agung” digantikan dengan “Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan” oleh Akta A885, perenggan 38(*b*), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

“Undang-undang” termasuklah undang-undang bertulis, *common law* setakat yang berkuat kuasa di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, dan apa-apa adat atau kelaziman yang mempunyai kuat kuasa undang-undang di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya;

“undang-undang bertulis” termasuklah Perlembagaan ini dan Perlembagaan mana-mana Negeri;

“undang-undang Negeri” ertinya—

- (a) mana-mana undang-undang sedia ada yang berhubungan dengan sesuatu perkara yang mengenainya Badan Perundangan sesuatu Negeri mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang, iaitu undang-undang yang diteruskan kuat kuasanya di bawah Bahagian XIII; dan
- (b) sesuatu undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan sesuatu Negeri;

“undang-undang persekutuan” ertinya—

- (a) mana-mana undang-undang sedia ada yang berhubungan dengan sesuatu perkara yang mengenainya Parlimen mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang, iaitu undang-undang yang diteruskan kuat kuasanya di bawah Bahagian XIII; dan
- (b) apa-apa Akta Parlimen;

“undang-undang yang sedia ada” ertinya mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya sebaik sebelum Hari Merdeka;

“warganegara” ertinya warganegara Persekutuan;

“Yang di-Pertua Negeri” ertinya Ketua Negeri di sesuatu Negeri yang tidak mempunyai Raja.

(3) Melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, apa-apa sebutan dalam Perlembagaan ini mengenai sesuatu Bahagian, Perkara atau Jadual tertentu ialah sebutan mengenai Bahagian atau Perkara dalam Perlembagaan ini, atau Jadual kepada Perlembagaan ini, apa-apa sebutan mengenai sesuatu bab, fasal, seksyen atau perenggan tertentu ialah sebutan mengenai bab dalam Bahagian, fasal dalam Perkara, seksyen dalam Jadual, atau perenggan dalam fasal atau seksyen, yang dalamnya terdapat

Perlebagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 160(2)—(*samb.*)

- t. *Takrif “undang-undang persekutuan”*: Lihat Per. 162(2).
- u. *Takrif “Yang di-Pertua Negeri”*:
Dimasukkan oleh Akta A354, seksyen 41, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

sebutan itu; dan apa-apa sebutan mengenai sesuatu kumpulan Perkara, seksyen atau penggal Perkara-Perkara atau seksyen-seksyen hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk yang pertama dan yang akhir kedua-duanya sekali dalam kumpulan yang disebut itu.

(4) Jika di bawah Perlembagaan ini seseorang dikehendaki mengangkat dan menandatangani suatu sumpah, maka dia hendaklah dibenarkan mematuhi kehendak itu dengan membuat dan menandatangani suatu ikrar jika dia berhasrat sedemikian.

(5) Sebutan dalam Perlembagaan ini mengenai Persekutuan dan Negeri-Negeri Persekutuan dan mengenai wilayah-wilayah Persekutuan atau wilayah-wilayah mana-mana Negeri Persekutuan, dan mengenai mana-mana pegawai yang memegang jawatan di bawah Persekutuan atau mana-mana pihak berkuasa atau badan di dalam atau bagi Persekutuan hendaklah ditafsirkan—

(a) berhubung dengan bila-bila masa selepas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 mula berkuat kuasa, dan sebelum Hari Merdeka, sebagai sebutan mengenai Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Perjanjian itu, dan Negeri-Negeri dan Negeri-Negeri Selat yang termasuk di dalamnya dan mengenai wilayah-wilayah Persekutuan itu atau wilayah-wilayah mana-mana Negeri atau Negeri Selat yang termasuk di dalamnya, dan mengenai pegawai yang bersamaan yang memegang jawatan di bawahnya atau pihak berkuasa atau badan yang bersamaan di dalam atau bagi Persekutuan itu;

(b) berhubung dengan bila-bila masa sebelum Perjanjian tersebut mula berkuat kuasa (setakat yang dibenarkan oleh konteksnya) sebagai sebutan mengenai mana-mana negara, wilayah, jawatan, pihak berkuasa atau badan yang pentafsiran sebutannya telah dibuat peruntukan oleh Fasal 135(2) Perjanjian tersebut, mengikut mana-mana yang sesuai.

(6) Sebutan dalam Perlembagaan ini mengenai apa-apa tempoh hendaklah ditafsirkan, setakat yang dibenarkan oleh konteksnya, sebagai termasuk sebutan mengenai suatu tempoh yang bermula sebelum Hari Merdeka.

(7) Sebutan dalam Perlembagaan ini mengenai Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 hendaklah ditafsirkan, kecuali jika konteksnya menghendaki makna yang lain, sebagai sebutan mengenai Perjanjian itu sebagaimana yang berkuat kuasa sebaik sebelum Hari Merdeka.

Perlebagaan Persekutuan

CATATAN

Per.160—(*samb.*)

Fasal (7): Dimasukkan oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965.

Cetakan semula Perlembagaan

160A. Pihak berkuasa yang dilantik di bawah undang-undang persekutuan bagi maksud menyemak undang-undang boleh, dengan persetujuan Yang di-Pertuan Agong, membenarkan pencetakan salinan Perlembagaan ini, termasuk segala pindaan yang berkuat kuasa pada tarikh kebenaran itu; dan mana-mana salinan Perlembagaan ini yang dicetak sedemikian hendaklah disifatkan bagi segala maksud sebagai salinan yang benar dan betul bagi Perlembagaan Persekutuan.

Teks sahih

160B. Jika Perlembagaan ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa kebangsaan, Yang di-Pertuan Agong boleh menetapkan teks bahasa kebangsaan itu sebagai teks sahih, dan selepas itu, jika ada percanggahan atau perselisihan antara teks bahasa kebangsaan itu dengan teks bahasa Inggeris Perlembagaan ini, teks bahasa kebangsaan itu hendaklah mengatasi teks bahasa Inggeris itu.

BAHAGIAN XIII

PERLINDUNGAN TAMBAHAN BAGI NEGERI
SABAH DAN SARAWAK**Penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa ibunda di Negeri Sabah dan Sarawak**

161. (1) Tiada Akta Parlimen yang menamatkan atau menyekat penggunaan bahasa Inggeris bagi apa-apa maksud yang disebut dalam Fasal (2) hingga (5) Perkara 152 boleh mula berkuat kuasa berkenaan dengan penggunaan bahasa Inggeris dalam apa-apa hal yang disebut dalam Fasal (2) Perkara ini sehingga sepuluh tahun selepas Hari Malaysia.

(2) Fasal (1) terpakai—

- (a) bagi penggunaan bahasa Inggeris di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen oleh seseorang ahli bagi atau dari Negeri Sabah atau Sarawak; dan
- (b) bagi penggunaan bahasa Inggeris bagi prosiding di dalam Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak atau di

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 160A

Perkara baru ini dimasukkan oleh Akta A1130, seksyen 11, berkuat kuasa dari 28-09-2001.

Catatan:

1. Ketika ini, Perlembagaan Persekutuan dicetak semula dari semasa ke semasa dengan kuasa daripada Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang menurut Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1]. Memandangkan kedudukan Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi Persekutuan, sudah sepatutnya suatu peruntukan yang khusus bagi pencetakan semula sedemikian dimasukkan dalam Perlembagaan itu sendiri.
2. Apa-apa salinan sesuatu cetakan semula Perlembagaan Persekutuan di bawah Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 yang disifatkan sebagai teks sahih Perlembagaan Persekutuan di bawah Akta itu hendaklah terus menjadi teks sahih sedemikian sehingga wujud salinan Perlembagaan Persekutuan yang dicetak di bawah Perkara 160A, sebagaimana yang dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan melalui Akta A1130.

Per. 160B

Perkara baru ini dimasukkan oleh Akta A1130, seksyen 12, berkuat kuasa dari 28-09-2001, untuk membolehkan Yang di-Pertuan Agong menetapkan terjemahan bahasa kebangsaan Perlembagaan Persekutuan sebagai teks sahih.

Bahagian XIIA

1. Tajuk “DAN SINGAPURA” selepas “NEGERI-NEGERI BORNEO” dipotong oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 19-09-1996.
2. Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Per. 161

1. Perkara yang ada sekarang dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 61, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. Perkara yang asal dimansuhkan oleh Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963 dan berbunyi seperti yang berikut:

“161. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya, Perlembagaan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada Hari Merdeka.”.

3. Dalam nota bahu, perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (2), (3), (4) & (5)

Perkataan “sesuatu Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah atau Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

dalam sesuatu mahkamah rendah di Negeri Sabah atau Sarawak, atau bagi apa-apa prosiding di dalam Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Rayuan sebagaimana yang disebut dalam Fasal (4); dan

- (c) bagi penggunaan bahasa Inggeris di Negeri Sabah atau Sarawak di dalam Dewan Undangan atau bagi maksud rasmi yang lain (termasuk maksud rasmi Kerajaan Persekutuan).

(3) Tanpa menjejaskan Fasal (1), tiada Akta Parlimen sebagaimana yang disebut dalam Fasal itu boleh mula berkuat kuasa berkenaan dengan penggunaan bahasa Inggeris bagi prosiding di dalam Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak atau bagi apa-apa prosiding di dalam Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Rayuan sebagaimana yang disebut dalam Fasal (4), sehingga Akta itu atau peruntukannya yang berkaitan telah diluluskan melalui enakmen Badan-Badan Perundangan Negeri Sabah dan Sarawak; dan tiada Akta sedemikian boleh mula berkuat kuasa berkenaan dengan penggunaan bahasa Inggeris di Negeri Sabah atau Sarawak dalam apa-apa hal lain yang disebut dalam perenggan (b) atau (c) Fasal (2), sehingga Akta itu atau peruntukannya yang berkaitan telah diluluskan melalui suatu enakmen Badan Perundangan Negeri itu.

(4) Prosiding di dalam Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Rayuan yang disebut dalam Fasal (2) dan (3) ialah apa-apa prosiding atas rayuan daripada Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak atau seseorang hakimnya, dan apa-apa prosiding di bawah Fasal (2) Perkara 128 bagi memutuskan sesuatu soal yang telah berbangkit dalam prosiding di hadapan Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak atau suatu mahkamah rendah di Negeri Sabah atau Sarawak.

(5) Walau apa pun apa-apa jua dalam Perkara 152, di dalam Negeri Sabah atau Sarawak sesuatu bahasa ibunda yang pada masa ini digunakan di Negeri itu boleh digunakan di dalam mahkamah anak negeri atau bagi apa-apa kanun undang-undang dan adat anak negeri, dan dalam hal Sarawak, sehingga diperuntukkan selainnya melalui enakmen Badan Perundangan, bahasa ibunda itu boleh digunakan oleh ahli apabila berucap di dalam Dewan Undangan atau mana-mana jawatankuasanya.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 161—(*samb.*)

Fasal (3)

- a. Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- b. Subseksyen 18(2), Akta A566, berkuat kuasa dari 01-01-1985, memperuntukkan bahawa sebutan mengenai Mahkamah Persekutuan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Mahkamah Agung.

Fasal (4)

Subseksyen 18(2), Akta A566, berkuat kuasa dari 01-01-1985, memperuntukkan bahawa sebutan mengenai Mahkamah Persekutuan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Mahkamah Agung.

Fasal (2)(b), (3) & (4)

Perkataan “Borneo” dan “Mahkamah Agung” masing-masingnya digantikan dengan perkataan “Sabah dan Sarawak” dan “Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Rayuan” oleh Akta A885, seksyen 39, berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Catatan:

Fasal (5) Perkara 161 Perlembagaan hendaklah, setakat yang Fasal itu berhubungan dengan penggunaan bahasa ibunda di dalam mahkamah-mahkamah anak negeri atau mengenai apa-apa kanun undang-undang dan adat anak negeri, terpakai di dalam Wilayah Persekutuan Labuan mengikut cara yang sama sebagaimana Fasal itu terpakai di dalam Negeri Sabah—*Lihat* Akta A585.

Kedudukan istimewa anak negeri Negeri Sabah dan Sarawak

161A. (1) (*Dimansuhkan*).

(2) (*Dimansuhkan*).

(3) (*Dimansuhkan*).

(4) Perlembagaan-Perlembagaan Negeri Sabah dan Sarawak boleh membuat peruntukan yang bersamaan (dengan ubah suaian yang perlu) dengan Perkara 153.

(5) Perkara 89 tidaklah terpakai bagi Negeri Sabah atau Sarawak, dan Perkara 8 tidaklah menidaksahkan atau melarang apa-apa peruntukan undang-undang Negeri di Negeri Sabah atau Sarawak bagi merizabkan tanah bagi anak negeri Negeri itu atau bagi memberikan hakmilik kepada mereka, atau bagi memberikan layanan keutamaan kepada mereka berkenaan dengan pemberian hakmilik tanah oleh Negeri itu.

(6) Dalam Perkara ini “anak negeri” ertinya—

(a) berhubung dengan Sarawak, seseorang yang merupakan warganegara dan sama ada yang tergolong dalam salah satu daripada ras yang dinyatakan dalam Fasal (7) sebagai ras asli bagi Negeri itu atau yang berketurunan campuran yang berasal semata-mata daripada ras-ras itu; dan

(b) berhubung dengan Sabah, seseorang yang merupakan warganegara, ialah anak atau cucu kepada seorang daripada suatu ras asli bagi Sabah, dan telah lahir (sama ada atau tidak pada atau selepas Hari Malaysia) sama ada di Sabah atau dengan bapanya berdomisil di Sabah pada masa kelahiran itu.

(7) Ras-ras yang dikira sebagai ras asli bagi Sarawak bagi maksud takrif “anak negeri” dalam Fasal (6) ialah Bukitan, Bisayah, Dusun, Dayak Laut, Dayak Darat, Kadayan, Kalabit, Kayan, Kenyah (termasuk Sabup dan Sipeng), Kajang (termasuk Sekapan, Kejaman, Lahanan, Punan, Tanjong dan Kanowit), Lugat, Lisum, Melayu, Melano, Murut, Penan, Sian, Tagal, Tabun dan Ukit.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 161A

1. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 62, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

2. *Lihat* Per. 89(7).

Fasal (1), (2) & (3)

Fasal ini dimansuhkan oleh Akta A30, perenggan 8(a), berkuat kuasa dari 10-03-1971 dan berbunyi seperti yang berikut:

“(1) Tertakluk kepada Fasal (2), peruntukan Fasal (2) hingga (5) Perkara 153, setakat yang peruntukan itu berhubungan dengan perizaban jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam, adalah terpakai berhubungan dengan anak negeri mana-mana Negeri Borneo sebagaimana peruntukan itu terpakai berhubungan dengan orang Melayu.

(2) Di sesuatu Negeri Borneo Perkara 153 hendaklah berkuat kuasa dengan menggantikan sebutan mengenai orang Melayu dengan sebutan mengenai anak negeri Negeri itu, tetapi berkenaan dengan biasiswa, danasiswa dan keistimewaan dan kemudahan pendidikan atau latihan yang lain Fasal (2) Perkara itu tidak menghendaki perizaban bahagian yang ditetapkan untuk anak negeri.

(3) Sebelum nasihat diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong tentang perjalanan kuasanya di bawah Perkara 153 berhubungan dengan sesuatu Negeri Borneo, Ketua Menteri Negeri yang berkenaan hendaklah dirundingi.”

Fasal (4)

a. Perkataan “dengan perubahan-perubahan yang dibuat oleh Fasal (2)” selepas “Perkara 153” dipotong oleh Akta A30, perenggan 8(b), berkuat kuasa dari 10-3-1971.

b. Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (5)

Perkataan “sesuatu Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah atau Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

3. Dalam nota bahu, perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Catatan:

Sebutan dalam Fasal (6)(b) Perkara 161A Perlembagaan mengenai “Sabah” hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk sebutan mengenai Wilayah Persekutuan Labuan—*Lihat* Akta A585.

Sekatan ke atas perluasan kepada bukan pemastautin hak untuk menjalankan amalan di hadapan mahkamah di dalam Negeri Sabah dan Sarawak

161b. (1) Setakat yang mana-mana peruntukan yang dibuat melalui atau di bawah sesuatu Akta Parlimen memberikan hak, dengan menghapuskan atau mengubah kelayakan kemastautinan, untuk menjalankan amalan di hadapan mahkamah di dalam Negeri Sabah dan Sarawak atau di dalam mana-mana satu Negeri itu kepada orang yang dahulunya tidak mempunyai hak itu, maka peruntukan itu tidak boleh mula berkuat kuasa sehingga diterima pakai di dalam Negeri-Negeri itu atau Negeri yang berkenaan itu melalui suatu enakmen badan perundangannya.

(2) Perkara ini hendaklah terpakai bagi hak untuk menjalankan amalan di hadapan Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Rayuan apabila bersidang di Negeri Sabah dan Sarawak dan melayani prosiding atas rayuan daripada Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak atau seseorang hakimnya atau prosiding di bawah Fasal (2) Perkara 128 bagi memutuskan sesuatu soal yang telah berbangkit dalam prosiding di hadapan Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak atau sesuatu mahkamah rendah di Negeri Sabah atau Sarawak.

161c. (*Dimansuhkan*).

161d. (*Dimansuhkan*).

Perlindungan kedudukan dari segi perlembagaan mengenai Negeri Sabah dan Sarawak

161e. (1) Mulai dari lulusnya Akta Malaysia, tiada pindaan kepada Perlembagaan ini yang dibuat berkaitan dengan penerimaan masuk Negeri Sabah atau Sarawak ke dalam Persekutuan boleh dikecualikan daripada Fasal (3) Perkara 159 disebabkan perenggan (*bb*) Fasal (4) Perkara itu; dan juga tiada apa-apa ubah suaian yang dibuat tentang pemakaian Perlembagaan ini bagi Negeri Sabah atau Sarawak boleh dikecualikan sedemikian melainkan jika ubah suaian itu ialah ubah suaian yang akan menyamakan atau mengasimilasikan kedudukan Negeri itu di bawah Perlembagaan ini dengan kedudukan Negeri-Negeri Tanah Melayu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 161b

1. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 63, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. Dalam nota bahu, perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (1)

Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (2)

- a. Perkataan “sesuatu Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah atau Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- b. Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta 354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- c. Subseksyen 18(2) Akta A566, berkuat kuasa dari 01-01-1985, memperuntukkan bahawa sebutan mengenai Mahkamah Persekutuan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Mahkamah Agung.
- d. Perkataan “Mahkamah Agung” dan “Borneo” masing-masing digantikan dengan perkataan “Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Rayuan” dan “Sabah dan Sarawak” oleh Akta A885, seksyen 40, berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Per. 161c

1. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 64, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. Perkara ini telah dimansuhkan oleh Akta A354, seksyen 46, berkuat kuasa 27-08-1976 dan berbunyi seperti yang berikut:

“161c. (1) Tiada Akta Parlimen yang membuat peruntukan berkenaan dengan sesuatu Negeri Borneo mengenai bantuan kewangan khas bagi penubuhan atau penyenggaraan institusi-institusi Islam atau pengajaran agama Islam bagi orang yang menganuti agama itu boleh diluluskan tanpa persetujuan Gabenor.

(2) Jika di bawah mana-mana peruntukan undang-undang persekutuan yang tidak berkuat kuasa berkenaan dengan Sabah, atau tidak berkuat kuasa berkenaan dengan Sarawak, apa-apa bantuan seperti yang disebut terdahulu diberikan dengan cara pemberian daripada wang awam dalam mana-mana tahun, maka hendaklah dibayar oleh Persekutuan kepada Kerajaan Sabah atau Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan digunakan bagi maksud kebajikan masyarakat di dalam Negeri itu, amau-amaun yang apabila dibandingkan dengan hasil yang diperoleh oleh Persekutuan daripada Negeri itu dalam tahun itu sama kadarnya dengan pemberian itu apabila dibandingkan dengan hasil yang diperoleh oleh Persekutuan daripada Negeri-Negeri lain dalam tahun itu.

(3) Bagi maksud Fasal (2) hasil yang diperoleh oleh Persekutuan daripada mana-mana Negeri atau Negeri-Negeri ialah amaun selepas ditolak apa-apa jumlah wang yang diuntukkan kepada Negeri-Negeri di bawah Perkara 110 atau Jadual Kesepuluh; dan hendaklah diketepikan apa-apa sumbangan yang diterima oleh Persekutuan daripada hasil penjualan loteri yang dijalankan oleh Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat beserta dengan apa-apa amaun yang digunakan bagi bantuan sedemikian seperti yang disebut terdahulu daripada atau berhubung dengan sumbangan-sumbangan itu.”.

Per. 161d

1. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 65, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 161D—(*samb.*)

2. Perkara ini dimansuhkan oleh Akta A354, seksyen 46, berkuat kuasa dari 27-08-1976 dan berbunyi seperti yang berikut:

“161D. Walau apa pun Fasal (4) Perkara 11, peruntukan bolehlah dimasukkan ke dalam Perlembagaan sesuatu Negeri Borneo yang menyatakan bahawa sesuatu enakmen Badan Perundangan Negeri bagi mengawal atau menyekat penyebaran mana-mana doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam tidaklah boleh diluluskan melainkan jika dipersetujui di dalam Dewan Perundangan pada bacaan kali kedua atau ketiga atau pada kedua-dua bacaan dengan bilangan majoriti tertentu, yang bukannya suatu majoriti yang melebihi dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli Dewan.”.

Per. 161E

1. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 66, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. *Lihat* Per. 159(1), (4)(bb) & 159A.
3. Dalam nota bahu dan Fasal (1), perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” dan perkataan “sesuatu Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah atau Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (2)

- a. Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
- b. Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Fasal (2)(b)

Perkataan “Borneo” digantikan dengan “Sabah dan Sarawak” oleh Akta A885, seksyen 41, berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Fasal (3) & (4)

Perkataan “sesuatu negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah atau Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

(2) Tiada pindaan boleh dibuat kepada Perlembagaan ini tanpa persetujuan Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri Sabah atau Sarawak atau tiap-tiap satu daripada Negeri Sabah dan Sarawak yang berkenaan itu, jika pindaan itu ialah yang akan menyentuh penjalanan kuat kuasa Perlembagaan ini berkenaan dengan mana-mana perkara yang berikut:

- (a) hak orang yang lahir sebelum Hari Malaysia untuk menjadi warganegara oleh sebab perhubungan mereka dengan Negeri itu, dan (kecuali setakat yang peruntukan yang berlainan dibuat oleh Perlembagaan ini sebagaimana yang berkuat kuasa pada Hari Malaysia) layanan sama rata, berkenaan dengan kewarganegaraan mereka sendiri dengan kewarganegaraan orang lain, bagi orang yang lahir atau bermastautin di Negeri itu dan bagi orang yang lahir atau bermastautin di Negeri-Negeri Tanah Melayu;
- (b) keanggotaan dan bidang kuasa Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak dan pelantikan, pemecatan dan penggantungan hakim-hakim mahkamah itu;
- (c) perkara yang mengenainya Badan Perundangan Negeri boleh (atau Parlimen tidak boleh) membuat undang-undang, dan kuasa eksekutif Negeri itu dalam perkara itu, dan (setakat yang berhubungan dengan perkara itu) perkiraan kewangan antara Persekutuan dengan Negeri itu;
- (d) agama di dalam Negeri itu, penggunaan apa-apa bahasa di dalam Negeri itu atau di dalam Parlimen dan layanan istimewa bagi anak negeri Negeri itu;
- (e) penguntukan bagi Negeri itu, di dalam mana-mana Parlimen yang dipanggil bermesyuarat sebelum akhir bulan Ogos 1970, suatu kuota ahli-ahli Dewan Rakyat yang tidak kurang, mengikut perkadaran jumlah yang diuntukkan bagi Negeri-Negeri lain yang menjadi anggota Persekutuan pada Hari Malaysia, daripada kuota yang diuntukkan bagi Negeri itu pada Hari Malaysia.

(3) Tiada pindaan kepada Perlembagaan ini yang menyentuh penjalanan kuat kuasanya berkenaan dengan kuota ahli Dewan Rakyat yang diuntukkan bagi Negeri Sabah atau Sarawak boleh dikira bagi maksud Fasal (1) sebagai menyamakan atau mengasimilasikan kedudukan Negeri itu dengan kedudukan Negeri-Negeri Tanah Melayu.

(4) Berhubung dengan apa-apa hak dan kuasa yang diberikan oleh undang-undang persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah atau Sarawak berkenaan dengan kemasukan ke dalam Negeri itu dan kemastautinan di dalam Negeri itu dan perkara yang berkaitan dengannya (sama ada atau tidak undang-undang itu diluluskan sebelum Hari Malaysia), Fasal (2) hendaklah terpakai, kecuali setakat yang diperuntukkan sebaliknya oleh undang-undang itu, seolah-olah undang-undang itu telah termaktub dalam Perlembagaan ini dan hak dan kuasa itu telah dimasukkan antara perkara yang disebut dalam perenggan (a) hingga (e) Fasal itu.

(5) Dalam Perkara ini “pindaan” termasuklah tambahan dan pemansuhan.

161F. (*Dimansuhkan*).

161G. (*Dimansuhkan*).

161H. (*Dimansuhkan*).

BAHAGIAN XIII

PERUNTUKAN SEMENTARA DAN PERALIHAN

Undang-undang yang sedia ada

162. (1) Tertakluk kepada peruntukan yang berikut dalam Perkara ini dan Perkara 163*, undang-undang yang sedia ada hendaklah, sehingga dimansuhkan oleh pihak berkuasa yang mempunyai kuasa untuk berbuat demikian di bawah Perlembagaan ini, terus berkuat kuasa pada dan selepas Hari Merdeka, dengan apa-apa ubah suaian sebagaimana yang dibuat dalamnya di bawah Perkara ini dan tertakluk kepada apa-apa pindaan yang dibuat oleh undang-undang persekutuan atau undang-undang Negeri.

(2) Jika mana-mana undang-undang Negeri meminda atau memansuhkan sesuatu undang-undang yang sedia ada yang dibuat oleh Badan Perundangan sesuatu Negeri, maka tiada apa-apa jua

*CATATAN—Perkara ini telah dimansuhkan oleh Akta Perlembagaan (Pindaan) 1963 [*Akta 25/1963*] mula berkuat kuasa pada 29 Ogos 1963—lihat seksyen 8 dan Jadual Akta 25/1963. Lihat juga catatan pada Perkara 163.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 161f, 161g & 161h

Perkara-perkara ini ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 67, 68 dan 69, berkuat kuasa dari 16-09-1963, dan dimansuhkan oleh Akta 59/1996, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965 yang berbunyi seperti yang berikut:

“161f. Walau apa pun apa-apa jua dalam Perkara 152, sehingga diperuntukkan selainnya oleh enakmen Badan Perundangan Singapura, bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil boleh digunakan di dalam Dewan Undangan Negeri Singapura, dan bahasa Inggeris boleh digunakan sebagai naskhah sah sah semua Rang Undang-Undang yang akan dikemukakan atau pindaan-pindaan kepadanya yang akan dicadangkan di dalam Dewan itu, dan semua enakmen Badan Perundangan itu, dan semua perundangan subsidiari yang dikeluarkan oleh kerajaan Singapura.

161g. Tiada apa-apa jua dalam Fasal (2) Perkara 8 atau Fasal (1) Perkara 12 boleh melarang atau menidaksahkan mana-mana peruntukan undang-undang Negeri di Singapura bagi pemajuan orang Melayu; tetapi tidak boleh ada apa-apa perizaban bagi orang Melayu mengikut Perkara 153 mengenai jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam yang hendak diisi dengan cara pengambilan di Singapura atau permit atau lesen bagi menjalankan apa-apa perdagangan atau perniagaan di Singapura.

161h. (1) Tiada pindaan boleh dibuat kepada Perlembagaan tanpa persetujuan Gabenor jika pindaan itu adalah sedemikian rupa sehingga menjejaskan perjalanan kuat kuasa Perlembagaan berhubung dengan Singapura berkaitan dengan mana-mana daripada perkara yang berikut:

- (a) kewarganegaraan Singapura, dan sekatan ke atas warganegara Singapura mengenai hak untuk menjadi ahli mana-mana Majlis Parlimen bagi atau dari Singapura, atau untuk menjadi ahli Dewan Undangan Singapura, atau untuk mengundi di pilihan raya di Singapura;
- (b) keanggotaan dan bidang kuasa Mahkamah Tinggi di Singapura dan pelantikan, pemecatan dan penggantungan hakim-hakim mahkamah itu;
- (c) perkara-perkara yang berkenaan dengannya Badan Perundangan Negeri boleh (atau Parlimen tidak boleh) membuat undang-undang, kuasa eksekutif Negeri dalam perkara-perkara itu, kuasa untuk meminjam bagi Negeri dan perkiraan kewangan antara Persekutuan dengan Negeri itu;
- (d) penunaian fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan oleh suatu cawangan yang ditubuhkan bagi Negeri, dan keanggotaan mana-mana cawangan itu;
- (e) agama di dalam Negeri, penggunaan apa-apa bahasa di dalam Negeri atau Parlimen dan kedudukan istimewa orang Melayu di Singapura;
- (f) pengutukan kepada Negeri, di dalam mana-mana Parlimen yang dipanggil bersidang sebelum akhir bulan Ogos 1970, mengenai kuota ahli Dewan Rakyat yang tidak kurang, berkadaran dengan jumlah yang diutuskan kepada Negeri-Negeri yang lain yang menjadi anggota Persekutuan pada Hari Malaysia, daripada kuota yang diutuskan kepada Negeri pada hari itu.

(2) Dalam Perkara ini “pindaan” termasuklah tambahan dan pemansuhan.”.

Bahagian XIII

Lihat Per. 160(2), takrif “Undang-undang Persekutuan” dan “Undang-undang Negeri”.

dalam Perkara 75 boleh menidaksahkan pindaan atau pemansuhan itu semata-mata oleh sebab undang-undang yang sedia ada itu, yang berhubungan dengan sesuatu perkara yang berkenaan dengannya Parlimen dan juga Badan Perundangan sesuatu Negeri mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang, ialah undang-undang persekutuan sebagaimana yang ditakrifkan oleh Perkara 160.

(3) Sebutan dalam mana-mana undang-undang yang sedia ada mengenai Persekutuan yang ditubuhkan oleh Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, dan wilayah-wilayahnya, dan mengenai mana-mana pegawai yang memegang jawatan di bawah Persekutuan itu atau mengenai mana-mana pihak berkuasa atau badan yang ditubuhkan di dalam atau bagi Persekutuan itu (termasuklah apa-apa sebutan yang kena ditafsirkan sebagai sebutan sedemikian menurut kuasa Fasal 135 Perjanjian tersebut) hendaklah ditafsirkan, berhubungan dengan bila-bila masa pada atau selepas Hari Merdeka, sebagai sebutan mengenai Persekutuan (iaitu, Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957) dan wilayah-wilayahnya dan mengenai masing-masing pegawai, pihak berkuasa atau badan yang bersamaan; dan Yang di-Pertuan Agong boleh melalui perintah mengisytiharkan pegawai, pihak berkuasa atau badan yang manakah yang hendak dikira bagi maksud Fasal ini sebagai bersamaan dengan mana-mana pegawai, pihak berkuasa atau badan yang disebut dalam mana-mana undang-undang yang sedia ada.

(4) *(Dimansuhkan)*.

(5) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah Fasal (4) boleh dipinda atau dimansuhkan oleh pihak berkuasa yang mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang mengenai perkara yang dimaksudkan oleh perintah itu.

(6) Mana-mana mahkamah atau tribunal yang memakai peruntukan mana-mana undang-undang yang sedia ada yang belum diubahsuaikan pada atau selepas Hari Merdeka di bawah Perkara ini atau selainnya boleh memakainya dengan apa-apa ubah suaian yang perlu untuk menyelaraskannya dengan peruntukan Perlembagaan ini.

(7) Dalam Perkara ini “ubah suaian” termasuklah pindaan, penyesuaian dan pemansuhan.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 162

Fasal (3)

Perkataan “dan mana-mana pegawai yang memegang jawatan” digantikan dengan “dan mengenai mana-mana pegawai yang memegang jawatan” oleh Akta A31, seksyen 9, berkuat kuasa dari 24-03-1971.

Fasal (4)

Fasal ini dimansuhkan oleh Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963, dan pemansuhan itu hendaklah tanpa menjejaskan penjalanan kuat kuasa mana-mana perintah yang dibuat di bawah Fasal itu dan berbunyi seperti yang berikut:

“(4) Yang di-Pertuan Agong boleh, dalam tempoh dua tahun bermula dari Hari Merdeka, melalui perintah membuat apa-apa ubah suaian dalam mana-mana undang-undang yang sedia ada, selain Perlembagaan mana-mana Negeri, sebagaimana yang didapatinya perlu atau suai manfaat bagi maksud menyelaraskan peruntukan undang-undang itu dengan peruntukan Perlembagaan ini; tetapi sebelum membuat apa-apa perintah yang sedemikian berhubung dengan suatu undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan sesuatu Negeri, dia hendaklah berunding dengan Kerajaan Negeri itu.”.

163. (*Dimansuhkan*).

164. (*Dimansuhkan*).

165. (*Dimansuhkan*).

Pewarisan harta

166. (1) (*Dimansuhkan*).

(2) (*Dimansuhkan*).

(3) Mana-mana tanah yang terletak hak pada Negeri Melaka atau Negeri Pulau Pinang yang sebaik sebelum Hari Merdeka telah diduduki atau digunakan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Baginda Ratu atau oleh mana-mana pihak berkuasa awam bagi maksud yang mengikut peruntukan Perlembagaan ini menjadi maksud persekutuan hendaklah pada dan selepas Hari Merdeka diduduki, digunakan, dikawal dan diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh pihak berkuasa awam yang tersebut, selagi tanah itu dikehendaki bagi maksud persekutuan, dan—

(a) tidaklah boleh dilupuskan atau digunakan bagi apa-apa maksud selain maksud persekutuan tanpa persetujuan Kerajaan Persekutuan; dan

(b) tidaklah boleh digunakan bagi maksud persekutuan yang berlainan daripada maksud yang baginya tanah itu telah digunakan sebaik sebelum Hari Merdeka tanpa persetujuan Kerajaan Negeri itu.

(4) (*Dimansuhkan*).

(5) (*Dimansuhkan*).

(6) (*Dimansuhkan*).

(7) (*Dimansuhkan*).

(8) Mana-mana harta yang, sebaik sebelum Hari Merdeka, kena rad kepada Baginda Ratu berkenaan dengan Kerajaan Melaka atau Kerajaan Pulau Pinang hendaklah pada Hari Merdeka kena rad kepada Negeri Melaka atau Negeri Pulau Pinang, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 163, 164 & 165

1. Perkara-perkara ini dimansuhkan oleh Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963 dan berbunyi seperti yang berikut:

“163. (1) Ordinan Peraturan-peraturan Darurat 1948, dan kesemua perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya hendaklah, jika tidak ditamatkan terlebih dahulu melalui suatu Proklamasi di bawah Fasal (2), terhenti berkuat kuasa apabila habis tempoh satu tahun bermula dari Hari Merdeka atau, jika diteruskan di bawah Perkara ini, apabila habis tempoh satu tahun dari tarikh Ordinan dan perundangan subsidiari itu sepatutnya terhenti berkuat kuasa jika tidak kerana penerusan itu atau penerusan yang terakhir itu.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh pada bila-bila masa memansuhkan Ordinan tersebut dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya melalui suatu Proklamasi yang mengisytiharkan bahawa tidak perlu lagi untuk mengadakan Ordinan itu.

(3) Ordinan dan perundangan subsidiari tersebut bolehlah diteruskan dari semasa ke semasa melalui suatu ketetapan setiap Majlis Parlimen.

(4) Semasa Ordinan tersebut berkuat kuasa mana-mana perundangan subsidiari yang sepatutnya boleh dibuat di bawahnya sebaik sebelum Hari Merdeka bolehlah dibuat dengan sah di bawahnya walaupun ia tidak selaras dengan mana-mana peruntukan Perlembagaan ini, dan Parlimen boleh, walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, meminda atau memansuhkan mana-mana peruntukannya melalui undang-undang.

164. (1) Majlis Undangan yang ditubuhkan di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, hendaklah terus wujud pada dan selepas Hari Merdeka dan tidak boleh dibubarkan sebelum hari pertama dalam bulan Januari, tahun seribu sembilan ratus lima puluh sembilan.

(2) Jika Suruhanjaya Pilihan Raya menasihati Yang di-Pertuan Agong bahawa tidak semunasabahnya boleh dilaksanakan untuk diadakan pilihan raya ke Parlimen mengikut Perlembagaan ini sebelum hari pertama dalam bulan Julai, tahun seribu sembilan ratus lima puluh sembilan, Yang di-Pertuan Agong pada bila-bila masa selepas hari pertama dalam bulan Januari, tahun seribu sembilan ratus lima puluh sembilan, melalui Proklamasi meneruskan Majlis Undangan sehingga suatu tarikh yang tidak lewat daripada akhir tahun itu, sebagaimana yang ditentukan dalam Proklamasi itu, dan Majlis Undangan hendaklah diteruskan dengan sewajarnya dan terbubar pada tarikh itu.

(3) Sehingga terbubarnya Majlis Undangan Bab 4 dan 5 Bahagian IV tidaklah terpakai, dan kuasa Parlimen di bawah Perlembagaan ini boleh dijalankan oleh Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Majlis Undangan; dan dengan demikian itu, berhubung dengan tempoh yang berakhir dengan terbubarnya Majlis Undangan, sebutan dalam Perlembagaan ini, selain sebutan dalam Perkara 159, mengenai Parlimen, mana-mana satu atau kedua-dua Majlis Parlimen dan sesuatu Akta Parlimen hendaklah masing-masing ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Majlis Undangan, Majlis Undangan dan sesuatu Ordinan yang diperbuat oleh Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Majlis itu.

(4) Sehingga terbubarnya Majlis Undangan peruntukan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual Kedua Belas hendaklah terus berkuat kuasa, tertakluk kepada ubah suaian yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual itu dan kepada ubah suaian selanjutnya yang berikut, iaitu—

- (a) bagi sebutan mengenai Negeri Melayu atau Negeri Selat hendaklah digantikan dengan sebutan mengenai Negeri;
- (b) bagi sebutan mengenai Pesuruhjaya Tinggi hendaklah digantikan dengan sebutan mengenai Yang di-Pertuan Agong; dan
- (c) bagi sebutan mengenai Majlis Mesyuarat Kerajaan Persekutuan hendaklah digantikan dengan sebutan mengenai Jemaah Menteri,

dan Perkara 61 hendaklah terpakai dengan ubah suaian yang perlu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 163, 164 & 165—(samb.)

165. (1) Tertakluk kepada Fasal (4), Bahagian VII tidaklah boleh berkuat kuasa sehingga hari pertama dalam bulan Januari tahun seribu sembilan ratus lima puluh sembilan, atau suatu tarikh yang lebih awal sebagaimana yang diperuntukan oleh atau di bawah undang-undang persekutuan.

(2) Sehingga permulaan kuat kuasa Bahagian VII, peruntukan Bahagian XI dan Jadual Ketiga, Keempat dan Kelima kepada Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, hendaklah terus berkuat kuasa, tetapi dengan ubah suaian yang berikut, iaitu—

- (a) sebutan mengenai Negeri Melayu atau Negeri Selat hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Negeri;
- (b) sebutan mengenai Pesuruhjaya Tinggi dan mengenai Pesuruhjaya Tinggi dalam Majlis Mesyuarat hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Yang di-Pertuan Agong;
- (c) sebutan mengenai Kerajaan Negeri Selat hendaklah dipotong; dan
- (d) sebutan mengenai Majlis Mesyuarat Negeri Selat hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Majlis Mesyuarat Negeri.

(3) Sehingga permulaan kuat kuasa Bahagian VII, apa-apa wang yang di bawah Perlembagaan ini (termasuk Bahagian VII) dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan hendaklah dipertanggunggunakan pada hasil Persekutuan, dan pembayarannya hendaklah dibuat menurut kuasa Fasal ini tanpa kuasa selanjutnya daripada undang-undang persekutuan.

(4) Walau apa pun apa-apa jua dalam Fasal (1), peruntukan yang berikut dalam Bahagian VII hendaklah mula berkuat kuasa pada Hari Merdeka, iaitu, Perkara 96, 105 hingga 107 dan 111.”

2. Terdapat sebutan mengenai Per. 163 yang termansuh itu dalam Per. 162(1) oleh itu sebutan mengenai Perkara 163 dikekalkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Per. 166

Fasal (1) & (2)

Fasal-fasal ini dimansuhkan oleh Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963 dan berbunyi seperti yang berikut:

“(1) Tertakluk kepada peruntukan Perkara ini, semua harta dan aset yang sebaik sebelum Hari Merdeka terletak hak pada Baginda Ratu bagi maksud Persekutuan atau tanah jajahan atau Negeri Selat Melaka atau tanah jajahan atau Negeri Selat Pulau Pinang, hendaklah pada Hari Merdeka terletak hak pada Persekutuan atau Negeri Melaka atau Negeri Pulau Pinang, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Mana-mana tanah di dalam Negeri Melaka atau Negeri Pulau Pinang yang sebaik sebelum Hari Merdeka terletak hak pada Baginda Ratu hendaklah pada hari itu terletak hak pada Negeri Melaka atau Negeri Pulau Pinang, mengikut mana-mana yang berkenaan.”

Fasal (4), (5), (6) & (7)

Fasal-fasal ini dimansuhkan oleh Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963 dan berbunyi seperti yang berikut:

“(4) Mana-mana tanah Negeri yang, sebaik sebelum Hari Merdeka, telah diduduki atau digunakan tanpa di rizabkan, oleh Kerajaan Persekutuan bagi maksud yang menjadi maksud persekutuan pada hari itu, hendaklah pada hari itu dirizabkan bagi maksud persekutuan itu.

(5) Semua harta dan aset yang sebaik sebelum Hari Merdeka terletak hak pada Kerajaan Persekutuan atau mana-mana orang lain bagi pihaknya bagi maksud yang pada hari itu terus menjadi maksud persekutuan hendaklah pada hari itu terletak hak pada Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 166—(samb.)

(6) Harta dan aset yang sebaik sebelum Hari Merdeka terletak hak pada Kerajaan Persekutuan atau mana-mana orang bagi pihaknya bagi maksud yang pada hari itu menjadi maksud mana-mana Negeri hendaklah pada hari itu terletak hak pada Negeri itu.

(7) Harta dan aset selain tanah yang sebaik sebelum Hari Merdeka telah digunakan oleh sesuatu Negeri bagi maksud yang pada hari itu menjadi maksud persekutuan hendaklah pada hari itu terletak hak pada Persekutuan.”.

Hak, liabiliti dan obligasi

167. (1) (*Dimansuhkan*).

(2) (*Dimansuhkan*).

(3) (*Dimansuhkan*).

(4) (*Dimansuhkan*).

(5) (*Dimansuhkan*).

(6) Peguam Negara hendaklah, atas permohonan mana-mana pihak yang berkepentingan dalam apa-apa prosiding undang-undang selain prosiding antara Persekutuan dengan sesuatu Negeri, memperakui sama ada apa-apa hak, liabiliti atau obligasi adalah menurut kuasa Perkara ini suatu hak, liabiliti atau obligasi Persekutuan atau suatu hak, liabiliti atau obligasi sesuatu Negeri yang dinamakan dalam perakuan itu, dan mana-mana perakuan sedemikian hendaklah bagi maksud prosiding itu menjadi muktamad dan mengikat semua mahkamah, tetapi tidaklah berkuat kuasa untuk menjejaskan hak dan obligasi Persekutuan dan mana-mana Negeri antara sesama mereka sendiri.

(7) Persekutuan hendaklah membuat pembayaran tahunan yang sama sebagaimana yang kena dibuat sebelum Hari Merdeka di bawah Perkara II Triti yang dibuat pada enam hari bulan Mei tahun seribu lapan ratus enam puluh sembilan antara Baginda Ratu pada satu pihak dengan Raja Siam pada pihak yang satu lagi berkenaan dengan Negeri Kedah.

168. (*Dimansuhkan*).

Perjanjian, dsb., antarabangsa yang dibuat sebelum Hari Merdeka

169. Bagi maksud Fasal (1) Perkara 76—

(a) apa-apa triti, perjanjian atau konvensyen yang dibuat sebelum Hari Merdeka antara Baginda Ratu atau pendulu-pendulunya atau Kerajaan United Kingdom bagi pihak Persekutuan atau mana-mana bahagiannya dengan suatu negara lain hendaklah disifatkan sebagai suatu triti, perjanjian atau konvensyen antara Persekutuan dengan negara yang lain itu;

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 167

Fasal (1), (2), (3), (4) & (5)

Fasal-fasal ini dimansuhkan oleh Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963 dan berbunyi seperti yang berikut:

“167. (1) Tertakluk kepada peruntukan Perkara ini, semua hak, liabiliti dan obligasi—

- (a) Baginda Ratu berkenaan dengan pemerintahan Persekutuan; dan
- (b) Kerajaan Persekutuan atau mana-mana pegawai awam bagi pihak Kerajaan Persekutuan,

hendaklah pada dan selepas Hari Merdeka menjadi hak, liabiliti dan obligasi Persekutuan.

(2) Tertakluk kepada peruntukan Perkara ini, semua hak, liabiliti dan obligasi—

- (a) Baginda Ratu berkenaan dengan pemerintahan Melaka atau pemerintahan Pulau Pinang,
- (b) Duli Yang Maha Mulia Raja berkenaan dengan pemerintahan mana-mana Negeri, dan
- (c) Kerajaan mana-mana Negeri,

hendaklah pada dan selepas Hari Merdeka menjadi hak, liabiliti dan obligasi masing-masing Negeri itu.

(3) Semua hak, liabiliti dan obligasi yang berhubungan dengan apa-apa perkara yang sebaik sebelum Hari Merdeka menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan tetapi yang pada hari itu menjadi tanggungjawab Kerajaan sesuatu Negeri hendaklah pada hari itu berpindah kepada Negeri itu.

(4) Semua hak, liabiliti dan obligasi yang berhubungan dengan apa-apa perkara sebaik sebelum Hari Merdeka menjadi tanggungjawab Kerajaan sesuatu Negeri tetapi yang pada hari itu menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan hendaklah pada hari itu berpindah kepada Persekutuan.

(5) Dalam Perkara ini, hak, liabiliti dan obligasi termasuklah hak, liabiliti dan obligasi yang berbangkit daripada kontrak atau selainnya, selain hak yang Perkara 166 terpakai baginya.”.

Per. 168

Perkara ini dimansuhkan oleh Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963 dan berbunyi seperti yang berikut:

“168. (1) Tertakluk kepada peruntukan Perkara ini, apa-apa prosiding undang-undang yang belum selesai di mana-mana mahkamah sebaik sebelum Hari Merdeka yang dalamnya Baginda Ratu atau mana-mana pekhidmat Baginda Ratu menjadi suatu pihak berkenaan dengan tanah jajahan atau Negeri Selat Melaka atau jajahan atau Negeri Selat Pulau Pinang hendaklah diteruskan pada dan selepas Hari Merdeka dengan Negeri Melaka atau Negeri Pulau Pinang, mengikut mana-mana yang berkenaan, digantikan sebagai suatu pihak.

(2) Tertakluk kepada peruntukan Perkara ini, apa-apa prosiding undang-undang yang belum selesai di mana-mana mahkamah sebaik sebelum Hari Merdeka yang dalamnya Kerajaan Persekutuan atau sesuatu Kerajaan Negeri atau mana-mana pegawai mana-mana satu Kerajaan menjadi suatu pihak hendaklah diteruskan pada dan selepas Hari Merdeka dengan Persekutuan atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, Negeri digantikan sebagai suatu pihak.

(3) Apa-apa prosiding undang-undang yang belum selesai di mana-mana mahkamah sebaik sebelum Hari Merdeka yang dalamnya Kerajaan Persekutuan atau mana-mana pegawainya menjadi suatu pihak hendaklah, jika hal perkara ini termasuk dalam lingkungan kuasa eksekutif Negeri, diteruskan pada dan selepas hari itu dengan Negeri itu digantikan sebagai suatu pihak.

(4) Apa-apa prosiding undang-undang yang belum selesai di mana-mana mahkamah sebaik sebelum Hari Merdeka yang dalamnya sesuatu Negeri atau mana-mana pegawainya menjadi suatu pihak hendaklah, jika hal perkara ini termasuk dalam lingkungan kuasa eksekutif Persekutuan, diteruskan pada dan selepas hari itu dengan Persekutuan digantikan sebagai suatu pihak.

(5) Peguam Negara hendaklah, atas permohonan mana-mana pihak dalam apa-apa prosiding yang disebut dalam Perkara ini, memperakui sama ada Persekutuan atau sesuatu Negeri hendak, mengikut Perkara ini, digantikan sebagai suatu pihak dalam prosiding itu, dan apa-apa perakuan sedemikian hendaklah, bagi maksud prosiding itu, menjadi muktamad dan mengikat semua mahkamah, tetapi tidaklah berkuat kuasa untuk menjejaskan hak dan obligasi Persekutuan dan mana-mana Negeri antara sesama mereka sendiri.”.

- (b) apa-apa keputusan yang diambil oleh sesuatu organisasi antarabangsa dan diterima sebelum Hari Merdeka oleh Kerajaan United Kingdom bagi pihak Persekutuan atau mana-mana bahagiannya hendaklah disifatkan sebagai keputusan suatu organisasi antarabangsa yang dianggotai oleh Persekutuan;
- (c) berhubung dengan Negeri Sabah dan Sarawak, perenggan (a) dan (b) hendaklah terpakai dengan menggantikan sebutan mengenai Hari Merdeka dengan sebutan mengenai Hari Malaysia dan menggantikan sebutan mengenai Persekutuan atau mana-mana bahagiannya dengan sebutan mengenai wilayah-wilayah yang termasuk di dalam Negeri-Negeri itu atau mana-mana bahagiannya.

170. (Dimansuhkan).

171. (Dimansuhkan).

172. (Dimansuhkan).

173. (Dimansuhkan).

174. (Dimansuhkan).

Pengarah Audit hendaklah menjadi Ketua Audit Negara yang pertama

175. Orang yang memegang jawatan sebagai Pengarah Audit sebaik sebelum Hari Merdeka hendaklah, mulai dari hari itu, memegang jawatan sebagai Ketua Audit Negara atas terma-terma dan syarat-syarat yang tidak kurang baiknya daripada terma-terma dan syarat-syarat yang terpakai baginya sebaik sebelum Hari Merdeka.

Pertukaran pegawai

176. (1) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini dan mana-mana undang-undang yang sedia ada, semua orang yang berkhidmat berkaitan dengan hal ehwal Persekutuan sebaik sebelum Hari Merdeka hendaklah terus mempunyai kuasa yang

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 169(c)

1. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 41, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. Perkataan “dan kepada Singapura” yang terdapat selepas perkataan “Negeri-Negeri Borneo” ditinggalkan oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965.
3. Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Per. 170

Perkara ini dimansuhkan oleh Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963 dan berbunyi seperti yang berikut:

“170. (1) Tertakluk kepada peruntukan Perkara ini, mana-mana orang yang sebaik sebelum Hari Merdeka layak membuat permohonan untuk didaftarkan sebagai seorang warganegara Persekutuan di bawah Fasal 126 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, adalah berhak apabila permohonan dibuat kepada pihak berkuasa pendaftaran dalam tempoh satu tahun yang bermula dari hari itu, didaftarkan sebagai seorang warganegara.

(2) Seseorang yang tidak berada di dalam Persekutuan selama tempoh lima tahun terus-menerus dalam tempoh sepuluh tahun sebaik sebelum permohonannya dibuat di bawah Perkara ini tidaklah berhak didaftarkan di bawahnya melainkan jika diperakui oleh Kerajaan Persekutuan bahawa dia telah mengekalkan hubungan yang substansial dengan Persekutuan sepanjang tempoh itu.

(3) Perkara ini hendaklah ditafsirkan sebagai satu dengan Bahagian III; dan Perkara 18 dan 26 hendaklah terpakai berhubung dengan pendaftaran di bawah Perkara ini, dan dengan orang yang didaftarkan sebagai warganegara di bawahnya, sebagaimana Perkara itu terpakai berhubung dengan pendaftaran di bawah Perkara 16 dan dengan orang yang didaftarkan di bawah Perkara itu.”.

Per. 171

1. Perkara ini dimansuhkan oleh Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963, dan pemansuhan itu tidak menjejaskan penjalanan kuat kuasa mana-mana undang-undang yang menyebut bilangan bahagian pilihan raya yang dinyatakan dalam Fasal (2). Ia berbunyi seperti yang berikut:

“171. (1) Perkara 116 tidak terpakai bagi pilihan raya pertama ke Dewan Rakyat, tetapi berkenaan dengan pilihan raya itu Persekutuan hendaklah dibahagikan kepada bahagian-bahagian pilihan raya dengan membahagikan kepada dua bahagian pilihan raya setiap satu bahagian pilihan raya yang disempadankan bagi maksud pilihan raya ke Majlis Undangan di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

(2) Bilangan bahagian pilihan raya bagi maksud pilihan raya yang pertama yang akan diadakan selepas Hari Merdeka untuk Dewan-Dewan Undangan beberapa Negeri hendaklah seperti yang dinyatakan dalam Senarai yang berikut, dan bahagian-bahagian pilihan raya itu hendaklah disempadankan dengan membahagikan bahagian-bahagian pilihan raya yang disempadankan bagi maksud pilihan raya pertama ke Dewan Rakyat.

Senarai

Johor	32	Perak	40
Kedah	24	Perlis	12
Kelantan	30	Pulau Pinang	24
Melaka	20	Selangor	28
Negeri Sembilan	24	Terengganu	24.”.
Pahang	24				

2. Lihat Jadual Kelapan, subseksyen 21(1).

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 172

Perkara ini dimansuhkan oleh Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963, dan pemansuhan itu tidak menjejaskan keberterusan mana-mana mahkamah yang disebut dalam Perkara itu. Ia berbunyi seperti yang berikut:

“172. Mahkamah Besar yang wujud sebaik sebelum Hari Merdeka, hendaklah menjadi Mahkamah Besar bagi maksud Perlembagaan ini; dan, tanpa menjejaskan keluasan Perkara 162, mana-mana mahkamah yang lain yang ketika itu menjalankan bidang kuasa dan fungsi hendaklah, sehingga undang-undang persekutuan memperuntukkan selainnya, terus menjalankannya.”.

Per. 173

Perkara ini dimansuhkan oleh Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963. Ia berbunyi seperti yang berikut:

“173. Apa-apa rayuan atau permohonan untuk mendapatkan kebenaran untuk merayu daripada Mahkamah Besar kepada Baginda Ratu dalam Majlis Mesyuarat yang belum selesai sebaik sebelum Hari Merdeka hendaklah pada dan selepas Hari Merdeka dikira sebagai suatu rayuan atau permohonan untuk mendapatkan kebenaran untuk merayu di bawah Perkara 131.”.

Per. 174

Perkara ini yang dimansuhkan oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963, berbunyi seperti yang berikut:

“174. (1) Hakim Besar dan hakim-hakim lain Mahkamah Besar yang memegang jawatan sebaik sebelum Hari Merdeka hendaklah, walau apa pun apa-apa jua dalam Perkara 123, menjadi Hakim Besar dan hakim-hakim lain Mahkamah Besar pada hari itu dan hendaklah memegang jawatan atas terma-terma dan syarat-syarat yang tidak kurang baiknya daripada terma-terma dan syarat-syarat yang terpakai bagi mereka sebaik sebelum hari itu.

(2) Orang yang memegang jawatan Peguam Negara sebaik sebelum Hari Merdeka hendaklah terus memegang jawatan itu atas terma-terma dan syarat-syarat yang tidak kurang baiknya daripada terma-terma dan syarat-syarat yang terpakai baginya sebaik sebelum Hari Merdeka dan adalah, walau apa pun apa-apa jua dalam Perkara 123, layak dilantik sebagai hakim Mahkamah Besar.

(3) Seseorang yang sebaik sebelum Hari Merdeka ialah anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan Persekutuan dan akan layak dilantik sebagai seorang hakim Mahkamah Besar jika dia warganegara adalah layak sedemikian walaupun dia bukan warganegara.

(4) Seseorang boleh, dalam tempoh sepuluh tahun yang bermula dari Hari Merdeka, dilantik menjadi seorang Hakim Mahkamah Besar walaupun dia tidak layak dilantik di bawah Perkara 123 jika dia adalah dan telahpun selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun layak menjalankan amalan sebagai seorang peguam bela di dalam mahkamah di mana-mana negara Komanwel yang mempunyai bidang kuasa yang tidak terhad dalam perkara sivil atau jenayah; dan seseorang yang dilantik menurut kuasa Fasal ini boleh dilantik bagi suatu tempoh tetap (sama ada tempoh itu tamat sebelum atau selepas dia mencapai umur enam puluh lima tahun).

(5) Tanpa menjejaskan keluasan Perkara 162, tiada apa-apa jua dalam Bahagian IX boleh dikira sebagai menjejaskan peruntukan undang-undang yang sedia ada berhubung dengan persidangan oleh hakim-hakim dari negara-negara di luar Persekutuan di Mahkamah Besar.”.

sama dan menjalankan fungsi yang sama pada Hari Merdeka atas terma-terma dan syarat-syarat yang sama seperti yang terpakai bagi mereka sebaik sebelum Hari Merdeka.

(2) Perkara ini tidak terpakai bagi Pesuruhjaya Tinggi atau Ketua Setiausaha.

Mengetepikan atau menangguhkan sumpah jawatan jika pelantikan diteruskan di bawah Bahagian ini

177. Seseorang yang, di bawah mana-mana peruntukan Bahagian ini, memegang jawatan di bawah Persekutuan oleh sebab orang itu telah menjadi pemegang suatu jawatan yang bersamaan sebaik sebelum Hari Merdeka boleh, sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, melaksanakan fungsinya tanpa mengangkat sumpah yang dikehendaki dalam hal pemegang lain jawatan itu.

Saraan selepas Hari Merdeka

178. Sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, saraan yang kena dibayar kepada orang yang memegang jawatan Perdana Menteri dan jawatan Menteri-Menteri yang lain hendaklah masing-masingnya sama seperti yang kena dibayar, sebaik sebelum Hari Merdeka, kepada Ketua Menteri dan Menteri-Menteri lain Persekutuan.

Sumbangan berkenaan dengan perkhidmatan bersama

179. Apa-apa perjanjian yang berkuat kuasa sebaik sebelum Hari Merdeka yang berhubungan dengan perkadaran saraan yang kena dibayar oleh Persekutuan dan mana-mana Negeri berkenaan dengan apa-apa pekerjaan yang disebut dalam Fasal (2) Perkara 133 hendaklah terus berkuat kuasa sehingga digantikan dengan suatu perjanjian atau undang-undang persekutuan yang baru.

Pemeliharaan pencen, dsb.

180. (1) Jadual Kesepuluh kepada Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, hendaklah terus berkuat kuasa pada dan selepas Hari Merdeka, tetapi dengan ubah suaian bahawa apa-apa sebutan dalamnya mengenai Pesuruhjaya Tinggi hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Yang di-Pertuan Agong.

(2) Jadual tersebut hendaklah bagi maksud Perlembagaan ini disifatkan sebagai undang-undang persekutuan dan boleh, tertakluk kepada peruntukan Perkara 147, dipinda dan dimansuhkan dengan sewajarnya.

(3) Dalam pemakaiannya bagi mana-mana undang-undang yang dibuat di bawah Fasal (2) Perkara 147 hendaklah mempunyai kuat kuasa seolah-olah sebutan dalamnya mengenai sesuatu imbuhan termasuklah pampasan.

BAHAGIAN XIV

KECUALIAN BAGI KEDAULATAN, DSB., RAJA-RAJA

Kecualian bagi kedaulatan, dsb., Raja-Raja

181. (1) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, kedaulatan, prerogatif, kuasa dan bidang kuasa Raja-Raja dan prerogatif, kuasa dan bidang kuasa Pembesar-Pembesar Memerintah Negeri Sembilan di dalam wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga kini adalah tetap tidak terjejas.

(2) Tiada apa-apa jua prosiding pun boleh dibawa di dalam mana-mana mahkamah terhadap Raja sesuatu Negeri atas sifat peribadinya kecuali di dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV.

BAHAGIAN XV

PROSIDING TERHADAP YANG DI-PERTUAN AGONG DAN RAJA-RAJA

Mahkamah Khas

182. (1) Maka hendaklah ada suatu mahkamah yang hendaklah dikenali sebagai Mahkamah Khas dan hendaklah terdiri daripada Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, yang hendaklah menjadi Pengerusi, Hakim-Hakim Besar Mahkamah Tinggi, dan dua orang lain yang memegang atau pernah memegang jawatan sebagai hakim Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja.

(2) Apa-apa prosiding oleh atau terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesuatu Negeri atas sifat peribadinya hendaklah dibawa di dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Fasal (1).

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Per. 181

Fasal (2)

- a. *Lihat* Perkara 160(2) takrif “Raja”.
- b. *Lihat* Akta Penyemakan Undang-Undang Statut Persekutuan (Guaman Terhadap Kerabat Pemerintah) 1966 [*Akta 8/1966*].
- c. Perkataan “kecuali dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV” dimasukkan selepas perkataan “peribadinya” oleh Akta A848, seksyen 7, berkuat kuasa dari 30-03-1993.

Bahagian XV, Per. 182 & 183

Dimasukkan oleh Akta A848, seksyen 7A, berkuat kuasa dari 30-03-1993.

Catatan:

Tiada apa-apa jua prosiding boleh dibawa di dalam mana-mana mahkamah atau di dalam Mahkamah Khas terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesuatu Negeri atas sifat peribadinya berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya sebelum permulaan kuat kuasa Akta Perlembagaan (Pindaan) 1993—*Lihat* seksyen 8 Akta A848.

Per. 182

Fasal (1)

Perkataan “Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung” dan “Agung” digantikan dengan “Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan” dan “Persekutuan” oleh Akta A885, perenggan 42(a), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Fasal (4) & (5)

Perkataan “Agung” digantikan dengan “Persekutuan” oleh Akta A885, perenggan 42(b), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

(3) Mahkamah Khas hendaklah mempunyai bidang kuasa khusus untuk membicarakan segala kesalahan yang dilakukan di Persekutuan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesuatu Negeri dan segala kes sivil oleh atau terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesuatu Negeri walau di mana-mana pun kausa tindakan berbangkit.

(4) Mahkamah Khas hendaklah mempunyai bidang kuasa dan kuasa-kuasa yang sama seperti yang terletak hak pada mahkamah-mahkamah bawahan, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan melalui Perlembagaan ini atau mana-mana undang-undang persekutuan dan hendaklah mempunyai pejabat pendaftarannya di Kuala Lumpur.

(5) Sehingga Parlimen, melalui undang-undang, membuat peruntukan khas yang berlawanan berkenaan dengan tatacara (termasuk pendengaran prosiding secara tertutup) dalam kes-kes sivil atau jenayah dan undang-undang yang mengawal selia keterangan dan pembuktian dalam prosiding sivil dan jenayah, maka amalan dan tatacara yang terpakai dalam mana-mana prosiding di dalam mana-mana mahkamah bawahan, mana-mana Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan hendaklah terpakai dalam mana-mana prosiding di dalam Mahkamah Khas.

(6) Prosiding di dalam Mahkamah Khas hendaklah diputuskan mengikut pendapat majoriti anggota dan keputusannya adalah muktamad dan konklusif dan tidak boleh dicabar atau dipertikaikan di dalam mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan.

(7) Yang di-Pertuan Agong boleh, atas nasihat Ketua Hakim Negara, membuat apa-apa kaedah yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membuat peruntukan bagi penghapusan apa-apa jua pun kesulitan atau anomali dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dalam pelaksanaan apa-apa fungsi, penjalanan apa-apa kuasa, penunaian apa-apa kewajipan, atau pembuatan apa-apa perbuatan, di bawah mana-mana undang-undang bertulis, yang mungkin disebabkan oleh Perkara ini; dan bagi maksud itu kaedah-kaedah itu boleh membuat apa-apa jua pun pengubahsuaian, adaptasi, perubahan, pertukaran atau pindaan kepada mana-mana undang-undang bertulis.

Tiada tindakan boleh dimulakan terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja kecuali dengan keizinan Peguam Negara sendiri

183. Tiada tindakan, sivil atau jenayah, boleh dimulakan terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesuatu Negeri berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya atas sifat peribadinya kecuali dengan keizinan Peguam Negara sendiri.

JADUAL

JADUAL-JADUAL

JADUAL PERTAMA

[Perkara 18(1), 19(9)]

***Sumpah Pemohon bagi Pendaftaran atau
Penaturalisasian***

Saya,beralamat di dengan ini mengaku atas sumpah bahawa saya dengan sesungguhnya dan sepenuhnya menolak dan bersumpah melupakan segala kesetiaan saya kepada mana-mana Negeri atau negara di luar Persekutuan, dan saya bersumpah bahawa saya akan jujur dan menumpahkan segala taat setia saya yang sebenar kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan akan menjadi seorang warganegara Persekutuan yang sebenar, setia dan jujur.

JADUAL KEDUA

[Perkara 39]

BAHAGIAN I

[Perkara 14(1)(a)]

**KEWARGANEGARAAN MELALUI KUAT KUASA UNDANG-UNDANG
BAGI ORANG YANG LAHIR SEBELUM HARI MALAYSIA**

1. (1) Tertakluk kepada peruntukan Bahagian III Perlembagaan ini dan kepada apa-apa jua yang dilakukan di bawahnya sebelum Hari Malaysia, orang yang berikut yang lahir sebelum Hari Malaysia ialah warganegara melalui kuat kuasa undang-undang, iaitu:

- (a) tiap-tiap orang yang sebaik sebelum Hari Merdeka menjadi warganegara Persekutuan menurut kuasa mana-mana peruntukan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, sama ada melalui kuat kuasa undang-undang atau selainnya;
- (b) tiap-tiap orang yang lahir di dalam Persekutuan pada atau selepas Hari Merdeka tetapi sebelum bulan Oktober 1962;
- (c) tiap-tiap orang yang lahir di dalam Persekutuan selepas bulan September 1962, dan sekurang-kurangnya seorang daripada ibu bapanya pada masa kelahiran itu seorang warganegara atau bermastautin secara tetap di Persekutuan, atau tiap-tiap orang yang pada masa dia lahir tidak menjadi warganegara mana-mana negara lain;

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Pertama

Perkataan “seseorang warganegara Persekutuan yang sebenar, setia dan jujur, dan akan menumpahkan taat setia yang wajar kepada semua pihak berkuasa yang ditubuhkan dengan sah di dalam Persekutuan” digantikan dengan perkataan “akan jujur dan menumpahkan segala taat setia saya yang sebenar kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan akan menjadi seorang warganegara Persekutuan yang sebenar, setia dan jujur” oleh Akta 14/1962, seksyen 26, berkuat kuasa dari 01-10-1962.

Jadual Kedua

BAHAGIAN I

1. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 24(1), berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. Tajuk dipinda oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965, dengan memotong perkataan “, SELAIN WARGANEGARA SINGAPURA” yang terdapat di hujungnya.

Seksyen 2

- Perkataan “sesuatu Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah atau Sarawak” dan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.
3. *Lihat* Bahagian III, seksyen 19A-19c.

- (d) tiap-tiap orang yang lahir di luar Persekutuan pada atau selepas Hari Merdeka yang bapanya pada masa kelahiran itu seorang warganegara dan sama ada telah lahir di Persekutuan atau pada masa kelahiran itu berada dalam perkhidmatan di bawah Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan sesuatu Negeri;
- (e) tiap-tiap orang yang lahir di luar Persekutuan pada atau selepas Hari Merdeka yang bapanya pada masa kelahiran itu seorang warganegara, jika dalam masa satu tahun selepas kelahiran itu berlaku atau dalam masa apa-apa tempoh yang lebih lanjut sebagaimana yang telah dibenarkan atau dibenarkan oleh Persekutuan dalam mana-mana hal tertentu atau, jika kelahiran itu berlaku di Singapura, Sarawak, Brunei atau Borneo Utara, didaftarkan dengan Kerajaan Persekutuan.

(2) Seseorang bukanlah warganegara menurut kuasa perenggan (b) atau (c) subseksyen (1) jika, pada masa dia lahir, bapanya, yang bukan seorang warganegara, mempunyai apa-apa kekebalan daripada guaman dan proses undang-undang sebagaimana yang diberikan kepada utusan sesuatu kuasa berdaulat yang diwatikahkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

2. Tertakluk kepada peruntukan Bahagian III Perlembagaan ini, seseorang yang biasanya bermastautin di Negeri Sabah atau Sarawak atau di Brunei pada Hari Malaysia ialah seorang warganegara melalui kuat kuasa undang-undang jika sebaik sebelum hari itu dia seorang warganegara United Kingdom dan Tanah-Tanah Jajahan, dan sama ada—

- (a) telah lahir di wilayah-wilayah yang termasuk di dalam Negeri Sabah dan Sarawak; atau
- (b) telah menjadi seorang warganegara sedemikian melalui pendaftaran di wilayah-wilayah itu atau melalui atau berikutan dengan penaturalisasian di wilayah-wilayah itu.

BAHAGIAN II

[Perkara 14(1)(b)]

KEWARGANEGARAAN MELALUI KUAT KUASA UNDANG-UNDANG BAGI ORANG YANG LAHIR PADA ATAU SELEPAS HARI MALAYSIA

1. Tertakluk kepada peruntukan Bahagian III Perlembagaan ini, orang yang berikut yang lahir pada atau selepas Hari Malaysia ialah warganegara melalui kuat kuasa undang-undang, iaitu:

- (a) tiap-tiap orang yang lahir di Persekutuan dan sekurang-kurangnya seorang daripada ibu bapanya pada masa kelahiran itu seorang warganegara atau bermastautin secara tetap di Persekutuan; dan

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kedua—(samb.)

BAHAGIAN II

1. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 24(1), berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965, memotong sebutan yang berikut mengenai Singapura dan warganegara Singapura:
 - (a) Tajuk—perkataan “, SELAIN WARGANEGARA SINGAPURA” yang terdapat di hujungnya;
 - (b) *Seksyen 1(a) dan (e)*—perkataan “di luar Singapura” yang terdapat selepas “di Persekutuan”;
 - (c) *Seksyen 1(a)*—perkataan “, tetapi bukan seorang warganegara Singapura,” yang terdapat selepas “ialah seorang warganegara”;

- (b) tiap-tiap orang yang lahir di luar Persekutuan yang bapanya pada masa kelahiran itu seorang warganegara dan sama ada telah lahir di Persekutuan atau pada masa kelahiran itu berada dalam perkhidmatan Persekutuan atau perkhidmatan sesuatu Negeri; dan
- (c) tiap-tiap orang yang lahir di luar Persekutuan yang bapanya pada masa kelahiran itu seorang warganegara dan dalam masa satu tahun selepas kelahiran itu berlaku atau dalam masa apa-apa tempoh yang lebih lanjut sebagaimana yang dibenarkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam mana-mana hal tertentu, kelahiran itu didaftarkan di suatu konsulat Persekutuan atau, jika kelahiran itu berlaku di Brunei atau di sesuatu wilayah yang ditetapkan bagi maksud ini melalui perintah Yang di-Pertuan Agong, didaftarkan dengan Kerajaan Persekutuan; dan
- (d) tiap-tiap orang yang lahir di Singapura dan sekurang-kurangnya seorang daripada ibu bapanya pada masa kelahiran itu seorang warganegara dan orang itu pada masa dia lahir tidak menjadi warganegara selain menurut kuasa perenggan ini; dan
- (e) tiap-tiap orang yang lahir di Persekutuan dan pada masa dia lahir tidak menjadi warganegara mana-mana negara selain menurut kuasa perenggan ini.

2. (1) Seseorang bukanlah warganegara menurut kuasa perenggan (a), (d) atau (e) seksyen 1 jika, pada masa dia lahir, bapanya, yang bukan seorang warganegara, mempunyai apa-apa kekebalan daripada guaman dan proses undang-undang sebagaimana yang diberikan kepada utusan sesuatu kuasa berdaulat yang diwatikahkan kepada Yang di-Pertuan Agong, atau jika bapanya ketika itu seorang orang asing musuh dan kelahiran itu berlaku di suatu tempat di bawah pendudukan musuh.

(2) Dalam seksyen 1, sebutan dalam perenggan (b) mengenai seseorang yang lahir di Persekutuan termasuklah kelahiran sebelum Hari Malaysia di wilayah-wilayah yang termasuk di dalam Negeri Sabah dan Sarawak.

(3) Bagi maksud perenggan (e) seksyen 1, seseorang akan dikira sebagai mempunyai, pada masa dia lahir, apa-apa kewarganegaraan yang diperolehinya dalam masa satu tahun kemudiannya menurut kuasa mana-mana peruntukan yang bersamaan dengan perenggan (c) seksyen itu atau selainnya.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kedua—(*samb.*)

- (d) *Seksyen 1(b), (c) dan (d)*—perkataan “, tetapi bukan seorang warganegara Singapura,” yang terdapat selepas “pada masa kelahiran itu ialah seorang warganegara”;
 - (e) *Seksyen 2(2)*—perkataan “atau Singapura” yang terdapat di hujungnya. Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
3. *Lihat Bahagian III, seksyen 19A-19c.*
- Seksyen 1*
- a. *Subseksyen (a) & (d): Lihat seksyen 2(1).*
 - b. *Subseksyen (b): Lihat subseksyen 2(2).*
 - c. *Subseksyen (c): Lihat subseksyen 2(3).*
 - d. *Subseksyen (e): Lihat subseksyen 2(1) & (3).*

BAHAGIAN III

[Perkara 31]

PERUNTUKAN TAMBAHAN BERHUBUNG
DENGAN KEWARGANEGARAAN*Menteri*

1. Fungsi Kerajaan Persekutuan di bawah Bahagian III Perlembagaan ini hendaklah dijalankan oleh mana-mana Menteri Kerajaan Persekutuan sebagaimana yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh Yang di-Pertuan Agong, dan sebutan dalam Jadual ini mengenai Menteri hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

2. Sesuatu keputusan Kerajaan Persekutuan di bawah Bahagian III Perlembagaan ini tidaklah tertakluk kepada rayuan atau kajian semula di dalam mana-mana mahkamah.

3. (*Dimansuhkan*).

4. (1) Menteri boleh mewakilkan kepada mana-mana pegawai Kerajaan Persekutuan atau, dengan persetujuan Raja atau Yang di-Pertua Negeri mana-mana Negeri, kepada mana-mana pegawai Kerajaan Negeri itu, mana-mana fungsinya di bawah Bahagian III Perlembagaan ini atau Jadual ini yang berhubungan dengan kewarganegaraan melalui pendaftaran dan penyimpanan daftar-daftar, dan, berhubung dengan perintah-perintah di bawah perenggan (c) Fasal (1) Perkara 25 atau di bawah Perkara 26, mana-mana fungsinya di bawah Perkara 27 sebelum memutuskan sama ada hendak membuat suatu perintah yang sedemikian; tetapi mana-mana orang yang terkilang dengan keputusan seseorang yang kepadanya fungsi Menteri itu diwakilkan sedemikian boleh merayu kepada Menteri.

(2) Menteri boleh juga, dengan persetujuan Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri yang berkenaan, mewakilkan kepada suatu pihak berkuasa Negeri Sabah atau Sarawak (tertakluk atau tidak tertakluk kepada syarat-syarat yang membuat peruntukan bagi sesuatu rayuan daripada pihak berkuasa itu kepada Menteri) mana-mana fungsi Menteri di bawah Fasal (6) Perkara 28A yang tidak dikehendaki diwakilkan menurut Fasal (7) Perkara itu.

(3) Subseksyen (1) hendaklah terpakai bagi pendaftaran di bawah Fasal (2) Perkara 19A* sebagaimana subseksyen itu terpakai bagi kewarganegaraan melalui pendaftaran, dan bagi pembatalan di bawah Fasal (4) Perkara 19A* sesuatu pendaftaran di bawah Perkara itu sebagaimana subseksyen itu terpakai bagi sesuatu perintah di bawah Perkara 26.

5. (*Dimansuhkan*).

*CATATAN—Perkara ini telah dimansuhkan oleh Akta Perlembagaan (Pindaan) 1966 [Akta 59/1966] mula berkuat kuasa pada 9 Ogos 1965—lihat seksyen 2 Akta 59/1966. Lihat juga catatan pada Perkara 19A.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kedua—(samb.)

BAHAGIAN III

1. Dinomborkan sedemikian oleh Akta 26/1963, perenggan 24(1)(a), berkuat kuasa dari 16-09-1963, yang juga memasukkan perkataan “Perlembagaan ini” selepas “Bahagian III” di mana-mana jua terdapat dalam Bahagian itu. Seksyen-seksyen yang terlibat ialah 1, 2, 4, 6, 10(1)(d), 16(1)(a), 19, 20(1), (2), (3) dan 21.

2. Lihat Per. 159(4)(a).

Seksyen 2: Lihat catatan di halaman sebelum ini.

Tajuk “Pihak berkuasa Pendaftaran” yang terdapat di atas seksyen 3 dipotong oleh Akta 10/1960, perenggan 33(a), berkuat kuasa dari 01-12-1960.

Seksyen 3

Seksyen ini dimansuhkan oleh Akta 10/1960, perenggan 33(b), berkuat kuasa dari 01-12-1960 dan berbunyi seperti yang berikut:

“3. Bagi maksud Bahagian III dan Jadual ini Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah menjadi pihak berkuasa pendaftaran”.

Seksyen 4

1. Seksyen yang ada sekarang digantikan oleh Akta 10/1960, perenggan 33(c), berkuat kuasa dari 01-12-1960. Seksyen ini dipinda seperti yang berikut:

(a) oleh Akta 14/1962, subseksyen 27(1), berkuat kuasa dari 01-10-1962, yang menggantikan perkataan “Jadual ini” dengan “atau Jadual ini yang berhubung dengan kewarganegaraan melalui pendaftaran dan penyimpanan daftar-daftar, dan berhubungan dengan perintah-perintah di bawah perenggan (c) Fasal (1) Perkara 25 atau di bawah Perkara 26, mana-mana fungsinya di bawah Perkara 27 sebelum memutuskan sama ada hendak membuat suatu perintah yang sedemikian;”;

(b) oleh Akta 26/1963, subseksyen 33(3) berkuat kuasa dari 16-09-1963, yang menomborkan semula seksyen ini sebagai “4(1)” dan menambah subseksyen (2) dan (3);

(c) oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965, yang memotong perkataan “atau Singapura” yang terdapat selepas “Negeri Borneo” dalam subseksyen (2);

(d) *subseksyen (1):* Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976;

(e) *subseksyen (2):* Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976 dan “sesuatu Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah atau Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

2. Seksyen 4 yang asal berbunyi seperti yang berikut:

“4. Pihak berkuasa pendaftaran boleh mewakilkan kepada mana-mana pegawainya, atau, dengan persetujuan Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Gabenor mana-mana Negeri, kepada mana-mana pegawai Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri itu, mana-mana fungsinya di bawah Bahagian III atau Jadual ini; tetapi mana-mana orang yang terkilang dengan keputusan seseorang yang kepadanya fungsi pihak berkuasa itu diwakilkan sedemikian boleh merayu kepada pihak berkuasa itu.”.

3. Perwakilan-perwakilan yang berikut telah dibuat:

(a) *di bawah subseksyen (1):*

P.U. (S.B.) 114/1957, 10-12/1958, 22-27/1958, 29/1958, 37-38/1958, 47-51/1958, 56/1958, 135-140/1958, 233-235/1958, 255-256/1958, 72/1959;

(b) *di bawah subseksyen (2):* P.U. 39/1964.

Subseksyen 4(3): Per. 19A yang disebut dalam subseksyen ini dimansuhkan.

Seksyen 5

Seksyen ini yang berbunyi seperti yang berikut dipotong oleh Akta 10/1960, perenggan 33(d), berkuat kuasa dari 01-12-1960.

Fungsi Menteri

6. Tertakluk kepada undang-undang persekutuan, Menteri boleh membuat kaedah-kaedah dan menetapkan borang-borang bagi maksud menjalankan fungsinya di bawah Bahagian III Perlembagaan ini.

7. Apa-apa kuasa Kerajaan Persekutuan untuk melanjutkan, bagi maksud Bahagian III Perlembagaan ini, tempoh bagi mendaftarkan sesuatu kelahiran yang berlaku di luar Persekutuan boleh dijalankan sama ada sebelum atau selepas pendaftaran itu dibuat.

8. (*Dimansuhkan*).

9. Apa-apa notis yang hendaklah diberikan oleh Menteri kepada mana-mana orang di bawah Perkara 27 boleh dihantar kepada orang itu di alamatnya yang akhir diketahui, atau, dalam hal seseorang yang di bawah umur dua puluh satu tahun (yang bukan seorang perempuan bersuami), kepada ibu atau bapanya atau penjaganya di alamat ibu atau bapa atau penjaga itu yang akhir diketahui; dan jika sesuatu alamat yang ke situ notis boleh dihantar kepada mana-mana orang di bawah seksyen ini tidak diketahui dan tidak dapat ditentukan selepas siasatan yang munasabah dibuat, notis itu boleh diberikan dengan menyiarkannya dalam *Warta*.

10. (1) Menjadi kewajipan Menteri untuk menyusun dan menyenggarakan—

- (a) suatu daftar warganegara melalui pendaftaran;
- (b) suatu daftar warganegara melalui penaturalisasian;
- (c) suatu daftar orang yang kepada mereka perakuan telah dikeluarkan di bawah Fasal (1) Perkara 30;
- (d) suatu daftar orang yang telah melepaskan atau telah dilucutkan kewarganegaraan di bawah mana-mana peruntukan Bahagian III Perlembagaan ini;
- (e) (*Dimansuhkan*);
- (f) suatu indeks mengikut abjad bagi semua orang yang disebut dalam perenggan (a) hingga (d).

(2) Sebutan dalam seksyen ini mengenai warganegara melalui pendaftaran atau melalui penaturalisasian hendaklah ditafsirkan mengikut Perkara 28 seolah-olah seksyen ini telah dimasukkan antara peruntukan yang baginya Perkara itu terpakai.

11. Jika Menteri mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa sesuatu kekhilafan terdapat dalam mana-mana daftar yang disusun di bawah seksyen 10, dia hendaklah, selepas memberikan notis kepada orang yang berkenaan itu dan selepas menimbangkan apa-apa representasi daripadanya yang dipilih olehnya untuk dibuat, membuat apa-apa perubahan pada daftar itu sebagaimana yang didapati perlu oleh Menteri bagi membetulkan kekhilafan itu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kedua, Bahagian III—(samb.)

- “5. Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan pihak berkuasa pendaftaran boleh merayu kepada Mahkamah Besar atas perkara undang-undang, tetapi kecuali sebagaimana yang disebut terdahulu keputusan pihak berkuasa pendaftaran di bawah Bahagian III tidaklah tertakluk kepada rayuan atau kajian semula di dalam mana-mana mahkamah.”
3. Perkataan “dan pihak berkuasa pendaftaran” yang terdapat pada tajuk di atas seksyen 6 dipotong oleh Akta 10/1960, perenggan 33(e), berkuat kuasa dari 01-12-1960.

Seksyen 6

1. Seksyen yang ada sekarang dimasukkan oleh Akta 10/1960, perenggan 33(f), berkuat kuasa dari 01-12-1960.
2. Akta 26/1963, subseksyen 33(3), berkuat kuasa dari 16-09-1963, memotong perkataan “dan Jadual ini” yang terdapat di hujungnya. Seksyen yang asal berbunyi seperti yang berikut:

“6. Tertakluk kepada undang-undang persekutuan Menteri dan pihak berkuasa pendaftaran boleh membuat kaedah-kaedah dan menetapkan borang-borang bagi maksud menjalankan fungsi mereka masing-masing di bawah Bahagian III dan Jadual ini.”.
3. Lihat perenggan 16(1)(c).
4. Lihat Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964, dalam P.U. 82/1964 sebagaimana yang dipinda oleh P.U. 346/1964, 44/1965, 369/1966, 426/1966.

Seksyen 7

Seksyen yang ada sekarang ditambahkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 33(3), berkuat kuasa dari 16-09-1963, dan menggantikan seksyen yang dahulu yang berbunyi seperti yang berikut:

“7. Kuasa Kerajaan Persekutuan di bawah perenggan (d) Fasal (1) Perkara 14 untuk membenarkan tempoh yang lebih lama bagi pendaftaran sesuatu kelahiran boleh dijalankan sama ada sebelum atau selepas pendaftaran itu telah dilaksanakan.”.

Seksyen 8

Seksyen ini yang berbunyi seperti yang berikut dimansuhkan oleh Akta 10/1960, perenggan 33(g), berkuat kuasa dari 01-12-1960:

“8. Jika sesuatu perakuan naturalisasi diberikan di bawah Perkara 19 atau Perkara 20, Menteri hendaklah menghantar suatu salinan perakuan itu kepada pihak berkuasa pendaftaran.”.

Seksyen 9: Lihat seksyen 18.

Seksyen 10

1. Seksyen yang ada sekarang dimasukkan oleh Akta 10/1960, perenggan 33(h), berkuat kuasa dari 01-12-1960. Seksyen ini dipinda seperti yang berikut:
 - (a) oleh Akta 26/1963, subseksyen 33(3), berkuat kuasa dari 16-09-1963 yang—
 - (i) memasukkan perkataan “Fasal (1)” sebelum “Perkara 30” dalam perenggan (1)(c);
 - (ii) menggantikan perenggan (1)(e) dan (f) sebagai menggantikan perenggan (e) yang berbunyi seperti yang berikut:

“(e) sesuatu indeks mengikut abjad bagi semua orang yang disebut dalam perenggan (a), (b), (c) dan (d) subseksyen ini.”;
 - (iii) menggantikan subseksyen yang dahulu dengan subseksyen (2) yang berbunyi seperti yang berikut:

“(2) Bagi maksud seksyen ini—
“warganegara melalui pendaftaran” termasuklah seseorang warganegara yang mana-mana perenggan (selain perenggan (c)) Fasal (1) Perkara 28 terpakai baginya dan seseorang warganegara melalui pendaftaran di bawah Perkara 170;
“warganegara melalui penaturalisasian” termasuklah seseorang warganegara yang perenggan (c) Fasal (1) Perkara 28 terpakai baginya.”.
 - (b) oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965, yang—
 - (i) memansuhkan perenggan (1)(e), dan menggantikan perkataan “(a) hingga (e)” dalam perenggan (1)(f) dengan “(a) hingga (d)”. Perenggan 1(e) berbunyi seperti yang berikut:

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kedua, Bahagian III—(samb.)

“(e) suatu daftar orang yang didaftarkan di bawah Perkara 19A sebagai warganegara yang bukan warganegara Singapura;”

- (ii) menggantikan, dalam subseksyen (2), perkataan “Perkara 28 dan 28A” dengan “Perkara 28” dan perkataan ‘baginya Perkara-Perkara itu terpakai, dikecualikan bahawa “warganegara melalui pendaftaran” tidak termasuk mana-mana warganegara Singapura’ dengan “baginya Perkara itu terpakai.”

2. Lihat seksyen 11.

Subseksyen (1)(e) & (2): Lihat catatan di halaman sebelum ini.

Seksyen 11

1. Perkataan “pihak berkuasa pendaftaran” dan “pihak berkuasa” digantikan dengan “Menteri”, dan perkataan “ia” yang terdapat selepas “seksyen 10, maka” digantikan dengan “dia” oleh Akta 14/1962, seksyen 32 berkuat kuasa dari 01-12-1960.
2. Lihat seksyen 12.

Seksyen 13, 14 & 15

Seksyen-seksyen ini dipotong oleh Akta 10/1960, perenggan 33(i), berkuat kuasa dari 01-12-1960 dan berbunyi seperti yang berikut.

“13. Bagi maksud menetapkan apa-apa persoalan fakta yang bukti mengenainya diperlukan bagi mana-mana orang yang mendakwa menjadi warganegara melalui kuat kuasa undang-undang, atau bagi pendaftaran sebagai seorang warganegara, pihak berkuasa pendaftaran berhak mengemukakan apa-apa soalan kepada orang itu, atau mana-mana orang lain, sebagaimana yang difikirkannya perlu; dan melainkan jika pihak berkuasa itu mempunyai sebab untuk meragui tentang betulnya jawapan kepada mana-mana soalan itu, jawapan itu hendaklah diterima sebagai betul.

14. Tanpa menjejaskan seksyen 13, jika mana-mana orang menyatakan bahawa dia telah mencapai umur yang tertentu maka pernyataan itu bolehlah, melainkan jika pihak berkuasa pendaftaran atau Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, mempunyai sebab untuk meragui betulnya pernyataan itu, diterima sebagai betul walaupun orang itu tidak dapat menentukan tarikh lahirnya; dan mana-mana orang yang mendakwa dirinya dilahirkan sah taraf hendaklah dikira dilahirkan sedemikian melainkan jika pihak berkuasa pendaftaran atau Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, mempunyai sebab untuk mengatakan bahawa dia dilahirkan tidak sah taraf.

15. Jika pihak berkuasa pendaftaran berpuas hati dengan semua perkara yang dikehendaki oleh Perkara 17 bagi maksud sesuatu permohonan pendaftaran di bawah Perkara itu, mereka hendaklah memberikan notis yang bermaksud sedemikian kepada Menteri, dan melainkan jika dalam suatu tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah yang dibuat oleh Menteri bagi maksud seksyen ini Menteri mengarahkan selainnya, pihak berkuasa itu hendaklah mendaftarkan pemohon itu dengan sewajarnya.”

Seksyen 16

Seksyen yang asal digantikan oleh Akta 10/1960, perenggan 33(j), berkuat kuasa dari 01-12-1960 dan berbunyi seperti yang berikut:

“16. Menjadi suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama dua tahun atau denda seribu ringgit atau kedua-duanya bagi seseorang yang dengan disedarinya membuat apa-apa pernyataan palsu dengan tujuan mendorong pihak berkuasa pendaftaran atau Menteri supaya meluluskan atau menolak mana-mana permohonan di bawah Bahagian III, termasuk apa-apa permohonan bagi menentukan sama ada pemohon itu ialah seorang warganegara melalui kuat kuasa undang-undang.”

Subseksyen 16(2)

1. Subseksyen (2) yang ada sekarang digantikan oleh Akta 26/1963, subseksyen 33(3), berkuat kuasa dari 16-09-1963. Fasal (2) yang asal berbunyi seperti yang berikut:

“(2) Dalam seksyen ini “perakuan” ertinya—

- (a) apa-apa perakuan pendaftaran sebagai warganegara yang diberikan di bawah Perkara 15, 16, 17 atau 170;
- (b) apa-apa perakuan pendaftaran sesuatu kelahiran di suatu Konsulat Malaya di bawah perenggan (d) Fasal (1) Perkara 14;
- (c) apa-apa perakuan naturalisasi yang diberikan di bawah Perkara 19 atau 20;
- (d) apa-apa perakuan kewarganegaraan yang dikeluarkan di bawah Perkara 30.”

12. Tertakluk kepada seksyen 11, daftar tersebut hendaklah menjadi keterangan muktamad mengenai perkara yang terkandung dalamnya.

13-15. (*Dimansuhkan*).

Kesalahan-kesalahan

16. (1) Menjadi suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama dua tahun atau denda sebanyak seribu ringgit atau kedua-duanya jika mana-mana orang—

- (a) dengan disedarinya membuat apa-apa pernyataan palsu dengan tujuan untuk mendorong Menteri membenarkan atau menolak mana-mana permohonan di bawah Bahagian III Perlembagaan ini, termasuk apa-apa permohonan untuk menentukan sama ada pemohon itu seorang warganegara melalui kuat kuasa undang-undang; atau
- (b) memalsukan atau tanpa kuasa yang sah mengubah mana-mana perakuan, sama ada yang dikeluarkan atau diberikan di Persekutuan atau di mana-mana tempat lain, atau tanpa kuasa yang sah menggunakan atau ada dalam miliknya apa-apa perakuan yang telah dipalsukan atau diubah sedemikian; atau
- (c) tidak mematuhi apa-apa kehendak yang dikenakan ke atasnya oleh mana-mana kaedah yang dibuat di bawah seksyen 6 mengenai penyerahan perakuan; atau
- (d) menyamar atau dengan cara palsu mengemukakan dirinya sebagai atau bukan sebagai seorang yang kepadanya suatu perakuan, sama ada yang dikeluarkan di Persekutuan atau di mana-mana tempat lain, telah dikeluarkan atau diberikan dengan sewajarnya.

(2) Dalam seksyen ini, “perakuan” ertinya apa-apa perakuan daripada perihalan yang berikut yang dikeluarkan di bawah Bahagian III Perlembagaan ini, iaitu:

- (a) apa-apa perakuan pendaftaran atau perakuan naturalisasi sebagai seorang warganegara; dan
- (b) apa-apa perakuan pendaftaran yang dibuat di suatu konsulat Persekutuan atau di mana-mana tempat lain di luar Persekutuan; dan
- (c) apa-apa perakuan seperti yang disebut dalam Perkara 30.

Tafsiran

17. Berhubung dengan seseorang anak tidak sah taraf, sebutan mengenai bapa orang itu atau mengenai ibu atau bapanya, atau mengenai seorang daripada ibu bapanya adalah, bagi maksud Bahagian III Perlembagaan ini, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai ibunya, dan dengan yang demikian itu seksyen 19 Jadual ini tidaklah terpakai bagi orang itu.

18. Berhubung dengan seseorang anak angkat yang pengangkatannya telah didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Persekutuan, termasuk mana-mana undang-undang itu yang berkuat kuasa sebelum Hari Merdeka, Fasal (3) Perkara 15 hendaklah berkuat kuasa

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kedua, Bahagian III—(samb.)

2. Perkataan “atau di bawah Perlembagaan Negeri Singapura atau mana-mana undang-undang terdahulu yang berhubungan dengan kewarganegaraan Singapura” yang terdapat selepas “Perlembagaan ini” dipotong oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965.

Seksyen 17

Seksyen ini yang dimasukkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 33(3), berkuat kuasa dari 16-09-1963, menggantikan seksyen yang dahulu yang berbunyi seperti yang berikut:

“17. Berhubung dengan seseorang yang tidak sah taraf, Perkara 14 dan 15 hendaklah berkuat kuasa seolah-olah sebutan mengenai bapanya, dan Fasal (2)(c) Perkara 14 seolah-olah sebutan mengenai ibu atau bapanya itu, telah digantikan dengan sebutan mengenai ibunya dan seolah-olah seksyen 19 Jadual ini telah ditinggalkan; dan sebutan dalam Perkara 15 dan Jadual ini mengenai ibu atau bapanya hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya”.

Seksyen 18

Perkataan “Fasal (3)” dimasukkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 33(3), berkuat kuasa dari 16-09-1963, yang juga menggantikan perkataan “Perkara itu dan Jadual ini” dengan “Fasal itu dan seksyen 9 Bahagian ini”.

Seksyen 19

1. Ayat yang terakhir ditambahkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 33(3), berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. *Lihat* seksyen 17.

Seksyen 19A, 19B & 19C

Ditambahkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 24(2), berkuat kuasa dari 16-09-1963.

seolah-olah sebutan mengenai bapanya telah digantikan dengan sebutan mengenai pengangkat itu, dan sebutan dalam Fasal itu dan seksyen 9 Bahagian ini dalam Jadual ini mengenai ibu atau bapanya hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

19. Apa-apa sebutan dalam Bahagian III Perlembagaan ini mengenai taraf atau perihalan bapa seseorang pada masa kelahiran orang itu hendaklah, berhubung dengan seseorang yang lahir selepas kematian bapanya, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai taraf atau perihalan bapa itu pada masa kematian bapa itu; dan jika kematian itu berlaku sebelum Hari Merdeka dan kelahiran itu berlaku pada atau selepas Hari Merdeka, maka taraf atau perihalan yang akan terpakai bagi bapa itu sekiranya dia mati selepas Hari Merdeka hendaklah disifatkan sebagai taraf atau perihalan yang terpakai baginya pada masa kematiannya. Seksyen ini hendaklah berkuat kuasa berhubung dengan Hari Malaysia sebagaimana seksyen ini berkuat kuasa berhubung dengan Hari Merdeka.

19A. Bagi maksud Bahagian I atau II Jadual ini, seseorang yang lahir di atas sesuatu kapal atau pesawat udara berdaftar hendaklah disifatkan telah lahir di tempat di mana kapal atau pesawat udara itu telah didaftarkan, dan seseorang yang lahir di atas sesuatu kapal atau pesawat udara tidak berdaftar kepunyaan Kerajaan mana-mana negara hendaklah disifatkan telah lahir di dalam negara itu.

19B. Bagi maksud Bahagian I atau II Jadual ini, mana-mana kanak-kanak baru lahir yang dijumpai ditinggalkan tanpa perlindungan di mana-mana tempat hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah lahir di tempat itu dan ibunya bermastautin secara tetap di tempat itu; dan jika kanak-kanak itu dikira menurut kuasa seksyen ini telah lahir sedemikian, maka tarikh dia dijumpai hendaklah dikira sebagai tarikh lahirnya.

19C. Bagi maksud Bahagian I atau II Jadual ini seseorang hendaklah dikira telah bermastautin secara tetap pada bila-bila masa di Persekutuan jika, tetapi hanya jika, dia ketika itu bermastautin di Persekutuan dan sama ada—

- (a) dia ketika itu mendapat kebenaran yang diberikan tanpa had masa di bawah mana-mana undang-undang persekutuan untuk bermastautin di Persekutuan; atau
- (b) diperakui oleh Kerajaan Persekutuan bahawa dia hendaklah dikira bagi maksud itu sebagai seorang pemastautin tetap di Persekutuan.

20. (1) Pada menghitung apa-apa kemastautinan di Persekutuan bagi maksud Bahagian III Perlembagaan ini—

- (a) tempoh tidak ada di dalam Persekutuan selama kurang daripada enam bulan;
- (b) tempoh tidak ada di dalam Persekutuan bagi maksud apa-apa jenis pendidikan, di mana-mana negara dan selama apa-apa tempoh yang diluluskan dari semasa ke semasa sama ada secara am atau secara khas oleh Menteri;
- (c) tempoh tidak ada di dalam Persekutuan kerana sebab-sebab kesihatan;
- (d) tempoh tidak ada di dalam Persekutuan kerana bertugas dalam

perkhidmatan Persekutuan atau perkhidmatan mana-mana Negeri, jika tempoh itu selaras dengan keberterusan yang diperlukan bagi kemastautinan itu; dan

- (e) tempoh tidak ada di dalam Persekutuan kerana apa-apa sebab lain yang ditetapkan secara am atau secara khas oleh Menteri,

hendaklah dikira sebagai kemastautinan di Persekutuan.

(2) Pada menghitung apa-apa kemastautinan di Persekutuan bagi maksud Bahagian III Perlembagaan ini—

- (a) tempoh yang dalamnya seseorang telah tidak bermastautin dengan sah di Persekutuan;
- (b) tempoh seseorang berada sebagai penghuni di dalam mana-mana penjara atau sebagai seseorang yang ditahan dalam jagaan yang sah di mana-mana tempat lain, selain hospital mental, di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis Persekutuan; dan
- (c) tempoh yang dalamnya seseorang dibenarkan tinggal sementara di Persekutuan di bawah kuasa apa-apa pas yang dikeluarkan atau perintah pengecualian yang dibuat di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis Persekutuan yang berhubungan dengan imigresen,

tidak boleh, kecuali dalam hal apa-apa tempoh yang disebut dalam perenggan (c), dengan persetujuan Menteri, dikira sebagai kemastautinan di Persekutuan.

(3) Bagi maksud Bahagian III Perlembagaan ini, seseorang hendaklah disifatkan bermastautin di Persekutuan pada sesuatu hari tertentu jika dia telah bermastautin di Persekutuan sebelum hari itu dan hari itu termasuk dalam apa-apa tempoh tidak ada di dalam Persekutuan yang disebut dalam subseksyen (1).

(4) Seksyen ini hendaklah terpakai berhubung dengan mana-mana bahagian Persekutuan dan wilayah-wilayah yang termasuk di dalam bahagian itu sebelum Hari Malaysia sebagaimana seksyen ini terpakai berhubung dengan Persekutuan pada keseluruhannya, dan sebutan dalam subseksyen (1)(d) mengenai perkhidmatan sesuatu Negeri hendaklah termasuk, berhubung dengan wilayah-wilayah itu, perkhidmatan mana-mana Kerajaan yang mempunyai bidang kuasa di wilayah-wilayah itu sebelum Hari Malaysia; dan berhubung dengan Hari Malaysia atau mana-mana hari yang kemudiannya subseksyen (3) hendaklah terpakai seolah-olah wilayah-wilayah yang termasuk di dalam Negeri Sabah dan Sarawak telah pada setiap masa menjadi sebahagian daripada Persekutuan.

21. Bagi maksud Bahagian III Perlembagaan ini, “konsulat Persekutuan” termasuklah mana-mana pejabat yang menjalankan fungsi konsul bagi pihak Persekutuan.

22. Kecuali setakat yang konteksnya menghendaki makna yang lain, sebutan dalam Jadual ini mengenai Bahagian III Perlembagaan ini hendaklah dibaca sebagai termasuk sebutan mengenai Jadual ini.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kedua, Bahagian III—(samb.)

Seksyen 20

1. Seksyen yang ada sekarang digantikan oleh Akta 14/1962, subseksyen 27(2), berkuat kuasa dari 01-10-1962. Seksyen yang asal berbunyi seperti yang berikut:

“20. Pada menghitung tempoh kemastautinan di dalam Persekutuan bagi maksud Bahagian III—

- (a) tempoh tidak berada di dalam Persekutuan selama kurang daripada enam bulan;
- (b) tempoh tidak berada di dalam Persekutuan bagi maksud apa-apa jenis pendidikan, di mana-mana negeri dan sama ada apa-apa tempoh yang diluluskan dari semasa sama ada secara am atau secara khas oleh Menteri; dan
- (c) tempoh tidak berada di dalam Persekutuan atas sebab-sebab kesihatan atau apa-apa sebab lain yang ditetapkan secara am atau secara khas oleh Menteri,

hendaklah dikira sebagai kemastautinan di dalam Persekutuan; dan bagi maksud Bahagian III seseorang hendaklah disifatkan bermastautin di dalam Persekutuan pada sesuatu hari tertentu jika dia telah bermastautin di dalam Persekutuan sebelum hari itu dan hari itu dimasukkan dalam apa-apa tempoh yang dia tidak berada di dalam Persekutuan seperti yang disebut terdahulu.”.

2. *Subseksyen (1)(d) & (3):* Lihat subseksyen 20(4).

3. *Subseksyen 20(4)*

- (a) Ditambahkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 33(3), berkuat kuasa dari 16-09-1963.
- (b) Perkataan “atau Singapura” yang terdapat selepas “Negeri-Negeri Borneo” dipotong oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965.
- (c) Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Seksyen 21

Perkataan “konsulat Malaya” digantikan dengan “konsulat Persekutuan” oleh Akta 26/1963, subseksyen 33(3), berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Seksyen 22

Ditambahkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 33(3), berkuat kuasa dari 16-09-1963.

JADUAL KETIGA

[Perkara 32 dan 33]

*Pemilihan Yang di-Pertuan Agong dan
Timbalan Yang di-Pertuan Agong*

BAHAGIAN I

PEMILIHAN YANG DI-PERTUAN AGONG

1. (1) Seseorang Raja layak dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong melainkan jika—

- (a) Raja itu belum dewasa; atau
- (b) Raja itu telah memberitahu Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja bahawa Raja itu tidak berhasrat dipilih; atau
- (c) Majlis Raja-Raja mengambil ketetapan melalui undi sulit bahawa Raja itu tidak sesuai untuk menjalankan fungsi Yang di-Pertuan Agong disebabkan oleh kelemahan akal atau tubuhnya, atau kerana apa-apa sebab lain.

(2) Sesuatu ketetapan di bawah seksyen ini tidak boleh diluluskan melainkan jika sekurang-kurangnya lima orang anggota Majlis itu telah mengundi menyokongnya.

2. Majlis Raja-Raja hendaklah menawarkan jawatan Yang di-Pertuan Agong kepada Raja yang layak dipilih, yang Negerinya ialah yang pertama dalam senarai pemilihan yang diperihalkan dalam seksyen 4 dan, jika Raja itu tidak menerima jawatan itu, menawarkan jawatan itu kepada Raja yang Negerinya ialah yang berikut selepas Negeri yang pertama dalam senarai itu, dan demikianlah seterusnya sehingga seorang Raja menerima jawatan itu.

3. Apabila Raja yang telah ditawarkan kepadanya jawatan Yang di-Pertuan Agong mengikut seksyen 2 menerima jawatan itu, Majlis Raja-Raja hendaklah mengisytiharkan Raja itu sebagai dipilih dan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja hendaklah memberitahu keputusan pemilihan itu secara bertulis kepada kedua-dua Majlis Parlimen.

4. (1) Senarai pemilihan itu—

- (a) bagi maksud pemilihan pertama hendaklah suatu senarai yang memasukkan Negeri semua Raja mengikut susunan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja mengiktiraf keutamaan antara mereka sendiri ketika itu;
- (b) bagi maksud pemilihan yang kemudiannya hendaklah senarai sebagaimana yang diubah mengikut subseksyen (2) sehingga senarai itu disusun semula di bawah subseksyen (3), dan kemudiannya senarai pemilihan itu hendaklah senarai yang disusun semula sedemikian, tetapi diubah, bagi maksud pemilihan seterusnya, mengikut subseksyen (4).

(2) Senarai yang berkuat kuasa pada pemilihan pertama hendaklah diubah seperti yang berikut:

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Ketiga

Lihat Per. 160(2) takrif “Raja”.

Tajuk

Perkataan “Timbalan Kepala Utama Negara” digantikan dengan “Timbalan Yang di-Pertuan Agong” oleh Akta A354, seksyen 11, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

BAHAGIAN I

Seksyen 2: Lihat seksyen 3.

Seksyen 4: Lihat seksyen 2.

Perenggan 4(1)(a)

Perkataan “Duli-Duli Yang Maha Mulia” digantikan dengan “Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja” oleh Akta A31, seksyen 2, berkuat kuasa dari 24-03-1971.

Subseksyen (3): Lihat seksyen 10.

- (a) selepas setiap pemilihan, mana-mana Negeri dalam senarai itu yang mendahului Negeri yang Rajanya telah dipilih hendaklah dipindahkan (mengikut susunan Negeri-Negeri yang ada dalam senarai ketika itu) ke hujung senarai itu, dan Negeri yang Rajanya telah dipilih itu hendaklah ditinggalkan;
 - (b) apabila ada sesuatu perubahan Raja sesuatu Negeri yang ada dalam senarai ketika itu, Negeri itu hendaklah dipindahkan ke hujung senarai itu (dan jika pada hari yang sama ada perubahan Raja bagi lebih daripada satu Negeri yang sedemikian, Negeri-Negeri itu hendaklah dipindahkan sedemikian mengikut susunan yang ada dalam senarai ketika itu).
- (3) Apabila tiada Negeri lagi berada dalam senarai itu sebagaimana yang diubah mengikut subseksyen (2), atau jika pada sesuatu pemilihan tiada Raja sesuatu Negeri dalam senarai itu layak dipilih atau menerima jawatan, senarai pemilihan itu hendaklah disusun semula supaya dimasukkan sekali lagi Negeri-Negeri bagi semua Raja, tetapi mengikut susunan yang berikut, iaitu, Negeri-Negeri yang Rajanya telah memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong mengikut susunan Raja-Rajanya telah memegang jawatan itu, dan yang lain-lain (jika ada) selepas Negeri-Negeri itu mengikut susunannya dalam senarai itu sebelum senarai itu disusun semula.
- (4) Selepas setiap pemilihan yang diadakan mengikut senarai yang disusun semula itu, senarai itu hendaklah diubah seperti yang berikut:
- (a) mana-mana Negeri dalam senarai itu yang mendahului Negeri yang Rajanya telah dipilih, hendaklah dipindahkan (mengikut susunan Negeri-Negeri itu dalam senarai ketika itu) ke hujung senarai itu; dan
 - (b) Negeri yang Rajanya telah dipilih hendaklah kemudiannya diletakkan kemudian sekali.

BAHAGIAN II

PEMILIHAN TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG

5. Seseorang Raja layak dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong melainkan jika—
- (a) Raja itu tidak akan layak dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong; atau
 - (b) Raja itu telah memberitahu Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja bahawa Raja itu tidak berhasrat untuk dipilih.
6. Majlis Raja-Raja tidak boleh memilih seorang Timbalan Yang di-Pertuan Agong semasa jawatan Yang di-Pertuan Agong kosong.
7. Majlis Raja-Raja hendaklah menawarkan jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong kepada Raja yang layak dipilih, iaitu Raja yang pertama sekali berhak ditawarkan jawatan Yang di-Pertuan Agong apabila mangkat Yang di-Pertuan Agong yang akhir sekali dipilih dan, jika Raja itu tidak menerima jawatan itu, menawarkan jawatan itu kepada Raja yang kemudian selepasnya dan demikianlah seterusnya sehingga seorang Raja menerima jawatan itu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Ketiga—(samb.)

BAHAGIAN II

Di dalam tajuk, perkataan “TIMBALAN KEPALA UTAMA NEGARA” digantikan dengan “TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG” oleh Akta A354, seksyen 11, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Seksyen 5, 6 & 7

Perkataan “Timbalan Kepala Utama Negara” digantikan dengan “Timbalan Yang di-Pertuan Agong” oleh Akta A354, seksyen 11, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

BAHAGIAN III

PEMECATAN YANG DI-PERTUAN AGONG

8. Sesuatu ketetapan Majlis Raja-Raja untuk memecat Yang di-Pertuan Agong daripada jawatan tidak boleh diluluskan melainkan jika sekurang-kurangnya lima orang anggota Majlis itu telah mengundi menyokongnya.

BAHAGIAN IV

AM

9. (*Dimansuhkan*).

10. Dalam subseksyen 4(3), ungkapan “Raja” termasuklah seseorang bekas Raja.

JADUAL KEEMPAT

[Perkara 37]

***Sumpah Jawatan bagi Yang di-Pertuan Agong
dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong***

BAHAGIAN I

SUMPAH BAGI YANG DI-PERTUAN AGONG

Kami ibni
Yang di-Pertuan Agong bagi Malaysia bersumpah dengan melafazkan:

Wallahi;

Wabillahi;

Watallahi;

maka dengan lafaz ini berikrarlah Kami dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya mengaku akan taat setia pada menjalankan dengan adilnya pemerintahan bagi Malaysia dengan mengikut sebagaimana undang-undang dan Perlembagaan yang telah disah dan dimasyhurkan dan yang akan disah dan dimasyhurkan di masa hadapan ini. Dan lagi Kami berikrar mengaku dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya memelihara pada setiap masa Agama Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam Negeri.

BAHAGIAN II

SUMPAH BAGI TIMBALAN YANG
DI-PERTUAN AGONG

Kami ibni
yang telah dilantik menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong bagi Malaysia bersumpah dengan melafazkan:

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Ketiga—(samb.)

BAHAGIAN IV

Seksyen 9

Seksyen ini dimansuhkan oleh Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963 dan berbunyi seperti yang berikut:

“9. Suatu pilihan raya yang diadakan mengikut Jadual ini sebelum Hari Merdeka adalah sah dan hendaklah berkuat kuasa pada hari itu.”.

Jadual Keempat

Perkataan “Persekutuan Tanah Melayu” dalam Bahagian I, II dan III digantikan dengan “Malaysia” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Wallahi;

Wabillahi;

Watallahi;

dan dengan lafaz ini berikrarlah Kami dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya mengaku akan taat setia pada menjalankan tanggungan Kami yang telah ditetapkan dan yang akan ditetapkan pada suatu masa ke suatu masa yang ke hadapan ini oleh undang-undang dan Perlembagaan Negeri Malaysia.

BAHAGIAN III

TERJEMAHAN DALAM BAHASA INGGERIS

We ibni
Yang di-Pertuan Agong of Malaysia do hereby swear:

Wallahi;

Wabillahi;

Watallahi;

and by virtue of that oath do solemnly and truly declare that We shall justly and faithfully perform (carry out) our duties in the administration of Malaysia in accordance with its laws and Constitution which have been promulgated or which may be promulgated from time to time in the future. Further We do solemnly and truly declare that We shall at all time protect the Religion of Islam and uphold the rules of law and order in the Country.

We ibni
being elected to be the Timbalan Yang di-Pertuan Agong of Malaysia do hereby swear:

Wallahi;

Wabillahi;

Watallahi;

and by virtue of that oath do solemnly and truly declare that We shall faithfully perform (carry out) our duties as Timbalan Yang di-Pertuan Agong as laid down and as may from time to time be laid down by the laws and the Constitution of Malaysia.

JADUAL KELIMA

[Perkara 38(1)]

Majlis Raja-Raja

1. Tertakluk kepada peruntukan yang berikut dalam Jadual ini, Majlis Raja-Raja hendaklah terdiri daripada Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri-Negeri yang tidak mempunyai Raja.
2. Tempat Duli Yang Maha Mulia Raja mana-mana Negeri atau tempat Yang di-Pertua Negeri mana-mana Negeri sebagai anggota Majlis Raja-Raja boleh dalam apa-apa hal yang dalamnya Perlembagaan Negeri itu memperuntukkan sedemikian diambil oleh mana-mana orang yang diperuntukkan oleh Perlembagaan itu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kelima

Lihat Per. 160(2) takrif “Raja”.

Seksyen 1 & 7

Perkataan “Melaka dan Pulau Pinang” digantikan dengan “Negeri-Negeri yang tidak mempunyai Raja” oleh Akta 26/1963, seksyen 6, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Seksyen 1

- a. Perkataan “Duli-Duli Yang Maha Mulia” digantikan dengan “Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja” oleh Akta A31, seksyen 2, berkuat kuasa dari 24-03-1971.
- b. Perkataan “Gabenor-Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(a), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Seksyen 2

- a. Perkataan “Duli Yang Maha Mulia” digantikan dengan “Duli Yang Maha Mulia Raja” oleh Akta A31, seksyen 2, berkuat kuasa dari 24-03-1971.
- b. Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

3. Majlis Raja-Raja hendaklah mempunyai suatu Mohor Besar Raja-Raja, yang hendaklah disimpan dalam jagaan seseorang yang dilantik oleh Majlis itu.
 4. Orang yang dilantik di bawah seksyen 3 hendaklah dikenali sebagai Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, hendaklah bertindak sebagai setiausaha Majlis Raja-Raja dan hendaklah memegang jawatannya selama yang diperkenankan oleh Majlis itu.
 5. Majoriti anggota Majlis Raja-Raja hendaklah membentuk kuorum dan, tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, Majlis itu boleh menentukan tatacaranya sendiri.
 6. Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja hendaklah memanggil mesyuarat Majlis Raja-Raja apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Yang di-Pertuan Agong atau oleh tidak kurang daripada tiga orang anggota Majlis itu dan, dengan tidak dikehendaki berbuat demikian, tidak lewat daripada empat minggu sebelum habis tempoh jawatan Yang di-Pertuan Agong dan apabila berlaku kekosongan dalam jawatan itu atau dalam jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong.
 7. Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri Negeri-Negeri yang tidak mempunyai Raja tidaklah boleh menjadi anggota Majlis Raja-Raja bagi maksud apa-apa prosiding yang berhubungan dengan pemilihan atau pemecatan Yang di-Pertuan Agong atau pemilihan Timbalan Yang di-Pertuan Agong atau yang berhubungan semata-mata dengan keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja atau dengan perbuatan, amalan atau upacara agama.
 8. Dalam apa-apa hal jika Majlis Raja-Raja tidak sebulat suara, Majlis Raja-Raja hendaklah mengambil keputusannya mengikut majoriti anggota yang mengundi, tertakluk bagaimanapun kepada peruntukan Jadual Ketiga.
 9. Apa-apa persetujuan, pelantikan atau nasihat Majlis Raja-Raja yang dikehendaki di bawah Perlembagaan ini hendaklah ditandai dengan Mohor Besar Raja-Raja; dan jika, dalam hal apa-apa pelantikan yang dicadangkan, majoriti anggota Majlis itu telah menunjukkan, melalui surat yang ditujukan kepada Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, bahawa mereka menyokong pelantikan itu, maka Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja hendaklah menandai sedemikian nasihat Majlis itu dengan tidak memanggilnya bermesyuarat.
-

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kelima—(samb.)

Seksyen 3: Lihat seksyen 4.

Seksyen 6

Perkataan “Timbalan Kepala Utama Persekutuan” digantikan dengan “Timbalan Yang di-Pertuan Agong” oleh Akta A354, seksyen 11, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Seksyen 7

1. Perkataan “Timbalan Kepala Utama Persekutuan” digantikan dengan “Timbalan Yang di-Pertuan Agong” oleh Akta A354, seksyen 11, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
2. Perkataan “Gabenor-Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(a), berkuat kuasa dari 27-08-1976.
3. Perkataan “Duli-Duli Yang Maha Mulia” digantikan dengan “Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja” oleh Akta A31, seksyen 2, berkuat kuasa dari 24-03-1971.

Jadual Keenam

1. Catatan yang terdapat selepas perenggan 1 ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963, yang juga menggantikan perkataan “Persekutuan Tanah Melayu” dalam perenggan 1 dan 2 dengan “Malaysia”.
2. *Lihat Per. 159(4)(a) & 160(4).*
3. Dalam catatan kepada perenggan 1, perkataan “Mahkamah Agung, selain Ketua Hakim Negara, atau seseorang Hakim Mahkamah Tinggi” digantikan dengan perkataan “Mahkamah Persekutuan, selain Ketua Hakim Negara, seseorang hakim Mahkamah Rayuan atau hakim Mahkamah Tinggi, atau seseorang pesuruhjaya kehakiman” dan memotong perkataan “atau mana-mana jawatan lain” oleh Akta A885, seksyen 43, berkuat kuasa dari 24-06-1994.

JADUAL KEENAM

[Perkara 43(6), 43B(4), 57(1A)(a), 59(1), 124, 142(6)]

Bentuk Sumpah dan Ikrar1. *Sumpah Jawatan dan Taat Setia*

“Saya,, setelah dipilih (atau dilantik) memegang jawatan dengan sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) bahawa saya akan dengan jujur menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan itu dengan segala daya upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia, dan akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaannya.”

(CATATAN—Seseorang hakim Mahkamah Persekutuan, selain Ketua Hakim Negara, seseorang hakim Mahkamah Rayuan atau seseorang hakim Mahkamah Tinggi atau seseorang pesuruhjaya kehakiman hendaklah menggunakan perkataan “kewajipan-kewajipan kehakiman saya dalam jawatan itu” sebagai ganti perkataan “kewajipan-kewajipan jawatan itu”.)

2. *Sumpah sebagai Ahli Parlimen dan Sumpah Taat Setia*

“Saya,, setelah dipilih (atau dilantik) sebagai seorang ahli Dewan Rakyat (atau Dewan Negara) dengan sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) bahawa saya akan dengan jujur menunaikan kewajipan-kewajipan saya sebagai yang demikian dengan segala daya upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia, dan akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaannya.”

3. *Sumpah Simpan Rahsia*

“Saya,, dengan sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) bahawa saya tidak akan memberitahu atau menzahirkan kepada mana-mana orang sama ada secara langsung atau secara tidak langsung apa-apa perkara yang dibawa untuk pertimbangan saya atau yang akan saya ketahui sebagai seorang kecuali sebagaimana yang mungkin dikehendaki untuk menunaikan dengan sewajarnya kewajipan-kewajipan saya sebagai yang demikian atau sebagaimana yang mungkin dibenarkan dengan khas oleh Yang di-Pertuan Agong.”

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Ketujuh

BAHAGIAN I

Lihat Per. 54(3) & 159(4)(a).

Subseksyen 1(1)

Subseksyen ini dimansuhkan oleh Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963 dan berbunyi seperti yang berikut:

“1. (1) Dengan seberapa segera yang boleh selepas pembubaran Majlis Undangan, Yang di-Pertuan Agong hendaklah memberikan notis kepada Raja atau Gabenor setiap Negeri bahawa ahli-ahli Dewan Negara dikehendaki dipilih dan Raja atau Gabenor hendaklah menghendaki Dewan Undangan memilih ahli-ahli Dewan Negara dengan seberapa segera yang boleh.”.

Subseksyen 1(2)

1. *Lihat* seksyen 5.
2. Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

JADUAL KETUJUH

[Perkara 45]

Pemilihan Ahli-Ahli Dewan Negara

1. (1) (*Dimansuhkan*).

(2) Setiap kali berlaku kekosongan di kalangan ahli Dewan Negara yang dipilih oleh Negeri, Yang di-Pertuan Agong hendaklah memberikan notis kepada Raja atau Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri itu bahawa seorang ahli Dewan Negara dikehendaki dipilih, dan Raja atau Yang di-Pertua Negeri itu hendaklah menghendaki Dewan Undangan memilih seorang ahli Dewan Negara dengan seberapa segera yang boleh.

2. (1) Nama calon untuk dipilih hendaklah dicadangkan dan disokong oleh ahli-ahli Dewan Undangan dan ahli yang mencadangkan atau ahli yang menyokong itu hendaklah mengemukakan suatu pernyataan secara bertulis, ditandatangani oleh orang yang dinamakan itu bahawa dia bersetuju untuk berkhidmat sebagai ahli Dewan Negara jika dipilih.

(2) Apabila semua penamaan telah diterima, pegawai pengerusi hendaklah mengumumkan nama orang yang dinamakan itu mengikut susunan abjad dan kemudiannya hendaklah mengemukakan nama mereka mengikut susunan itu untuk diundi.

(3) Setiap ahli yang hadir berhak mengundi sebanyak bilangan calon yang ada mengikut bilangan kekosongan yang akan diisi, dan nama ahli yang mengundi setiap calon hendaklah direkodkan; dan jika mana-mana ahli membuang undi sebagai tambahan kepada undi yang dibenarkan oleh subseksyen ini, maka undi itu adalah tidak sah.

(4) Pegawai pengerusi hendaklah mengisytiharkan sebagai terpilih calon atau calon-calon yang mendapat bilangan undi yang terbanyak, tetapi jika dua orang calon atau lebih mendapat bilangan undi yang sama banyak dan bilangan calon itu lebih besar daripada bilangan kekosongan yang akan diisi, maka pemilihan calon itu hendaklah ditentukan dengan cara cabut undi.

3. Walau apa pun apa-apa jua dalam seksyen 2, jika suatu kekosongan yang disebabkan oleh habis tempoh jawatan ahli Dewan Negara akan diisi pada mesyuarat yang sama dengan suatu kekosongan yang berlaku dengan apa-apa cara lain, maka pemilihan hendaklah pertama-tamanya diadakan untuk mengisi kekosongan yang disebabkan oleh habis tempoh jawatan itu dan kemudiannya suatu pemilihan yang berasingan untuk mengisi kekosongan yang lain itu.

4. Pegawai pengerusi hendaklah memperakui kepada Setiausaha Dewan Negara, melalui surat yang ditandatangani sendiri olehnya, nama orang yang dipilih sebagai ahli Dewan Negara mengikut peruntukan Jadual ini.

5. Jika berbangkit apa-apa soal sama ada seseorang ahli Dewan Negara telah dipilih dengan sewajarnya mengikut peruntukan Jadual ini, maka Dewan Negara hendaklah mengambil keputusan mengenainya dan keputusan itu adalah muktamad, tetapi kegagalan mengadakan sesuatu pemilihan di bawah subseksyen 1(2) dengan seberapa segera yang boleh tidaklah dengan sendirinya menidaksahkan pemilihan mana-mana ahli Dewan Negara.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Ketujuh—(samb.)

Subseksyen 2(1): Lihat seksyen 3.

Seksyen 5

Perkataan “, tetapi kegagalan mengadakan suatu pemilihan di bawah seksyen 1(2) dengan seberapa segera yang boleh tidaklah dengan sendirinya menidaksahkan pemilihan mana-mana ahli Dewan Negara” dimasukkan oleh Akta 31/1965, subseksyen 2(2), berkuat kuasa dari 01-07-1965.

BAHAGIAN II

Seksyen 6 & 7

1. Seksyen ini dimansuhkan oleh Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963 dan berbunyi seperti yang berikut:

“6. Tempoh jawatan bagi seorang daripada dua orang ahli Dewan Negara yang dipilih pada pemilihan pertama yang diadakan mengikut peruntukan Jadual ini ialah tiga tahun, dan ahli Dewan Negara yang tempoh jawatannya ialah enam tahun hendaklah, jika kedua-duanya mendapat bilangan undi yang sama banyak, ditetapkan dengan cara cabut undi dan kalau tidak begitu halnya orang yang menerima bilangan undi yang lebih banyak.

7. Daripada bilangan orang yang dilantik pertama kalinya untuk menjadi ahli Dewan Negara, lapan hendaklah dilantik bagi tempoh tiga tahun.”
2. Tajuk “*Pemilihan dan Persaraan Ahli-Ahli Dewan Negara*” dan “BAHAGIAN I” dipotong oleh Akta A1130, perenggan 13(a), berkuat kuasa dari 28-09-2001.
3. Tajuk “PEMILIHAN AHLI-AHLI DEWAN NEGARA” digantikan dengan tajuk “*Pemilihan Ahli-Ahli Dewan Negara*” oleh Akta A1130, perenggan 13(b), berkuat kuasa dari 28-09-2001.
4. Bahagian II dipotong oleh Akta A1130, perenggan 13(c), berkuat kuasa dari 28-09-2001.

JADUAL KELAPAN

[Perkara 71]

***Peruntukan yang hendaklah Dimasukkan ke dalam
Perlembagaan Negeri***

BAHAGIAN I

PERUNTUKAN TETAP

Raja bertindak ikut nasihat

1. (1) Pada menjalankan fungsinya di bawah Perlembagaan Negeri ini atau mana-mana undang-undang atau sebagai seorang anggota Majlis Raja-Raja, Raja hendaklah bertindak mengikut nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan atau nasihat seseorang anggotanya yang bertindak di bawah kuasa am Majlis itu, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Perlembagaan Persekutuan atau Perlembagaan Negeri; tetapi Raja berhak, atas permintaannya, mendapat apa-apa maklumat berkenaan dengan pemerintahan Negeri yang boleh didapati oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(1A) Pada menjalankan fungsinya di bawah Perlembagaan Negeri ini atau mana-mana undang-undang atau sebagai anggota Majlis Raja-Raja, jika Raja dikehendaki bertindak mengikut nasihat atau atas nasihat, maka Raja hendaklah menerima dan bertindak mengikut nasihat itu.

(2) Raja boleh bertindak menurut budi bicaranya pada melaksanakan fungsi yang berikut (sebagai tambahan kepada fungsi yang pada melaksanakannya Raja boleh bertindak menurut budi bicaranya di bawah Perlembagaan Persekutuan) iaitu:

- (a) melantik seorang Menteri Besar;
- (b) tidak memperkenankan permintaan bagi pembubaran Dewan Undangan;
- (c) membuat permintaan supaya diadakan suatu mesyuarat Majlis Raja-Raja yang semata-mata berkenaan dengan keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja atau perbuatan, amalan atau upacara agama;
- (d) apa-apa fungsi sebagai Ketua agama Islam atau yang berhubungan dengan adat Melayu;
- (e) melantik waris atau waris-waris, isteri, Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja;
- (f) melantik orang memegang pangkat, gelaran, kemuliaan dan kebesaran di sisi adat Melayu dan menetapkan fungsi berkenaan dengannya;
- (g) mengawal selia balai-balai diraja dan istana-istana.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kelapan

Lihat Per. 160(2) takrif “Enakmen” dan “Dewan Undangan”.

BAHAGIAN I

Lihat Per. 71(4),(5) & Jadual Kelapan, seksyen 22 & 23.

Subseksyen 1(2): Lihat seksyen 22.

Perenggan 1(2)(c)

Perkataan “Duli-Duli Yang Maha Mulia” digantikan dengan “Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja” oleh Akta A31, seksyen 2, berkuat kuasa dari 24-03-1971.

Subseksyen 1(1A): Dimasukkan oleh Akta A885, perenggan 44(a), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

(3) Undang-undang Negeri boleh membuat peruntukan bagi menghendaki Raja bertindak selepas berunding dengan atau atas syor mana-mana orang atau kumpulan orang selain Majlis Mesyuarat Kerajaan pada menjalankan mana-mana fungsinya selain—

- (a) fungsi yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya;
- (b) fungsi yang berkenaan dengan penjalanannya peruntukan ada dibuat dalam Perlembagaan Negeri atau dalam Perlembagaan Persekutuan.

Prosiding terhadap Raja

1A. (1) Jika Raja dipertuduh atas sesuatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang di dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV Perlembagaan Persekutuan, Raja hendaklah terhenti menjalankan fungsi Raja Negeri ini.

(2) Dalam tempoh Raja terhenti, di bawah subseksyen (1), menjalankan fungsi Raja Negeri ini, seorang Pemangku Raja atau suatu Jemaah Pemangku Raja, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dilantik mengikut Perlembagaan Negeri ini untuk menjalankan fungsi Raja Negeri ini.

(3) Jika Raja disabitkan atas suatu kesalahan di dalam Mahkamah Khas dan dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama tempoh lebih daripada satu hari Raja hendaklah terhenti menjadi Raja Negeri ini melainkan jika Raja menerima pengampunan.

Majlis Mesyuarat Kerajaan

2. (1) Raja hendaklah melantik suatu Majlis Mesyuarat Kerajaan.
- (2) Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah dilantik seperti yang berikut, iaitu:
- (a) Raja hendaklah terlebih dahulu melantik sebagai Menteri Besar untuk mempengerusikan Majlis Mesyuarat Kerajaan seorang ahli Dewan Undangan yang pada hematnya mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Undangan itu; dan
 - (b) atas nasihat Menteri Besar, Raja hendaklah melantik tidak lebih daripada sepuluh orang tetapi tidak kurang daripada empat orang ahli lain daripada kalangan ahli Dewan Undangan,

tetapi jika sesuatu pelantikan dibuat semasa Dewan Undangan terbubar, seseorang yang menjadi ahli Dewan Undangan yang lepas boleh dilantik tetapi tidak boleh terus memegang jawatan selepas persidangan pertama Dewan Undangan yang berikutnya melainkan jika orang itu seorang ahli Dewan Undangan itu.

(3) Walau apa pun apa-apa jua dalam seksyen ini, seseorang yang menjadi warganegara melalui penaturalisasian atau melalui pendaftaran di bawah Perkara 17 Perlembagaan Persekutuan tidak boleh dilantik menjadi Menteri Besar.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kelapan—(*samb.*)

Seksyen 1A: Ditambahkan oleh Akta A848, seksyen 9, berkuat kuasa dari 30-03-1993.

Subseksyen 2(1): Lihat Per. 71(5) & Jadual Kelapan, seksyen 20.

Perenggan 2(2)(b)

Perkataan “lapan” digantikan dengan “sepuluh” oleh Akta A919 subperenggan 2(a)(i), berkuat kuasa dari 21-07-1995.

(4) Pada melantik seseorang Menteri Besar Raja boleh, menurut budi bicaranya, mengetepikan mana-mana peruntukan Perlembagaan Negeri ini yang menyekat pilihannya bagi Menteri Besar jika pada pendapatnya perlu dilakukan sedemikian untuk mematuhi peruntukan seksyen ini.

(5) Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah bertanggungjawab secara bersama kepada Dewan Undangan.

(6) Jika Menteri Besar tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Undangan, maka dia hendaklah meletakkan jawatan Majlis Mesyuarat Kerajaan, melainkan jika atas permintaannya Dewan Undangan dibubarkan oleh Raja.

(7) Tertakluk kepada subseksyen (6), seseorang anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan, selain Menteri Besar, hendaklah memegang jawatan selama diperkenankan oleh Raja, tetapi mana-mana anggota Majlis itu boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa.

(8) Seseorang anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan tidak boleh melibatkan diri dalam apa-apa perdagangan, perniagaan atau profesion yang berkaitan dengan apa-apa perkara atau mana-mana jabatan yang baginya dia bertanggungjawab dan selagi dia melibatkan diri dalam apa-apa perdagangan, perniagaan atau profesion itu, dia tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang berhubungan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion itu atau dalam apa-apa keputusan yang mungkin menyentuh kepentingan kewangannya dalam perdagangan, perniagaan atau profesion itu.

Badan Perundangan Negeri

3. Badan Perundangan Negeri hendaklah terdiri daripada Raja dan satu Majlis, iaitu Dewan Undangan.

Keanggotaan Dewan Undangan

4. (1) Dewan Undangan hendaklah terdiri daripada apa-apa bilangan ahli dipilih sebagaimana yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Badan Perundangan.

(2) *(Dimansuhkan).*

Kelayakan ahli

5. Tiap-tiap warganegara yang berumur dua puluh satu tahun atau lebih yang bermastautin di Negeri ini layak menjadi ahli Dewan Undangan, melainkan jika dia hilang kelayakan untuk menjadi ahli mengikut Perlembagaan Persekutuan atau Perlembagaan ini atau mengikut mana-mana undang-undang yang disebut dalam seksyen 6 Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kelapan—(*samb.*)

Subseksyen 2(4): Lihat seksyen 22.

Seksyen 3

Perkataan “yang dikenali sebagai Dewan Negeri” yang terdapat selepas “satu Majlis” digantikan dengan “iaitu, Dewan Undangan” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Subseksyen 4(1)

1. Perkataan “dan, sehingga peruntukan lain dibuat sedemikian, bilangan ahli ialah bilangan yang dinyatakan dalam Perkara 171 Perlembangan Persekutuan” yang terdapat di hujung seksyen dipotong oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. *Lihat* Per. 71(5), Jadual Kelapan seksyen 19(5) & 21.

Subseksyen 4(2)

Subseksyen ini ditambahkan oleh Akta 14/1962, perenggan 28(a), berkuat kuasa dari 21-06-1962 dan dimansuhkan oleh Akta A584, perenggan 4(a), berkuat kuasa dari 16-12-1983. Ia berbunyi seperti yang berikut:

“(2) Bilangan ahli yang dipilih bagi Dewan Undangan hendaklah sama banyak dengan atau gandaan bilangan bahagian pilihan raya Persekutuan yang Negeri itu telah dibahagikan di bawah Perkara 116 Perlembagaan Persekutuan.”.

Kehilangan kelayakan menjadi ahli Dewan Undangan

6. (1) Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, seseorang hilang kelayakan, untuk menjadi ahli Dewan Undangan jika—

- (a) dia adalah dan telah didapati atau diisytiharkan tidak sempurna akal;
- (b) dia seorang bankrap belum lepas;
- (c) dia memegang sesuatu jawatan berpendapatan;
- (d) setelah dinamakan untuk pemilihan ke mana-mana satu Majlis Parlimen atau ke Dewan Undangan, atau setelah bertindak sebagai ejen pilihan raya bagi seseorang yang dinamakan sedemikian, dia tidak menyerahkan apa-apa penyata perbelanjaan pilihan raya yang dikehendaki oleh undang-undang dalam masa dan mengikut cara yang dikehendaki sedemikian;
- (e) dia telah disabitkan atas suatu kesalahan oleh sesuatu mahkamah di Persekutuan (atau, sebelum Hari Malaysia, di wilayah-wilayah yang termasuk di dalam Negeri Sabah dan Sarawak atau Singapura) dan dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan dia tidak mendapat pengampunan bebas;
- (f) dia hilang kelayakan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan kesalahan berkaitan dengan pilihan raya ke mana-mana satu Majlis Parlimen atau ke Dewan Undangan oleh sebab telah disabitkan atas suatu kesalahan sedemikian atau telah dibuktikan dalam prosiding yang berhubungan dengan sesuatu pilihan raya sebagai bersalah atas perbuatan yang menjadi kesalahan itu; atau
- (g) dia telah dengan sukarela memperoleh kewarganegaraan suatu negara asing atau telah dengan sukarela menggunakan hak kewarganegaraan di suatu negara asing atau telah membuat suatu akuan setia kepada suatu negara asing.

(2) Kehilangan kelayakan seseorang di bawah perenggan (d) atau perenggan (e) subseksyen (1) boleh dibatalkan oleh Raja dan, jika tidak dibatalkan sedemikian, hendaklah terhenti pada akhir tempoh lima tahun yang bermula dari tarikh penyata yang disebut dalam perenggan (d) tersebut dikehendaki diserahkan atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, dari tarikh orang yang disabitkan sebagaimana yang disebut dalam perenggan (e) tersebut dilepaskan daripada jagaan atau dari tarikh denda yang disebut dalam perenggan (e) tersebut dikenakan, dan seseorang tidaklah boleh dihilangkan kelayakannya di bawah perenggan (g) subseksyen (1) semata-mata oleh sebab apa-apa jua yang dilakukan olehnya sebelum dia menjadi warganegara.

(3) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam peruntukan yang terdahulu dalam seksyen ini, jika seseorang ahli Dewan Undangan hilang kelayakan daripada terus menjadi ahli Dewan itu menurut perenggan (e) subseksyen (1) atau di bawah suatu undang-undang yang disebut dalam perenggan (f) subseksyen (1)—

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kelapan—(*samb.*)

Seksyen 6: Lihat seksyen 5 & 21(2).

Perenggan 6(1)(e)

(a) Perenggan yang ada sekarang digantikan oleh Akta 14/1962, perenggan 28(b), berkuat kuasa dari 21-06-1962. Perenggan yang asal berbunyi seperti berikut:

“(e) dia telah disabitkan atas suatu kesalahan oleh sesuatu mahkamah di dalam Persekutuan dan dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun dan tidak mendapat pengampunan bebas;”.

(b) Perkataan “(atau, sebelum Hari Malaysia, di wilayah-wilayah yang termasuk di dalam Negeri-Negeri Borneo atau Singapura)” dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

(c) Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Subseksyen 6(2)

Perkataan “atau dari tarikh denda yang disebut dalam perenggan (e) tersebut dikenakan” dimasukkan oleh Akta 14/1962, perenggan 28(c), berkuat kuasa dari 21-06-1962.

Subseksyen 6(3) & (4): Dimasukkan oleh Akta A566, perenggan 21(a), berkuat kuasa dari 16-12-1983.

- (a) kehilangan kelayakan itu hendaklah mula berkuat kuasa apabila habis tempoh empat belas hari dari tarikh dia—
- (i) disabitkan dan dihukum sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (e) yang disebut terdahulu; atau
 - (ii) disabitkan atas suatu kesalahan atau dibuktikan bersalah atas suatu perbuatan di bawah suatu undang-undang yang disebut dalam perenggan (f) yang disebut terdahulu; atau
- (b) jika dalam tempoh empat belas hari yang dinyatakan dalam perenggan (a), suatu rayuan atau apa-apa prosiding mahkamah yang lain dibawa berkenaan dengan sabitan atau hukuman itu, atau berkenaan dengan pensabitan atau pembuktian bersalah sedemikian, mengikut mana-mana yang berkenaan, maka kehilangan kelayakan itu hendaklah mula berkuat kuasa apabila habis tempoh empat belas hari dari tarikh rayuan itu atau prosiding mahkamah yang lain itu dibereskan oleh mahkamah; atau
- (c) jika dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (a) atau tempoh selepas pemberesan rayuan atau prosiding mahkamah yang lain yang dinyatakan dalam perenggan (b) ada difailkan suatu petisyen bagi pengampunan, maka kehilangan kelayakan itu hendaklah berkuat kuasa sebaik sahaja petisyen itu dibereskan.

(4) Subseksyen (3) tidaklah terpakai bagi maksud penamaan atau pemilihan mana-mana orang ke Dewan Undangan, yang bagi maksudnya kehilangan kelayakan itu hendaklah berkuat kuasa sebaik sahaja berlakunya kejadian yang disebut dalam perenggan (e) atau (f), mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam subseksyen (1).

(5) Seseorang yang melepaskan keahliannya di dalam Dewan Undangan Negeri ini atau mana-mana Negeri lain hendaklah, bagi tempoh lima tahun bermula dari tarikh pelepasan keahliannya berkuat kuasa, hilang kelayakan untuk menjadi ahli Dewan Undangan Negeri ini.

Peruntukan melarang dua keahlian

7. Seseorang tidak boleh pada masa yang sama menjadi ahli Dewan Undangan bagi lebih daripada satu bahagian pilihan raya.

Keputusan tentang kehilangan kelayakan

8. (1) Jika berbangkit apa-apa soal sama ada seseorang ahli Dewan Undangan telah hilang kelayakan untuk menjadi ahli, maka Dewan itu hendaklah mengambil keputusan mengenainya dan keputusan itu adalah muktamad:

Dengan syarat bahawa seksyen ini tidak boleh dikira sebagai menghalang amalan Dewan menangguhkan sesuatu keputusan bagi membolehkan diambil atau ditentukan apa-apa prosiding yang mungkin menyentuh keputusannya (termasuklah prosiding bagi membatalkan kehilangan kelayakan itu).

(2) Jika seseorang ahli Dewan Undangan hilang kelayakan di bawah perenggan (e) subseksyen 1 seksyen 6, atau di bawah suatu undang-undang yang disebut dalam perenggan (f) subseksyen 1 seksyen 6, maka subseksyen (1)

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kelapan—(*samb.*)

Subseksyen 6(5): Dimasukkan oleh Akta A767, seksyen 6, berkuat kuasa dari 11-05-1990.

Seksyen 8

Proviso ditambah oleh Akta 26/1963, subseksyen 11(2), berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Subseksyen (1): Dinomborkan semula oleh Akta A566, perenggan 21(*b*), berkuat kuasa dari 16-12-1983.

Subseksyen (2): Dimasukkan oleh Akta A566, perenggan 21(*b*), berkuat kuasa dari 16-12-1983.

yang terdahulu tidaklah terpakai dan dia hendaklah berhenti menjadi ahli Dewan Undangan itu, dan kerusinya hendaklah menjadi kosong, sebaik sahaja kehilangan kelayakannya berkuat kuasa mengikut subseksyen (3) seksyen 6.

Memanggil, memprorog dan membubarkan Dewan Undangan

9. (1) Raja hendaklah memanggil Dewan Undangan dari semasa ke semasa dan tidak boleh membiarkan enam bulan berlalu antara persidangan yang akhir dalam satu penggal dengan tarikh yang ditetapkan untuk persidangan pertamanya dalam penggal yang berikutnya.

(2) Raja boleh memprorog atau membubarkan Dewan Undangan.

(3) Melainkan jika dibubarkan terlebih dahulu, Dewan Undangan hendaklah terus berjalan selama lima tahun dari tarikh persidangan pertamanya dan selepas itu adalah terubur.

(4) Apabila Dewan Undangan bubar suatu pilihan raya umum hendaklah diadakan dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh Dewan Undangan itu bubar dan Dewan Undangan yang baru hendaklah dipanggil bermesyuarat pada suatu tarikh yang tidak lewat daripada satu ratus dua puluh hari dari tarikh itu.

(5) Sesuatu kekosongan luar jangka hendaklah diisi dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh dipastikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya bahawa ada kekosongan:

Dengan syarat bahawa jika sesuatu kekosongan luar jangka dipastikan pada suatu tarikh dalam masa dua tahun dari tarikh Dewan Undangan akan terubur, mengikut subseksyen (3), maka kekosongan luar jangka itu tidak boleh diisi melainkan jika Yang di-Pertua memberitahu Suruhanjaya Pilihan Raya secara bertulis bahawa kekuatan dari segi bilangan parti yang membentuk majoriti semua ahli Dewan Undangan terjejas oleh kekosongan itu, dan dalam keadaan sedemikian kekosongan itu hendaklah diisi dalam masa enam puluh hari dari tarikh pemberitahuan itu diterima.

Yang di-Pertua Dewan Undangan

10. (1) Dewan Undangan hendaklah dari semasa ke semasa memilih mana-mana orang yang ditentukan oleh Dewan sebagai Yang di-Pertua, dan tidak boleh menjalankan apa-apa urusan semasa jawatan Yang di-Pertua kosong selain pemilihan Yang di-Pertua.

(1A) Seseorang tidak boleh dipilih menjadi Yang di-Pertua melainkan jika dia menjadi ahli atau layak menjadi ahli Dewan Undangan.

(1B) Mana-mana orang yang bukan ahli Dewan Undangan yang dipilih sebagai Yang di-Pertua—

(a) hendaklah, sebelum menjalankan tugas-tugas jawatannya, mengangkat dan menandatangani di hadapan Dewan sumpah jawatan; dan

(b) hendaklah, oleh sebab dia memegang jawatannya itu, menjadi ahli Dewan sebagai tambahan kepada ahli-ahli yang dipilih menjadi ahli Dewan:

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kelapan—(samb.)

Seksyen 9

Subseksyen (3): Seksyen 4 Akta 27/1968, berkuat kuasa dari 09-09-1968, berbunyi seperti yang berikut:

“4. Walau apa pun peruntukan seksyen 9(3) Jadual Kelapan, adalah diperuntukkan bahawa dalam hal Sarawak, Majlis Negeri yang sedia ada pada permulaan kuat kuasa Akta ini tidaklah tertakluk kepada tempoh lima tahun yang ditetapkan baginya supaya dibubarkan tetapi hendaklah terbubar pada tarikh Parlimen Persekutuan dibubarkan kemudiannya atau tetap dibubarkan kemudiannya selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.”

Subseksyen (4)

1. Perkataan “di Negeri-Negeri Tanah Melayu dan sembilan puluh hari di Negeri-Negeri Borneo” dimasukkan oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 19-09-1966. Akta itu juga menggantikan perkataan “sembilan puluh hari” dengan “satu ratus dua puluh hari”.
2. Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
3. Perkataan “di Negeri-Negeri Tanah Melayu dan sembilan puluh hari di Negeri Sabah dan Sarawak” dipotong oleh Akta A585, perenggan 27(a), berkuat kuasa dari 14-04-1984.

Subseksyen (5)

1. Perkataan “atau dalam hal Dewan Undangan bagi setiap Negeri Borneo dalam tempoh sembilan puluh hari” dimasukkan oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 19-09-1966.
2. Perkataan “berlakunya kekosongan itu” digantikan dengan “dipastikan adanya kekosongan” oleh Akta 26/1963, subseksyen 11(2), berkuat kuasa dari 16-09-1963.
3. Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
4. Proviso dimasukkan oleh Akta A1, seksyen 3, berkuat kuasa dari 18-11-1968.
5. Perkataan “atau dalam hal Dewan Undangan setiap Negeri Sabah dan Sarawak dalam tempoh sembilan puluh hari” dipotong oleh Akta A585, perenggan 27(b), berkuat kuasa dari 14-04-1984.
6. Perkataan “oleh Suruhanjaya Pilihan Raya” dimasukkan selepas perkataan “dipastikan” oleh Akta A585, perenggan 27(c), berkuat kuasa dari 14-04-1984.
7. Proviso ini digantikan oleh Akta A857, seksyen 4, berkuat kuasa dari 20-08-1993. Proviso yang terdahulu berbunyi seperti yang berikut:
“Dengan syarat bahawa jika kekosongan luar jangka dipastikan pada suatu tarikh dalam masa enam bulan dari tarikh Dewan Undangan itu akan terbubar mengikut subseksyen (3) seksyen ini, maka kekosongan luar jangka itu tidaklah boleh diisi.”

Seksyen 10

Lihat seksyen 23

Subseksyen (1), (1A), (1B) & (2)

Subseksyen yang ada sekarang digantikan oleh Akta A919, subperenggan 2(a)(ii), berkuat kuasa dari 21-07-1995. Subseksyen 10(1) dan (2) yang asal dan sebelum pindaan berbunyi seperti yang berikut:

“10. (1) Dewan Undangan hendaklah dari semasa ke semasa memilih seorang daripada ahlinya menjadi Yang di-Pertua dan tidaklah boleh menjalankan apa-apa urusan semasa jawatan Yang di-Pertua kosong selain pemilihan Yang di-Pertua.

Dengan syarat bahawa perenggan (b) tidaklah mempunyai kuat kuasa bagi maksud peruntukan seksyen 2 dan tiada seorang pun berhak, menurut kuasa perenggan itu, mengundi atas apa-apa perkara di hadapan Dewan.

(2) Yang di-Pertua boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dan hendaklah mengosongkan jawatannya—

- (a) apabila Dewan Undangan bermesyuarat buat pertama kali selepas suatu pilihan raya umum;
- (b) apabila dia terhenti menjadi ahli Dewan melainkan oleh sebab pembubarannya atau, jika dia menjadi ahli semata-mata menurut kuasa perenggan (b) subseksyen (1B), apabila dia terhenti berkelayakan menjadi ahli;
- (c) apabila telah menjadi hilang kelayakan di bawah subseksyen (4); atau
- (d) jika pada bila-bila masa, Dewan membuat ketetapan sedemikian.

(3) Dalam masa Yang di-Pertua tidak hadir dalam sesuatu persidangan Dewan Undangan seorang ahli yang ditentukan oleh kaedah-kaedah tatacara Dewan itu hendaklah bertindak sebagai Yang di-Pertua.

(4) Seseorang ahli yang dipilih menjadi Yang di-Pertua hilang kelayakan untuk memegang jawatan itu jika selepas tiga bulan dari pemilihannya untuk memegang jawatan itu atau pada bila-bila masa selepas itu dia ialah atau menjadi anggota mana-mana lembaga pengarah atau lembaga pengurusan, atau pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal ehwal atau urusan, mana-mana organisasi atau badan, sama ada diperbadankan atau selainnya, atau mana-mana pengusahaan komersial, perindustrian atau pengusahaan lain, sama ada atau tidak dia menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya:

Dengan syarat bahawa kehilangan kelayakan itu tidaklah terpakai jika organisasi atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagiannya, atau apa-apa kerja atau tujuan lain yang bersifat khairat atau sosial, dan ahli itu tidak menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya.

(5) Jika berbangkit apa-apa soal mengenai kehilangan kelayakan Yang di-Pertua di bawah subseksyen (4), maka Dewan Undangan hendaklah mengambil keputusan mengenainya dan keputusan itu adalah muktamad.

Penjalanan kuasa perundangan

11. (1) Kuasa Badan Perundangan untuk membuat undang-undang hendaklah dijalankan melalui Rang Undang-Undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan dan diperkenankan oleh Raja.

(2) Tiada Rang Undang-Undang atau pindaan yang melibatkan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi Negeri boleh dibawa atau dicadangkan di dalam Dewan Undangan kecuali oleh seorang anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kelapan—(*samb.*)

(2) Seseorang ahli yang memegang jawatan sebagai Yang di-Pertua hendaklah mengosongkan jawatannya apabila terhenti menjadi ahli Dewan Undangan atau apabila telah hilang kelayakan di bawah subseksyen (4), dan boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa.”.

Subseksyen (3)

Perkataan “lain” dipotong oleh Akta A919, subperenggan 2(a)(iii), berkuat kuasa dari 21-07-1995.

Subseksyen (4) & (5): Ditambahkan oleh Akta A514, perenggan 16(b), berkuat kuasa dari 15-05-1981.

(2A) Raja hendaklah dalam masa tiga puluh hari selepas sesuatu Rang Undang-Undang dikemukakan kepadanya memperkenankan Rang Undang-Undang itu.

(2B) Jika sesuatu Rang Undang-Undang tidak diperkenankan oleh Raja dalam masa yang ditentukan dalam subseksyen (2A), Rang Undang-Undang itu hendaklah menjadi undang-undang apabila habis masa yang ditentukan dalam subseksyen itu mengikut cara yang sama seolah-olah dia telah memperkenankannya.

(3) Sesuatu Rang Undang-Undang hendaklah menjadi undang-undang apabila diperkenankan oleh Raja atau sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2B), tetapi tiada undang-undang boleh berkuat kuasa sehingga undang-undang itu telah disiarkan, tanpa, walau bagaimanapun, menjejaskan kuasa Badan Perundangan untuk menangguhkan kuat kuasa mana-mana undang-undang atau untuk membuat undang-undang yang berkuat kuasa ke belakang.

(4) *(Dimansuhkan).*

PERUNTUKAN KEWANGAN

Tiada pencukaian melainkan jika dibenarkan oleh undang-undang

12. Tiada cukai atau kadar boleh dilevikan oleh atau bagi maksud Negeri kecuali melalui atau di bawah kuasa undang-undang.

Perbelanjaan yang dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan

13. (1) Maka hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan bagi Negeri, sebagai tambahan kepada apa-apa pemberian, saraan atau wang lain yang dipertanggungkan sedemikian melalui mana-mana peruntukan lain Perlembagaan Negeri atau melalui undang-undang Negeri—

- (a) Peruntukan Diraja bagi Raja dan saraan bagi Yang di-Pertua Dewan Undangan;
- (b) segala caj hutang Negeri bertanggungkan membayarnya; dan
- (c) apa-apa wang yang dikehendaki untuk menunaikan apa-apa penghakiman, keputusan atau award terhadap Negeri oleh mana-mana mahkamah atau tribunal.

(2) Bagi maksud peruntukan ini caj hutang termasuklah bunga, caj kumpulan wang penjelas hutang, pembayaran balik atau pelunasan hutang dan segala perbelanjaan berkaitan dengan pemerdapatan pinjaman atas jaminan Kumpulan Wang Disatukan dan pembayaran bunga atas hutang dan penebusan hutang yang diwujudkan dengan jalan sedemikian.

Penyata kewangan tahunan

14. (1) Tertakluk kepada subseksyen (3), Raja hendaklah, berkenaan dengan tiap-tiap tahun kewangan, menyebabkan dibentangkan di hadapan Dewan Undangan suatu penyata terimaan dan perbelanjaan yang dianggarkan bagi

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kelapan—(*samb.*)

Seksyen 11

Subseksyen (3) & (4)

- (a) Subseksyen ini digantikan oleh Akta A566, perenggan 21(c), berkuat kuasa dari 16-12-1983 dan berbunyi seperti yang berikut:

“(3) Sesuatu Rang Undang-Undang hendaklah menjadi undang-undang apabila ia diperkenankan oleh Raja. Jika kerana apa-apa jua sebab Rang Undang-Undang itu tidak diperkenankan oleh Raja dalam tempoh lima belas hari selepas Rang Undang-Undang itu dipersembahkan kepada Raja, maka Raja itu hendaklah disifatkan telah memperkenankan Rang Undang-Undang itu dan Rang Undang-Undang itu hendaklah dengan demikian itu menjadi undang-undang.

(4) Tiada satupun undang-undang boleh berkuat kuasa sehingga telah disiarkan tetapi, bagaimanapun, tidaklah menjejaskan kuasa Badan Perundangan untuk menengguhkan kuat kuasa mana-mana undang-undang atau untuk membuat undang-undang dengan kuat kuasa kebelakangan.”

- (b) Akta A584, perenggan 4(b) dan (c), berkuat kuasa dari 20-01-1984, mengekalkan subseksyen (3) yang asal sebagaimana yang terdapat sebelum pindaan yang dibuat oleh Akta A566 sebagaimana yang terdapat sekarang ini dan memansuhkan subseksyen (4).

Subseksyen (2A) & (2B)

Dimasukkan oleh Akta A885, subperenggan 44(b)(i), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Subseksyen (3)

Perkataan “Raja,” digantikan dengan “Raja atau sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2B)” oleh Akta A885, subperenggan 44(b)(ii), berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Negeri untuk tahun itu, dan, melainkan jika diperuntukkan selainnya oleh Badan Perundangan Negeri berkenaan dengan mana-mana tahun, penyata itu hendaklah dibentangkan sedemikian sebelum permulaan tahun itu.

(2) Anggaran perbelanjaan itu hendaklah menunjukkan secara berasingan—

- (a) jumlah wang yang dikehendaki untuk membayar perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan; dan
- (b) tertakluk kepada subseksyen (3), jumlah wang yang masing-masing dikehendaki untuk membayar kepala-kepala bagi perbelanjaan lain yang dicadangkan dibayar daripada Kumpulan Wang Disatukan.

(3) Terimaan yang dianggarkan yang hendaklah ditunjukkan dalam penyata tersebut tidak termasuk apa-apa jumlah wang yang diterima melalui Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; dan jumlah wang yang hendaklah ditunjukkan di bawah perenggan (b) subseksyen (2) tidak termasuk—

- (a) jumlah wang yang merupakan hasil daripada apa-apa pinjaman yang diperdapatkan oleh Negeri bagi maksud tertentu dan yang diuntukkan bagi maksud itu oleh undang-undang yang membenarkan pinjaman itu diperdapatkan;
- (b) jumlah wang yang merupakan apa-apa wang atau bunga atas wang yang diterima oleh Negeri yang tertakluk kepada suatu amanah dan yang hendaklah digunakan mengikut terma-terma amanah itu;
- (c) jumlah wang yang merupakan apa-apa wang yang dipegang oleh Negeri yang telah diterima atau diuntukkan bagi maksud apa-apa kumpulan wang amanah yang ditubuhkan oleh atau mengikut undang-undang persekutuan atau undang-undang Negeri.

(4) Penyata tersebut hendaklah juga menunjukkan, setakat yang dapat dilaksanakan, aset dan liabiliti Negeri pada akhir tahun kewangan yang baru genap, cara aset itu dilaburkan atau dipegang, dan kepala-kepala am yang berkenaan dengannya liabiliti itu masih belum selesai.

Rang Undang-Undang Perbekalan

15. Kepala-kepala bagi perbelanjaan yang hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi Negeri tetapi tidak dipertanggungjawabkan padanya, selain jumlah wang yang disebut dalam perenggan (a) dan (b) seksyen 14(3) Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan, hendaklah dimasukkan ke dalam suatu Rang Undang-Undang, yang hendaklah dikenali sebagai Rang Undang-Undang Perbekalan, yang membuat peruntukan bagi pengeluaran jumlah wang yang perlu daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membayar perbelanjaan itu dan pengutangan jumlah wang itu bagi maksud yang dinyatakan dalamnya.

Perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan lebih

16. Jika berkenaan dengan mana-mana tahun kewangan didapati—

- (a) bahawa amaun yang diuntukkan melalui Enakmen Perbekalan bagi maksud itu tidak mencukupi, atau bahawa telah timbul keperluan perbelanjaan bagi suatu maksud yang baginya tiada amaun diuntukkan melalui Enakmen Perbekalan; atau

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kelapan—(*samb.*)

Seksyen 14

Subseksyen (3): Lihat seksyen 15, 17(3) & 22.

Perenggan (3)(c)

1. Dimasukkan oleh Akta 19/1964, seksyen 8, berkuat kuasa dari 30-07-1964.
2. Perkataan “undang-undang persekutuan atau” dimasukkan oleh Akta 31/1965, subseksyen 2(2), berkuat kuasa dari 01-07-1965.

- (b) bahawa apa-apa wang telah dibelanjakan bagi apa-apa maksud melebihi amaun yang diuntukkan (jika ada) bagi maksud itu melalui Enakmen Perbekalan,

maka suatu anggaran tambahan yang menunjukkan jumlah wang yang dikehendaki atau dibelanjakan itu hendaklah dibentangkan di hadapan Dewan Undangan dan kepala-kepala bagi apa-apa perbelanjaan itu hendaklah dimasukkan ke dalam suatu Rang Undang-Undang Perbekalan.

Pengambilan keluar daripada Kumpulan Wang Disatukan

17. (1) Tertakluk kepada peruntukan yang berikut dalam seksyen ini, tiada wang boleh diambil keluar daripada Kumpulan Wang Disatukan melainkan jika wang itu—

- (a) dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan; atau
(b) dibenarkan dikeluarkan melalui Enakmen Perbekalan.

(2) Tiada wang boleh diambil keluar daripada Kumpulan Wang Disatukan kecuali mengikut cara yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan.

(3) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi apa-apa jumlah wang yang disebut dalam perenggan (a), (b) dan (c) seksyen 14(3) Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan.

(4) Badan Perundangan Negeri boleh, sebelum lulus Enakmen Perbekalan, berkenaan dengan mana-mana tahun kewangan, membenarkan perbelanjaan bagi sebahagian daripada tahun kewangan itu dan juga pengeluaran daripada Kumpulan Wang Disatukan apa-apa wang yang dikehendaki untuk membayar perbelanjaan itu.

LAYANAN SAKSAMA BAGI PEKERJA NEGERI

Layanan saksama bagi pekerja Negeri

18. Tertakluk kepada terma dan syarat pekerjaan mereka, semua orang, walau apa pun rasnya, dalam gred yang sama dalam perkhidmatan Negeri hendaklah diberi layanan yang saksama.

PINDAAN PERLEMBAGAAN

Pindaan Perlembagaan

19. (1) Peruntukan yang berikut dalam seksyen ini hendaklah berkuat kuasa mengenai pindaan Perlembagaan Negeri ini.

(2) Peruntukan yang menyentuh pewarisan takhta dan kedudukan Pembesar-Pembesar Memerintah dan pembesar-pembesar adat Melayu yang seumpamanya tidak boleh dipinda oleh Badan Perundangan Negeri.

(3) Mana-mana peruntukan lain boleh, tertakluk kepada peruntukan yang berikut dalam seksyen ini, dipinda melalui suatu Enakmen Badan Perundangan Negeri tetapi tidak boleh dipinda dengan apa-apa cara yang lain.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kelapan—(*samb.*)

Seksyen 17

Subseksyen (3): Perkataan “(a) dan (b)” digantikan dengan “(a), (b) dan (c)” oleh Akta 31/1965, subseksyen 2(2), berkuat kuasa dari 01-07-1965.

Seksyen 19

Subseksyen (2) & (3): Lihat seksyen 22.

(4) Sesuatu Rang Undang-Undang bagi membuat pindaan kepada Perlembagaan tersebut (selain pindaan yang dikecualikan daripada peruntukan subseksyen ini) tidak boleh diluluskan oleh Dewan Undangan melainkan jika Rang Undang-Undang itu telah disokong pada Bacaan Kali Kedua dan Kali Ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahlinya.

(5) Pindaan yang berikut dikecualikan daripada peruntukan subseksyen (4), iaitu:

(a) apa-apa pindaan yang berbangkit daripada sesuatu undang-undang yang disebut dalam seksyen 4 atau seksyen 21 Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan; dan

(aa) apa-apa pindaan bagi menetapkan wilayah bagi Negeri yang dibuat berikutan dengan lulusnya undang-undang yang mengubah sempadan Negeri di bawah Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan yang telah dipersetujui oleh Dewan Undangan Negeri dan Majlis Raja-Raja di bawah Perkara tersebut; dan

(b) apa-apa pindaan yang kesannya akan menyelaraskan Perlembagaan Negeri ini dengan mana-mana peruntukan Jadual tersebut, tetapi hanya jika pindaan itu dibuat selepas Dewan Undangan dipilih mengikut seksyen 4 Jadual itu.

(6) Seksyen ini tidak menidaksahkan mana-mana peruntukan Perlembagaan Negeri ini yang menghendaki persetujuan mana-mana kumpulan orang terhadap apa-apa pindaan yang menyentuh—

(a) pelantikan dan sifat khusus bagi waris atau waris-waris takhta, Isteri Raja atau Pemangku Raja atau Anggota Jemaah Pemangku Raja bagi Negeri;

(b) pemecatan, penarikan diri atau penurunan takhta Raja atau warisnya atau waris-warisnya;

(c) pelantikan dan sifat khusus bagi Pembesar-Pembesar Memerintah atau pembesar-pembesar adat Melayu yang seumpamanya dan anggota Majlis Penasihat mengenai agama atau adat atau badan yang seumpamanya;

(d) pengadaan, pengawalseliaan, pengesahan dan pelucutan pangkat, gelaran, kemuliaan, kebesaran dan kurniaan di sisi adat Melayu dan sifat bagi pemegang-pemegangnya dan pengawalseliaan balai-balai diraja dan istana-istana.

(7) Dalam seksyen ini “pindaan” termasuklah tambahan dan pemansuhan.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kelapan—(*samb.*)

Subseksyen (5)

Perenggan (*aa*) dimasukkan oleh Akta A193, seksyen 6, berkuat kuasa dari 05-05-1973.

Subseksyen (6): Lihat seksyen 22.

PERUNTUKAN BERKENAAN DENGAN
YANG DI-PERTUA NEGERI BERHUBUNG DENGAN
NEGERI MELAKA, PULAU PINANG,
SABAH DAN SARAWAK

Yang di-Pertua Negeri

19A. (1) Maka hendaklah ada seorang Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong yang bertindak menurut budi bicaranya tetapi selepas berunding dengan Ketua Menteri.

(2) Yang di-Pertua Negeri hendaklah dilantik bagi tempoh empat tahun tetapi boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui surat yang ditandatangani sendiri olehnya yang ditujukan kepada Yang di-Pertuan Agong dan boleh dipecat daripada jawatan oleh Yang di-Pertuan Agong atas sembah Dewan Undangan Negeri yang disokong dengan undi tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahlinya.

(3) Badan Perundangan boleh melalui undang-undang membuat peruntukan bagi membolehkan Yang di-Pertuan Agong, yang bertindak menurut budi bicaranya tetapi selepas berunding dengan Ketua Menteri, melantik seseorang untuk menjalankan fungsi Yang di-Pertua Negeri selama apa-apa tempoh semasa Yang di-Pertua Negeri tidak dapat berbuat demikian sendiri kerana sakit, tidak ada atau apa-apa sebab lain, tetapi tiada seorang pun boleh dilantik sedemikian melainkan jika dia layak dilantik menjadi Yang di-Pertua Negeri.

(4) Seseorang yang dilantik di bawah subseksyen (3) boleh mengambil tempat Yang di-Pertua Negeri sebagai anggota Majlis Raja-Raja selama apa-apa tempoh semasa fungsi Yang di-Pertua Negeri boleh dijalankannya di bawah subseksyen itu.

Kelayakan dan ketidakbolehan Yang di-Pertua Negeri

19B. (1) Seseorang yang bukan warganegara atau seseorang warganegara melalui penaturalisasian atau melalui pendaftaran di bawah Perkara 17 Perlembagaan Persekutuan tidak boleh dilantik menjadi Yang di-Pertua Negeri.

(2) Yang di-Pertua Negeri tidak boleh memegang apa-apa jawatan berpendapatan dan tidak boleh melibatkan diri secara aktif dalam apa-apa perusahaan komersial.

Peruntukan Diraja bagi Yang di-Pertua Negeri

19C. Badan Perundangan hendaklah melalui undang-undang mengadakan suatu Peruntukan Diraja bagi Yang di-Pertua Negeri, dan Peruntukan Diraja itu hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan dan tidak boleh dikurangkan dalam masa dia masih memegang jawatannya itu.

Sumpah jawatan bagi Yang di-Pertua Negeri

19D. (1) Yang di-Pertua Negeri hendaklah, sebelum menjalankan fungsinya, mengangkat dan menandatangani dengan kehadiran Hakim Besar atau dengan kehadiran seorang hakim Mahkamah Tinggi, suatu sumpah atau ikrar dalam bentuk yang berikut, iaitu:

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kelapan—(*samb.*)

Seksyen 19A, 19B, 19C & 19D

Dimasukkan oleh Akta A354, seksyen 47, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

“Saya, setelah dilantik menjadi Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri..... dengan sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) bahawa saya akan dengan jujur menunaikan kewajipan-kewajipan saya sebagai yang demikian dengan segala daya upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Negeri..... dan kepada Persekutuan Malaysia, dan bahawa saya akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Perlembagaan Negeri.....”.

(2) Apa-apa undang-undang yang dibuat di bawah subseksyen (3) seksyen 19A hendaklah membuat peruntukan yang bersamaan (dengan ubah suaian yang perlu) dengan subseksyen (1).

BAHAGIAN II

PERUNTUKAN SEMENTARA SEBAGAI GANTIAN BAGI PERUNTUKAN DALAM BAHAGIAN I

Majlis Mesyuarat Kerajaan (gantian bagi seksyen 2)

20. (1) Raja hendaklah melantik suatu Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(2) Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah dilantik seperti yang berikut, iaitu:

- (a) Raja hendaklah terlebih dahulu melantik sebagai Menteri Besar untuk mengengeruskan Majlis Mesyuarat Kerajaan seorang yang pada hematnya mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Undangan; dan
- (b) atas nasihat Menteri Besar, Raja hendaklah melantik tidak lebih daripada sepuluh orang tetapi tidak kurang daripada empat orang lain.

(3) Walau apa pun apa-apa jua dalam seksyen ini, seseorang yang menjadi warganegara melalui penaturalisasian atau melalui pendaftaran di bawah Perkara 17* Perlembagaan Persekutuan tidak boleh dilantik menjadi Menteri Besar.

(4) Pada melantik seorang Menteri Besar Raja boleh, menurut budi bicaranya, mengetepikan mana-mana peruntukan Perlembagaan Negeri ini yang menyekat pilihannya bagi Menteri Besar jika pada pendapatnya perlu dilakukan sedemikian untuk mematuhi peruntukan seksyen ini.

(5) Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah bertanggungjawab secara bersama kepada Dewan Undangan.

*CATATAN—Perkara ini dimansuhkan oleh Akta Perlembagaan (Pindaan) 1962 [Akta 14/1962] mula berkuat kuasa pada 1 Julai 1963—lihat seksyen 5 Akta 14/1962. Lihat juga catatan pada Perkara 17.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kelapan—(*samb.*)

BAHAGIAN II

Lihat Per. 71(5) & Jadual Kelapan, seksyen 22.

Seksyen 20

Subseksyen (2)(b)

Perkataan “lapan” digantikan dengan “sepuluh” oleh Akta A919, perenggan 2(*b*), berkuat kuasa dari 21-07-1995.

Subseksyen (3): Per. 17 yang disebut dalam subseksyen ini dimansuhkan.

Subseksyen (4): *Lihat* seksyen 22.

(6) Menteri Besar hendaklah terhenti memegang jawatan apabila habis tempoh tiga bulan dari tarikh pelantikannya, melainkan jika sebelum habis tempoh itu suatu ketetapan memberi kepercayaan kepadanya telah diluluskan oleh Dewan Undangan; dan jika pada bila-bila masa dia tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Undangan, maka dia hendaklah meletakkan jawatan Majlis Mesyuarat Kerajaan, melainkan jika atas permintaannya Dewan Undangan dibubarkan oleh Raja.

(7) Tertakluk kepada subseksyen (6), seseorang anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan selain Menteri Besar hendaklah memegang jawatan selama diperkenankan oleh Raja, tetapi mana-mana anggota Majlis itu boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa.

(8) Seseorang anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan tidak boleh melibatkan diri dalam apa-apa perdagangan, perniagaan atau profesion yang berkaitan dengan apa-apa perkara atau mana-mana jabatan yang baginya dia bertanggungjawab dan selagi dia melibatkan diri dalam apa-apa perdagangan, perniagaan atau profesion itu, dia tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang berhubungan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion itu atau dalam apa-apa keputusan yang mungkin menyentuh kepentingan kewangannya dalam perdagangan, perniagaan atau profesion itu.

Keanggotaan Dewan Undangan (gantian bagi seksyen 4)

21. (1) Dewan Undangan hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa bilangan ahli dipilih sebagaimana yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Badan Perundangan; dan
- (b) apa-apa bilangan ahli lain, yang kurang daripada bilangan ahli dipilih, yang ditetapkan oleh Raja,

dan, sehingga peruntukan lain dibuat sebagaimana yang disebut terdahulu, bilangan ahli dipilih ialah bilangan yang dinyatakan dalam Perkara 171* Perlembagaan Persekutuan.

(2) Walau apa pun apa-apa jua dalam seksyen 6 Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan, seseorang tidaklah hilang kelayakan untuk menjadi seorang ahli dilantik bagi Dewan Undangan semata-mata oleh sebab dia memegang sesuatu jawatan berpendapatan.

BAHAGIAN III

UBAH SUAIAN BAHAGIAN I DAN II BERHUBUNG DENGAN MELAKA DAN PULAU PINANG

22. Dalam pemakaian Bahagian I dan II Jadual ini bagi Negeri Melaka dan Pulau Pinang sebutan mengenai Raja hendaklah digantikan dengan sebutan mengenai Yang di-Pertua Negeri, dan yang berikut hendaklah ditinggalkan, iaitu perenggan (c) hingga (g) subseksyen 1(2), subseksyen 1A, subseksyen 2(4),

*CATATAN—Perkara ini dimansuhkan oleh Akta Perlembagaan (Pindaan) 1963 [Akta 25/1963] mula berkuat kuasa pada 29 Ogos 1963—lihat seksyen 8 Akta 25/1963.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kelapan—(*samb.*)

Seksyen 21

1. *Lihat* perenggan 19(5)(a).
2. Per. 171 yang disebut dalam subseksyen (1) dimansuhkan.

BAHAGIAN III

Seksyen 22

1. Perkataan “dan Ketua Menteri masing-masingnya” yang terdapat selepas “Gabenor” dan “dan Menteri Besar” yang terdapat selepas “Raja” dipotong oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. Perkataan “Gabenor” digantikan dengan “Yang di-Pertua Negeri” oleh Akta A354, seksyen 42, berkuat kuasa dari 27-08-1976.
3. Perkataan “seksyen 1A” dimasukkan selepas perkataan “seksyen 1(2),” oleh Akta A849, seksyen 3, berkuat kuasa dari 16-07-1993.

subseksyen 19(2) dan (6), subseksyen 20(4), perkataan yang mendahului “jumlah wang yang hendaklah ditunjukkan di bawah perenggan (*b*)” dalam subseksyen 14(3) dan perkataan “lain” yang mula-mula terdapat dalam subseksyen 19(3).

23. Bahagian I Jadual ini hendaklah terpakai bagi Negeri Sabah dan Sarawak sebagaimana Bahagian itu terpakai bagi Negeri Pulau Pinang dan Melaka.

JADUAL KESEMBILAN

[Perkara 74, 77]

Senarai Perundangan

Senarai I—Senarai Persekutuan

1. Hal ehwal luar negeri, termasuk—
 - (a) triti, perjanjian dan konvensyen dengan negara lain dan segala perkara yang menghubungkan Persekutuan dengan mana-mana negara lain;
 - (b) pelaksanaan triti, perjanjian dan konvensyen dengan negara lain;
 - (c) perwakilan diplomat, konsul dan perdagangan;
 - (d) organisasi antarabangsa; penyertaan dalam badan antarabangsa dan pelaksanaan keputusan yang diambil dalam badan itu;
 - (e) ekstradisi; pesalah buruan; penerimaan masuk ke dalam Persekutuan, dan emigrasi dan pengusiran dari Persekutuan;
 - (f) passport; visa; permit masuk atau perakuan lain; kuarantin;
 - (g) bidang kuasa asing dan luar wilayah; dan
 - (h) ziarah ke tempat-tempat di luar Malaysia.

2. Pertahanan bagi Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, termasuk—
 - (a) angkatan laut, darat dan udara dan angkatan tentera lain;
 - (b) mana-mana angkatan tentera yang bertugas atau menjalankan operasi bersama dengan mana-mana angkatan tentera Persekutuan; angkatan pelawat;
 - (c) kerja pertahanan; kawasan tentera dan kawasan larangan; pangkalan bagi angkatan laut, darat dan udara; berek, padang terbang dan kerja lain;
 - (d) olah gerak;
 - (e) peperangan dan keamanan; musuh orang asing dan orang asing musuh; harta musuh; perdagangan dengan musuh; kerosakan perang; insurans risiko perang;
 - (f) senjata, senjata api, amunisi dan bahan letupan;
 - (g) perkhidmatan negara; dan
 - (h) pertahanan awam.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kelapan—(samb.)

Seksyen 23

Ditambahkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 12(3), berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Subseksyen 23(1)

1. Perkataan “dan” menggantikan dengan koma selepas perkataan “Sabah” dan perkataan “dan Singapura” dipotong oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965.
2. Perkataan “kecuali ubah suaian seksyen 10 yang dinyatakan dalam subseksyen (2) seksyen ini” dipotong oleh Akta A919, subperenggan 2(c)(i), berkuat kuasa dari 21-07-1995.
3. Subseksyen 23(1) dinomborkan semula sebagai seksyen 23 oleh Akta A919, subperenggan 2(c)(ii), berkuat kuasa dari 21-07-1995.

Subseksyen 23(2)

Dipotong oleh Akta A919, subperenggan 2(c)(iii), berkuat kuasa dari 21-07-1995. Subseksyen 23(2) yang asal sebelum pindaan berbunyi seperti yang berikut:

“(2) Seksyen 10 dalam pemakaiannya bagi Negeri Sabah atau Sarawak boleh diubahsuai dengan menggantikan perkataan “seorang daripada ahlinya menjadi Yang di-Pertua” dalam subseksyen (1) dengan perkataan “sebagai Yang di-Pertua mana-mana orang yang ditentukan oleh Dewan”, dengan meninggalkan perkataan “lain” dalam subseksyen (3), dan dengan menambah subseksyen (4)—

“(4) Seseorang tidaklah boleh dipilih menjadi Yang di-Pertua, melainkan jika dia seorang ahli Dewan Undangan atau seorang yang layak menjadi ahli Dewan Undangan, dan Yang di-Pertua, sama ada ahli atau bukan, hendaklah mengosongkan jawatannya apabila Dewan dibubarkan dan boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa.”.

Jadual Kesembilan:

Senarai 1

Lihat Per. 74(1), 76A(1), 79(1), 95B(1) & (3).

Butiran 1(h)

Perkataan “Tanah Melayu” digantikan dengan “Malaysia” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

3. Keselamatan dalam negeri, termasuk—
 - (a) polis; penyiasatan jenayah; pendaftaran penjenayah; ketenteraman awam;
 - (b) penjara; institusi pemulihan akhlak; rumah reman; tempat tahanan; percubaan akhlak bagi pesalah; pesalah juvana;
 - (c) tahanan pencegahan; sekatan kediaman;
 - (d) perkhidmatan risikan; dan
 - (e) pendaftaran negara.

4. Undang-undang dan tatacara sivil dan jenayah dan pentadbiran keadilan, termasuk—
 - (a) keanggotaan dan susunan semua mahkamah selain Mahkamah Syariah;
 - (b) bidang kuasa dan kuasa semua mahkamah itu;
 - (c) saraan dan keistimewaan lain hakim dan pegawai yang mengetuai mahkamah itu;
 - (d) orang yang berhak menjalankan amalan di hadapan mahkamah itu;
 - (e) tertakluk kepada perenggan (ii), perkara yang berikut:
 - (i) kontrak; perkongsian, agensi dan kontrak khas yang lain; majikan dan pekhidmat; rumah inapan dan tuan rumah inapan; perbuatan salah boleh dakwa; harta dan pindah hakmiliknya serta hipotekasinya, kecuali tanah; *bona vacantia*; ekuiti dan amanah; perkahwinan, perceraian dan kesahatarafan; harta dan taraf perempuan bersuami; pentafsiran undang-undang persekutuan; surat cara boleh niaga; akuan berkanun; timbang tara; undang-undang persaudagaran; pendaftaran perniagaan dan nama perniagaan; umur dewasa; budak-budak dan orang belum dewasa; pengangkatan; pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat; probet dan surat kuasa mentadbir; kebankrapan dan ketidakmampuan bayar; sumpah dan ikrar; batasan; penguatkuasaan bersaling penghakiman dan perintah; undang-undang keterangan;
 - (ii) perkara yang disebut dalam perenggan (i) tidak termasuk undang-undang diri Islam yang berhubungan dengan perkahwinan, perceraian, penjagaan, nafkah, pengangkatan, kesahatarafan, undang-undang keluarga, alang atau pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat;
 - (f) rahsia rasmi; perbuatan rasuah;
 - (g) penggunaan atau penunjukan jata, lambang kebangsawanan, bendera, lambang, pakaian seragam, darjah kebesaran dan bintang kehormatan selain bagi sesuatu Negeri;
 - (h) pewujudan kesalahan berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan atau yang diperkatakan oleh undang-undang persekutuan;
 - (i) tanggung rugi berkenaan dengan mana-mana perkara dalam Senarai Persekutuan atau yang diperkatakan oleh undang-undang persekutuan;

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kesembilan—(samb.)

Butiran 4(e)(ii)

Perkataan “kesahtarafan,” dimasukkan selepas perkataan “pengangkatan” oleh Akta 31/1965, subseksyen 2(2), berkuat kuasa dari 01-07-1965.

Butiran 4(h) & (i)

Perkataan “atau yang diperkatakan oleh undang-undang persekutuan” yang terdapat di hujung dimasukkan oleh Akta 25/1963, perenggan 6(1)(a), berkuat kuasa dari 29-08-1963.

- (j) bidang kuasa Admiralti;
 - (k) penentuan hukum Syarak dan undang-undang diri yang lain bagi maksud undang-undang persekutuan; dan
 - (l) pertaruhan dan loteri.
5. Kewarganegaraan Persekutuan dan penaturalisasian; orang asing.
6. Jentera kerajaan, tertakluk kepada Senarai Negeri, tetapi termasuk—
- (a) pemilihan menjadi ahli kedua-dua Majlis Parlimen dan Dewan-Dewan Undangan Negeri dan segala perkara yang berkaitan dengannya;
 - (b) Majlis Angkatan Tentera dan Suruhanjaya yang baginya Bahagian X terpakai;
 - (c) perkhidmatan persekutuan, termasuk mengadakan perkhidmatan bersama bagi Persekutuan dan Negeri-Negeri; perkhidmatan bersama bagi dua Negeri atau lebih;
 - (d) pencen dan pampasan kerana hilang jawatan; ganjaran dan syarat-syarat perkhidmatan;
 - (e) pemerintahan dan pentadbiran Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya termasuk hukum Syarak di dalamnya setakat yang sama sebagaimana yang diperuntukkan dalam butiran 1 Senarai Negeri dan berkenaan dengan Wilayah Persekutuan Labuan, undang-undang dan adat anak negeri setakat yang sama sebagaimana yang diperuntukkan dalam butiran 13 Tambahan kepada Senarai Negeri bagi Negeri Sabah dan Sarawak;
 - (f) kontrak Kerajaan Persekutuan;
 - (g) pihak berkuasa awam Persekutuan; dan
 - (h) pembelian, pengambilan dan pemegangan, dan pembuatan apa-apa urusan mengenai, harta bagi maksud persekutuan.
7. Kewangan, termasuk—
- (a) mata wang, wang sah dan pensyilingan;
 - (b) simpanan negara dan bank simpanan;
 - (c) peminjaman atas jaminan Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan;
 - (d) pinjaman kepada atau peminjaman oleh Negeri, pihak berkuasa awam dan perusahaan persendirian;
 - (e) hutang awam Persekutuan;
 - (f) tatacara kewangan dan perakaunan, termasuk tatacara bagi pemungutan, penjagaan dan pembayaran wang awam Persekutuan dan wang awam Negeri, dan pembelian, penjagaan dan pelupusan harta awam selain tanah Persekutuan dan tanah Negeri;
 - (g) audit dan akaun Persekutuan dan Negeri dan pihak berkuasa awam yang lain;
 - (h) cukai; kadar di ibu kota persekutuan;

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kesembilan—(samb.)

Butiran 4(k)

Perkataan “dan undang-undang diri yang lain” dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Butiran 6(e)

1. Perenggan yang asal berbunyi seperti yang berikut:

“(e) Kerajaan Tempatan dan perancangan bandar di dalam, dan bekalan air kepada, ibu kota persekutuan;”.

2. Akta A206, seksyen 11, berkuat kuasa dari 01-02-1974 menggantikan perenggan yang asal dengan yang berikut:

“(e) Pemerintahan dan pentadbiran Wilayah Persekutuan termasuk hukum Syarak di dalamnya setakat yang sama seperti yang diperuntukkan dalam butiran 1 Senarai Negeri.”.

3. Kemudiannya pula, perenggan ini digantikan oleh Akta A585, seksyen 20, berkuat kuasa dari 16-04-1984.
4. Perenggan ini telah dipinda sekali lagi oleh Akta A1095, subperenggan 20(a)(i), berkuat kuasa dari 01-02-2001 dengan menggantikan perkataan “Kuala Lumpur dan Labuan” dengan perkataan “Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya”.

Butiran (7)(f) & (g): Lihat Per. 108(4)(f).

- (i) fi berkenaan dengan mana-mana perkara dalam Senarai Persekutuan atau yang diperkatakan oleh undang-undang persekutuan;
 - (j) perbankan; pemberian pinjaman wang; pemegang pajak gadai; kawalan kredit;
 - (k) bil pertukaran, cek, nota janji hutang dan surat cara lain yang seumpamanya;
 - (l) pertukaran asing; dan
 - (m) terbitan modal; bursa saham dan bursa komoditi.
8. Perdagangan, perkara komersial dan perindustrian, termasuk—
- (a) pengeluaran, pembekalan dan pengedaran barangan; kawalan harga dan kawalan makanan; pengadukan bahan makanan dan barangan lain;
 - (b) import ke dalam Persekutuan dan eksport dari Persekutuan;
 - (c) pemerbadanan, pengawalseliaan dan penggulungan perbadanan, selain perbadanan perbandaran (tetapi termasuk perbadanan perbandaran ibu kota persekutuan); pengawalseliaan perbadanan asing; ganjaran atas pengeluaran di Persekutuan atau atas eksport dari Persekutuan;
 - (d) insurans, termasuk insurans wajib;
 - (e) paten; reka bentuk; reka cipta; cap dagangan dan cap persaudagaran; hak cipta;
 - (f) penetapan standard timbang dan sukat;
 - (g) penetapan standard kualiti barangan yang dibuat di dalam Persekutuan atau dieksport dari Persekutuan;
 - (h) lelong dan pelelong;
 - (i) industri, pengawalseliaan pengusahaan perindustrian;
 - (j) tertakluk kepada butiran 2(c) dalam Senarai Negeri: Pembangunan sumber mineral; lombong, perlombongan, mineral dan bijih mineral; minyak dan medan minyak; membeli, menjual, mengimport dan mengeksport mineral dan bijih mineral; keluaran petroleum; pengawalseliaan perburuhan dan keselamatan di dalam lombong dan medan minyak;
 - (k) kilang, dandang dan jentera; perdagangan berbahaya; dan
 - (l) bahan berbahaya dan mudah terbakar.
9. Perkapalan, pelayaran dan perikanan, termasuk—
- (a) perkapalan dan pelayaran di laut lepas dan di perairan pasang surut dan di perairan pedalaman;
 - (b) pelabuhan dan pangkalan; pesisir depan;
 - (c) rumah api dan peruntukan lain bagi keselamatan pelayaran;
 - (d) penangkapan ikan dan perikanan kelautan dan muara, tidak termasuk penyu;

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kesembilan—(samb.)

Butiran 7(i)

Perkataan “atau yang diperkatakan oleh undang-undang persekutuan” dimasukkan oleh Akta 25/1963, perenggan 6(1)(a), berkuat kuasa dari 29-08-1963.

Butiran 8(c)

Perkataan “ganjaran dan pengeluaran” digantikan dengan “ganjaran atas pengeluaran” dalam subjek terakhir oleh Akta 25/1963, subseksyen 6(2), berkuat kuasa dari 29-08-1963.

Butiran 8(j)

Perkataan “Tertakluk kepada butiran 2(c) dalam Senarai Negeri” di permulaan dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

- (e) dius api; dan
 - (f) bangkai dan salvaj.
10. Perhubungan dan pengangkutan, termasuk—
- (a) jalan, jambatan, feri dan cara perhubungan yang lain jika diisytiharkan sebagai persekutuan oleh atau di bawah undang-undang persekutuan;
 - (b) kereta api, tidak termasuk Kereta Api Bukit Bendera;
 - (c) jalan udara, pesawat udara dan penerbangan udara; padang terbang awam; peruntukan bagi keselamatan pesawat udara;
 - (d) pengawalseliaan lalu lintas mengikut jalan darat, air dan udara, selain lalu lintas di sungai-sungai di luar kawasan pelabuhan yang keseluruhannya terletak di dalam satu Negeri;
 - (e) pembawaan penumpang dan barangan mengikut jalan darat, air dan udara;
 - (f) kenderaan yang didorong secara mekanik;
 - (g) pos dan telekomunikasi; dan
 - (h) wayarles, penyiaran dan televisyen.
11. Kerja-kerja dan kuasa Persekutuan, termasuk—
- (a) kerja raya bagi maksud persekutuan;
 - (b) bekalan air, sungai dan terusan, kecuali yang keseluruhannya terletak di dalam satu Negeri atau yang dikawal selia oleh suatu perjanjian antara semua Negeri yang berkenaan; pengeluaran, pengagihan dan pembekalan kuasa air; dan
 - (c) elektrik; gas dan kerja gas; dan kerja lain bagi pengeluaran dan pengagihan kuasa dan tenaga.
12. Tinjauan, siasatan dan penyelidikan, termasuk—
- (a) banci; pendaftaran kelahiran dan kematian; pendaftaran perkahwinan; pendaftaran pengangkatan, selain pengangkatan di bawah hukum Syarak atau adat Melayu;
 - (b) tinjauan Persekutuan; tinjauan sosial, ekonomi dan sains; organisasi kaji cuaca;
 - (c) penyelidikan sains dan teknik; dan
 - (d) suruhanjaya siasatan.
13. Pendidikan, termasuk—
- (a) pendidikan rendah, menengah dan universiti; pendidikan vokasional dan teknik; latihan guru; pendaftaran dan pengawalan guru, pengurus dan sekolah; pemajuan pengajian khas dan penyelidikan; pertubuhan sains dan sastera;
 - (b) perpustakaan; muzium; monumen dan rekod purbakala dan sejarah; tapak dan peninggalan zaman purba.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kesembilan—(samb.)

Butiran 11(b)

Perkataan “Bekalan air antara Negeri dan sungai serta terusan setakat yang tidak” di permulaan digantikan dengan “Bekalan air, sungai dan terusan, kecuali yang keseluruhannya terletak di dalam satu Negeri atau yang” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Butiran 14: Lihat Senarai IIIA, butiran 18.

14. Perubahan dan kesihatan termasuk kebersihan di ibu kota persekutuan, dan termasuk—
- (a) hospital, klinik dan dispensari; profesion perubatan; kebajikan ibu mengandung dan bersalin serta anak; pesakit kusta dan institusi pesakit kusta;
 - (b) penyakit gila dan kecacatan mental, termasuk tempat menerima dan memberikan rawatan;
 - (c) racun dan dadah berbahaya; dan
 - (d) dadah dan minuman keras yang memabukkan; pembuatan dan penjualan dadah.
15. Buruh dan keselamatan sosial, termasuk—
- (a) kesatuan sekerja; pertikaian perindustrian dan buruh; kebajikan buruh termasuk mengadakan rumah bagi buruh oleh majikan; liabiliti majikan dan pampasan pekerja;
 - (b) insurans pengangguran; insurans kesihatan; pencen balu, anak yatim dan umur tua; faedah mengandung dan bersalin; kumpulan wang simpanan dan kebajikan; persaraan; dan
 - (c) khairat dan institusi khairat; amanah khairat dan pemegang amanah tidak termasuk Wakaf; derma kekal Hindu.
16. Kebajikan orang asli.
17. Pekerjaan profesional, selain yang disebut satu persatu secara khusus.
18. Hari kelepasan selain hari kelepasan Negeri; standard waktu.
19. Pertubuhan tidak diperbadankan.
20. Pengawalan makhluk perosak pertanian; perlindungan daripada makhluk perosak itu; pencegahan penyakit tumbuhan.
21. Akhbar; penerbitan; penerbit; percetakan dan mesin cetak.
22. Penapisan.
23. Tertakluk kepada butiran 5(f) Senarai Negeri: panggung; panggung wayang; filem sinematograf; tempat hiburan awam.
24. *(Dimansuhkan)*.
25. Koperasi.
- 25A. Pelancongan.
26. Tertakluk kepada butiran 9A Senarai Bersama, pencegahan kebakaran dan pemadaman api, termasuk perkhidmatan bomba dan pasukan bomba.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kesembilan—(samb.)

Butiran 14: Lihat Senarai IIIA, butiran 18.

Butiran 15(c)

Perkataan “Wakaf Islam” digantikan dengan “Wakaf” oleh Akta A354, seksyen 45, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Butiran 24

Butiran ini yang berbunyi seperti yang berikut dipotong oleh Akta A704, perenggan 12(a), berkuat kuasa dari 10-06-1988:

“24. Perumahan Persekutuan dan amanah pemajuan.”

Butiran 25A: Dimasukkan oleh Akta A885, seksyen 45, berkuat kuasa dari 24-06-1994.

Butiran 26

1. Dimasukkan oleh Akta A354, perenggan 48(1)(a), berkuat kuasa 01-01-1976.
2. Perkataan “Kecuali berkenaan dengan Sabah dan Sarawak, dan tertakluk” digantikan dengan perkataan “Tertakluk” oleh Akta A514, perenggan 17(a), berkuat kuasa dari 15-05-1981.

27. Segala perkara yang berhubungan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan, termasuk perkara yang disebut satu persatu dalam butiran 2, 3, 4 dan 5 Senarai Negeri dan dalam hal Wilayah Persekutuan Labuan, perkara yang disebut satu persatu dalam butiran 15, 16 dan 17 Tambahan kepada Senarai Negeri bagi Negeri Sabah dan Sarawak.

Senarai II—Senarai Negeri

1. Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahtarafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu.

2. Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, tanah termasuk—

- (a) pemegangan tanah, hubungan antara tuan tanah dengan penyewa; pendaftaran hakmilik dan surat ikatan yang berhubungan dengan tanah; penerokaan, pemajuan tanah dan pemuliharaan tanah; sekatan sewa;
- (b) tanah simpanan Melayu atau, di Negeri Sabah dan Sarawak, tanah simpanan anak negeri;
- (c) permit dan lesen untuk mencari gali bagi lombong; pajakan melombong dan perakuan melombong;
- (d) pengambilan tanah secara paksa;
- (e) pindah hakmilik tanah, gadai janji, pajakan dan gadaian berkenaan dengan tanah; isemen; dan
- (f) rad; harta karun tidak termasuk benda purba.

3. Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, pertanian dan perhutanan, termasuk—

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kesembilan—(samb.)

Butiran 27

1. Dimasukkan oleh Akta A566, seksyen 22, berkuat kuasa dari 01-02-1974.
2. Perkataan “dan dalam hal Wilayah Persekutuan Labuan, perkara yang disebut satu persatu dalam butiran 15, 16 dan 17 Tambahan kepada Senarai Negeri bagi Negeri Sabah dan Sarawak” dimasukkan selepas perkataan “Senarai Negeri” oleh Akta A585, seksyen 20, berkuat kuasa dari 16-04-1984.
3. Kemudiannya pula, perkataan “dengan Wilayah Persekutuan” digantikan dengan “dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan” oleh Akta A1095, subperenggan 20(a)(ii), berkuat kuasa dari 01-02-2001.

Senarai II

Lihat Per. 74(2), 76(1), 79(1), 80(2), 95B(1)(b) & (3).

Butiran 1

1. Perkataan “pengangkatan” dalam baris lima dimasukkan oleh Akta 31/1965, subseksyen 2(2), berkuat kuasa dari 01-07-1965.
2. Perkataan “Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan,” dimasukkan di permulaan oleh Akta A206, seksyen 11, berkuat kuasa dari 01-02-1974.
3. Perkataan “Wakaf Islam” digantikan dengan “Wakaf” oleh Akta A354, seksyen 45, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Butiran 2

Perkataan “Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan,” dimasukkan di permulaan sebelum “Tanah, termasuk” oleh Akta A206, seksyen 11, berkuat kuasa dari 01-02-1974.

Butiran 2(b)

1. Perkataan “atau, di dalam Negeri-Negeri Borneo, perizaban anak negeri” ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta 354, seksyen 43, berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Butiran 3

Perkataan “Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan,” dimasukkan di permulaan sebelum “Pertanian dan Perhutanan” oleh Akta A206, seksyen 11, berkuat kuasa dari 01-02-1974.

- (a) pertanian dan pinjaman pertanian; dan
 - (b) hutan.
4. Kerajaan tempatan di luar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, termasuk—
- (a) pentadbiran tempatan; perbadanan perbandaran; lembaga tempatan, lembaga bandaran dan lembaga luar bandar dan pihak berkuasa tempatan yang lain; perkhidmatan kerajaan tempatan, kadar tempatan, pilihan raya kerajaan tempatan;
 - (b) pertukangan yang memudaratkan dan kacau ganggu awam di dalam kawasan pihak berkuasa tempatan; dan
 - (c) (*Dimansuhkan*).
5. Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, perkhidmatan lain yang berciri tempatan, iaitu:
- (a) (*Dimansuhkan*);
 - (b) rumah tumpangan dan rumah pemalaman;
 - (c) tanah perkuburan dan tempat pembakaran mayat;
 - (d) tempat kurungan binatang dan pencerobohan kerbau lembu;
 - (e) pasar dan pasar ria; dan
 - (f) pelesenan panggung, panggung wayang dan tempat hiburan awam.
6. Kerja-kerja Negeri dan air, iaitu:
- (a) kerja raya bagi maksud Negeri;
 - (b) jalan, jambatan dan feri, selain yang ada dalam Senarai Persekutuan, pengawalseliaan berat dan kelajuan kenderaan di atas jalan itu; dan
 - (c) tertakluk kepada Senarai Persekutuan, air (termasuk sungai dan terusan tetapi tidak termasuk bekalan dan perkhidmatan air); pengawalan kelodak; hak riparia.
7. Jentera Kerajaan Negeri, tertakluk kepada Senarai Persekutuan, tetapi termasuk—
- (a) peruntukan Diraja dan pencen Negeri;
 - (b) perkhidmatan Negeri yang khusus;
 - (c) peminjaman atas jaminan Kumpulan Wang Disatukan Negeri;
 - (d) pinjaman bagi maksud Negeri;
 - (e) hutang awam Negeri; dan
 - (f) fi berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam Senarai Negeri atau yang diperkatakan oleh undang-undang Negeri.
8. Hari kelepasan Negeri.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kesembilan—(samb.)

Butiran 4

Perkataan “ibu kota persekutuan” digantikan dengan “Wilayah Persekutuan” oleh Akta A206, seksyen 11, berkuat kuasa dari 01-02-1974.

Butiran 1, 2, 3, 4 & 5

1. Perkataan “Wilayah Persekutuan” digantikan dengan “Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan” oleh Akta A585, seksyen 20, berkuat kuasa dari 16-04-1984.
2. Kemudiannya perkataan “Kuala Lumpur dan Labuan” digantikan dengan “Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya” oleh Akta A1095, perenggan 20(b), berkuat kuasa dari 01-02-2001.

Butiran 4(c)

Butiran ini yang berbunyi seperti yang berikut dipotong oleh Akta A704, perenggan 12(b), berkuat kuasa dari 10-06-1988:

“(c) Perumahan dan peruntukan bagi kemudahan perumahan, amanah pemajuan.”.

Butiran 5

Perkataan “Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan,” dimasukkan di permulaan sebelum “perkhidmatan lain” oleh Akta A206, seksyen 11, berkuat kuasa dari 01-02-1974.

Butiran 5(a)

1. Butiran ini yang berbunyi seperti yang berikut dipotong oleh Akta A354, perenggan 48(1)(b), berkuat kuasa dari 01-01-1976:
“(a) Pasukan bomba, kecuali di ibu kota persekutuan;”.
2. Perenggan ini dipinda dengan memotong “kecuali di ibu kota persekutuan” oleh Akta A206, seksyen 11, berkuat kuasa dari 01-02-1974.

Butiran 5(f): Lihat Senarai I, Butiran 23.

Butiran 6(c)

1. Perkataan “Air, tertakluk kepada Senarai Persekutuan, bekalan air dan terusan” di permulaan digantikan dengan “Tertakluk kepada Senarai Persekutuan, air (termasuk bekalan air, sungai dan terusan)” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. Butiran ini digantikan oleh Akta A1239, perenggan 4(a), berkuat kuasa dari 21-03-2005. Butiran sebelumnya berbunyi seperti yang berikut:
“(c) Tertakluk kepada Senarai Persekutuan, air termasuk bekalan air, sungai dan terusan); pengawalan kelodak, hak riparia.”.

Butiran 7(f)

Perkataan “atau yang diperkatakan oleh undang-undang Negeri” dimasukkan oleh Akta 25/1963, perenggan 6(1)(b), berkuat kuasa dari 29-08-1963.

9. Pewujudan kesalahan berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam Senarai Negeri atau yang diperkatakan oleh undang-undang Negeri, bukti mengenai undang-undang Negeri dan benda yang dilakukan di bawahnya, dan bukti mengenai apa-apa perkara bagi maksud undang-undang Negeri.
10. Siasatan bagi maksud Negeri, termasuk suruhanjaya siasatan dan pengumpulan perangkaan mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam Senarai Negeri atau yang diperkatakan oleh undang-undang Negeri.
11. Tanggung rugi berkenaan dengan mana-mana perkara dalam Senarai Negeri atau yang diperkatakan oleh undang-undang Negeri.
12. Penyu dan penangkapan ikan di sungai.
- 12A. Perpustakaan, muzium, monumen dan rekod purbakala dan sejarah dan tapak dan peninggalan zaman purba, selain apa yang diisytiharkan sebagai persekutuan oleh atau di bawah undang-undang persekutuan.

*Senarai IIA—Tambahan kepada Senarai Negeri bagi
Negeri Sabah dan Sarawak*

[Perkara 95B(1)(a)]

13. Undang-undang dan adat anak negeri, termasuk undang-undang diri yang berhubungan dengan perkahwinan, perceraian, penjagaan, nafkah, pengangkatan, kesahataran, undang-undang keluarga, alang atau pewarisan, berwasiat atau tidak berwasiat; pendaftaran pengangkatan di bawah undang-undang atau adat anak negeri; penentuan perkara mengenai undang-undang atau adat anak negeri; keanggotaan, susunan, dan tatacara mahkamah anak negeri (termasuk hak untuk didengar di dalam mahkamah itu), dan bidang kuasa dan kuasa mahkamah itu, yang hendaklah meliputi hanya perkara yang termasuk dalam perenggan ini sahaja dan tidaklah termasuk bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan.
14. Pemerbadanan pihak berkuasa dan badan lain yang ditubuhkan melalui undang-undang Negeri, jika diperbadankan secara langsung melalui undang-undang Negeri, dan pengawalseliaan dan penggulungan perbadanan yang diwujudkan sedemikian.
15. Pelabuhan dan pangkalan, selain yang diisytiharkan sebagai pelabuhan dan pangkalan persekutuan melalui atau di bawah undang-undang persekutuan; pengawalseliaan lalu lintas mengikut jalan air di pelabuhan dan pangkalan atau di sungai-sungai yang keseluruhannya terletak di dalam Negeri itu, kecuali lalu lintas di pelabuhan atau pangkalan persekutuan; pesisir depan.
16. Ukuran tanah kadaster.
17. (*Dimansuhkan*).
18. Di Sabah, Kereta Api Sabah.
19. (*Dimansuhkan*).
20. Tertakluk kepada Senarai Persekutuan, bekalan dan perkhidmatan air.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kesembilan—(samb.)

Butiran 9, 10 & 11

Perkataan “atau yang diperkatakan oleh undang-undang Negeri” dimasukkan oleh Akta 25/1963, perenggan 6(1)(b), berkuat kuasa dari 29-08-1963, dan perenggan 6(1)(c) memasukkan perkataan “bukti mengenai undang-undang Negeri dan benda yang dilakukan di bawahnya, dan bukti mengenai apa-apa perkara bagi maksud undang-undang Negeri” di hujung butiran 9.

Butiran 12A: Dimasukkan oleh Akta A704, perenggan 12(c), berkuat kuasa dari 10-06-1988.

Senarai IIa

Dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 36, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Butiran 13

Perkataan “kesahtarafan,” di baris tiga dimasukkan oleh Akta 31/1965, subseksyen 2(2), berkuat kuasa dari 01-07-1965.

Tajuk

Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Butiran 17

Butiran ini dimansuhkan oleh Akta A704, perenggan 12(d), berkuat kuasa dari 10-06-1988 dan berbunyi seperti yang berikut:

“17. Perpustakaan, muzium, monumen dan rekod purbakala dan sejarah dan tapak peninggalan zaman purba dan kekal selain daripada diisytiharkan untuk menjadi persekutuan oleh atau di bawah undang-undang persekutuan”.

Butiran 19

Butiran ini yang berbunyi seperti yang berikut dimasukkan oleh Akta A354, perenggan 48(1)(c), berkuat kuasa dari 01-01-1976 dan dipotong oleh Akta A514, perenggan 17(b), berkuat kuasa dari 15-05-1981:

“19. Pencegahan dan pemadaman kebakaran, termasuk perkhidmatan bomba dan pasukan bomba.”.

Butiran 20: Dimasukkan oleh Akta A1239, perenggan 4(b), berkuat kuasa dari 21-03-2005.

*Senarai II_B—(Dimansuhkan)**Senarai III—Senarai Bersama*

1. Kebajikan masyarakat; perkhidmatan masyarakat tertakluk kepada Senarai I dan II; perlindungan bagi perempuan, kanak-kanak dan orang muda.
2. Biasiswa.
3. Pelindungan binatang liar dan burung liar; Taman Negara.
4. Penternakan; pencegahan perbuatan menganiaya binatang; perkhidmatan veterinar; kuarantin binatang.
5. Perancangan bandar dan desa, kecuali di ibu kota persekutuan.
6. Keketurayauan dan penjaja dari tempat ke tempat.
7. Kesihatan awam, kebersihan (tidak termasuk kebersihan di ibu kota persekutuan) dan pencegahan penyakit.
8. Saliran dan pengairan.
9. Pemulihan tanah lombong dan tanah yang telah mengalami hakisan tanah.
- 9A. Langkah keselamatan kebakaran dan langkah mencegah kebakaran dalam pembinaan dan penyenggaraan bangunan.
- 9B. Kebudayaan dan sukan.
- 9C. Perumahan dan peruntukan bagi kemudahan perumahan; amanah pemajuan.
- 9D. Tertakluk kepada Senarai Persekutuan, bekalan dan perkhidmatan air.
- 9E. Pemeliharaan warisan.

*Senarai III_A—Tambahan kepada Senarai Bersama bagi
Negeri Sabah dan Sarawak*

[Perkara 95_B(1)(b)]

10. Undang-undang diri yang berhubungan dengan perkahwinan, perceraian, penjagaan, nafkah, pengangkatan, kesahtarafan, undang-undang keluarga, alang atau pewarisan, berwasiat atau tidak berwasiat.
11. Pengadukan bahan makanan dan barangan lain.
12. Perkapalan yang beratnya kurang daripada lima belas tan berdaftar, termasuk pembawaan penumpang dan barangan oleh perkapalan itu; penangkapan ikan dan perikanan kelautan dan muara.
13. Pengeluaran, pengagihan dan pembekalan kuasa air dan elektrik yang dijanakusakan dengan kuasa air.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kesembilan—(samb.)

Senarai IIb

Senarai ini dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 36, berkuat kuasa dari 16-09-1963, dan dipotong oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1965 dan berbunyi seperti yang berikut:

“SENARAI IIb-TAMBAHAN KEPADA SENARAI NEGERI BAGI SINGAPURA

13. Pendidikan, termasuk perkara-perkara yang dinyatakan dalam butiran 13(a) dan (b) Senarai Persekutuan.
14. Perubahan dan kesihatan termasuk perkara-perkara yang dinyatakan dalam butiran 14(a) hingga (d) Senarai Persekutuan.
15. Buruh dan keselamatan sosial, termasuk perkara-perkara yang dinyatakan dalam butiran 15(a) dan (b), tetapi bukan yang dinyatakan dalam butiran 15(c) Senarai Persekutuan.
16. Pencen, gratuiti dan elaun-elaun lain yang serupa itu, dan pampasan kerana hilang jawatan, berkenaan dengan perkhidmatan di bawah Negeri (termasuk mana-mana perkhidmatan kerajaan di dalam Negeri sebelum Hari Malaysia).
17. Kilang; dandang dan jentera; perdagangan berbahaya; bahan berbahaya dan mudah terbakar.
18. Elektrik; gas dan kerja-kerja gas.
19. Penjaja beredar.”.

Senarai III

Lihat Per. 74(1), 74(2), 76A(3), 79(1), 80(2), 82, 95B(1) & 95B(2).

Butiran 9A

1. Dimasukkan oleh Akta A354, perenggan 48(1)(d), berkuat kuasa dari 01-01-1976.
2. Perkataan “Kecuali mengenai Sabah dan Sarawak, langkah-langkah” digantikan dengan “Langkah-langkah” oleh Akta A514, perenggan 17(c), berkuat kuasa dari 15-05-1981.

Butiran 9B & 9C: Dimasukkan oleh Akta A704, perenggan 12(e), berkuat kuasa dari 10-06-1988.

Butiran 9D & 9E: Dimasukkan oleh Akta A1239, perenggan 4(c), berkuat kuasa dari 21-03-2005.

Senarai IIIA

Ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 36, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Tajuk

Perkataan “Negeri-Negeri Borneo” digantikan dengan “Negeri Sabah dan Sarawak” oleh Akta A514, perenggan 19(1)(b), berkuat kuasa dari 27-08-1976.

Butiran 10

Perkataan “kesahtarafan” di baris dua dimasukkan oleh Akta 31/1965, subseksyen 2(2), berkuat kuasa dari 01-07-1965.

14. Penyelidikan pertanian dan perhutanan, pengawalan makhluk perosak pertanian, dan perlindungan daripada makhluk perosak itu; pencegahan penyakit tumbuhan.
15. Khairat dan amanah dan institusi khairat di dalam Negeri (iaitu, yang dikendalikan keseluruhannya di dalam Negeri atau diwujudkan dan dikendalikan di dalam Negeri itu) dan pemegang amanahnya, termasuk pemerbadanannya dan pengawalseliaan dan penggulangan khairat dan institusi khairat yang diperbadankan di dalam Negeri itu.
16. Panggung; panggung wayang; filem sinematograf; tempat hiburan awam.
17. Pilihan raya ke Dewan Negeri yang diadakan dalam tempoh pilihan raya secara tidak langsung.
18. Di Sabah sehingga hujung tahun 1970 (tetapi tidak di Sarawak), perubahan dan kesihatan, termasuk perkara yang dinyatakan dalam butiran 14(a) sehingga (d) Senarai Persekutuan.

Senarai IIIB—(Dimansuhkan)

JADUAL KESEPULUH

[Perkara 109, 112c, 161c(3)*]

***Pemberian dan Sumber Hasil yang
Diserahkan kepada Negeri***

BAHAGIAN I

PEMBERIAN IKUT KEPALA

1. (1) Pemberian ikut kepala yang kena dibayar kepada setiap Negeri berkenaan dengan sesuatu tahun kewangan hendaklah mengikut kadar yang berikut:

- (a) bagi 100,000 orang yang pertama mengikut kadar RM72.00 bagi tiap-tiap orang;
- (b) bagi 500,000 orang yang berikutnya mengikut kadar RM10.20 bagi tiap-tiap orang;
- (c) bagi 500,000 orang yang berikutnya mengikut kadar RM10.80 bagi tiap-tiap orang;
- (d) bagi yang selebihnya mengikut kadar RM11.40 tiap-tiap orang,

dan hendaklah berdasarkan unjuran kependudukan tahunan bagi Negeri itu sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan dan dihitung menurut banciaan kependudukan yang lalu:

*CATATAN—Perkara ini telah dimansuhkan oleh Akta A354, seksyen 46, berkuat kuasa dari 27-08-1976—lihat seksyen 46 Akta A354.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kesembilan—(samb.)

Senarai IIIb

Senarai ini dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 36, berkuat kuasa dari 16-09-1963 dan dimansuhkan oleh Akta 59/1996, seksyen 2, berkuat kuasa dari 09-08-1996. Ia berbunyi seperti yang berikut:

“Senarai IIIb—Tambahan Kepada Senarai Bersama Bagi Singapura

10. Undang-undang diri yang berhubungan dengan perkahwinan, perceraian, penjagaan, penyaraan, pengangkatan, kesahtarafan, undang-undang keluarga, alang atau pewarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat.
11. Pinjaman kepada, atau peminjaman oleh, pihak-pihak berkuasa Negeri atau berkanun yang menjalankan kuasa yang terletak hak pada mereka oleh undang-undang Negeri di Singapura.
12. (a) Pengeluaran, pembekalan dan pembahagian barang-barang, tetapi bukan ganjaran atas pengeluaran; kawalan harga dan kawalan barang-barang makanan; pengadukan bahan-bahan makanan dan barang-barang lain;
(b) Import ke dalam Persekutuan dan eksport dari Persekutuan, tetapi bukan ganjaran atas eksport;
(c) Insurans; termasuk insurans wajib;
(d) Lelong dan pelelong;
(e) Industri; pengawalseliaan pengusahaan perindustrian;
(f) Perbankan; memberikan pinjaman wang; pemegang pajak gadai.
13. Perkapalan dan pelayaran, termasuk perkara yang dinyatakan dalam butiran (9)(a), (b), (c), (e) dan (f) Senarai Persekutuan.
14. Pekerjaan profesional selain yang dinyatakan satu persatu dalam Senarai Persekutuan.
15. Pertubuhan-pertubuhan tidak diperbadankan.
16. Khairat dan amanah serta institusi khairat di dalam Negeri (iaitu, yang dikendalikan keseluruhannya di dalam Negeri atau diwujudkan dan dikendalikan di dalam Negeri itu) dan pemegang-pemegang amanahnya, termasuk pemerbadanannya dan pengawalseliaan serta pengumpulan khairat dan institusi khairat yang diperbadankan di dalam Negeri itu.
17. Akhbar; penerbitan; penerbit; percetakan dan mesin cetak.
18. Penapisan.
19. Teater; panggung wayang; filem sinematograf; tempat hiburan awam.
20. Sehingga akhir bulan Ogos 1968, dan selepas itu sehingga Parlimen dengan persetujuan kerajaan Negeri memperuntukkan selainnya, pilihan raya ke Dewan Undangan.”.

Jadual Kesepuluh

BAHAGIAN I

Lihat Per. 109(1)(a).

Subseksyen I(1)

- (a) Subseksyen ini digantikan oleh Akta A392, seksyen 2, berkuat kuasa dari 01-01-1976. Subseksyen yang asal berbunyi seperti yang berikut:

“1. (1) Pemberian ikut kepala yang kena dibayar kepada setiap Negeri berkenaan dengan sesuatu tahun kewangan hendaklah mengikut kadar yang berikut—

- (a) bagi 50,000 orang yang pertama mengikut kadar \$15 bagi tiap-tiap orang;
- (b) bagi 200,000 orang yang berikutnya mengikut kadar \$10 bagi tiap-tiap orang;
- (c) bagi yang selebihnya mengikut kadar \$4 bagi tiap-tiap orang,

dan hendaklah berdasarkan kependudukan Negeri itu sebagaimana yang ditentukan dalam bancian akhir yang dijalankan sebelum permulaan tahun kewangan yang terdahulu.”.

Dengan syarat bahawa jika banciaan yang lalu itu telah dijalankan satu tahun sebelum permulaan tahun kewangan, maka pemberian bagi tahun tertentu itu hendaklah berdasarkan kependudukan, sebagaimana yang ditentukan oleh banciaan kependudukan itu.

(2) (*Dimansuhkan*).

BAHAGIAN II

PEMBERIAN JALAN NEGERI

2. Pemberian jalan Negeri yang kena dibayar kepada setiap Negeri Tanah Melayu berkenaan dengan sesuatu tahun kewangan hendaklah dihitung dengan mendarabkan—

- (a) kos purata bagi sesuatu Negeri untuk menyenggarakan sebatu jalan Negeri mengikut standard minimum yang ditentukan bagi jalan-jalan Negeri di dalam Negeri yang berkenaan oleh Kerajaan Persekutuan selepas berunding dengan Majlis Kewangan Negara; dengan
- (b) sekian panjang perbatuan jalan-jalan Negeri di dalam Negeri itu yang layak mendapat pemberian.

3. Bagi maksud seksyen 2—

- (a) perbatuan jalan-jalan Negeri di dalam sesuatu Negeri ialah perbatuan jalan-jalan Negeri itu yang ada pada tiga puluh satu hari bulan Disember dalam tahun kewangan yang terdahulu, dan kos purata yang disebut dalam perenggan (a) seksyen itu ialah kos purata di dalam Negeri itu yang dihitung dalam tahun kewangan yang terdahulu; dan
- (b) penyenggaraan jalan-jalan Negeri ertinya pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan jalan-jalan Negeri, perabot tepi jalan, jambatan, jejambat atau pembetung yang menjadi sebahagian daripada jalan itu atau yang bersambung dengannya dengan seberapa hampir yang mungkin dengan keadaan asalnya sebagaimana yang dibina atau sebagaimana yang dibaiki kemudiannya.

4. Sesuatu batang jalan Negeri, jika jalan itu sebenarnya disenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri itu mengikut standard minimum atau yang lebih tinggi daripadanya sebagaimana yang disebut dalam seksyen 2(a) dan sesuatu batang mana-mana jalan di dalam had kawasan sesuatu pihak berkuasa tempatan jika jalan itu diprakui oleh Jabatan Kerja Raya Negeri itu sebagai termasuk dalam standard kelayakan dan disenggarakan mengikut standard minimum atau yang lebih tinggi daripadanya sebagaimana yang disebut dalam seksyen 2(a) layak mendapat pemberian.

5. Dalam Bahagian ini dalam Jadual ini, “jalan Negeri” ertinya mana-mana jalan awam, selain jalan persekutuan, dan mana-mana jalan lain, selain jalan persekutuan, yang boleh dilalui oleh orang ramai.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kesepuluh—(samb.)

- (b) Perkataan “dan hendaklah berdasarkan kependudukan Negeri itu sebagaimana yang ditentukan dalam banciaan akhir yang dijalankan sebelum permulaan tahun kewangan yang terdahulu” digantikan dengan “dan hendaklah berdasarkan unjuran kependudukan tahunan bagi Negeri itu sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan dan dihitung menurut banciaan kependudukan yang lalu:

Dengan syarat bahawa jika banciaan yang lalu itu telah dijalankan satu tahun sebelum permulaan tahun kewangan, maka pemberian bagi tahun tertentu itu hendaklah berdasarkan kependudukan, sebagaimana yang ditentukan oleh banciaan kependudukan itu.” oleh Akta A514, perenggan 18(a), berkuat kuasa dari 15-05-1981.

- (c) Perenggan (a), (b), (c) dan (d) yang berbunyi seperti yang berikut digantikan oleh Akta 503, seksyen 2, berkuat kuasa dari 01-01-1992:

“(a) bagi 100,000 orang yang pertama mengikut kadar \$20 bagi tiap-tiap orang;

(b) bagi 150,000 orang yang berikutnya mengikut kadar \$10 bagi tiap-tiap orang;

(c) bagi 250,000 orang yang berikutnya mengikut kadar \$6 bagi tiap-tiap orang;

(d) bagi yang selebihnya mengikut kadar \$3 bagi tiap-tiap orang.”.

- (d) Perenggan (a), (b), (c) dan (d) yang berbunyi seperti yang berikut digantikan oleh Akta 622, seksyen 2, berkuat kuasa dari 01-01-2002:

“(a) bagi 50,000 orang yang pertama mengikut kadar RM60.00 bagi tiap-tiap orang;

(b) bagi 500,000 orang yang berikutnya mengikut kadar RM8.50 bagi tiap-tiap orang;

(c) bagi 500,000 orang yang berikutnya mengikut kadar RM9.00 bagi tiap-tiap orang;

(d) bagi yang selebihnya mengikut kadar RM9.50 tiap-tiap orang.”.

Subseksyen (2)

Subseksyen ini yang berbunyi seperti yang berikut dimansuhkan oleh Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1965:

“(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika pemberian ikut kepala kena dibuat berkenaan dengan sesuatu tahun kewangan yang bermula sebelum satu hari bulan Januari, seribu sembilan ratus lima puluh sembilan, maka pemberian itu hendaklah berdasarkan kependudukan Negeri itu sebagaimana yang ditentukan dalam banciaan yang dijalankan dalam tahun seribu sembilan ratus lima puluh tujuh.”.

BAHAGIAN II

Lihat Per. 109(1)(b).

Seksyen 2

1. Perkataan “setiap Negeri” digantikan dengan “setiap Negeri Tanah Melayu” oleh Akta 26/1963, perenggan 51(a), berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. *Lihat seksyen 3, 4 & 6(2).*

Perenggan (2)(a)

1. Perkataan “bagi sesuatu Negeri” yang terdapat selepas “kos purata” dimasukkan oleh Akta 25/1963, subseksyen 7(1), berkuat kuasa dari 01-01-1958.
2. Perkataan “jalan-jalan” digantikan dengan “jalan-jalan Negeri di dalam Negeri-Negeri yang berkenaan” oleh Akta 26/1963, perenggan 51(a), berkuat kuasa dari 16-09-1963.
3. Perkataan “termasuk kos membaiki dan menyenggara apa-apa jambatan, jejambat atau pemetung yang menjadi sebahagian daripada jalan itu atau yang bersambung dengannya,” yang terdapat selepas perkataan “jalan Negeri” dimasukkan oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 01-01-1963.
4. Perkataan “termasuk kos membaiki dan menyenggara jambatan, jejambat atau pemetung yang menjadi sebahagian daripada jalan itu atau yang bersambung dengannya,” dipotong selepas perkataan “jalan Negeri” oleh Akta A514, perenggan 18(b), berkuat kuasa dari 15-05-1981.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kesepuluh—(samb.)

Seksyen 3

1. Perkataan “Persekutuan” digantikan dengan “Negeri-Negeri Tanah Melayu” oleh Akta 26/1963, perenggan 51(b), berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. *Lihat* subseksyen 6(2).
3. Seksyen ini digantikan oleh Akta A514, perenggan 18(c), berkuat kuasa dari 15-05-1981. Seksyen yang dahulu berbunyi seperti yang berikut:

“3. Bagi maksud seksyen 2, perbatuan jalan-jalan Negeri di dalam sesuatu Negeri, ialah perbatuan jalan-jalan Negeri itu yang ada pada tiga puluh satu hari bulan Disember dalam tahun asas, dan purata yang disebut dalam perenggan (a) seksyen itu hendaklah dikira sebagai purata di seluruh Negeri-Negeri Melayu dalam tahun asas itu.”

Seksyen 4

1. Seksyen yang ada sekarang digantikan oleh Akta 59/1966, seksyen 2, berkuat kuasa dari 01-01-1963 dan menggantikan seksyen yang asal yang berbunyi seperti yang berikut:

“4. Sesuatu batang jalan Negeri layak mendapat pemberian, jika jalan itu sebenarnya disenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri itu mengikut standard minimum atau standard yang lebih tinggi yang disebut dalam seksyen 2(a); melainkan bahawa mana-mana jalan yang tidak mendapat pemberian dalam tahun kewangan terdahulu layak mendapat pemberian hanya jika Kerajaan Persekutuan bersetuju bahawa jalan itu layak mendapatnya.”
2. *Lihat* subseksyen 6(2)
3. Perkataan “melainkan bahawa mana-mana batang jalan yang tidak layak mendapat pemberian dalam tahun kewangan terdahulu layak mendapat pemberian hanya jika Kerajaan Persekutuan bersetuju bahawa jalan layak mendapatnya” yang terdapat selepas perkataan “layak mendapat pemberian” dalam seksyen yang ada sekarang dipotong oleh Akta A514, perenggan 18(a), berkuat kuasa dari 15-05-1981.

Seksyen 5

1. Perkataan “jalan lain, selain jalan persekutuan” digantikan dengan “jalan awam, selain jalan persekutuan, dan mana-mana jalan lain, selain jalan persekutuan yang boleh dilalui oleh orang ramai” oleh Akta 14/1962, seksyen 29, berkuat kuasa dari 21-06-1962.
2. *Lihat* subseksyen 6(2).
3. Seksyen ini digantikan oleh Akta A514, perenggan 18(e), berkuat kuasa dari 15-05-1981. Seksyen yang dahulu berbunyi seperti yang berikut:

“5. Dalam Bahagian ini dalam Jadual ini—

 - (a) “jalan Negeri” ertinya mana-mana jalan awam, selain jalan persekutuan, dan mana-mana jalan lain, selain jalan persekutuan yang boleh dilalui oleh orang ramai;
 - (b) “tahun asas” ertinya tahun kewangan yang bermula dua tahun terdahulu daripada tahun kewangan yang mengenainya pemberian itu diberi.”

Seksyen 6

Ditambahkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 45(2), berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Subseksyen (2)(a)

Digantikan oleh Akta A514, perenggan 18(f), berkuat kuasa dari 15-05-1981. Subseksyen yang dahulu berbunyi seperti yang berikut:

“(a) kos purata dan standard minimum yang disebut dalam seksyen 2(a) masing-masingnya ialah purata di Negeri itu dan standard minimum yang ditentukan bagi jalan-jalan Negeri di dalam Negeri itu;”

BAHAGIAN III

Lihat Per. 110.

Butiran 1, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 12 & 14: Lihat Per. 110(2).

6. (1) Pemberian jalan Negeri yang kena dibayar kepada Sabah atau Sarawak dalam setiap tahun 1964 dan 1965 hendaklah dibayar mengikut kadar RM4,500 sebati berkenaan dengan perbatuan di Sabah sepanjang 1,151 batu dan di Sarawak mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang dipersetujui antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

(2) Selepas itu, seksyen 2 hingga 5 hendaklah terpakai bagi pemberian jalan Negeri yang kena dibayar sedemikian dengan ubah suaian yang berikut:

- (a) standard minimum yang disebut dalam seksyen 2(a) ialah standard minimum yang ditentukan bagi jalan-jalan Negeri di dalam Negeri itu; dan
- (b) mana-mana batang jalan yang disenggarakan oleh sesuatu pihak berkuasa tempatan atas perbelanjaan Negeri hendaklah dikira sebagai disenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri itu.

BAHAGIAN III

SUMBER HASIL YANG DISERAHHAKKAN KEPADA NEGERI

1. Hasil daripada kedai tuak.
2. Hasil daripada tanah, lombong dan hutan.
3. Hasil daripada lesen-lesen selain lesen-lesen yang berkaitan dengan bekalan dan perkhidmatan air, kenderaan yang didorong secara mekanik, pepasangan elektrik dan pendaftaran perniagaan.
4. Duti hiburan.
5. Fi di dalam mahkamah, selain mahkamah persekutuan.
6. Fi dan terimaan berkenaan dengan perkhidmatan tertentu yang diberikan oleh jabatan-jabatan Kerajaan Negeri.
7. Hasil lembaga-lembaga bandaran, majlis-majlis bandaran, lembaga-lembaga luar bandar, majlis-majlis tempatan dan pihak-pihak berkuasa tempatan yang seumpamanya selain—
 - (a) perbandaran-perbandaran yang ditubuhkan di bawah mana-mana Ordinan Perbandaran;
 - (b) lembaga-lembaga bandaran, majlis-majlis bandaran, lembaga-lembaga luar bandar, majlis-majlis tempatan dan pihak-pihak berkuasa tempatan yang seumpamanya yang mempunyai kuasa di bawah undang-undang bertulis untuk memegang simpan hasilnya dan mengawal perbelanjaan hasilnya itu.
8. Terimaan berkenaan dengan air mentah.
9. Sewa mengenai harta Negeri.
10. Bunga atas baki wang Negeri.

11. Terimaan daripada jualan tanah dan jualan harta Negeri.
12. Denda dan pelucuthakan di dalam mahkamah selain mahkamah persekutuan.
13. Zakat, Fitrah dan Baitulmal dan hasil agama Islam yang seumpamanya.
14. Harta karun.

BAHAGIAN IV

PEMBERIAN KHAS KEPADA NEGERI SABAH DAN SARAWAK

1. (1) Dalam hal Sarawak, pemberian sebanyak RM5,800,000 dalam setiap tahun.

(2) Dalam hal Sarawak, pemberian yang amaunnya dalam tahun 1964 dan setiap tahun selama empat tahun yang berikutnya ialah masing-masingnya RM3½ juta, RM7 juta, RM11½ juta, RM16 juta dan RM21 juta, dan dalam tahun-tahun yang kemudiannya hendaklah ditetapkan mengikut suatu kajian semula di bawah Perkara 112D.

2. (1) Dalam hal Sabah, pemberian yang amaunnya sama banyak dalam setiap tahun dengan dua perlima daripada amaun yang hasil bersih yang didapati oleh Persekutuan dari Sabah itu melebihi hasil bersih yang akan didapati sedemikian oleh Persekutuan dalam tahun 1963 jika—

(a) Akta Malaysia telah berkuat kuasa dalam tahun itu seperti dalam tahun 1964; dan

(b) hasil bersih bagi tahun 1963 dihitung tanpa mengambil kira apa-apa perubahan mengenai apa-apa cukai atau fi yang dibuat pada atau selepas Hari Malaysia,

(“hasil bersih” ertinya bagi maksud ini hasil yang terakru kepada Persekutuan, ditolak amaun yang diterima oleh Negeri berkenaan dengan penyerahhakan hasil itu).

(2) Dalam hal Sabah, bagi mana-mana tahun sebelum 1968 yang dalamnya pemberian jalan Negeri yang kurang daripada RM5,179,500, suatu tambahan kepada pemberian itu yang amaunnya sama banyak dengan kekurangan itu.

3. Dalam mana-mana satu hal, bagi mana-mana tahun sebelum tahun 1974 dan, jika pada permulaan tahun 1974 Badan Perundangan Negeri mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang mengenai pembawaan penumpang dan barangan mengikut jalan darat atau mengenai kenderaan jalan yang didorong secara mekanik, maka dalam masa kuasa itu berterusan, suatu pemberian yang sama banyaknya dengan kos yang kena dibayar oleh Negeri itu dalam tahun itu bagi jabatan pengangkutan jalan Negeri itu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kesepuluh—(*samb.*)

Butiran 3

Perkataan “bekalan dan perkhidmatan air,” dimasukkan selepas perkataan “yang berkaitan dengan” oleh Akta A1239, subperenggan 5(a)(i), berkuat kuasa dari 31-01-2007.

Butiran 8

Digantikan oleh Akta A1239, subperenggan 5(a)(ii), berkuat kuasa dari 31-01-2007. Butiran asal berbunyi seperti yang berikut:

“Terimaan berkenaan dengan bekalan air termasuk kadar air.”

BAHAGIAN IV

1. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 45(1), berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. *Lihat* Per. 112c(1)(a), (2) & 112d(1).

Seksyen 1 & 2: Lihat Per. 112d(1).

BAHAGIAN V

SUMBER TAMBAHAN HASIL YANG DISERAHHAKKAN
KEPADA NEGERI SABAH DAN SARAWAK

1. Duti import dan duti eksais atas keluaran petroleum.
 2. Duti eksport atas balak dan hasil hutan lain.
 3. Selagi royalti yang dilevikan oleh Negeri ke atas apa-apa mineral yang boleh dikenakan duti eksport, selain timah (tetapi termasuk minyak mineral) tidak berjumlah 10 peratus *ad valorem* yang dihitung seperti bagi maksud duti eksport, duti eksport atas mineral itu atau apa-apa bahagian daripada duti eksport yang menjadikan jumlah royalti dan duti atas mineral yang dieksport hingga 10 peratus *ad valorem* yang dihitung sedemikian.
 4. Dalam hal Sabah selagi perubatan dan kesihatan masih menjadi suatu butiran dalam Senarai Bersama dan perbelanjaan berkenaan dengan butiran itu ditanggung oleh Negeri itu, 30 peratus daripada segala hasil kastam selain hasil kastam berkenaan dengan duti-duti yang disebut dalam seksyen 1, 2 dan 3.
 5. Bagi mana-mana tahun sebelum 1974 dan, jika pada permulaan tahun 1974 Badan Perundangan Negeri mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang mengenai pembawaan penumpang dan barangan mengikut jalan darat atau mengenai kenderaan jalan yang didorong secara mekanik atau lesen-lesen berkaitan dengan kenderaan-kenderaan itu, maka, dalam masa kuasa itu berterusan, fi daripada lesen-lesen itu.
 6. Bagi mana-mana tahun sebelum tahun 1974, dan jika pada permulaan tahun 1974 Badan Perundangan Negeri mempunyai kuasa membuat undang-undang mengenai pendaftaran kenderaan yang didorong secara mekanik, maka dalam masa kuasa itu berterusan, fi daripada pendaftaran kenderaan-kenderaan itu.
 7. Cukai-cukai jualan Negeri.
 8. Fi dan dius daripada pelabuhan dan pangkalan, selain pelabuhan dan pangkalan persekutuan.
 9. Terimaan berkenaan dengan bekalan dan perkhidmatan air, termasuk kadar air.
 10. Hasil daripada lesen yang berkaitan dengan bekalan dan perkhidmatan air.
-

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kesepuluh—(*samb.*)

BAHAGIAN V

1. Ditambahkan oleh Akta 26/1963, subseksyen 45(1), berkuat kuasa dari 16-09-1963.

2. *Lihat* Per. 112c(1)(b), (2) & 112d(5).

Seksyen 1 & 2: Lihat seksyen 4.

Seksyen 3: Lihat Per. 112c(2), seksyen 4.

Seksyen 4: Lihat Per. 112c(2) & 112d(5).

Seksyen 5, 6, 7 & 8: Lihat Per. 112d(5).

Butiran 9 & 10: Ditambahkan oleh Akta A1239, perenggan 5(b), berkuat kuasa dari 21-03-2005.

JADUAL KESEBELAS

[Perkara 160(1)]

***Peruntukan Ordinan Tafsiran dan Fasal-Fasal Am 1948
(Ordinan Malayan Union No. 7 tahun 1948), yang
Terpakai bagi Mentafsirkan Perlembagaan.***

Seksyen	Hal Perkara
2(56)	<p><i>Erti “bulan” —</i></p> <p>“bulan” ertinya bulan kalendar mengikut kalendar Gregory.</p>
2(61)	<p><i>Erti “orang” dan “pihak” —</i></p> <p>“orang” dan “pihak” termasuklah mana-mana kumpulan orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan.</p>
2(88)	<p><i>Takrif “perundangan subsidiari” —</i></p> <p>“perundangan subsidiari” ertinya apa-apa Perintah dalam Majlis Mesyuarat, proklamasi, kaedah, peraturan, perintah, pemberitahuan, undang-undang kecil atau surat cara lain yang dibuat di bawah mana-mana Ordinan, Enakmen atau kuasa sah yang lain dan mempunyai kuat kuasa perundangan.</p>
2(94)	<p><i>Pentafsiran jantina lelaki—</i></p> <p>perkataan yang membawa maksud jantina lelaki termasuklah perempuan.</p>
2(95)	<p><i>Pentafsiran bilangan tunggal atau jamak—</i></p> <p>perkataan dalam bilangan tunggal termasuklah bilangan jamak, dan perkataan dalam bilangan jamak termasuklah bilangan tunggal.</p>
2(96)	<p><i>Erti “tulisan” —</i></p> <p>“tulisan” dan ungkapan yang dikaitkan dengan tulisan termasuklah cetakan, litografi, tulisan taip, fotografi, dan cara lain untuk menyatakan atau menurunkan perkataan atau angka dalam bentuk boleh lihat.</p>
2(98)	<p><i>Erti “tahun” —</i></p> <p>“tahun” ertinya suatu tahun yang dihitung mengikut kalendar Gregory.</p>

Seksyen

Hal Perkara

7

Borang—

Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya, apabila borang ada ditetapkan, pelencongan sedikit daripadanya yang tidak menyentuh isi atau tidak bermaksud untuk mengelirukan, tidaklah menidaksahkan borang itu.

13

Kesan pemansuhan—

Jika sesuatu undang-undang bertulis memansuhkan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana undang-undang bertulis yang lain, maka, melainkan jika terdapat niat yang berlawanan, pemansuhan itu tidaklah—

- (a) menghidupkan kembali apa-apa yang tidak berkuat kuasa atau tidak wujud pada masa pemansuhan itu berkuat kuasa; atau
- (b) menyentuh perjalanan terdahulu mana-mana undang-undang bertulis yang dimansuhkan sedemikian atau apa-apa yang telah dilakukan atau ditanggung dengan sewajarnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang dimansuhkan sedemikian; atau
- (c) menyentuh apa-apa hak, keistimewaan, obligasi atau liabiliti yang diperoleh, terakru atau dikenakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang dimansuhkan sedemikian; atau
- (d) menyentuh apa-apa penalti, pelucuthakan atau hukuman yang dikenakan berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang dilakukan terhadap mana-mana undang-undang bertulis yang dimansuhkan sedemikian; atau
- (e) menyentuh apa-apa penyiasatan, prosiding undang-undang, atau remedi berkenaan dengan mana-mana hak, keistimewaan, obligasi, liabiliti, penalti, pelucuthakan atau hukuman yang tersebut terdahulu,

dan mana-mana penyiasatan, prosiding undang-undang atau remedi itu boleh dimulakan, diteruskan atau dikuatkuasakan, dan mana-mana penalti, pelucuthakan atau hukuman itu boleh dikenakan, seolah-olah undang-undang yang dimansuhkan itu tidak diluluskan.

21

(Dimansuhkan).

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kesebelas

Seksyen 13: Dimasukkan oleh Akta 14/1962, seksyen 30, berkuat kuasa dari 31-08-1957.

Seksyen 21

Seksyen ini dimansuhkan oleh Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963 dan berbunyi seperti yang berikut:

“Menjalankan kuasa statutori antara pembuatan undang-undang dan permulaan kuat kuasa Akta Parlimen, Ordinan atau Enakmen—

21. Apabila sesuatu Ordinan atau Enakmen yang tidak hendak dikuatkuasakan sebaik sahaja Ordinan atau Enakmen itu diluluskan memberikan kuasa untuk membuat apa-apa pelantikan atau membuat perundangan subsidiari, atau mengeluarkan pemberitahuan, atau menetapkan borang atau membuat apa-apa benda lain bagi maksud Ordinan atau Enakmen itu, maka kuasa itu boleh, melainkan jika terdapat niat yang berlawanan, dijalankan pada bila-bila masa selepas lulusnya Ordinan atau Enakmen itu, tertakluk kepada sekatan bahawa apa-apa pelantikan, surat cara, pemberitahuan atau benda yang dibuat, diberikan, dikeluarkan, dibahagikan atau dilakukan di bawah kuasa itu tidaklah, melainkan jika terdapat niat yang berlawanan dalam Ordinan atau Enakmen itu, atau pelantikan, surat cara, pemberitahuan atau benda itu, untuk menguatkuasakan Ordinan atau Enakmen itu, mempunyai apa-apa kuat kuasa sehinggalah Ordinan atau Enakmen itu berkuat kuasa.”.

Seksyen 23

Dimasukkan oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Seksyen

Hal Perkara

- 23 *Peruntukan am mengenai kuasa yang diberikan kepada mana-mana pihak berkuasa untuk membuat perundangan subsidiari—*

Jika sesuatu Ordinan atau Enakmen memberikan kuasa kepada mana-mana pihak berkuasa untuk membuat perundangan subsidiari, maka perundangan subsidiari itu boleh pada bila-bila masa dipinda, diubah, dihapuskan atau dibatalkan oleh pihak berkuasa yang sama dan mengikut cara yang sama sebagaimana perundangan subsidiari itu dibuat.

- 28 *Pentafsiran peruntukan tentang penjalanan kuasa dan kewajipan—*

(1) Jika sesuatu undang-undang bertulis memberikan sesuatu kuasa atau mengenakan sesuatu kewajipan, maka, melainkan jika terdapat niat yang berlawanan, kuasa itu boleh dijalankan dan kewajipan itu hendaklah dilaksanakan dari semasa ke semasa mengikut kehendak keadaan.

(2) Jika sesuatu undang-undang bertulis memberikan sesuatu kuasa atau mengenakan sesuatu kewajipan kepada pemegang sesuatu jawatan sebagai yang sedemikian, maka, melainkan jika terdapat niat yang berlawanan, kuasa itu boleh dijalankan dan kewajipan itu hendaklah dilaksanakan oleh pemegang jawatan pada masa ini atau oleh seseorang yang dilantik dengan sewajarnya untuk bertindak bagi dirinya.

- 29 *Kuasa untuk melantik termasuklah kuasa untuk membuang kerja—*

Jika suatu undang-undang bertulis memberi mana-mana orang atau pihak berkuasa kuasa untuk membuat pelantikan bagi memegang apa-apa jawatan atau kedudukan, maka, melainkan jika terdapat niat yang berlawanan, kuasa itu hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk kuasa untuk membuang kerja atau menggantung mana-mana orang yang dilantik dan melantik seorang lain buat sementara bagi menggantikan mana-mana orang yang digantung sedemikian atau bagi menggantikan mana-mana pemegang jawatan atau kedudukan yang sakit atau tidak hadir.

Seksyen

Hal Perkara

Dengan syarat bahawa jika kuasa orang atau pihak berkuasa itu untuk membuat pelantikan itu hanya boleh dijalankan atas syor atau tertakluk kepada kelulusan atau persetujuan seseorang atau sesuatu pihak berkuasa lain, maka, melainkan jika terdapat niat yang berlawanan, kuasa untuk membuang kerja itu hanya boleh dijalankan atas syor atau tertakluk kepada kelulusan atau persetujuan orang atau pihak berkuasa yang lain itu.

30 *Pentafsiran perkataan pemboleh—*

Jika suatu undang-undang bertulis memberikan kuasa kepada mana-mana orang untuk melakukan atau menguatkuasakan perlakuan apa-apa perbuatan atau benda, maka segala kuasa yang semunasabahnya perlu untuk membolehkan orang itu melakukan atau menguatkuasakan perlakuan perbuatan atau benda itu hendaklah difahamkan sebagai juga diberikan kepada orang itu.

32 *Nama jawatan rasmi hendaklah termasuk pegawai yang melaksanakan kewajipan—*

Apabila sebutan dibuat dalam mana-mana undang-undang bertulis, surat cara, waran atau proses daripada apa-apa jenis yang dibuat atau dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong, atau seseorang Raja atau mana-mana badan atau orang yang mempunyai kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk membuat atau mengeluarkannya kepada mana-mana pegawai awam mengikut gelaran nama jawatannya, maka pegawai itu hendaklah termasuk pegawai yang pada masa ini melaksanakan kewajipan jawatan itu atau mana-mana bahagian daripada kewajipan itu.

33 *Kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk mengadakan peruntukan bagi pelaksanaan kewajipan pegawai awam dalam masa pegawai itu tidak ada atau tidak berdaya buat sementara—*

(1) Jika apa-apa kuasa diberikan atau apa-apa kewajipan dikenakan melalui atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis kepada seseorang pegawai awam, maka Yang di-Pertuan Agong atau, dalam hal seseorang pegawai awam yang ditanggung dalam perjawatan sesuatu Negeri, Raja Negeri itu boleh mengarahkan bahawa jika, dalam apa-apa tempoh, oleh sebab dia tidak ada atau tidak berdaya bertindak kerana sakit atau apa-apa sebab lain, pegawai awam itu tidak dapat menjalankan kuasa atau melaksanakan kewajipan jawatannya di mana-mana tempat di bawah bidang kuasa atau kawalannya, maka kuasa itu hendaklah dipunyai dan boleh dijalankan,

Perlebagaan Persekutuan

CATATAN

Seksyen

Hal Perkara

dan kewajipan itu hendaklah dilaksanakan di tempat itu oleh orang yang dinamakan oleh, atau oleh pegawai awam yang memegang jawatan yang ditetapkan oleh, Yang di-Pertuan Agong atau Raja, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan dengan itu orang atau pegawai awam itu, dalam apa-apa tempoh yang disebut terdahulu, hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan kuasa itu dan hendaklah melaksanakan kewajipan yang disebut terdahulu tertakluk kepada apa-apa syarat, kekecualian dan pembatasan yang diarahkan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Raja.

(2) Tanpa menjejaskan peruntukan subseksyen (1), apabila pemegang hakiki mana-mana jawatan bercuti sebelum melepaskan jawatannya maka adalah sah bagi seorang lain dilantik secara hakiki bagi menggantikannya.

33c

Kuasa sesuatu lembaga, dsb., tidak terjejas oleh kekosongan, dsb.—

Jika mana-mana lembaga, suruhanjaya, jawatankuasa atau badan yang seumpamanya, sama ada yang diperbadankan atau tidak diperbadankan, ditubuhkan melalui atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis, maka, melainkan jika terdapat niat yang berlawanan, kuasa dan prosiding lembaga, suruhanjaya, jawatankuasa atau badan yang seumpamanya itu tidaklah terjejas oleh—

- (a) apa-apa kekosongan dalam keanggotaannya;
- (b) apa-apa kecacatan yang didapati kemudiannya tentang pelantikan atau kelayakan seseorang yang berupa sebagai anggotanya; atau
- (c) apa-apa ketidakteraturan yang kecil dalam memanggil mana-mana mesyuaratnya.

35

(Dimansuhkan).

36

Pengiraan masa—

Pada mengira masa bagi maksud mana-mana undang-undang bertulis, melainkan jika terdapat niat yang berlawanan—

- (a) tempoh beberapa hari dari berlakunya sesuatu kejadian atau dari pelakuan apa-apa perbuatan atau benda hendaklah disifatkan sebagai tidak termasuk hari kejadian itu berlaku atau perbuatan atau benda itu dilakukan;
- (b) jika hari terakhir dalam tempoh itu ialah hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am (hari yang disebut sebagai hari terkecuali dalam seksyen ini) maka tempoh itu hendaklah termasuk hari yang pertama yang berikutnya, iaitu yang bukan hari terkecuali;

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kesebelas—(samb.)

Seksyen 33c

Dimasukkan oleh Akta 31/1965, subseksyen 2(1), berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Seksyen 35

Seksyen ini dimansuhkan oleh Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963 dan berbunyi seperti yang berikut:

“Masa permulaan kuat kuasa—

35. Jika mana-mana undang bertulis, atau mana-mana bahagian sesuatu undang-undang bertulis, atau apa-apa surat cara atau pemberitahuan yang dibuat di bawahnya, dinyatakan hendaklah mula berkuat kuasa pada suatu hari tertentu, maka undang-undang bertulis, surat cara atau pemberitahuan itu hendaklah, melainkan jika diperuntukkan dengan nyata selainnya, ditafsirkan sebagai mula berkuat kuasa sebaik sahaja berakhirnya hari berikut dengan hari itu.”.

Seksyen

Hal Perkara

- (c) apabila apa-apa perbuatan atau prosiding diarahkan atau dibenarkan dilakukan atau dijalankan pada suatu hari yang tertentu, maka, jika hari itu kebetulannya hari terkecuali, perbuatan atau prosiding itu hendaklah dianggap sebagai dilakukan atau dijalankan dalam masa yang sewajarnya jika dilakukan atau dijalankan pada hari yang pertama selepas itu, iaitu yang bukan hari terkecuali;
- (d) apabila sesuatu perbuatan atau prosiding diarahkan atau dibenarkan dilakukan atau dijalankan dalam apa-apa masa yang tidak melebihi enam hari, maka hari-hari terkecuali tidak boleh dihitung pada mengira masa itu.

38

Peruntukan apabila masa tidak ditetapkan—

Jika masa tidak ditetapkan atau dibenarkan yang dalamnya apa-apa benda hendak dilakukan, maka benda itu hendaklah dilakukan dengan seberapa segera yang boleh dan seberapa kerap keadaan yang ditetapkan itu berlaku.

39

Pentafsiran kuasa untuk melanjutkan masa—

Jika dalam mana-mana undang-undang bertulis masa ditetapkan bagi melakukan apa-apa perbuatan atau menjalankan apa-apa prosiding dan kuasa diberikan kepada sesuatu mahkamah atau pihak berkuasa yang lain untuk melanjutkan masa itu, maka, melainkan jika terdapat niat yang berlawanan, kuasa itu boleh dijalankan oleh mahkamah atau pihak berkuasa yang lain itu walaupun permohonan bagi pelanjutan masa itu tidak dibuat sehingga selepas habis tempoh masa yang ditetapkan.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kesebelas—(samb.)

Seksyen 39: Dimasukkan oleh Akta A857, seksyen 5, berkuat kuasa dari 20-08-1993.

Seksyen

Hal Perkara

40A

Peguaam Cara Negara menjalankan kuasa Peguaam Negara—

(1) Melainkan jika diperuntukkan dengan nyata selainnya dalam mana-mana undang-undang bertulis, Peguaam Cara Negara boleh melaksanakan mana-mana kewajipan dan menjalankan mana-mana kuasa Peguaam Negara.

(2) Jika Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana orang lain telah mewakili kuasanya dengan sah kepada Peguaam Negara maka, melainkan jika diperuntukkan dengan nyata selainnya, perwakilan itu hendaklah disifatkan sebagai perwakilan kuasa kepada Peguaam Negara dan Peguaam Cara Negara kedua-duanya.

42

Pegawai awam—

Sebutan dalam mana-mana undang-undang bertulis mengenai mana-mana pegawai awam mengikut nama jawatannya yang biasa atau am hendaklah, jika terdapat jawatan sedemikian pada lazimnya di Persekutuan atau mana-mana Negeri dan melainkan jika terdapat niat yang berlawanan, dibaca dan ditafsirkan sebagai sebutan mengenai orang yang pada masa ini memegang atau menjalankan kewajipan jawatan itu di dalam Persekutuan atau Negeri itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

44

Pentafsiran sebutan mengenai undang-undang—

Dalam mana-mana undang-undang bertulis, sesuatu perihalan atau petikan mengenai suatu bahagian daripada sesuatu undang-undang bertulis yang lain hendaklah, melainkan jika terdapat niat yang berlawanan, ditafsirkan sebagai termasuk perkataan, seksyen atau bahagian lain yang diperkatakan atau disebut sebagai menjadi permulaan dan penghujung bahagian yang masuk dalam perihalan atau petikan itu.

46

(Dimansuhkan).

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kesebelas—(samb.)

Seksyen 46

Seksyen ini dipotong oleh Akta A1130, seksyen 14, berkuat kuasa dari 28-09-2001 dan berbunyi seperti yang berikut:

“Teks bahasa Inggeris hendaklah dipakai—

46. Dalam hal apa-apa percanggahan atau perselisihan antara teks bahasa Inggeris sesuatu undang-undang bertulis dengan apa-apa terjemahannya, maka teks bahasa Inggeris itu hendaklah dipakai.”.

JADUAL KEDUA BELAS*(Dimansuhkan)***JADUAL KETIGA BELAS**

[Perkara 113, 116, 117]

***Peruntukan yang berhubungan dengan Persempadanan
Bahagian-Bahagian Pilihan Raya*****BAHAGIAN I****PENETAPAN DAN PRINSIP YANG BERHUBUNGAN
DENGAN PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN
PILIHAN RAYA**

1. Sehingga diubah mengikut peruntukan Jadual ini, bahagian-bahagian pilihan raya bagi memilih ahli-ahli ke Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Undangan Negeri hendaklah bahagian-bahagian pilihan raya yang mula-mula digunakan bagi pilihan raya ke Dewan Rakyat atau Dewan Undangan, mengikut mana-mana yang berkenaan, menurut Perlembagaan ini atau Akta Malaysia.
2. Prinsip yang berikut hendaklah seboleh-bolehnya diambil kira dalam membahagikan mana-mana unit kajian semula kepada bahagian-bahagian pilihan raya menurut peruntukan Perkara 116 dan 117—
 - (a) di samping mengambil perhatian tentang wajarnya semua pemilih diberi peluang yang semunasabahnya mudah untuk pergi mengundi, bahagian-bahagian pilihan raya patutlah disempadankan supaya tidak merentasi sempadan Negeri dan patutlah juga diberikan perhatian kepada kesulitan bahagian pilihan raya Negeri merentasi sempadan bahagian-bahagian pilihan raya persekutuan;
 - (b) perhatian patutlah diberikan kepada kemudahan pentadbiran yang boleh didapati di dalam bahagian pilihan raya itu bagi mengadakan jentera pendaftaran dan pengundian yang perlu;
 - (c) bilangan pemilih di dalam setiap bahagian pilihan raya di dalam sesuatu Negeri patutlah lebih kurang sama banyak kecuali bahawa, dengan mengambil kira kesulitan yang lebih besar untuk sampai kepada pemilih di dalam daerah desa dan kesukaran lain yang dihadapi oleh bahagian-bahagian pilihan raya di luar bandar, ukuran pewajaran bagi kawasan patutlah diberikan kepada bahagian-bahagian pilihan raya itu;
 - (d) perhatian patutlah diberikan kepada kesulitan yang akan timbul dengan perubahan bahagian-bahagian pilihan raya, dan kepada pemeliharaan hubungan tempatan.
3. Bagi maksud Bahagian ini, bilangan pemilih hendaklah dikira sebagai bilangan yang ditunjukkan dalam daftar pemilih semasa.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kedua Belas

Jadual ini dimansuhkan oleh Akta 25/1963, seksyen 8, berkuat kuasa dari 29-08-1963 dan berbunyi seperti yang berikut:

“JADUAL KEDUA BELAS

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PERJANJIAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948 SEBAGAIMANA YANG TERPAKAI BAGI MAJLIS UNDANGAN SELEPAS HARI MERDEKA

	<i>Peruntukan Perjanjian</i>			<i>Ubah Suaian</i>
Fasal 36	Dalam subfasal (2), potong perkataan “two <i>ex officio</i> members” dan gantikan perkataan “thirty-three” dengan “thirty-five”.
Fasal 36A	Dalam subfasal (1) dan (3), potong perkataan “with the concurrence of Their Highnesses the Rulers”.
Fasal 38	Gantikan perkataan selepas “Malay States” dengan perkataan “and the two Chief Ministers of Malacca and Penang”.
Fasal 39	Gantikan perkataan “eight” dengan perkataan “ten”.
Fasal 40	Potong perkataan dari “who the High Commissioner” hingga “proceedings of the Council” dalam subfasal (1) dan perkataan dari “and who the High Commissioner” hingga “proceedings of the Council” dalam subfasal (2).
Fasal 40A	Dalam subfasal (1), potong perkataan dari “and who are able” hingga ke hujung subfasal itu. Dalam subfasal (2), gantikan perkataan “from time to time in force in the Federation” dengan perkataan “in force in the Federation immediately before Merdeka Day”.
Fasal 41	—
Subfasal (2) dan (3) Fasal 41A	Dalam subfasal (3), potong perkataan “who is not entitled to be so registered under the provisions of Clause 41B of this Agreement or”.
Fasal 41C	—
Fasal 42, selain subfasal (3)	—

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Kedua Belas—(samb.)

	<i>Peruntukan Perjanjian</i>			<i>Ubah Suaian</i>
Fasal 43	Dalam subfasal (1), potong perkataan “ <i>ex officio</i> or” dan perenggan (a), (b) dan (c). Dalam subfasal (5), gantikan perkataan dari “of a Malay State” hingga “of any Settlement” dengan perkataan “or Chief Minister of a State”; dan gantikan perkataan dari “such other Member” hingga ke hujung subfasal itu dengan perkataan “such other person as the Menteri Besar or Chief Minister may nominate”.
Fasal 43A, selain subfasal (3)	—
Fasal 45A	—
Fasal 46	—
Fasal 51	Potong perkataan “and Their Highnesses the Rulers of the Malay States” dan proviso.
Fasal 53	—
Fasal 54, selain subfasal (2) dan (6)	Dalam subfasal (1), potong perkataan “the assent of Their Highnesses the Rulers and either” dan semua perkataan selepas “High Commissioner” hingga ke hujung subfasal itu. Dalam subfasal (3), potong perkataan dari “according to” hingga “Secretary of State” dan perkataan selepas “refuses to assent thereto”. Dalam subfasal (5), potong perkataan “and The Highness the Rulers”.
Fasal 56	Potong perkataan “the rights of His Majesty, His Heirs and Successors, or”.
Fasal 57	Gantikan perkataan “and Their Highnesses the Rulers for their assent” dengan perkataan “for his assent”.
Fasal 58	—
Fasal 59	—
Fasal 60	—
Fasal 61, selain subfasal (4)	Dalam subfasal (1), potong perkataan “with the assent of Their Highnesses the Rulers”. Dalam subfasal (2), masukkan selepas perkataan “at any time” perkataan “after the first day of January, 1959”.
Fasal 61A	—
Subfasal (1) Fasal 62	—
Fasal 64	—
Dalam Jadual Pertama Borang V	—
Jadual Ketujuh	— ”.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Ketiga Belas

1. Jadual ini ditambahkan oleh Akta 14/1962, seksyen 31, berkuat kuasa dari 21-06-1962.

Seksyen 1

Perkataan “yang digunakan untuk pilihan raya yang pertama kepada Parlimen atau Dewan Undangan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, menurut peruntukan Perkara 171” digantikan dengan “yang mula-mula digunakan bagi pilihan raya ke Dewan Rakyat atau Dewan Undangan, mengikut mana-mana yang berkenaan, menurut Perlembagaan ini atau Akta Malaysia” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Seksyen 2

Perkataan “Persekutuan dan Negeri-Negeri” digantikan dengan “mana-mana unit kajian semula” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Perenggan 2(a)

Perkataan “dan patutlah juga diberikan kepada kesulitan bahagian pilihan raya Negeri merentasi sempadan bahagian-bahagian pilihan raya persekutuan” ditambahkan oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Perenggan 2(c)

1. Perkataan “seluruh unit ulang kaji” dimasukkan selepas “lebih kurang sama banyaknya” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. Perkataan “bilangan pemilih-pemilih dalam tiap-tiap satu bahagian pilihan raya patutlah lebih kurang sama banyaknya di seluruh unit ulang kaji” digantikan dengan “bilangan pemilih-pemilih dalam tiap-tiap satu bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri patutlah lebih kurang sama banyaknya” oleh Akta A206, subseksyen 15(1), berkuat kuasa dari 23-08-1973.

Perenggan 2(d)

Perkataan “dan kepada pemeliharaan hubungan tempatan” menggantikan “dan bagi mana-mana hubungan tempatan yang boleh diputuskan oleh perubahan itu” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

3A. Bagi maksud Bahagian ini, dalam apa-apa kajian semula bahagian-bahagian pilihan raya bagi maksud pilihan raya ke Dewan Rakyat, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya hendaklah setiap satunya dikira sebagai suatu Negeri.

BAHAGIAN II

TATACARA BAGI PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA

4. Jika Suruhanjaya Pilihan Raya telah memutuskan buat sementara untuk membuat syor di bawah Fasal (2) Perkara 113 yang menyentuh mana-mana bahagian pilihan raya, Suruhanjaya hendaklah memberitahu Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Perdana Menteri dengan sewajarnya, dan hendaklah menyiarkan dalam *Warta* dan dalam sekurang-kurangnya satu akhbar yang diedarkan di dalam bahagian pilihan raya itu suatu notis yang menyatakan—

- (a) kesan syor yang dicadangkan olehnya, dan (kecuali dalam hal jika Suruhanjaya bercadang untuk mengesyorkan bahawa tiada perubahan dibuat berkenaan dengan bahagian pilihan raya itu) bahawa suatu salinan syornya terbuka untuk diperiksa di suatu tempat tertentu di dalam bahagian pilihan raya itu; dan
- (b) bahawa representasi mengenai syor yang dicadangkan itu boleh dibuat kepada Suruhanjaya dalam masa satu bulan selepas penyiaran notis itu,

dan Suruhanjaya hendaklah mempertimbangkan apa-apa representasi yang dibuat dengan sewajarnya mengikut mana-mana notis itu.

5. Jika, apabila tersiernya notis di bawah seksyen 4 mengenai sesuatu syor yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya bagi mengubah mana-mana bahagian pilihan raya, Suruhanjaya menerima apa-apa representasi membantah syor yang dicadangkan itu daripada—

- (a) Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak berkuasa tempatan yang keseluruhan atau sebahagian kawasannya termasuk di dalam bahagian-bahagian pilihan raya yang tersentuh oleh syor itu; atau
- (b) sekumpulan orang seramai satu ratus orang atau lebih yang nama mereka ditunjukkan dalam daftar pemilih semasa bagi bahagian-bahagian pilihan raya yang berkenaan,

maka Suruhanjaya hendaklah menyebabkan suatu siasatan tempatan diadakan berkenaan dengan bahagian-bahagian pilihan raya itu.

6. Berhubung dengan apa-apa siasatan yang diadakan di bawah seksyen 5 Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah mempunyai segala kuasa yang diberikan kepada Pesuruhjaya oleh Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [*Akta 119*].

7. Jika Suruhanjaya Pilihan Raya menyemak apa-apa syor yang dicadangkan selepas menyiarkan suatu notis mengenainya di bawah seksyen 4, maka Suruhanjaya hendaklah sekali lagi mematuhi seksyen itu berhubung dengan syor yang disemak itu, seolah-olah tiada notis dahulunya telah disiarkan:

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Ketiga Belas—(samb.)

Seksyen 3A

1. Seksyen ini dimasukkan oleh Akta A206, subseksyen 15(2), berkuat kuasa dari 23-08-1973.
2. Perkataan “Wilayah Persekutuan hendaklah dikira sebagai suatu Negeri” digantikan dengan “Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan Labuan, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah masing-masing dikira sebagai suatu Negeri.” oleh Akta A585, seksyen 20, berkuat kuasa dari 16-04-1984.
3. Perkataan “atau Wilayah Persekutuan Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan,” digantikan dengan “, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya” oleh Akta A1095, seksyen 21, berkuat kuasa dari 01-02-2001.

Seksyen 6

Perkataan “Ordinan” digantikan dengan “Akta” oleh Akta 1, subseksyen 14(2).

Dengan syarat bahawa tidaklah perlu diadakan lebih daripada dua siasatan tempatan berkenaan dengan mana-mana syor itu.

8. Setelah selesai menjalankan tatacara yang ditetapkan oleh Bahagian ini, Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah mengemukakan kepada Perdana Menteri suatu laporan mengenai bahagian-bahagian pilihan raya yang menunjukkan—

- (a) bahagian-bahagian pilihan raya yang kepadanya disyorkan olehnya supaya setiap unit kajian semula patut dibahagikan untuk melaksanakan prinsip yang dinyatakan dalam seksyen 2; dan
- (b) nama-nama yang dengannya disyorkan olehnya bahagian-bahagian pilihan raya itu hendaklah dikenali,

atau menyatakan bahawa pada pendapatnya tiada perubahan dikehendaki dibuat untuk melaksanakan prinsip tersebut.

9. Dengan seberapa segera yang boleh selepas Suruhanjaya Pilihan Raya mengemukakan laporannya kepada Perdana Menteri di bawah seksyen 8, Perdana Menteri hendaklah membentangkan laporan itu di hadapan Dewan Rakyat, bersama dengan (kecuali dalam hal jika laporan itu menyatakan bahawa tiada perubahan dikehendaki dibuat) draf suatu Perintah yang akan dibuat di bawah seksyen 12 bagi melaksanakan, dengan atau tanpa ubah suaian, syor yang terkandung dalam laporan itu.

10. Jika mana-mana draf Perintah yang disebut dalam seksyen 9 diluluskan oleh Dewan Rakyat melalui ketetapan yang disokong dengan undi sebanyak tidak kurang daripada setengah daripada jumlah bilangan ahli Dewan itu, maka Perdana Menteri hendaklah mengemukakan draf Perintah itu kepada Yang di-Pertuan Agong.

11. Jika usul bagi meluluskan mana-mana draf Perintah yang disebut dalam seksyen 9 ditolak oleh Dewan Rakyat, atau ditarik balik dengan kebenaran Dewan itu, atau tidak disokong dengan undi sebanyak tidak kurang daripada setengah daripada jumlah bilangan ahli Dewan itu, maka Perdana Menteri boleh, selepas mengadakan apa-apa rundingan yang difikirkannya perlu dengan Suruhanjaya Pilihan Raya, meminda draf itu dan membentangkan draf yang dipinda itu di hadapan Dewan Rakyat; dan jika draf sebagaimana yang dipinda sedemikian diluluskan oleh Dewan itu melalui suatu ketetapan yang disokong dengan undi sebanyak tidak kurang daripada setengah daripada jumlah bilangan ahli Dewan itu, maka Perdana Menteri hendaklah mengemukakan draf yang dipinda itu kepada Yang di-Pertuan Agong.

12. Jika draf sesuatu Perintah dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong di bawah Bahagian ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah membuat suatu Perintah mengikut kehendak draf yang dikemukakan kepadanya itu, dan Perintah itu hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalamnya:

Dengan syarat bahawa permulaan kuat kuasa mana-mana Perintah sedemikian tidaklah menyentuh mana-mana pilihan raya ke Dewan Rakyat atau Dewan Undangan sehingga pembubaran yang berikutnya Parlimen atau Dewan Undangan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang berlaku pada atau selepas tarikh itu.

Perlembagaan Persekutuan

CATATAN

Jadual Ketiga Belas—(samb.)

Seksyen 8

Lihat seksyen 9.

Perenggan 8(a)

Perkataan “Persekutuan dan setiap Negeri” digantikan dengan “setiap unit kajian semula” yang terdapat di baris dua oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.

Seksyen 9: Lihat seksyen 10 & 11.

Seksyen 10 & 11: Lihat Per. 62(3).

Seksyen 12

1. Perkataan “sehingga suatu proklamasi dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 55 memanggil suatu Parlimen baru” digantikan dengan “ke Dewan Rakyat atau Dewan Undangan sehingga pembubaran yang berikutnya akan Parlimen atau Dewan Undangan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang berlaku pada atau selepas tarikh itu” oleh Akta 26/1963, seksyen 70, berkuat kuasa dari 16-09-1963.
2. *Lihat seksyen 9.*

SENARAI PINDAAN

**SENARAI PERKARA
YANG DIPINDA**

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Ord. 42/1958	Ordinan Perlembagaan (Pindaan Sementara) 1958	05-12-1958
Akta 10/1960	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1960	31-05-1960 kecuali s.13 dan perenggan 17(<i>d</i>): 31-08-1957; s.31: 08-08-1960; s.3: 11-09-1960; s.2, 33 dan 35: 01-12-1960; s.22, 24 dan perenggan 27(<i>a</i>) dan (<i>c</i>): 01-04-1961; s.26: 16-09-1963
Akta 14/1962	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1962	s.8, 13, 24 dan 30: 31-08-1957; s.32 (perenggan 14 Jadual: 01-12-1960; s.12, 14, 15, 17 hingga 23, 28, 29, dan 34, s.32 (subsubperenggan (<i>c</i>) perenggan 1 Jadual dan perenggan 4 hingga perenggan 11 Jadual): 21-06-1962; s.16, 25 dan 33: 15-07-1962; s.2, 3, 4, 6, 9, 10, 11, 26 dan 27, s.32 (perenggan 3 dan 12 Jadual): 01-10-1962; s.5, s.32 (subsubperenggan (<i>a</i>) dan (<i>b</i>) perenggan 1 Jadual): 01-07-1963; s.7, s.32 (perenggan 2 Jadual): 01-02-1964; s.32 (perenggan 13 Jadual): 16-09-1963
Akta 25/1963	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1963	29-08-1963 kecuali s.2 dan 5: 31-08-1957; s.7: 01-01-1958
Akta 26/1963	Akta Malaysia	16-09-1963 kecuali s.37: 31-08-1957
Akta 19/1964	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1964	30-07-1964 kecuali s.5 16-09-1963; s.4: 01-01-1965

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta 31/1965	Akta Perlembagaan dan Akta Malaysia (Pindaan) 1965	01-07-1965 kecuali Bahagian I Jadual Pertama dan Jadual Kedua: 16-09-1963; Bahagian II Jadual Pertama-pindaan Perkara 132 Perlembagaan-Melaka: 01-05-1960; dan Pulau Pinang: 01-11-1959
Akta 53/1965	Akta Perlembagaan dan Malaysia (Pindaan Singapura) 1965	09-08-1965
Akta 59/1966	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1966	19-09-1966 kecuali Jadual (pindaan Perkara 1, 3, 14, 15, 16, 16A, 18, 19, 19A, 26A, 28A, 30, 30A, 30B, 42, 46, 88, 95B, 95D, 95E, 112A, 112B, 112E, 113, 121, 122A, 122B, 146B, 146C(1), 159, 160, 161F-161H, 169, Jadual Kedua, Jadual Kelapan (s.23) dan Jadual Kesembilan: 09-08-1965; Jadual (pindaan Perkara 71): 16-09-1963; Jadual (pindaan Jadual Kesepuluh: 01-01-1963
Akta 68/1966	Akta Darurat (Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Sarawak) 1966	20-09-1966
Akta 27/1968	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1968	09-09-1968
Akta A1	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1969	18-11-1968
P.U. (B) 83/1969	Ketetapan menurut Perkara 122A(1)	10-04-1969
P.U. (A) 146/1969	Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 1969	15-05-1969
P.U. (A) 170/1969	Ordinan No. 3 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1969	15-05-1969

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. (A) 143/1970	Ordinan No. 32 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970	12-05-1970
Akta A30	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1971	10-03-1971
Akta A31	Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1971	24-03-1971 kecuali s.4: 19-09-1966
Akta A193	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1973	05-05-1973 kecuali s.2, 3, 4 dan 5: 01-01-1974
Akta A206	Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973	Bahagian I dan Jadual: 01-02-1974; Bahagian II dan III: 23-08-1973
Akta 160	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975
Akta A335	Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1976	01-02-1974
Akta A354	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1976	27-08-1976 kecuali s.48: 01-01-1976
Akta A392	Akta Pemberian Ikut Kepala 1977	01-01-1976
Akta A442	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1978	31-12-1978
Akta A514	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1981	15-05-1981 kecuali s.19: 27-08-1976
P.U. (A) 114/1982	Perintah Keanggotaan Mahkamah Persekutuan (Hakim-Hakim) 1982	01-05-1982
Akta A566	Akta Perlembagaan	16-12-1983 (Pindaan) 1983 kecuali s.15, 16, 17: 01-01-1985; s.2: 01-02-1974

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A584	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1984	20-01-1984 kecuali s.4: 16-12-1983
Akta A585	Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984	Bahagian III: 14-04-1984 kecuali s.24: 01-02-1974; Bahagian I dan Bahagian II: 16-04-1984
Akta A631	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1985	24-02-1986
Akta A704	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988	10-06-1988
Akta A767	Akta Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1990	11-05-1990
P.U. (A) 149/1990	Perintah Keanggotaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam 1990	15-06-1990
P.U. (A) 150/1990	Perintah Keanggotaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam 1990	15-06-1990
Akta A837	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992	20-11-1992
Akta 503	Akta Pemberian Ikut Kepala 1993	01-01-1992
Akta A848	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1993	30-03-1993
Akta A849	Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1993	16-07-1993 kecuali s.2 dan 4: 20-11-1992
Akta A857	Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 1993	20-08-1993
Akta A885	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1994	24-06-1994

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A919	Akta Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1995	21-07-1995
Akta A945	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1996	07-06-1996
Akta A1095	Akta Perlembagaan (Pindaan) 2001	01-02-2001
Akta A1130	Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2001	28-09-2001
P.U. (A) 169/2001	Perintah Keanggotaan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan 2001	01-03-2001
P.U. (A) 378/2001	Perintah Keanggotaan Mahkamah Rayuan 2001	01-01-2002
Akta 622	Akta Pemberian Mengikut Bilangan Orang 2002	01-01-2002
Akta A1198	Akta Perlembagaan (Pindaan) 2003	15-08-2003
Akta A1239	Akta Perlembagaan (Pindaan) 2005	21-03-2005 kecuali perenggan 5(a): 31-01-2007
P.U. (A) 229/2005	Perintah Keanggotaan Mahkamah Persekutuan 2005	02-06-2005
Akta A1260	Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2005	19-01-2006 kecuali perenggan 3(b): 10-10-2003
P.U. (A) 384/2006	Perintah Keanggotaan Mahkamah Tinggi (Hakim) 2006	01-10-2006
P.U. (A) 385/2006	Perintah Keanggotaan Mahkamah Rayuan 2006	01-10-2006

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A1320	Akta Perlembagaan (Pindaan) 2007	27-12-2007
P.U. (A) 163/2009	Perintah Keanggotaan Mahkamah Persekutuan 2009	01-05-2009
P.U. (A) 164/2009	Perintah Keanggotaan Mahkamah Rayuan 2009	01-05-2009

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

SENARAI PERKARA YANG DIPINDA

Perkara	Kuasa meminda	Tarikh kuat kuasa
1	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	09-08-1965
	Akta A206	01-02-1974
	Akta A354	27-08-1976
	Akta A566	01-02-1974
	Akta A585	16-04-1984
	Akta A1095	01-02-2001
3	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	09-08-1965
	Akta A206	01-02-1974
	Akta A354	27-08-1976
	Akta A585	16-04-1984
	Akta A1095	01-02-2001
4	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A885	24-06-1994
5	Akta A354	31-08-1957
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A704	10-06-1988
6	Akta A354	27-08-1976
	Akta A1130	28-09-2001
8	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A1130	28-09-2001
9	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 19/1964	30-07-1964
	Akta 59/1966	19-09-1966
10	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A30	10-03-1971
11	Akta A206	01-02-1974
	Akta A585	16-04-1984
	Akta A1095	01-02-2001
12	Akta 25/1963	31-08-1957
	Akta A354	27-08-1976
14	Akta 14/1962	01-10-1962
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	09-08-1965
15	Akta 10/1960	01-12-1960
	Akta 14/1962	01-10-1962

Perkara	Kuasa meminda	Tarikh kuat kuasa
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	09-08-1965
	Akta A514	27-08-1976
15A	Akta 14/1962	01-10-1962
16	Akta 10/1960	01-12-1960
	Akta 25/1963	29-08-1963
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	09-08-1965
16A	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	09-08-1965
	Akta A514	27-08-1976
17	Akta 10/1960	01-12-1960
	Akta 14/1962	01-07-1963
18	Akta 14/1962	01-07-1963
	Akta 25/1963	29-08-1963
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	09-08-1965
19	Akta 14/1962	01-10-1962
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	09-08-1965
	Akta 354	27-08-1976
19A	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	09-08-1965
20	Akta 14/1962	01-02-1964
	Akta 26/1963	16-09-1963
21	Akta 14/1962	01-02-1964
	Akta 26/1963	16-09-1963
22	Akta 26/1963	16-09-1963
23	Akta 10/1960	01-12-1960
	Akta 14/1962	31-08-1957
24	Akta 14/1962	01-10-1962
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A354	27-08-1976
25	Akta 14/1962	01-10-1962
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A354	27-08-1976
26	Akta 14/1962	01-10-1962
	Akta 19/1964	30-07-1964
26A	Akta 14/1962	01-10-1962
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	09-08-1965
26B	Akta 14/1962	01-10-1962

Perkara	Kuasa meminda	Tarikh kuat kuasa
28	Akta 26/1963	16-09-1963
28A	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	09-08-1965
	Akta A354	27-08-1976
	Akta A514	27-08-1976
30	Akta 10/1960	01-12-1960
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	09-08-1965
30A	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	09-08-1965
30B	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	09-08-1965
31	Akta 26/1963	16-09-1963
32	Akta A354	27-08-1976
	Akta A848	30-03-1993
33	Akta A354	27-08-1976
33A	Akta A848	30-03-1993
34	Ord. 42/1958	05-12-1958
	Akta 10/1960	11-09-1960
	Akta A354	27-08-1976
35	Akta 14/1962	21-06-1962
	Akta 19/1964	01-01-1965
	Akta A354	27-08-1976
37	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A354	27-08-1976
	Akta A566	01-01-1985
	Akta A885	24-06-1994
38	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A354	27-08-1976
	Akta A514	27-08-1976
	Akta A848	30-03-1993
39	Akta 14/1962	31-08-1957
40	Akta A31	24-03-1971
	Akta A885	24-06-1994
42	Akta 10/1960	31-05-1960
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	09-08-1965
	Akta A206	01-02-1974
	Akta A354	27-08-1976
	Akta A514	15-05-1981
	Akta A585	16-04-1984
	Akta A848	30-03-1993
Akta A1095	01-02-2001	

Perkara	Kuasa meminda	Tarikh kuat kuasa
43	Akta 10/1960 Akta A857	31-05-1960 20-08-1993
43A	Akta 10/1960 Akta A31 Akta A566 Akta A885	31-05-1960 24-03-1971 16-12-1983 24-06-1994
43B	Akta 19/1964 Akta A31 Akta A566	16-09-1963 24-03-1971 16-12-1983
43C	Akta 19/1964	16-09-1963
45	Akta 26/1963 Akta 19/1964 Akta A442 Akta A514 Akta A585 Akta A1095 Akta A1130	16-09-1963 30-07-1964 31-12-1978 15-05-1981 16-04-1984 01-02-2001 28-09-2001
46	Akta 14/1962 Akta 26/1963 Akta 59/1966 Akta A206 Akta A566 Akta A585 Akta A631 Akta A837 Akta A945 Akta A1095 Akta A1198 Akta A1260	21-06-1962 16-09-1963 09-08-1965 23-08-1973 16-12-1983 16-04-1984 24-02-1986 20-11-1992 07-06-1996 01-02-2001 15-08-2003 19-01-2006
48	Akta 10/1960 Akta 26/1963 Akta A354 Akta A514 Akta A566 Akta A767	31-05-1960 16-09-1963 27-08-1976 27-08-1976 16-12-1983 11-05-1990
50	Akta 25/1963	29-08-1963
52	Akta A514	15-05-1981
53	Akta 26/1963 Akta A566	16-09-1963 16-12-1983
54	Akta 26/1963 Akta 31/1965 Akta 59/1966 Akta A1 Akta A31 Akta A354 Akta A585 Akta A857	16-09-1963 01-07-1965 19-09-1966 18-11-1968 24-03-1971 27-08-1976 14-04-1984 20-08-1993

Perkara	Kuasa meminda	Tarikh kuat kuasa
55	Akta 59/1966	19-09-1966
	Ord. 1/1969	15-05-1969
	Ord. 32/1970	12-05-1970
	Akta A354	27-08-1976
	Akta A514	27-08-1976
	Akta A585	14-04-1984
	Akta A885	24-06-1994
56	Akta 10/1960	31-05-1960
	Akta A514	15-05-1981
	Akta A566	16-12-1983
	Akta A1130	28-09-2001
57	Akta 10/1960	31-05-1960
	Akta 19/1964	30-07-1964
	Akta A514	15-05-1981
	Akta A566	16-12-1983
	Akta A1130	28-09-2001
58	Akta A566	16-12-1983
59	Akta A566	16-12-1983
61	Akta 10/1960	31-05-1960
	Akta A31	24-03-1971
	Akta A631	24-02-1986
62	Akta 14/1962	21-06-1962
	Akta 19/1964	30-07-1964
63	Akta A30	10-03-1971
	Akta A848	30-03-1993
65	Akta A354	31-08-1957
	Akta 14/1962	21-06-1962
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A566	01-01-1985
	Akta A837	20-11-1992
	Akta A885	24-06-1994
	Akta A1130	28-09-2001
66	Akta A566	16-12-1983
	Akta A584	20-01-1984
	Akta A885	24-06-1994
67	Akta 14/1962	15-07-1962
70	Akta A354	27-08-1976
	Akta A514	27-08-1976
71	Akta 25/1963	29-08-1963
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	16-09-1963
	Akta A354	27-08-1976
	Akta A514	27-08-1976
72	Akta A30	10-03-1971
	Akta A848	30-03-1993

Perkara	Kuasa meminda	Tarikh kuat kuasa
74	Akta 25/1963	31-08-1957
76	Akta 10/1960 Akta 14/1962 Akta 26/1963 Akta A354	31-05-1960 21-06-1962 16-09-1963 27-08-1976
76A	Akta 26/1963	31-08-1957
80	Akta 26/1963 Akta A566 Akta A885	16-09-1963 01-01-1985 24-06-1994
83	Akta A704	10-06-1988
84	Akta A704	10-06-1988
85	Akta A704	10-06-1988
86	Akta A585 Akta A704	14-04-1984 10-06-1988
87	Akta 26/1963 Akta A566 Akta A885	16-09-1963 01-01-1985 24-06-1994
88	Akta 26/1963 Akta 59/1966 Akta A354 Akta 514	16-09-1963 09-08-1965 27-08-1976 27-08-1976
89	Akta 26/1963 Akta A514 Akta A585 Akta A1095	16-09-1963 15-05-1981 01-02-1974 01-02-2001
90	Akta A566	16-12-1983
91	Akta 26/1963 Akta A354	16-09-1963 27-08-1976
95A	Akta 10/1960 Akta 26/1963 Akta A354	31-05-1960 16-09-1963 27-08-1976
95B	Akta 26/1963 Akta 59/1966 Akta A514	16-09-1963 09-08-1965 27-08-1976
95C	Akta 26/1963 Akta 31/1965	16-09-1963 16-09-1963
95D	Akta 26/1963 Akta 59/1966 Akta A514	16-09-1963 09-08-1965 27-08-1976
95E	Akta 26/1963 Akta 59/1966 Akta A514	16-09-1963 09-08-1965 27-08-1976

Perkara	Kuasa meminda	Tarikh kuat kuasa
97	Akta A206	01-02-1974
	Akta A354	27-08-1976
	Akta A585	16-04-1984
	Akta A1095	01-02-2001
99	Akta 14/1962	21-06-1962
	Akta A354	27-08-1976
100	Akta A354	27-08-1976
101	Akta A354	27-08-1976
105	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A566	01-01-1985
	Akta A885	24-06-1994
106	Akta A354	27-08-1976
107	Akta A354	27-08-1976
108	Akta 14/1962	21-06-1962
	Akta A354	27-08-1976
109	Akta 25/1963	29-08-1963
110	Akta 14/1962	21-06-1962
111	Akta A354	27-08-1976
112	Akta 160	29-08-1975
	Akta A354	27-08-1976
112A	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	09-08-1965
	Akta A354	27-08-1976
	Akta A514	27-08-1976
112B	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	09-08-1965
	Akta A514	27-08-1976
112C	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A354	27-08-1976
	Akta A514	27-08-1976
112D	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A514	27-08-1976
112E	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	09-08-1965
113	Akta 14/1962	21-06-1962
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	09-08-1965
	Akta A206	23-08-1973
	Akta A354	27-08-1976
	Akta A514	27-08-1976

Perkara	Kuasa meminda	Tarikh kuat kuasa
	Akta A585	14-04-1984; 16-04-1984
	Akta A837	20-11-1992
	Akta A849	20-11-1992
	Akta A1095	01-02-2001
114	Akta 10/1960	31-08-1957
	Akta 14/1962	21-06-1962
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A354	27-08-1976
	Akta A514	15-05-1981
	Akta A566	16-12-1983
	Akta A885	24-06-1994
	Akta A1130	28-09-2001
	Akta A1320	27-12-2007
115	Akta 14/1962	21-06-1962
	Akta 26/1963	16-09-1963
116	Akta 14/1962	21-06-1962
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A206	23-08-1973
117	Akta 14/1962	21-06-1962
118	Akta 25/1963	29-08-1963
	Akta 26/1963	16-09-1963
118A	Akta 31/1965	01-07-1965
	Akta A704	10-06-1988
119	Akta 10/1960	31-05-1960
	Akta A1130	28-09-2001
120	Akta 31/1965	01-07-1965
121	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	09-08-1965
	Akta A354	27-08-1976
	Akta A514	27-08-1976
	Akta A566	01-01-1985
	Akta A704	10-06-1988
	Akta A885	24-06-1994
	Akta A1260	10-10-2003;
		19-01-2006
122	Akta 10/1960	31-05-1960
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 31/1965	01-07-1965
	Akta A354	27-08-1976
	P.U. (A) 114/1982	01-05-1982
	Akta A566	01-01-1985
	Akta A885	24-06-1994
	Akta A1239	21-03-2005
	P.U. (A) 229/2005	02-06-2005
	P.U. (A) 163/2009	01-05-2009

Perkara	Kuasa meminda	Tarikh kuat kuasa
122A	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	09-08-1965
	P.U. (B) 83/1969	10-04-1969
	Akta A354	27-08-1976
	Akta A566	01-01-1985
	Akta A885	24-06-1994
	P.U. (A) 378/2001	01-01-2002
	P.U. (A) 385/2006	01-10-2006
	P.U. (A) 164/2009	01-05-2009
122AA	Akta A885	24-06-1994
	P.U. (A) 384/2006	01-10-2006
122B	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	09-08-1965
	Akta A354	27-08-1976
	Akta A514	27-08-1976
	Akta A566	01-01-1985
	Akta A885	24-06-1994
122AB	Akta A885	24-06-1994
122C	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A566	01-01-1985
	Akta A885	24-06-1994
123	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A566	01-01-1985
	Akta A885	24-06-1994
124	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A566	01-01-1985
	Akta A885	24-06-1994
	Akta A1260	19-01-2006
125	Akta 10/1960	31-05-1960
	Akta 14/1962	21-06-1962
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	19-09-1966
	Akta A31	19-09-1966
	Akta A566	01-01-1985
	Akta A885	24-06-1994
	Akta A1239	21-03-2005
	Akta A1260	19-01-2006
125A	Akta A354	27-08-1976
	Akta A566	01-01-1985
	Akta A885	24-06-1994
126	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A566	01-01-1985
	Akta A885	24-06-1994
127	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A566	01-01-1985
	Akta A885	24-06-1994

Perkara	Kuasa meminda	Tarikh kuat kuasa
128	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A354	27-08-1976
	Akta A566	01-01-1985
	Akta A885	24-06-1994
129	Akta 26/1963	16-09-1963
130	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A566	01-01-1985
	Akta A885	24-06-1994
131	Akta 25/1963	29-08-1963
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A566	01-01-1985
131A	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A566	01-01-1985
	Akta A885	24-06-1994
132	Akta 10/1960	31-08-1957; 31-05-1960
	Akta 31/1965	01-11-1959; 01-05-1960
	Akta 14/1962	21-06-1962
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A193	01-01-1974
	Akta A354	27-08-1976
	Akta A837	20-11-1992
	Akta A885	24-06-1994
	134	Akta A885
135	Akta 10/1960	31-05-1960
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 27/1968	09-09-1968
	Akta A31	24-03-1971
	Akta A193	01-01-1974
	Akta A354	27-08-1976
	Akta A442	31-12-1978
137	Akta 10/1960	31-05-1960
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A31	24-03-1971
	Akta A1130	28-09-2001
138	Akta 10/1960	31-05-1960
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A354	27-08-1976
	Akta A566	01-01-1985
	Akta A885	24-06-1994
139	Akta 10/1960	31-05-1960
	Akta 25/1963	29-08-1963
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	19-09-1966

Perkara	Kuasa meminda	Tarikh kuat kuasa
	Akta 27/1968	09-09-1968
	Akta A514	15-05-1981
	Akta A767	11-05-1990
	P.U. (A) 149/1990	15-06-1990
	Akta A885	24-06-1994
140	Akta 10/1960	01-04-1961
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A354	27-08-1976
	Akta A585	14-04-1984
141	Akta 10/1960	31-05-1960
	Akta A514	15-05-1981
141A	Akta A193	01-01-1974
	Akta A354	27-08-1976
	Akta A442	31-12-1978
	Akta A767	11-05-1990
	P.U. (A) 150/1990	15-06-1990
	P.U. (A) 169/2001	01-03-2001
142	Akta 10/1960	01-04-1961
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A514	15-05-1981
	Akta A566	16-12-1983
	Akta A704	10-06-1988
	Akta A885	24-06-1994
143	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A514	15-05-1981
	Akta A566	01-01-1985
	Akta A885	24-06-1994
144	Akta 10/1960	31-05-1960
	Akta 25/1963	29-08-1963
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	19-09-1966
	Akta A31	24-03-1971
	Akta A193	01-01-1974
	Akta A354	27-08-1976
145	Akta 10/1960	16-09-1963
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta A354	27-08-1976
	Akta A566	01-01-1985
	Akta A704	10-06-1988
	Akta A885	24-06-1994
146A	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 31/1965	01-07-1965
	Akta 59/1966	19-09-1966
	Akta A354	27-08-1976
146B	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	09-08-1965

Perkara	Kuasa meminda	Tarikh kuat kuasa
	Akta A354 Akta A514	27-08-1976 27-08-1976; 15-05-1981
146c	Akta 26/1963 Akta 59/1966 Akta A354 Akta A514	16-09-1963 09-08-1965; 19-09-1966 27-08-1976 27-08-1976; 15-05-1981
146D	Akta 26/1963 Akta A354 Akta A514	16-09-1963 27-08-1976 27-08-1976
148	Akta 10/1960 Akta 14/1962 Akta 26/1963 Akta 59/1966 Akta A354 Akta A566 Akta A885	31-05-1960; 01-04-1961 21-06-1962 16-09-1963 19-09-1966 27-08-1976 01-01-1985 24-06-1994
149	Akta 10/1960 Akta A442 Akta A514	31-05-1960 31-12-1978 15-05-1981
150	Akta 10/1960 Akta 26/1963 Akta 68/1966 Akta A354 Akta A514 Akta A566 Akta A584	31-05-1960 16-09-1963 20-09-1966 27-08-1976 27-08-1976; 15-05-1981 16-12-1983 20-01-1984
151	Akta 10/1960 Akta 26/1963 Akta A354 Akta A566 Akta A767 Akta A885	31-05-1960 16-09-1963 27-08-1976 01-01-1985 11-05-1990 24-06-1994
152	Akta 26/1963 Akta A30 Akta A566 Akta A885	16-09-1963 10-03-1971 01-01-1985 24-06-1994
153	Akta A30 Akta A354 Akta A514	10-03-1971 27-08-1976 27-08-1976

Perkara	Kuasa meminda	Tarikh kuat kuasa
154	Akta 10/1960	08-08-1960
155	Akta 14/1962	01-10-1962
158	Akta 26/1963 Akta A704	16-09-1963 10-06-1988
159	Akta 14/1962 Akta 25/1963 Akta 26/1963 Akta 59/1966 Akta A30 Akta A31	31-08-1957 29-08-1963 16-09-1963 09-08-1965 10-03-1971 24-03-1971
159A	Akta 26/1963 Akta 59/1966	16-09-1963 19-09-1966
160	Akta 14/1962 Akta 25/1963 Akta 26/1963 Akta 19/1964 Akta 31/1965 Akta 59/1966 Akta A31 Akta A354 Akta A566 Akta A885	15-07-1962; 01-10-1962; 16-09-1963 31-08-1957; 29-08-1963 16-09-1963 16-09-1963 01-07-1965 09-08-1965 24-03-1971 27-08-1976 01-01-1985 24-06-1994
160A	Akta A1130	28-09-2001
160B	Akta A1130	28-09-2001
161	Akta 25/1963 Akta 26/1963 Akta A354 Akta A514 Akta A566 Akta A885	29-08-1963 16-09-1963 27-08-1976 27-08-1976 01-01-1985 24-06-1994
161A	Akta 26/1963 Akta A30 Akta A354 Akta A514 Akta A585	16-09-1963 10-03-1971 27-08-1976 27-08-1976 16-04-1984
161B	Akta 26/1963 Akta A354 Akta A514 Akta A566 Akta A885	16-09-1963 27-08-1976 27-08-1976 01-01-1985 24-06-1994

Perkara	Kuasa meminda	Tarikh kuat kuasa
161C	Akta 26/1963 Akta A354	16-09-1963 27-08-1976
161D	Akta 26/1963 Akta A354	16-09-1963 27-08-1976
161E	Akta 26/1963 Akta A354 Akta A514 Akta A885	16-09-1963 27-08-1976 27-08-1976 24-06-1994
161F	Akta 26/1963 Akta 59/1966	16-09-1963 09-08-1965
161G	Akta 26/1963 Akta 59/1966	16-09-1963 09-08-1965
161H	Akta 26/1963 Akta 59/1966	16-09-1963 09-08-1965
162	Akta 25/1963 Akta A31	29-08-1963 24-03-1971
163	Akta 25/1963	29-08-1963
164	Akta 25/1963	29-08-1963
165	Akta 25/1963	29-08-1963
166	Akta 25/1963	29-08-1963
167	Akta 25/1963	29-08-1963
168	Akta 25/1963	29-08-1963
169	Akta 26/1963 Akta 59/1966 Akta A354 Akta 514	16-09-1963 09-08-1965 27-08-1976 27-08-1976
170	Akta 25/1963	29-08-1963
171	Akta 25/1963	29-08-1963
172	Akta 25/1963	29-08-1963
173	Akta 25/1963	29-08-1963
174	Akta 10/1960 Akta 26/1963	31-05-1960 16-09-1963
181	Akta A848	30-03-1993
182	Akta A848 Akta A885	30-03-1993 24-06-1994

Perkara	Kuasa meminda	Tarikh kuat kuasa
183	Akta A848	30-03-1993
Jadual Pertama	Akta 14/1962	01-10-1962
Jadual Kedua	Akta 10/1960 Akta 14/1962 Akta 26/1963 Akta 59/1966 Akta A354 Akta A514	01-12-1960 01-10-1960; 01-12-1960 16-09-1963 09-08-1965 27-08-1976 27-08-1976
Jadual Ketiga	Akta 25/1963 Akta A31 Akta A354	29-08-1963 24-03-1971 27-08-1976
Jadual Keempat	Akta 26/1963 Akta A354	16-09-1963 27-08-1976
Jadual Kelima	Akta 26/1963 Akta A31 Akta A354 Akta A514	16-09-1963 24-03-1971 27-08-1976 27-08-1976
Jadual Keenam	Akta 26/1963 Akta A885	16-09-1963 24-06-1994
Jadual Ketujuh	Akta 25/1963 Akta 31/1965 Akta A354 Akta A1130	29-08-1963 01-07-1965 27-08-1976 28-09-2001
Jadual Kelapan	Akta 14/1962 Akta 26/1963 Akta 19/1964 Akta 31/1965 Akta 59/1966 Akta 27/1968 Akta A1 Ord. 3/1969 Akta A31 Akta A193 Akta 160 Akta A354 Akta A514 Akta A566	21-06-1962 16-09-1963 30-07-1964 01-07-1965 09-08-1965; 19-09-1966 09-09-1968 18-11-1968 15-05-1969 24-03-1971 05-05-1973 29-08-1975 27-08-1976; 27-08-1976 15-05-1981 16-12-1983

Perkara	Kuasa meminda	Tarikh kuat kuasa
	Akta A584	16-12-1983; 20-01-1984
	Akta A585	14-04-1984
	Akta A767	11-05-1990
	Akta A848	30-03-1993
	Akta A849	16-07-1993
	Akta A857	20-08-1993
	Akta A885	24-06-1994
	Akta A919	21-07-1995
Jadual Kesembilan	Akta 25/1963	29-08-1963
	Akta 26/63	16-09-1963
	Akta 31/1965	01-07-1965
	Akta 59/1966	09-08-1965
	Akta A206	01-02-1974
	Akta A354	01-01-1976; 27-08-1976
	Akta A514	15-05-1981
	Akta A566	01-02-1974
	Akta A585	16-04-1984
	Akta A704	10-06-1988
	Akta A885	24-06-1994
	Akta A1095	01-02-2001
	Akta A1239	21-03-2005
Jadual Kesepuluh	Akta 14/1962	21-06-1962
	Akta 25/1963	01-01-1958; 29-08-1963
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 59/1966	01-01-1963
	Akta A392	01-01-1976
	Akta A354	27-08-1976
	Akta A514	15-05-1981
	Akta 503	01-01-1992
	Akta 622	01-01-2002
	Akta A1239	21-03-2005; 31-01-2007
Jadual Kesebelas	Akta 14/1962	31-08-1957
	Akta 25/1963	29-08-1963
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 31/1965	16-09-1963
	Akta A857	20-08-1993
	Akta A1130	28-09-2001
Jadual Kedua Belas	Akta 25/1963	29-08-1963

Perkara	Kuasa meminda	Tarikh kuat kuasa
Jadual Ketiga Belas	Akta 14/1962	21-06-1962
	Akta 26/1963	16-09-1963
	Akta 1	01-01-1969
	Akta A206	23-08-1973
	Akta A585	16-04-1984
	Akta A1095	01-02-2001

